

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PERKEMBANGAN NASIONALISME MELAYU DALAM
PARTI ISLAM SE-MALAYSIA, 1951-2021**

NOR AZIZUDDIN BIN ABDUL MANAN



**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2025**

**PERKEMBANGAN NASIONALISME MELAYU DALAM
PARTI ISLAM SE-MALAYSIA, 1951-2021**

NOR AZIZUDDIN BIN ABDUL MANAN (904628)



**Tesis ini diserahkan sebagai memenuhi syarat pengijazahan
Ijazah Doktor Falsafah (Sains Politik)
Universiti Utara Malaysia**



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PERAKUAN KERJA TESIS
(Certification of thesis)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

NOR AZIZUDDIN BIN ABDUL MANAN (904628)

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

DOKTOR FALSAFAH (SAINS POLITIK)

telah mengemukakan tesis yang bertajuk:
(has presented his/her thesis of the following title):

PERKEMBANGAN NASIONALISME MELAYU DALAM PARTI ISLAM SEMALAYSIA, 1951-2021

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis).

Bahawa tesis tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada **29 MEI 2025**

*That the said thesis is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **MAY 29, 2025***

Pengerusi Viva : **PROF. MADYA DR. BAKRI**
(Chairman for Viva) **MAT**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar : **PROF. MADYA DR. AZLIZAN**
(External Examiner) **MAT ENH (UKM)**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam : **DR. KAMARUL ZAMAN HAJI**
(Internal Examiner) **YUSOFF**

Tandatangan
(Signature)

Tarikh : **29 MEI 2025**
Date

Nama Pelajar : NOR AZIZUDDIN BIN ABDUL MANAN (904628)
(Name of Student)

Tajuk Tesis : PERKEMBANGAN NASIONALISME MELAYU DALAM PARTI
(Title of the Thesis) ISLAM SEMALAYSIA, 1951-2021

Program Pengajian : DOKTOR FALSAFAH (SAINS POLITIK)
(Programme of Study)

Penyelia Pertama : PROF. MADYA DR. MOHAMAD
(First Supervisor) ISKANDAR LEE
ABDULLAH

Tandatangan
(Signature)



Penyelia Kedua : PROF. MADYA DR. MOHD DINO KHAIRRI
(Second Supervisor) SHARIFUDDIN

Tandatangan
(Signature)



UUM
Universiti Utara Malaysia

KEBENARAN MENGGUNA

Dalam menyatakan tesis ini bagi memenuhi keperluan penganugerahan ijazah pascasiswazah dari Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM boleh menjadikannya bahan yang tersedia untuk rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk menyalin tesis ini dalam apa jua bentuk, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, bagi tujuan ilmiah boleh diberikan oleh Penyelia saya atau, sekiranya ketiadaan mereka, oleh Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG). Difahami bahawa sebarang penyalinan, penerbitan, atau penggunaan tesis ini, atau mana-mana bahagiannya, untuk tujuan keuntungan kewangan adalah tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Perlu difahami juga bahawa pengiktirafan sewajarnya hendaklah diberikan kepada saya dan kepada Universiti Utara Malaysia bagi sebarang penggunaan ilmiah yang dibuat daripada mana-mana bahan dalam tesis ini.

Permohonan untuk mendapatkan kebenaran bagi menyalin atau menggunakan mana-mana bahan daripada tesis ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan (Ghazali Shafie Graduate School of Government)

UUM College of law, Government and International Studies (UUM COLGIS)

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Universiti Utara Malaysia

ABSTRACT

This study analyses the development of Malay nationalism ideology within the Parti Islam Se-Malaysia (PAS) from 1951 to 2021, with a specific focus on the evolution of thought and party policies concerning Malay-Islam identity. The study aims to: (i) identify the elements of Malay nationalism from PAS's perspective; (ii) explain the role of party leadership in managing divergent views on Malay nationalism; and (iii) assess the significance of PAS as a political platform that upholds Malay-Islam aspirations. Methodologically, the study employs a qualitative approach through in-depth interviews with key party leaders as primary sources. Document analysis, including policy speeches, meeting minutes, and official party publications, is used as secondary data. Retrospective Theory is applied to examine the chronological development of Malay nationalism in PAS. The findings indicate that although PAS is predominantly Malay, the party has yet to achieve membership support levels comparable to UMNO. The concept of nationalism in PAS has developed through four key phases: the ideological formation phase (1951-1956), the ideological consolidation phase (1956-1982), the ideological separation phase (1982-2002), and the ideological absorption phase (2002-2021). This development shaped PAS's unique identity as an Islamic political party that simultaneously defends Malay interests. The study recommends that PAS strengthen its Malay-Islam narrative that is relevant to contemporary contexts, enhance political communication strategies, and empower party mechanisms to ensure the continuity of its struggle.

Keywords: PAS, Nationalism, Malay-Islam, Party Leadership, Malaysian politics

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis perkembangan ideologi nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dari tahun 1951 hingga 2021, dengan tumpuan khusus pada evolusi pemikiran dan dasar-dasar parti berkaitan identiti Melayu-Islam. Kajian ini bertujuan: (i) mengenal pasti elemen nasionalisme Melayu menurut perspektif PAS; (ii) menjelaskan peranan kepimpinan parti dalam menangani perbezaan pandangan mengenai nasionalisme Melayu; dan (iii) menilai signifikasi PAS sebagai wadah politik yang mempertahankan aspirasi Melayu-Islam. Dari segi metodologi, kajian mengaplikasikan pendekatan kualitatif melalui temu bual mendalam dengan pemimpin-pemimpin utama parti sebagai sumber primer. Analisis dokumen meliputi ucapan dasar, minit mesyuarat dan penerbitan rasmi parti digunakan sebagai sumber sekunder. Teori Retrospektif diaplikasikan untuk mengkaji perkembangan kronologi nasionalisme Melayu dalam PAS. Dapatan menunjukkan bahawa meskipun PAS didominasi oleh orang Melayu, parti ini masih belum mencapai tahap sokongan yang setanding dengan UMNO dari segi keahlian. Konsep nasionalisme dalam PAS telah berkembang melalui empat fasa penting: fasa pembentukan ideologi (1951-1956), fasa pembinaan ideologi (1956-1982), fasa pemisahan ideologi (1982-2002), dan fasa penyerapan ideologi (2002-2021). Perkembangan ini membentuk identiti unik PAS sebagai sebuah parti politik Islam yang turut mempertahankan kepentingan Melayu. Kajian ini mencadangkan agar PAS mengukuhkan naratif Melayu-Islam yang relevan dengan konteks kontemporari, mempertingkatkan strategi komunikasi politik, dan memperkasakan mekanisme parti bagi menjamin kelangsungan perjuangan parti.

Kata Kunci: PAS, Nasionalisme, Melayu-Islam, Kepimpinan parti, politik Malaysia

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia serta rahmat-Nya yang memungkinkan penyiapan penyelidikan ini sebagai sebahagian daripada pengajian Doktor Falsafah (Sains Politik) di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Dengan penuh hormat dan rendah hati, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia-penyelia saya yang mulia, iaitu Profesor Madya Dr. Muhammad Ainuddin Iskandar Lee Bin Abdullah, Penyelia Utama, dan Profesor Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin, Penyelia Bersama, dari School of International Studies (SOIS), UUM. Bimbingan dan nasihat mereka yang berilmu tinggi telah memperkukuh keteguhan ilmiah dan kualiti intelektual penyelidikan ini.

Penghargaan yang setulusnya ditujukan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Bin Awang, Presiden PAS dan Ahli Parlimen Marang, atas kepimpinan dan visi politik beliau yang menjadi panduan utama kajian ini. Penghargaan khusus juga kepada Yang Berbahagia Tuan Guru Dato' Haji Hashim Bin Jasin, Mursyidul Am PAS, serta Dato' Mustafa Bin Ali, Bekas Pengarah Pilihan Raya PAS Pusat, atas sumbangan strategik dan bimbingan rohani yang memperkayakan analisis penyelidikan.

Saya juga merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Syahir Bin Sulaiman, Ahli Parlimen Bachok dan Setiausaha Politik Presiden PAS; Encik Abdul Malik Bin Ab Razak, Setiausaha Media Presiden PAS; dan Encik Syed Ahmad Fadhli, Pegawai Penyelaras Ahli Parlimen PAS, atas kerjasama profesional dan sokongan nilai tambah dalam penyelarasan data serta dokumentasi penyelidikan.

Setinggi penghargaan akademik saya kepada Dr. Mohd Fadli Ghani, Bekas Pengarah Pusat Arkib PAS, dan Dr. Kamarul Zaman Bin Yusoff, Bekas Pengarah MAPAN UUM, atas pandangan kritikal, kerjasama ilmiah, dan perkongsian sumber yang memperkukuh hujah penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada Ustaz Syarhan Humaizi Abdul Halim, Pegawai Sumber Manusia Kanan Dewan Pemuda PAS Pusat, dan Yang Berhormat Ustaz Afnan Taib Azamuddin, Ahli Parlimen Alor Setar, atas sokongan dan dorongan berpanjangan.

Akhir sekali, setulus hati saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga tercinta khususnya isteri saya, Suhaili Binti Shamsudin, putera tunggal kami, Muhammad Abdullah Ihsan Bin Nor Azizuddin, dan bapa saya, Abdul Manan Bin Ismail, atas kasih sayang, doa dan sokongan tidak berbelah bagi yang menjadi sumber inspirasi dan kekuatan dalam menempuh liku-liku akademik ini. Semoga segala jasa dan budi yang dicurahkan oleh semua pihak dirahmati Allah SWT dan diganjar ganjaran pahala yang berlipat ganda, menjadi amal jariah yang kekal abadi.

Salam hormat, Nor Azizuddin Bin Abdul Manan

ISI KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNA	i
ABSTRACT	ii
ABSTRAK	iii
PENGHARGAAN	iv
JADUAL	x
RAJAH	xi
CARTA	xii
LAMPIRAN	xiii
SINGKATAN	xiv
BAB SATU	1
Pengenalan dan	1
Latar Belakang Kajian	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Permasalahan Kajian	9
1.2 Persoalan Kajian	12
1.3 Objektif Kajian	13
1.4 Skop Kajian	13
1.5 Definisi Operasional Kajian	14
1.6 Kerangka Teoritikal Kajian	17
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	20
1.9 Signifikan Kajian	21
1.10 Batasan Kajian	22
1.11 Kesimpulan	23
BAB DUA SOROTAN KARYA	25
2.0 Pendahuluan	25
2.1 Sejarah Perkembangan Nasionalisme Di Eropah : Dari Era Feudal kepada Revolusi Industri kemudian kepada Revolusi Perancis dan Kempen Perang Napoleon (1446-1914)	25
2.2 Perkembangan Nasionalisme Semasa Perang Dunia Pertama (1914-1918)	31
2.3 Kemuncak Hegemoni Nasionalisme Pasca Perang Dunia Kedua (1941-1945)	32

2.4 Pengaruh Dan Perkembangan Awal Nasionalisme Eropah Di Timur Tengah (1919-1924)	34
2.5 Perkembangan Nasionalisme Arab Moden Pasca Keruntuhan Empayar Turki Uthmaniyyah (1924-1952).....	39
2.6 Pengaruh Nasionalisme Arab Ke Asia Tenggara Pasca Perang Arab Israel Kali Pertama	44
2.7 Analisis Nasionalisme Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dengan parti-parti Islam seluruh dunia.....	46
2.8 Perbandingan keunikan nasionalisme Parti Islam Se-Malaysia dengan parti-parti politik bukan Islam seluruh dunia	59
2.9 Konsep Nasionalisme Secara Umum.....	65
2.10 Konsep Nasionalisme Menurut Perspektif Barat.....	67
2.11 Konsep Nasionalisme Menurut Perspektif Islam.....	74
2.12 Konsep Nasionalisme Menurut Perspektif Melayu	83
BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN	99
3.0 Pendahuluan.....	99
3.1 Informan Kajian.....	99
3.2 Instrumen Kajian.....	100
3.3 Rekabentuk Kajian.....	100
3.4 Metod Pengumpulan Data	102
3.5 Prosedur Pengumpulan Data Temu Bual.....	102
3.6 Prosedur Pengumpulan Data Melalui Dokumen	103
3.7 Kredibiliti, Kebolehpercayaan dan Kepastian Kajian.....	104
3.8 Prosedur Kajian.....	107
3.9 Kesimpulan	107
BAB EMPAT ANALISIS PERANAN PEMIMPIN PAS DALAM MENANGANI PERBEZAAN PANDANGAN MENGENAI IDEOLOGI NASIONALISME MELAYU.....	108
4.1 Pendahuluan.....	108
4.2 Perkembangan nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Ahmad Fuad Hasan 1951-1953	109
4.3 Nasionalisme Melayu Ahmad Fuad Hasan dalam National Conference dan National Convention	120
4.4 Perkembangan nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Dr Haji Abbas Bin Alias, 1953-1956.....	128

4.5 Kritikan nasionalisme Melayu Haji Ahmad Fuad Hasan dan Dr Abbas Alias	139
4.6 Perkembangan nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Dr Burhanuddin Al-Helmi, 1956-1965.....	142
4.7 Kritikan nasionalisme Melayu Dr. Burhanuddin Al-Helmi.....	160
4.8 Perkembangan nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda, 1965 – 1982	161
4.9 Perkembangan nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Tuan Guru Haji Yusof Abdullah Rawa, 1982 – 1989.....	167
4.10 Perkembangan nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Dato' Fadzil Mohd Noor, 1989-2002	177
4.11 Perkembangan nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, 2003-2021.....	193
4.12 Konklusi Evolusi, Pragmatisme dan Ketahanan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia (1951-2021).....	210
BAB LIMA ELEMEN-ELEMEN NASIONALISME MELAYU SEBAGAI STRATEGI POLITIK PAS	214
5.0 Pendahuluan.....	214
5.1 Elemen nasionalisme Melayu di kalangan pemimpin PAS :Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi dan Tunggal.....	215
5.1.1 Bahasa Melayu dan Identiti Kebangsaan Melayu sebagai Instrumen Politik PAS.....	215
5.1.2 Hubungan Simbiotik Melayu-Islam dalam Wacana Bahasa	220
5.1.3 Bahasa Melayu sebagai Mekanisme Politik dan Etnosentrisme Strategik.....	223
5.1.4 Bahasa Melayu sebagai instrumen politik PAS	225
5.2 Faktor-faktor yang mendorong PAS menjadikan Bahasa Melayu sebagai elemen nasionalisme Melayu dalam kerangka kepartian.	226
5.3 Ekonomi Melayu dan Pembangunan Moral sebagai Teras Sokongan terhadap PAS	228
5.4 Faktor-faktor yang mendorong PAS menjadikan Ekonomi Melayu sebagai elemen nasionalisme Melayu dalam kerangka kepartian.	231
5.5 Dimensi Sosial dan Pendidikan orang Melayu sebagai Medan Dakwah dan Pengaruh	234
5.6 Cabaran, Pertembungan, dan Adaptasi Strategi Nasionalisme Melayu PAS .	242
5.7 Implikasi Kajian Mengikut Kesesuaian Teori	246
5.8 Kesimpulan dan rumusan.....	248

BAB ENAM CADANGAN DAN REKOMENDASI KEPADA PEMEGANG TARUH	251
6.0 Pendahuluan.....	251
6.1 Dapatan Kajian Yang Afirmatif.....	253
6.1.1 Node Centrality (Simpul Pusat)	255
6.1.2 Hubungan Silang (Cross-Link)	256
6.1.3 Outcome Akhir (Hasil Strategi).....	256
6.1.4 Kluster Tematik	257
6.2 Cadangan Strategik Berperingkat dalam mengimplementasikan Nasionalisme Melayu mengikut naratif PAS	258
6.2.1 Cadangan Strategi Jangka Masa Pendek: Membina naratif (1-2 tahun). 258	
6.2.2 Cadangan Strategik Jangka Masa Sederhana: Pembinaan Infrastruktur Ideologi dan Institusi PAS (3-5 Tahun)	261
6.2.3 Analisis Strategi Jangka Masa Panjang : Transformasi Institusi dan Ekspansi Strategik Nasionalisme Melayu PAS (5-10 Tahun).....	267
6.3 Analisis Projektor Trajektori PAS dalam Pilihan Raya Umum ke-16: Antara Konsolidasi Hegemoni dan Risiko Marjinalisasi.....	272
6.3.1 Trajektori Kejayaan: Hegemoni Politik Melayu dan Ekspansi Strategik. 273	
6.3.2 Trajektori Risiko: Stagnasi, Marjinalisasi, dan Kehilangan Relevansi	275
6.3.3 Faktor-Faktor Kritikal yang Menentukan Trajektori.....	277
6.4 Mekanisme Pelaksanaan dan Penunjuk Kejayaan: Mengoperasionalkan Transformasi Strategik PAS	278
6.4.1 Struktur Pelaksanaan: Institusionalisasi Strategi melalui Hierarki Organisasi	279
6.4.2 Penunjuk Prestasi Utama: Mengukur Kemajuan dengan Metrik yang Bermakna.....	281
6.4.3 Pengurusan Risiko: Strategi Mitigasi untuk Cabaran yang Dijangka	282
6.5 Menilai Keberkesanan Model Hibrid Nasionalisme Melayu PAS dan trajektori Pencapaian Kerusi PAS dalam PRU ke-16.....	284
6.6 Rekomendasi Kepada Pemegang Taruh: Kepimpinan yang Bertanggungjawab	288
6.7 Kesimpulan	290
BAB TUJUH KESIMPULAN.....	293
7.0 Pendahuluan.....	293
7.1 Pencapaian Objektif Kajian dan Dapatan Utama	293

7.2 Evolusi Fasa dan Transformasi Ideologi	294
7.3 Model Hibrid Nasionalisme Melayu PAS: Inovasi Teoritis dan Praktis	295
7.4 Perbandingan Antarabangsa dan Keunikan Kontekstual.....	295
7.5 Keberkesanan Strategik dan Implikasi Elektoral.....	296
7.6 Cadangan Strategik dan Hala Tuju Masa Depan	297
7.7 Sumbangan Teoritis dan Metodologi.....	297
7.8 Limitasi Kajian dan Cadangan Penyelidikan Lanjutan.....	298
7.9 Implikasi Praktis dan Relevansi Dasar	298
7.10 Kesimpulan Akhir.....	299
BIBLIOGRAFI	290
LAMPIRAN A.....	317
LAMPIRAN B	339
LAMPIRAN C	357



JADUAL

Jadual 1	- Perbandingan nasionalisme beragama PAS dengan parti-parti politik Islam global	56
Jadual 2	- Perbandingan nasionalisme beragama antara PAS dan parti-parti politik Barat	62
Jadual 3	- Perkembangan elemen-elemen Nasionalisme Melayu mengikut fasa Kepimpinan PAS	240



RAJAH

Rajah 1 - Prosedur Kajian

104



CARTA

Carta 1 - Model Hibrid Kerangka Strategi Nasionalisme Melayu PAS 247



LAMPIRAN

Lampiran A Transkrip Temu Bual Presiden PAS	305
Lampiran B Transkrip Temu Bual Mursyidul Am PAS	327
Lampiran C Transkrip Temu Bual Dato' Mustafa Ali	346



SINGKATAN

AMCJA	All Malayan Council of Joint Action
API	Angkatan Pemuda Insaf
BN	Barisan Nasional
CCC	Chinese Concultative Council
CUP	İttihad-ı Osmanî Terakki Cemiyeti
CUP	The Ottoman Committee of Union and Progress
DAP	Democratic Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DLP	Dual Language Programme
DUN	Dewan Undangan Negeri
FELDA	Federation of Land Development Authority
FIS	Front Islamique du Salut
GERAK	Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia
GERAM	Gerakan Rakyat Malaya
HIS	Hollard Inlandshe School
ICT	Information, Communication and Technology
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
IMP	Independence Malaya Party
ISA	Internal Security Act
LEPIR	Lembaga Pendidikan Rakyat
MATA	Majlis Tertinggi Agama Malaya
MN	Muafakat Nasional
NGO	Non-Government Organisation
PAS	Parti Islam Se-Malaya
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PAS	Persatuan Islam Se-Tanah Melayu
PASTI	Pusat Asuhan Tunas-Tunas Islam
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PEPERMAS	Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya
PKMM	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya
PKS	Partai Keadilan Sejahtera

PMS	Persatuan Melayu Singapura
PPSMI	Pengajaran & Pembelajaran Sains Matematik dalam Bahasa Inggeris
PRK	Pilihan Raya Kecil
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PRN	Pilihan Raya Negeri
PRU	Pilihan Raya Umum
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
PUTIK	Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan
SDI	Serikat Dagang Islam
SI	Serikat Islam
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SUKPA	Stadium Tertutup Sukan Pahang
UMNO	United Malays National Organisation



BAB SATU

Pengenalan dan

Latar Belakang Kajian

1.0 Pendahuluan

Parti Islam Se-Malaysia yang diasaskan pada 23 Ogos 1951 merupakan salah sebuah parti politik pembangkang yang masih aktif dalam arena politik Malaysia . Maka, adalah sangat menarik sebuah parti politik seperti Parti Islam Se-Malaysia dijadikan subjek dalam penyelidikan sejarah politik memandangkan PAS selain daripada menjadi sebuah gerakan Islam, PAS juga merupakan salah sebuah parti politik yang dikatakan mempunyai elemen-elemen nasionalisme Melayu¹ kerana pengasas PAS terdiri daripada pejuang-pejuang gerakan kemerdekaan Tanah Melayu² dan juga terdiri daripada alim ulama' Melayu³ yang berusaha untuk membebaskan

¹ Khaidar Khatib. 1968. *Memahami Perjuangan PAS : Dasar dan Ideologi*, dalam Majalah Bulan Bintang, Bil.8, Mac 1968, hal.9. Lihat juga dalam Dr Burhanuddin Al Helmi, *Falsafah Kebangsaan Melayu*. 1954.

² Dr Burhanuddin Al Helmi, Ustaz Abu Bakar Al Baqir, Ustaz Ahmad Fuad Hassan dan lain-lain lagi diantara figura yang terkenal dalam lipatan sejarah kemerdekaan Tanah Melayu.

³ Antara pengasas awal PAS yang kurang dikenali tetapi mempunyai peranan dalam penubuhan PAS seperti Tuan Guru Haji Mokhtar Ahmad Al Kalantani yang juga mengasaskan Jabhat Al Ulama' Al Kalantani yang kemudiannya menjadi antara pemimpin Majlis Tertinggi Agama Malaya (MATA) dan Hizbul Muslimin bahkan beliau juga pernah menjadi calon PAS dalam Pilihanraya Umum tahun 1955 di Parlimen Pasir Mas, Kelantan. Selain itu juga, Tuan Guru Haji Abdullah Tahir atau lebih dikenali sebagai Tuan Guru Haji Abdullah Tahir Bunut Payung (Pengasas Pondok Bunut Payung, Kelantan) menjadi ulama' yang terawal menyertai PAS. Di antara alim ulama' yang melontarkan idea untuk menubuhkan PAS sejourus pengharaman Hizbul Muslimin, antara mereka yang sangat dikenali seperti Tuan Guru Haji Ahmad Fuad Hassan, Pengasas dan Mudir Madrasah Al Masriyah Bukit Mertajam, Ustaz Abu Bakar Al Baqir dari Gunung Semanggol, Perak, Ustaz Abdul Rab Tamimi, Ustaz Haji Ariffin Awang dan Ustaz Daud Kamil. Lihat dalam Farish A. Noor. 2013. *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013, Islamism in mottled nation*, Kuala Lumpur : SIRD, hal. 34. Lihat juga dalam Mohd Fadli Ghani. 2016. *Sejarah PAS 1951-1957 : Membina Jiwa Merdeka*. Kuala Lumpur : Penerbitan Harakah, hal.36

Tanah Melayu daripada cengkaman penjajahan Barat dan menegakkan sebuah negara Islam yang berpaksikan kepada undang-undang Syariah serta menjadikan bangsa Melayu sebagai satu bangsa yang dihormati, menurut Kamarul Zaman Yusof (2013), PAS juga merupakan satu-satunya parti pembangkang yang masih kekal dalam arena politik negara.⁴

Mohd Fadli Ghani (2016) menyatakan bahawa penubuhan PAS adalah terhasil daripada berlakunya silang pengaruh di antara beberapa gerakan Islam yang lebih awal seperti Ikhwan Al Muslimin di Mesir,⁵ Masyumi di Indonesia⁶ dan Jamaat-e-Islami di India yang banyak mempengaruhi semangat para alim ulama' Melayu seperti Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk menubuhkan parti politik Islam di negara ini. Dr Burhanuddin Al Helmi sendiri pernah menuntut di Aligarh Muslim University⁷

⁴ Kamarul Zaman Yusof. 2013. *PAS dalam Era Kepimpinan Ulama'*, 1982-2004: Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, hal:1

⁵ Lihat juga dalam Riduan Mohd Nor. 2015. *Pengaruh Ikhwan Al Muslimin terhadap Gerakan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Jundi Resources, 140 menjelaskan bahawa penubuhan PAS juga berkait dengan pengaruh Ikhwan Al Muslimin memandangkan antara pimpinan PAS yang menerima bai'ah langsung daripada Imam Hasan Al Banna dan Syed Qutb seperti Dr Zulkifli Muhammad yang ketika itu sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Al Azhar. Pengaruh dan manhaj Ikhwan inilah dibawa pulang ke Tanah Melayu oleh Dr Zulkifli Muhammad pada tahun 1950-an seterusnya melebarkan pengaruhnya Ikhwan didalam PAS.

⁶ PAS juga ditubuhkan berdasarkan kepada pengaruh Gerakan Masyumi di Indonesia apabila salah seorang pimpinan Masyumi iaitu Kiyai Mansur Azahari turut menubuhkan Hizbul Muslimin bersama Dr Burhanuddin Al Helmi dan Ustaz Abu Bakar Al Baqir. Pengaruh Masyumi didalam PAS adalah berlandaskan kepada misi membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan dan menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah negara Islam, lihat dalam Riduan Mohd Nor.2015, *ibid*, hal. 137.

⁷ PAS mempunyai hubungan rapat dengan Jamaat-e-Islami ditubuhkan pada tahun 1941 yang berpusat di India (kini di Pakistan) selepas pemimpin Jamaat-e-Islami, Sayyid Abu A'la Al Maududi menubuhkan satu majlis permaufakatan gerakan Islam yang dinamakan *Muttahida majlis el amal* yang menghimpunkan gerakan-gerakan politik Islam seluruh dunia, PAS telah menyertai majlis berkenaan sejak awal tahun 1950-an dan ramai pemimpin PAS yang melanjutkan pengajian di Benua India terpengaruh dengan gerakan Jamaat-e-Islami seperti Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mengikuti pengajian di Darul Uloom Deoband, India pada tahun 1952. Lihat dalam Riduan Mohd Nor. 2017. *Jamaat-e-Islami Pakistan bina kekuatan gerakan, bawa jaringan kemasyarakatan*, disiarkan dalam Harakahdaily bertarikh 22 Julai 2017. Lihat juga dalam Faisal Ahmad Shah. 2009. *Pelajar-pelajar Malaysia di institusi -institusi pengajian Islam di India : Analisis bermula dari tahun 1947 sehingga 1990*, Jurnal Al Tamaddun, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, Bil.4, hal. 157-176

telah membawa masuk idealisme gerakan Islam tersebut ke Tanah Melayu sekaligus mewujudkan kesedaran awal dalam kalangan orang Melayu untuk mengasaskan satu pertubuhan yang boleh mewakili mereka yang ketika itu dijajah oleh British.⁸ Hasil perbincangan ulama' Melayu, mereka menubuhkan Majlis Tertinggi Agama Malaya (MATA) di Gunung Semanggol pada 24 Mac 1947⁹ yang diasaskan oleh Ustaz Abu Bakar Al Baqir bersama Dr Burhanuddin Al Helmi. Rentetan daripada penubuhan MATA, maka tertubuhlah parti Islam pertama di Tanah Melayu yang dikenali sebagai Hizbul Muslimin¹⁰ pada 14 Mac 1948.¹¹

Walaupun Hizbul Muslimin hanya mampu bertahan selama hampir 5 bulan sebelum pengharamannya menurut Ordinan Darurat 1948 oleh pihak British,¹² wadah nasionalisme Melayu yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin MATA dan Hizbul Muslimin itu diteruskan di dalam Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) melalui Bahagian Agama UMNO walaupun ianya hanya bersifat sementara

⁸ Mohd Fadli Ghani. 2016. *Sejarah PAS 1951-1957 : Membina Jiwa Merdeka*. Kuala Lumpur : Penerbitan Harakah.

⁹ Majlis Tertinggi Agama Malaya (MATA) merupakan pertubuhan Islam kedua yang ditubuhkan secara bersistematik selepas Serikat Islam yang ditubuhkan di Solo, Indonesia pada 16 Oktober 1905 dan mempunyai cawangannya di Kuala Nerus, Terengganu kemudiannya diharamkan oleh pihak British kerana berlakunya Kebangkitan Petani pada 1924-1928 di Terengganu. MATA ditubuhkan untuk merangkumkan kekuatan umat Melayu Islam dengan semangat nasionalisme kanan (Konservatif) selepas berlakunya dua persidangan agama Islam di Singapura pada tahun 1943 dan di Kuala Kangsar pada tahun 1944. Lihat dalam Mohd Fadli Ghani. 2016. *Sejarah PAS 1951-1957 : Membina Jiwa Merdeka*. Kuala Lumpur : Penerbitan Harakah, hal 2. Juga lihat dalam Mohd Fadli Ghani. 2019. *PAS 1951-1957, Penubuhan, Dinamisme Organisasi, Kepimpinan dan Ideologi*. Gombak : KUIZM Publication, hal. 22.

¹⁰ Hizbul Muslimin atau nama asalnya ialah Parti Orang-orang Islam Malaya merupakan parti politik berorientasikan Islam yang pertama di tubuhkan di Tanah Melayu. Cadangan kepada penubuhan parti ini dimulakan oleh Ustaz Abu Bakar Al Baqir dan disokong oleh Dr Burhanuddin Al-Helmi dan Ustaz Abdul Rabb Tamimi. Lihat dalam Mohd Fadli Ghani. 2016. *Sejarah PAS 1951-1957 : Membina Jiwa Merdeka*. Kuala Lumpur : Penerbitan Harakah, hal 60.

¹¹ Lihat Nabir Abdullah. 1976. *Maahad Il Ihya Al Syariff 1934-1969*. Bangi : Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Kemanusiaan (FSSK) Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

¹² Farish A. Noor. 2014. *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013*, Petaling Jaya : Selangor, hal.35

sebelum berlakunya beberapa kali Persidangan Alim Ulama'¹³ yang bertujuan untuk menubuhkan satu wasilah politik Melayu yang berpaksikan kepada Islam. Penubuhan sebuah pertubuhan politik berasaskan Islam kemudiannya hanya dapat direalisasikan pada 23 Ogos 1951 yang dinamakan sebagai Parti Islam SeTanah Melayu yang kemudiannya bertukar nama beberapa kali dan dikenali sebagai Parti Islam Se-Malaysia. Perkembangan nasionalisme di dalam PAS bermula sejak awal penubuhan parti ini apabila PAS menggunakan slogan “*Merdeka*”¹⁴ sebagai simbolik kepada perjuangan parti dalam menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada pihak Inggeris. Elemen-elemen ideologi nasionalisme di dalam PAS dalam tahun 1951 sehingga 1982 didokongi oleh tiga individu berpengaruh iaitu Tuan Guru Haji Ahmad Fuad Hassan,¹⁵ Dr Haji Abbas Alias,¹⁶ Dr Burhanuddin Al Helmi¹⁷ yang juga dibantu

¹³ Persidangan Alim Ulama' bersidang sebanyak 3 kali iaitu pada 21-22 Februari 1950 di Bandar Maharani dikenali sebagai Majlis Perhubungan Hal Ehwal Agama Tanah Melayu disusuli di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1951 dikenali sebagai Persatuan Ulama' SeMalaya dan terakhir di Bagan Tuan Kechil, Pulau Pinang pada 24 November 1951 dikenali sebagai Persatuan Islam SeMalaya (PAS). Pada Persidangan Alim Ulama' Kali ke 2 itulah PAS telah didaftarkan sebagai sebuah parti politik pada 23 Ogos 1951 bersamaan 20 Zulkaedah 1370H. Walaupun nama Persatuan Islam SeMalaya bertukar beberapa kali, tetapi akronimnya tetap kela dengan akronim PAS sehingga sekarang yang dikenali sebagai Parti Islam Se-Malaysia. Lihat Kamarul Zaman Haji Yusof. 2013 2013. *PAS dalam Era Kepimpinan Ulama', 1982-2004*: Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, hal: 33-35, juga lihat Kamarul Zaman Haji Yusof. 2013. *PAS dalam Era Kepimpinan Ulama', 1982-2004*: Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, hal: 33-34.

¹⁴ Lihat dalam Buku Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama, 3 Januari 1953 yang berlangsung di Madrasah Daeratul Maarif Al Wataniyyah di Kepala Batas, Pulau Pinang

¹⁵ Tuan Guru Haji Ahmad Fuad Hassan merupakan tenaga penggerak MATA dan Hizbul Muslimin sebelum menyertai UMNO dan menjadi pengasas kepada penubuhan Persatuan Islam Se-Malaya. Oleh itu, hubungan PAS dengan Hizbul Muslimin adalah saling berkaitan memandangkan pengasasnya adalah merupakan individu yang sama begitu juga dengan Dr Burhanuddin Al Helmi, lihat dalam Radziah Sulong. 1987. *Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan, Biografi Seorang Tokoh Politik Islam*, Bangi : Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Latihan Ilmiah.

¹⁶ Dr Haji Abbas Alias (m.2004) merupakan Pegawai Kerajaan British yang berkhidmat sebagai seorang Doktor Perubatan. Ketokohan dan Kepimpinan beliau terselah semasa beliau bergerak aktif dalam gerakan pelajar semasa menuntut di luar negara khasnya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kesedaran agama dan seorang yang sangat kuat mendukung nasionalisme Melayu. Lihat dalam Faridah Abdul Rashid. 2012. *Biography of The Early Malay Doctors 1900-1957 Malaya and Singapore*. Kubang Kerian : Xlibris Universiti Sains Malaysia, hal. 188-189

¹⁷ Seorang Nasionalis Melayu yang terunggul, pandangan politik nasionalisme beliau menjadi sebab terpenting dalam membentuk pendirian politik PAS masa era kepimpinannya dari tahun 1956-1969. Beliau terkenal dengan konsep Nasionalisme Melayu seiring dengan menegakkan Islam. Lihat dalam

oleh Profesor Dr Zulkifli Muhammad.¹⁸ Walaupun Islam menjadi dasar yang memandu kepada perjuangan PAS sejak penubuhannya pada tahun 1951, namun isu yang melibatkan nasionalisme Melayu mula menjadi perhatian PAS semasa era kepimpinan Dr Abbas Alias menjadi Yang Dipertua PAS Kedua walaupun terdapat polemik mengenai konsep nasionalisme ini yang mendorong Profesor Dr Zulkifli Muhammad menjelaskan polemik kekeliruan nasionalisme Melayu ini didalam akhbar Suara Islam dengan menyatakan¹⁹ ;

Kerana orang Melayu tuan punya negeri ini pada keseluruhannya beragama Islam, maka PAS pun menekankan perjuangannya pada peringkat ini atas nama kebangsaan, atas nama orang Melayu. Jika kedudukan, taraf, hak atau kepentingan orang Melayu dalam negeri ini dapat dipertahankan dan diselamatkan, maka dengan sendirinya taraf dan kedudukan Islam didalam negeri ini juga dapat dipertahankan dan diselamatkan, sebab Islam dan orang Melayu itu adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan; Melayu pada PAS adalah modal besar, bahkan terlalu besar, yang harus diperjuangkan dan dipertahankan hingga daya dan tenaga yang penghabisan (Zulkifli Muhammad, 1957)

Kenyataan Profesor Dr Zulkifli Muhammad sekali gus menjelaskan bahawa PAS menolak pemikiran nasionalisme yang bersifat fanatik (*Al 'Asobiyyah*) dan bersifat

Wan Hashim Wan Teh. 1993. *Memoir Politik Asri : Meniti arus*, hal 44, lihat juga Ismail Said. 2008. *Dr Burhanuddin Al Helmi : Pejuang Melayu Sejati*. Shah Alam : Karisma Production, hal. 43 dan lihat juga dalam Ramlah Adam. 1996. *Burhanuddin Al Helmi : Suatu Kemelut Politik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹⁸ Lihat dalam Moktar Petah. 2010. *Wasiat Perjuangan Zulkifli Muhammad*. Kuala Lumpur : Penerbitan Ilham Baru, hal. 105-106, memperlihatkan semangat kebangsaannya yang terlalu tinggi, kecenderungannya kepada asas perjuangan pemimpin Islam seperti Syed Qutb, Mustaffa Al Ghilani, Hassan Al Banna dan lain-lain lagi.

¹⁹ Zulkifli Muhammad. 1957. *Kepimpinan Dalam Perjuangan Parti*, dalam Suara Islam, Thn 1, Bil.1, Disember.

perkauman yang ekstrem (*Al Qaumiyyah*). Pandangan Profesor Dr Zulkifli Muhammad juga seiring dengan pandangan Dr Burhanuddin Al Helmi yang juga mengatakan *Al 'Asobiyyah* bukan bermaksud kebangsaan tetapi yang cenderung kepada maksud *Al 'Asobiyyiah* itu ialah “Taksab” yang bermaksud fanatik yang membuta tuli dan rasa kebangsaan yang sempit dan bersifat perkauman.²⁰

Walau bagaimanapun pada era 1980-an, PAS mengalami konflik dan pertembungan ideologi nasionalisme. Semasa era kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda menjawat jawatan Yang Dipertua PAS, ramai pihak berpendapat beliau merupakan tokoh Nasionalis Melayu yang memimpin PAS dengan menggabungkan falsafah Islam dan Nasionalisme.²¹ Ketegasan beliau dalam konteks kenegaraan dibuktikan dengan menyatakan bahawa Islam dan bangsa Melayu tidak boleh dipisahkan. Bahkan beliau juga menegaskan Islam akan menjadi lebih utuh jika kedudukan dan masa depan bangsa Melayu terjamin.²² Semasa era kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda berlakunya konflik perbezaan pandangan yang menyaksikan penolakan terhadap konsep Nasionalisme oleh golongan Ulama' PAS. Ianya berpunca daripada tercetusnya Revolusi Islam di Iran pada tahun 1979²³ yang menjadi model kepada pembaharuan gerakan-gerakan Islam di seluruh dunia. Dato' Mohd Asri Muda telah melepaskan jawatannya sebagai Yang Dipertua PAS.²⁴ Menurut Dato' Mustafa Ali, krisis ini

²⁰ Burhanuddin Al Helmi.1954. *Falsafah Kebangsaan Melayu*, Bukit Mertajam : Pustaka Semenanjung.

²¹ Lihat dalam Wan Hashim Wan Teh. 1993. *Memoir Politik Asri : Meniti Arus*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 26. Lihat juga dalam Hanafiah Sudin. 1992. *Asri : Sebuah Citra Keperibadian Bangsa Yang Agung*. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia no 1 (20), hal. 3.

²² Ucapan Sulung Mohd Asri Muda dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali ke-13 pada 20-21 April 1965. Lihat dalam Kamarul Zaman Haji Yusof.2004, *ibid*. Intipati ucapan Mohd Asri Muda ini lebih menjelaskan kebimbangan beliau terhadap masa depan anak-anak Melayu.

²³ Lihat dalam Farish A. Noor.2014, *ibid*, hal. 116

²⁴ Lihat dalam Ahmad Zaki Abd. Latiff. 2003. *Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah dalam perkembangan pemikiran Agama dan Politik masyarakat Melayu (1971-1998)*, Kuala Lumpur : Jabatan

bermula apabila Dato' Mohd Asri secara autokratik melantik individu yang diragui kesetiaannya sebagai Bendahari Agung parti, meskipun mendapat tentangan daripada pimpinan lain. Kemuncak krisis berlaku selepas Pilihan Raya Umum 1982, apabila Dato' Mohd Asri membelakangkan cadangan calon dari PAS Kelantan, menyebabkan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang ketika itu merupakan Ketua Dewan Ulama dan Pesuruhjaya PAS Kelantan, berhasrat untuk meletakkan semua jawatannya. Tuan Guru Nik Abdul Aziz merasakan bahawa pandangannya sebagai pemimpin tertinggi ulama tidak lagi dihormati. Kehilangan sokongan daripada Tuan Guru Nik Abdul Aziz, yang selama ini menjadi tonggak kekuatan Dato' Mohd Asri, merupakan titik penentu yang membawa kepada kejatuhannya.²⁵

Selepas itu, era kepimpinan ulama telah mengambil tempat dalam kedudukan tertinggi PAS apabila Tuan Guru Haji Yusof Rawa²⁶ dilantik sebagai Yang Dipertua PAS merangkap Mursyidul Am PAS yang pertama. Menurut Mustafa Ali (2015), dasar politik PAS berubah pada ketika itu kerana dasar politik tersebut diambil daripada revolusi politik yang berlaku di negara Iran.²⁷

Sejarah Universiti Malaya, hal. 135-136. Pada ketika itu pengaruh Revolusi Islam Iran didalam PAS begitu pantas, Dewan Pemuda PAS yang diketuai oleh Mustafa Ali mendesak supaya PAS dipimpin oleh golongan Ulama. Gesaan itu dibuat semasa Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS di Bukit Mertajam pada tahun 1982.

²⁵

²⁶ Beliau dilantik sebagai Yang Di Pertua PAS ke 5 bermula dari tahun 1982-1989. Beliau telah menolak ideologi Nasionalisme sebagai satu wacana dalam PAS dan mengaitkan ideologi ini bersifat Asobiyah serta memberikan kesan buruk kepada kepentingan umat Islam secara fundamental dan tidak bercirikan nilai-nilai keislaman.

²⁷ Lihat dalam temuramah Mustafa Ali. 2015. Nasionalisme menurut perspektif PAS. *Sarjana Sastera (Sains Politik)*, Nor Azizuddin Abdul Manan. Pejabat Harakah, Kuala Lumpur. Temubual pada 24 Mei 2015

Tuan Guru Haji Yusof Rawa menolak konsep nasionalisme dalam PAS berdasarkan kepada dua ucapan dasar tahunannya selama dua tahun berturut-turut²⁸ yang jelas menggambarkan penolakan terhadap konsep nasionalisme dalam PAS yang selama ini diperjuangkan oleh tokoh-tokoh PAS terdahulu. Begitu juga semasa era kepimpinan Dato' Fadzil Nor menjadi Presiden PAS ke 6,²⁹ beliau juga menolak konsep nasionalisme dengan menyatakan bahawa nasionalisme memecah-belahkan umat Islam dalam satu majlis ceramah anjuran PAS Negeri Kedah pada tahun 1990³⁰ serta dalam ucapan dasar Presiden PAS di Muktamar Tahunan PAS ke 44.³¹ Rasional kajian ini adalah berdasarkan kepada perkara berikut ;

- Membincangkan ideologi nasionalisme Melayu yang ditonjolkan oleh pemimpin Parti Islam Se-Malaysia (PAS).
- Menghuraikan elemen-elemen nasionalisme Melayu yang wujud di dalam PAS.
- Membandingkan ideologi nasionalisme PAS dengan ideologi nasionalisme parti politik yang lain.

²⁸ Ucapan Dasar beliau sewaktu menjawat jawatan Yang Di Pertua PAS Ke 5 ialah yang bertemakan “Ke Arah Pembebasan Ummah” dalam Muktamar Tahunan PAS ke 29 di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada 30 April 1983 dan disusuli dalam ucapan dasar beliau bertemakan “Menggempur Pemikiran Asobiyyah” dalam Muktamar Tahunan PAS kali ke 30 di Alor Setar, Kedah pada 13 April 1984.

²⁹ Dato' Fadzil Nor dilantik sebagai Presiden PAS ke 6 selepas kematian Tuan Guru Haji Yusof Rawa. Beliau memegang jawatan tersebut dari tahun 1989-2003. Meninggal dunia semasa dirawat di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia kemudiannya dikebumikan di Muassasah Darul Ulum, Langgar, Pokok Sena, Kedah yang turut dihadiri oleh (Almarhum) DYMM Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah Al Haj. Pada ketika itu, Timbalan Presiden PAS, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang memangku jawatan Presiden PAS sehinggalah dipilih sebagai Presiden PAS ke 7 sehingga sekarang.

³⁰ Ucapan beliau dalam majlis ceramah dan penerangan PAS yang diadakan di Alor Setar pada tahun 1990 yang bertemakan Nasionalisme Memecah Belahkan Umat Islam.

³¹ Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke 44 yang bertemakan Bertekad Mencapai Kemenangan yang diadakan di Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, Gombak, Selangor pada 15-17 Mei 1998

- Menentukan sejauh mana ideologi nasionalisme didalam PAS mampu untuk dijadikan strategi politik PAS dalam meraih sokongan daripada orang Melayu.

1.1 Permasalahan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada dua kata kunci utama, iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan nasionalisme Melayu, yang keduanya memainkan peranan penting dalam konteks politik Malaysia sejak penubuhan PAS pada tahun 1951. Nasionalisme Melayu merujuk kepada suatu ideologi yang menekankan identiti etnik, bahasa, budaya, serta hak istimewa Melayu dalam kerangka negara, dan lazimnya dikaitkan dengan parti-parti politik majoriti Melayu seperti UMNO. Sebaliknya, PAS pula dikenali sebagai sebuah parti berteraskan Islam yang menekankan perjuangan dakwah dan pembentukan negara Islam. Namun, kehadiran elemen nasionalisme Melayu dalam PAS menimbulkan persoalan yang kompleks mengenai penyatuan ideologi agama dan etnik dalam kerangka perjuangan politik parti tersebut. Kajian-kajian sedia ada cenderung memberikan fokus kepada aspek ideologi Islam dalam PAS, seperti perjuangan dakwah dan aspirasi negara Islam, tanpa memberikan perhatian terperinci terhadap wujudnya dan perkembangan elemen nasionalisme Melayu dalam parti itu. Jurang ini menjadi lebih ketara apabila mempertimbangkan tempoh kajian yang panjang, dari 1951 hingga 2021, di mana PAS melalui pelbagai fasa kepimpinan dengan pendekatan dan interpretasi nasionalisme yang berbeza. Misalnya, era kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda yang melihat nasionalisme Melayu sebagai satu strategi untuk memperluas pengaruh parti, berbeza dengan era Tuan Guru Haji Yusof

Abdullah Rawa yang lebih menekankan puritanisme Islam yang mungkin menolak elemen nasionalisme berdasarkan etnik.

Permasalahan kajian ini berpunca daripada kekurangan pemahaman yang komprehensif mengenai sejauh mana elemen-elemen nasionalisme Melayu benar-benar wujud dan turut berkembang dalam kalangan pemimpin tertinggi PAS. Tambahan pula, terdapat pertembungan pemikiran dalaman yang ketara antara golongan pro-nasionalis, yang menyokong penggunaan nasionalisme Melayu sebagai alat untuk meraih sokongan orang Melayu, dan golongan konservatif yang menolak nasionalisme tersebut kerana ia dianggap bercanggah dengan prinsip Islam universal yang dipegang oleh PAS. Pertembungan ini telah menimbulkan polemik yang bukan sahaja memberi kesan kepada dinamika dalaman parti, termasuk episod perpecahan PAS pada tahun 1982, tetapi juga mempengaruhi hala tuju politik parti dalam landskap politik Malaysia. Tambahan pula, kajian ini turut menilai aspek perbandingan antara ideologi nasionalisme PAS dengan parti-parti politik lain di Malaysia, terutamanya UMNO yang secara jelas memperjuangkan agenda ketuanan Melayu. Ketiadaan kajian yang mendalam mengenai implikasi dan strategi nasionalisme Melayu dalam PAS, khususnya dalam konteks kontemporari termasuk kerjasama dalam Muafakat Nasional sejak 2019, menjadikan kajian ini lebih signifikan. Ini kerana tanpa pemahaman yang jelas mengenai elemen nasionalisme Melayu di dalam PAS, sukar untuk menilai keberkesanan strategi politik parti ini dalam mengukuhkan sokongan orang Melayu, terutama di kawasan majoriti seperti Kelantan dan Terengganu di mana identiti agama dan etnik saling berkait rapat. Permasalahan yang ditimbulkan dalam kajian ini bukan sahaja penting dalam melengkapkan ruang kelemahan kajian politik

terdahulu yang biasanya mengasingkan nasionalisme kepada UMNO dan Islamisme kepada PAS, tetapi juga memberikan sumbangan kepada naratif baharu dalam memahami evolusi parti Islam dalam konteks negara berbilang kaum.

Kajian ini seterusnya berhasrat memberi gambaran mendalam tentang faktor-faktor yang mendorong konflik ideologi nasionalisme dalam PAS dan bagaimana ia membentuk strategi politik masa depan parti itu agar dapat terus relevan dan berdaya saing di arena politik yang semakin kompleks dan dinamik. Turut dinyatakan dalam kajian ini juga, salah satu permasalahan utama yang memerlukan tumpuan khusus adalah persoalan sama ada ideologi nasionalisme Melayu yang wujud dalam PAS benar-benar mampu berfungsi sebagai strategi politik yang berkesan untuk meraih sokongan orang Melayu. Walaupun kajian meneliti konsep dan perkembangan nasionalisme Melayu dalam PAS, terdapat kekurangan kejelasan dan perincian dalam mengkaji bagaimana dan sejauh mana elemen nasionalisme tersebut diintegrasikan secara strategik dalam gerak kerja politik parti, terutamanya dalam konteks persaingan dengan parti-parti lain yang turut menjuarai agenda Melayu. Permasalahan ini menjadi lebih signifikan dalam era kontemporari apabila PAS perlu bersaing mendapatkan sokongan undi orang Melayu, terutamanya di kawasan majoriti Melayu yang juga menjadi kubu parti pesaing seperti UMNO. Justeru, perlu difokuskan kepada aspek sejauh mana ideologi nasionalisme Melayu – sama ada dinyatakan secara terbuka dalam dasar parti, kempen pilihan raya, ataupun naratif kepimpinan – telah diterjemahkan dalam bentuk

strategi politik yang praktikal dan seterusnya berjaya mempengaruhi persepsi serta tingkah laku pengundi Melayu.

Ketidaktelitian dalam menganalisis dimensi ini berpotensi mewujudkan jurang kefahaman terhadap sejauh mana nasionalisme Melayu dalam PAS benar-benar mempunyai nilai strategik, atau sekadar menjadi wacana retorik yang tidak memberi impak signifikan terhadap sokongan orang Melayu kepada PAS. Oleh itu, adalah penting untuk bahagian kajian ini memperincikan faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi efektif atau tidaknya strategi nasionalisme Melayu PAS, serta menilai hasil pelaksanaan strategi tersebut berdasarkan data pilihan raya, respons akar umbi, dan perbandingan dengan parti-parti lain dalam konteks politik semasa.

1.2 Persoalan Kajian

Secara lebih terperinci, kajian ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan berikut ;

- i. Bagaimanakah konsep nasionalisme Melayu yang digunakan oleh PAS dalam arena politik di Malaysia ?
- ii. Sejauh manakah peranan pemimpin Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam menangani perbezaan pandangan mengenai ideologi nasionalisme ?.
- iii. Mampukah elemen-elemen nasionalisme Melayu dijadikan sebagai strategi politik PAS untuk mendapatkan sokongan orang Melayu terhadap perjuangan PAS di Malaysia ?.

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini ialah untuk ;

- i. Meneliti konsep nasionalisme Melayu yang digunakan oleh PAS dalam arena politik di Malaysia dari tahun 1951 hingga 2021.
- ii. Menganalisis peranan dan pendekatan kepimpinan PAS dalam menangani perbezaan pandangan mengenai ideologi nasionalisme Melayu serta implikasinya terhadap perjuangan parti.
- iii. Menilai keberkesanan elemen-elemen nasionalisme Melayu sebagai strategi politik PAS untuk mendapatkan sokongan orang Melayu dalam sistem politik Malaysia.

1.4 Skop Kajian

Skop kajian ini akan meliputi perkara berikut ;

Sejarah perkembangan nasionalisme mengikut era kepimpinan PAS dari tahun 1951 sehingga tahun 2021. Tahun 1951 dipilih sebagai titik mula kajian ini kerana pada tahun tersebut, PAS mula diasaskan selepas mengalami beberapa siri persidangan untuk menubuhkan sebuah parti Melayu berteraskan Islam yang juga merupakan kesinambungan kepada parti Hizbul Muslimin yang diharamkan oleh penjajah British pada tahun 1948 dibawah Ordinan Darurat. Manakala tahun 2021 dipilih sebagai titik akhir kepada kajian ini adalah kerana tahun tersebut merupakan kemuncak kepada isu-isu nasionalisme Melayu dalam kalangan pimpinan PAS.

Selain itu, kajian ini akan berfokus kepada kewujudan elemen-elemen nasionalisme yang terdapat dalam ucapan-ucapan pemimpin PAS dari tahun 1951 sehingga tahun 2021. Kajian ini juga akan menumpukan kepada faktor yang menyebabkan berlakunya perkembangan ideologi nasionalisme Melayu di dalam PAS.

1.5 Definisi Operasional Kajian

Untuk mengelakkan kesalahan pemahaman dan perbezaan penafsiran yang berkaitan dengan istilah yang terdapat dalam tajuk penyelidikan ini iaitu Perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS), 1951-2021, definisi operasional dinyatakan seperti berikut :

Perkembangan : Muhammad Syukry Md Nor (2022) menyatakan bahawa, perkembangan merujuk kepada proses evolusi atau perubahan yang dikaji dalam pelbagai disiplin ilmu. Namun dalam konteks penyelidikan ini, secara operasional, perkembangan boleh diukur dengan mengenal pasti perubahan penting dalam ideologi nasionalisme Melayu dan prestasi Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 1951 hingga 2021. Hal ini mungkin termasuk perubahan dalam pendirian parti, komposisi ahli parti, prestasi dalam pilihan raya dan perubahan dalam pandangan masyarakat khususnya orang Melayu terhadap PAS.³²

³² Nor, Muhammad Shukry Md. 2022. "Definisi Perkembangan Dan Pengembangan." Dewan Bahasa dan Pustaka. Dicapai pada Oktober 2, 2023

Nasionalisme : Merujuk kepada semangat atau kecenderungan untuk mempertahankan dan memajukan kepentingan dan identiti bangsa atau kaum yang wujud dalam sekelompok individu dengan suatu entiti politik kebangsaan yang lebih besar iaitu negara (Nasharuddin, 2016)³³. Nasionalisme juga, merujuk kepada kepercayaan sesuatu kumpulan individu atau etnik yang mempunyai hak dan taraf kepada negara yang mereka percayai kerana negara adalah sesuatu yang sangat penting dan secara semulajadinya merupakan satu bentuk keunggulan kepada kewujudan sesebuah negara (Smith, 1993).³⁴ Kymlicka (1995) menyatakan, nasionalisme merupakan semangat sekumpulan individu dalam melindungi tanah air yang berautoriti kerana sesuatu bangsa yang berdaulat adalah merupakan bangsa yang mengiktiraf hak dan kedaulatan rakyat dalam menentukan halatuju sesebuah negara-bangsanya.³⁵ Dalam konteks penyelidikan ini, signifikasi nasionalisme itu berfokus kepada nasionalisme Melayu yang boleh dikaji dengan tindakan, ucapan, dan dasar-dasar politik yang menggariskan kepentingan dan kebanggaan bangsa Melayu yang diperjuangkan oleh PAS. Hal ini termasuklah penekanan PAS terhadap isu-isu yang berkaitan dengan identiti Melayu, perjuangan hak-hak Melayu atau kerjasama dengan organisasi-organisasi Melayu.

Melayu : William R. Roff (2014) mendefinisikan "bangsa Melayu" sebagai penduduk sungai yang tinggal di lembah sungai yang mengalir di kedua sisi banjaran gunung di tengah Semenanjung Tanah Melayu. Sebahagian besar orang Melayu

³³ Isa, Nasharudin Mat. "Pengaruh Kepimpinan Wasatiyyah Terhadap Ketahanan Diri Dan Ketahanan Nasional Dalam Kalangan Pemimpin Pelajar Universiti Awam Malaysia." Universiti Utara Malaysia, 2016.

³⁴ Smith, A.D. 1971. *Theories of Nationalism*. London: Duckworth, hal. 10-11.

³⁵ Kymlicka, Will. 1995. *Multicultural Citizenship: A Liberal Theory of Minority Rights*. Oxford: Clarendon Press, hal. 93.

tinggal di kampung-kampung yang tersebar di sepanjang tebing sungai utama, yang telah menjadi pusat perhubungan dan kekuasaan politik orang Melayu sejak sekian lama. Sebagai contoh, pusat kependudukan besar orang Melayu terutamanya terletak di muara Sungai Melaka; muara Sungai Kelang di bahagian Pantai Barat dan Kota Pelabuhan Kuala Terengganu; dan dataran padi Delta Sungai Kelantan yang terletak di bahagian Pantai Timur. Meskipun orang-orang Melayu di kampung-kampung pada dasarnya menjalankan ekonomi berasaskan pertanian, dengan sedikit pertukaran barang dan hasil kerja tangan di peringkat domestik, namun begitu kesatuan kedaerahan orang Melayu yang penting dari segi politik di Semenanjung Tanah Melayu adalah setiap pemerintah yang secara turun-temurun dikenali sebagai Yang Di-Pertuan, Raja, atau gelaran sultan yang sudah digunapakai di negeri-negeri Tanah Melayu sejak awal kedatangan Islam di Semenanjung Tanah Melayu.³⁶ Nisar (2020) menjelaskan, Melayu menurut takrifan Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 160 (2) ialah orang Melayu yang menganuti agama Islam, lazimnya bercakap dalam Bahasa Melayu, menuruti adat istiadat Melayu dan-

- (a) yang lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan Tanah Melayu atau Singapura, atau ibu/bapa lahir di Persekutuan Tanah Melayu atau Singapura, atau pada Hari Merdeka berdomisil di Persekutuan Tanah Melayu atau Singapura atau
- (b) ialah zuriat seseorang yang sedemikian.

Konteks ini juga mengaitkan Melayu dengan Islam secara langsung, di mana seseorang itu tidak lagi dianggap Melayu jika telah murtad memandangkan hubungan yang sangat rapat dan sehati antara Melayu dan Islam di negara ini.

³⁶ Roff, William R. 2014. *Nasionalisme Melayu*. Terjemahan Ahmad Boestamam. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hal. 1-2.

Namun, perlu juga difahami bahawa walaupun Melayu itu beridentitikan dengan Islam, tetapi Islam itu sendiri adalah agama universal yang melampaui sempadan bangsa dan etnik yang tertentu. Walaupun secara definisinya, Melayu adalah orang yang beragama Islam, tetapi menjadi Muslim tidak semestinya bermaksud menjadi Melayu.³⁷ Oleh itu, di dalam penyelidikan ini, Melayu yang dimaksudkan ialah orang Melayu yang mendaftar sebagai ahli PAS dan yang tidak berdaftar tetapi menyokong dan bersama dalam perjuangan PAS melalui agenda nasionalisme Melayu itu sendiri.

1.6 Kerangka Teoritikal Kajian

Dalam penyelidikan mengenai nasionalisme Melayu, teori retrospektif melibatkan pemeriksaan terhadap dasar-dasar dan peristiwa masa lalu untuk memahami akibat dan implikasinya. Strategi ini dapat digunakan untuk memahami pembentukan dan pertumbuhan gerakan-gerakan nasionalis, seperti nasionalisme Melayu di Tanah Melayu, yang bermula pada akhir abad ke-19 sebagai reaksi terhadap pengaruh penjajahan Eropah. Nasionalisme Melayu bermula sebagai gerakan politik dan sosial dengan tujuan untuk menegakkan supremasi dan autonomi Melayu sebagai tentangan terhadap pemerintahan kolonial. Secara historikalnya, gerakan nasionalisme bukanlah sebuah gerakan yang padu; sebaliknya gerakan ini didorong oleh pelbagai fraksi nasionalis, elemen konservatif yang terdiri daripada elit Melayu yang berpendidikan Barat, Timur Tengah dan golongan berhaluan kiri yang bersifat radikal, contohnya yang diwakili oleh Kesatuan Melayu Muda. Penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada tahun 1946 dan Parti Islam Se-

³⁷ Ahmad, Nisar Mohammad. 2020. "Definisi Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Dan Kesannya Terhadap Kefahaman Dan Amalan Ajaran Islam Di Malaysia." *Sains Insani* 5 (2):8.

Tanah Melayu (PAS) pada tahun 1951 merupakan peristiwa penting yang menandakan manifestasi pertama nasionalisme Melayu dan prinsip-prinsip Islam yang lebih menonjol.

Berdasarkan kepada elemen-elemen tersebut, analisis daripada Teori Retrospektif digunakan dalam kajian sejarah yang bertujuan untuk mengkaji peristiwa masa lalu untuk memahami faktor-faktor yang membentuknya. Analisis data dan peristiwa masa lalu adalah intipati kepada Teori Retrospektif. Kajian retrospektif dalam penyelidikan ini melibatkan pengumpulan dan analisis data masa lalu untuk memahami faktor yang boleh mempengaruhi hasil tertentu (Campbell et al, 2010).³⁸ Namun begitu, teori ini juga boleh digunakan untuk pengundi memilih calon atau kerajaan berdasarkan penilaian mereka tentang prestasi calon yang bertanding. Hal ini berlaku dalam konteks pemungutan suara seperti Referendum atau Pilihan Raya. Teori ini menyatakan bahawa pengundi membuat keputusan untuk mengundi semula atau menggantikan calon atau kerajaan berdasarkan penilaian prestasi calon atau parti politik yang telah membentuk kerajaan yang lalu. Inilah teori retrospektif yang digunakan oleh para pengundi (Wayne et al., 1994).³⁹ Oleh itu, penyelidikan di dalam tesis ini merupakan satu pendekatan yang sangat relevan kerana mengkaji dasar-dasar politik Melayu dan elemen-elemen yang menunjukkan PAS mempunyai hubungan dalam membangunkan nasionalisme Melayu kerana analisis ini membolehkan ahli akademik dan

³⁸ James E. Campbell, Bryan J. Dettrey and Hongxing Yin. 2010. "The Theory of Conditional Retrospective Voting: Does the Presidential Record Matter Less in Open-Seat Elections?" *The Journal of Politics* 72 (4).

³⁹ Wayne L. Francis, Lawrence W. Kenny, Rebecca B. Morton and Amy B. Schmidt 1994. "Retrospective Voting and Political Mobility." *American Journal of Political Science* 38 (4).

saintis politik menilai keberkesanan inisiatif dan sejauh mana inisiatif tersebut memenuhi keinginan dan aspirasi orang Melayu pada masa itu dan akan datang.

Aplikasi Teori Retrospektif dalam ideologi Nasionalisme Melayu adalah untuk mengkaji perkembangan nasionalisme Melayu di negara ini. Analisis retrospektif akan melibatkan pemeriksaan terhadap arkib sejarah, manuskrip politik, dan keadaan sosial yang menyebabkan kemunculan gerakan tersebut. Selain itu, ia juga akan meneliti akibat daripada dasar-dasar dan aktiviti nasionalis, seperti pembentukan UMNO dan usaha untuk meraih kemerdekaan daripada pemerintahan British. Melalui penggunaan teori retrospektif, sejarawan dan ilmuwan politik dapat memperoleh pemahaman mendalam tentang dorongan yang mendasari ideologi nasionalisme Melayu, cabaran yang dihadapi, dan kesan abadi yang ditinggalkan oleh penjajah British kepada masyarakat.

Hal ini termasuk memahami pengaruh identiti, bahasa (khususnya bahasa Melayu), dan monarki (Raja-Raja Melayu) dalam membentuk gerakan tersebut. Kesimpulannya, teori retrospektif menawarkan kerangka kerja yang penting untuk memahami sejarah nasionalisme Melayu yang kompleks. Para sarjana dapat memahami dengan lebih baik kerumitan gerakan nasionalis dan pengaruhnya terhadap pembentukan Malaysia moden melalui pemeriksaan peristiwa masa lalu dan akibatnya. Pendekatan ini menekankan pentingnya konteks sejarah dalam membentuk identiti nasional dan gerakan politik.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan sorotan karya dan kajian lepas, kerangka konseptual kajian mengenai perkembangan ideologi nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dapat dibentuk dalam beberapa fasa sebagaimana berikut: Pertama, Fasa Pembentukan Ideologi Nasionalisme Melayu (1951-1956): Era ini dipimpin oleh Tuan Guru Haji Ahmad Fuad Hasan dan Dr Abbas Alias. Fokus utama adalah pembentukan ideologi nasionalisme Melayu dan prinsip-prinsip dasar parti iaitu Islam yang akan menjadi landasan bagi PAS.

Kedua, Fasa Pembinaan Ideologi Nasionalisme Melayu (1956-1982): Di bawah kepemimpinan Dr. Burhanuddin Al-Helmi dan Haji Mohd Asri Muda. PAS mula membangun dan memperkuat ideologi yang telah dibentuk. Fokus utama adalah kepada penyebaran dan penerimaan ideologi nasionalisme Melayu yang dikenali sebagai Kebangsaan Melayu ini dalam kalangan anggota dan pendukung PAS.

Ketiga, Fasa Pemisahan Ideologi Nasionalisme Melayu (1982-2002): Era ini dipimpin oleh Tuan Guru Haji Yusof Abdullah Rawa dan Dato' Fadzil Mohd Nor. Fokus utama adalah kepada pemisahan ideologi PAS dari ideologi politik lainnya di Malaysia, iaitu pemisahan ideologi nasionalisme yang dikaitkan dengan ideologi sekularisme yang diamalkan oleh UMNO khasnya dengan penekanan pada identiti dan nilai-nilai Islam yang terdapat dalam Perlembagaan PAS.

Keempat, Fasa Penyerapan Ideologi Nasionalisme PMelayu (2002-2021): Di bawah kepemimpinan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, PAS kembali berfokus ke pada penyerapan ideologi ini ke dalam struktur dan operasi parti walaupun sebagai

agenda sampingan kerana PAS masih terikat dengan perlembagaan parti iaitu Dasar-Dasar Islam. Walaupun begitu, era kepimpinan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang lebih terbuka dan fleksibel dalam memastikan agenda nasionalisme Melayu seiringan dengan agenda Islamisasi yang dipegang oleh PAS. Akhirnya, kerangka konseptual ini menunjukkan bagaimana ideologi nasionalisme Melayu dalam PAS telah berkembang dan berubah sepanjang waktu, dan bagaimana perubahan ini telah dipengaruhi oleh konteks politik dan sosial Malaysia. Isu ini juga menunjukkan bagaimana perubahan dalam kepemimpinan parti telah mempengaruhi perkembangan dan penyebaran ideologi nasionalisme Melayu ini.

1.9 Signifikan Kajian

Berdasarkan intipati penting yang diberikan, signifikasi kajian ini dapat dijelaskan seperti berikut: Pertama, kajian ini bertujuan untuk memperjelaskan isu-isu yang berkaitan dengan nasionalisme Melayu, khususnya yang berlaku dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Kajian ini akan mengungkap perkembangan dan perubahan ideologi nasionalisme Melayu dalam PAS sepanjang waktu, serta bagaimana perubahan dalam kepemimpinan parti mempengaruhi perkembangan ideologi ini seiringan dengan dasar dan gerak kerja parti untuk mendapatkan pengaruh daripada orang Melayu. Kedua, kajian ini juga bertujuan untuk menjawab persoalan kajian mengenai kewujudan elemen-elemen nasionalisme Melayu dalam PAS. Hal ini bermaksud kajian ini akan mengidentifikasi elemen-elemen nasionalisme Melayu yang ada dalam PAS dan bagaimana elemen-elemen ini terintegrasi dalam ideologi dan dasar parti disamping dapat mempengaruhi pemikiran orang Melayu untuk terus menyokong PAS dalam siri pilihan raya. Ketiga, kajian ini juga memaparkan ketokohan kepimpinan PAS dalam menangani pandangan dan justifikasi PAS terhadap ideologi nasionalisme Melayu.

Oleh itu, kajian ini akan menganalisis peranan pemimpin-pemimpin PAS dalam menangani pandangan dan justifikasi parti terhadap nasionalisme Melayu, serta bagaimana pemimpin-pemimpin ini mempengaruhi perkembangan dan penyebaran ideologi nasionalisme Melayu dalam PAS khususnya dalam kalangan ahli dan penyokong PAS. Akhirnya, dengan mengkaji elemen-elemen ini secara komprehensif, kajian ini akan memberikan pemahaman yang lebih jelas tentang perkembangan nasionalisme Melayu dalam PAS dan bagaimana ideologi ini telah mengalami perubahan dari masa ke masa.

1.10 Batasan Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat halangan dan batasan tertentu yang secara tidak langsung memberikan pengaruh kepada dapatan dan interpretasi kajian.

Batasan pertama, kajian ini melibatkan sebuah institusi politik kedua terbesar yang dianggotai oleh orang Melayu selepas UMNO. Maka, pengkaji perlu menjaga imej dan kredibiliti parti dengan rapi agar kajian ini tidak menimbulkan polemik pasca penyelidikan ini. Batasan kedua, kebanyakan pemimpin utama PAS telah meninggal dunia, hal ini menyukarkan pengkaji untuk mendapatkan informasi primier. Maka kepimpinan PAS era Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menjadi tonggak dalam kajian ini. Beliau juga merupakan informan dalam temu bual untuk kajian ini. Batasan ketiga, dokumen-dokumen yang diperolehi adalah sangat nadir (lama) dan sukar diperolehi. Sebahagiannya sukar untuk dianalisis dan dibaca kerana faktor dokumen yang sudah buruk, terkoyak, hilang muka surat sebahagiannya dan tulisan yang telah pudar. Maka, pengkaji memohon bantuan daripada pegawai parti di Pusat Arkib PAS Pusat dan Pusat Penyelidikan PAS Pusat untuk tujuan menganalisis dokumen-dokumen ini.

1.11 Kesimpulan

Kesimpulannya, perkembangan nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dari tahun 1951 hingga 2021 membuka tirai kepada penerokaan menyeluruh terhadap evolusi nasionalisme Melayu dalam konteks parti politik ini. Titik utama kajian yang bermula pada tahun 1951 adalah mencakupi konteks sejarah awal PAS, evolusi nasionalisme Melayu dalam parti, dan kesan nasionalisme ini terhadap strategi dan dasar politik parti sepanjang tahun sehingga titik akhir kajian iaitu tahun 2021. Hujah utama yang dikemukakan dalam kajian ini adalah idea PAS telah memainkan peranan penting dalam membentuk dan mempromosikan nasionalisme Melayu. Perkara ini dibuktikan dengan adanya advokasi konsisten parti terhadap hak-hak Melayu dan pengaruhnya terhadap landskap politik Malaysia melalui ucapan dasar Yang Dipertua PAS/Presiden PAS. Pemimpin PAS juga berhujah bahawa evolusi nasionalisme Melayu dalam PAS telah dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk iklim sosio-politik Malaysia, interaksi parti dengan entiti politik lain, dan dinamika organisasi dalaman dalam parti. Persoalan kajian yang perlu diperjelaskan dalam penyelidikan ini adalah sejauh mana elemen-elemen dan sifat nasionalisme Melayu wujud dalam PAS, bagaimana ia telah berkembang sepanjang masa, dan faktor-faktor yang telah mempengaruhi evolusi ini. Persoalan ini bertujuan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang hubungan antara PAS dengan nasionalisme Melayu serta bagaimana hubungan ini telah membentuk trajektori politik parti. Oleh itu, kajian ini menyediakan kerangka yang kukuh untuk meneroka perkembangan nasionalisme Melayu dalam PAS. Bahkan, kajian ini juga mengemukakan

hujah-hujah yang meyakinkan dan persoalan serta teori yang menetapkan medan untuk analisis yang menyeluruh terhadap tema dan naratif penyelidikan ini.



BAB DUA

SOROTAN KARYA

2.0 Pendahuluan

Bab ini bertujuan untuk menghuraikan beberapa ulasan karya yang terpilih mengenai sejarah kemunculan ideologi nasionalisme dan pengaruhnya selepas perang dunia pertama dan kedua khasnya pengaruh nasionalisme di Timur Tengah yang menjadi pemangkin kepada perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara. Dalam bab ini juga menghuraikan konsep dan definisi Nasionalisme dalam perspektif Barat, Islam dan Melayu. Perbincangan dalam bab ini juga berkisar pandangan nasionalisme dalam kalangan pemimpin Parti Islam Se-Malaysia (PAS) berdasarkan kepada beberapa karya yang terpilih.

2.1 Sejarah Perkembangan Nasionalisme Di Eropah : Dari Era Feudal kepada Revolusi Industri kemudian kepada Revolusi Perancis dan Kempen Perang Napoleon (1446-1914)

Nasionalisme mula timbul di Eropah sebagai satu bentuk reaksi kepada penentangan rakyat terhadap golongan feudal yang meletakkan kesetiaan rakyat terhadap golongan bangsawan, agamawan gereja dan raja yang memerintah daripada satu empayar atau dinasti. Menurut Marcel Knecht (1919) dan Barbara Ward (1946), awal kemunculan nasionalisme di benua Eropah dimulakan setelah runtuhnya Empayar Rom di Eropah Barat yang memberikan kesan kepada kemunculan kelompok-kelompok kesukuan masyarakat Eropah dan menjadi negara-negara Feudal. Semasa kemuncak kemegahan Zaman Pertengahan (Medieval Period), pengaruh

nasionalisme Eropah mula bertapak di Perancis khususnya di Wilayah Burgundi (1446 masihi) ketika itu diperintah oleh Charles The Bold (m.1447 masihi) yang memaksa rakyat di Wilayah Burgundi menggunakan Bahasa Perancis sebagai bahasa perantaraan yang mana sebelu itu mereka menggunakan Bahasa Latin semasa era Ceasar. Kemuncak kebangkitan rakyat Burgundi ini berlaku semasa peperangan yang dikenali sebagai *The Battle of Nancy* atau *Burgundian Wars* bagi menentang Duke of Lorraine Rene II yang menyebabkan kematian Charles The Bold dalam peperangan tersebut. Faktor yang mendorong kepada kebangkitan rakyat Burgundi ini adalah cengkaman pemerintah dalam urusan pemilikan tanah, pemaksaan penggunaan Bahasa Perancis bagi menggantikan Bahasa Latin dan pertikaian had sempadan wilayah Burgandia. Sejak kesedaran pasca The Battle of Nancy inilah Perancis mula menyedari bahawa negara itu menjadi asas kepada kelompok terbesar di Eropah Barat yang menjadikan Bahasa Perancis sebagai bahasa perantaraan.

Bahkan di Benua Inggeris juga berlaku perkara yang sama dengan kebangkitan rakyat Wilayah Normandie selepas berlakunya penjajahan Inggeris ke atas Wilayah Normandie. Lalu tercetusnya peperangan di antara John of England dengan Raja Philip II pada tahun 1204 masihi. Penguasaan Inggeris ke atas Wilayah Normandie ini didorong oleh isu pemaksaan penggunaan Bahasa Inggeris ke atas penduduk Normandie yang sebelum ini menggunakan Bahasa Perancis, tanah dan pemerintahan. Nyalaan api kebangkitan rakyat Normandie ini merupakan kebangkitan ideologi nasionalisme di Perancis yang berlarutan beberapa kurun melalui kebangkitan rakyat di wilayah Burgandia dan Normandie. Kedua-duanya terletak di dalam negara Perancis yang menjadi punca awal kemunculan ideologi nasionalisme di Benua Eropah yang berpaksikan kepada penguasaan pemerintah yang memberikan tekanan

kepada rakyat.⁴⁰ Ketika Revolusi Perancis terjerumus ke kancah persengketaan, terdapat rayuan untuk menjana kembali perpaduan dalam kalangan rakyat Perancis. Namun ia tidak dapat dielakkan dalam kalangan pemerintah elit Perancis dan Jacobin⁴¹ yang saling bertengkar semasa awal kerajaan Perancis menjadi sebuah negara Republik. Selepas Perancis memasuki era peperangan revolusi pada tahun 1792, kitaran konflik menjadi lebih kritikal. Keganasan revolusi menjadi faktor utama kepada peperangan ini. Menurut ahli sejarah, David A. Bell yang menjelaskan *Battle of Valmy* yang berlaku pada 20 September 1792⁴² menyaksikan pertempuran di antara Tentera Perancis yang dipimpin oleh Jeneral François Kellermann dan Charles Dumouriez yang ketika itu berhenti berhampiran sebuah kampung di utara Valmy dalam wilayah Champagne-Ardenne dengan Tentera Prussia yang dipimpin oleh Duke of Brunswick yang dalam perjalanan ke Paris bagi menumpaskan kebangkitan Revolusi.

Pertempuran Valmy ini telah menunjukkan penggunaan elemen ketenteraan pertama dalam sejarah manusia yang diilhamkan oleh pengaruh nasionalisme dan mendukung aspirasi *Vive el nation* (David A. Bell, 2008). Walaupun kemenangan tentera Perancis tersebut disebabkan oleh faktor cuaca buruk, namun propaganda kelompok Jacobin mengaitkannya sebagai mitos bagi tujuan melemahkan pengaruh elitis Paris. Kesan peperangan ini adalah bagi menzahirkan gelombang keghairahan

⁴⁰ Knecht, M. (1919). The French Peace Commissioners: III. *The North American Review*, 210(764), 4. Lihat juga dalam Ward, Barbara. (1946). Europe Debates Nationalization. *Foreign Affairs*, 25(1), 14.

⁴¹ Jacobin ialah Persatuan Sahabat Perlembagaan (Bahasa Perancis: Société des Amis de la Constitution), selepas 1792 dinamakan semula Persatuan Jacobin, Friends of Freedom dan Kesaksamaan (Société des Jacobins, Amis de la liberté et de l'égalité), biasanya dikenali sebagai Kelab Jacobin (Club des Jacobins) menjadi kelab politik paling berpengaruh semasa Revolusi Perancis 1789 dan seterusnya. Tempoh penguasaan politik mereka semasa Perancis membentuk menjadi sebuah negara Republik, terdapat lebih sepuluh ribu orang dibicarakan dan dilaksanakan di Perancis, kebanyakannya disebabkan jenayah politik.

⁴² Battle of Valmy (Pertempuran Valmy) merupakan kemenangan besar pertama oleh tentera Perancis semasa Perang Revolusi yang menyusul selepas itu kebangkitan Revolusi Perancis. Tindakan itu berlaku pada 20 September 1792. Pertempuran ini berlaku di sebuah desa yang dikenali Valmy.

dan kepercayaan terhadap tentera Perancis untuk berjuang atas nama '*freedom*' (kebebasan) sekaligus memberikan semangat kepada tentera Perancis yang dikenali sebagai *Immortality* (keabadian) dan *Invincibility* (sukar untuk dikalahkan). David A. Bell mengenal pasti peristiwa Pertempuran Valmy sebagai '*first total war*' (Peperangan Yang Sebenar). Kesan daripada Peperangan Valmy, buat kali pertama bilangan lelaki Perancis yang siap sedia mengorbankan diri mereka di barisan hadapan menjadi begitu bersemangat dan mempunyai ketegasan yang tinggi untuk mempertahankan kemegahan Revolusi Perancis. Dalam sejarah kebangkitan revolusi di Perancis, belum pernah terjadi semangat berani mati yang tunjukkan oleh lelaki Perancis. Pengaruh nasionalisme ini merupakan usaha golongan elitis Paris bagi menaikkan emosi dan semangat nasionalisme dan patriotisme yang menjadi asas kepada Revolusi Perancis.⁴³ Walaupun begitu, perjuangan *fratricidal* (perang saudara) di kalangan elit revolusioner, pendukung populisme dan nasionalisme Perancis telah berkembang dalam seluruh spektrum politik-ideologi. Oleh itu, perang pertama yang berlaku di Desa Valmy merupakan perang yang diiktiraf juga sebagai perang ideologi menegakkan nasionalisme. Impaknya ia memberikan satu asas kepada penubuhan sebuah negara moden yang pertama dengan kejayaan menegakkan ideologi baru yang dikaitkan dengan idea nasionalisme sebagai satu bentuk kemodenan dan kemajuan.

Sejak dari Julai 1791, sebelum peperangan Valmy bermula, sehingga bulan Julai 1794, tentera Perancis sering menjadi sasaran propaganda yang sangat hebat daripada kelompok Jacobin, dengan 7 juta salinan pelbagai nota anti-revolusioner telah diedarkan dalam kalangan tentera Perancis sama ada yang berpangkat tinggi atau

⁴³ Bell, David. A. (2008). *The First Total War: Napoleon's Europe and the Birth of Modern Warfare*. London: Bloomsbury Publisher.

rendah. Namun, kebanyakan mereka tidak dapat membaca atau menulis nota-nota propaganda tersebut (Lynn, 1984)⁴⁴. Oleh kerana kerahan ketenteraan Perancis digerakkan atas dasar mempertahankan kehormatan *La Patrie* (Ibu pertiwi / tanahair), tentera Perancis sering dinobatkan dengan ungkapan '*collective will*' (Pendukung Cita-cita Bangsa). Oleh itu, perang telah digambarkan sebagai wadah yang terbaik untuk pembinaan negara. Sebelum *Levéé*⁴⁵, sukarelawan telah didoktrinkan melalui pelbagai kesan visual, ceramah dan media mengenai kemegahan Revolusi Perancis. Tentera juga dikelilingi oleh suasana perayaan yang diselangi dengan alunan muzik untuk mempertahankan diri. Manakala untuk golongan elit bandar (Parisian), mereka menjadi sebagai alat pengerahan *de facto* yang bertujuan membina konsep 'negara bangsa' dengan menjadikan nasionalisme sebagai ideologi *inter-class* yang lebih luas dan sesuai untuk menggerakkan serta mengembangkan taraf penduduk yang sebahagian besarnya berada di luar bandar sebagaimana yang diungkapkan oleh Posen (1983), "*Tentera (Perancis) adalah Gerakan massa pertama yang bergantung akhirnya kepada revolusi politik yang berideologi nasionalisme, menekankan kesaksamaan dan masyarakat Frenchmen (Bangsa Perancis)*".⁴⁶

Para sejarahwan berpendapat Kempen Napoleon yang bermula pada tahun 1803 sehingga tahun 1815 iaitu pasca peperangan Revolusi Perancis merupakan simbiosis yang mempunyai kesinambungan Perang Revolusi Perancis. Terdapat kesan lebih langsung terhadap penyebaran nasionalisme yang menguatkan hubungan

⁴⁴ Lynn, J. A. (1984). *The Bayonets of the Republic: Motivation and Tactics in the Army of Revolutionary France, 1791–94*. Chicago: The University of Illinois.

⁴⁵ *Levéé* atau *Levéé en messe* ialah sebuah upacara untuk menaikkan semangat, didalam upacara ini pemerintah elitis Parisian akan memberikan kata-kata semangat, pendorong dan pujian kepada tentera-tentera Perancis yang akan keluar untuk berperang. Lihat dalam Wolfgang Schivelbusch, yang diterjemahkan oleh Jefferson Chase, *The Culture of Defeat* hal. 8 yang menjelaskan peranan upacara *Levéé en messe* ini.

⁴⁶ Posen, B. R. (1993). Nationalism, the mass army, and military power. *International Security*, 18(2), 44.

Napolean dengan peperangan. Pencerobohan Napoleon Bonaparte di Perancis bukan hanya dibuat di seluruh institusi '*proto-national*'⁴⁷ di Eropah yang berfungsi sebagai embrio bagi negara-negara bangsa yang baru lahir, tetapi juga menimbulkan reaksi nasionalis yang tidak pernah berlaku terhadap pasukan penjajahan Perancis seperti penaklukan Perancis di Jerman, Rusia, Itali, Portugal, dan Sepanyol. (Esdaile, 2004)

Gerakan nasionalisme Napoleon juga berslogankan '*nation-in-arm*'⁴⁸ iaitu negara bersenjata yang agresif menyebarkan dinamika cita-cita kebangsaan Perancis ke seluruh jajahan takluknya secara peperangan dengan membawa misi warganegara adalah tentera dan tentera adalah warganegara (*citizens-soldiers-citizens*). Projek Napoleon yang 'bersenjata bangsa' dengan 'warganegara-tentera-warganegara' dilaksanakan dengan pelbagai tahap intensiti. Oleh itu, Napoleon telah menggerakkan *conscription* (kerahan tenaga) kepada seluruh pemuda dan pemuda yang dimulakan di banyak negara jajahan Perancis yang maju dan membangun dari Prusia ke Rusia kemudian merebak ke Turki dan telah dicontohi oleh negara Jepun. Ia dilaksanakan dengan bentuk nasionalisme yang ekstrem. Contohnya di Jepun, pemerintah Dinasti Meiji yang baru (yang memerintah dari tahun 1870 sehingga tahun 1881) telah mengubah sistem kelas masyarakat Jepun iaitu dari golongan samurai kepada kelas masyarakat tentera Imperial Jepun (Meiji) melalui penerapan ideologi

⁴⁷ Napoleon Bonaparte telah melaksanakan gagasan nasionalisme menurut perspektifnya dengan memperkasakan seluruh institusi yang bersifat Porto-Nasional yang bermaksud institusi yang mendoktrinkan dan mempersiapkan masyarakat Perancis dan jajahan takluknya untuk menjadi masyarakat yang tinggi semangat nasionalisme (*future of nationalism society*). Peranan Institusi ini akan menyakinkan masyarakat bahawa ideologi nasionalisme merupakan solusi kepada masalah-masalah sosial yang timbul dalam kalangan masyarakat dan berusaha untuk meluruskan pandangan masyarakat dengan ideologi nasionalisme ini. Lihat dalam Esdaile, Charles. (2004). *Popular Resistance in the French Wars : Patriots, Partisans and Land Pirates*. In C. Esdaile (Ed.). Basingstoke: Palgrave Macmillan.

⁴⁸ Dalam maksud yang lain, kehebatan sesebuah negara terletak kepada kekuatan ketenteraan dan kehebatan mengatur strategi peperangan dengan menyerap tentera juga adalah warganegara dan warganegara adalah tentera.

nasionalisme, pendidikan, dan kerahan tenaga.⁴⁹ Projek nasionalisme Napoleon ini juga dilaksanakan oleh Benito Mussolini di Itali yang mewajibkan kerahan tenaga. Ia adalah salah satu daripada langkah pertama yang diambil pada tahun 1860 oleh Kerajaan Mussolini yang ditubuhkan di Itali. Sejak mula lagi, Mussolini bertindak seiring dengan menstruktur identiti Itali dengan pendidikan dan kesatuan rakyat. Ia sekaligus menjadikan Projek Napoleon ini sebagai instrumen untuk membangun perpaduan sosial dan menundukkan pandangan politik rakyat (Bond, 1984).⁵⁰

2.2 Perkembangan Nasionalisme Semasa Perang Dunia Pertama (1914-1918)

Perang Dunia Pertama tercetus pada tahun 1914 selepas pembunuhan Archduke Franz Ferdinand of Austria⁵¹ dan berlangsung sehingga tahun 1918. Peperangan ini melibatkan di antara gabungan ketenteraan Jerman, Austria-Hungary, Bulgaria dan Empayar Uthmaniyyah sebagai Pemusatan Kuasa (Consolidation Power) bagi menentang gabungan ketenteraan Britain, Perancis, Rusia, Itali, Romania, Jepun dan Amerika Syarikat (selaku Kuasa Bersekutu). Impak daripada peperangan ini mencetus kepada perubahan teknologi ketenteraan baharu dan metod peperangan menggunakan terowong dan parit. Perang Dunia Pertama menyaksikan tahap pembunuhan dan kemusnahan yang belum pernah berlaku dalam siri peperangan

⁴⁹ Lihat dalam Harries, Meirion. Harries, Susie. (1991). *Soldiers of the Sun: The Rise and Fall of the Imperial Japanese Army*. New York: Random House.

⁵⁰ Bond, Brian. (1986). *War and Society in Europe, 1870–1970*. Oxford: The Oxford University Press, hal. 8.

⁵¹ Archduke Franz Ferdinand dari Austria dan isterinya, Sophie ditembak mati oleh seorang nasionalis Serbia-Bosnia semasa lawatan rasmi mereka ke ibu kota Bosnia di Sarajevo. Pembunuhan mencetuskan siri peristiwa yang membawa kepada tercetusnya Perang Dunia Pertama pada awal bulan Ogos. Pada 28 Jun 1919, lima tahun selepas kematian Franz Ferdinand, Jerman dan Kuasa Berikat menandatangani Perjanjian Versailles, dengan secara rasmi menandakan berakhirnya Perang Dunia Pertama. Tujuan Archduke mengembara ke Sarajevo pada bulan Jun 1914 adalah untuk memeriksa angkatan tentera imperial di Bosnia dan Herzegovina, dirampas oleh Tentera Austria-Hungary pada tahun 1908. Situasi ini telah menimbulkan kemarahan nasionalis Serbia, bahawa mereka percaya wilayah Bosnia harus menjadi sebahagian daripada Serbia. Sekumpulan kaum nasionalis muda Serbia telah merancang plot untuk membunuh Arkduke semasa lawatannya ke Sarajevo, dan Gavrilo Princip yang berusia 19 tahun berjaya menembak pasangan diraja di jajaran Sarajevo, ketika mereka melakukan perjalanan dalam prosesi rasmi mereka, tembakkan itu telah membunuh kedua-duanya dengan serta-merta. Lihat dalam Annika Mombauer (2019). *The assassination of Franz Ferdinand*. London: The Open University.

sebelumnya. Pada masa perang ini telah berakhir dan Kuasa Bersekutu mendakwa mereka telah mencapai kemenangan, namun lebih daripada 16 juta tentera dan orang awam telah terkorban (Annika, 2019; Conversi, 2007).⁵² Dalam pandangan lain, faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama ialah disebabkan oleh proses pembentukan negara-negara Eropah moden, penyerapan semangat nasionalisme dan patriotism Eropah, pengukuhan kolonialisasi Eropah ke negara-negara Afrika dan Asia Barat, pengembangan ekonomi, ledakan industri berat, dan kemajuan teknologi yang belum pernah berlaku sebelum ini sekaligus menyebabkan pembentukan ketumbukkan tentera yang tidak terkawal. Pada akhirnya menyebabkan letusan Perang Dunia Pertama.⁵³

2.3 Kemuncak Hegemoni Nasionalisme Pasca Perang Dunia Kedua (1941-1945)

Evolusi ideologi nasionalisme pasca perang Dunia Pertama (1914-1918) dan perang Dunia Kedua (1941-1945) juga dikaitkan dengan konsep perang dan nasionalisme (*war and nationalism*) seperti yang dijelaskan oleh Charles Till menyatakan rakyat mengungkapkan kerinduan terhadap negara sebagai satu bentuk pengekalan hegemoni dan kawalan setelah sekian lama mereka berada di dalam abad yang paling gemar berperang dalam sejarah manusia dengan kira-kira 275 peperangan. Sekaligus menyebabkan lebih daripada 115 juta kematian orang awam sepanjang abad ke 19 (Tilly, 1990).⁵⁴ Begitu juga pandangan yang sama dijelaskan oleh Micheal Mann yang menyatakan bahawa, bilangan yang terkorban dalam perang Dunia Pertama dan

⁵² Conversi, Daniele. (2007). Homogenisation, nationalism and war: should we still read Ernest Gellner? *Nations and Nationalism*, 13(3), 23. Lihat juga dalam Mombauer, Annika. (2019). *The assassination of Franz Ferdinand*. London: The Open University.

⁵³ Conversi, *ibid*, hal. 23

⁵⁴ Tilly, Charles (1990). *Coercion, Capital, and European States, AD. 990–1990*. Cambridge: Cambridge University Press, hal. 6

Kedua masih 'optimis' kerana mereka yang terkorban belum lagi termasuk beratus-ratus juta mangsa yang telah dibunuh oleh kerajaan, melalui dasar pembunuhan beramai-ramai (Genocide), *politicide* (sikap politikus), kebuluran, imigrasi dan pemindahan penduduk, manipulasi ekonomi, dan penyakit-penyakit yang berkaitan dengan peperangan (Mann, 2005).⁵⁵

Apatah lagi dengan pendirian ahli sejarah menyatakan kesan peperangan untuk mengekalkan hegemoni ini memberikan impak besar sebagaimana kenyataan Diamond (2003) menjelaskan sehingga Perang Dunia Kedua berakhir, lebih banyak mangsa peperangan meninggal dunia akibat penyakit bawaan mikrob yang muncul semasa dan selepas perang akibat daripada kecederaan parah ketika dalam pertempuran" (Diamond, 2003).⁵⁶ Tilly (1985) pula menggambarkan keadaan peperangan hegemoni sesebuah negara moden dianggap sebagai sebuah organisasi jenayah yang dibina atas bebanan percukaian rakyat yang telah dimanipulasikan, hidup rakyat kian yang terancam, maka yang dengan demikian itu pemerintah sesebuah negara menawarkan perlindungan ke atas rakyat atas nama 'ketenteraan'. Lebih kritikal lagi, pihak tentera memainkan peranan utama, mempengaruhi kedua-dua alat negara (rakyat dan pemerintah) dan lain-lain organisasi termasuk, pada masa akan datang khasnya firma dan syarikat perniagaan. Kerana itu sebahagian besarnya syarikat perniagaan terlibat didalam bidang perniagaan ketenteraan sebaliknya yang berkuasa ialah pihak pemerintah tentera yang hidup dalam gaya moden.⁵⁷

⁵⁵ Mann, Michael. (2005). *The Dark Side of Democracy: Explaining Ethnic Cleansing*. Cambridge: Cambridge University Press.

⁵⁶ Diamond, Jared M. (2003). *Guns, Germs, and Steel : The Fates of Human Societies*. New York: W.W Norton, hal.197.

⁵⁷ Lihat dalam Tilly (1983), hal. 113

Selain itu juga, pasca perang dunia kedua ini juga memberikan signifikan kepada mangsa-mangsa peperangan bahawa nasionalisme yang tercetus di Eropah membawa makna kepada tragedipembunuhan beramai-ramai bahkan diakui oleh semua sarjana Eropah, mereka berpandangan peperangan bukan sahaja mencetuskan ideologi nasionalisme malah pembunuhan orang awam juga tidak dapat dielakkan (Markusen dan Kopf, 2005).⁵⁸

2.4 Pengaruh Dan Perkembangan Awal Nasionalisme Eropah Di Timur Tengah (1919-1924)

Menurut pandangan Findley (2010), kelahiran nasionalisme di Timur Tengah berpunca daripada asas-asas permodenan yang berlaku di dalam Empayar *Uthmaniyyah* yang bermula pada akhir abad ke-18. Terdapat perbahasan dalam kalangan golongan elit *Uthmaniyyah* yang berpendidikan tinggi di negara-negara Eropah yang mula membincangkan secara terbuka mengenai faktor-faktor yang memberikan impak kepada kemunduran ekonomi dan gangguan politik di dalam pemerintahan empayar Turki *Uthmaniyyah* yang kemudiannya melahirkan bibit-bibit pencarian untuk melaksanakan satu gerakan pembaharuan di dalam Empayar Turki *Uthmaniyyah*. Politik Empayar *Uthmaniyyah* pasca Perang Dunia Pertama ini yang memberikan kesan yang kritikal kepada pengaruh kesultanan Turki *Uthmaniyyah* dengan kekalahan empayar itu dalam peperangan di Balkan khasnya, kemunculan pelbagai idea politik yang berpaksikan Barat mula menyusup ke dalam Empayar Turki *Uthmaniyyah*. Penyusupan idea-idea moden ini adalah melalui kelompok elit *Uthmaniyyah* yang dahulunya telah dihantar oleh para Khalifah atau Sultan

⁵⁸ Markusen, E., Kopf, David. (1995). *The Holocaust and Strategic Bombing : Genocide and Total War in the Twentieth Century*. Boulder: Westview Press.

Uthmaniyyah ke negara-negara Barat bagi menerima pendidikan tinggi. Apabila pelajar-pelajar Turki *Uthmaniyyah* ini pulang ke negara asal, mereka membawa idea-idea Barat dan beberapa konsep seperti kebebasan (*freedom*), persamaan (*equality*), dan negara (*the state*). Penggunaan dan pengaruh akhbar yang semakin meningkat secara beransur-ansur di dalam empayar *Uthmaniyyah* pada abad ke-19, idea-idea ini mula menyebarkan dalam kalangan para elit dan intelektual muda Turki *Uthmaniyyah*. Sesetengah intelektual *Uthmaniyyah* yang mula dipengaruhi oleh pemikiran Barat kemudiannya menjadi penasihat kepada sultan-sultan *Uthmaniyyah* dengan idea-idea yang lebih moden dan bersifat kebaratan (*Westernization*).⁵⁹

Semasa empayar Turki *Uthmaniyyah* berada dalam keadaan yang lemah dan ditambah lagi dengan ancaman eksistensial dalam pelbagai bidang, menuntut Sultan Turki *Uthmaniyyah* pada ketika itu Sultan Abdul Hamid II (yang memerintah dari tahun 1876 sehingga 1909 masihi) untuk melaksanakan satu penyelesaian yang segera bagi memastikan pengaruh Turki *Uthmaniyyah* kekal juga untuk menonjolkan lagi kehebatan Sultan Abdul Hamid II sebagai negarawan *Uthmaniyyah* yang ulung. Namun kelemahan Sultan Abdul Hamid II itu memberikan kesempatan kepada zaman pembaharuan yang lebih dikenali sebagai *Tanzimat*⁶⁰ yang bermula pada tahun 1839 masihi merupakan lonjakan kemodenan Turki ke hadapan pada abad ke-19. Dalam pada masa yang sama, empayar Turki *Uthmaniyyah* semakin lemah dan semakin banyak negara lain memberi tekanan kepada pentadbiran *Uthmaniyyah* untuk

⁵⁹ Findley, C. V. (2010). *Turkey, Islam, Nationalism and Modernity: A History, 1789–2007*. New Haven: Yale University Press.

⁶⁰ *Tanzimat* merupakan era pembaharuan Turki *Uthmaniyyah* yang memberikan jalan kepada para Sultan *Uthmaniyyah* bagi membina kembali kegemilangan empayar Turki *Uthmaniyyah* selepas mengalami kekalahan dalam peperangan Dunia Pertama disamping memperbetulkan semula taraf sosioekonomi rakyat yang bernaung dibawah empayar Turki *Uthmaniyyah*. Lihat dalam Nora Lafi (2007). *The Ottoman Municipal Reforms between Old Regime and Modernity: Towards a New Interpretative Paradigm*. Kertas persidangan ini dibentang di *The First International Symposium on Eminönü, Istanbul*.

membuat pembaharuan. *Edict Reform Imperial* (juga dikenali sebagai era reformasi *Islahat*), yang merupakan sebahagian daripada pembaharuan Tanzimat, muncul sebagai lompatan kedua ke arah permodenan Barat pada tahun 1856 masihi . Empayar *Uthmaniyyah* berusaha untuk mengasimilasikan institusi pentadbiran di Istanbul dengan mengikut acuan Barat seperti penubuhan parlimen. Ia diusahakan oleh satu gerakan nasionalis dan kelompok pemisahan di berbagai bahagian wilayah dan tanah jajahan Turki *Uthmaniyyah* yang sangat luas, terutama di Rantau Balkan. Gerakan *separatism* (pemisah) oleh orang Greece, Serbia dan orang Bulgaria telah mencetuskan idealisme kebangsaan Turki yang diterima pakai oleh gerakan rahsia yang dikelolakan oleh kelompok elit Turki Muda yang dikenali sebagai *The Ottoman Committee of Union and Progress* (CUP) atau lebih dikenali sebagai *İttihad-ı Osmani Terakki Cemiyeti*⁶¹ yang bermatlamat untuk menawan kuasa politik dan pemerintahan Sultan Turki *Uthmaniyyah* pada tahun 1908 melalui aksi kudeta ke atas Istana Sultan Abdul Hamid II. Gerakan ini pada akhirnya dikenali sebagai "*The Young Turk Revolution*" atau Gerakan Revolusi Turki Muda terhadap Abdul Hamid II yang telah memimpin Empayar Turki *Uthmaniyyah* selama tiga dekad (Tibi, 1997; Nora Lafi, 2007; Jacob Mazanec, 2016).

⁶¹ Bassam Tibi (1997) menjelaskan CUP yang ditubuhkan pada bulan Februari 1889 merupakan gerakan rahsia yang diketuai oleh bekas pelajar tajaan Empayar Turki *Uthmaniyyah* bagi mengikuti kursus ijazah perubatan di beberapa buah negara eropah. Gerakan ini diketuai oleh Ibrahim Temo, Mehmed Reshid, Abdullah Cevdet, İshak Sükutî, Ali Hüseyinzade, Kerim Sebatî, Mekkelî Sabri Bey, Nazım Bey, Şerafettin Mağmumi, Cevdet Osman dan Giritli Şefik yang kemudiannya menjadi sebuah gerakan yang mendesak supaya Empayar Turki *Uthmaniyyah* ini mengikut jejak langkah Barat bagi memodenkan negara itu serta menjadi lebih agresif apabila Mustafa Kamel Atatürk mengetuai gerakan ini sehingga berjaya meruntuhkan sistem pemerintahan Khalifah pada bulan Mac 1924. Lihat dalam Nora Lafi (2007) *The Ottoman Municipal Reforms between Old Regime and Modernity: Towards a New Interpretative Paradigm*. Lihat juga dalam Mazanec, J. (2016). *The Ottoman Empire at the Beginning of Tanzimat Reforms. Prague Papers on the History of International Relations*, 1(2). Tibi, B. (1997). *Arab Nationalism, Between Islam and the Nation-State*. London: Palgrave Macmillan.

CUP menyebarkan idea nasionalisme Turki dengan menggunakan platform intelektual, khususnya di sekolah-sekolah ala Barat yang diasaskan dalam empayar Turki *Uthmaniyyah*, serta menjadikannya sekolah-sekolah yang berorientasikan nasionalisme dan sekularisme. Ia kemudiannya disebut sebagai dasar *Türkleştirme*⁶² (Turkifikasi atau Asimilasi Turki Moden). Rantau utama empayar Turki *Uthmaniyyah* dan tanah jajahannya mula dipengaruhi oleh dasar-dasar *Türkleştirme* tajaan CUP seperti Wilayah-wilayah Arab di Timur Tengah. Berdasarkan polisi inilah lahirnya nasionalisme Arab dalam persekitaran politik pada awal abad ke-20 (Fuat Dündar, 2002).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pandangan yang menjelaskan bahawa kemunculan nasionalisme Arab ini sebenarnya bermula di Tanah Arab itu sendiri tanpa dipengaruhi oleh kejatuhan empayar Turki *Uthmaniyyah* pada tahun 1924. Hal ini dijelaskan oleh Rubin (1991) yang menyatakan bahawa idea dan cetusan nasionalisme Arab ini sebenarnya didorong oleh persepsi bangsa Arab adalah bangsa yang miskin, kotor dan tidak berkuasa berbanding dengan bangsa Eropah dan bangsa Turki. Beberapa intelektual Arab terkemuka yang dibesarkan di sekolah-sekolah Barat moden yang ditubuhkan dengan pembaharuan *Tanzimat* berpendapat bahawa terdapat cara baru yang perlu dibangunkan untuk menyelamatkan orang-orang Arab dari kemunduran.⁶³ Pandangan yang sama turut dinyatakan oleh Gelvin (1994) bahawa

⁶² *Türkleştirme* merupakan polisi yang diperkenalkan oleh CUP untuk merekayasakan empayar Turki *Uthmaniyyah* menjadi sebuah empayar moden dengan memastikan semua pendokongnya mengikuti setiap aliran permodenan yang berlaku di Eropah. Lihat dalam Findley (2010) menjelaskan implikasi proses asimilasi *Türkleştirme* ini, ideologi nasionalisme dan sekularisme yang didokong oleh Mustapha Kamel Atatürk telah menjadi asas kepada pembinaan Republik Turki. Lihat dalam Findley, C. V. (2010). *Turkey, Islam, Nationalism and Modernity: A History, 1789–2007*. New Haven: Yale University Press. Lihat juga Dündar, F. (2008). Turkish Nationalism: The trauma of Unitarist Turkification and Social Engineering. Dalam *The settlement policy of the Committee of Union and Progress (1913-18)* trans. English. Ankara: İletişim Yayınları.

⁶³ Rubin, B. (1991). Pan-Arab Nationalism: The Ideological Dream as Compelling Force. *Journal of Contemporary History*, 26(3).

kemunculan nasionalisme Arab di Timur Tengah adalah saling berkait rapat dengan kelemahan empayar *Uthmaniyyah* yang mendedahkan wilayah-wilayah Arab kepada penjajahan oleh kuasa-kuasa Eropah. Lantaran itu perkara tersebut mula disedari oleh para pemimpin Arab yang mendapat pendidikan di Turki dan Eropah. Maka kemunculan nasionalisme Arab ini adalah bermula dengan asimilasi politik Barat oleh pemimpin Arab yang berpendidikan Turki dan Eropah tanpa memperdulikan isu kelemahan empayar *Uthmaniyyah*.⁶⁴ Kemunculan nasionalisme Arab digerakkan oleh beberapa figura yang sangat dikenali oleh masyarakat Arab apabila jajahan-jajahan takluk Turki *Uthmaniyyah* mula berpecah. Antara penggerakannya ialah Shukri al 'Asali, Muhibb Al Deen Al Khatib dan Muhammad Kurd Ali yang berpusat di Syria⁶⁵. Manakala Abd Ghani al 'Uraisy pula menggerakkan nasionalisme Arab di Beirut, Lubnan dan beliau merupakan anggota Gerakan *Fatat*.^{66,67} Abdel Kareem Al Khalil pula menggerakkan nasionalisme Arab di Mesir semasa empayar Turki *Uthmaniyyah*

⁶⁴ Gelvin, J. L. (1994). The Social Origins of Popular Nationalism in Syria: Evidence for a New Framework. *International Journal of Middle East Studies*, 26(4).

⁶⁵ Al 'Asali merupakan seorang penulis dan wartawan di Damsyik manakala Al Khatib pula merupakan seorang Ulama' Sufi yang berpengaruh juga di Damsyik dan Muhammad Kurd Ali pula merupakan seorang tokoh sejarah Arab yang menjadi pengajar di Universiti Damsyik, Syria. Rujuk Haddad, M. (1994). The Rise of Arab Nationalism Reconsidered. *International Journal of Middle East*, 26(2), 21.

⁶⁶ Abd Ghani 'Uraisy merupakan Editor Akhbar *Al Mufid* yang berpengaruh di Beirut, Lubnan dan merupakan salah seorang daripada tokoh intelektual Arab yang mendapat pendidikan di Ankara. Beliau juga merupakan anggota gerakan *Fatat* iaitu golongan muda Arab untuk kemerdekaan seluruh Wilayah Arab daripada penjajahan British dan Perancis. Lihat dalam Marwan Buheiri (1981). *Intellectual life in the Arab East, 1890-1930*, Cairo : The American University of Cairo Press

⁶⁷ Persatuan Arab Muda (*Jam'iyyat al-Arabiyya al-Fatat*) yang diasaskan di Istanbul pada tahun 1911 sebagai sebuah pertubuhan rahsia oleh Awni Abd al-Hadi dan Muhammad Rustum Haydar sebagai pengasas Persatuan ini. Ia bertujuan untuk memupuk idea nasionalisme Arab di kalangan warga Arab yang bernaung dibawah Empayar Turki Uthmaniyyah dan memulakan kempen menentang dasar Turkifikasi oleh CUP (*Itihad ve Terakki Cemiyeti*). Selain itu, ramai pelajar Arab membentuk persatuan kecil dan menganjurkan aktiviti akar umbi, terutamanya di Istanbul, atas nama nasionalisme Arab. Dalam erti kata lain, nasionalisme Arab, secara politiknya, bermula sebagai gerakan pelajar yang keanggotaannya ialah mereka yang belajar di institusi pengajian tinggi Empayar Uthmaniyyah, terutamanya dalam bidang farmasi, perubatan, dan kejuruteraan. Pada ketika ini, seseorang anggota *Fatat* dapat dengan mudah denngan melihat persamaan yang ketara antara kelahiran nasionalisme Turki sama ada beliau dari gerakan pelajar atau autentik daripada kelahiran nasionalisme Arab itu sendiri. Para nasionalis Arab beranggapan bahawa pelajar pertama persatuan nasionalis Arab dan pendokong pertubuhan rahsia kecil kebanyakannya dari kalangan orang Arab Syria. Mereka mengutamakan penggunaan bahasa Arab Fushah dalam semua aspek kehidupan moden, menekankan perpaduan negara di kalangan orang-orang Arab Uthmaniyyah dan berusaha untuk menyebarkan nasionalisme Arab untuk merekrut lebih banyak ahli ke dalam persatuan mereka. Lihat dalam Dawisha, A. (2016). *Arab Nationalism in the Twentieth Century: From Triumph to Despair - New Edition with a new chapter on the twenty-first-century Arab world*. Princeton University: The Princeton Press.

mula lemah pada tahun 1918 dan beliau dikenali sebagai pelopor nasionalis Arab Mesir.⁶⁸

2.5 Perkembangan Nasionalisme Arab Moden Pasca Keruntuhan Empayar

Turki Uthmaniyyah (1924-1952)

Perkembangan nasionalisme arab moden wujud apabila berdirinya konsep Pan Arabisme. Terma Pan Arabisme digunakan secara meluas merangkumi wilayah-wilayah Arab di Utara Benua Afrika seperti Mesir, Algeria, Tunisia dan Libya termasuk jugalah di kawasan wilayah Trans-Jordan seperti Syria, Palestine, Lubnan dan Selatan Turki serta Semenanjung Tanah Arab. Maka, terma Pan Arabisme ini tidak terhad dalam sesuatu kawasan yang kecil atau terhad kerana pendokong konsep Pan Arabisme ini datang dari beberapa buah wilayah Arab dan Utara Afrika. Namun, para pengkaji sejarah kebangkitan bangsa Arab pasca perang dunia pertama dan keruntuhan empayar Turki *Uthmaniyyah* lebih banyak menggunakan konsep nasionalisme Arab.⁶⁹ Oleh itu, dalam beberapa pandangan sejarah perkembangan nasionalisme Arab pasca keruntuhan empayar Turki *Uthmaniyyah* bermula di Mesir⁷⁰ dan Syria Raya (The Greater of Syria)⁷¹. Oleh itu pandangan kebanyakan ahli sejarah menyatakan bahawa

⁶⁸ Yusof Kazim menyatakan bahawa Abdel Kareem Al Khalil mula menggerakkan semangat nasionalisme Arab untuk menjatuhkan empayar Turki Uthmaniyyah bermula pada tahun 1911 sehingga 1918 di Mesir. Beliau mendapat pendidikan tinggi di Istanbul semasa era Turki Uthmaniyyah sebelum kembali ke Mesir bagi meniup semangat nasionalisme dalam kalangan pemuda Mesir bagi menentang korupsi sultan-sultan Uthmaniyyah. Lihat dalam Yusof Kazim (2017). *Abdel Kareem Al Khalil mash'al al-'Arab al-awwal, 1884-1915*. Beirut : Dar Al Farabi.

⁶⁹ Cendekiawan terkemuka Elie Chalala menggunakan istilah Pan Arabisme didalam artikelnya yang bertajuk *Nationalism Arab: A Essay Bibliografi*. Terdapat juga istilah ini didalam Elie Chalala. 1987. *Pan-Arabisme and Arab Nationalism : The Continuing Debate*, ed. Tawfic E. Farah. Colorado: Westview Press, sedangkan ulama terkemuka Syekh Dr Rashid Khalidi. dalam artikelnya, Rashid Khalidi. 1991. *The Origin of Arab Nationalism: An Introduction of Arab Nationalism*, ed. Rashid Khalidi, Lisa Anderson, Muhammad Muslih, dan Reeva S. Simon. New York: Columbia University Press., dan Adeed Dawisha dalam karyanya, *Arab Nationalism in the Twentieth Century: From Triumph to Despair - New Edition with a new chapter on the twenty-first-century Arab world*. Princeton University: The Princeton Press., turut menggunakan terma *Arab Nationalism*.

⁷⁰ Pandangan yang mengatakan kebangkitan Nasionalisme Arab Moden atau Pan Arabisme bermula di Mesir ialah Elie Chalala (1986) dalam artikelnya yang bertajuk *Central Issues in the Arab Nationalism Debate*. Lihat juga dalam Danielson, Robert Eugene. 2007. "Nasser and Pan-Arabism Explaining Egypt Rise in Power." Master of Arts in National Security Affairs, Department of National Security Affairs, Naval Postgraduate School.

⁷¹ Terdapat juga pandangan lain menyatakan kebangkitan Nasionalisme Arab Moden bermula di Syria Raya atau Greater Syria oleh Haddad, Mahmoud. 1994. "The Rise of Arab Nationalism Reconsidered." *International Journal*

perkembangan atau kebangkitan nasionalisme Arab di Mesir bermula apabila berlakunya pertembungan budaya di antara Pasha Muhammad Ali dengan anaknya Ibrahim Pasha mengenai jalur keturunan mereka, sama ada berketurunan Mecedonia atau mengekalkan identiti Arab. Inilah yang dicetuskan oleh George Antonius iaitu seorang pemikir Arab berketurunan Arab Lubnan yang mengaitkan krisis budaya oleh Dinasti Pasha di Mesir sebagai kelahiran Pan Arabisme atau Nasionalisme Arab di Mesir.⁷² Pandangan ini turut dijelaskan oleh Danielson (2007) dengan menyatakan bahawa perkembangan nasionalisme Arab bermula di Mesir semasa bangsa Arab Mesir mencari-cari identiti kebangsaan mereka setelah runtuhnya empayar *Uthmaniyyah*. Maka pada ketika itu, muncul cendekiawan Arab yang meniupkan semangat kebangsaan Arab iaitu bangsa Arab adalah tetap bangsa yang bertutur dan berbudaya Arab. Lantaran itu, ahli politik Mesir mula meniup semangat anti penjajahan kuasa Barat khasnya British yang telah menguasai Mesir dan Palestine.⁷³

Jadi, kedua-dua pandangan ini amat jelas mengatakan bahawa asas kepada perkembangan nasionalisme Arab adalah misi untuk melawan penjajahan kuasa Eropah khasnya British untuk memastikan Mesir kekal dengan budaya dan berkebangsaan Arab setelah runtuhnya Turki *Uthmaniyyah*. Kebangkitan nasionalisme Arab di Mesir menjadi lebih pesat setelah muncul Gerakan Komunis

of *Middle East Studies* 26 (2):22. Turut menyatakan pandangan ini ialah Dawisha, A. (2016). *Arab Nationalism in the Twentieth Century: From Triumph to Despair - New Edition with a new chapter on the twenty-first-century Arab world*. Malah disokong oleh pandangan Rashid Khalidi (1991). *The Origins of Arab Nationalism: Introduction in The Origins of Arab Nationalism*. Namun Earnest. (1973). *From Ottomanism to Arabism: Essays on the Origins of Arab Nationalism*. Illinois : University of Illinois Press menyatakan kebangkitan nasionalisme Arab moden bermula di Mesir dan Syria raya (The Greater Syria) setelah keruntuhan Empayar Turki *Uthmaniyyah* pada tahun 1924.

⁷² Lihat dalam Mahmoud Haddad, 1994. *The Rise of Arab Nationalism Reconsidered*.

⁷³ Lihat dalam Danielson, 2007, *Nasser and Pan-Arabism explaining Egypt's rise in power*, hal. 23-24.

Mesir yang diasaskan oleh Salama Mousa (m.1957) pada tahun 1921.⁷⁴ Semasa era penjajahan British ke atas Mesir pada tahun 1931. Sejurus Setiausaha Parti Komunis Mesir yang bernama Hosni Al Araby pulang dari Moscow, beliau telah menggubal semua Perlembagaan Parti Komunis Mesir dengan menyatakan seruan kepada seluruh bangsa Arab untuk bangun menentang penjajahan dan mengeratkan perpaduan serta kebebasan bangsa Arab (Daneilson, 2007)⁷⁵. Inilah seruan yang pertama dinyatakan secara terbuka oleh pemimpin politik Arab Mesir untuk kebangkitan nasionalisme Arab. Gagasan ini diteruskan oleh Gamel Abdel Nasser semasa menjadi Presiden Republik Kesatuan Arab Mesir kali yang pertama selepas menggulingkan Presiden Arab Mesir, Mohamamed Naguib semasa Revolusi Mesir 1952⁷⁶.

Penjajahan British di Mesir turut menjadi pemangkin kepada kebangkitan umat Islam selepas runtuhnya Empayar Turki *Uthmaniyyah* dan selepas parti Komunis Mesir menggubal semula perlembagaan parti itu pada tahun 1931. Umat Islam di Mesir mendesak supaya ditubuhkan sebuah parti politik yang bermatlamat untuk mengembalikan semula kekuasaan politik umat Islam. Pada tahun 1924, Hasan Al Banna telah menubuhkan sebuah organisasi kemasyarakatan yang dikenali sebagai Jama'ah Ikhwan Al Muslimin. Penubuhan Ikhwan dikaitkan dengan pemikiran bahawa tanah milik bangsa Arab keseluruhannya adalah milik umat Islam iaitu merujuk kepada tanah jajahan Turki *Uthmaniyyah*. Terdapat beberapa pandangan lain

⁷⁴ Beliau merupakan seorang pemikir Mesir yang ulung pada zamannya. Dilahirkan pada tahun 1887 di sebuah perkampungan yang dikenali sebagai behnabey yang terletak di Wilayah Zaqaziq, Mesir. Menerima pendidikan tinggi dalam bidang Falsafah dari Kolej Al Khadeiweya, Kaherah sebelum melanjutkan pengajian di Paris dan England dalam bidang yang sama. Beliau sangat mengagumi teori dan falsafah oleh pemikir Barat seperti Karl Marx, Darwin dan Bernad Shaw. Beliau telah mengarang lebih 30 buah karya dan karya beliau yang paling terkenal ialah *Ahadith ila Al Shabab* yang menjadi asas kepada penubuhan Parti Komunis Mesir. Lihat dalam Yousuf Ahmed .2011. *Al Harakah Al Shuyu'iyah fil Misr min 1921 ila 2011*. Matba'ah al Muallafat : Qaherah

⁷⁵ Lihat dalam Danielson .2007, *Nasser and Pan-Arabism explaining Egypt's rise in power*, hal. 24

⁷⁶ Danielson .2007. *ibid*, hal.25

yang menyatakan penubuhan Ikhwan Al Muslimin semasa era Muhammad Naguib menjadi Presiden Arab Mesir yang beraliran komunis adalah untuk memperbetulkan persepsi bangsa Arab yang masih ragu-ragu dengan keberadaan Ikhwan Al Muslimin dalam kancah politik ketika itu adalah untuk menjelaskan konsep Islam yang komprehensif yang menggabungkan konsep tanah air, pemerintahan, undang-undang, ekonomi dan jihad (Munson, 2001).⁷⁷ Sejak penubuhan Ikhwan Al Muslimin, konsep nasionalisme Arab di Mesir menjadi semakin marak dan berkembang dengan pesat serta diterima oleh kebanyakan masyarakat arab Mesir ketika itu. Maka tidak menjadi sesuatu yang menghairankan, Ikhwan Al Muslimin telah memperolehi sokongan dari segi jumlah keanggotaannya sebanyak satu juta orang semasa tahun 1938 dan jumlah simpatisan pula meningkat lebih 1 juta orang pada tahun 1948 semasa tercetusnya Perang Arab-Israel.⁷⁸

Semasa pilihanraya umum legislatif Mesir pada tahun 1941, Ikhwan Al Muslimin menjadikan kempen politiknya dengan membangkitkan semangat nasionalisme Arab dan pembebasan Masjid Al Aqsa di Palestine. Semangat ini semakin membara apabila pihak penjajah British telah menghalau pengasas Ikhwan Al Muslimin iaitu Hasan Al Banna untuk keluar dari Kota Kaherah pada bulan Oktober 1941 kerana beliau didakwa menjalankan gerakan massa bagi menentang penjajahan British dan merancang aksi demonstrasi menentang pendudukan kuasa Eropah itu (Munson, 2001; Wibisono, 2011).⁷⁹ Selepas Ikhwan Al Muslimin mengalami

⁷⁷ Munson, Z. .2001. Islamic Mobilization : Social Movement Theory and the Egyptian Moslem Brotherhood. *The Sociology Quarterly*, 42(4), hal. 4

⁷⁸ Munson .2001, *ibid*, hal. 5

⁷⁹ Wibisono, A. N. .2011. *Perjuangan politik Al-Ikhwan Al-Muslimin dalam melawan Rezim Otoritarianisme di Mesir pada era Gamal Abdul Nasser sampai Husni Mubarak (1954-2011)*. Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, hal. 3 Bab II. Lihat juga dalam Munson, Z. .2001. Islamic Mobilization : Social Movement Theory and the Egyptian Moslem Brotherhood. *The Sociology Quarterly*, 42(4).

kekalahan dalam Pilihanraya legislatif pada tahun 1942 dengan hanya memenangi 17 kerusi melalui calon Bebas. Pada tahun 1945 pemimpin negara-negara Arab telah menubuhkan Liga Arab.⁸⁰ Namun Ikhwan Al Muslimin yang mempunyai pengaruh yang kuat dalam kalangan bangsa Arab di Mesir khasnya dan luar Mesir amnya seperti di Syria, Sudan, Lubnan dan Jordan membidas pendirian Liga Arab kerana gagal untuk menyatukan negara-negara Arab dalam menentang penjajahan Eropah.

Pada ketika itu, Ikhwan Al Muslimin melancarkan konfrantasi terhadap pemerintah Arab yang akur dengan penjajah British. Namun konfrantasi ini tidak bertahan lama kerana tercetusnya Perang Arab-Israel pada tahun 1948⁸¹ yang mendorong Ikhwan Al Muslimin turut membantu tentera Mesir dan tentera Perikatan Arab bagi menewaskan tentera Israel. Sokongan Ikhwan Al Muslimin terhadap tentera Mesir dan Perikatan Arab adalah disebabkan oleh konsep Islam dan Nasionalisme Arab yang tidak dapat dipisahkan (Wijaya, 2009; Wibisono, 2011).⁸²

⁸⁰ Pembentukan Liga Arab dilaksana pada tahun 1945. Pada peringkat awalnya, negara anggota telah berkembang dari tujuh negara asal kepada dua puluh dua Negara Anggota, sebagai tambahan kepada beberapa Negara Pemerhati seperti India, Turki, dan Chad. Negara yang mengasaskan Liga Arab ialah Mesir, Lubnan, Iraq, Jordan, Syria, Yaman dan Arab Saudi yang bertujuan untuk menjamin keamanan dan kepentingan Dunia Arab dalam bidang politik, ekonomi, ketenteraan, keamanan, dan kebudayaan. Negara-negara Anggota membentangkan secara geografi dari jauh dari utara Afrika ke Timur Tengah dan rantau Teluk. Liga Arab menjadikan ideologi Kebangsaan Arab (*Arab Nationalism*) dengan status Mandatori dan anti-kolonialisasi dan bertekad mencapai kemerdekaan. Oleh itu, pembentukan Liga Arab adalah pelengkap kepada keberadaan Dunia Arab yang bertujuan untuk menentang penjajahan Eropah selepas Perang Dunia II dan memainkan peranan dalam perjuangan menentang Israel sejak penubuhannya pada tahun 1948. Lihat dalam Hammoura, J., & Ülger, I. K. 2018. The Arab League: From Establishment to Failure. *Social and Legal Studies*, 4(1), 35-55.

⁸¹ Perang Arab-Israel Kali Pertama, 1948-1949 tercetus apabila British telah memperkenalkan *The British Mandate* iaitu mencadangkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2 April 1947 dengan dua pelan rancangan iaitu pembahagian Palestine kepada dua buah negara dan penubuhan sebuah kerajaan persekutuan Palestine-Israel dengan menjadikan Baitul Muqaddis sebagai Ibu Negara yang ditadbir oleh Yahudi dan Arab. Rancangan ini telah dibantah oleh semua negara Arab tetapi PBB telah menerima pelan rancangan ini pada Mei 1948 sekaligus mengiktiraf penubuhan sebuah negara Israel yang berdaulat dan menyebabkan pemimpin negara Arab dan Afro-Asia membantah keputusan PBB. Perang ini bermula 8 Julai 1948 di Galile dan berlarutan selama setahun dengan kemenangan berpihak kepada Israel yang menerima bantuan ketenteraan daripada Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet (USSR). Lihat dalam Afshan. 2019. The Arab-Israel Conflict: An Uncertain Future. *International Journal of Scientific Research and Engineering Development*, 2(4).

⁸² Wijaya, P. M. 2009. Nasionalisme Perspektif Gerakan Ikhwanul Muslimin. *Islamic Studies*, 1(1).

2.6 Pengaruh Nasionalisme Arab Ke Asia Tenggara Pasca Perang Arab Israel

Kali Pertama

Ketika bermulanya perkembangan nasionalisme Arab di Asia Tenggara terdapat beberapa pandangan sejarah yang menyatakan bahawa kebangkitan nasionalisme ini bermula di Indonesia. Tidak dapat dipastikan oleh mana-mana ahli sejarah tarikh atau tahun perkembangannya secara tepat. Namun begitu, terdapat beberapa pandangan bahawa pengaruh nasionalisme Arab mula memainkan peranan dalam kalangan penggerak anti penjajahan Eropah di rantau Asia Tenggara ini. Pandangan pertama mengatakan bahawa kebangkitan awal pengaruh nasionalisme Arab dimulakan oleh Kyai Kasan Moekmin di Sidoarjo pada tahun 1904 masihi. Ketika itu tercetus penentangan para petani terhadap pentadbiran penjajah Belanda di Pulau Jawa.⁸³ Pandangan kedua menyatakan bahawa perkembangan nasionalisme Arab di Indonesia bermula apabila berdirinya pertubuhan politik pertama umat Islam di Nusantara Melayu iaitu Sarekat Dagang Islam (SDI) yang ditubuhkan pada 16 Oktober 1905 oleh Haji Samanhudi yang pada ketika itu berperanan sebagai organisasi ekonomi umat Islam di Pulau Jawa. Kemudian SDI berevolusi menjadi Sarekat Islam pada tahun 1912 yang dipimpin oleh Haji Omar Said Tjokroaminato (Chakroaminato) yang dibantu oleh Kyai Haji Agus Salim, Haji Abdoel Moeis Datuk Tumangguang Sutan Sulaiman yang merupakan pembesar di Agam, Sumatera Barat, Suryopranoto,

⁸³ Penentangan oleh Kyai Kasan Moekmin ini adalah aksi awal pengaruh nasionalisme Arab di Indonesia kerana pada ketika itu para petani tertekan dengan pelbagai cukai yang digubal oleh penjajah Belanda. Isu cukai padi yang tidak masuk akal ini menyebabkan Kyai Kasan Moekmin mengetuai penentangan terhadap penjajah Belanda kemudiannya penentangan ini diteruskan oleh Kyai Haji Hasan pada tahun 1919 setelah Kyai Kasan ditangkap oleh penjajah Belanda. Catatan ini terdapat dalam laporan Sigit Wahyudi. 2000. *Dampak Agro Industri Di Daerah Persawahan di Jawa*, Semarang : Jakarta dan terdapat juga dalam laporan rasmi (manuskrip) Departmen Pendidikan dan Kebudayaan, Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional yang bertajuk *Sejarah Perlawanan Terhadap Imperialisme dan Kolonialisme di Jawa Barat*, diterbitkan pada tahun 1983, pengkaji mendapatkan salinan halaman 2006-215 manuskrip ini diperolehi melalui bantuan Dr Pamela Maher Wijaya yang bertugas sebagai Koordinator di SMPIT Ihsanul Fikri, Magelang daripada tesis beliau bertajuk *Kekuasaan politik Raja Kraton Kasultanan Ngayogyakarta Hadiningrat dalam perspektif partai politik di UIN Sunan Kalijaga*, Yogyakarta. telah .

serta Dr Husein Jayadiningrat⁸⁴. Pengaruh nasionalisme Arab dalam Gerakan Sarekat Islam diperoleh oleh Haji Agus Salim semasa melaksanakan ibadah haji dan menetap di Mekah serta berguru dengan bapa saudaranya yang bernama Kyai Haji Ahmad Khatib yang merupakan seorang ulama' yang disegani oleh penduduk di Mekah. Semasa di Mekah, Haji Agus Salim banyak mengkaji pandangan-pandangan politik dan nasionalisme oleh Syeikh Muhammad Abduh, Sayyid Jamaluddin Al Afghani dan Sayyid Rasyid Ridha. Setelah pulang ke Pulau Jawa, beliau terus menyertai Sarekat Islam. Pada masa yang sama beliau mendirikan sebuah institusi khas untuk anak-anak tempatan yang dikenali sebagai Holladd Inlandshe School (HIS) pada tahun 1914 bagi mengimbangi di antara kurikulum umum (Belanda) dan agama Islam.⁸⁵ Jadi, Haji Agus Salim memainkan peranan penting dalam Sarekat Islam (SI) yang membawa masuk pengaruh nasionalisme Arab ke dalam gerakan itu bagi meneruskan usaha membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan bangsa Indonesia untuk membebaskan negara itu daripada penjajahan Belanda.⁸⁶ Jelaslah bahawa, Gerakan Sarekat Islam inilah yang menjadi pencetus kepada perkembangan nasionalisme Arab

⁸⁴ Menurut Safrizal Rambe (2008) menyatakan pengkaji sejarah Belanda seperti Robert Van Neil (m.2011) memperlekeh ketokohan pendiri Sarekat Islam dengan menyatakan mereka tidak mempunyai latar pendidikan yang terbaik dan mereka bukannya lahir dalam segmen masyarakat elit Indonesia yang terbaik. Menurut kajian Safrizal, keseluruhan pendiri Sarekat Islam merupakan alumni daripada institusi pendidikan elit Belanda seperti STOVIA, OSVIA dan HBS yang terdapat di Hindia Belanda seperti Dr Hussein Jayadiningrat merupakan alumni STOVIA (kini Fakultas Kedokteran, Universitas Indonesia) manakala HOS Chokroaminoto pula pernah mendapatkan pendidikan di OSVIA begitu juga dengan H.Abdoel Moeis yang turut mendapat pendidikan yang sama di OSVIA, namun kedua-duanya tidak dapat menamatkan pengajian atas faktor kemiskinan dan dikriminasi oleh penjajah Belanda. Rujuk dalam Rambe, S. (2008). *Sarekat Islam : Pelopor Nasionalisme Indonesia, 1905-1942*. Jakarta: Yayasan Kebangkitan Insan Cendekia, hal. 42-43.

⁸⁵ Lihat dalam kajian Nurul Akhsan. 2008. *Studi analisis Nasionalisme Islam menurut kerangka pemikiran Haji Agus Salim*. (Strata 3), UIN Walisongo, Semarang. Lihat juga dalam Suhatno. 2005. *Tokoh-Tokoh Pemikir Paham Kebangsaan : Haji Agus Salim dan Muhammad Husni Thamrin*, Departmen Pendidikan dan Kebudayaan : Jakarta, hal. 10

⁸⁶ Pengkaji sendiri menghubungi sendiri dengan Profesor Dr H. Mansur, M.A(kini bertugas sebagai Profesor di IAIN Salatiga) yang menulis sebuah karya yang bertajuk Sejarah Sarekat Islam dan Pendidikan Bangsa. Menurut Dr Mansur, peranan besar Haji Agus Salim ialah menebarkan pengaruh nasionalisme Arab Mesir yang pada ketika sangat besar pengaruhnya dalam kalangan masyarakat Arab. Beliau juga menegaskan Hj Agus Salim merupakan orang pertama yang membangkitkan semangat kebangsaan Islam di Indonesia melalui gerakan massa Sarekat Islam. Lihat dalam Drs. Mansur, M. A. (2004). *Sejarah Sarekat Islam dan Pendidikan Bangsa*. Yogyakarta: Pustaka pelajar.

di Indonesia khususnya. Ia kemudian berkembang ke Tanah Melayu terutama di Pantai Timur. Abdullah Ghazali Zakaria (1977) menjelaskan bahawa SI telah bertapak di Tanah Melayu iaitu di negeri Johor oleh Sayyid Muhammad tetapi tidak bertahan lama kerana dibantah oleh Datuk Amar Di-Raja Haji Ngah Mohamad pada tahun 1920-an tetapi SI kemudinnnya berkembang di Terengganu oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong pada tahun 1924 namun tidak dapat dipastikan tarikh yang tepat. Sejak itulah pengaruh SI mula memainkan peranan mengembangkan pengaruh nasionalisme di Tanah Melayu.⁸⁷

2.7 Analisis Nasionalisme Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dengan parti-parti

Islam seluruh dunia

Mendepani lanskap politik Islam kontemporari, fenomena jaringan transnasionalisme antara parti politik berideologi dan beraliran Islam telah menjadi subjek kajian yang semakin mendapat perhatian dalam bidang sains politik dan kajian Islam. Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sebagai salah satu parti politik Islam yang berpengaruh di Asia Tenggara telah menjalin hubungan ideologi dan strategik yang kompleks dengan pelbagai parti politik Islam di seluruh dunia. Kajian ini meneliti dimensi hubungan politik transnasionalisme ini, dengan fokus khusus kepada perkongsian agenda nasionalisme Islam dan metodologi perjuangan politik yang diadaptasi daripada gerakan induk seperti Ikhwan al-Muslimin. Melalui analisis komprehensif terhadap literatur akademik dan dokumentasi politik, kajian ini menunjukkan bahawa hubungan antara PAS dengan parti politik Islam global bukan sekadar fenomena kerjasama politik konvensional, tetapi merupakan manifestasi

⁸⁷ Lihat dalam Abdullah Ghazali Zakaria .1977. *Sejarah Sarekat Islam di Terengganu*. Persatuan Sejarah Malaysia : Terengganu

daripada ideologi nasionalisme Islam yang melampaui sempadan negara dan berasaskan kepada konsep ummah sejagat. Ahmad Fauzi (2018) dalam kajiannya tentang pembahagian progresif-konservatif dalam PAS menjelaskan bahawa konsep nasionalisme Islam yang diperjuangkan oleh PAS dan parti seumpamanya tidak terhad kepada sempadan geografi tertentu, tetapi merangkumi aspirasi untuk mewujudkan sistem politik yang berasaskan prinsip Islam di peringkat global. Konsep ini berbeza daripada nasionalisme sekular yang memberi penekanan kepada identiti etnik atau wilayah, sebaliknya ia berpusat kepada solidariti keagamaan dan perjuangan untuk merealisasikan cita-cita politik Islam.⁸⁸ Asif Mohiuddin (2024) menegaskan bahawa PAS, seperti parti politik Islam yang lain, menghadapi cabaran untuk menyeimbangkan antara agenda nasionalisme Islam dengan realiti politik tempatan dalam sistem demokrasi. Cabaran ini juga dialami oleh parti politik Islam lain di seluruh dunia, justeru menjelaskan keperluan untuk menjalinkan hubungan transnasionalisme sebagai strategik untuk berkongsi pengalaman dan metodologi perjuangan politik.⁸⁹ Hubungan antara PAS dengan Ikhwan al-Muslimin yang berpusat di Mesir merupakan hubungan yang paling mendasar dalam membentuk orientasi ideologi nasionalisme PAS. Gerakan ini telah berjaya meredefinisikan Islam sebagai sistem politik yang komprehensif yang merangkumi aspek ekonomi, sosial, dan pendidikan sekaligus konsep ini telah memberi impak yang mendalam kepada cara PAS memahami dan memperjuangkan agenda Islamisasi dalam konteks politik bangsa Melayu di Malaysia. Agenda Islaminasi menurut acuan Ikhwan al-Muslimin ini menjelaskan bahawa pengaruh gerakan Islam terbesar itu terhadap PAS boleh dilihat

⁸⁸ Ahmad Fauzi, A. H. (2018). Shifting Trends of Islamism and Islamist Practices in Malaysia, 1957-2017. *Southeast Asian Studies*, 7(3), 363–390.

⁸⁹ Mohiuddin, A. (2024). From Islamism to Governance: PAS and the Dynamics of Political Power in Malaysia. *The Indian Journal of Politics*, 58(1-2), 27.

melalui beberapa aspek utama: pertama, penggunaan metodologi tarbiyah dalam pembangunan kader; kedua, konsep negara Islam sebagai objektif politik utama; dan ketiga, penolakan terhadap sekularisme sebagai sistem politik dan mengimbangi ideologi nasionalisme sebagai agenda politik yang boleh diserap dalam masyarakat Islam khususnya orang Melayu yang beragama Islam di Malaysia.⁹⁰ Manakala hubungan politik antara PAS dengan Partai Keadilan Sejahtera (PKS) di Indonesia menunjukkan bagaimana parti politik Islam dalam negara yang berlainan boleh berkongsi metodologi perjuangan yang serupa walaupun beroperasi dalam konteks politik yang berbeza. Perbandingan tentang identiti politik Islam dalam rejim demokratik menunjukkan bahawa kedua-dua parti ini iaitu PKS dan PAS telah mengalami transformasi melalui moderasi dan inklusi, sambil mengekalkan identiti Islamis mereka. Analisis tentang dinamik dan kewujudan parti Islam dalam pilihan raya umum menunjukkan bahawa PKS, seperti PAS, menghadapi cabaran dalam menyeimbangkan antara identiti keagamaan dengan kepentingan nasionalisme yang lebih luas. Kedua-dua parti ini telah menggunakan sistem regenerasi melalui tarbiyah untuk menanamkan ideologi parti dalam perkaderan, dalam meningkatkan prestasi pilihan raya dalam jangka masa yang singkat (Muzakki, 2014).⁹¹ Anna Kurniawati et. al (2024), menyatakan bahawa kajian mengenai nasionalisme dalam parti politik Islam mengungkapkan bahawa PKS, seperti parti politik lain, mengalami konflik dalaman yang berkaitan dengan keperluan elit parti dan bukannya perkara ideologi nasionalisme. Fenomena ini juga dialami oleh PAS, menunjukkan bahawa walaupun

⁹⁰ *Ibid*, Ahmad Fauzi (2018).

⁹¹ Muzakki. (2014). Islamisme dan Politisasi Agama Model PKS dalam Pilpres 2009. *ISLAMICA: Jurnal Studi Keislaman*, 5(1), 61. <https://doi.org/10.15642/islamica.2010.5.1.61-76>

parti politik Islam berkongsi metodologi dan ideologi yang serupa, mereka tetap menghadapi cabaran politik praktikal yang sama dengan parti politik lain.⁹²

Ahmad Ali Nurdin (2019) menjelaskan simbiosis PAS dengan Jamaat-e-Islami Pakistan merupakan salah satu hubungan yang paling kukuh dalam jaringan politik Islam transnasionalisme. Evolusi pemikiran politik Islam dalam PAS membuktikan bahawa hubungan ini telah diperkukuhkan melalui pertemuan rasmi dan pertukaran pengalaman dalam menghadapi cabaran politik dalam negara majoriti Muslim khususnya berkongsi aspirasi untuk melaksanakan undang-undang Islam dalam konteks demokrasi, walaupun dengan strategi dan demografi penduduk yang berbeza. Konsep "Islamic state" yang diperjuangkan oleh Jamaat-e-Islami telah memberi inspirasi kepada PAS dan parti politik Islam lain untuk mengekalkan objektif jangka panjang mereka walaupun beroperasi dalam sistem demokrasi sekular. Oleh itu, dasar inklusi-moderasi dalam parti politik Islam menunjukkan bahawa komitmen ideologi kepada "negara Islam" adalah bergantung kepada peluang politik yang tersedia berdasarkan kepada perlembagaan negara masing-masing.⁹³

Hubungan PAS dengan parti Islam di Asia Tenggara, lebih berfokus kepada gerakan Islam di Indonesia khususnya Partai Keadilan Sejahtera (PKS) . (Fadlillah & Othman, 2017) menjelaskan bahawa, PAS di Malaysia mengukuhkan dirinya sebagai sebuah parti yang memperjuangkan nasionalisme Melayu-Islam yang berteraskan

⁹² Anna Kurniawati, Arief & Morissan. (2024). Political Communication Process in the Factionalism of Islamic Political Parties: Case Study of Prosperous Justice Party (PKS), 1999-2023. *International Journal of Social Science*, 3(5), 653–662. <https://doi.org/10.53625/ijss.v3i5.7430>

⁹³ Nurdin, A. A. (2019). Islam Supports Democracy: The Views of Partai Islam Se-Malaysia (PAS) and Their Implementation in the Recruitment of the Party's Members and Leaders. *QIJIS (Qudus International Journal of Islamic Studies)*, 7(1), 100. <https://doi.org/10.21043/qijis.v7i1.4572>

pelaksanaan syariah dan gagasan negara Islam. Namun demikian, pengalaman getir dalam Pilihan Raya Umum ke-11 pada tahun 2004 serta sentimen negatif terhadap Islam politik pasca peristiwa 11 September 2001 telah mendorong PAS untuk melakukan anjakan paradigma. Demi kelangsungan dalam arena politik arus perdana dan bagi menyesuaikan diri dengan kerangka kerjasama pelbagai kaum dalam Pakatan Rakyat, PAS mula menampilkan pendekatan yang lebih moderat dan pragmatik dengan menggantikan agenda “negara Islam” kepada “negara berkeadilan”. Pendekatan ini menzahirkan satu bentuk nasionalisme Islam yang bersifat inklusif dan responsif terhadap keperluan masyarakat majmuk. Manakala PKS di Indonesia, yang diasaskan oleh kelompok aktivis kampus pasca-reformasi 1998, turut bermula dengan idealisme Islamis yang kuat, termasuk tuntutan terhadap pelaksanaan syariah dan struktur pemerintahan yang berteraskan Islam. Namun, keputusan pilihan raya 1999 yang menunjukkan kelemahan sokongan terhadap agenda tersebut telah memaksa PKS merombak strategi politiknya secara menyeluruh. PKS kemudian beralih kepada pendekatan yang lebih bersifat nasional dan universal, menumpukan kepada isu-isu seperti pemberantasan rasuah, tadbir urus yang baik dan keadilan sosial. Transformasi menjadi sebuah “parti terbuka” turut membuka keanggotaan kepada bukan Muslim, sekaligus mempamerkan perubahan radikal daripada eksklusivisme keagamaan kepada nasionalisme sivil yang inklusif dan merentasi batas-batas identiti agama mahupun etnik. Persamaan kedua-dua parti politik ini dalam konteks memperjuangkan nasionalisme beragama tidak lagi bersifat monolitik dan dogmatik, sebaliknya bergerak ke arah pendekatan yang lebih fleksibel, progresif dan strategik. Realiti ini turut menggambarkan proses pembaharuan dalam pemikiran politik Islam yang semakin menekankan nilai-nilai sejagat seperti keadilan sosial, integriti, urus tadbir yang telus, dan keterangkuman sosial sebagai asas legitimasi perjuangan politik.

Justeru, pendekatan baharu ini bukan sahaja mencerminkan keupayaan parti-parti Islam untuk menyesuaikan diri dengan tuntutan demokrasi moden, malah memperkukuh peranan mereka sebagai agen perubahan dalam membentuk wacana kenegaraan yang lebih lestari dan berpaksikan maqasid syariah.⁹⁴

Dalam medan wacana politik Islam kontemporari, sama ada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mahupun Refah Partisi di Turki, kedua-duanya memperlihatkan corak nasionalisme Islam yang berakar daripada doktrin keagamaan dan semangat reformis, namun berkembang mengikut kerangka sosiopolitik masing-masing. Kedua-dua entiti politik ini meskipun terpisah dari segi geografi dan latar sejarah menyuarakan gagasan “negara Islam” dalam bentuk yang tersendiri, menyusuri jalan dakwah melalui saluran demokrasi. PAS sebagai gerakan Islam di Malaysia menampilkan wajah nasionalisme Islam yang berpaksikan pada identiti Melayu-Muslim. Sejak awal penubuhannya, PAS menegaskan komitmen terhadap pelaksanaan syariah dan pembentukan negara Islam. Namun pasca pilihan raya umum 2004 serta kesan domino pasca tragedi 11 September 2001, PAS menyedari keperluan untuk menyesuaikan naratifnya demi meraih penerimaan masyarakat majmuk Malaysia. Gagasan *negara berkeadilan* muncul sebagai satu strategi politik yang mengimbangi idealisme Islam dengan realiti demokrasi pelbagai etnik. Di sebalik adaptasi ini, teras perjuangan PAS tetap bersifat etnosentrik dengan kecenderungan ke arah nasionalisme keagamaan Melayu. Sebaliknya, Refah Partisi yang ditubuhkan atas warisan gerakan *Milli Görüş* pimpinan Necmettin Erbakan di Turki, meletakkan asas perjuangannya atas konsep *Adil Düzen* (Sistem Adil), yang menjadi landasan bagi penstrukturan ekonomi, sosial dan politik

⁹⁴ Fadlillah, A., & Othman, M. R. (2017). Dinamika PAS (Malaysia) dan PKS (Indonesia) dalam perjuangan mewujudkan negara Islam, 1998-2008. *Jurnal Sejarah*, 21(1). <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol21no1.9>

negara menurut nilai-nilai Islam. Gerakan ini tampil sebagai reaksi terhadap kebobrokan sistem sekular dan ketidakadilan ekonomi pasca-kudeta 1980, serta membangunkan agenda pembangunan umat yang menolak dominasi Barat, Zionisme, dan imperialisme. Namun begitu, Refah Partisi berdepan tekanan keras rejim sekular Turki, terutama semasa era “postmodern coup” 28 Februari 1997, yang akhirnya membawa kepada pembubaran parti tersebut. Refah Partisi mengembangkan pendekatan yang holistik melalui institusi sivil seperti *Milli Gençlik Vakfı*, sambil membina jaringan sosial di akar umbi. Kepimpinan Erbakan yang karismatik disokong oleh mobilisasi anak muda, penyertaan aktif wanita dan kebijakan luar negara yang memberi fokus kepada Dunia Islam seperti penubuhan D8, menjadikan Refah Partisi bukan sekadar parti politik, tetapi sebuah gerakan kebangkitan semula Islam di peringkat nasional dan antarabangsa. Kesimpulannya, PAS dan Refah Partisi, meskipun memiliki akar Islamis yang sama, telah mengembangkan pendekatan nasionalisme Islam yang terikat kepada dinamik dan realiti setempat. Di Malaysia, PAS menampilkan naratif nasionalisme Islam dalam bentuk etno-agama yang berpaksikan identiti Melayu sebagai inti kepada Islamisasi negara. Malah di Turki pula, Refah Partisi memperlihatkan suatu bentuk nasionalisme sivil Islam yang lebih terbuka, bersifat kosmopolitan dan anti-imperialis, tanpa menekankan unsur etnik sebagai asas mobilisasi. Kedua-dua parti telah mengalami transformasi ideologi: PAS melalui moderasi dalam pendekatan dakwah politik kepada masyarakat bukan Islam, dan Refah melalui integrasi semula struktur sivil dan retorik ekonomi Islam yang progresif. Kedua-duanya memanifestasikan pragmatisme Islam politik, yang membolehkan mereka memainkan peranan signifikan dalam sistem demokrasi berbilang parti. Walau bagaimanapun, perbezaan utama ialah PAS masih mengekalkan watak nasionalisme Islam-Melayu dalam kerangka kenegaraan Malaysia, manakala

Refah Partisi menumpukan kepada solidariti umat Islam seluruh dunia sebagai instrumen pembebasan kolektif daripada dominasi kuasa besar. Refah Partisi melalui idea Adil Düzen dan gerakan merentasi bangsa seperti D8 telah memperlihatkan suatu naratif nasionalisme Islam yang bersifat internasionalis dan anti-hegemonik. Justeru, pengamatan ini memperkukuh tanggapan bahawa nasionalisme Islam bukanlah suatu gagasan yang tunggal, sebaliknya bersifat pelbagai, fleksibel dan responsif terhadap konteks lokal, tekanan struktur, serta imaginasi ideologis para pemimpinnya (Yilmaz, 2022).⁹⁵

Kerjasama politik PAS berterusan di Afrika Utara melalui jaringan Ennahda pimpinan Rashed al-Ghanoushi di Tunisia dan Front Islamique du Salut (FIS) di Algeria pimpinan Dr Abbas al-Madani. Isoos & Dihstelhoff (2025) menjelaskan bahawa Ennahda, yang ditubuhkan pada tahun 1981 oleh Rashid Ghannouchi, merupakan manifestasi gerakan Islam politik yang telah mengalami evolusi ideologi yang mendalam. Ennahda bermula sebagai organisasi dakwah rahsia yang diilhamkan oleh pemikiran gerakan Islam tersohor Ikhwan al-Muslimin di Mesir, Ennahda telah mengembara melalui tiga fasa perkembangan yang signifikan: sistem kepercayaan berasaskan dakwah (1969-1981), demokrasi Islam (1981-2011), dan akhirnya "Demokratik Muslim" selepas revolusi Tunisia 2011.⁹⁶ Manakala di Algeria, FIS atau lebih dikenali sebagai Front Islamique du Salut (FIS) di Algeria mewakili contoh parti Islam yang mengambil pendekatan yang lebih konfrontatif dan radikal. Di bawah

⁹⁵ Yilmaz, A. (2022). National Vision Movement in Giresun from the 1980 Coup to the Post-Modern Coup Process of February 28 and the Aftermath: The Welfare Party. *ODÜ Sosyal Bilimler Araştırmaları Dergisi (ODÜSOBİAD)*, 12(2). <https://doi.org/10.48146/odusobiad.1102155>

⁹⁶ Alsoos, I., & Dihstelhoff, J. (2025). Ennahda's Muslim democracy in post-Arab spring Tunisia: Synthesizing political thought and practice. *Filozofija I Društvo*, 35(3), 515–536. <https://doiserbia.nb.rs/Article.aspx?ID=0353-57382403515A>

kepemimpinan Dr Abbas al-Madani, FIS mengalami kebangkitan pesat pada akhir 1980an dengan menuntut pelaksanaan hukum Islam secara menyeluruh tanpa kompromi dengan sistem sekular (Francesc-Xavier Marín, 1997).⁹⁷ Hubungan antara PAS dan Ennahda lebih bersifat persamaan ideologi dan pengalaman politik daripada kerjasama langsung. Kedua-dua parti telah mengalami proses transformasi yang serupa dalam menghadapi cabaran politik moden, iaitu bagaimana untuk mengekalkan identiti Islam sambil beroperasi dalam sistem demokratik yang pluralistik. Pengaruh pemikiran Ghannouchi dalam wacana Islam politik global, termasuk di Malaysia, menunjukkan wujudnya jaringan intelektual yang menghubungkan gerakan Islam di pelbagai negara. Walaupun hubungan praktikal antara PAS dan Ennahda adalah terhad, memandangkan hubungan ini hanya wujud persamaan dalam pengalaman dan cabaran politik menunjukkan trajektori yang serupa dalam evolusi parti-parti Islam kontemporari. Bahkan persamaan besar PAS dan Ennahda dalam konteks nasionalisme Islam atau nasionalisme beragama adalah PAS dan Ennahda sama-sama mengembangkan konsep “nasionalisme beragama” di mana cinta kepada tanah air (*al-Hubbul watan*) dianggap sebahagian daripada iman. PAS dalam merangka nasionalisme Melayu-Islam melalui istilah *Hubbul Wathan Minal Iman*, menyatakan bahawa kesetiaan kepada Malaysia dan kedaulatan perlembagaannya tidak bercanggah dengan tuntutan agama. Begitu juga, Ennahda di bawah Rashid al-Ghannouchi menegaskan bahawa warga Tunisia boleh dan harus berdakwah memperkukuh nilai Islam sambil mempertahankan identiti kebangsaan; mereka melihat Perlembagaan Tunisia pasca-Revolusi 2011 sebagai kerangka inklusif di mana agama dan bangsa dapat hidup berdampingan. Kedua, kedua-dua parti ini menyeimbangkan kesetiaan kepada ummah dengan kesetiaan kepada negara. PAS memecahkan dikotomi ‘Islam

⁹⁷ Marín, F.-X. (1997). Algèria: crònica d’una desinformació. *Tripodos*, (4), 97–113. <https://doi.org/10.51698/tripodos.1997.4.97-113>

vs bangsa' dengan menegaskan bahawa negara Malaysia adalah wadah bagi gerakan dakwah dan kepimpinan Islam. Ennahda pula menolak nasionalisme sempit yang berteraskan '*asabiyyah*', sebaliknya mempromosikan '*ummatan Wasatha*' iaitu ummah yang sederhana dan berperanan dalam kerangka negara Tunisia. Model ini membolehkan Ennahda menjadi kuasa besar politik pasca-2011 sambil mengekalkan komitmen agama (Ahmad Nur Fuad et al., 2023).⁹⁸ Berbeza dengan FIS, yang telah mengambil pendekatan yang berlainan. Dalam konteks Algeria 1980an sehingga 1990an, FIS menolak kompromi dengan negara sekular, dengan menuntut pelaksanaan syariah secara menyeluruh tanpa mempedulikan kerangka kenegaraan. Kecenderungan ini mencerminkan *Pan-Islamisme* yang mengutamakan ummah global melebihi semangat kenegaraan. Apabila FIS diharamkan dan ditekan oleh kerajaan Junta Tentera Algeria, kemenangan gerakan ini dalam undian awal tidak diterjemahkan kepada pembangunan institusi negara kerana mereka enggan menyesuaikan ideologi mereka dengan realiti politik. Inilah yang membezakan perjuangan PAS dan FIS walaupun dari aliran politik Pan-Islamisme yang sama. Pendekatan yang ekstrem tidak memenuhi aspirasi perjuangan politik PAS yang bersifat *Muwajjahah al-Silmiyyah* (Pendekatan Sederhana) dalam memastikan konsep nasionalisme Islam dan perjuangan bangsa selari dengan tuntutan syariat dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan.⁹⁹

⁹⁸ Ahmad Nur Fuad, Slamet Muliono Redjosari, & Rofhani. (2023). From Islamism to Democracy: The Case of Rached Ghannouchi and Ennahda of Tunisia. *Islamica: Jurnal Studi Keislaman*, 17(2), 244–267. <https://doi.org/10.15642/islamica.2023.17.2.244-267>

⁹⁹ *Ibid*, Ahmad Nur Fuat et. al (2023).

Makan, dapat dituntaskan bahawa keunikan perjuangan pasionalisme PAS berbanding parti-parti Islam lain dapat disaksikan bahawa Parti Islam Se-Malaysia (PAS) menonjolkan satu bentuk nasionalisme Islam yang tersendiri melalui penggabungan identiti etno-agama, evolusi naratif, metodologi kaderisasi, dan jaringan transnasional yang tersusun. Berbeza dengan parti-parti Islam lain yang mengamalkan pendekatan universal atau pan-Islamis semata-mata, PAS merangka perjuangannya berasaskan konteks Melayu-Muslim di Malaysia sambil tetap mengekalkan solidariti ummah sejagat. Pertama, etnosentrisme Melayu-Islam menjadi teras perjuangan PAS. Konsep *Hubbul Wathan minal Iman* menjelaskan bahawa kecintaan kepada tanah air adalah sebahagian daripada keimanan. Pendekatan ini membezakan PAS daripada parti seperti Refah Partisi di Turki atau FIS di Algeria yang menekankan nasionalisme sivil atau pan-Islamisme tanpa fokus etnik. Bagi PAS, identiti Melayu bukan sekadar latar belakang budaya, tetapi asas legitimasi bagi pelaksanaan syariah dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan. Kedua, PAS menunjukkan evolusi naratif daripada agenda “negara Islam” kepada “negara berkeadilan”. Selepas Pilihan Raya Umum ke-11 pada 2004 dan kesan domino pasca tragedi 11 September 2001, PAS menyedari keperluan meraih sokongan masyarakat majmuk. Dengan menggantikan slogan “negara Islam” dengan “negara berkeadilan”, PAS mengadaptasi strategi politik yang inklusif dan pragmatik, berbeza dengan pendekatan PKS di Indonesia yang mengalihkan fokus kepada isu universal seperti tadbir urus dan pemberantasan rasuah. Ketiga, metodologi Tarbiyah yang diadaptasi daripada Ikhwan al-Muslimin membentuk cara PAS membina kader ideologi. Melalui latihan yang sistematik dan berperingkat, PAS memastikan regenerasi kepimpinan berteraskan prinsip Islam. Sekalipun PKS juga mengamalkan kaedah serupa, PAS menyusun modul Tarbiyahnya menurut realiti politik Melayu dan struktur undang-

undang Malaysia, seterusnya mengekalkan kesinambungan perjuangan dalam konteks negara sekular demokratik. Keempat, hubungan transnasional PAS bersifat terarah dan selektif. PAS menggandingkan ideologi dan strategi dengan Ikhwan al-Muslimin (Mesir), Jamaat-e-Islami (Pakistan), dan Ennahda (Tunisia). Melalui pertemuan rasmi dan pertukaran pengalaman, PAS memperkukuh aspirasi pelaksanaan syariah dalam demokrasi. Berbeza dengan FIS di Algeria yang menolak kompromi dengan sekularisme, PAS memilih pendekatan *Muwajjahah al-Silmiyyah* (sederhana) untuk menyesuaikan cita-cita Islam dengan realiti konstitusi Malaysia. Kelima, PAS menunjukkan keseimbangan antara nasionalisme Melayu dan kesetiaan kepada ummah. Parti ini menyatukan dakwah ke dalam kerangka kenegaraan Malaysia, mengatasi dikotomi “Islam vs. bangsa”. Pendekatan ini selaras dengan konsep ‘ummatan wasatha’ Ennahda yang menegaskan kesetiaan kepada ummah tanpa menafikan kesetiaan kepada negara. Melalui formula ini, PAS dapat memainkan peranan signifikan dalam demokrasi berbilang parti sambil menegaskan maqasid syariah. Kesimpulannya, perjuangan nasionalisme PAS bukanlah salinan dogmatik kepada gerakan Islam global, tetapi suatu manifestasi yang fleksibel, progresif, dan berpragmatisme. Melalui cara dan bentuk untuk PAS memartabatkan identiti Melayu-Islam, memodenkan naratif politik, membangunkan kader melalui idealisme tarbiyah, dan menjalin jaringan transnasional yang disesuaikan, PAS menampilkan model nasionalisme Islam yang unik dan relevan dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Perbandingan dapat ditonjolkan melalui jadual berikut ;

Ciri / Parti	PAS (Malaysia)	PKS (Indonesia)	Jamaat-e-Islami (Pakistan)	Ennahda (Tunisia)	Refah Partisi (Turki)	FIS (Algeria)
Teras Identiti	<i>Ennosentrisme Melayu-Islam</i> : Hubbul Wathan minal Iman iaitu kecintaan kepada Malaysia sebahagian daripada iman; syariah dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan.	<i>Ke-Islaman Universal + Nasionalisme</i> : Moderasi selepas reformasi; isu tadbir urus, anti-rasuah; terbuka kepada bukan Muslim.	<i>Pan-Islamisme Konstitusional</i> : Fokus melaksanakan undang-undang Islam melalui mekanisme demokrasi.	' <i>Ummatan Wasatha</i> ' (<i>Ummah Wasatiyyah</i>): Kesetiaan kepada negara Tunisia dan ummah global; mempromosi Islam moderat dalam kerangka konstitusi pasca-2011.	<i>Nasionalisme Sipil Islam</i> : Adil Düzen – sistem adil berasaskan nilai Islam; tolak Barat/imperialisme; kosmopolitan tanpa basis etnik.	<i>Pan-Islamisme Konfrontatif</i> : Tuntutan syariah penuh tanpa kompromi.
Evolusi Naratif	Dari “ Negara Islam” ke “ Negara Berkeadilan” (pasca PRU-11/2004 & 9/11) – inklusif, responsif kepada masyarakat majmuk.	Dari Islamis tegas (1999) ke “ parti terbuka” – fokus keadilan sosial, tadbir urus baik, inklusif etnik/agama.	Konsisten mengekalkan misi negara Islam; lebih lambat adaptasi pragmatik berbanding PAS/PKS.	Tiga fasa: dakwah rahsia → Demokrasi Islam (1981-2011) → Demokratik Muslim (pasca-2011); naratif inklusif dan demokratik.	Dari penolakan sekularisme pasca-1980 ke rancangan ekonomi dan sosial berasaskan Islam; terpaksa bubar 1997, kemudian warisan.	Tidak berubah; kekal menuntut pelaksanaan penuh syariah tanpa kompromi.
Metodologi Kaderisasi (Tahap)	Sistematis, berperingkat berdasarkan modul Ikhwan al-Muslimin, disesuaikan dengan konteks undang-undang & politik Malaysia.	Tarbiyah serupa diadaptasi daripada Ikhwan; fokus pelatihan aktivis kampus, kerja akar umbi, inklusi bukan Muslim.	Melatih kader melalui majlis ceramah dan sel-sel dakwah; penekanan kepada ilmu agama dan politik.	Kurikulum dakwah dan latihan kepimpinan; modul demokrasi Islam, penekanan pada kesederhanaan dan inklusiviti; integrasi kepada struktur sivil.	Program pendidikan dan latihan ekonomi sosial (Milli Gençlik Vakfı); penekanan penyertaan wanita & pemuda.	Tiada modul kader formal moden; bergerak melalui dakwah.
Hubungan Transnasional Selektif	Bersama Ikhwan al-Muslimin (Mesir), Jamaat-e-Islami (Pakistan), Ennahda (Tunisia); pertukaran pengalaman, pertemuan rasmi, adaptasi moderat (“ Muwajahah al-Silmiyyah”).	Jalinan ideologi & strategi dengan Ikhwan; perkongsian pengalaman pilihan raya; kolaborasi seminar/regional.	Symbiosis dengan PAS melalui pertemuan rasmi; kongsi strategi pelaksanaan syariah dalam demokrasi.	Berdialog dengan PAS & gerakan lain; persamaan wacana nasionalisme beragama; kerjasama akademik dan lawatan delegasi.	Warisan Milli Görüş; pertemuan dengan gerakan Islam global; rangka D8 bersama negara Islam; terhad oleh pembubaran.	Tiada kerjasama langsung; persamaan ideologi Pan-Islamisme tetapi tiada pertemuan rasmi disebabkan tekanan kerajaan Algeria.
Imbangan Nasionalisme vs Ummah	Penyatupaduan “ Islam vs Bangsa” : kewujudan negara Malaysia sebagai medan dakwah; solidariti ummah tanpa menafikan identiti Melayu.	Menangani dualisme identiti: isu kebangsaan & keadilan sosial; inklusi bukan Muslim memupuk nasionalisme sivil.	Ummah global diutamakan, tetapi strategi politik tumpu kepada konteks Pakistan.	Kesetiaan dua hala: Tuhan–umamah–negara; agenda inklusif dalam perlembagaan demokratik.	Solidariti umat global melalui D8; tetapi patriotisme kebangsaan kurang ditekankan berbanding ideologi antisemprialisme.	Utamakan ummah global; negara terpinggir; konflik dengan negara sekular menjejaskan pembentukan institusi sivil.

Jadual 1 : Perbandingan nasionalisme beragama PAS dengan parti-parti

politik Islam global.

Kesimpulannya, PAS mempamerkan model nasionalisme Islam yang *etnosentrik* dengan modul tarbiyah berstruktur dan rangka kerjasama transnasional terpilih yang mengutamakan moderasi dalam kerangka Perlembagaan Malaysia. Berbeza dengan PKS dan Ennahda yang bergerak ke arah nasionalisme sivil inklusif, serta Jamaat-e-Islami yang lebih langgan Pan-Islamisme konstitusional, PAS mengekalkan keseimbangan antara identiti Melayu dan solidariti ummah global melalui naratif “negara berkebajikan” dan metodologi *Muwajjahah al-Silmiyyah*. Model PAS menonjolkan fleksibiliti, progresivisme dan pragmatisme dalam lanskap politik Islam kontemporari.

2.8 Perbandingan keunikan nasionalisme Parti Islam Se-Malaysia dengan parti-parti politik bukan Islam seluruh dunia

Mendepani cabaran politik global, nasionalisme tidak lagi dibatasi oleh sempadan sekularisme atau agama semata-mata, sebaliknya sering menjadi alat untuk meneguhkan identiti kolektif, mempertahankan budaya tempatan, serta menentang pengaruh asing atau globalisasi. Pengalaman PAS dalam memperjuangkan nasionalisme Melayu-Islam memperlihatkan ciri-ciri yang unik tetapi pada masa yang sama ada persamaan struktural dengan bentuk-bentuk nasionalisme beragama dan sekular di negara Barat serta lokasi lain. Chrostowski (2023), menjelaskan politik ideologi nasionalisme beragama yang berlaku di Poland, dipelopori oleh Parti Law and Justice (PiS) Poland yang membangunkan identiti nasional berasaskan warisan agama Kristian Katolik bagi menentang sekularisasi Eropah, liberalisme Barat, serta pengaruh imigran Muslim (yang mendapatkan suaka politik). PiS menjustifikasikan banyak dasar politik Poland sebagai keupayaan untuk “mempertahan agama, keluarga tradisional dan nilai peribumi” yang diinjak oleh agenda sekular Kesatuan Eropah

(EU) dan pendatang luar.¹⁰⁰ Identiti Katolik diangkat bukan sekadar agama, tetapi sebagai teras negara Poland dan sebagai simbol penentangan terhadap campur tangan asing, sambil menggunakan simbol dan institusi Katolik sebagai penyatuan identiti nasional (Folvarčný & Kopeček, 2020).¹⁰¹ Hal ini sedikit sebanyak mempunyai persamaan dan sejajar dengan strategi PAS yang menegaskan Melayu-Islam sebagai 'tiang seri' negara Malaysia, membuka ruang kepada penentangan terhadap liberalisme Barat, sekularisasi, dan pluralisme budaya yang dianggap menggugat “jati diri bangsa. Manakala di Rusia pula, perjuangan politik berpaksikan nasionalisme beragama pula dipelopori oleh Gereja Ortodoks menjadi pelindung “Jiwa Rusia” atau “душа России” (*Dusha Rossii*) yang merujuk kepada identiti kebangsaan yang unik, semangat patriotisme, atau hakikat kewujudan bangsa Rusia yang terhormat. Tema ini merupakan tema yang berulang dalam khazanah kesusasteraan, falsafah dan pemikiran politik, yang lazimnya digunakan untuk menggambarkan suatu kesedaran kolektif, tujuan bersama serta takdir sejarah yang dikongsi oleh masyarakat Rusia. Slogan atau tema tersebut diperluaskan intipatinya dalam menentang pengaruh liberalisme dan hak asasi manusia versi Barat yang dilihat meruntuhkan tradisi dan kedaulatan negara Rusia. Hubungan erat antara negara dan Gereja Ortodoks yang dimobilisasi oleh pihak pemerintah (seperti Parti United Russia) untuk memartabatkan moral akar umbi, menolak “dekadensi” Barat, serta menjustifikasi polisi anti minoriti atau anti Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender (LGBT) (Knox, 2005).¹⁰² Maka, dalam menganalisis

¹⁰⁰ Chrostowski, M. (2023). “Unholy Alliance”: Identification and prevention of ideological and religious frames between right-wing populism and christianity in Poland. *Zeitschrift Für Religion, Gesellschaft Und Politik*, 7(1). <https://doi.org/10.1007/s41682-023-00146-3>

¹⁰¹ Folvarčný, A., & Kopeček, L. (2020). Which conservatism? The identity of the Polish Law and Justice party. *Politics in Central Europe*, 16(1), 159–188. <https://doi.org/10.2478/pce-2020-0008>

¹⁰² Knox, Z. (2005). Russian Orthodoxy, Russian Nationalism, and Patriarch Aleksii II. *Nationalities Papers*, 33(4), 533–545. <https://doi.org/10.1080/00905990500354004>

persamaannya dalam konteks perjuangan politik nasionalisme beragama seperti PAS, agama bukan sekadar ritual peribadi tetapi instrumen mobilisasi politik yang bergerak kolektif (*Amal Jama'ie*) untuk meneguhkan identiti nasional dan meneruskan misi “pemurnian akhlak”.

Zionisme merupakan sebuah gerakan nasionalis Yahudi yang bermula pada akhir abad ke-19 dengan matlamat utama menubuhkan dan mengekalkan negara bangsa Yahudi di Palestin. Salah satu aspek paling dominan Zionisme ialah penekanan kepada keistimewaan dan eksklusiviti identiti Yahudi dalam struktur kenegaraan Israel. Menurut perspektif negara haram Israel, agama dan nasionalisme dilebur menjadi satu entiti yang tidak dapat dipisahkan. Hal ini bermakna, definisi “warga Israel” secara substantif adalah “warga Yahudi,” dan hanya kelompok ini diiktiraf secara mutlak menentukan arah politik, ekonomi serta budaya negara haram tersebut. Keistimewaan dan eksklusiviti Yahudi dalam projek kenegaraan Zionis jelas dimanifestasi melalui dasar imigresen seperti *Law of Return* yang memberikan hak kerakyatan automatik hanya kepada individu berketurunan Yahudi dari seluruh dunia, berbanding minoriti Arab, Muslim atau Kristian yang hidup di wilayah sama tetapi tidak mendapat taraf dan perlindungan setara. Dasar-dasar penempatan pula terutamanya di kawasan yang dirampas selepas 1967 telah disusun dengan naratif bahawa tanah tersebut adalah hak eksklusif bangsa Yahudi berdasarkan warisan keturunan dan agama. Di samping itu, undang-undang negara juga memihak secara jelas kepada tradisi, bahasa, budaya dan kepentingan Yahudi, menyukarkan minoriti lain mengakses hak sivil dan politik setara. Dari sudut naratif politik, Zionisme memperkukuhkan identiti kebangsaan-agama Yahudi dengan membina “benteng” politik, budaya, dan ekonomi untuk menghadang pengaruh atau “ancaman” dari luar,

terutamanya penduduk Arab-Palestin dan negara-negara jiran. Argumen ini digunakan untuk mengabsahkan sekatan, sekularisme terpilih, serta tindakan ketenteraan. Zionisme, dalam bentuk ini, mengangkat naratif “tanah suci hanya untuk Yahudi” sebagai tuntutan eksklusif, sekaligus membawa kepada tata kelola masyarakat yang mengekang kemasukan, pengaruh, atau campur tangan luar yang dilihat mencabar status dominan Yahudi (Waxman & Peleg, 2023).¹⁰³ Fenomena ini berkait rapat dengan retorik yang diketengahkan oleh PAS dalam konteks Malaysia, di mana parti ini menegaskan bahawa keistimewaan Melayu-Islam adalah teras, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

Laïcité di Perancis merupakan versi nasionalisme sekular yang tegas dan berbeza secara mendasar daripada model nasionalisme agama nasionalisme Katolik di Poland, dan nasionalisme Ortodoks Rusia. Laïcité menekankan pemisahan mutlak agama daripada urusan negara demi mengekalkan identiti nasional yang bersandarkan prinsip kebebasan, persamaan, dan sekularisme sosial. Sejak pasca-Revolusi Perancis, dasar ini mencerminkan aspirasi negara untuk menjadi ruang awam yang neutral dan bebas daripada pengaruh mana-mana agama. Perlembagaan serta undang-undang Perancis menginstitusikan prinsip ini secara menyeluruh, misalnya melalui larangan pemakaian simbol agama di sekolah dan ruang pentadbiran awam, termasuk tudung kepala, salib besar, dan simbol utama agama lain. Dasar Laïcité turut mengehadkan campur tangan institusi agama dalam pendidikan, pentadbiran, dan undang-undang demi melindungi keadilan kolektif dan hak individu dalam masyarakat pelbagai agama. Negara tidak memberikan keistimewaan atau perlindungan khas kepada mana-

¹⁰³ Waxman, D., & Peleg, I. (2023). *The Rights of Israel's Palestinian Minority in the Two-State Solution to the Israeli-Palestinian Conflict*.

mana tradisi agama dan semua warga dianggap setara dalam ruang awam, tanpa simbolisme agama yang dominan (Bowen, 2008).¹⁰⁴ Sebaliknya, PAS, parti nasionalis Katolik Poland dan Ortodoks Rusia menempatkan agama sebagai asas identiti nasional, alat perpaduan kolektif serta instrumen utama dalam pembentukan undang-undang, moral, dan arah tuju ideologi negara. Dalam konteks mereka, agama berfungsi membina eksklusiviti, memobilisasi rakyat, sering kali menolak pluralisme sebenar, dan mengekalkan hubungan institusi langsung antara negara dan gereja/masjid. Dengan demikian, perbezaan utama Laïcité adalah penolakan terang-terangan terhadap penyerapan sebarang identiti agama ke dalam naratif kenegaraan; ruang awam dan dasar negara di Perancis terlepas daripada dominasi simbol agama, tidak seperti di Malaysia, Poland, atau Rusia di mana agama sama ada Islam, Katolik, atau Ortodoks dengan membentuk naratif dan undang-undang kebangsaan. Laïcité menjadi model nasionalisme sekular paling radikal, memisahkan agama daripada politik dan memastikan negara kekal benar-benar neutral terhadap semua agama. Kesimpulannya dapat dilihat melalui jadual 2 berikut ;

¹⁰⁴ Bowen, J. R. (2008). *Why the French don't like headscarves : Islam, the state, and public space*. Princeton University Press.

Ciri / Model	PAS (Melayu-Islam, Malaysia)	PiS Poland (Katolik, Poland)	Nasionalisme Ortodoks (Rusia)	Nasionalisme Zionisme (Israel)	Laïcité (Perancis)
Teras Identiti	Melayu-Islam sebagai tiang seri negara	Warisan agama Kristian Katolik sebagai asas kenegaraan	“Душа России” (Jiwa Rusia) berasaskan Ortodoksi	Yahudi sebagai negara-bangsa beragama	Warganegara tanpa identiti agama (sekularisme mutlak)
Alat Mobilisasi	Madani Islam, undang-undang Syariah, institusi masjid dan NGO	Simbol dan institusi Katolik (gereja, tradisi keagamaan), retorik “keluarga tradisional”	Gereja Ortodoks, simbol agama, slogan patriotik, khazanah falsafah dan sastera	Undang-undang Return, polisi penempatan, naratif “tanah suci”	Larangan simbol agama di ruang awam (tudung, salib), undang-undang neutraliti
Eksklusiviti & Keistimewaan	Keistimewaan undang-undang dan hak politik untuk Bumiputera Islam	Melindungi nilai Katolik menentang liberalisme Barat dan EU	Dominasi Ortodoksi, kebijakan anti-LGBT dan anti-minoriti	Kewarganegaraan automatik hanya bagi orang Yahudi, eksklusif kepada Yahudi	Tiada keistimewaan agama; semua warganegara diiktiraf setara
Sikap terhadap Pluralisme	Menolak pluralisme budaya dan liberalisme Barat	Menolak sekularisasi EU, liberalisme Barat, imigran Muslim	Menolak “dekadensi” Barat, liberalisme dan hak asasi manusia versi Barat	Menentang pengaruh Arab-Palestin dan pan-Arab, mengekang imigran bukan Yahudi	Menggalakkan kepelbagaian agama tanpa simbol di ruang awam
Hubungan Negara–Agama	Integrasi Islam dalam perlembagaan dan dasar negara	Hubungan rapat gereja-negara, gereja sebagai institusi kenegaraan	Gereja Ortodoks dimobilisasi oleh negara, legitimasi politik	Agama dan negara dilebur; identiti Yahudi ditetapkan sebagai syarat kewarganegaraan	Pemisahan mutlak; agama tidak campur tangan dalam undang-undang dan pentadbiran
Contoh Dasar	RUU 355 (Syariah), Pendidikan orang Melayu, Ekonomi Islam.	Larangan hak LGBT, subsidi institusi gereja, retorik “keluarga tradisional”	Undang-undang anti-LGBT, larangan NGO asing, pendidikan dan media pro-Ortodox	Law of Return, pembangunan penempatan di Tebing Barat, perpaduan budaya Yahudi	Undang-undang 1905 (pemisahan), larangan hijab di sekolah, larangan salib besar

Jadual 2 : Perbandingan nasionalisme beragama antara PAS dan parti-parti politik

Barat

2.9 Konsep Nasionalisme Secara Umum

Nasionalisme terbahagi kepada dua elemen iaitu nasionalisme yang umumnya terdapat di Eropah dan nasionalisme yang terdapat di negara-negara Asia dan Afrika. Nasionalisme di Eropah melibatkan penyertaan penggerak nasionalis dengan tujuan untuk membina dan menstabilkan negara berdasarkan aspek agama, budaya dan bahasa yang sudah berakar umbi dalam masyarakat di benua tersebut. Manakala nasionalisme di negara-negara Asia dan Afrika adalah hubungan di antara masyarakat yang berada di dalamnya yang berjuang untuk menuntut kemerdekaan dan pembebasan daripada cengkaman penjajahan lantas membentuk sebuah negara yang berdaulat, merdeka dan mempunyai kewarganegaraan yang sama bagi setiap masyarakat sama ada dalam bidang politik, ekonomi dan sosio-budaya masing-masing (Syed Husin Ali, 1983).¹⁰⁵ Nasionalisme juga secara umumnya dikenali sebagai satu fahaman atau semangat kebangsaan yang digunakan untuk mempamerkan sikap dan pendekatan yang berkaitan dengan perjuangan menentang kolonial dan menuntut bela terhadap bangsa dan negara (Mohd Faiz Mohd Zain, 2011).¹⁰⁶ Terdapat juga definisi yang menyatakan bahawa nasionalisme secara konseptual merupakan satu fenomena sejagat yang mengiktiraf hak setiap bangsa di dunia ini untuk menubuhkan negaranya yang tersendiri, memindahkan kedaulatan kepada rakyat serta menuntut kesetiaan yang paling ulung untuk disalurkan ke negara tersebut. Walaupun begitu, tidak

¹⁰⁵ Syed Husin Ali. 1983. Menanam semangat nasionalisme tulen melalui sastera. *Dewan masyarakat*, 15 Ogos 1983

¹⁰⁶ Mohd Faiz Mohd Zain. 2011. "Pengaruh nasionalisme Melayu mewarnai budaya politik dalam UMNO". *Jurnal Melayu* no.7

dinafikan bahawa terdapat juga pemahaman nasionalisme adalah cubaan untuk bertapak di mana-mana negara demi untuk merobohkan struktur pemerintahan yang dianggap tidak sesuai dengan nilai-nilai kebangsaannya itu (R.Suntralingam dan Abdul Rahman Haji Ismail, 1985).¹⁰⁷ Zainal Abidin Abdul Wahib (1985) menjelaskan konsep nasionalisme adalah,

“Pemikiran yang mendorong seseorang itu menumpukan kesetiaan yang sepenuhnya kepada sesebuah negara. Ia merupakan satu ikatan yang kuat kepada ibu pertiwi, kepada tradisi tempatan dan biasanya kepada yang berhak berkuasa di negara itu. Pertalian bangsa, bahasa dan agama selalunya menjadi unsur kepada kefahaman kebangsaan. Pengalaman bersama menerusi peristiwa-peristiwa dalam sesebuah negara itu, seperti menentang penjajah, boleh menolong mewujudkan atau memperkuat fahaman kebangsaan. Segala unsur ini boleh mencetuskan satu pemikiran yang mengaitkan, menggabungkan melalui memadukan satu kumpulan manusia. Perkara inilah dikatakan fahaman kebangsaan”.

(Zainal Abidin, 1985)¹⁰⁸”

Wan Hashim Wan Teh (1985) pula menyatakan bahawa definisi nasionalisme yang lebih dekat dengan ciri-ciri kemalaysiaan iaitu,¹⁰⁹ Pertama ; Wujudnya kesedaran kesatuan sekumpulan manusia yang mempunyai persamaan dari segi ras, bahasa dan budaya dengan mengambil contoh nasionalisme Melayu yang berakar umbi dari abad ke-19 sehingga ke kemuncak perkembangannya pada tahun 1946 apabila teretusnya penentangan besar orang Melayu terhadap gagasan Malayan Union yang secara terang menghapuskan kuasa Raja-Raja Melayu dan hak keistimewaan orang Melayu. Kedua

¹⁰⁷ R.Suntralingam et al. 1985. *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah* . Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd

¹⁰⁸ Zainal Abidin Abdul Wahid. 1985. *Fahaman Kebangsaan Melayu : cabaran terhadapnya*. Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Arus Politik Kebangsaan, Bangi : UKM.

¹⁰⁹ Wan Zahidi Wan Teh. 1985. *Cintakan Tanah Air Asas Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur : Utusan Malaysia

; nasionalisme adalah kesedaran yang membawa kepada penyatuan dalam kalangan sekumpulan manusia yang tinggal dalam satu batasan politik yang sama tetapi tidak semestinya mempunyai persamaan dari segi ras, bahasa dan budaya namun yang pentingnya ialah rasa cinta dan kesetiaan yang mendalam terhadap tanah air sehingga sanggup berkorban nyawa daripada membiarkan tanah air dicerobohi oleh pihak musuh.

2.10 Konsep Nasionalisme Menurut Perspektif Barat

Pentakrifan nasionalisme menurut perspektif Barat begitu banyak dibincangkan. Menurut Hans Kohn (1968) seorang pakar nasionalisme Barat menjelaskan bahawa nasionalisme adalah merupakan satu fahaman yang merangsang kepada ketaatan kepada entiti sesuatu kelompok di atas segala ketaatan termasuk ketaatan dan kepatuhan kepada agama. Ketaatan dan simpati kepada kesatuan nasional khususnya dalam soal integriti yang lebih kuat daripada segala-galanya. Menurutnyalah, nasionalisme amat menyanjung tinggi bangsa sehingga menyebutnya sebagai tanah tumpah darah (*Homeland*). Oleh itu, sikap ini melahirkan satu perasaan menjunjung tinggi bangsanya sama ada dalam perkara yang baik atau pun perkara yang buruk, benar atau salah, tetap membela nama dan harga diri bangsa itu yang diutamakan.¹¹⁰

Kohn (1969) juga menjelaskan nasionalisme boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan fikiran yang meresap ke dalam jiwa sebagai semangat sebahagian besar rakyat. Beliau juga mengiktiraf negara sebagai satu bentuk organisasi yang unggul dan bangsa sebagai punca segala kehidupan dan budaya untuk membina kekuatan

¹¹⁰ Hans Kohn. 1968. *Encyclopedia of Social Science*, London : Macmillan & The Free Press.

ekonomi. Oleh itu, kesetiaan manusia adalah tertumpu kepada bangsanya kerana kehidupan mereka bergantung kepada kebajikan bangsanya itu sendiri.¹¹¹

Walter S. Jones (1988) menjelaskan bahawa *Nationalism* membawa maksud satu identiti kelompok bangsa yang secara kolektif dan emosional telah disatukan untuk menjadi satu bangsa dan menjadikan bangsa sebagai sumber rujukan sekaligus dapat menonjolkan identiti bangsa sebagai identiti nasional.¹¹² Menurut A.D Smith (1971), nasionalisme sebagai satu gerakan ideologi ke arah mencapai dan mempertahankan hak kekuasaan dan keperibadian sendiri sesuatu kelompok masyarakat yang mana sebahagian dari kelompoknya menanggapi bahawa sesuatu bangsa yang sebenar kemungkinan menjadi satu bangsa dan nasionalisme ini mempunyai hubung kait dengan tiga perkara iaitu penentuan nasib sendiri, penegasan keperibadian dan sifat tersendiri bangsa.¹¹³

Ernest Geller (1983) menjelaskan bahawa nasionalisme adalah merupakan teori legitimasi politik yang berkehendak kepada kepatuhan had dan sempadan politik etnik yang telah ditetapkan dan tidak boleh melepasi had tersebut khususnya dalam negara yang tertentu.¹¹⁴ Walaubagaimapun kebanyakan pengkajian nasionalisme ini menakrifkan nasionalisme seperti yang dijelaskan oleh Norsazali Abdullah (2005) kebanyakan definisi Nasionalisme ini dilakukan dengan menggunakan perkataan nasionalisme itu dengan cara mempelbagaikan maknanya mengikut kesesuaian

¹¹¹ Hans Kohn.1965. *Ibid*.

¹¹² Walter S. Jones.1988. *The Logic of International Relations* (terj. Budiono K.), Boston : Little Brown.

¹¹³ A.D Smith.1971. *Theories of Nationalism*, London : Duckworth hlm 23.

¹¹⁴ Ernest Gillner.1983. *Nations and Nationalism*. Oxford : Basil Balckwell Publisher, hlm 1.

tempat, situasi dan keserasian penggunaannya dalam beberapa perkara. Perkataan nasionalisme itu berasal daripada perkataan Latin iaitu “*Natio*” yang membawa pengertian tempat kelahiran bangsa, manakala “*isme*” membawa maksud fahaman. Nasionalisme dapat ditakrifkan sebagai fahaman kebangsaan yang berdasarkan persamaan tanah kelahiran sesuatu bangsa.¹¹⁵ Nasionalisme yang diambil daripada perkataan Inggeris dari kata dasar *National*, *Nationalist* dan *Nationalism*, menurut Oxford Advanced Learners Dictionary, istilah *nation* bermaksud ; “*large community of people, sharing a common history, language etc, and living in a particular territory under one government*”¹¹⁶ bermaksud satu kelompok masyarakat yang besar, berkongsi sejarah, bahasa dan sebagainya serta tinggal dalam wilayah tertentu dibawah satu kerajaan. Manakala *National* pula memberi maksud “*common to or characteristic of a whole nation*” bermaksud, sifat keseluruhan sesuatu bangsa itu. *Nationalist* pula merujuk kepada *a supporter of nationalism* atau penyokong nasionalisme dan *Nationalism* bermaksud “*movement political independence in a country that is controlled by mother or part of another*” atau gerakan yang menyokong pembebasan politik dalam sesebuah negara yang dikuasai oleh orang lain atau sebahagian daripada mereka.¹¹⁷

Sebagaimana Ernest (1983), Hobsbawm (1989), Greenfeld (1992) dan Cottam (2001) mendefinisikan nasionalisme dengan “*Nation*” dan “*State*” yang merujuk kepada kerangka masyarakat yang memiliki ketegasan wilayah yang sah dan masyarakat yang diperintahkan untuk berkelakuan baik, menjaga kerahsiaan sendiri,

¹¹⁵ Nor Sazali Abdullah .2005. Ibid, hlm 11.

¹¹⁶ Oxford Advanced Learners Dictionary (4th Edition). (1984). London : Oxford University Press, hlm 823.

¹¹⁷ Ibid. hlm 823

mempunyai cita-cita untuk hidup bersama dan segala bentuk kekerasan adalah tidak dibenarkan.¹¹⁸ Manakala dalam pandangan lain, “Nation” dan “State” adalah konsep kebersamaan penduduk sesebuah wilayah, negara atau kerajaan yang menubuhkan satu badan yang menjadi pusat tertinggi pemerintahan yang sekaligus menjadi asas kepada penubuhannya oleh sesebuah masyarakat yang memberikan sokongan yang kukuh.¹¹⁹

Greenfeld (1992) dalam menjelaskan terminologi “People” atau “Bangsa” adalah berkait rapat dengan definisi nasionalisme kerana konsep nasionalisme, yang membezakan kebangsaan dari identiti lain adalah berasal daripada fakta yang menjelaskan nasionalisme menempatkan sumber identiti individu dalam konsep “Bangsa”, yang dilihat sebagai pembawa kedaulatan, yang menjadi objek utama kesetiaan, dan sebagai asas perpaduan secara kolektif. “Bangsa” adalah merupakan jisim sesebuah masyarakat yang mempunyai sempadan dan kawasan yang ditakrifkan dalam pelbagai cara, tetapi yang biasanya “bangsa” dilihat dalam konteks yang lebih besar daripada mana-mana komuniti yang konkrit dan wujud secara semulajadi yang dibahagikan dengan tahap status, kelas, tempat. Dalam sesetengah kes melibatkan status etnik. Satu-satunya asas nasionalisme dengan syarat idea; nasionalisme adalah perspektif tertentu atau gaya pemikiran dan merupakan idea yang terletak pada teras nasionalisme itu sendiri iaitu “bangsa”.¹²⁰

¹¹⁸ Ernest. Ibid. hlm 3

¹¹⁹ E.J Hobsbawm. 1990. *Nations and Nationalism Since 1780 : Programme, Myth, Reality*. Cambridge : Cambridge University Press, hlm 16

¹²⁰ Greenfeld, Liah.(1992). *Nationalism : Five Roads to Modernity*, Massachusetts : Harvard University Press, hlm 3-4

Cottam dan Cottam (2001) juga menjelaskan bahawa konsep dan definisi nasionalisme diambil dalam kerangka pemikiran Rupert Emerson (1960) iaitu dalam era kebangkitan politik bangsa yang mempunyai kecenderungan yang kuat untuk mengenal pasti identiti pada tahap asas kekuatan sesebuah komuniti yang mereka percaya sewajarnya sebagai asas kewujudan sesebuah kerajaan. Menurut Emerson lagi, konseptual terhadap kebangsaan adalah merupakan sebagai satu manifestasi tingkah laku moden terhadap sesebuah identiti bangsa dan merupakan salah satu contoh yang paling awal dalam usaha untuk menonjolkan keperibadian kebangsaan. Hal ini akan menjadikan sesebuah bangsa dapat mengemukakan kesetiaan secara serentak kepada beberapa identiti seperti masyarakat beragama, kepelbagaian kaum, etnik dalam melahirkan sifat kebangsaan.¹²¹

Christophe Jaffrelot et. al (2003) telah menyatakan konsep nasionalisme menurut perspektif cendekiawan Barat dengan membuat konklusi akhir bahawa nasionalisme adalah terlalu pelbagai maksudnya apatah lagi untuk merencanakan satu teori tunggal bagi menjelaskan maksud nasionalisme. Kebanyakan kandungannya dan orientasi nasionalisme ditentukan oleh tradisi budaya yang berbeza mengikut ragam masyarakat, tindakan pemimpin yang kreatif, dan situasi tertentu yang berlaku diperingkat antarabangsa. Calhoun (1997) dan Hall (1999) juga berbeza pandangan mengenai konsep dan definisi nasionalisme iaitu tidak mungkin akan wujud satu teori nasionalisme secara universal kerana rekod-rekod sejarah nasionalisme adalah terlalu banyak dan pelbagai.¹²²

¹²¹ Cottam, Martha L & Richard W. 2001. *Nationalism and Politics*, London : Lynne Rienner Publisher, hlm 1-2

¹²² Christophe Jaffrelot. 2003. "For a theory of nationalism". *Journal Nations and Nationalism*. Sciences Po, hlm 3

Finlayson (1998) pula menyatakan bahawa nasionalisme adalah merupakan fenomena yang berbeza-beza mengikut keadaan. Oleh sebab itu, konsep nasionalisme sentiasa terperangkap dalam proses menentukan dan menentukan ciri khas nasionalisme itu sendiri. Oleh kerana ketidakketentuan itu, nasionalisme tidak dapat berfungsi bersendirian. Ia membentuk sebahagian daripada rangkaian yang lebih besar, yang sering disertai dengan tanda sempang seperti dalam Nasionalisme-Marx, Nasionalisme-sosialis, Nasionalisme-liberal, Nasionalisme-konservatif, Nasionalisme-otoritarian dan Nasionalisme-demokratik.¹²³

Leon P. Baradat (1979), nasionalisme adalah satu ideologi politik yang mempunyai kehormatan yang sangat tinggi. Nasionalisme juga merupakan semangat tanggungjawab individu terhadap negara yang mempengaruhi ketaatan, kepatuhan dan pengorbanan yang tinggi. Kesetiaan dalam nasionalisme yang tinggi adalah perasaan yang amat mendalam dalam kalangan rakyat dan mewujudkan satu ikatan yang kuat dengan tanah airnya.¹²⁴ Walter Theimer (1950) dalam *Encyclopedia of World Politic* berpandangan bahawa nasionalisme merupakan satu sentimen kepuakkan yang berpaksikan karekteristik bangsa khasnya bahasa dan budaya dengan memenuhi kecenderungan untuk menekankan aspek-aspek pertentangan di antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Nasionalisme juga dianggap sebagai perlakuan untuk memperbesarkan sentimen tersebut. Menurut beliau lagi, sentimen kepuakkan itu wujud sejak tamadun Greek Roman dan juga tamadun-tamadun yang terdahulu. Namun begitu, nasionalisme moden hanya muncul sekitar abad yang ke-18, yang telah berusaha untuk meletakkan kehormatan nasionalisme sebagai perkara yang paling

¹²³ Finlayson, A. 1998. Ideology, Discourse and Nationalism. *Journal of Political Ideologies*, 3(1), 19.

¹²⁴ *Encyclopedia Malaysiana* 1995, Kuala Lumpur : Anzagain Sdn Bhd, hlm 37.

tinggi nilainya dan dogmatik serta mencakupi semua aspek disiplin ilmu, pemikiran, sentimen dan tindakan manusia. Penentuan asimilasi kepuakkan menjadi asas kepada penentu dasar-dasar kehidupan mereka.¹²⁵

Kesimpulannya, daripada definisi-definisi ini dapat difahami bahawa nasionalisme menurut perspektif Barat menjelaskan 3 perkara iaitu ; Pertama ; Nasionalisme tidak mengambil kepercayaan agama dan ideologi sebagai asas untuk penyatuan sebaliknya mengambil kira bahasa, budaya, kawasan dan bangsa. Bangsa dan wilayah adalah paksi kepada kewujudan nasionalisme seperti menurut pendokong fahaman nasionalisme seperti Hans Kohn dan A.D Smith. Mereka dengan jelas menyatakan bahawa perbezaan manusia daripada yang lain dengan yang lain bukanlah terletak kepada kepercayaan agamanya tetapi terletak kepada tanah kelahirannya, bahasa dan budayanya. Kedua ; Nasionalisme di Barat merujuk kepada ketaatan mutlak kepada negaranya. Hal ini membawa maksud kesetiaan terhadap tuhan dan lain-lain kepercayaan spiritual, adalah tertakluk kepada kesetiaan kepada negara dan bangsa dan jelas menunjukkan bahawa nasionalisme ini adalah tanda kesetiaan yang melebihi daripada lain-lain kesetiaan dan sekiranya sentimen agama bertentangan dengan sentiment nasionalisme maka sentimen agama tidak akan diikuti dan ditolak terus. Ketiga ; Konseptual nasionalisme Barat juga dikenali sebagai Negara-bangsa kerana asas kepada kewujudan nasionalisme adalah berpaksikan kepada kewujudan “negara” dan “bangsa” yang ditadbir oleh sesebuah organisasi kerajaan yang merangkumi ciri-ciri kebudayaan, kepimpinan dan cara hidup.

¹²⁵ Nor Sazali Abdullah, *loc.cit*, hlm 22, Bab 2.

2.11 Konsep Nasionalisme Menurut Perspektif Islam

Thameem Ushama (2011) menjelaskan bahawa nasionalisme dalam Islam merujuk sebagai ideologi politik yang berpendapat bahawa negara adalah sangat penting atau mengamalkan kepercayaan bahawa satu negara merupakan secara semula jadi yang unggul ke atas semua negeri yang lain. Nasionalisme juga ditakrifkan sebagai sentimen atau perasaan atau kesedaran rakyat untuk wilayah tertentu yang dirujuk sebagai polisi kebebasan kebangsaan dan boleh menggambarkan negara sebagai sebuah masyarakat bersatu di bawah satu kerajaan yang telah dikenali atau sebagai satu kumpulan yang besar rakyat dengan keturunan yang sama atau sejarah; satu sentimen berdasarkan kepada ciri kebudayaan yang biasa yang menyatukan penduduk yang bersama-sama sekaligus menghasilkan dasar kemerdekaan kebangsaan atau pemisahan, yang merupakan kesedaran dan rasa bangga dalam watak individu dan semangat rakyat sebagai secara subjektif mengalami dan seterusnya, lebih mudah condong ke arah semangat perpaduan negara.¹²⁶

Menurut pandangan Imam Hasan Al Banna iaitu pengasas pergerakan Ikhwan Al Muslimin Mesir dengan mengatakan bahawa ;“Jika nasionalisme yang dimaksudkan ialah keluarganya dan bangsanya adalah merupakan orang yang paling utama untuk memberikan layanan yang baik dan orang yang paling utama dilimpahkan segala sumbangan dan jihad, maka maksud ini (nasionalisme) adalah benar. Siapakah yang tidak merasakan bahawa orang yang paling utama untuk menerima sumbangannya ialah bangsanya sendiri yang telah mendewasakan pemikiran. Menurutny lagi jika nasionalisme yang dimaksudkan tuntutan untuk

¹²⁶ Thameem Ushama (2011), *Nationalism in the Discourses of Muslim Revivalists, Islam and Nationalism*, 1st Ed (2011), hlm 46.

berusaha dan berjihad maka menjadi kewajiban setiap kelompok bangsa untuk berusaha mencapai matlamat ini sehingga dengan izin Allah akan mencapai kejayaan...”, kenyataan ini dipetik daripada ucapan Imam Hasan Al Banna dalam Mukhtar Tahunan Ikhwan Al Muslimin di yang terkandung dalam *Risalah Dakwatuna*.¹²⁷

Nasionalisme dalam Islam juga merujuk kepada lima elemen *Al Wataniyyah* seperti yang dijelaskan oleh Al Banna¹²⁸ iaitu ; Pertama, *Al Wataniyyah Al Hanin* yang bermaksud kasih sayang adalah semangat cintakan tanah air yang wujud secara semulajadi atau fitrah dalam setiap diri manusia dan ianya amat digalakkan oleh Islam. Perkara ini dapat dilihat dalam sikap Bilal Bin Rabah *Radhiyallahu anhu* yang menyatakan kecintaannya kepada Kota Mekah dan begitu juga rasa cinta Rasulullah SAW menitis air mata ketika mendengar cerita Asil *Radhiyallahu anhu* yang menggambarkan keindahan Kota Mekah lantaran rasa cinta dan sayangnya Rasulullah SAW terhadap bumi kelahirannya sendiri. Kedua, *Al Wataniyyah Al Hurriyah wal I'zzah* yang bermaksud keagungan dan kemerdekaan adalah sifat tanggungjawab untuk membebaskan tanah air dari kekuasaan asing dengan meletakkan kemerdekaan serta kemuliaan rakyat. Ketiga, *Al Wataniyyah Al Mujtama'* yang bermaksud kebebasan kemasyarakatan dengan usaha untuk menyatukan rakyat demi kepentingan bersama. Keempat, *Al Wataniyyah Al Fath* yang bermaksud penaklukan iaitu perjuangan untuk menguasai dunia dengan membawa agama Islam. Kelima, *Al Wataniyyah Al Hizbiyyah* bermaksud perkauman dan pembahagian bangsa kepada

¹²⁷ Mohd Hazizi Abdul Rahman (Oktober 26, 2011). *Nasionalis atau sekularis*. Dicapai pada Julai 4, 2019 daripada ustazhazizi.wordpress.com/2011/10/26/186/.

¹²⁸ Nor Sazali Abdullah, *loc.cit*, hlm 57-58.

kelompok-kelompok kemudian dihasut dan dilaga-lagakan sehingga membawa pepecahan.

Al Banna (w.1949), nasionalisme dalam Islam merujuk kepada *Al Wataniyyah* dan *Al Qawmiyyah*. Selain daripada lima elemen *Al Wataniyyah* yang telah dijelaskan, *Al Qawmiyyah* juga adalah sebahagian daripada nasionalisme yang diterima oleh kaedah Islam dengan tiga elemen iaitu¹²⁹ ; Pertama, *Al Qawmiyyah Al Majid* yang berpaksikan kepada nasionalisme yang gemilang dengan mengikuti jejak langkah generasi terdahulu dalam mencapai kegemilangan dan kecemerlangan tamadun serta menjadikan generasi terdahulu sebagai inspirasi dan teladan (*Qudwah*). Kedua, *Al Qawmiyyah Al Ummah* yang berorientasikan keutamaan untuk memberikan khidmat pembelaan kepada ummah. Ketiga, *Al Qawmiyyah Al Tanzim* iaitu nasionalisme yang meminta setiap kelompok rakyat berperanan untuk merencanakan kemenangan.

Manakala Imam Hasan Al Banna memisahkan teori *Al Qawmiyyah* yang ditolak oleh Islam, terdapat dua teori iaitu ; Pertama, *Al Qawmiyyah Al Jahiliyyah* iaitu sikap yang mengembalikan rakyat kepada cara hidup jahiliyah dan membebaskan diri daripada ikatan Islam dan keterlaluan dalam membangga-banggakan sifat kebangsaan serta menghapuskan segala bentuk aspek kehidupan Islam seperti yang dilakukan oleh sesetengah negara seperti Turki. Kedua, *Al Qawmiyyah Al 'Udwan* iaitu nasionalisme yang bersifat permusuhan serta membawa kepada penindasan dan kezaliman seperti yang dilakukan oleh Kesatuan Jerman dan Itali. Jelaslah bahawa, Al Banna telah menakrifkan nasionalisme ini dengan penuh adab dan memenuhi kehendak dan keadaan umat termasuk juga negara-negara Islam yang dijajah oleh kolonial-kolonial

¹²⁹ Al Banna, Imam Hassan .1981, *Al Majmu'ah Ar Rasa'il*, Beirut : Muassasah Al Islamiyah, hlm 19-23

Eropah yang telah menyimpangkan maksud nasionalisme dengan bertujuan untuk memusnahkan perpaduan umat Islam. Relevan definisi nasionalisme oleh Imam Hasan Al Banna inilah yang menjadi perbincangan dalam kalangan cendekiawan Islam.

Mariam Jameelah (1979) menyatakan bahawa nasionalisme juga ditakrifkan dengan 3 terminologi iaitu¹³⁰ ; Pertama, *The term of Al Assabiyya has been used in El hadith literature and a few Al hadith explain the meaning of Al Assabiyya.* (Terminologi Al Assabiyyah telah digunakan sebagai literatur dalam bidang Hadis dan terdapat beberapa hadis yang menerangkan maksud Al Assabiyyah). Kedua, *As the term Al Wataniyya is derived from the word watan, it generally means nationalism with reference to land*¹³¹. (Terminologi Al Wataniyyah dipetik daripada perkataan watan, secara umumnya nasionalisme merujuk kepada tanah air). Ketiga, *The term Al Qawmiyya is derived from qawm, it is referred to as nationalism with reference to people or race or ethnic group*¹³². (Al Qawmiyyah pula dipetik daripada perkataan qawm, merujuk kepada nasionalisme terhadap masyarakat atau bangsa atau kumpulan etnik).

Abu A'la Al Maududi (w.1979) menyatakan nasionalisme yang difahami adalah berkaitan dengan kewarganegaraan (*nationality*) atas perkara yang berhubung dengan sesuatu kawasan yang dihuni sesebuah masyarakat, di samping itu juga nasionalisme juga bersifat sokongan individu terhadap bangsanya tanpa memusnahkan bangsa-bangsa yang lain. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang Al Maududi tidak

¹³⁰ Maryam Jameelah .1979, *Islam and Modernism*, Lahore : Kazi Pubns Inc, hlm 188.

¹³¹ Maryam Jameelah, *ibid*, hlm 188.

¹³² Maryam Jameelah, *ibid*, hlm 188.

bersetuju dengan nasionalisme atau fahaman kebangsaan yang bersifat fanatik keterlaluan, bersifat kesukuan yang membuta-tuli sehingga memandang rendah terhadap bangsa dan terlalu memihak kepada bangsanya tanpa mengira ianya hak (benar) atau batil (salah). Sebaliknya jika nasionalisme itu berasaskan kepada konsep *Al Hurriyah* (kebebasan) dan *Al Istiqlal* (kemerdekaan) sudah semestinya tujuan tersebut mempunyai kebaikan lantaran setiap rakyat berhak untuk mentadbir dan berdikari untuk membangunkan negara sendiri tanpa ada kongkongan, penjajahan, perhambaan, kekejaman dan kezaliman. Teori nasionalisme oleh Al Maududi ini jelas menunjukkan bahawa beliau mengklasifikasikan nasionalisme kepada dua aspek iaitu ; Pertama, Nasionalisme yang tidak bertentangan dengan Islam, dan kedua, Nasionalisme yang bertentangan dengan Islam. lantaran itulah beliau telah mengasaskan *Al Mujtama' Al A'lamy* yang berfungsi sebagai pusat penyelidikan Islam dan dasar-dasarnya.¹³³

Sayyid Rashid Ridha (w.1935) telah menjelaskan konsep nasionalisme dalam tiga bentuk iaitu nasionalisme, patriotisme dan semangat kesukuan (*Al Asabiyah*). Beliau amat menegaskan bahawa Islam melarang keras konsep berpuak-puak semata-mata untuk mempertahankan puak masing-masing, saling berpecah belah dan saling berbalah sesama sendiri lantaran itu Islam menuntut umatnya untuk memerangi golongan asing yang cuba untuk menyerang negara dan kehormatan mereka sehingga diperingkat wajib untuk mempertahankannya. Itu adalah sikap patriotisme yang dituntut agama Islam. Secara umumnya, Sayyid Rashid Ridha menerima konsep

¹³³ Al Maududi, Abu A'la .1984. *Al Islam wa Al Madaniyyah Al Hadith* (terj. Marzuki Mahmood, Islam dan kemajuan moden), Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm 14.

nasionalisme dengan syarat ia mestilah seiring dengan konsep keadilan, keadilan hak dan kehakiman.¹³⁴

Tokoh pemikiran Islam terkenal di benua Asia Selatan, Muhammad Iqbal (w.1938) menjelaskan bahawa nasionalisme adalah sesuatu yang diperkenalkan oleh Barat dengan membawa unsur-unsur materialisme yang mengancam kesejahteraan dan keamanan manusia sejagat. Ia memisahkan agama dan meletakkan negara-bangsa (*Nation-State*) sebagai kesetiaan yang mutlak. Nasionalisme juga menurut beliau lagi, mewujudkan perasaan bangga diri, perasaan lebih hebat dan lebih agung daripada bangsa-bangsa lain. Prinsip-prinsip inilah amat bertentangan dengan nasionalisme yang digariskan oleh Islam.

Walhal Islam memandang nasionalisme sebagai satu keunikan dalam struktur Islam lantaran kesatuan nasionalisme umat Islam adalah berpaksikan kepada kekuatan agama. Hasil daripada pemikiran beliau inilah, tertubuhnya Republik Pakistan yang dibentuk hasil daripada pemikiran beliau yang selaras dengan tuntutan Islam.¹³⁵ Farrukh dan Assifa (2018) juga menjelaskan kritikan Iqbal terhadap nasionalisme versi barat ini adalah nasionalisme yang datang bersama-sama dengan budaya imperialisme, kapitalisme, dan demokrasi yang perlu dibuang, dan dikutuk sebagai kuasa kejahatan yang dilepaskan ke atas umat manusia.¹³⁶

¹³⁴ Rashid Ridha.1992. *Al Wataniyyah wa Al Qawmiyyah wal Majmuah Al Masyrubat Ar Ruhiyyah* NFil Islam (terj John Esposito et.al, *Islam in Transition Muslim*), New York : Oxford University Press, hlm 57.

¹³⁵ Siddiq Fadhil.1998. *Minda Melayu Baru*, Kuala Lumpur : IKD, hlm 5.

¹³⁶ Farrukh Aziz Ansari, A. A. 2018. Nationalism in Perspective : Allama Iqbal's Critique of Western Nationalism. *International Educational Scientific Research Journal*, 4(9), 8.

Sami Zubaida (2004) menjelaskan, Islam dan nasionalisme yang dianggap masih tidak berkaitan dengan wilayah atau negeri tetapi sering dibangkitkan dalam konteks negara-negara tertentu dan demi kepentingan politik pihak tertentu. Secara logiknya ialah kelompok penggerak Pan-Islam, tetapi realitinya, Islam dan Nasionalisme sering berubah mengikut keadaan tertentu. Umat Islam pada awalnya, terutamanya Al Afghani, mempunyai tumpuan utama nasionalisme dalam menentang kuasa penjajah terutamanya Britain. Al Afghani adalah seorang aktivis kosmopolitan yang menggerakkan idea dan pergerakan nasionalisme di India, Afghanistan, Iran, Mesir dan Turki, sekaligus membuktikan perjuangan beliau adalah contoh yang jarang berlaku dalam sejarah pembaharuan Islam. Berbanding dengan kuasa-kuasa Eropah, beliau menjenamakan nasionalisme sebagai entiti tidak dikenal pasti. Tahap kualiti Islam dan nasionalisme bersangkutan dengan semua negara yang diperjuangkan, masing-masing melancarkan perjuangan nasionalismenya yang tersendiri. Idea Al Afghani adalah untuk menyatukan usaha antara negara-negara yang telah diperakui penubuhannya tetapi perpaduan politik semua umat Islam di sesebuah negara masih tidak dapat dijadikan asas dalam agenda perjuangan kerana kekangan yang tertentu.¹³⁷

Noor Zaman et al (2012) menjelaskan konsep nasionalisme mempunyai dua aspek negatif dan positif. Nasionalisme yang merujuk kepada kecintaan semulajadi untuk bangsa atau negara bukan sahaja dibenarkan di dalam Islam tetapi dihargai melainkan jika konsep nasionalisme itu tidak mendatangkan kebaikan atau keraguan yang tidak wajar, atau ia akan menjadi Asabiyah yang dilarang keras dalam Islam. Asabiyah ini terbahagi kepada tiga bentuk : *Asabiyah*, *Qawmiyah* dan *Wataniyah*. Asabiyah lebih membahayakan integriti dan perpaduan umat Islam daripada yang baik

¹³⁷ Zubaida, S. 2004. Islam and nationalism : continuities and contradictions. *Nations and Nationalism*, 10(4), 13.

berbanding Al Qawmiyah dan Al Wataniyah. Lantaran itu nasionalisme Arab memainkan peranan utama yang menyebabkan keruntuhan Empayar Uthmaniyyah. Fenomena persaingan antara Arab dan Ajam adalah satu lagi contoh kebangsaan dalam lipatan sejarah Islam.¹³⁸

Sayyid Ahmed Rahnamaei (2010) dalam membuat kesimpulan terhadap konsep nasionalisme menjelaskan bahawa oleh kerana nasionalisme prinsip dan ciri masing-masing, maka Islam dan nasionalisme juga masing-masing mempunyai mesej, ajaran dan ruang lingkup sendiri. Ramai pengkaji sosiologi Islam telah melihat bahawa sejak awal, Islam telah hilang keyakinan dengan budaya tribalisme, perkauman dan prejudis dalam semua bentuk keadaan. Hal ini adalah kerana nasionalisme yang bersifat perkauman adalah satu kezaliman yang lebih mementingkan diri di zaman moden. Malah, menimbang sikap negatifnya terhadap nasionalisme, tidak boleh dikatakan bahawa Islam menganggap nasionalisme dalam konsep yang lebih positif. Hali ini kerana konsep kebangsaan terlalu terhad untuk mewakili sosialiasasi umat Islam untuk berfikir mamandangkan Islam merupakan agama yang berskala universal, menyeru kepada penciptaan satu masyarakat yang menggalakkan manusia untuk mengamalkan keadilan dan hidup dengan aman.¹³⁹

Abdul Rahman Al Sya'ir (2012) menyatakan bahawa nasionalisme dalam Islam ialah cintakan tanah air yang telah wujud dalam jiwa manusia dan kecintaan terhadap negara adalah berdasarkan kepada prinsip keadilan dalam semua urusan dan

¹³⁸ Noor Zaman, Irfan Shahzad, S. N. B., Kafait Ullah Hamdani. 2012. Islam and Nationalism A Contemporary View. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, 4(5), 7.

¹³⁹ Rahnamaei, S. A. (2010). Islam and Nationalisme : A Theoretical Point of View. *Journal of Islamic Studies (Message of Thaqaalayn)*, 11(1), 27.

ketetapanannya agar dicintai oleh rakyat dan golongan yang dipimpin agar prihatin dengannya tanpa dipersoalkan kesetiaannya terhadap negara. Kecintaan kepada tanah air tidak hanya berkisar dengan slogan dan ekspresi perasaan semata-mata tetapi ia memerlukan kekuatan untuk menjaga keamanan dan kestabilannya dan tidak mengecilkannya atau melanggar keamanannya. Inilah Kewajiban rakyat untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini.¹⁴⁰

Muhammad Lutfi Al Soba'I (2014) menjelaskan nasionalisme dalam konteks kontemporari adalah idea baru tentang nilai-nilai dan orientasi intelektual yang wujud di negara Islam. Semangat nasionalisme ini berdasarkan kepada sikap memuliakan tanah air, dan bekerja untuk mempertahankan, melindungi, menjaga dan menaikkan imejnya, idea nasionalisme ini bertujuan untuk menyatukan anak-anak bangsa dalam sesebuah negara, walaupun idea ini telah lahir dari Barat namun berdasarkan kehidupan politik, idea nasionalisme ini digunakan dinegara-negara Islam yang lain.¹⁴¹ Kesimpulannya, nasionalisme menurut perspektif Islam adalah usaha untuk menzahirkan kecintaan kepada tanah air dan memupuk kesetiaan masyarakat untuk terus membangunkan negara. Walaubagaimana pun, Islam menggariskan konsep Al Wataniyyah, Al Qaumiyyah dan Al Assabiyah adalah mempunyai definisi yang berbeza walaupun terdapat beberapa pandangan yang mengatakan Al Assabiyah adalah nasionalisme yang membawa kepada kezaliman kepada umat Islam dan bukan Islam namun masih terdapat beberapa pandangan seperti Al Banna, Al Maududi yang menaktifkan Al Wataniyyah dan Al Qaumiyyah dalam kerangka pemikiran yang lebih positif dan bersesuaian dengan dasar dan prinsip Islam iaitu keadilan terhadap

¹⁴⁰ Al Sya'ir, Abdel Rahman. 2012. الوطنية في نظر الإسلام. *Al Youm*.

¹⁴¹ Al Soba'I, Muhammad Lutfi. 2014. الوطنية في نظر الإسلام. *Al Alukah*.

masyarakat dan memupuk semangat kecintaan kepada negara dan bangsa dalam skop yang lebih luas.

2.12 Konsep Nasionalisme Menurut Perspektif Melayu

Keberadaan bangsa Melayu dengan era kolonialisme dan kebangkitan bangsa pada era penjajahan, maka nasionalisme Melayu telah menjadi satu bentuk teori yang menarik seperti yang dinyatakan oleh W.R Roff. Dr Burhanuddin begitu banyak membincangkan mengenai nasionalisme Melayu, memetik kenyataan Al-Helmi (w.1969) dalam ucapan dasarnya di Kongres Parti Islam Se-Malaysia 1964 yang dipetik oleh Ahmad Boestamam dalam karyanya iaitu ; *“Biarlah saya mengambil peluang mengingatkan lagi kepada bangsa-bangsa di dunia bahawa Melayu adalah nama satu bangsa yang mempunyai kebudayaan dan tanah airnya sendiri. Menghapuskan nama rupa bangsa Melayu adalah satu pengkhianatan politik kepada bangsa Melayu”*¹⁴². Dr Burhanuddin Al-Helmi mengulas pandangan Ibnu Khaldun dalam *Al Muqaddimah* dalam konteks ini bahawa unsur dalam patriotisme bangsa adalah nasionalisme. Beliau berpendapat bahawa perjuangan nasionalisme Melayu yang diperjuangkannya tidak termasuk dalam kelompok yang dimaksudkan dengan sifat *Asabiyyah* yang sempit. Pada pandangan Dr Burhanuddin Al-Helmi, nasionalisme yang dijadikan sebagai ideologi politik hanya perlu disesuaikan dengan Islam. Sehubungan itu, nasionalisme Melayu yang diperjuangkan Dr Burhanuddin Al-Helmi adalah bertujuan untuk melahirkan bangsa Melayu yang beriman, bertakwa, berbudi bahasa, sopan-santun, beradab dan berakhlak mulia.¹⁴³

¹⁴² Ahmad Boestamam .1972. *Dr Burhanuddin Al-Helmi, Putera Setia Melayu Raya*, Kuala Lumpur Pustaka Kejora, hlm 229.

¹⁴³ Ahmad Boestamam, *op.cit*, hlm 229-230.

Penyertaan Dr. Burhanuddin Al-Helmi dalam PAS telah memberikan kesan yang sangat hebat kerana melalui PAS beliau dapat menonjolkan diri semula selepas gagal dalam memimpin beberapa organisasi politik sebelumnya kerana masalah-masalah tertentu. Melalui PAS, beliau diberikan ruang politik yang cukup mantap dan sesuai dengan citra ideologi beliau yang mendokong semangat nasionalisme Melayu dan Islam.

Ketegasan Dr. Burhanuddin Al-Helmi dalam memperjuangkan nasionalisme Melayu dalam PAS ini turut disokong oleh Ustaz Zulkifli Mohammad, Haji Othman Abdullah, Mohd Asri Muda dan Haji Hassan Adli. Nasionalisme Melayu yang dibawa oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi itu jugalah yang menjadi pendirian rasmi PAS sebagai sebuah parti politik Melayu ketika itu.¹⁴⁴ Wan Mohd Azam Wan Amin (1997) dalam membahaskan gagasan nasionalisme Dr. Burhanuddin Al-Helmi, menyatakan bahawa Dr. Burhanuddin Al-Helmi membidas segolongan ulama yang beranggapan bahawa pergerakan politik beliau adalah bersifat 'Asabiyyah dengan penegasan berikut ;

Dalam kita memperjuangkan kemerdekaan bangsa kita,
kebangsaan Melayu sekarang, pedoman kita Al-Quran,
jalan kita Sirat Al-Mustaqim. Hendaknya tiap-tiap diri yang
beriman itu, hendaklah menjadi angkatan pelopor
kebangsaan hari ini, kebangsaan untuk kemerdekaan,
kemanusiaan dan kesejahteraan abadi¹⁴⁵

(Al Helmi, 1954)

¹⁴⁴ Ramlah Adam, *op. cit.*, hlm 152

¹⁴⁵ Helmy, Dr. Burhanuddin Al. 1954. *Falsafah Kebangsaan Melayu, Nasionalisme dan 'Asabiyyah*. Bukit Mertajam: Pustaka Semenanjung, hlm 53. Lihat juga Wan Mohd Azam Mohd Amin (1997), hlm 87.

Dalam erti kata lain, menurut nasionalisme Dr. Burhanuddin Al-Helmi masih lagi bersifat keislaman. Lantaran itu beliau memberikan penegasan dengan menjawab segala tuduhan ke atas gerakan kebangsaan yang dilaksanakan olehnya¹⁴⁶. Beliau menjelaskan bahawa Islam tidak menyuruh umatnya untuk saling bergaduh atau saling bermusuhan dengan manusia lain, dalam konteks arus pra kemerdekaan Tanah Melayu, beliau untuk tidak menggunakan wasilah revolusi dengan penegasan yang begitu kukuh ;

Dalam perjuangan kita (PAS) bagi mencapai kemerdekaan,
kita telah dan terus menerus memperjuangkan Melayu ini
sebagai kebangsaan bagi negara Tanah Melayu ini dengan
bertapak di atas asas ideologi Islam yang maha suci¹⁴⁷

(Al Helmi, 1960)

Oleh kerana faktor dan keadaan Tanah Melayu yang masih baharu merdeka, PAS ketika itu yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi tidak berniat untuk memilih jalan revolusi memandangkan prinsip perjuangan PAS ketika itu adalah bersifat kebangsaan Melayu bukannya bersifat *Asabiyyah* seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak dalam PAS ketika itu. Malahan Dr. Burhanuddin Al-Helmi juga menjelaskan intipati nasionalisme Melayu adalah bertujuan untuk mengembalikan identiti bangsa Melayu, menimbulkan keperibadian kebangsaan yang tulen seperti yang diperkatakan oleh beliau ;

Kebangsaan kita ialah kebangsaan yang memelihara dan
menghidupkan hak kebangsaan Melayu bertaraf duduk
sama rendah, berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa

¹⁴⁶ Wan Mohd Azam Mohd Amin.1997, *op.cit*, hlm 85.

¹⁴⁷ Helmi, Dr. Burhanuddin Al. 1960. "Sambutan Kemerdekaan Kali Ke tiga." *Utusan Melayu*, 13 Ogos 1960. Lihat juga Wan Mohd Azam Mohd Amin (1997) hlm 85.

atau kebangsaan yang lain didunia ini¹⁴⁸

(Al Helmi, 1954)

Nasionalisme Melayu menurut Dr. Burhanuddin Al-Helmi perlu disesuaikan dengan Islam. Nasionalisme sebagai satu ideologi politik semestinya sesuai dan serasi dengan Islam. Penegasan ini dinyatakan oleh beliau ;

Agama tidak boleh disesuaikan dengan politik, tetapi politik itulah yang mesti disesuaikan dengan agama. Agama dengan sendirinya berisi berbagai-bagai ragam politik tetapi politik bukanlah agama¹⁴⁹

Menurut Dr. Burhanuddin Al-Helmi, politik mestilah beriman dan bertakwa, berbudi, bersopan santun, beradab dan berakhlak. Pemimpin politik kebangsaan Melayu mestilah bertanggungjawab kepada Allah sebagaimana yang telah dibuktikan oleh masyarakat Ansar dan Muhajirin¹⁵⁰. Oleh itu, politik kebangsaan Melayu mestilah memfokuskan kepada cara hidup yang menuju kearah kebahagiaan dunia dan mencapai keredhaan Tuhan pada hari akhirat kelak. Oleh sebab itulah, Dr. Burhanuddin Al-Helmi berpegang teguh kepada Kebangsaan Melayu agar dapat membangunkan kembali keagungan dan kemuliaan kebudayaan Melayu yang berpaksikan kepada Islam. Maka hubungan antara ideologi politik dan kebangsaan Melayu yang diperjelaskan oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi, telah disesuaikan oleh

¹⁴⁸ Wan Mohd Azam Mohd Amin.1997, op.cit, hlm 86. Lihat juga Dr. Burhanuddin Al-Helmi (1954) *Falsafah Kebangsaan Melayu*, Bab Nasionalisme dan 'Asabiyyah, hlm 70.

¹⁴⁹ Wan Mohd Azam Mohd Amin.1997, op.cit, hlm 104.

¹⁵⁰ Nor, Riduan Mohamad.2011. *PAS dalam arus perjuangan kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Jundi Resources, hlm 92.

beliau dalam mentadbir masyarakat Melayu kerana menurut beliau pada dasarnya nasionalisme tidak bertentangan dengan Islam.¹⁵¹

Mauzy (1999) pula menjelaskan bahawa idea-idea berkaitan dengan nasionalisme Melayu yang menjadi pusat kepada nasionalisme Melayu telah berkembang daripada keinginan untuk menyelamatkan bangsa dan negara daripada kembali kepada penjajahan dan mendapatkan kebebasan untuk melindungi diri, harta, maruah dan tanah air. Malahan idea nasionalisme Melayu ini juga merupakan simbol politik, kebudayaan, dan agama yang dipegang oleh bangsa Melayu demi untuk mendapatkan yang hak sama dalam bidang sosial dan ekonomi yang lebih baik dengan komuniti lain. Dalam kata lain, asas nasionalisme Melayu telah berkembang secara amnya, tetapi tidaklah begitu sempurna, dari primordial hingga kebimbangan instrumental kerana pihak penjajah berkeras mahu menukar identiti kebangsaan Melayu kepada identiti kebangsaan yang bukan bersifat etnik atau kesamarataan di antara semua kaum.¹⁵²

Namun terdapat pula pandangan mengatakan bahawa nasionalisme Melayu adalah berpegang kepada prinsip Al Assabiyah, begitu kontra dengan pandangan ulama dan cendekiawan Islam yang menjelaskan konsep nasionalisme kepada tiga perkara iaitu Al Wataniyyah, Al Qaumiyyah dan Al Assabiyah. Walaupun Al Assabiyah telah ditolak kerana prinsip ketidakadilan dan kezaliman yang berlaku namun dalam konteks nasionalisme Melayu. Al Assabiyah membawa maksud yang

¹⁵¹ Wan Mohd Azam Mohd Amin 1997, op.cit, hlm 105.

¹⁵² Mauzy, D. K. 1999. From Malay Nationalism to Malaysian Union ? In L. W. Barrington (Ed.), *After Independence, Making and Protecting the Nation in Postcolonial and Postcommunist States* (pp. 25). Michigan: The University of Michigan Press.

berlainan itu menurut Rahimin Affandi Abd. Rahim et. al (2016) menjelaskan Al Assabiyah dalam konteks nasionalisme di Alam Melayu terdiri daripada ;¹⁵³ Pertama; masyarakat Melayu begitu maklum dengan sifat sayangkan tanah air, masyarakat dan bangsa sendiri yang sememangnya merupakan fitrah yang diberikan Allah kepada semua manusia. Sifat ini bukan perkara yang salah bahkan dituntut demi mewujudkan perpaduan untuk kelompok tertentu. Kedua; masyarakat Melayu secara terbuka menerima identiti bangsa yang bukan daripada ras Melayu sebagai anggota masyarakat Melayu apabila ianya didasarkan kepada kepentingan Islam. Ketiga; semangat perpaduan ummah Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu mengatasi semangat Al Assabiyyah yang sempit seperti mana difahami dalam perspektif nasionalisme Barat. Keempat; semangat Al Assabiyyah Melayu Islam dan jalinan Ummah Islam ini telah berjaya menghasilkan beberapa elemen positif iaitu hubungan intelektual berasaskan pemupukan budaya ilmu, hubungan politik dan diplomatik Islam antara kerajaan alam Melayu dengan kerajaan Islam dunia dan Kuasa politik kesultanan Islam di alam Melayu telah menjemput ulama Islam asing selaku penasihat untuk usaha pemerintahan negara.

Berdasarkan kepada konteks analisa nasionalisme Melayu di Alam Melayu tersebut, interpretasinya memberikan impak terhadap sejarah kebudayaan Melayu di alam Melayu yang mana pengkaji-pengkaji nasionalisme Melayu bersetuju bahawa survival masyarakat Melayu bergantung sepenuhnya kepada empat asas yang utama nasionalisme Melayu iaitu ; Islam yang dianuti oleh bangsa Melayu, institusi

¹⁵³ Rahimin Affandi Abd. Rahim, A. B. A. R., Ridzwan Ahmad, Muhammad Ikhlas Rosele. (2016). Perlembagaan Itqan Muluk dan Nasionalisme Melayu-Islam. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(2), 15.

kesultanan Melayu, kekuasaan politik Melayu dan demografi keluasan Tanah Melayu.¹⁵⁴

Wan Abdul Kadir Wan Yusof (2005) pula menjelaskan konsep nasionalisme Melayu ialah apabila kemunculan semangat nasionalisme meletus dalam kalangan orang Melayu mempunyai pelbagai kepentingan yang tidak terbatas penentangan terhadap politik kolonial. Bangsa Melayu menyedari kedudukan yang ditindas oleh pemerintah kolonial dan menjejaskan segala kepentingan bangsa Melayu khususnya yang mempunyai bahasa, budaya, dan Islam yang semakin dikesampingkan oleh pihak kolonial. Suasana perubahan yang pesat dilakukan oleh pemerintah kolonial membawa kesan buruk kepada kedudukan Melayu khususnya memasukkan imigran India dan China yang dibawa masuk oleh pihak kolonial untuk bekerja di sektor perladangan dan perlombongan bijih timah. Lantaran itu bangsa Melayu melihat pemerintah kolonial telah membawa kemerosotan kepada kedudukan bahasa, budaya dan Islam yang merupakan identiti Melayu yang penting apabila berlakunya proses asimilasi antara kaum. Bangsa Melayu bimbang dengan pengaruh Barat yang semakin pesat mempengaruhi orang Melayu, terutama generasi muda. Perjuangan bangsa Melayu untuk mencapai kemerdekaan bermakna bangsa Melayu dapat mengembalikan identiti Melayu, dari segi bahasa, budaya, dan Islam. Walau bagaimanapun kolonial Barat berusaha untuk memupuk nilai-nilai tentang kekuatan kemodenan Barat. Namun, bangsa Melayu tetap mahu mengembalikan kegemilangan peradaban Melayu, terutama dari segi bahasa, budaya, dan kesucian agama Islam. Apabila negara mencapai kemerdekaan, bangsa Melayu tetap memperjuangkan kepentingan kedudukan Melayu. Semangat nasionalisme di kalangan bangsa Melayu tidak mudah

¹⁵⁴ Rahimin Affandi Abd. Rahim et al. *ibid*.

lemah. Perjuangan bangsa Melayu terus bersemarak. Bangsa Melayu berusaha memperkukuh kedudukan bahasa Melayu, tradisi budaya Melayu sebagai teras budaya kebangsaan, dan meningkatkan proses Islamisasi dalam kalangan orang-orang muda khususnya sebagai pewaris bangsa Melayu.¹⁵⁵

Nasionalisme Melayu dan Parti Islam Malaysia oleh Y. Mansoor Marican (1977) memberikan justifikasi yang komprehensif mengenai asal-usul dan evolusi Parti Islam Malaysia (PAS). Beliau mengkaji keadaan yang membawa kepada penubuhan PAS yang asalnya hanya sebagai sebuah Persatuan yang bersifat kebajikan Islam pada 23 Ogos 1951 dan transformasinya menjadi merubah menjadi sebuah parti politik. Fakta penyelidikan yang telah menunjukkan bahawa asal-usul PAS sebagai parti politik terletak pada aspirasi kuasa sekelompok pemimpin yang terdiri daripada pendokong nasionalis radikal, reformis Islam, dan ahli-ahli UMNO yang tidak berpuas hati dengan isu Loteri yang berlaku di dalam UMNO ketika itu.

Y. Mansoor Merican menyatakan lagi bahawa, kumpulan ini tidak membangunkan asas politik yang kuat untuk membuat tawaran bagi penyertaan dalam struktur pembuat keputusan selepas penjajahan British. Namun selepas kemerdekaan PAS berjaya mengalihkan graviti politik dalam komuniti Melayu yang terdiri daripada golongan petani Melayu luar bandar yang lebih ramai menyokong PAS. Pemimpin PAS menyedari bahawa jika mereka tidak bertindak cepat untuk menyelaraskan diri dengan pusat kuasa politik Melayu yang baru maka cita-cita politik kekuasaan mungkin akan terhalang selamanya. Namun, kemunculan PAS tidak boleh dijelaskan semata-mata dalam konteks cita-cita kuasa politik seperti beberapa kumpulan elit

¹⁵⁵ Wan Abdul Kadir Wan Yusof. 2005. Globalisasi, Internasionalisasi dan Nasionalisme dalam mempertahankan identiti Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 12.

politik Melayu yang lain. PAS mempunyai akar yang lebih dalam dalam nasionalisme Melayu yang muncul pada zaman kolonial. PAS khususnya berakar pada tiga perkembangan berbeza: pertama, dalam nasionalisme radikal akhir 1940-an yang menentang pemerintahan kolonial dan kepimpinan konservatif UMNO; kedua, dalam UMNO sendiri sebagai sayap agama; dan akhirnya, dalam krisis dalam UMNO berhubung konsesi kepada tuntutan bukan Melayu. Oleh itu, isu ini yang terakhir disebutkan adalah perkembangan paling kritikal yang membawa kepada penubuhan PAS sebagai sebuah parti politik. Mansor Merican juga membincangkan kesan dasar kolonial British dan tuntutan politik yang semakin meningkat dari komuniti bukan Melayu terhadap nasionalisme Melayu. Berbanding dengan bentuk nasionalisme yang muncul di banyak negara Asia Selatan dan Tenggara, nasionalisme Melayu berkembang agak perlahan. Namun, mendapat momentum sebenar hanya selepas Perang Dunia Kedua. Kajian ini juga meneroka latar belakang sejarah PAS, mengesan asal-usulnya dalam UMNO ke pertemuan yang dianjurkan oleh UMNO bagi pemimpin Islam di Johor Bharu pada Februari 1950. PAS pada awal mengandungi unsur-unsur bukan hanya dari UMNO tetapi juga dari aliran nasionalis radikal dan reformis Islam dalam nasionalisme Melayu, aliran yang sama ada tidak pernah secara formal berhubung dengan UMNO atau yang telah meninggalkannya setelah hanya menjadi parti bersekutu. Maka, kajian ini menyediakan tinjauan yang terperinci dan komprehensif mengenai asal-usul dan evolusi Parti Islam Malaysia, menonjolkan akarnya dalam nasionalisme Melayu, transformasinya dari persatuan kebajikan ke parti politik, dan pelbagai pengaruh serta keadaan yang membentuk perkembangannya.¹⁵⁶

¹⁵⁶ Merican, Y. Mansoor. 1977. "Malay Nationalism and The Islamic Party of Malaysia." *Islamic Studies* 16 (1):10.

Tidak dinafikan, terdapat begitu banyak hasil kajian mengenai nasionalisme¹⁵⁷ dan kajian yang berkaitan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang wujud waktu ini.¹⁵⁸ Terdapat beberapa kajian menjelaskan mengenai perkembangan nasionalisme yang dikaitkan dengan PAS seperti Kertas Kerja Alias Muhammad (1979) yang bertajuk *Akar dan Asas-asas Perjuangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) 25 tahun : Nasionalisme, Sosialisme dan Islam*. Hasil kajian ini menjumpai elemen-elemen nasionalisme yang telah diperjuangkan oleh parti-parti politik seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) terpelihara dalam Parti Islam SeTanah Melayu (PAS) memandangkan PAS adalah satu-satunya parti politik pada ketika itu yang tidak dipengaruhi oleh fahaman komunis atau sosialis. Hal ini kerana Dr Burhanuddin Al Helmi menggunakan dua cara untuk mengekalkan PAS sebagai parti politik Melayu iaitu agenda nasionalisme Melayu dan

¹⁵⁷ Kajian mengenai nasionalisme diperingkat Ijazah Doktor Falsafah di antaranya Wan Mohd Azam Wan Amin. 1997. *Antara 'Asabiyyah dan Nasionalisme menurut pandangan Dr Burhanuddin Al-Helmi*, Jabatan Pengajian Media : Universiti Malaya ; Ahmad Zaki Abdul Latiff. 2003. *Pengaruh gerakan Islam Timur Tengah dalam perkembangan pemikiran agama dan politik masyarakat Melayu, 1971-1998*, Jabatan Sejarah : Universiti Malaya ; di peringkat Ijazah Sarjana di antaranya Norsazali Abdullah. 2005. *Perspektif Melayu Barat dan Islam mengenai nasionalisme : satu kajian perbandingan*, Fakulti Sastera dan Sains Sosial : Universiti Malaya ; Mohd Hazlee Ku Shaari. 2009. *Sejarah gerakan Revolusi Islam Iran dan pengaruhnya terhadap Parti Islam Se-Malaysia (PAS)*, Jabatan Sejarah : Universiti Malaya ; manakala di peringkat Sarjana Muda di antaranya Muhammad Ramadhan Subki Abdullah. 2011. Kajian terhadap nasionalisme Melayu (UMNO), Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah : Jakarta.

¹⁵⁸ Kajian mengenai PAS diperingkat Ijazah Doktor Falsafah diantaranya Kamarul Zaman Haji Yusoff. 2013. *PAS Dalam Era Kepimpinan Ulama' 1982-2004*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya ; Ahmad Kamar Abdul Rahman. 1984. *Parti Islam Se-Malaysia di peringkat negeri [Kedah] dan di peringkat Kawasan [Kubang Pasu] : satu kajian tentang agama, politik dan kepimpinan*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya ; Ahmad Zaki Haji Abdul Latif. 2003. *Pengaruh gerakan Islam Timur Tengah dalam perkembangan Agama dan Politik masyarakat Melayu (1971-1998)*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya ; Azahar Yaakub. 2005. *Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Perlaksanaannya oleh PAS*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya ; Ismail Said. 2008. *Parti Islam Se-Malaysia : Kepimpinan Dan Perjuangan Dari Tahun 1951 hingga 1970*, Minden : Universiti Sains Malaysia ; Zambry Abdul Kadir. 1995. *Religion and Politics; The Search for Political Legitimacy of The Pan-Islamic Party of Malaysia*, Philadelphia : Temple University. Manakala di peringkat Ijazah Sarjana diantara kajian mengenai PAS seperti Mohd Izani Mohd Zain. 2002. *Islam dan demokrasi : kajian kes mengenai Parti Islam se Malaysia (PAS) dekad 90-an*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, Mazlan Ali. 1998. *Hubungan Semangat 46 dan PAS 1988-1996 : satu tinjauan terhadap politik Malaysia*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya ; Erica Miller. 2006. *Democratic Islamist ? : A Case Study on The Pan-Islamic Party of Malaysia (PAS)*, Medford : Tufts University ; Shafie Ibrahim. 1976. *The Parti Islam Se-Malaysia (PAS) : Its Origin, Structure, Ideology and Achievements*, Hull : University of Hull

dasar-dasar agama Islam.¹⁵⁹ Seterusnya, karya Wan Mohd Azam Mohd Amin (1997) bertajuk *Antara 'Asabiyyah dan Nasionalisme* menerangkan bahawa Dr Burhanuddin Al Helmi semasa memegang jawatan Yang Di Pertua PAS telah menyesuaikan ideologi politik nasionalisme dengan Islam sepertimana kebudayaan Melayu diorientasikan daripada kebudayaan Islam. Menurut Dr Burhanuddin Al Helmi¹⁶⁰ ;

Agama tidak boleh disesuaikan dengan politik, tetapi politik itulah yang mesti disesuaikan dengan agama. Agama dengan sendirinya berisi berbagai-bagai ragam politik, tetapi politik bukanlah agama...Maka politik kebangsaan Melayu kita hendaklah berdasarkan kesucian yang dapat sesuai dengan dasar-dasar kesucian Islam.

Oleh itu, kenyataan Dr Burhanuddin Al Helmi ini jelas menunjukkan bahawa nasionalisme Melayu yang berorientasikan kebudayaan Melayu mestilah diperkukuhkan dengan membangunkan kembali kemuliaan dan keagungan Melayu dengan dasar-dasar Islam. Hal ini membawa perspektif bahawa, ideologi politik nasionalisme Melayu yang diperjuangkan oleh Dr Burhanuddin Al Helmi di dalam PAS telah disesuaikan dengan Islam kerana pada asasnya, nasionalisme tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam.¹⁶¹ Kertas Kerja Ibrahim Abu Bakar (1993) bertajuk *Perbandingan Pemikiran Politik-Agama PAS dan UMNO* menjelaskan dua hipotesis iaitu; pertama ; perbezaan PAS dan UMNO adalah dalam perkara yang

¹⁵⁹ Alias Muhammad. 1979. *Akar dan Asas-asas Perjuangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) 25 tahun : Nasionalisme, Sosialisme dan Islam*, Universiti Malaya : Kuala Lumpur. Kertas kerja ini dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Sempena 25 tahun Pengajian Melayu Universiti Malaya. Hal. 23-24

¹⁶⁰ Lihat dalam Dr. Burhanuddin Al Helmi. *Agama dan Politik*, hal. 158, lihat juga dalam Wan Mohd Azam Mohd Amin, *ibid*, hal. 104-105

¹⁶¹ Wan Mohd Azam Wan Amin. 1997. *Antara 'Asabiyyah dan Nasionalisme menurut pandangan Dr Burhanuddin Al-Helmi*, Jabatan Pengajian Media : Universiti Malaya, hal. 105

melibatkan idealisme dan ideologi, manakala persamaan PAS dan UMNO adalah dalam pendekatan dan amalan mengembangkan ideologi tersebut. Kedua ; PAS mempunyai lebih banyak konflik dan dilema berhubungan dengan idealisme dan ideologi nasionalisme berbanding UMNO.¹⁶²

Tesis Doktor Falsafah Ismail Said (2008) pula yang bertajuk *Parti Islam Se-Malaysia : Kepimpinan dan Perjuangan Dari Tahun 1951 hingga 1970* cuma menjelaskan peranan yang dilaksanakan oleh golongan intelektual Melayu-Islam lepasan institusi pengajian tinggi dari Timur Tengah seperti Dr Burhanuddin Al Helmi terhadap usaha menuntut kemerdekaan dan membela nasib orang Melayu dengan membangkitkan semangat nasionalisme Melayu yang dipaksakan Islam.¹⁶³

Karya Saliha Hassan (1997) bertajuk *Dr. Burhanuddin Al Helmi 1911-1969* menjelaskan bahawa sepanjang Dr Burhanuddin Al Helmi memegang jawatan Yang Di Pertua PAS, politik ideologi nasionalisme berkembang dalam PAS melalui ucapan-ucapan Dr Burhanuddin Al Helmi.¹⁶⁴ Tesis-tesis dan kajian-kajian lain yang menyentuh perbincangan mengenai Parti Islam Se-Malaysia ialah seperti tesis Doktor Falsafah Kamarul Zaman Haji Yusof iaitu *PAS Dalam Era Mohd Asri Muda* (2004) dan *PAS dalam Era Kepimpinan Ulama, 1981-2004* (2013)¹⁶⁵.

¹⁶² Ibrahim Abu Bakar.1993. *Perbandingan Pemikiran Politik-Agama PAS dan UMNO*, Fakulti Pengajian Islam : Universiti Kebangsaan Malaysia, dalam UMNO dalam arus perdana Politik Kebangsaan suntingan Wan Hashim Wan Teh, hal. 102

¹⁶³Ismail Said. 2008. *Parti Islam Se-Malaysia : Kepimpinan Dan Perjuangan Dari Tahun 1951 hingga 1970*, Pusat Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Minden, Pulau Pinang. Tesis Doktor Falsafah.

¹⁶⁴ Salihah Hassan. 1997. *Dr Burhanuddin Al Helmi 1911-1969*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, lihat dalam Biografi tokoh pilihan Malaysia hal. 20

¹⁶⁵Kamarul Zaman Haji Yusoff. 2004. *PAS dalam era Mohd Asri Muda (1965-1982)*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, tesis Sarjana Sejarah. Lihat juga Kamarul Zaman Haji Yusoff. 2013. *PAS Dalam Era Kepimpinan Ulama', 1982-2004*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tesis Doktor Falsafah.

Tesis Doktor Falsafah Azahar Yaakub (2005), menulis tentang *Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara: Kajian Pelaksanaannya oleh Parti Islam Se-Malaysia* dan tesis Doktor Falsafah Hamdan Muhammad (2013), *PAS dan Isu-isu Agama*.¹⁶⁶ Kedua-kedua tesis oleh Azahar Yaakob dan Hamdan Muhammad menjelaskan mengenai strategi politik Parti Islam Se-Malaysia dalam mendepani isu-isu politik dan agama serta pendekatan yang digunakan oleh PAS dalam menangani konflik mengenai Islam yang berlaku dalam kalangan pemimpin politik dan rakyat di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah Zambry Abdul Kadir bertajuk *Religion and Politics; The Search for Political Legitimacy of The Pan-Islamic Party of Malaysia*¹⁶⁷ mengkaji mengenai perjuangan agama dan politik dalam PAS. Sementara itu karya Bariyah Basiran dan Ishak Saat (2015), *Ulama dan Politik Kedah 1842-1960* menjelaskan peranan dan sumbangan ulama di negeri Kedah dalam usaha menubuhkan Persatuan Islam Malaya yang kemudiannya dinamakan sebagai Parti Islam SeMalaya (PAS).¹⁶⁸

Tesis Sarjana Politik dan Diplomasi oleh Erica Miller (2006) bertajuk *Democratic Islamist ? : A Case Study on The Pan-Malaysia Islamic Party (PAS)* mengkaji mengenai prinsip demokrasi yang terdapat dalam PAS¹⁶⁹ dan tesis Sarjana Mohd Izani Mohd Zain (2002). *Islam dan demokrasi : kajian kes mengenai Parti Islam*

¹⁶⁶ Azhar Yaakub. 2005. *Strategi Dakwah Rasulullah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Perlaksanaannya oleh PAS* Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tesis Doktor Falsafah.

¹⁶⁷ Zambry Abdul Kadir. 1995. *Religion and Politics; The Search for Political Legitimacy of The Pan-Islamic Party of Malaysia*, Philadelphia : Temple University. Tesis Doktor Falsafah.

¹⁶⁸ Bariyah Basir & Ishak Saat. 2015. *Ulama dan Politik Kedah 1842-1960*. Tanjung Malim : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

¹⁶⁹ Erica Miller. 2006. *Democratic Islamist ? : A Case Study on The Pan-Malaysia Islamic Party (PAS)*, Fletcher School of Law and Diplomacy : Turfs University. Tesis Sarjana.

Se-Malaysia (PAS) dekad 90-an, kajian mengenai perubahan pemikiran pimpinan baru PAS (keimpinan Ulama) yang dilihat cenderung terhadap pendekatan demokrasi Islam¹⁷⁰. Tesis Sarjana Pengajian Islam oleh Mohd Misbahul Munir Masduki (2003) bertajuk *Konsep Negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS dalam konteks Politik Malaysia hari ini* menjelaskan mengenai konsep negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS.¹⁷¹ Tesis Sarjana Sains Politik Muhaimin Sulam (2003) bertajuk *Kepimpinan Politik Dato Haji Fadzil Mohd Noor* menjelaskan mengenai kepimpinan Dato' Haji Fadzil Noor bermula tahun 1989 sehingga 2002.¹⁷² Manakala karya oleh Riduan Mohd Noor (2005) bertajuk *Pengaruh Pemikiran Ikhwan Al-Muslimin Terhadap Parti Islam Se-Malaysia* menjelaskan tentang pemindahan pemikiran Ikhwan al-Muslimin, khususnya slogan kepimpinan ulama dan Majlis Syura Ulama PAS Pusat¹⁷³. Latihan Ilmiah oleh Muhyidin Aziz (1996), *Kepimpinan Ulama Dalam PAS : Satu Analisis*, kajian ini menjelaskan mengenai sejarah bermulanya kepimpinan Ulama¹⁷⁴.

Latihan Ilmiah oleh Hasmat Ali (1987), *Pimpinan Ulama Dalam PAS : Satu Pernilaian*, menjelaskan mengenai gaya kepimpinan Ulama dalam PAS, cabaran dan implikasi kepimpinan Ulama dan perbezaan gaya kepimpinan pemimpin PAS sebelum

¹⁷⁰ Mohd Izani Mohd Zain (2002). *Islam dan demokrasi : kajian kes mengenai Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dekad 90-an*, Jabatan Sejarah : Universiti Malaya. Tesis Sarjana.

¹⁷¹ Mohd Misbahul Munir Masduki. 2003. *Konsep Negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS dalam konteks Politik Malaysia Hari ini*, Fakulti Pengajian Islam : Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Sarjana.

¹⁷² Muhaimin Sulam. 2003. *Kepimpinan Politik Dato Haji Fadzil Mohd Noor*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Sarjana.

¹⁷³ Riduan Mohamad Nor. 2005. *Pengaruh Pemikiran Ikhwān al-Muslimīn Terhadap Parti Islam Se-Malaysia*. 2nd ed. Selangor: Penerbitan Hemah.

¹⁷⁴ Muhyidin Aziz. 1996. *Kepimpinan Ulama Dalam PAS : Satu Analisis* Fakulti Syariah, Universiti Malaya, APIUM. Latihan Ilmiah.

dan selepas tahun 1982.¹⁷⁵ Karya oleh Mohamed Mustafa Ishak (2014), *Politik Bangsa Malaysia : Pembinaan Bangsa dalam Masyarakat Pelbagai Etnik* menjelaskan peranan PAS dalam konteks pembangunan negara bangsa sejajar dengan perspektif Islam.¹⁷⁶ Terdapat juga artikel jurnal oleh Joseph Chin Yong Liow (2011) yang bertajuk *Islamist Ambitions, Political Change, and the Price of Power: Recent Success and Challenges for the Pan-Malaysian Islamic Party*, PAS kajian mengenai cabaran dan kejayaan PAS menghadapi tekanan politik di Malaysia.¹⁷⁷ Begitu juga dengan kajian Mohd Sabri Md Nor (2016), *Persaingan Politik Melayu di Semenanjung Malaysia 1978-2013*. Kajian ini menjelaskan mengenai konsep kerjasama politik PAS dengan parti-parti politik di Malaysia.¹⁷⁸ Kajian Mohd Fuad Salleh (2015), *Liku-liku Gerakan Islam di Malaysia – Satu Catatan Awal* menjelaskan mengenai cabaran PAS dalam mengharungi perjuangan menegakkan Islam di Malaysia melalui prinsip politik dan luns demokrasi.¹⁷⁹

Kesimpulannya, terdapat tiga kajian yang hampir dengan penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji iaitu kajian oleh Alias Muhammad (1979) yang menjelaskan perkembangan nasionalisme dalam PAS, kajian Ibrahim Abu Bakar (1993)

¹⁷⁵ Hasmut Ali. 1987. *Pimpinan Ulama Dalam PAS : Satu Pernilaian*, Fakulti Syariah, Universiti Malaya, APIUM. Latihan Ilmiah.


¹⁷⁶ Mohamed Mustafa Ishak. 2014. *Politik Bangsa Malaysia : Pembinaan Bangsa Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik*. Translated by Hasan Ahmad Azmi Ahmad, Suziana Abdul Aziz. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Utara Malaysia. Original edition, *The Politics of Bangsa Malaysia : Nation-Building in a Multiethnic Society*.

¹⁷⁷ Liow, Joseph Chinyong. 2011. "Islamist Ambitions, Political Change, and the Price of Power: Recent Success and Challenges for the Pan-Malaysian Islamic Party, PAS." *Journal of Islamic Studies* no. 22 (3):30.

¹⁷⁸ Mohd Sabri Md Nor. 2016. *Persaingan Politik Melayu Di Semenanjung Malaysia, 1978-2013* Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹⁷⁹ Mohd Fuad Mohd Salleh. 2015. *Liku-Liku Gerakan Islam di Malaysia - Satu Catatan Awal*. Shah Alam: Imtiyaz Multimedia and Publications.

menjelaskan banding beza PAS dan UMNO dalam idealisme dan ideologi serta kajian oleh Wan Mohd Azam Mohd Amin (1997) yang menjelaskan konsep '*Asabiyyah* dan nasionalisme menurut Dr Burhanuddin Al Helmi. Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini tidak menjelaskan secara terperinci mengenai ideologi nasionalisme dalam PAS serta konflik pertembungan pemikiran yang telah berlaku dalam kalangan pemimpin PAS berhubung ideologi nasionalisme. Oleh itu, ini merupakan faktor yang mendorong pengkaji untuk mengkaji mengenai keberadaan elemen-elemen nasionalisme dalam PAS. Konsep nasionalisme Melayu mestilah berakar kepada perkara utama yang menunjangi bangsa Melayu iaitu ; Agama Islam yang dianuti oleh bangsa Melayu, tanah yang didiami oleh bangsa Melayu, institusi kesultanan Melayu yang menaungi segala keistimewaan bangsa Melayu dan paling penting dalam memahami konsep nasionalisme Melayu ialah perjuangan bangsa Melayu dalam membebaskan Tanah Melayu daripada imperialis Barat selama hampir 500 tahun sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.



BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini memberi fokus kepada kaedah kajian yang akan digunakan bagi meneliti perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dari tahun 1951 sehingga 2021. Bab ini juga akan membincangkan mengenai instrumen, rekabentuk, metod pengumpulan sumber,

3.1 Informan Kajian

Kajian ini akan melibatkan temubual dengan individu yang dinyatakan iaitu Ahli Parlimen Marang merangkap Presiden PAS Ketujuh iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (Tan Sri Dato' Seri). Pemilihan beliau sebagai informan adalah disebabkan oleh kegiatan politik beliau bermula sejak era 1960-an dan beliau juga pernah bertemu dengan Yang Dipertua PAS Keempat iaitu Dr. Burhanuddin Al-Helmi serta pernah menjawat jawatan Naib, Timbalan seterusnya dilantik sebagai Presiden PAS Ketujuh. Bahkan pengalaman politik informan di luar negara juga sedikit sebanyak memberikan input kepada kajian ini. Informan kedua ialah al-Mursyidul Am PAS iaitu Dato' Tuan Guru Haji Hashim Bin Jasin yang merupakan al-Mursyidul Am PAS Keempat yang mula menyandang jawatan tertinggi tersebut pada tahun 2016 selepas penyandanginya Dato' Tuan Guru Dr Haron Bin Din meninggal dunia. Informan ketiga ialah Dato' Mustafa Bin Ali yang merupakan Bekas Setiausaha Agung PAS.

3.2 Instrumen Kajian

Kajian Kualitatif ini menggunakan sepenuhnya instrumen kajian dengan mengemukakan soalan-soalan temu bual untuk dikemukakan kepada informan yang telah dikenalpasti. Temu bual merupakan sumber primer dalam kajian ini. Oleh itu, soalan-soalan temu bual dihasilkan secara terbuka dengan menggunakan protokol temu bual, namun begitu kredibiliti informan diberikan keutamaan. Soalan temu bual dibina oleh pengkaji berdasarkan persoalan kajian seperti perspektif nasionalisme Melayu menurut pemimpin PAS, sejarah perkembangan nasionalisme, elemen-elemen nasionalisme Melayu yang wujud dan terdapat pada kepimpinan PAS yang menjadi faktor dan pendorong kepada kerangka kepartian dan dasar parti serta perkara yang berkaitan dengan persoalan dan objektif kajian ini.

3.3 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kerangka reka bentuk kajian Kualitatif yang dikemukakan oleh Creswell (2009) kerana mendapati dapatan kajian kualitatif bersifat menyeluruh dan menunjukkan perkaitan yang jelas antara falsafah, strategi dan teknik analisis kajian. Falsafah disebalik kajian ini adalah konstruktivis. Reka bentuk kajian ini adalah dari jenis kualitatif.¹⁸⁰ Menurut Robson (2011), reka bentuk kajian kualitatif berkembang, membangun dan ‘terbuka’ seiring dengan kemajuan kajian masakini. Kajian kualitatif adalah kajian berkaitan persoalan atau pernyataan, bukan hipotesis.¹⁸¹ Menurut Trochim (2006), kajian kualitatif biasanya mengguna persoalan bagaimana, apa, dan mengapa. Kajian kualitatif juga melibatkan penakulan induktif bagi

¹⁸⁰ Creswell, J.W. 2009. *Research Design : Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (3rd Ed.)*, California : Sage Publications Inc.

¹⁸¹ Robson, Collin. 2011. *Real World Research : A Resource for Social Scientists and Practitioner-researchers*, London : Wiley

memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman individu.¹⁸² Menurut Salkind (2010), strategi kajian kualitatif pula adalah terdiri daripada kronologi sejarah yang bersifat kajian retrospektif.¹⁸³ Manakala teknik kajian ini pula adalah kombinasi temu bual soalan terbuka dan analisis kandungan dokumen yang terdiri daripada minit-minit mesyuarat,¹⁸⁴ kompilasi ucapan dasar Presiden PAS¹⁸⁵ dan dokumen-dokumen rasmi parti yang diklasifikasikan sebagai dokumen terperingkat sama ada dokumen sulit dan dokumen peribadi yang dijadikan sebagai sumber primer¹⁸⁶. Manakala untuk sumber sekunder, pengkaji akan menjadikan bahan-bahan penulisan akademik seperti tesis-tesis¹⁸⁷, artikel-artikel daripada makalah¹⁸⁸, jurnal¹⁸⁹ dan keratan akhbar serta kenyataan-kenyataan politik pemimpin PAS¹⁹⁰. Teknik analisis dapatan data temu bual, pengkaji menggunakan aplikasi *Transcribe io* untuk transkrip temu bual seterusnya dianalisis menggunakan *Atlas ti*. untuk memudahkan perekodan supaya lebih teratur dan bersistematik.

¹⁸² Trochim, William M. 2006. *The research methods knowledge base, 2nd edition*, Ohio : Atomic Dog Publishing

¹⁸³ Salkind, Neil J. 2010. *Encyclopedia of Research Design*, California : Sage Publications

¹⁸⁴ Minit Mesyuarat yang pengkaji akan dapatkan ialah minit mesyuarat Majlis Syura sejak tahun 1986 sehingga 2013, memandangkan minit mesyuarat ini adalah dokumen sulit dan terperingkat, pengkaji hanya boleh merujuk minit mesyuarat tersebut selepas permohonan pengkaji untuk melihat minit-minit mesyuarat tersebut diluluskan dalam mesyuarat Majlis Syura yang dijadualkan pada bulan April 2019.

¹⁸⁵ Lihat senarai teks-teks ucapan dasar Yang Dipertua Pas/Presiden PAS di bahagian Bibliografi.

¹⁸⁶ Dokumen peribadi yang dimaksudkan ialah catatan atau kertas kerja pemimpin PAS yang mempunyai kaitan dengan kajian pengkaji.

¹⁸⁷ Tesis-tesis yang dirujuk oleh pengkaji, didapati dari Institut Repositori Universiti Malaya, Institut Repositori Universiti Utara Malaysia dan Institut Repositori Universiti Sains Malaysia, pengkaji juga memperolehi tesis-tesis Doktor Falsafah daripada pemilik asal tesis seperti tesis PhD Dr Zambry Abdul Kadir, tesis PhD Dr Kamarul Zaman Hj Yusoff, tesis PhD Mohd Izani.

¹⁸⁸ Artikel yang dirujuk adalah daripada Makalah seperti artikel dari Majalah Tamadun dan Pemikir keluaran Utusan Karya.

¹⁸⁹ Pengkaji menggunakan platform Malaysia Citation Centre (MyJurnal) di laman sesawang DBP untuk mendapatkan artikel-artikel jurnal yang berkaitan dengan kajian pengkaji.

¹⁹⁰ Kenyataan politik ini dirujuk didalam akhbar yang dicadangkan seperti Harakah, Utusan Malaysia, Berita Harian, Sinar Harian, Malay Mail, The Star dan News Strait Times.

3.4 Metod Pengumpulan Data

Metod pengumpulan data bermaksud proses pengumpulan data dan segala maklumat yang berkaitan dengan isu dan permasalahan kajian yang dikaji. Pengumpulan data-data merupakan satu proses yang berhubungkait dengan perancangan dan pelaksanaan pengumpulan data-data dengan menggunakan kaedah-kaedah kajian tertentu untuk memperolehi data serta maklumat yang berkaitan dengan isu dan permasalahan yang dikaji. Data-data tersebut kebiasaannya mempunyai maklumat dalam bentuk perangkaan fakta dan pendapat yang telah dikumpulkan untuk dianalisis.¹⁹¹ Dalam kajian ini, pengkaji memperolehi semua data dari sumber primer dengan menggunakan metode temu bual dan analisis dokumen manakala data dari sumber sekunder diperolehi daripada jurnal, buku, tesis dan lain-lain sumber yang bersesuaian.¹⁹²

3.5 Prosedur Pengumpulan Data Temu Bual

Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan kajian lapangan mempunyai jangkaan awal bahawa terdapat kesukaran untuk menjalankan temu bual di lapangan kajian terutamanya mendapatkan kerjasama daripada informan kajian khasnya Informan yang bertugas sebagai Ahli Politik kerana keterikatan mereka dengan jadual tugas masing-masing. Tidak dinafikan terdapat kesukaran mendapatkan kerjasama daripada informan. Namun begitu, perkara utama yang pengkaji berikan perhatian untuk menjalankan kajian lapangan ialah mendapatkan kesahihan dalam data yang

¹⁹¹ Idris Awang, 2001. *Kaedah penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hal 75.

¹⁹² Creswell, J.W. 2013. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approach*. Ed ke-3. London : Sage Publication, hal. 146.

diperolehi. Kesahihan data kajian bukan sekadar hanya informan membenarkan ditemu bual sahaja. Malahan, mendapatkan kesahihan data kajian yang bersifat terbuka dan Informan bersedia memberi maklumat yang telus dan mendalam terhadap persoalan-persoalan semasa temu bual tanpa sebarang prejudis atau hanya memberi makluman yang terhad. Burgess (1991) berpendapat bahawa mendapatkan kebenaran merupakan proses yang sukar dan bergantung kepada situasi kajian.¹⁹³ Oleh sebab itu, pengkaji sentiasa berunding dengan sebaik-baiknya untuk mendapatkan kerjasama informan semasa mendapatkan data di lapangan. Pengkaji turut berhadapan masalah mendapatkan keyakinan informan untuk memberi makluman secara telus mengenai kajian yang dijalankan, oleh yang demikian, pengkaji menyakinkan informan bahawa kajian ini bertujuan untuk kajian akademik sahaja. Pengkaji amat berharap sesi temu bual akan dijalankan dalam keadaan santai dan informan kelihatan lebih terbuka dan telus dalam mengemukakan pandangan mengenai persoalan yang dilontarkan.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data Melalui Dokumen

Metod pengumpulan data dari sumber primer yang lain ialah melakukan tinjauan dan analisis dokumen. Kepentingan melakukan rujukan terhadap dokumentasi ialah mendapatkan bukti-bukti tambahan dan sokongan daripada sumber-sumber yang lain. Dokumen membantu untuk mengesahkan maklumat yang diperolehi semasa temu bual dengan informan. Seterusnya, dokumen turut menyediakan maklumat yang terperinci untuk menambah maklumat daripada sumber yang lain dan membuat kesimpulan daripada dokumen-dokumen yang telah diperolehi. Dalam situasi tertentu, penilaian dokumen membantu pengkaji mengesan sekiranya terdapat percanggahan

¹⁹³ Burgess, R. G. 1991. *Sponsors, Gatekeepers, Members and Friend: Access in Educational Setting, in an Experiencing Field-Educational Settings*, ed. Shaffir, W. dan Stebbins, R. New York : St. Martin's Press, hal. 43-52

dengan maklumat yang diperolehi semasa temu bual. Maklumat atau data melalui penilaian dokumen perlu melalui pemeriksaan kesahihan sebelum digunakan semasa proses menganalisis data dokumen.¹⁹⁴ Yin (1985) menjelaskan dokumen-dokumen yang perlu dikumpulkan dalam kajian kualitatif.¹⁹⁵ Pertama ialah surat, memorandum, teks ucapan dan kenyataan lain. Kedua ialah agenda, pengumuman, minit mesyuarat dan laporan bertulis acara yang dijalankan. Ketiga ialah dokumen pentadbiran, proposal, laporan kemajuan dan rekod-rekod dalaman dan rekod peribadi yang lain. Keempat ialah kajian rasmi atau penilaian berkaitan kajian. Kelima ialah keratan surat khabar dan artikel berkaitan yang dipaparkan dalam media massa dan surat khabar tempatan.¹⁹⁶ Dokumen-dokumen yang telah dipilih dan diperolehi ada diantara sudah langka dan nadir (usang dan lama), ada sebahagiannya telah kehilangan muka surat dan terdapat kesan koyakan besar. Oleh itu, pengkaji telah mendapatkan bantuan daripada pegawai parti di Pusat Arkib PAS dan Pusat Penyelidikan PAS Pusat serta melalui individu perseorangan bagi membantu menjustifikasi serta membuat penelitian khusus terhadap dokumen-dokumen nadir tersebut. Kesukaran untuk membuat analisis menggunakan bahan nadir ini sememangnya wujud dan memberi kesukaran kepada pengkaji untuk membuat penelitian seterusnya.

3.7 Kredibiliti, Kebolehpercayaan dan Kepastian Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan Guba dan Lincoln bagi menunjukkan aspek kebolehpercayaan dan kesahihan yang berlainan daripada kajian kuantitatif.

¹⁹⁴ Marshall, C. and Rossman, G. C. 1995. *Designing Qualitative Research, Ed ke-2* .London : Sage Publication, hal. 86

¹⁹⁵ Robert K. Yin. 2018. *Case Study Research and Applications: Design and Methods*. Thousand Oaks : Sage Publication, hal. 85.

¹⁹⁶ Yin. *Ibid.* hal 86.

Guba dan Lincoln (1985) menjelaskan bahawa penggunaan istilah-istilah kredibiliti, kebolehpercayaan dan kepastian terdapat didalam kajian kualitatif.¹⁹⁷ Kredibiliti dalam kajian kualitatif dibina melalui penglibatan dalam lapangan kajian, observasi berterusan dan lain-lain pandangan berkaitan kajian. Seterusnya, data-data yang diasingkan daripada analisis utama perlu dinilai kembali sekiranya terdapat data-data yang tertinggal dalam pembentukan analisis. Selain itu, elemen kredibiliti yang tidak kurang penting juga ialah pemeriksaan transkrip temu bual dan laporan kajian kembali kepada responden kajian yang dikaji untuk mendapatkan persetujuan atau sebaliknya daripada informan yang telah ditemu bual.¹⁹⁸

Manakala kebolehpercayaan kajian pula memerlukan pengkaji untuk menjelaskan proses semasa menjalankan kajian kualitatif dengan teliti dan terperinci. Pernyataan yang jelas berkaitan proses kajian kualitatif membolehkan pengkaji kajian kualitatif berikutnya boleh mengikut proses kajian yang dijalankan sebelumnya. Hal ini adalah untuk memastikan proses kajian yang betul akan diikuti atau ditambahbaik bagi memenuhi kriteria kebergantungan dalam kajian kualitatif. Para pengkaji dan pembaca seterusnya boleh mengetahui dengan jelas berkaitan proses kajian dan keberkesanan kajian tersebut. Perincian terhadap proses kajian meliputi perkara berikut; pertama, menjelaskan reka bentuk kajian dan pelaksanaan termasuklah apa yang dirancang dan diputuskan untuk dilakukan. Kedua, menjelaskan dengan terperinci proses pengumpulan data di lapangan. Ketiga menjelaskan keputusan penilaian kajian dan keberkesanan proses kajian yang dijalankan.¹⁹⁹

¹⁹⁷ Lincoln, Y. S. dan Guba, E. 1985. *Naturalistic Enquiry*. Beverly Hills, CA: Sage, hal. 295

¹⁹⁸ Lincoln dan Guba, *ibid*, hal. 314.

¹⁹⁹ Lihat dalam Shenton, A. K. 2004. *Strategies For Ensuring Trustworthiness In Qualitative Research Projects*. Education for Information 22, hal. 63–75.

Aspek kepastian kajian ini pula, pengkaji mementingkan aspek neutral untuk memastikan kebolehpercayaan terhadap kajian. Namun, Guba (1985) menekankan bahawa kriteria kepastian adalah lebih penting untuk membina kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif berbanding dengan aspek neutraliti daripada para pengkaji.²⁰⁰ Pernyataan ini disokong oleh Patton (1990) yang menjelaskan bahawa setiap reka bentuk kajian digubal oleh pengkaji. Maka sikap bias terhadap sesuatu pernyataan atau data adalah sangat sukar dielakkan.²⁰¹ Kriteria kepastian perlu dicapai melalui pengauditan dalam setiap proses kajian. Pengauditan pertama terutamanya dalam kajian akademik melibatkan penyelia atau ahli-ahli akademik lain yang banyak menjalankan kajian dalam bidang tajuk tertentu. Bagi memastikan aspek kepastian dalam kajian ini, pengkaji akan menghantar sebahagian hasil dapatan kajian ini untuk dinilai oleh moderator dan editor jurnal-jurnal berkaitan.



²⁰⁰ Lincoln dan Guba, *ibid*, hal. 91.

²⁰¹ Michael Quinn Patton.1990. *Qualitative research and evaluation methods*. Saint Paul, MN : Sage Publications.

3.8 Prosedur Kajian



Rajah 1 : Prosedur Kajian

3.9 Kesimpulan

Berdasarkan kepada metodologi yang digunakan dalam kajian ini, menjadi panduan kepada pengkaji untuk memastikan dapatan-dapatan data dan maklumat adalah sah sesuai dengan persoalan dan objektif kajian yang hendak dicapai pada akhir penyelidikan ini. Walaupun terdapat beberapa kekangan dalam mendapatkan maklumat daripada dokumentasi atas faktor kewangan dan bahan nadir yang sukar untuk dipinjam (hanya dibenarkan membuat rujukan terhad), tetapi atas bantuan pegawai parti untuk memastikan kajian ini berjalan dengan sempurna.

BAB EMPAT

ANALISIS PERANAN PEMIMPIN PAS DALAM MENANGANI

PERBEZAAN PANDANGAN MENGENAI IDEOLOGI NASIONALISME

MELAYU

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan mengenai perkembangan nasionalisme Melayu sepanjang era tiga kepimpinan Presiden PAS (dahulunya dikenali sebagai Yang Dipertua PAS) bermula dengan Ahmad Fuad Hassan menjawat jawatan Yang Dipertua PAS Pertama bermula pada 24 November 1951 sehingga perletakan jawatannya pada 26 September 1953²⁰², manakala kepimpinan kedua Yang Dipertua PAS disandang oleh Dr Abbas Alias. Beliau dilantik memegang jawatan tersebut dalam Mesyuarat Agung Pemilihan PAS kali ketiga pada 12 sehingga 14 Ogos 1954²⁰³. Seterusnya, Profesor Dr Burhanuddin Al-Helmi pula dilantik ke jawatan Yang Dipertua PAS Ketiga ketika Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Kelima yang berlangsung pada 23 sehingga 25 Disember 1956 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur²⁰⁴. Walau bagaimanapun, Profesor Dr Burhanuddin Al-Helmi masih

²⁰² Penyata Tahunan PAS 1953 dan 1954, hal. 17 dan 19. Dinyatakan Tarikh Ahmad Fuad dilantik dan Tarikh beliau melepaskan jawatan Yang Dipertua PAS.

²⁰³ Dr Abbas Alias dilantik memegang jawatan Yang Dipertua PAS Kedua dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali ketiga yang berlangsung pada 12 sehingga 14 Ogos 1954 di Madrasah Tahziab Ad Diniah, Titi Serong, Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan. Penyata Tahunan PAS 1953 dan 1954, hal. 19

²⁰⁴ Kertas Mesyuarat Agung PAS Kali kelima pada 23, 24 dan 25 Disember 1956. Bil 7, hal. 1.

mengekalikan jawatan Yang Dipertua Ketika beliau ditahan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 28 Januari 1965²⁰⁵ (Kamarul Zaman Yusof, 2004).

4.2 Perkembangan nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Ahmad Fuad Hasan 1951-1953

Perkembangan awam nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Ahmad Fuad Hasan dapat dilihat semasa berlakunya pertemuan Alim Ulama'' Se-Malaya yang berlaku sebanyak dua kali. Pertamanya, perjumpaan Alim Ulama'' Se-Malaya di Bandar Maharani, Muar, Johor Darul Takzim yang berlangsung pada 21 dan 22 Februari 1950. Pada akhir perjumpaan kali pertama Alim Ulama' Se-Malaya ini, ditetapkan sebuah resolusi dengan lapan perkara iaitu ; Pertama, menubuhkan sebuah majlis perhubungan di antara ketua-ketua jabatan agama dengan ketua-ketua majlis agama bagi perundingan isu-isu mengenai orang Islam agar pengurusan hal ehwal Islam dapat digerak seiringan di seluruh Tanah Melayu. Kedua, penubuhan Kolej Islam Se-Malaya. Ketiga, pengurangan cukai haji dengan menyediakan layanan yang baik terhadap Jemaah Haji. Keempat, disatu dan disetarakan tarikh permulaan puasa dan tarikh hari raya di seluruh Malaya. Kelima, menubuhkan Jabatan Agama Islam di Pulau Pinang dan Melaka. Keenam, mewujudkan tabung derma pelajaran tinggi agama Islam untuk penuntut-penuntut yang belajar di luar negara dan ketujuh, mewujudkan sekolah agama sebelah petang di setiap tempat yang mempunyai sekolah Melayu²⁰⁶ (Ahmad Fawzi Basri et al, 1991 & Kamarul Zaman Yusof, 2004).

²⁰⁵ Kamarul Zaman Yusof .2004, *PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982* [Tesis PhD, Universiti Malaya], Universiti Malaya Studen Repository.

²⁰⁶ Peringatan Perjumpaan Alim Ulama'' Se-Malaya yang diadakan pada 21 dan 22 Februari 1950 dlm Ahmad Fawzi Basri et al. 1991, *Bumi Dipijak Milik Orang*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 455-461. Kamarul Zaman Yusof, *ibid* .2004.

Othman Hamzah (1985) menyatakan, peranan Ahmad Fuad Hasan semasa awal pembentukan PAS adalah membawa usul dalam Persidangan Alim Ulama’ Se-Malaya kali kedua di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur iaitu usul untuk membawa penyatuan dan penyelarasan urusan yang berkaitan hal-hal agama Islam di seluruh Tanah Melayu dan usul untuk menubuhkan sebuah organisasi yang bersistematik yang dikenali sebagai “Persatuan Ulama’ SeMalaya”. Dalam pada itu juga, Ahmad Fuad Hasan juga mengusulkan agar tiga buah jawatankuasa kecil dibentuk bagi melaksanakan dua usul penting berkenaan. Hasil daripada buah fikiran Ahmad Fuad Hasan maka terbentuklah sebuah organisasi Islam yang lebih tersusun dan dikenali sebagai Persatuan Islam Se-Malaya selepas dipersetujui dalam Perjumpaan Alim Ulama’ Se-Malaya kali ketiga yang diadakan di Ibu pejabat UMNO Butterworth²⁰⁷. *Hadaf* (objektif) penubuhan Persatuan Islam Se-Malaya selain menyelaraskan semua urusan hal ehwal Islam seluruh Tanah Melayu, ia juga turut berperanan untuk menyatukan umat Islam bagi berganding bahu memastikan semua tuntutan agama Islam dan hal-hal politik Islam adalah berdasarkan kepada proses demokrasi.²⁰⁸

Menurut Kamarul Zaman Yusoff (2004), nasionalisme Melayu dalam PAS dapat dilihat ketika berlangsungnya Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali pertama di Madrasah Daeratul Maarifil Wataniah, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang pada 3 Januari 1953, Ahmad Fuad Hasan yang masih memegang jawatan Yang Dipertua PAS yang pertama telah mengemukakan tujuh perancangan politik PAS yang dicadangkan

²⁰⁷ Othman Hamzah .1985. *Sejarah Ringkas Penubuhan PAS*, Kuala Lumpur : Dewan Muslimat PAS Wilayah Persekutuan, hlm. 12-13

²⁰⁸ *Ibid*, Othman Hamzah, hlm. 14

kepada Jawatankuasa Kerja PAS iaitu mewujudkan kemerdekaan yang benar kepada rakyat khususnya orang Melayu, dengan mewujudkan semangat kebangsaan dan wasilah untuk mencapai kemerdekaan tersebut, memperlihatkan sistem demokrasi yang sebenarnya menurut neraca Islam dengan menyatakan faedah serta kebbaikannya, menubuhkan Dewan Pemuda yang bertindak untuk melaksanakan semua perancangan dan ciata-cita kemerdekaan PAS dan menubuhkan juga sebuah Dewan Ulama' yang berperanan sebagai badan penasihat dan bertanggungjawab penuh dalam segala perkara yang berkait dengan hal ehwal hukum hakam Islam dalam PAS disamping berperanan juga sebagai pihak ketiga dalam memperkenalkan PAS di peringkat global khasnya dalam kalangan negara-negara Islam dan memperkenalkan cogan kata Islam. Selain itu juga perancangan PAS juga meliputi usaha untuk menegakkan sebuah negara merdeka yang diperjuangkan oleh rakyat dan mencadangkan kemerdekaan Tanah Melayu atau Malaya dalam ruang lingkup British Commonwelth dan para perwakilan Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali pertama ini juga sebulat suara memilih cogan kata "Merdeka" sebagai usaha PAS untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajahan British.²⁰⁹

Pada Mac 1952, sewaktu Ahmad Fuad Hasan mengalami serangan daripada pihak UMNO terhadap kepimpinanya. Ahmad Fuad Hasan tidak berpeluk tubuh sebaliknya, membalas serangan daripada UMNO dengan mengadakan siri penerangan kepada orang Melayu dan enerbitkan karya tulisannya yang mempertahankan dasar nasionalisme Melayu. Beliau mengeluarkan beberapa buku seperti "Melayu dan Perlembagaan" pada tahun 1957 dan "Melayu dan Kemajuan" pada tahun 1959 yang

²⁰⁹ Kamarul Zaman Yusoff .2004, *PAS dalam era Mohd Asri Muda, 1962-1982* [Disertasi Sarjana Sastera (Sejarah)]. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, hlm. 108-109. Lihat juga dalam Mohd Fadli Ghani .2016. *Sejarah PAS Membina Jiwa Merdeka*, Kuala Lumpur : Unit Buku Harakah, hlm 10-11.

membincangkan isu-isu terkait nasionalisme Melayu. Menganjurkan perbincangan dan debat terbuka. Haji Ahmad Fuad Hasan juga mengambil kesempatan untuk menganjurkan perbincangan dan debat terbuka dengan para pengkritiknya, termasuk dengan pemimpin UMNO, untuk membincangkan isu-isu terkait nasionalisme Melayu dan perjuangan PAS. Beliau turut mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang menyebarkan fitnah dan maklumat palsu terhadapnya dan perjuangan PAS. Pada tahun 1951, Haji Ahmad Fuad Hasan terlibat dalam perdebatan di Dewan Bahasa dan Pustaka yang membincangkan isu-isu berkaitan dengan nasionalisme Melayu.

Perdebatan ini dihadiri oleh beberapa intelektual Melayu terkenal seperti Za'ba, Abdullah Munshi, dan lain-lain. Dalam perdebatan tersebut, Haji Ahmad Fuad Hasan menyatakan pandangan beliau mengenai nasionalisme Melayu. Beliau menekankan pentingnya memelihara identiti Melayu dan menyuarakan hak-hak Melayu dalam negara ini. Beliau juga menyatakan bahawa Melayu harus menghargai dan mempelajari warisan budaya mereka. Namun, pandangan beliau ini berbeza dengan pandangan beberapa ahli perdebat lain yang berpendapat bahawa nasionalisme Melayu haruslah bersifat inklusif dan memperakui kepelbagaian budaya di Malaysia. Terdapat juga perdebatan mengenai apakah identiti Melayu sepatutnya ditonjolkan di atas identiti lain dalam konteks nasionalisme. Walaupun terdapat perbezaan pandangan, perdebatan tersebut dianggap sebagai perdebatan yang bermakna dalam membina kesedaran dan memperkukuh pemikiran tentang nasionalisme Melayu di kalangan intelektual Melayu pada waktu itu (Kamarul Afendy Hamimi, 2018).²¹⁰

²¹⁰ Kamarul Afendy Hamimi. 2018. Kaum Muda Penggerak Kesedaran Kemerdekaan Tanah Melayu (Disertasi PhD), Universiti Pendidikan Sultan Idris, hal. 380. Lihat juga dalam Transkrip Pita Nombor 1, wawancara Sidek Jamil dari Arkib Negara Malaysia bersama Dato Haji Hassan Adli bin Mohamad Arshad pada 15 Ogos, 1978, hal. 7-8.

Pada perdebatan tersebut, Haji Ahmad Fuad Hasan menyatakan bahawa nasionalisme Melayu bukan bermaksud menolak perpaduan dengan kaum lain di Malaysia, tetapi sebaliknya, nasionalisme Melayu adalah tentang penghargaan terhadap warisan budaya Melayu dan menjunjung tinggi kepentingan Melayu dalam konteks keseluruhan Malaysia. Beliau juga menekankan bahawa nasionalisme Melayu bukan bermakna menafikan kepentingan rakyat Malaysia yang lain. Namun, ada juga pihak yang menentang pandangan Haji Ahmad Fuad Hasan. Mereka berpendapat bahawa nasionalisme Melayu akan mengakibatkan pengasingan kaum lain dan mengganggu perpaduan nasional di Tanah Melayu. Selain itu, ada yang mengkritik Haji Ahmad Fuad Hasan kerana mempertahankan kepentingan Melayu semata-mata tanpa mengambil kira kepentingan bersama sebagai rakyat Malaysia. Perdebatan tersebut mencerminkan perbezaan pandangan mengenai nasionalisme Melayu dalam konteks Malaysia pada masa itu, dan turut menunjukkan kepentingan untuk terus berbincang dan mencari titik pertemuan dalam membangunkan bangsa dan negara Malaysia.²¹¹

Nasionalisme Melayu Haji Ahmad Fuad Hasan dapat dilihat ketika beliau menjelaskan konsep nasionalisme Melayu dalam *Majalah Qalam*, menurutnya dalam konteks Tanah Melayu yang berjuang untuk mencapai kemerdekaan pada masa itu, Haji Ahmad Fuad Hasan menekankan pentingnya memperjuangkan kemerdekaan sebagai keutamaan utama, tanpa menghiraukan perbezaan ideologi atau fahaman yang ada di antara mereka yang berjuang untuk mencapai tujuan itu. Nasionalisme Melayu tidak harus bertentangan dengan nasionalisme bangsa-bangsa lain atau dengan

²¹¹ Maznah Mohamad .1999. Nationbuilding, Gender and Islam in Malaysia: Kelantanese Movements and the Reproduction of Tradition, *Journal of Islamic and Human Advanced Research*.

gagasan-gagasan sosialisme atau kapitalisme. Pernyataan Ahmad Fuad Hassan lebih menekankan pada pentingnya memperjuangkan kepentingan Melayu dalam konteks Malaya sebagai sebuah negara yang majmuk, tanpa mengabaikan kepentingan bangsa-bangsa lain.²¹²

Mohd Faizal Musa (2011) menjelaskan bahawa nasionalisme Melayu Haji Ahmad Fuad Hasan berbeza dengan para pemimpin Melayu lainnya yang cenderung mendepani kepentingan bangsa Melayu dalam nasionalisme Melayu. Beliau menekankan bahawa nasionalisme Melayu tidak dapat dipisahkan dari kepentingan nasional Tanah Melayu secara keseluruhan. Beliau berargumentasi bahawa untuk memperkuat identiti nasional bangsa Melayu sewajarnya nasionalisme Melayu harus dilihat sebagai sebuah konsep inklusif yang menghargai keberagaman etnik dan agama di Tanah Melayu. Selain itu, Haji Ahmad Fuad Hasan juga menekankan pentingnya pengembangan sistem pendidikan yang menekankan nilai-nilai kebangsaan Melayu, seperti kesetiaan pada negara dan rasa solidariti antarabangsa. Menurutnya, pendidikan harus menjadi salah satu cara utama dalam memperkuat nasionalisme Melayu yang inklusif.

Pandangan Haji Ahmad Fuad Hasan tentang nasionalisme Melayu yang inklusif dan berorientasi pada nasional Malaysia secara keseluruhan, menjadi lebih penting dalam konteks kehidupan berbangsa dan bernegara di Malaysia. Konsep nasionalisme Melayu yang inklusif dan memperhatikan keberagaman etnik dan agama di Malaysia, dapat membantu memperkuat identiti nasional dan memperkuat integrasi

²¹² Funston, John. 1981. *The Politics of Islamic Reassertion: Malaysia*. Edited by Mohammed Ayoob, *The Politics of Islamic Reassertion*. New York: St Martin's Press.

nasional di tengah perbezaan yang ada. Nilai-nilai kebangsaan Melayu Haji Ahmad Fuad Hasan dalam konteks pendidikan orang Melayu iaitu ;

Kepatuhan pada hukum dan peraturan pada orang Melayu dianggap sebagai bangsa yang taat pada hukum dan peraturan, sehingga penting bagi pendidikan orang Melayu untuk menanamkan nilai-nilai disiplin dan patuh pada peraturan. Kepentingan pada kekeluargaan dan solidariti. Orang Melayu memiliki tradisi yang kuat dalam menjaga hubungan kekeluargaan dan solidaritas, sehingga penting untuk mengajarkan nilai-nilai persaudaraan dan kebersamaan dalam pendidikan orang Melayu. Ketaqwaan kepada Tuhan dimana orang Melayu sangat menghargai keimanan dan ketaqwaan kepada Tuhan, sehingga penting bagi pendidikan orang Melayu untuk memperkuat nilai-nilai agama dan moral dalam proses pembelajaran. Rasa cinta tanah air dan bangsa bagi membuktikan orang Melayu memiliki rasa cinta yang kuat terhadap tanah air dan bangsanya, sehingga penting bagi pendidikan orang Melayu untuk menanamkan nilai-nilai patriotisme dan nasionalisme. Budaya sopan santun dan kehormatan yang menjadikan orang Melayu memiliki budaya sopan santun yang tinggi dan menghargai kehormatan, sehingga penting untuk mengajarkan nilai-nilai etika dan sopan santun dalam proses pembelajaran. Dalam konteks pendidikan orang Melayu, nilai-nilai kebangsaan Melayu ini dapat diaplikasikan dalam kurikulum dan metod pembelajaran yang memperkuat identiti dan kesedaran kebangsaan Melayu. Oleh itu, pendidikan dapat berperanan dalam memperkuat solidariti dan integrasi bangsa, serta membangun generasi muda yang memiliki rasa cinta dan kebanggaan terhadap tanah air dan bangsanya (Farish A. Nor, 2002).²¹³ Mohd Faizal Musa (2011)

²¹³ Noor, Farish A. 2002. Islam and the Malay Nationalist Discourse. *Journal of Contemporary Asia*, 32(3), hlm. 364-381

menjelaskan, nilai-nilai nasionalisme Melayu Haji Ahmad Fuad Hasan²¹⁴ dalam beberapa karyanya ialah ;

Kepentingan bahasa Melayu: Haji Ahmad Fuad Hasan memandang bahasa Melayu sebagai simbol kebangsaan dan identiti Melayu. Oleh itu, beliau menekankan pentingnya mempertahankan dan mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan orang Melayu.

Ketuanan Melayu: Haji Ahmad Fuad Hasan mempercayai bahawa Melayu adalah bangsa yang berdaulat dan mempunyai hak untuk mempertahankan kebudayaan dan identiti mereka. Oleh itu, beliau menekankan pentingnya mempertahankan budaya Melayu dan mempelajari sejarah Melayu.

Keadilan sosial: Haji Ahmad Fuad Hasan memandang bahawa keadilan sosial adalah asas kepada keharmonian masyarakat Melayu. Oleh itu, beliau menekankan pentingnya memberi perhatian kepada isu-isu sosial seperti kemiskinan dan kesenjangan ekonomi.

Pendidikan: Haji Ahmad Fuad Hasan memandang pendidikan sebagai asas kepada kemajuan dan kejayaan bangsa Melayu. Oleh itu, beliau menekankan pentingnya memperbaiki sistem pendidikan dan memberi perhatian kepada pembangunan intelektual orang Melayu. juga menjelaskan tentang hubungan antara konsep nasionalisme Melayu dengan Islam dalam pandangan Haji Ahmad Fuad Hasan. Beliau memandang Islam sebagai asas kepada kebangsaan Melayu dan

²¹⁴ Mohd Faizal Musa. 2011. The Concepts of Malay Nationalism in Haji Ahmad Fuad Hasan's Works. *Journal of Islamic and Human Advanced Research*, 1(1), hal. 1-8.

menekankan pentingnya memahami hubungan antara Islam dan kebudayaan Melayu. Pendirian nasionalisme Melayu Haji Ahmad Fuad Hasan ini memberikan gambaran yang jelas mengenai nilai-nilai kebangsaan Melayu yang didokonginya, khususnya dalam konteks pendidikan orang Melayu. Beliau mempunyai pandangan yang progresif dan menyokong perpaduan antara Melayu dan Islam, serta menekankan pentingnya memahami sejarah dan kebudayaan Melayu. Nilai-nilai ini dipercayai beliau dapat membantu memupuk semangat kebangsaan Melayu dan mengembangkan bangsa secara keseluruhan. Selain itu, penekanan Haji Ahmad Fuad Hasan terhadap pendidikan dan peningkatan taraf hidup orang Melayu melalui pembangunan ekonomi yang dijalankan oleh orang Melayu sendiri juga memberikan nilai tambah kepada konsep nasionalisme Melayu beliau. Ini disebabkan oleh fakta bahawa pendidikan dan ekonomi adalah dua aspek penting dalam memperkasakan masyarakat Melayu dan menjamin kedaulatan Melayu dalam negara ini.

Haji Ahmad Fuad Hasan menganggap bahawa agama Islam dan kebudayaan Melayu adalah dua unsur yang tidak dapat dipisahkan dalam membentuk identiti bangsa Melayu. Beliau percaya bahawa Islam adalah agama yang menyokong nilai-nilai kebudayaan Melayu, dan kebudayaan Melayu pula menunjukkan pengaruh agama dalam kehidupan harian orang Melayu.

Wan Hussin Zoohri (1993) menyatakan Haji Ahmad Fuad Hasan juga menekankan bahawa pendidikan harus mempunyai nilai-nilai moral yang kuat dan tidak semata-mata berfokus pada aspek akademik. Beliau percaya bahawa pendidikan harus menghasilkan generasi yang bertanggungjawab dan beretika tinggi, serta mempunyai semangat cinta tanah air dan kesedaran terhadap isu-isu sosial. Dalam

beberapa karya-karya Haji Ahmad Fuad Hasan, terdapat penekanan terhadap perpaduan antara Melayu dan Islam, serta pentingnya memahami sejarah dan kebudayaan Melayu. Beliau percaya bahawa penghayatan terhadap nilai-nilai kebudayaan Melayu akan membantu memupuk semangat kebangsaan Melayu dan mengekalkan identiti budaya Melayu yang unik.

Hal ini menunjukkan bahawa Haji Ahmad Fuad Hasan mempunyai pandangan yang positif terhadap perpaduan antara kaum dan menentang politik identiti sempit yang hanya menekankan perbezaan antara kaum. Beliau percaya bahawa kesatuan bangsa dan keamanan negara dapat dicapai melalui kerjasama antara semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan agama.²¹⁵

Kemuncak kepada nasionalisme Melayu Haji Ahmad Fuad Hasan ialah beliau berjaya menarik dan menyatukan dua golongan Ulama' iaitu Ulama' dari kaum tua yang terdiri daripada Sheikh Abdullah Fahim dan Ulama' dari kaum muda seperti Sheikh Ibrahim Aqibi²¹⁶. Penyatuan dua fraksi Ulama' dalam PAS pada masa itu yang terdiri dari Ulama' kaum tua dan Ulama' kaum muda merupakan pencapaian yang penting dalam memperkuat dan mempertahankan kesatuan PAS dan juga memperkuat nasionalisme Melayu di Malaysia. Perkara ini disebabkan oleh fakta

²¹⁵ Wan Hussin Zoohri, M. 1993. *Pemikiran Pendidikan Haji Ahmad Fuad bin Hasan dalam konteks pendidikan Melayu moden di Malaysia*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya

²¹⁶ Lihat dalam Haji Subky Abdul Latif dan Mohd Fadhli Ghani. 2016. *Sejarah PAS 1951-1957, Membina Jiwa Merdeka*, Kuala Lumpur : Penerbitan harakah, hal. 182 – 183. Kejayaan Haji Ahmad Fuad Hasan dalam menyatukan dua fikrah yang berbeza dalam kalangan Ulama' Kaum Muda dan Ulama' Kaum Tua selepas diadakan Persidangan Persatuan Ulama'k SeMalaya di Butterworth yang diadakan pada 24 November 1951 dan disusuli dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali pertama pada 4 Januari 1953 dalam hal-hal yang berkaitang dengan hukum-hukum fiqh furu'iyah dan bersependapat dalam perkara utama program politik PAS iaitu menegakkan sebuah Daulah Islamiah dan keperluan untuk menyatukan hal ehwal pentadbiran agama Islam di Tanah Melayu.

bahawa Ulama' dari kedua-dua kumpulan ini mempunyai pandangan yang berbeza mengenai kebanyakan isu, termasuk isu nasionalisme Melayu. Hal ini dapat memberikan justifikasi bahawa nasionalisme Melayu Haji Ahmad Fuad Hasan adalah sangat relevan dan memainkan peranan penting dalam menyatukan umat Islam Melayu dan memperjuangkan hak dan kedaulatan Melayu dalam negara ini. Ini kerana penyatuan dua kumpulan Ulama' ini tidak hanya mencerminkan persatuan dalam PAS, tetapi juga memperlihatkan kesatuan dalam masyarakat Melayu secara keseluruhan. Intipati ucapan Haji Ahmad Fuad Hasan dalam Mesyuarat Agung PAS kali pertama²¹⁷ berhubung penyatuan dua fraksi Ulama' ini dengan menegaskan ;

Nasionalisme Melayu adalah semangat kebangkitan yang menghubungkan orang Melayu dari seluruh negeri. Kita harus memperjuangkan hak-hak kita sebagai orang Melayu dan memperkuat solidaritas di antara sesama Melayu. Kita harus menghargai budaya dan tradisi Melayu. Kita harus mempertahankan bahasa Melayu dan mempromosikan seni dan budaya kita kepada dunia. Nasionalisme Melayu harus menjadi landasan bagi kebangkitan bangsa. Kita harus memperjuangkan hak-hak kita sebagai warga negara Malaysia dan memastikan bahwa negara ini menjunjung tinggi nilai-nilai Melayu. Kita harus memperjuangkan keadilan dan kesetaraan bagi semua warga negara. Kita tidak boleh membiarkan perbedaan budaya, agama, atau ras memecah belah bangsa. Nasionalisme Melayu harus dipandang sebagai bagian dari nasionalisme yang lebih luas, yaitu nasionalisme Malaysia. Kita harus bekerja sama dengan semua komunitas di negara ini untuk membangun bangsa yang kuat dan berjaya.

(Ahmad Fuad Hasan, 1953)

Penyatuan dua fraksi Ulama' dalam PAS di bawah kepemimpinan Haji Ahmad Fuad Hasan telah memberikan justifikasi bahawa nasionalisme Melayu beliau adalah relevan dan memainkan peranan penting dalam menyatukan umat Islam Melayu serta memperjuangkan hak dan kedaulatan Melayu dalam negara ini.²¹⁸

²¹⁷ Lihat dalam Peringatan Mesyuarat Agung PAS Kali Yang Pertama, 3 Januari 1953, hal. 1-3

²¹⁸ Haji Subky Abdul Latif dan Mohd Fadhli Ghani. 2016. *Sejarah PAS 1951-1957, Membina Jiwa Merdeka*, Kuala Lumpur : Penerbitan harakah, hal. 182 – 183

4.3 Nasionalisme Melayu Ahmad Fuad Hasan dalam National Conference dan National Convention

Dalam menggapai misi membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British, PAS dilihat begitu cakna dengan misi kemerdekaan Tanah Melayu apabila PAS menerima jemputan kali pertama dalam National Conference oleh Dato' Panglima Bukit Gantang pada 30 Mac 1953. Sehubungan dengan itu, PAS melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Agung PAS yang bersidang pada 6 April 1953 sebulat suara bersetuju untuk menyertai *National Conference* anjuran Dato' Onn Jaafar.²¹⁹ Walaupun terdapat kritikan disebalik penyertaan PAS dalam National Conference ini, Ahmad Fuad Hasan tidak memperdulikan segala kritikan tersebut kerana beliau mempunyai hubungan yang cukup baik dengan Dato' Onn Jaafar kerana beliau melihat misi PAS dalam mencapai kemerdekaan Tanah Melayu adalah seiring dengan perjuangan Dato' Onn Jaafar. Penyertaan PAS ini juga menunjukkan kesungguhan PAS untuk menuntut kemerdekaan demi menegakkan sebuah negara Islam yang berdaulat sebagai pengisian kemerdekaan tersebut.²²⁰ Semasa dalam persidangan National Conference tersebut, Ahmad Fuad Hasan menegaskan bahawa PAS tidak terikat dengan sebarang resolusi dalam *National Conference* jika didapati resolusi tersebut bercanggah dengan perlembagaan dan dasar perjuangan PAS. PAS boleh menarik diri daripada penyertaan dalam National Conference ini pada bila-bila masa. Sifat keterbukaan PAS ini menunjukkan jiwa besar PAS terhadap nasib dan perjuangan orang Melayu untuk mencapai kemerdekaan.²²¹

²¹⁹Penyata Tahunan PAS Bulan Januari-Julai 1953, hal. 18 dan 19 menjelaskan persetujuan PAS untuk menyertai National Conference dengan menghantar Ahmad Fuad Hasan sebagai wakil PAS.

²²⁰ Fail Setiausaha Agung PAS 1953 dan dinyatakan juga dalam Surat Pekeliling PAS Bil.4/53 bertarikh 20 April 1953. Penegasan PAS dalam isu menuntut kemerdekaan ini adalah melalui jalan damai dan tidak berkompromi dengan tuntutan secara kekerasan.

²²¹ Lihat dalam Utusan Melayu bertarikh 18 April 1953.

Sepanjang Haji Ahmad Fuad Hasan dalam Jawatankuasa *National Conference* bermula dari 27 April 1953, beliau telah menunjukkan kepada masyarakat awam bahawa PAS selain sebuah parti yang memperjuangkan agenda keislaman, PAS juga berperanan dalam menyuarakan pendapat dan pandangan parti berkenaan isu-isu yang berkaitan dengan agama dan keadilan sosial dalam masyarakat Tanah Melayu yang berbilang bangsa dan bersifat majmuk dalam konteks pembentukan ke arah negara yang baru. Selain itu, PAS turut membincangkan isu-isu seperti penghapusan kemiskinan khasnya kemiskinan orang Melayu di Kawasan luar bandar, pendidikan orang Melayu, dan hak asasi manusia dalam persidangan tersebut. Melalui peranan dan kerja yang dijalankan PAS dalam National Conference, PAS dan parti-parti lain khasnya IMP, MCA dan MIC dapat bekerjasama untuk mencapai tujuan bersama dalam membentuk sebuah negara yang merdeka dan adil untuk semua rakyatnya (Ahmad Fauzi A Hamid, 1996 & Clive S. Kessler, 1978).²²²

Farish A. Nor (2014) menjelaskan pasca mesyuarat Jawatankuasa Agung PAS Pusat, Draf Perlembagaan Malaya yang dibentuk oleh PAS pada tahun Mei 1953 adalah satu usaha untuk mengusahakan penyertaan suara dan hak politik untuk rakyat Melayu, khususnya dalam bidang keagamaan dan kesamarataan sosial. Haji Ahmad Hasan melihat bahawa perubahan perlembagaan penting bagi memperjuangkan hak-hak rakyat Melayu di dalam bidang keagamaan dan sosial. Draf Perlembagaan Malaya yang dibentangkan oleh PAS mengandungi beberapa tuntutan utama. Antaranya ialah permintaan supaya bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi negara dan Islam dijadikan agama rasmi negara. Selain itu, PAS juga menuntut agar Melayu diberikan hak yang

²²² Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 1996. *PAS dan Pembaharuan Gerakan Politik Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Lihat juga dalam Clive S. Kessler. 1978. *Islam and Politics in a Malay State: Kelantan 1838-1969*, United States : Cornell University Press.

sama dengan kaum lain dalam bidang politik dan sosial, seperti hak untuk mendapatkan pendidikan dan peluang pekerjaan yang sama. Draf Perlembagaan Malaya ini dianggap sebagai suatu dokumen penting dalam sejarah perjuangan politik PAS dan Malaysia. Walau bagaimanapun, usaha untuk memperjuangkan tuntutan dalam Draf Perlembagaan Malaya ini tidak berjaya pada ketika itu kerana ia tidak mendapat sokongan yang mencukupi dari pihak lain. Walaupun begitu, tuntutan-tuntutan dalam Draf Perlembagaan Malaya ini kemudiannya dipertimbangkan semula dan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang dihasilkan pada tahun 1957.²²³

Wan Mohd Nor Wan Daud (2014) menjelaskan perjuangan Haji Ahmad Fuad Hasan dalam membentuk Draf Perlembagaan Malaya gagal kerana PAS walaupun telah menyertai Jawatankuasa Perlembagaan Malaya, majoriti anggota Jawatankuasa terdiri daripada parti-parti politik yang memperjuangkan hak-hak kaum bukan Melayu dan menyokong perpaduan Malaya. Justeru itu, apabila Ahmad Fuad Hasan dan PAS mencadangkan beberapa butiran dalam draf Perlembagaan yang berkaitan dengan agama dan kebudayaan Melayu, cadangan tersebut ditentang oleh majoriti anggota Jawatankuasa yang berpendapat bahawa butir-butir tersebut akan menjejaskan prinsip-prinsip perpaduan negara. Oleh itu, perjuangan Ahmad Fuad Hasan dan PAS untuk membentuk Draf Perlembagaan Malaya tidak berjaya dan ia menjadi satu pengajaran untuk mereka untuk tidak bergantung kepada parti-parti politik yang tidak mempunyai agenda yang sama. Selain itu juga, faktor yang menyumbang kepada kegagalan PAS dalam pembentukan Draf Perlembagaan Malaya juga berkait dengan sikap skepticisme dan ketidakpercayaan beberapa anggota Jawatankuasa Perlembagaan Negara terhadap

²²³ Farish A. Noor. 2014. *The Malaysian Islamic Party 1951-2013: Islamism in a mottled nation*, Netherlands : Amsterdam University Press.

PAS yang dianggap sebagai sebuah parti politik yang hanya memperjuangkan kepentingan agama Islam dan kaum Melayu saja.

Mereka menganggap bahawa PAS tidak mempunyai pengalaman dalam politik praktikal dan tidak mempunyai strategi yang jelas untuk memperjuangkan hak-hak rakyat Malaysia secara keseluruhan. Hal ini membuatkan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Ahmad Fuad Hasan dan PAS terhadap Draf Perlembagaan Malaya dipandang sinis dan tidak serius oleh beberapa anggota Jawatankuasa. Bahkan juga kegagalan ini didorong juga oleh isu-isu yang berkaitan dengan hak politik dan identiti nasional di dalam masyarakat majmuk yang ketika itu masih tidak stabil. Terdapat perbezaan pandangan dalam Jawatankuasa Draf Perlembagaan Malaya mengenai aspek-aspek seperti kedudukan agama dalam negara, hak kaum minoriti, kedudukan raja-raja Melayu, dan pelbagai isu lain. Isu-isu ini mempersulitkan usaha Ahmad Fuad Hasan dan PAS dalam membentuk Draf Perlembagaan Malaya yang dapat diterima oleh semua pihak dan mencapai konsensus yang luas. juga disebabkan oleh faktor politik yang berlaku pada masa itu, di mana terdapat persaingan kuat antara parti-parti politik dan pemimpin-pemimpin mereka dalam memperjuangkan kepentingan politik dan ekonomi masing-masing. Terdapat beberapa pihak yang bimbang bahawa apabila PAS berjaya membentuk Draf Perlembagaan Malaya, ia akan memperoleh keuntungan politik yang besar dan menjadi parti politik yang kuat dalam arena politik Melayu khususnya dan politik Malaya umumnya. Dalam situasi ini, ada pihak yang merasa bimbang bahawa kepentingan parti politik dan individu akan lebih diutamakan berbanding kepentingan negara dan rakyat. Kegagalan Ahmad Fuad Hasan dan PAS dalam membentuk Draf Perlembagaan Malaya pada masa itu telah mengukuhkan

keyakinan ini dan memberikan amaran bahawa kepentingan politik perlu diabaikan demi kepentingan rakyat dan negara.²²⁴

Kegagalan Haji Ahmad Fuad Hasan dalam mencapai misinya bersama National Conference pada tahun 1953 dan National Convention 1954 adalah disebabkan oleh beberapa faktor iaitu ;

Perbezaan ideologi nasionalisme khasnya dalam mendokong nasionalisme Melayu. Hal ini kerana dalam Mesyuarat Agung Khas PAS yang diadakan pada tahun 1953, telah ditegaskan bahawa tujuan PAS menyertai National Conference ini adalah usaha PAS bagi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Namun begitu, penyertaan PAS melalui Haji Ahmad Fuad Hasan telah ditentang oleh pemimpin PAS yang lain yang mendakwa National Conference yang disertai oleh PAS telah dimanipulasi oleh Sir Malcolm McDonald, Gabenor Jeneral Kolonial British di Tanah Melayu ketika itu.²²⁵ Sementara itu, kegagalan yang berlaku juga adalah disebabkan oleh dokongan nasionalisme Melayu dalam PAS adalah berbeza dengan parti-parti politik yang bersama dalam National Conference dan National Convention. UMNO, MCA dan IMP adalah parti politik yang bersifat sekularisme, progresif dan pragmatik dan mudah untuk menjadi alat kepada penjajah British pada ketika itu dan lebih cenderung

²²⁴ Wan Mohd Nor Wan Daud. 2014. *Islamic Politics in Malaysia*. New York University, NY: Routledge.

²²⁵ Lihat dalam Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS bertarikh 26 September 1953, hal. 3 hingga 7. Dalam Mesyuarat Agung Khas tersebut, Haji Ahmad Fuad Hasan telah ditentang oleh seorang pemimpin PAS yang dikenali Ustaz Amaluddin Darus yang bertegas mempertahankan pendirian PAS iaitu asas penubuhan PAS adalah menjadi sebahagian daripada mata rantai pejuang terdahulu (dimaksudkan Hizbol Al Muslimin yang diharamkan oleh British Administration Malayan melalui Ordinan Darurat 1948) untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu dan menegakkan sebuah Daulah Islamiah (Negara Islam) yang merdeka daripada penjajahan British. Amaluddin Darus menengaskan bahawa National Conference ini sudah menjadi satu alat yang sengaja diwujudkan oleh British bagi mengekang perkembangan politik PAS khasnya dan kebangkitan orang Melayu khususnya. Amaluddin Darus merupakan Perwakilan PAS Cawangan Pasir PAS, Kelantan ketika membahaskan usul berkenaan dalam Mesyuarat Agung Khas PAS, 1953. Lihat juga dalam Amaluddin Darus. 1977. *Kenapa Saya Tinggalkan PAS*, Harimau Press : Kuala Lumpur

kepada isu-isu politik dan kepentingan nasional yang lain memandangkan PAS berkecenderungan kepada isu-isu politik Islam dan perkembangan hal ehwal orang Melayu.²²⁶ Ketidaksepakatan agenda politik antara PAS dan parti-parti yang bersama dalam gagasan National Conference dan National Convention juga menjadi asbab kegagalan PAS dalam dua fraksi ini. Kegagalan ini disebabkan oleh PAS yang tegar mempertahankan dasar perlembagaan PAS iaitu Islam. Maka, hal-hal yang telah dan sedang diusahakan oleh PAS dalam mengisi kemerdekaan Tanah Melayu sekaligus membuktikan PAS tidak mahu menjadi alat serta diperalatkan oleh mana-mana pihak. Penegasan ini dibuat oleh Amaluddin Darus, Perwakilan PAS Cawangan Pasir Mas, Kelantan. Pada pandangan beliau, PAS tidak perlu terpengaruh dengan ideologi politik UMNO dan IMP yang dipimpin oleh Dato' Onn yang sudah jelas tidak berpegang kepada Al Quran dan As Sunnah dan semestinya dasar perjuangan PAS adalah berbeza dengan parti-parti politik lain.²²⁷ Kegagalan Ahmad Fuad Hasan dalam menjayakan misi PAS didalam National Conference dan National Convention disebabkan oleh tekanan yang dialami oleh beliau daripada kalangan pemimpin PAS seperti Amaluddin Darus (PAS Pasir Mas, Kelantan), Haji Ahmad Malik (Setiausaha Agung PAS)²²⁸,

²²⁶ Lihat dalam Utusan Melayu bertarikh 16 April 1953 yang dikarang oleh Anak Johor bertajuk, *Alim Ulama'k Tanah Melayu*.

²²⁷ Lihat dalam Amaluddin Darus, *op. cit* hal. 53-54. Lihat juga dalam Mohd Fadhli Ghani, *Sejarah PAS 1951-1957 : Membina Jiwa Merdeka*, hal. 236. Ketegasan Ustaz Amaluddin Darus ini adalah demi menjaga prinsip politik PAS agar tidak terikut-ikut dengan gaya politik UMNO dan IMP yang dilihat cenderung kepada mesra pihak pentadbiran British di Tanah Melayu ketika itu. Tidak ada kesepakatan PAS dengan parti-parti politik didalam dua konferens ini adalah disebabkan oleh pendirian PAS yang mahu menegakkan Negara Islam memandangkan orang Melayu yang mendominasi populasi penduduk di Tanah Melayu. PAS juga tidak bersetuju dengan dasar Pecah dan Perintah oleh Pentadbiran British yang memberikan impak kepada jurang sosioekonomi orang Melayu dengan kaum-kaum lain begitu luas.

²²⁸ Beliau merupakan Setiausaha Agung PAS yang pertama. Merupakan seorang Guru di Maahad Al Ehya Al Syarif Gunong Semanggol, Perak. Sebelum itu, beliau sangat aktif dalam Hizbul Al Muslimin, kemudian menyertai Biro Agama UMNO selepas Hizbul Al Muslimin diharamkan. Beliau dilantik sebagai Qadhi Besar Pulau Pinang.

Haji Ahmad Badawi Bin Haji Abdullah Fahim²²⁹ dan Haji Ahmad Mokhtar (PAS Cawangan Bandar Pulau Pinang). Tekanan terhadap Ahmad Fuad Hasan adalah untuk memastikan PAS tidak berhadapan dengan konflik perpecahan dalaman ketika PAS dalam dilemma untuk membuat keputusan terhadap penyertaan parti itu dalam fraksi yang melibatkan parti politik lain seperti UMNO dan IMP dan juga dalam hal berkait dengan hal ehwal Islam dan masa depan orang Melayu. Implikasi kepada tekanan ini menyebabkan Ahmad Fuad Hasan ketika berucap dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali kedua telah bertindak melepaskan jawatan sebagai Yang Dipertua PAS dan bertindak menyertai Dato' Onn dalam Parti Negara yang ditubuhkan pada 28 Februari 1954.²³⁰

Kesimpulannya, kegagalan Ahmad Fuad Hasan untuk membawa PAS menyertai National Conference yang dianjurkan oleh Dato' Onn Jaafar pada masa itu tidak secara langsung menyebabkan agenda nasionalisme Melayu dalam PAS semakin berkembang. Perletakan jawatan beliau sebagai Yang Dipertua PAS Pertama

²²⁹ Haji Ahmad Badawi merupakan Mudir Madrasah Al Da'eyah Al Maarif Al Wataniyyah, Kepala Batas. Dilantik sebagai Ajli Jawatan Kuasa Persatuan Ulama' Se-Malaya pada 24 November 1951 kemudiannya dilantik lagi sekali sebagai Ahli Jawatan Kuasa (dipilih) semasa Mesyuarat Agung Tahunan Parti Islam Se-Malaya (PAS) Kali Pertama, lihat dalam Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953, hal. 4-5. Dilantik semula sebagai Ahli Jawatan Kuasa PAS dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Kedua. Lihat dalam Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Kedua pada 26-27 Ogos 1953, hal. 9-10. Haji Ahmad Badawi pada ketika dilantik menjadi AJK PAS Kali Pertama dan AJK PAS Kali Kedua, beliau masih lagi menjadi Ahli UMNO. Beliau merupakan Wakil UMNO dalam National Conference dan National Convention dan merupakan penyokong kuat kepada Tunku Abdul Rahman Putra. Disebabkan oleh faktor penentangan sebahagian daripada pemimpin PAS berhubung penyertaan PAS dalam fraksi ini, beliau akhirnya menjarakkan diri daripada PAS.

²³⁰ Dalam karya Amaluddin Darus, *op.cit* hal.53, menjelaskan keadaan dan situasi ketika Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Kedua yang diadakan pada 26 September 1953, beliau diselar oleh Haji Ahmad Fuad Hasan sebagai "driver-driver tidak berlesen" kerana tidak dapat menerima keputusannya untuk PAS menyertai National Conference. Menurut Haji Ahmad Fuad Hasan lagi, beliau menzahirkan kekesalan kerana pelan (perancangan) yang beliau kemukakan tidak memenuhi Hasrat ahli yang lain, maka jalan terakhirnya adalah dengan melepaskan jawatan sebagai Yang di-Pertua PAS. Lihat dalam Penyata Tahunan PAS Ogos 1953-1954, hal. 18 dan 19. Impak kepada perletakan jawatan Haji Ahmad Fuad Hasan menyebabkan ibupejabat PAS berpindah dari Madrasah Al Masriyah Bukit Mertajam ke Madrasah Daeratul Al Maarif Al Wataniyyah Kepala Batas, Pulau Pinang kerana Madrasah Al Masriyah merupakan milik Haji Ahmad Fuad Hasan. Lihat dalam Mohd Fadhlhi Ghani, *op.cit*, hal. 240.

sebenarnya lebih berkaitan dengan perbezaan pendapat dan ketidaksepakatan dalaman dalam parti mengenai hal tersebut. PAS pada masa itu mempunyai pelbagai kumpulan dan aliran yang berbeza dalam parti. Walaupun terdapat ahli dan pemimpin PAS yang mendukung idea nasionalisme Melayu, terdapat juga yang mempunyai pendirian yang berbeza dan lebih menekankan isu agama sebagaimana yang ditonjolkan oleh beberapa perwakilan PAS dalam dua Mesyuarat Agung Tahunan PAS seperti Ustaz Amalauddin Darus dari PAS Cawangan Pasir Mas, Kelantan. Oleh itu, perletakan jawatan Ahmad Fuad Hasan bukan secara langsung berkaitan dengan perkembangan agenda nasionalisme Melayu dalam PAS tetapi lebih cenderung kepada kegagalan beliau dalam membawa PAS untuk terus kekal dalam fraksi National Conference tajaan Dato' Onn Jaafar berbanding sebahagian pemimpin PAS mahu PAS menyertai National Convention dengan mengenakan syarat yang ketat.

Adalah penting untuk diingat bahawa perkembangan agenda nasionalisme Melayu dalam PAS adalah proses yang kompleks dan dipengaruhi oleh banyak faktor, termasuk pemimpin dan ahli yang terlibat dalam parti. Faktor seperti perubahan politik, keadaan sosial, dan perkembangan ideologi juga turut memainkan peranan dalam menentukan arah perjuangan nasionalisme Melayu dalam PAS pada masa era kepimpinan awal Haji Ahmad Fuad Hasan sebagai Yang Dipertua PAS Pertama dan pengasas kepada parti Islam pasca pengharaman Hizbul Al Muslimin (Mazalan Kamis (2018) & James Chin (2007)).²³¹

²³¹ Lihat dalam Mazalan Kamis. 2018. Religion and Politics in Malaysia: The Rise of PAS and its Impact, *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(2). Lihat juga dalam James Chin. 2007. PAS and the Politics of Islam in Malaysia, *Asian Survey*, 47(5)

4.4 Perkembangan nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Dr Haji Abbas Bin Alias, 1953-1956.

Dr Haji Abbas Bin Haji Alias juga merupakan seorang tokoh nasionalisme Melayu yang dikenali sebagai pendakwah, pemikir dan cendekiawan Muslim yang berpengaruh di Malaysia. Mohd Fadhlil Ghani (2016) menjelaskan kepimpinan Dr Haji Abbas bermula selepas Haji Ahmad Fuad Hasan melepaskan jawatan Yang dipertua PAS Pertama, Dr Abbas memangku jawatan tersebut bermula 27 September 1953²³² sehinggalah beliau dilantik secara rasmi pada 14 Ogos 1954²³³ semasa Mesyuarat Agung Tahunan PAS Ketiga. Kepimpinan awal Dr Haji Abbas Alias setelah dilantik sebagai Yang dipertua PAS Kedua, beliau lebih menonjolkan nasionalisme Melayu dengan memberikan penekanan kepada penstrukturan semula agenda politik PAS dengan lebih memfokuskan kepada beberapa isu yang signifikan iaitu ; Pertama, menjelaskan kesedaran terhadap identiti Melayu bagi membuktikan kepimpinan Dr Haji Abbas Alias memiliki kesedaran yang tinggi tentang identiti Melayu dan pentingnya memperjuangkan kedaulatan dan kepentingan orang Melayu di Malaya waktu itu. Beliau mempunyai keyakinan yang kuat bahawa orang Melayu mempunyai peranan penting dalam membentuk masyarakat Malaya dan mengekalkan kebudayaan dan tradisi Melayu yang kaya dengan adat istiadatnya.²³⁴

²³² Lihat dalam Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan Khas PAS bertarikh 26 September 1953, hal. 9 dan lihat juga dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Agung PAS bertarikh 26 September 1953, hal. 1 perihal pemangkuan jawatan Yang dipertua PAS selepas perletakkan jawatan Haji Ahmad Fuad Hasan sebagai Yang dipertua PAS Pertama.

²³³ Lihat dalam Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ketiga pada 14 Ogos 1954.

²³⁴ Omar, A., & Kamarudin, K. 2017. *Penghormatan Tuan Haji Abbas Alias*, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, hal. 10

Mohd Fadli Ghani (2016) menjelaskan lagi bahawa nasionalisme Melayu Dr Abbas Alias ini lebih vokal apabila beliau menjadi penyelamat ketika PAS mengalami krisis kepimpinan awalnya selepas Haji Ahmad Fuad Hasan bertindak meninggalkan PAS dan menyertai perjuangan Dato' Onn Jaafar dalam Parti Negara. Adalah dikhuatiri pada ketika PAS mengalami masalah kepimpinannya, Dr Abbas melihat kesan buruk terhadap sokongan orang Melayu terhadap PAS jika krisis ini berlarutan. Keduaanya, Dr Abbas Alias berjaya membina identiti PAS dengan menetapkan beberapa disiplin parti yang menyebabkan ahli-ahli PAS diberikan satu pilihan sahaja iaitu memilih PAS sebagai wadah perjuangan atau memilih UMNO sebuah parti nasionalis yang bersifat sekular. Ketiga, ketegasan Dr Abbas Alias dalam meningkatkan identiti orang Melayu melalui wasilah perjuangan PAS. Beliau membina idealisme perjuangan Islam untuk menegakkan sebuah negara Islam di Tanah Melayu sekaligus memberikan peluang kepada ahli-ahli Hizbul Al Muslimin untuk berpartisipasi dalam PAS.

Keempat, Dr Abbas Alias berjaya membina karektor perjuangan Islam dengan menjadikan nasionalisme Melayu sebagai teras parti disebabkan faktor majoriti penduduk Tanah Melayu adalah orang Melayu yang beragama Islam, Tindakan ini menyebabkan beberapa bekas pimpinan Melayu berhaluan Kiri menyertai PAS antaranya Dr Burhanuddin Al-Helmi dari Kesatuan Melayu Muda. Kelima, Dr Abbas Alias merupakan individu yang bertanggungjawab untuk menarik keluar PAS daripada parti politik yang berkerjasama dengan pihak Pentadbiran British di Tanah Melayu dalam hal-hal yang berkaitan untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.²³⁵

²³⁵ Mohd Fadli Ghani, *op. cit*, hal. 243-244

Semasa Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali Ketiga²³⁶ yang diadakan di Titi Serong, Perak Darul Ridzuan, Dr Abbas Alias telah meluaskan horizon pemikiran nasionalisme Melayu dalam ucapan dasarnya, beliau menyatakan²³⁷ ;

Nasionalisme Melayu adalah semangat kebangkitan yang mendorong orang Melayu untuk memperjuangkan hak-hak dan martabatnya sebagai bangsa yang merdeka. Kita perlu memperkuat identiti dan kebanggaan sebagai orang Melayu serta mempromosikan bahasa dan budaya Melayu agar tetap hidup dan berkembang dalam era globalisasi. Nasionalisme Melayu harus menjadi objektif utama dalam pembangunan negara yang merdeka dan berdaulat, dengan memastikan kepentingan orang Melayu tidak terabai dalam proses tersebut. Kita harus memperjuangkan keadilan dan kesetaraan bagi semua warga negara, tanpa memandang latar belakang etnik atau agama, sekaligus menjaga persatuan dan kesatuan bangsa sambil memperkuat identiti Melayu. Penting untuk dicatat bahawa nasionalisme Melayu bukanlah tentang membatasi diri dalam lingkungan etnik atau mengabaikan kontribusi komuniti lain dalam pembangunan negara, namun seharusnya menjadi pendorong bagi kita semua untuk membangun negara yang adil, makmur, dan sejahtera. Nasionalisme Melayu harus terus hidup dan berkembang sebagai identiti kebangsaan yang kuat dan tak tergoyahkan, dengan terus memperjuangkan hak-hak dan martabat orang Melayu sambil mengakui peranan dan kontribusi komuniti lain dalam pembangunan negara. Penting juga untuk menghargai keragaman budaya dan etnik dalam masyarakat, sambil memperkuat jati diri dan kebanggaan sebagai orang Melayu. Nasionalisme Melayu harus menjadi fondasi dalam pembangunan negara yang merdeka dan mandiri, dengan membangun bangsa yang maju dan sejahtera, serta menjunjung tinggi nilai-nilai keadilan, kesetaraan, dan demokrasi. Kita harus memperjuangkan hak-hak dan kepentingan orang Melayu dalam berbagai aspek kehidupan, termasuk ekonomi, pendidikan, dan hak berpolitik, sambil tetap memastikan bahawa kepentingan masyarakat lain juga dihormati dan diperhatikan. Nasionalisme Melayu harus menjadi pendorong bagi kita untuk membangun negara yang lebih baik dan adil bagi semua warga negara, sambil menghargai dan merayakan keragaman budaya dan etnik dalam masyarakat, dan tetap menjaga keutuhan serta identiti kebangsaan kita sebagai orang Melayu. (Abbas Alias, 1954)

pendidikan, ekonomi, kebudayaan dan hak berpolitik orang Melayu.

Namun begitu, sepanjang era kepimpinan Dr Abbas Alias, beliau lebih menumpukan kepada pengukuhan organisasi PAS kerana sebelum kepimpinannya, PAS mengalami beberapa kesulitan dalaman ekoran perbalahan dan krisis kepimpinan pada awal September 1953. Pasca kepimpinan Haji Ahmad Fuad Hasan selaku Yang dipertua PAS Pertama, Dr Abbas Alias mempergiatkan usahanya untuk mengembalikan PAS ke landasan perjuangan yang sebenar. Pada era kepimpinannya,

²³⁶ Peringatan Mesyuarat Agung PAS Kali Ketiga, 12 – 14 Ogos 1954, hal. 11

²³⁷ Lihat juga dalam Dr. Abbas Alias .2009. *Pemikiran dan Nasionalisme Melayu dalam Wacana Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.

PAS mengalami penambahan cawangan di beberapa buah negeri antaranya Perak, Johor, Kedah dan Perlis termasuklah juga PAS berjaya menubuhkan cawangannya di Mekah.²³⁸

Walaupun fokus Dr Abbas Alias lebih terarah kepada kepada pengukuhan organisasi kepartian PAS, namun beliau juga masih cakna dengan perkembangan taraf hidup orang Melayu khasnya berkait dengan Tanah Rizab Melayu yang pada ketika itu masih dikawal oleh penjajah British. Semasa kepimpinan Dr. Abbas Alias dalam PAS, adalah sangat mungkin bahawa parti tersebut terus memperjuangkan pemeliharaan dan perlindungan Tanah Rizab Melayu walaupun sudah wujud beberapa enakmen berkaitannya seperti Enakmen Tanah Rizab Melayu di Selangor, Perak dan Johor yang sudah wujud pada tahun 1913 dan 1914, serta kesejahteraan dan hak keseluruhan masyarakat Melayu dan pribumi di Malaysia.²³⁹

Perjuangan nasionalisme Melayu oleh Dr Abbas Alias semakin menampakkan ketegasan dasar PAS semasa diadakan Kongres Pemuda Melayu yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur. Kongres ini dianjurkan oleh sebuah pertubuhan

²³⁸ PAS pada era kepimpinan Dr Abbas Alias berjaya menubuhkan 3 cawangan di Perak yang terdapat di Kerian, Bagan Tiang dan Kuala Kurau dengan jumlah keahlian seramai 470 orang pada tahun 1954. Sementara itu di Johor, PAS berjaya menubuhkan dua cawangan baharu iaitu PAS Cawangan Johor Bharu (19 Mac 1954) dan PAS Cawangan Benut (6 Mei 1954). Manakala di Kedah, PAS berjaya menubuhkan cawangannya di Bukit Besar, Kota Sarang Semut dan di Perlis, PAS menubuhkan cawangannya di Kangar. Kemuncak pengembangan PAS adalah semasa PAS berjaya menubuhkan cawangannya di Mekah Al Mukarramah semasa Dr Abbas Alias menjadi Pegawai Perubatan Haji pada Jun hingga September 1954. Penubuhan cawangan PAS adalah inisiatif pelajar-pelajar Melayu yang rata-ratanya berasal dari negeri Kelantan yang belajar di Masjid Al Haram dan Madrasah Al Soulatiyyah yang terletak di Mantiqah Al Kakiyah, Mekah Al Mukarramah. Lihat dalam Mohd Fadli Ghani .2016. *op.cit*, hal. 273, juga dalam Mohd Asri Muda. 1993. *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*, Bangi : Penerbit UKM dan Mohd Amin Yaakub. 2001. *Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990*, Kota Bharu : Pusat Kajian Strategi.

²³⁹ Zulkifli Mohammed. 1956. Kepimpinan dalam perjuangan parti, dlm *Suara Islam*, Tahun 1, Bil. 1, Bulan Disember.

yang dikenali sebagai Semangat Pemuda Melayu Pulau Pinang.²⁴⁰ Kongres ini diadakan dengan tujuan untuk menghimpunkan dan menyatukan semua parti politik Melayu dan pertubuhan Melayu yang telah diharamkan oleh pentadbiran British sebelum tahun 1953. Kongres ini berjaya mengumpul sebanyak 44 buah pertubuhan dan parti politik Melayu berhaluan kiri khasnya seperti Parti Rakyat, PAS, Parti Negara, Persatuan Melayu Singapura (PMS), Angkatan Pemuda Insaf (API), Gerakan Rakyat Malaya (GERAM), Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan lain-lain lagi.²⁴¹ Bagi pihak PAS yang menyertai kongres tersebut, Dr Abbas Alias diberikan penghormatan untuk menyampaikan ucapan didalam kongres berkenaan. Dr Abbas Alias menegaskan objektif PAS menyertai Kongres Pemuda Melayu ini adalah untuk menyatakan pendirian PAS mengenai Pilihan Raya Umum 1955 dengan menyatukan semua unsur politik Melayu kiri yang sebelum ini menolak secara tegas kerana pihak Parti Perikatan mencadangkan asas pilihan raya umum berkehendakkan kepada hak mengundi secara jus soli bahkan PAS juga bertegas menolak hak mengundi secara jus soli ini dan membincangkan mengenai pembentukan kerajaan pasca pilihan raya umum tahun 1955 serta secara serius PAS mahukan politik orang Melayu adalah menjadi teras kepada kemerdekaan Tanah Melayu.²⁴² Natijah kepada Kongres Pemuda Melayu ini, antara memorandum PAS yang dimasukkan dalam resolusi ini ialah pembentukan sebuah negara Melayu yang mengunapakai Bahasa

²⁴⁰ Kongres Pemuda Melayu ini dicetuskan oleh sebuah pertubuhan di Pulau Pinang yang dikenali sebagai Semangat Pemuda Melayu pada bulan November 1954 dan mereka mengambil ketetapan untuk mengadakan sebuah kongres bagi menyatukan semua parti-parti politik dan pertubuhan Melayu yang diharamkan oleh British. Lihat dalam Utusan Melayu, 2 Mac 1955.

²⁴¹ Mohd Fadli Ghani. 2019. *PAS Merdeka, Perjuangan dan Sumbangan*, Kuala Lumpur : Minda Fadhilat Gemilang Resources, hal. 76 – 79. Lihat juga dalam Utusan Zaman, 27 Mac 1955.

²⁴² Ramlah Adam. 1992. *Dato' Onn Jaafar pengasas Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, hal. 319. Dalam kongres Pemuda Melayu ini, selain Dr Abbas Alias, PAS juga turut diwakili oleh Ustaz Hassan Adli, Profesor Dr Zulkifli Mohamad dan Ustaz Zabidi Ali, lihat dalam Mohd Fadli Ghani, *op. cit*, hal. 77

Melayu dan nama negara mestilah dipanggil negara Melayu, menolak prinsip kerakyatan secara jus soli, hak orang Melayu dalam sector ekonomi, penubuhan jawatan Menteri yang menjaga hal ehwal Islam, menggesa untuk menubuhkan sebuah skim perlindungan dan pembangunan tanah khusus untuk orang Melayu²⁴³. Manakala gesaan PAS dalam bidang pendidikan untuk orang Melayu pula adalah untuk mewujudkan sistem persekolah Melayu dan Agama Islam yang ditanggung sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam setiap negeri dalam Persekutuan nanti.²⁴⁴

Impak daripada Kongres Pemuda Melayu ini, PAS telah menyertai Pilihan Raya Umum Pertama di Tanah Melayu pada tahun 1955. Bahkan lebih awal daripada itu, PAS telah pun mengambil ketetapan untuk menyertai Pilihan Raya Umum Pertama ketika diadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ketiga di Madrasah al-Tahzib al-Diniah, Titi Serong, Parit Buntar, Perak, pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954, mesyuarat agung tahunan yang pertama kalinya menyaksikan ucapan dasar Dr Abbas Alias selaku Yang dipertua PAS Kedua dibacakan oleh Setiausaha Agung PAS, Ahmad Awang, sebagai mewakili Pemangku Yang Dipertua Agung PAS.²⁴⁵ Selaras dengan

²⁴³ Salah satu aspek penting dalam perjuangan Dr Abbas Alias adalah memastikan bahawa orang Melayu memperoleh keadilan dalam hal kepemilikan dan pentadbiran tanah. Dr. Haji Abbas berusaha untuk meningkatkan akses orang Melayu kepada tanah dan memberikan perlindungan terhadap hak-hak tanah mereka. Beliau juga mendorong pembangunan ekonomi masyarakat Melayu melalui pengembangan sektor pertanian dan peningkatan taraf hidup. Implikasi kepada gesaan Dr Abbas Alias ini yang membawa kepada penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) setahun selepas berakhirnya Pilihan Raya Umum tahun 1955, yang membuka peluang kepada orang Melayu untuk memiliki tanah pertanian dan rumah untuk didiami. Lihat dalam Omar, A., & Kamarudin, K. (2017), *Penghormatan Tuan Haji Abbas Alias*, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, hal. 10.

²⁴⁴ Memorandum atau Usul Pendidikan Melayu ini dikemukakan oleh Profesor Dr Zulkifli Mohamad merangkap wakil Kolej Islam Malaya, selain menubuhkan sebuah Lembaga Pengembangan Agama Islam bagi menubuh dan mengawal sekolah-sekolah agama Islam ini, beliau juga turut menggesa untuk menegakkan Kembali semangat dan cita-cita Kebangsaan Melayu yang bertujuan untuk menyedarkan orang Melayu untuk turut sama menyertai proses mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Lihat dalam Modh Fadli Ghani (20160, op. cit, hal. 372 dan lihat juga dalam Straits Times, April. 11, 1955

²⁴⁵ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954, hlm. 5. Dr Abbas Alias ketika itu berada di Mekah kerana terlibat sebagai Pegawai Perubatan Jemaah Haji Tanah Melayu, lihat dalam Kamarul Zaman Yusof, PAS dalam era Kepimpinan Ulama', 1982-2004, tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, hal. 44.

kedudukan PAS sebagai sebuah parti politik hanya diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaya pada 31 Mei 1955.²⁴⁶

Dalam penyertaan Pilihan Raya Umum Kali Pertama di Tanah Melayu, PAS telah menetapkan lambing “tangan terbuka” simbolik lima jari yang membawa signifikan kepada lima rukun Islam. Sementara itu, manifesto PAS pula dikenali sebagai “Manifesto Persatuan Islam Se-Malaya” yang mengandungi lima janji iaitu Pembaharuan Politik (*Islah Siyasah*), *Al Iktisad* (Ekonomi), ketenteraan, pendidikan dan kebajikan. Manifesto ini dilancarkan pada 30 April 1955.²⁴⁷ Menurut Kamarul Zaman Yusof (2013), selain daripada lima janji PAS dalam manifesto parti itu untuk Pilihan Raya Umum kali pertama, terdapat beberapa lagi janji PAS iaitu berkaitan dengan kedudukan Raja-Raja Melayu, pemilihan Ahli-Ahli Majlis Persekutuan untuk semua peringkat Negeri, peringkat Jajahan, Kawasan-kawasan Selat dan Kawasan Bandaran mestilah dipilih oleh rakyat. Selain itu juga, antara lain janji dalam manifesto PAS ialah mengenai kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Persekutuan yang diamalkan dalam semua peringkat Persekutuan, hak kewarganegaraan mestilah satu sahaja untuk setiap rakyat, hak dan kebebasan beragama termasuklah juga hak asasi manusia, berusaha untuk memerdekakan Tanah Melayu dengan secepat yang mungkin dan terakhir sekali ialah memastikan perlaksanaan perundangan Islam di dalam masyarakat dan negara.²⁴⁸ Janji-janji dalam manifesto ini menunjukkan PAS

²⁴⁶ Surat Pemangku Setiausaha Agung PAS, Muhammad Hashim, kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PAS Daerah dan Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 9 Jun 1955 bertajuk “Sijil Pendaftaran Persatuan Islam Se-Malaya”, hal. 2.

²⁴⁷ Manifesto Persatuan Islam SeMalaya dalam Pilihan Raya Umum kali Pertama (1955), hal. 1

²⁴⁸ Kamarul Zaman Yusof. 2013. *PAS dalam era kepimpinan Ulama’ 1982-2004*, tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial : Universiti Malaya, hal. 44-45

sudah membuktikan komitmen parti itu untuk berkhidmat kepada rakyat dan Tanah Melayu dan sudah pastinya ia merupakan hasrat PAS²⁴⁹ sebagaimana yang termaktub dalam manisfesto iaitu,

PAS berikhtiar bersungguh-sungguh bagi mencapai kemerdekaan Malaya dengan secepat mungkin dan berikhtiar bersungguh-sungguh supaya peraturan-peraturan Islam dapat dijalankan dalam masyarakat dan urusan pentadbiran negara.

Manifesto PAS (1955)

Walaupun PAS hanya memenangi satu kerusi Majlis Persekutuan daripada sebelas kerusi yang dipertandingkan oleh PAS iaitu kawasan Krian, Perak oleh Tuan Guru Haji Ahmad Bin Tuan Hussin dan satu kerusi Majlis Negeri daripada dua puluh kerusi yang ditandingi oleh PAS iaitu Kawasan Krian Barat, Perak yang dimenangi oleh Mohd Kamal Ahmad.²⁵⁰

Pasca Pilihan Raya Umum Tanah Melayu kali pertama, ketika diadakan Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali keempat di Madrasah Al Ahmadiyah, Bunut Payong, Kota Bharu Kelantan, PAS telah mengambil 7 ketetapan dalam mesyuarat tersebut ; Pertama, semua ahli PAS tidak dibenarkan menjadi ahli dalam mana-mana parti politik lain sekaligus menyaksikan PAS dan UMNO tidak lagi mempunyai hubungan. Kedua, menyimpulkan ucapan dasar Yang dipertua PAS Kedua, Dr Abbas Alias dalam urusan kemerdekaan Tanah Melayu mestilah merdeka sebelum tahun 1959²⁵¹. Ketiga, Bangsa Melayu mestilah menjadi bangsa yang merdeka. Keempat,

²⁴⁹ Mohd Fadli Ghani. 2019. op. cit, hal. 82

²⁵⁰ Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya, hal. 69. Tuan Guru Haji Ahmad Hussain, berjaya memperolehi 8,685 undi, dan mengalahkan calon Perikatan, Sulaiman Ahmad, yang memperolehi 8,235 undi, manakala Mohamed Jan Ngah Mohamed dari Persatuan Kebangsaan Perak mendapat 3,315 untuk sekaligus menyaksikan PAS menang dengan majoriti 450 undi. Lihat juga dalam Penyata Tahunan PAS 1954/1955, hal. 22.

²⁵¹ Lihat dalam Kamarul Zaman Yusof. 2013. op. cit, hal. 46 menjelaskan tidak diketahui apakah faktor sebenar yang mendorong PAS menetapkan tahun 1959 sebagai tarikh akhir kemerdekaan negara, namun begitu menurut Dr William K Braun pernah menyatakan bahawa “true to his campaign promises,

Bahasa Melayu hendaklah menjadi Bahasa rasmi tunggal dalam Persekutuan. Kelima, tidak mengabaikan hak dan kedaulatan bangsa Melayu. Keenam, ajaran Islam mestilah berlandaskan kepada Al Quran dan Al Sunnah serta menjadi panduan dalam pentadbiran Persekutuan dan ketujuh, PAS menyokong untuk menghapuskan jawatan Penasihat British²⁵² setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.²⁵³ Keseluruhan ketetapan ini adalah pendirian PAS dalam soal menjaga dan memelihara kehormatan bangsa Melayu dan pendirian ini telah dinyatakan kepada ahli rombongan kemerdekaan Tanah Melayu ke London pada awal 1956 yang diketuai oleh Ketua Menteri Tanah Melayu ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putra.²⁵⁴

Tidak lama selepas kepulangan Rombongan Kemerdekaan pada 20 Februari 1956²⁵⁵, pihak pentadbiran British telah membentuk sebuah jawatankuasa penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang dikenali sebagai

(Tengku Abdul) Rahman (Putra), at his first press conference after the (1955 general) election, promised to work for independence by 1959” (William K Braun, *The Introduction of Representative Institutions into Malaya*, Tesis doktor falsafah, University of Cincinnati, 1956, hal. 75- 76). Amat Johari Moain juga turut menyatakan bahawa salah satu daripada lapan “perkara penting” yang dikemukakan oleh Manifesto Perikatan di dalam Pilihan Raya Umum 1955 ini ialah “kemerdekaan dalam masa empat tahun” (Amat Johari Moain (1969), *Sejarah Nasionalisma MAPHILINDO*, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu, hal., 235).

²⁵² Teks ucapan dasar Dr Abbas Alias di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955, hal. 3-4.

²⁵³ Penyata Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955, hlm 10.

²⁵⁴ Rombongan Kemerdekaan yang disertai oleh Tengku Abdul Rahman Putra, Dr Ismail Abdul Rahman, Abdul Razak Hussein, H S Lee, Datuk Panglima Bukit Gantang, Seth Mohd Sa'id, Abdul Aziz Abdul Majid dan Nik Ahmad Kamil Nik Mahmood, turut disertai oleh Abdul Kadir Shamsuddin dan Tan Tong Hye sebagai setiausaha. Lihat dalam Tan Tong Hye, *The Prince and I*, hal. 107, telah berangkat ke London pada 18 Januari 1956.

²⁵⁵ Kepulangan Rombongan Kemerdekaan amat bersejarah kerana perisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu buat pertama kalinya dibacakan oleh Tunku Abdul Rahman di Padang Merdeka, Bandar Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956. Menurut Kamarul Zaman Yusof. 2013. op.cit, hal. 47, menjelaskan Tunku Abdul Rahman telah mengisytiharkan kemerdekaan Tanah Melayu adalah pada 31 Ogos 1957 sejajar dengan surat perisytiharan yang ditandatangani oleh pihak British. Lihat juga dalam Tunku Abdul Rahman Putra. 1984. *Malaysia: The Road to Independence*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications Sdn Bhd, 1984, hal.150-151.

Suruhanjaya Reid, bagi menggubal perlembagaan persekutuan. Serentak dengan itu, PAS yang diketuai oleh Yang dipertua PAS Kedua, Dr Abbas Alias juga bertindak menubuhkan sebuah jawatankuasa politik PAS²⁵⁶ bagi membincangkan memorandum yang akan dihantar oleh PAS kepada suruhanjaya tersebut. Jawatankuasa Politik PAS ini diketuai oleh Dr Abbas Alias, Profesor Dr Zulkifli Mohamed, Tuan Guru Haji Ahmad Tuan Hussin, Ustaz Othman Abdullah dan Musi Ma Jinu. Jawatankuasa Politik PAS yang bersidang pada 13 dan 14 Januari 1956 mengambil pendirian untuk menyatakan lapan belas perkara dalam memorandum yang dihantar kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya dan sembilan orang Raja-Raja Melayu²⁵⁷ dan empat belas perkara lagi dihantar kepada Suruhanjaya Reid.²⁵⁸



²⁵⁶ Penubuhan Jawatankuasa Politik PAS ini adalah kerana PAS masih mempunyai beberapa perkara yang belum selesai ketika proses kemerdekaan Tanah Melayu sedang dilaksanakan khasnya dalam perkara yang berkait dengan kerakyatan. Pada ketika itu, pihak pentadbiran British berkeras mahu memberikan kerakyatan secara Jus Soli dan pihak UMNO-MCA-MIC pula bersetuju demi kemerdekaan Tanah Melayu dapat dicapai tanpa sebarang masalah. Lihat dalam Mohd Fadli Ghani. 2019. op.cit, hal. 85.

²⁵⁷ 18 Perkara yang terkandung dalam Memorandum PAS kepada Pesuruhjaya British dan Sembilan orang Raja-Raja Melayu adalah berkaitan soal pemberian taraf kerakyatan. PAS menyeru kepada Sembilan orang Raja-Raja Melayu supaya menolak prinsip kerakyatan secara Jus Soli ini. Memorandum ini dihantar pada 22 April 1956 atas faktor utama kerana orang Cina dan Indian mendesak supaya menerima kerakyatan secara Jus Soli dan PAS mahu orang Melayu khasnya membangkang tuntutan ini. Lihat dalam Peringatan Mesyuarat Agung PAS kali keempat, hal 13-14 dan Surat Setiausaha Jawatankuasa Politik PAS, Abdul Hamid Sharif, kepada anggota Jawatankuasa Agung PAS bertarikh 15 April 1956 bertajuk "Jus Soli", hal. 1. Surat Setiausaha Kerja Jawatankuasa Politik PAS Abdul Hamid Sharif menerangkan mengenai tuntutan orang Cina dan India yang pada ketika itu begitu agresif menggerakkan kempen kerakyatan secara Jus Soli dan beliau meminta supaya anggota Jawatankuasa Agung PAS untuk segera berbincang dan bertindak serta membangkang segala tuntutan ini.

²⁵⁸ PAS menghantar memorandum 14 perkara kepada Suruhanjaya Reid adalah berkait dengan tuntutan hak dan segala keistimewaan orang Melayu di Tanah Melayu termasuklah juga hak orang Melayu untuk berpolitik, penolakan prinsip kerakyatan Jus Soli, kebudayaan orang Melayu, Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi persekutuan meliputi pengamalannya dalam peringkat Kerajaan, parlimen dan mahkamah, soal kedaulatan Raja-Raja Melayu dan beberapa perkara berkaitan kerakyatan di negeri-negeri Selat. Lihat dalam Memorandum PAS Kepada Suruhanjaya Reid.

Tuntutan 14 perkara dalam memorandum PAS kepada Suruhanjaya Reid ini menegaskan pendirian PAS bahawa kedaulatan bangsa Melayu adalah bersifat mutlak, negara yang dibentuk selepas penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah adalah negara kebangsaan Melayu dengan meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi. PAS turut menolak kerakyatan secara Jus Soli, sekiranya seseorang individu selain bangsa Melayu ingin memiliki kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu mestilah tinggal di negara ini selama lebih kurang 15 tahun tanpa terputus sebelum dibolehkan memohon kerakyatan.²⁵⁹ Menurut Mohd Fadli Ghani (2019), pendirian PAS dalam memorandum kepada Suruhanjaya Reid jelas menunjukkan ketegasan PAS yang tidak mahu hak orang Melayu²⁶⁰ hilang begitu sahaja apabila mencapai kemerdekaan, begitu juga dengan menjadikan Islam sebagai agama rasmi menunjukkan PAS begitu terbuka dalam soal demokrasi apabila Malaya membentuk sistem Parlimen dan Kerajaan Persekutuan.²⁶¹

Walau bagaimanapun, pihak pentadbiran British telah menolak sebahagian besar perkara yang terdapat dalam memorandum PAS kepada Suruhanjaya Reid termasuklah dalam perkara yang melibatkan Islam sebagai agama rasmi sebaliknya cadangan dalam memorandum oleh Perikatan diterima oleh Suruhanjaya Reid

²⁵⁹ Tuntutan 14 Perkara dalam Memorandum PAS kepada Suruhanjaya Reid ini antaranya Perkara 2 yang menjelaskan hak dan kedaulatan negara ini adalah hak mutlak Melayu, bahasa rasmi mestilah Bahasa Melayu dan agama rasmi adalah Islam serta menolak kerakyatan secara Jus Soli terkandung dalam Perkara 5 dan Perkara 10.

²⁶⁰ PAS menegaskan soal hak Melayu adalah atas sifat ketuanan Melayu kerana Tanah Melayu selamanya kekal milik bangsa Melayu dari segi sejarah dan undang-undang. PAS mendesak supaya hak-hak Melayu dikekalkan sebagaimana dalam memorandum PAS kepada Suruhanjaya Reid. Namun, pihak Parti Perikatan yang menghantar memorandum hanya menyerahkan sepenuhnya kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi kepentingan Melayu sahaja, lihat dalam Memorandum Perikatan to Reid Constitutional Commission bertarikh 12 September 1956.

²⁶¹ Mohd Fadli Ghani. 2019. op. cit, hal. 86.

walaupun hanya sekadar meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan. Dua konotasi berbeza dalam isu Islam sebagai agama rasmi dengan Islam sebagai agama Persekutuan, implikasinya sangat besar.²⁶²

4.5 Kritikan nasionalisme Melayu Haji Ahmad Fuad Hasan dan Dr Abbas Alias

Haji Ahmad Fuad Hasan sebagai Yang Dipertua PAS (kini dikenali sebagai Presiden PAS) yang pertama dari tahun 1951 hingga 1953 dan Dr. Haji Abbas Alias yang juga Yang Dipertua PAS Kedua daripada tahun 1953 hingga 1955, mereka berdua memiliki visi untuk mempromosikan agenda nasionalisme Melayu dengan menggunakan platform PAS. Namun begitu, agenda ini juga menuai beberapa kritikan dan kontroversi di kalangan masyarakat Melayu dan bukan Melayu khasnya. Menurut Mohd Fadli Ghani (2019), beberapa kritikan terhadap agenda nasionalisme Melayu yang menjadi teras perjuangan Haji Ahmad Fuad Hasan dan Dr. Abbas Alias pada ketika itu antara lain:

Eksklusif Etnik (Keistimewaan Etnik): Kritikan ini ditujukan terhadap agenda nasionalisme Melayu yang ditonjolkan oleh Haji Ahmad Fuad Hasan dan Dr Abbas Alias adalah menunjukkan agenda ini mahu mengecilkan kelompok dan etnik lain di Tanah Melayu ketika itu. Konsep ini dipandang sebagai sesuatu merugikan dan tidak bersifat inklusif, lantaran menempatkan etnik atau bangsa Melayu sebagai kelompok yang lebih diutamakan (diberikan keistimewaan) sekaligus dengan mengabaikan hak-hak kelompok bangsa lain yang ketika itu adalah bangsa Cina dan India khususnya. Keistimewaan sesuatu etnik merujuk pada amalan atau dasar yang memberikan perlakuan istimewa atau keutamaan kepada satu kelompok etnik berbanding kelompok

²⁶² Mohd Fadli Ghani. 2019. op. cit, hal. 87

etnik yang lainnya. Dalam konteks politik Tanah Melayu ketika itu, keistimewaan etnik sering dikaitkan dengan agenda nasionalisme Melayu, yang menekankan identiti Melayu sebagai landasan utama untuk melahirkan kesatuan nasional dan mendorong dominasi politik, ekonomi, dan kebudayaan Melayu sebagai teras kepada kewujudan negara yang merdeka.

Kritik ini berasaskan kepada rasa kebimbangan antara lainnya jika negara ini (tanah Melayu) mencapai kemerdekaan mengikut garis perancangan oleh PAS, akan mengabaikan hak-hak dan kepentingan kelompok etnik lain di Tanah Melayu. Lantaran itu, ciri-ciri eksklusiviti etnik Melayu akan menyebabkan berlakunya pembezaan dan ketidaksetaraan dalam pengagihan kekayaan, dasar-dasar pendidikan, dan peluang kerja di negara ini.

Selain itu, konsep eksklusif etnik juga dianggap tidak bersifat inklusif kerana menafikan keberagaman etnik yang bersifat multikulturalisme yang merupakan keberadaan sosial di Tanah Melayu. Negara ini sebelum merdeka memiliki berbagai kelompok etnik seperti Cina, India, dan masyarakat pribumi lainnya yang turut mengembangkan sejarah, budaya, dan kontribusi penting bagi pembangunan sebuah negara yang dimerdekakan oleh penjajah Inggeris.

Selain itu, kritikan akan wujudnya partikularisme Etnik: Dalam kajian ini, pengkaji berpendapat agenda nasionalisme Melayu yang wujud dalam agenda perjuangan Haji Ahmad Fuad Hasan dan Dr Abbas Alias telah mewujudkan ciri-ciri partikularisme etnik (pengangkatan taraf sosial sesuatu kaum atau kelompok tertentu) di Tanah Melayu iaitu agenda untuk meninggikan taraf sesuatu kaum khasnya bangsa

Melayu berbanding kaum-kaum lain. Beliau dikritik kerana terlalu berfokus pada kepentingan bangsa Melayu, hal ini boleh menzahirkan ketegangan antara kelompok etnik di negara ini.²⁶³

Kritikan terhadap kebebasan Agama: Kritikan yang muncul semasa era kepimpinan Haji Ahmad Fuad Hasan dan Dr Abbas Alias adalah beranggapan agenda nasionalisme Melayu memiliki potensi untuk membawa pengaruh yang negatif terhadap kebebasan beragama di Tanah Melayu. Hal ini kerana tindakan yang diambil untuk memperkuat jati diri dan identiti Melayu dibimbangi boleh membatasi kebebasan beragama dan hak-hak kelompok agama lain. Kekhuatiran ini muncul setelah PAS mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali ketiga pada tahun 1954 ketika itu, PAS memperkuat agenda kepartian dengan mengadakan sesia Bia'ah. Dalam bai'ah²⁶⁴ tersebut menyatakan mengenai komitmen pemimpin dan ahli-ahli PAS untuk menegakkan cita-cita Islam berdasarkan kepada perlembagaan Pesatuan Islam Se-Malaya (PAS).²⁶⁵

Pemencilan kelompok Minoriti: Agenda nasionalisme Melayu ini juga telah dikritik kerana menyebabkan pemencilan kelompok minoriti di Tanah Melayu. Jika pendekatan nasionalisme Melayu diambil dengan tegas, kelompok minoriti seperti

²⁶³ Milner, A. C. 2008. Malay Nationalism Reconsidered. Dalam *Malay Nationalism, Identity, and the Malay Language*. Institute of Southeast Asian Studies.

²⁶⁴ Bai'ah yang dilafazkan oleh pemimpin dan hali-ahli PAS ketika itu adalah ; "*Bahawa sesungguhnya adalah kami semua dengan nama Allah Tuhan Yang Maha Pemurah dan Pengasih, mengaku demi atas kebenaran dan kesucian agama-Nya akan berjuang dan berusaha dengan segiat tenaga untuk meninggikn kalimah Allah dan menegakkan cita-cita Islam di tanah air kami yang tercinta, dengan ikhlas dan sedaya upaya dengan berpandukan perintah-perintah-Nya mengikut perlembagaan Persatuan Islam Se-Malaya*".

²⁶⁵ Lihat dalam Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali yang ketiga, bertarikh 12 hingga 14 Ogos, 1954, hal. 10.

Cina, India, dan etnik Bukan Melayu lainnya merasa terpinggir atau tidak diakui secara setara dengan bangsa Melayu. Pengabaian terhadap Kesejahteraan Sosial: Agenda nasionalisme Melayu mengabaikan sumbangan dalam mencapai kesejahteraan sosial yang lebih luas. Fokus yang terlalu kuat pada nasionalisme Melayu dapat mengurangi pentingnya keadilan sosial, kemakmuran ekonomi, dan kesetaraan bagi semua rakyat di Tanah Melayu ketika itu. Begitu juga dengan kritikan terhadap sikap konservatif pemimpin PAS terhadap modernisasi: Beberapa ahli akademik mengkritik nasionalisme Melayu Haji Ahmad Fuad Hasan dan Dr Abbas Alias dengan berpendapat bahawa mereka mengambil sikap yang konservatif terhadap modernisasi selepas Malaya mencapai kemerdekaan. Kritikan ini berfokus pada penolakan atas beberapa aspek modernisasi, termasuk hak-hak wanita dan perubahan sosial yang dianggap bertentangan dengan nilai-nilai tradisional.²⁶⁶

4.6 Perkembangan nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Dr Burhanuddin Al-Helmi, 1956-1965

Dr Burhanuddin Al-Helmi mula menerajui PAS sebagai Yang Dipertua PAS Ketiga bagi menggantikan Dr Haji Abbas Alias dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali kelima di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur yang diadakan pada 23 hingga 25 Disember 1956. Semasa diadakan Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali

²⁶⁶ Menurut Mohd Fadli Ghani kritikan-kritikan terhadap nasionalisme Melayu yang diperjuangkan oleh Tuan Guru Haji Ahmad Fuad Hasan dan Dr Haji Abbas Alias hanyalah kritikan kecil dalam kalangan pemimpin UMNO dan kelompok sosialis dan liberal yang tidak yakin dengan kemampuan PAS untuk kekal relevan sebagai sebuah parti politik Melayu. Lihat juga dalam Mohd Fadli Ghani. 2019. *PAS Merdeka : Perjuangan dan Sumbangan*, Kuala Lumpur : Minda Fadhilat Gemilang Resources, hal. 95. Beliau menjelaskan bahawa PAS terlebih dahulu mengisi kemerdekaan Tanah Melayu selepas pengharaman Hizbul Al Muslimin di bawah ordinan darurat 1948 oleh British. Pengharaman Hizbul Al Muslimin memberikan peluang kepada para pemimpinnya untuk menyertai PAS. Perjuangan PAS semakin melebar apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya apabila PAS semakin konsisten dengan dasar parti untuk menegakkan sebuah negara Islam sebagaimana yang ditetapkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali ketiga pada tahun 1954 disebalik kritikan-kritikan dan ancaman oleh pihak-pihak yang memusuhi PAS.

kelima, Dr Burhanuddin Al-Helmi telah dilantik sebagai Yang Dipertua PAS yang ketiga selepas memenangi jawatan tersebut daripada lawannya iaitu Dr Zulkifli Muhammad.²⁶⁷ Sejurus selepas memenangi jawatan tersebut, Dr Burhanuddin Al-Helmi menggarap semula situasi yang berlaku dalam PAS iaitu menyatukan kembali saf kepimpinan PAS yang bergolak semasa era Haji Ahmad Fuad Hasan dan Dr Haji Abbas Alias²⁶⁸, menyusun semula strategi politik PAS dan menegaskan hala tuju agenda politik Melayu melalui PAS. Dalam memastikan agenda penyatuan semula saf kepimpinan PAS yang bergolak ketika itu, Dr Burhanuddin Al-Helmi menggunakan strategi serampang dua mata ; Strategi Pertama, mengangkat martabat orang Melayu dengan wasilah politik Islam dan strategi kedua, mengangkat nasionalisme Melayu

²⁶⁷ Semasa diadakan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali kelima pada 23, 24 dan 25 Disember 1956, jawatan tertinggi PAS dipertandingkan. Jawatan Yang di-Pertua PAS dimenangi oleh Dr Burhanuddin Al-Helmi yang mendapat 84 Undi Perwakilan Cawangan manakala Dr Zulkiflee Muhammad pula memperolehi sebanyak 12 undi Perwakilan Cawangan. Sehubungan dengan itu, jawatan Yang di-Pertua PAS disandang oleh Dr Burhanuddin Al-Helmi dan jawatan Timbalan Yang di-Pertua PAS disandang oleh Dr Zulkiflee Muhammad yang mendapat undi sebanyak 67 Undi Perwakilan Cawangan sekaligus mengalahkan pencabar beliau iaitu Ustaz Abu Samah Ali mendapat 12 undi, Ustaz Mohd Asri Muda juga mendapat 12 undi dan Ustaz Abdul Wahab Mohd Nor mendapat 4 undi. Dicitat dalam Penyata Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali kelima, hal. 7, Bil. 1. Lihat juga dalam Kamarul Zaman Yusof. 2013. *PAS dalam Era Kepimpinan Ulama'' : 1982-2004*, Kuala Lumpur : Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, hal. 50-51

²⁶⁸ Krisis yang berlaku dalam PAS semasa era kepimpinan Haji Ahmad Fuad Hasan ialah sikap dan pendirian yang diambil oleh Haji Ahmad Fuad Hasan untuk keluar daripada PAS kerana kegagalan PAS untuk menyertai Konferens Nasional tajaan Dato' Onn Jaafar, selain itu juga, kegagalan Haji Ahmad Fuad Hasan untuk menangani isu-isu politik yang mengancam survival politik orang Melayu seperti isu Jus Soli berkait dengan status kewarganegaraan orang Bukan Melayu, lihat dalam Alias Mohamed (1979), *Akar dan asas-asas perjuangan politik Parti Islam Se-Malaysia (PAS) 25 Tahun : Nasionalism, Sosialism dan Islam*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, hal. 23. Akibat daripada krisis kepimpinan yang berlaku semasa era Haji Ahmad Fuad Hasan, ia berlarutan sehingga ke era kepimpinan Dr Haji Abbas Alias. Hal ini kerana PAS pada ketika itu sangat kritikal diserang oleh pemimpin Parti Perikatan khususnya semasa diadakan Pilihanraya Majlis Undangan Persekutuan 1955. Pemimpin Perikatan yang paling lantang mengkritik PAS ialah Haji Sulaiman Palestin, Calon Perikatan bagi kawasan Kerian (Krian). Beliau mengatakan wakil PAS tidak sesuai untuk menyertai Majlis Undangan Persekutuan kerana ia bukan tempat yang sesuai untuk membaca doa nasi kunyit (ucapan sinis dengan mengaitkan budaya masyarakat Melayu yang sering mengadakan majlis keagamaan yang diakhiri dengan jamuan nasi kuning, pulut kuning), bahkan beliau turut menempelak calon PAS kawasan Kerian yang tidak fasih berbahasa Inggeris, dengan merujuk keadaan Tuan Guru Haji Ahmad Tuan Hussin yang tidak fasih berbahasa Inggeris. Namun keputusan pilihanraya bagi Kawasan Kerian dimenangi oleh calon PAS sekaligus menyaksikan satu-satunya calon tunggal PAS ke Majlis Undangan Persekutuan. Lihat dalam Mohd Fadli Ghan. 2019. dan keratan akhbar Warta Negara, 4 Julai 1955, hal. 4

dengan lebih agresif²⁶⁹. Hal ini kerana, Dr Burhanuddin Al-Helmi mahu memperbetulkan semula gaya kepimpinannya yang sebelum ini beliau memimpin Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Perubahan gaya kepimpinan Dr Burhanuddin Al-Helmi ini merupakan *volte-face* iaitu menukar haluan pemikiran daripada pemikiran radikal berhaluan kiri kepada berhaluan kanan. Serentak dengan itu, Dr Burhanuddin Al-Helmi yang dahulunya berkecenderungan memisahkan agama dengan politik, namun selepas penyertaannya dalam PAS, beliau menjadikan dasar Islam sebagai dasar politik yang paling penting seiringan dengan agenda kebangsaan Melayu (nasionalisme Melayu) sekaligus menjadi objektif dan status quo perjuangan beliau.²⁷⁰ Agenda nasionalisme Melayu Dr Burhanuddin Al-Helmi bermula apabila beliau menyampaikan ucapan penggulungan dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali kelima²⁷¹, beliau menegaskan bahawa PAS merupakan *partai* (parti) Islam dan parti nasionalis yang mampu untuk menjalinkan kerjasama politik dengan parti-parti nasionalis yang lain serta parti sosialis²⁷² dengan tujuan serta objektif yang jelas iaitu untuk memerdekakan Tanah Melayu ini daripada penjajahan British. Menurut beliau lagi, perjuangan politik PAS adalah menegakkan sebuah negara merdeka yang bersifat nasional dan berdaulat.

²⁶⁹ Milne & Diane K. Mauzy. 1978. *Politics and Government in Malaysia*, Kuala Lumpur : Federal Publications, hal. 25-27. Lihat juga dalam Alias Mohamed (1979), *ibid*, hal. 21-23.

²⁷⁰ Alias Mohamed (1979), *ibid*, hal. 24.

²⁷¹ Ucapan penggulungan Dr Burhanuddin Al-Helmi seurus dilantik sebagai Yang di-Pertua PAS yang ketika dalam pemilihan parti itu dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali kelima di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur pada 23,24 dan 25 Disember 1956. Ucapan penggulungan (tanpa tajuk) tersebut menjelaskan agenda-agenda politik dan pendirian beliau dalam memimpin PAS sebagai Yang di-Pertua PAS.

²⁷² Dalam ucapan penggulungan Dr Burhanuddin Al-Helmi yang menjelaskan kerjasama politik PAS dengan parti-parti politik yang beraneka ideologi dan pegangan politik, tidak menjadi halangan kepada PAS kerana menurut Dr Burhanuddin Al-Helmi, kesatuan parti-parti politik yang wujud di Tanah Melayu ketika itu adalah mempunyai asas dan dasar perjuangan yang sama iaitu usaha untuk memerdekakan negara daripada penjajahan British. Dr Burhanuddin Al-Helmi (1956), *ibid*, hal. 2.

Agenda nasionalisme Melayu dalam PAS adalah lebih luhur dan suci hati berbanding partai politik nasionalis Melayu yang lainnya kerana sifat nasionalisme Melayu yang diperjuangkan PAS adalah didasari dengan nilai-nilai keislaman dan ia merupakan alat (wasilah politik) untuk menegakkan kemerdekaan dalam masyarakat (orang Melayu).²⁷³ Dapatan temu bual secara konsisten menunjukkan bahawa kepimpinan PAS tidak melihat nasionalisme Melayu sebagai sebuah ideologi yang bercanggah secara mutlak dengan Islam. Sebaliknya, ia dilihat sebagai satu wasilah atau instrumen perjuangan yang realistik dan kontekstual, selagi mana ia tidak melanggar prinsip-prinsip asas akidah dan syariah. Perspektif ini diperjelaskan oleh Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang yang menegaskan bahawa hubungan erat antara Islam dan Melayu telah menjadikan perjuangan membela bangsa Melayu sebagai sebahagian daripada tanggungjawab keagamaan. Beliau merujuk kepada sejarah awal penubuhan PAS, di mana titik tolak penyatuan antara PAS dan Parti Negara pimpinan Dato' Onn Ja'afar adalah untuk menentang pelaksanaan *jus soli* oleh British, yang dilihat sebagai ancaman kepada kedudukan orang Melayu Islam. Dalam konteks ini, wujud perbezaan pendekatan: Dato' Onn menekankan kebangsaan Melayu, manakala Dr. Burhanuddin al-Helmi, seorang tokoh utama PAS, menekankan bahawa Islamlah yang seharusnya memimpin perjuangan orang Melayu. Menurut Tuan Guru Haji Abdul Hadi, oleh kerana "hubungan Melayu dengan Islam begitu rapat maka tidak dapat berpisah dan boleh bergabung".²⁷⁴ Untuk memastikan pegangan politik Dr Burhanuddin Al-Helmi dalam mengembangkan nasionalisme Melayu (kebangsaan Melayu), pada awal era

²⁷³ Ucapan penggulungan beliau dalam menjelaskan pendirian politiknya turut mengkritik secara sinis agenda politik Melayu yang diperjuangkan oleh UMNO. Dr Burhanuddin Al-Helmi. 1956. *ibid*, hal. 2. Lihat dalam Kamarul Zaman Yusof. 2013. *PAS dalam era kepimpinan Ulama''*, Kuala Lumpur : Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Tesis PhD, hal. 50.

²⁷⁴ Awang, A. H. (2019, December 29). *Perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS), 1951-2021* (N. A. Abdul Manan, Interviewer) [Personal communication].

keimpinannya, Dr Burhanuddin Al-Helmi lebih memberikan fokus kepada usaha untuk memerdekakan Tanah Melayu, khasnya dalam penetapan tarikh kemerdekaan mestilah sebelum 31 Ogos 1957 dan memastikan kemerdekaan yang dicapai itu mestilah kemerdekaan yang solid²⁷⁵. Sementara itu, perjuangan Dr Burhanuddin Al-Helmi diteruskan dalam memastikan hak-hak orang Melayu dinyatakan dengan jelas dan terang dalam Perlembagaan Persekutuan yang dirangka oleh Suruhanjaya Reid. Namun begitu, keseluruhan 18 perkara yang dibawa oleh PAS kepada jawatankuasa Suruhanjaya Reid telah ditolak sepenuhnya telah menyebabkan Dr Burhanuddin Al-Helmi mengkritik dengan keras pendirian jawatankuasa Reid tersebut. Menurut Dr Burhanuddin Al-Helmi, Penyata Reid yang telah diterbitkan disifatkan sebagai penyata yang penuh dengan kepalsuan dan bertujuan untuk menghapuskan hak-hak orang Melayu dalam pelbagai bidang khasnya ekonomi, pendidikan dan budaya orang Melayu.²⁷⁶ Beliau juga menyifatkan Penyata Reid tidak memenuhi aspirasi orang Melayu dan berlawanan dengan perkara-pekerja yang telah dinyatakan dalam Memorandum PAS kepada jawatankuasa Suruhanjaya Reid, apatah lagi penyata ini tidak menjamin kedaulatan dan kehormatan Institusi Raja-Raja Melayu sekaligus ia akan melenyapkan orang Melayu secara halus dan tidak sedar dari negara ini. Oleh itu, penyata Reid ini ditolak sepenuhnya oleh PAS.²⁷⁷

²⁷⁵ Dr Burhanuddin Al-Helmi (1956), *ibid*, hal. 3

²⁷⁶ *Warta Negara*, 22 Mac 1957, hal. 1. Turut mengmabil pendirian yang sama dengan Dr Burhanuddin Al-Helmi ialah Haji Ishak Muhammad atau lebih dikenali sebagai Pak Sako. Menurut Pak Sako, Penyata Reid yang telah diterbitkan dalam mendapatkan mandat Raja-Raja Melayu bagi membentuk sebagai sebuah perlembagaan Persekutuan adalah penyata yang sangat bahaya kerana ia bertujuan untuk menghapuskan orang Melayu. Lihat dalam *Warta Negara*, 21 Mac 1957, hal. 3. Bahkan Dato' Onn Jaafar yang mewakili Parti Negara juga mengkritik Penyata Reid dengan mengatakan penyata tersebut lebih bahaya daripada Malayan Union dan bertujuan untuk menghapuskan ketuanan orang Melayu di negara ini. Lihat juga dalam *Warta Negara*, 30 Mac 1957, hal. 5.

²⁷⁷ *Warta Negara*, 22 Mac 1957, hal. 1

Impak daripada kritikan keras Dr Burhanuddin Al-Helmi terhadap Penyata Reid tersebut turut memberikan justifikasi kepada ahli-ahli dan pemimpin UMNO peringkat bawahan. Menurut Mohd Fadli Ghani (2019), majoriti ahli dan pemimpin UMNO tidak bersetuju antaranya Pemuda UMNO Kota Bharu, Kelantan dan perwakilan UMNO Kedah, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan²⁷⁸ terhadap Penyata Reid tetapi terdapat juga diperingkat atasan UMNO yang bersetuju dan mahu melonggarkan hak-hak dan ketuanan orang Melayu di negara ini.²⁷⁹ Perjuangan untuk memastikan hak ketuanan Melayu oleh Dr Burhanuddin Al-Helmi bukanlah sesuatu yang bersifat baharu semasa beliau mula menjawat jawatan Yang Dipertua PAS ketiga tetapi telah terpancar sejak Dr Burhanuddin Al-Helmi aktif dalam gerakan PUTERA-AMCJA lagi dan pada ketika itu pula PUTERA-AMCJA telah menggubal sebuah perlembagaan yang dikenali sebagai Perlembagaan Rakyat (*The People Contitution of Malayan*)²⁸⁰ bagi tujuan menggantikan Malayan Union. Salah satu perkara yang digubal ialah konsep Kebangsaan Melayu dan hak ketuanan Melayu. Begitu juga ketika Dr Burhanuddin Al-Helmi bersama dalam Majlis Tertinggi Agama Islam SeMalaya (MATA) dan Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS) yang bertujuan untuk mengembangkan kebangsaan Melayu dalam konteks sosio-ekonomi

²⁷⁸ Pergerakan Pemuda UMNO Kota Bharu menyatakan bantahan terhadap penyata Reid selepas PAS menyatakan bantahan terhadap penyata tersebut. Terdapat beberapa perwakilan UMNO Kedah, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan bertindak keluar daripada Perhimpunan Agung Khas UMNO Malaya yang diadakan pada 28 Mac 1957. Lihat pada Surat Setiausaha UMNO Negeri Sembilan kepada Setiausaha Agung UMNO, Bil 2 dlm UMNO/N.S dan Surat Pemuda UMNO Negeri Sembilan bertarikh 12 Mac 1957.

²⁷⁹ Mohd Fadli Ghani. 2019. *ibid*, hal. 531. Lihat juga dalam *Warta Negara*, 24 Mac 1957, hal. 1.

²⁸⁰ Pada ketika itu, PUTERA-AMCJA telah mengadakan sebuah persidangan gabungan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dengan Pan-Malayan Council of Joint Action (AMCJA) di Kuala Lumpur pada 4-7 Julai 1947. Persidangan tersebut memfokuskan kepada hak untuk menjadi kewarnegaraan Tanah Melayu (Malaya), hak rakyat untuk mengamalkan prinsip demokrasi, perihai institusi Raja-Raja Melayu dan hak ketuanan dan kebangsaan Melayu. Lihat dalam *The Straits Times*, 9 Julai 1947.

orang Melayu dengan lebih meluas.²⁸¹ Dr. Burhanuddin Al-Helmi berpandangan penubuhan PEPERMAS mempunyai matlamat yang lebih mendalam untuk memajukan ekonomi orang Melayu antaranya menubuhkan sebuah Bank Kebangsaan Melayu (Mohamed Abdul Karim, 2017).²⁸² Namun begitu, usaha untuk menubuhkan Bank Kebangsaan Melayu²⁸³ gagal kerana mengalami kekurangan modal dan kelemahan kemahiran.²⁸⁴ Lantaran itu, perjuangan untuk menegakkan nasionalisme Melayu atau kebangsaan Melayu diteruskan dalam PAS apabila Dr. Burhanuddin Al-

²⁸¹ Sebuah persidangan yang dikenali sebagai Persidangan Ekonomi-Agama SeMalaya telah dianjurkan oleh Ustaz Abu Bakar Al-Baqir, Mudir Ma'ahad Al-Ihya Assyarif Gunung Semanggol, Perak yang berlangsung pada 22 sehingga 24 Mac 1947, iaitu 5 bulan lebih awal daripada Persidangan Gabungan PUTERA-AMCJA di Kuala Lumpur. Dr Burhanuddin Al-Helmi pada ketika itu, sudah bersuara mengenai tahap sosioekonomi orang Melayu yang terkebelakang berbanding kaum lain. Maka serentak dengan itu, resolusi yang diambil dalam persidangan ini ialah menubuhkan Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS) bagi tujuan meningkatkan ekonomi orang Melayu dan menubuhkan juga sebuah majlis bagi menyelaraskan hal ehwal agama Islam di seluruh Tanah Melayu yang dikenali sebagai Majlis Tertinggi Agama Islam SeMalaya (MATA). PEPRMAS diketuai oleh Yusof Abdul Rahman seorang ahli perniagaan dan Dato' Syed Omar juga seorang ahli perniagaan, manakala MATA pula diketuai oleh Ustaz Abu Bakar Al-Baqir. Lihat dalam Saliha Hj. Hassan (1986, 26-28 April), *Dr. Burhanuddin Al-Helmi 1911-1969*, Seminar Biografi Malaysia, Universiti Malaya : Kuala Lumpur, hal. 164-165.

²⁸² Menurut Mohamed Abdul Karim (2017), menyatakan “pada akhirnya, sukar untuk mengatakan dengan pasti sama ada atau tidak idea Dr. Burhanuddin Al-Helmi menjadi inspirasi untuk penubuhan Malay National Bank. Walau bagaimanapun, tidak ada keraguan bahawa beliau adalah seorang ahli ekonomi dan ahli politik Melayu yang terkemuka yang sangat prihatin dengan nasib ekonomi masyarakat Melayu. Ucapan beliau di Persidangan Ekonomi-Agama Se-Malaya di Gunung Semanggol adalah peristiwa penting dalam sejarah pembangunan ekonomi Melayu, dan mungkin ia telah membantu meletakkan asas untuk penubuhan Malay National Bank” (terjemahan). Lihat dalam Mohamed Abdul Karim (2017), *The Gunung Semanggol Malay Conference: A Turning Point in Malay Economic Development*, USM : Penerbit Universiti Sains Malaysia, hal. 106

²⁸³ Bank Kebangsaan Melayu pada awalnya merupakan hasil cetusan idea dalam Persidangan Ekonomi-Agama Se-Malaya pada Mac 1947. Bank ini mula ditubuhkan pada 12 Mei 1947 dan didaftarkan oleh Lee Keng Hong, Timbalan Pendaftar Syarikat Malayan Union, dua bulan selepas persidangan di Gunung Semanggol, Perak dan diasaskan oleh Maarof Zakaria. Bank Kebangsaan Melayu menyediakan produk seperti pinjaman, saham, keselamatan wang dan harta, bon, stok dan penyimpanan khas untuk orang Melayu. Bank ini menubuhkan cawangannya di Rembau, Kuala Pilah, Temerloh, Raub, Kemaman dan Muar. Mohd Aziz Ngah & Zulhilmi Hat (2015, April 9), Malay National Bank sempat bantu Melayu, Berita Harian: Kuala Lumpur.

²⁸⁴ Kegagalan Bank Kebangsaan Melayu pada ketika itu pihak bank telah menjual saham-sahamnya kepada orang Melayu dengan nilai 10 Dollar bagi 1 Unit, namun tidak mendapat sambutan kerana orang Melayu waktu itu berada dalam keadaan miskin tegar dan tidak mampu membeli saham dengan nilainya yang begitu tinggi, sudah pastinya Bank Kebangsaan Melayu (MNB) hanya mampu bertahan selama tujuh bulan sahaja. Lihat dalam Shahrudin Maa'ruf. 1988. *Malay ideas on Development: From feudal lord to Capitalist*, Singapura : Times Books International. Lihat juga dalam Saliha Hj Hassan (1986), *ibid*, hal. 165.

Helmi mengukuhkan semula struktur organisasi PAS dengan meletakkan asas perjuangan PAS sejajar dengan ketetapan yang diambil dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali ke-enam di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 24 sehingga 25 Ogos 1957. Dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali ke-enam ini, Dr. Burhanuddin Al-Helmi mengambil pendirian untuk memperkukuhkan organisasi PAS dan mengulangi pendirian PAS untuk mengisi kemerdekaan Malaya dengan sifat kebangsaan Melayu dan berikrar untuk mendirikan sebuah negara Islam di negara ini.²⁸⁵ Beliau mengulangi pendirian untuk memastikan PAS akan kekal bersifat kebangsaan Melayu bagi mengisi kemerdekaan Tanah Melayu sehinggalah tertegaknya sebuah negara Islam.²⁸⁶ Ucapan dasar Dr. Burhanuddin Al-Helmi ini diinterpretasikan dengan penyertaan PAS dalam pilihanraya Umum 1959²⁸⁷ walaupun



²⁸⁵ Kenyataan Dr. Burhanuddin Al-Helmi dijelaskan dalam ucapan beliau dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali ke-enam, *“belumkah dihitung telah merdeka dengan sepenuhnya melainkan setelah berjalan hukum-hukum Islam pada orang seorang, masyarakat dan negara, selagi umat Islam ini belum berpelembagaan dan menghukum bagaimana yang diturunkan Tuhan adalah mereka masih dipandang fasiq dan zalim”*. Lihat dalam teks ucapan dasar Dr Burhanuddin Al-Helmi di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-enam pada 24 dan 25 Ogos 1957 (tidak bertajuk), dalam Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-enama pada 24 dan 25 Ogos 1957, hal. 10.

²⁸⁶ Kenyataan Dr. Burhanuddin Al-Helmi tersebut ditegaskan dalam ucapan dasarnya di Mesyuarat Agung Tahunan PAS ke-enam dengan menyatakan, *“Saya dan PAS berisi, bersifat, (dengan) berbau kebangsaan Melayu dengan cita-cita Islam”*. Lihat dalam teks ucapan dasar Dr Burhanuddin Al-Helmi di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-enam pada 24 dan 25 Ogos 1957 (tidak bertajuk), dalam Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-enama pada 24 dan 25 Ogos 1957, hal. 9.

²⁸⁷ Penyertaan PAS dalam Pilihanraya Umum 1959 telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat yang telah bersidang pada 22 Mei 1958 telah memutuskan calon-calon PAS yang akan bertanding diperingkat Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Manakala Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat yang bersidang pada 30 Julai 1958 pula memutuskan simbol yang digunakan oleh calon-calon PAS semasa tempoh berkempen dalam Pilihanraya Umum 1959 iaitu simbol Bulan Bintang, perubahan daripada simbol tangan menggenggam, hal. . Seterusnya Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat yang bersidang pada 26 Februari 1959, mengemukakan usul kepada Jawatankuasa Kerja Pilihanraya PAS Pusat untuk PAS bertanding tidak kurang daripada 2/3 kerusi Dewan Rakyat untuk memudahkan PAS meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mencapai cita-cita PAS menegakkan sebuah negara Islam dan menggunakan hukum-hakam Islam. Dalam Penyata Tahunan PAS 1958/1958, hal. 3,4 dan 19.

PAS hanya memenangi 42²⁸⁸ kerusi Dewan Undangan Negeri di Kelantan, Terengganu dan Perak.²⁸⁹

Sepanjang Dr. Burhanuddin Al-Helmi memimpin PAS, beliau seringkali mengingatkan ahli dan pemimpin PAS yang lain berkenaan perjuangan kebangsaan Melayu dalam PAS. Dalam konteks kebudayaan Melayu, Dr. Burhanuddin Al-Helmi menekankan kepentingan ketuanan Melayu ditegakkan yang diucapkan olehnya dalam Kongres Kebangsaan Melayu Kedua yang diadakan tiga bulan sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya. Dalam kongres ini, Dr. Burhanuddin Al-Helmi menyatakan Islam dan orang Melayu merupakan dua entiti yang tidak boleh dipisahkan. Menurutnya lagi, orang Melayu disisi PAS merupakan modal perjuangan yang besar dan perlu dipertahankan hingga daya dan tenaga yang terakhir.²⁹⁰ Selain daripada mempertahankan Bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu dan taraf kerakyatan hanya berhak kepada orang Melayu sahaja setelah mencapai kemerdekaan, Dr. Burhanuddin Al-Helmi terus konsisten mempertahankan adat istiadat orang Melayu selagi tidak bercanggah dengan hukum-hukum Islam,

²⁸⁸ PAS telah meletakkan calon dalam Pilihanraya Umum 1959 di Dewan Undangan Negeri seramai 200 orang, namun kalah seramai 158 orang. Dalam Report on the Parliamentary and State Elections 1959, hal. 5, 9 dan 32 sehingga 50.

²⁸⁹ Dalam Report on the Parliamentary and State Elections menyatakan PAS memenangi 28 Kerusi DUN Kelantan, 13 kerusi DUN Terengganu dan 1 Kerusi DUN Perak.

²⁹⁰ Ucapan Dr. Burhanuddin Al-Helmi dalam Kongres Kebangsaan Melayu Kedua yang diadakan pada 4-7 Mei 1957 bertempat di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur, dengan penuh semangat Dr Burhanuddin Al-Helmi menjelaskan, *“kerana orang Melayu tuan punya negri ini pada keseluruhannya beragama Islam, maka PAS pun menekankan perjuangannya pada peringkat ini atas nama kebangsaan, atas nama orang Melayu. Jika kedudukan, taraf, hak atau kepentingan orang Melayu dalam negri ini dapat dipertahankan dan diselamatkan, maka itulah dengan sendirinya taraf serta kedudukan Islam dalam negri ini juga dapat dipertahankan dan diselamatkan, sebab(nya) Islam dan orang Melayu pada PAS adalah modal yang besar, bahkan terlalu besar, yang harus diperjuangkan dan dipertahankan, hingga daya dan tenaga yang pengabisan”*. Lihat dalam Suara Islam, 15 Mei 1957. Lihat juga dalam Mohd Fadli Ghani. 2019. *op. cit*, hal. 549 dan lihat juga dalam Kamarul Zaman Yusof (2013), *op. cit*, hal. 53. Lihat juga dalam Saliha Hj. Hasan (1986), *op. cit*, hal. 170-171

tanah-tanah orang Melayu dan kebebasan asasi orang Melayu dalam mengamalkan hak-hak dan keutamaan orang Melayu.²⁹¹

Obsesi Dr. Burhanuddin Al-Helmi terhadap perjuangan nasionalisme Melayu tidak terhenti semasa PAS menyertai Kongres Kebangsaan Melayu Kedua pada tahun 1957, perjuangan nasionalisme Melayu oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi merentasi batas sempadan negara apabila gagasan Melayu Raya mula mendapat tempat dalam agenda perjuangan Islam oleh PAS. Cetusan ini berlaku apabila PAS mengalami kekalahan yang mendukacitakan dalam siri Pilihan Raya Umum tahun 1959 dan PAS selama dua tahun pasca Pilihan Raya Umum 1959 itu telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang berlangsung selama tiga bermula 26 September 1961 bagi membincangkan gagasan Melayu Raya. Jawatankuasa Kerja Agung PAS telah memberikan tanggungjawab untuk menyediakan kertas kerja Gagasan Melayu Raya kepada Profesor Dr. Zulkifli Muhammad. Gagasan Melayu Raya ini sebenarnya telah memberikan satu nafas baharu kepada PAS selepas dua tahun mengalami kesuraman suhu politik. Serentak dengan itu, keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang bersidang pada 28 September 1961 membuat keputusan untuk mengadakan satu Mesyuarat Agung Khas PAS kali kedua bagi membincangkan agenda gagasan Melayu Raya. Mesyuarat Agung Khas kali kedua ini telah diadakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 15 Oktober 1961 yang dihoskan oleh Badan Perhubungan PAS Negeri Selangor.²⁹²

²⁹¹ Konsistensi Dr. Burhanuddin Al-Helmi dalam mempertahankan isi-isi dalam ketuanan Melayu melalui wadah politik PAS dapat dilihat ketika Kongres Kebangsaan Melayu kedua. Peringatan Kongres Kebangsaan Melayu Kedua 1957, hal. 8 dan 9.

²⁹² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 26,27 dan 28 September 1961, hal. 7, 21 dan 22

Objektif Dr. Burhanuddin Al-Helmi mengagaskan Melayu Raya adalah untuk menyatukan keseluruhan gugusan kepulauan Melayu menjadi satu entiti negara kesatuan setelah beratus tahun gugusan Kepulauan Melayu menjadi tanah jajahan Eropah. Lantaran itu, Dr. Burhanuddin Al-Helmi menegaskan bahawa gagasan Melayu Raya ini adalah aspirasi PAS kepada Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu untuk mengadakan segera rundingan dengan negara Indonesia dan Filipina bagi menubuhkan sebuah kesatuan negara Melayu Raya.²⁹³ Malah, lebih jauh lagi, Gagasan Melayu Raya cetusan Dr. Burhanuddin Al-Helmi ini mencakupi seluruh gugusan kepulauan Melayu iaitu Sarawak, Borneo Utara, Barunai (Brunei), Filipina, seluruh pulau-pulau Indonesia dengan syarat dengan jelas bahawa semua daerah-daerah dalam gugusan Kepulauan Melayu itu adalah menjadi hak orang-orang Melayu dari perkara undang-undang.²⁹⁴ Sehari selepas PAS mengadakan Mesyuarat Agung Khas PAS kali kedua pada 15 Oktober 1961, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu ketika itu Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan sebuah usul di Dewan Rakyat mengenai cadangan pengasasan Persekutuan Melayu yang mencakupi Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Berunai (Brunei), Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak. PAS melalui Ahli Dewan Rakyat dari Besut iaitu Dr. Burhanuddin Al-Helmi menyatakan usul tersebut bertentangan dengan pendirian rasmi PAS yang mahu mencantumkan juga Republik Indonesia dan Filipina sekaligus Ahli Parlimen Besut ketika itu mengusulkan untuk pindaan usul tersebut. PAS beralasan, penggabungan

²⁹³ Ucapan Dr. Burhanuddin Al-Helmi dalam menegaskan gagasan Melayu Raya ini dengan menyatakan, “Bahawa di dewan ini, (PAS) mengambil ketetapan oleh kerana Melayu Raya pada dasarnya adalah gugusan pulau-pulau Melayu, maka hendaklah dimasukkan di dalam Rancangan Melayu Raya itu, (hal demikian) termasuklah juga daerah-daerah Indonesia dan Filipina dan hendaklah Perdana Menteri membuat rundingan awal dengan pihak negara Indonesia dan Filipina bagi mewujudkan kesatuan Melayu Raya itu”.

²⁹⁴ Cadangan ini telah diluluskan setelah mendapat sokongan sebanyak 64 undi berbanding 6 undi menentang semasa diadakan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Kedua pada 15 Oktober 1961. Lihat dalam Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Kedua, 1961.

wilayah British untuk membentuk Persekutuan Melaysia sahaja akan merugikan bangsa Melayu kerana populasi rakyat British yang bukan Melayu sangat tinggi sehingga boleh meminggirkan bangsa Melayu di tanah air sendiri.²⁹⁵

Perbahasan Dr. Burhanuddin Al-Helmi diungkapkan dengan kenyataan berikut mengenai justifikasi kewujudan konsep Melayu Raya yang mencakupi seluruh kepulauan Melayu ; *“Sudah lama kita telah memperjuangkan cita-cita Melayu Raya ini, dalam kita memperjuangkan Melayu Raya ini tentulah perkataan Melayu Raya ini timbul daripada rekaan ahli-ahli perjuangan kebangsaan kita. Kalau kita tinjau kembali bahawa timbulnya perkataan Melayu Raya ini adalah nyata sekali, manakala kita tinjau, timbul hasrat-hasrat bangsa Melayu di Gugusan Pulau-pulau Melayu seluruhnya yang dijajah sama ada dijajah oleh mana-mana pihak sekali pun maka segala bangsa Melayu yang telah terjajah itu berniat sama dan berhasrat yang sama untuk membebaskan diri daripada sebarang penjajahan”*.²⁹⁶ Dato' Mustafa Ali turut menyokong pandangan Dr Burhanuddin Al-Helmi dengan menyatakan bahawa perjuangan untuk kemerdekaan, yang sering dilabel sebagai nasionalisme, pada hakikatnya adalah satu tuntutan Islam untuk membebaskan tanah air daripada penjajahan. Beliau menegaskan bahawa matlamat utama PAS sejak awal penubuhannya adalah untuk mengisi kemerdekaan tersebut dengan acuan Islam. Oleh itu, penekanan terhadap isu-isu kebangsaan Melayu seperti ekonomi dan pendidikan bukanlah satu bentuk *asabiyyah* (perkauman sempit), tetapi satu usaha untuk menaikkan taraf umat Islam di negara ini, yang kebetulannya adalah orang Melayu.²⁹⁷

²⁹⁵ Perbahasan Dr. Burhanuddin Al-Helmi dapat dilihat dalam Hansard Dewan Rakyat bertarikh 16 Oktober 1961 (DR-16101961), hal. 1631-1639.

²⁹⁶ Hansard Dewan Rakyat bertarikh 16 Oktober 1961, *ibid*, hal. 1632.

²⁹⁷ Ali, D. M. (2015, May 24). *Perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia PAS* (N. A. Abdul Manan, Interviewer) [Personal communication].

Jelaslah dalam perbahasan Dr. Burhanuddin Al-Helmi tersebut mengenai ketetapan PAS untuk menubuhkan satu negara Melayu Raya dengan semangat kebangsaan Melayu dan negara Melayu Raya ini diperintah oleh bangsa Melayu. Namun begitu, usul untuk meminda penyatuan negara Indonesia dan Filipina didalam Gagasan Melayu Raya ini telah ditolak oleh Speaker Dewan Rakyat, Dato' Haji Mohamed Noah Omar. Dr. Burhanuddin Al-Helmi dalam cubaan kedua untuk membawa usul Melayu Raya sebagai usul persendirian semasa Sidang Dewan Rakyat pada 2 Mei 1962 dan usul persendirian ini disokong oleh Hasan Adli Arshad (Ahli Parlimen Kuala Trengganu Utara), Mohamed Asri Muda (Ahli Parlimen Pasir Puteh) dan Tuan Haji Ahmad Abdullah (Ahli Parlimen Kota Bharu Hilir).

Namun begitu, usul persendirian Dr. Burhanuddin Al-Helmi ini telah ditempelak oleh Tuan Syed Ja'afar Hasan Albar (Ahli Parlimen Johor Tenggara) dengan menghujahkan bahawa konsep atau gagasan Melayu Raya yang diusulkan oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi adalah bercanggah dengan konsep atau gagasan Melayu yang dicadangkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang hanya menggabungkan Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Brunei (Brunei), Sarawak dan Borneo Utara (Sabah). Beliau turut menyatakan jika mahu menggabungkan Indonesia dan Filipina didalam Melayu Raya sudah pasti akan menimbulkan beberapa isu sensitif, seperti status agama (Agama) Islam, di Malaya Islam adalah agama yang dirasmikan, tidak seperti di Indonesia, begitu juga dengan sikap terhadap Parti Komunis, berbanding di Malaya, Parti Komunis diharamkan terus tetapi tidak di Indonesia, malah diterima didalam sistem politik negara tersebut. Begitu juga dengan perundangan, di Malaya masih mengekalkan undang-undang British tetapi di Indonesia menggunakan undang-undang Belanda. Persoalan yang timbul ialah, siapa

yang akan mengikuti siapa jika mengambil kira penggabungan Indonesia yang jumlah penduduknya lebih ramai berbanding di Malaya. Beliau turut mengaitkan jika perundangan, sistem perundangan mana yang perlu diikuti ?. Beliau menyimpulkan bahawa, salah faham konsep Melayu Raya yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu adalah berbeza dengan konsep Melayu Raya yang diusulkan oleh PAS yang boleh mempengaruhi aspek-aspek sensitif iaitu kedudukan agama Islam, Perundangan dan Ekonomi khususnya jika mengambil kira usul daripada PAS.²⁹⁸

Hujahan Ahli Parlimen Johor Tenggara ini telah dibidas oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi dengan mengatakan usul persendirian merupakan penegasan komitmen beliau iaitu tujuan akhir konsep Melayu Raya ini yang menyentuh mengenai pemeliharaan kedaulatan dan kehormatan negara-negara tersebut (Indonesia dan Filipina). Beliau juga turut menyatakan Melayu Raya yang diusulkan oleh PAS adalah meneguhkan peranan demokrasi yang sewajarnya dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Bahkan, Dr. Burhanuddin Al-Helmi turut mengaitkan pengalamannya dalam memperjuangkan gagasan Melayu Raya melalui karyanya yang bertajuk “Perjuangan Kita” dan “Falsafah Kebangsaan Melayu” yang membahaskan mengenai konsep sebenar Melayu Raya yang mencakupi kedaulatan dan kehormatan Bangsa Melayu yang mendiami gugusan Kepulauan Melayu.²⁹⁹ Penghujahan Dr. Burhanuddin Al-Helmi ini adalah berdasarkan kepada rundingan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu ketika itu Tunku Abdul Rahman tidak memenuhi erti kata sebenar menyatukan

²⁹⁸ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Laporan Rasmi. Vol. IV, No. 6, Rabu, 2 Mei 1962, kolum 699-705.

²⁹⁹ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Laporan Rasmi. Vol. IV, No. 6, Rabu, 2 Mei 1962, kolum 730-740.

kepulauan Melayu kerana Tunku Abdul Rahman hanya merundingkan penyatuan itu hanya melibatkan Semenanjung Tanah Melayu, Sarawak, Singapura, Brunei (Brunei) dan Borneo Utara sahaja. Hal inilah yang menyebabkan Dr. Burhanuddin Al-Helmi bertegas untuk membawa usul persendirian ini bagi mencakupi dan mencapai maksud Melayu Raya itu mestilah meliputi keseluruhan negeri-negeri dalam Gugusan Kepulauan Melayu (Indonesia dan Filipina).

Dapatan juga mendapati, kesan daripada usul persendirian ini menyebabkan dua perkara berlaku : Pertama, PAS dalam usul tergemparnya semasa Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962 telah mengusulkan mendesak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk meminda Perlembagaan Persekutuan mengenai hak-hak keistimewaan orang Melayu dikekalkan dan diberikan jaminan untuk selama-lamanya.³⁰⁰ Hujah menyokong yang dibuat oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi bagi menyokong usul Tuan Haji Hasan Adli bahawa orang Melayu memiliki Tanah Melayu. Dr Burhanuddin Al-Helmi berpendapat bahawa sejarah dan keturunan menunjukkan dengan jelas orang Melayu adalah pemilik negeri ini. Beliau menekankan bahawa tuntutan ini bukan tentang perkauman, tetapi tentang mengembalikan hak ketuanan kepada orang Melayu dengan merujuk kepada sejarah perjuangan orang Melayu untuk mempertahankan hak mereka daripada penjajah. Dalam hujahan tersebut, Dr. Burhanuddin Al-Helmi mengingatkan bahawa identiti bangsa dibentuk oleh sejarahnya, dan setiap bangsa mempunyai ciri dan keperibadian unik. Beliau memberi contoh negara lain, seperti Tanah Arab, Benua India, dan Tanah

³⁰⁰ Penyata Jawatankuasa Kerja PAS Pusat 1962'1963, hal. 8 dan 9 yang mengemukakan Usul yang menyatakan, "*bahawa Majlis ini memutuskan hendaklah dirakamkan dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu negeri Persekutuan Tanah Melayu ini hendaklah dipunyai oleh bangsa Melayu*". Lihat juga usul ini dibawa dan dinyatakan oleh Tuan Haji Hasan Adli (Ahli Parlimen Kuala Terengganu Utara) dalam Parliametary Debates, Dewan Rakyat, Official Report, Vol. IV, No. 14 Jumaat, 5 Oktober 1962, Col. 1515-1526. Hujahan menyokong usul ini pula dinyatakan oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi, *ibid*, Col. 1526-1541.

Besar China, yang masing-masing dimiliki oleh Bangsa Arab, India, dan China. Akibatnya, beliau menyatakan bahawa bangsa Melayu berhak atas Tanah Melayu dan bahawa keperibadian mereka mesti dipertahankan.

Dr Burhanuddin Al-Helmi juga berhujah tentang cara penjajah Inggeris cuba melemahkan orang Melayu dalam pelbagai cara, seperti politik, ekonomi, pendidikan dan pertahanan. Beliau menyatakan bahawa penjajah mencapai dan mengekalkan kuasa mereka dengan menggunakan pelbagai alat, termasuk tentera India, buruh asing, dan pemukim asing yang dibawa masuk ke Tanah Melayu atas dasar pecah dan perintah. Beliau menunjukkan bahawa orang Melayu telah berjuang untuk mengembalikan hak ketuanan mereka sejak lama dan bahawa penjajah Inggeris cuba memanipulasi orang lain untuk memberi tekanan kepada orang Melayu. Dr Burhanuddin Al-Helmi juga merujuk kepada peristiwa yang berlaku pada tahun 1930-an dan 1940-an, apabila orang Melayu mula menyedari betapa pentingnya untuk mempertahankan hak mereka dan mengukuhkan perasaan kebangsaan mereka (nasionalisme Melayu). Intipati akhir hujah menyokong usul ini, Dr. Burhanuddin Al-Helmi menunjukkan bahawa bangsa Melayu mempunyai tanahnya sendiri iaitu Tanah Melayu dan bahawa perjuangan untuk mengembalikan hak ketuanan mereka adalah penting untuk mengekalkan identiti dan keperibadian bangsa Melayu dalam negeri ini.³⁰¹

³⁰¹ *ibid*, Col. 1526-1541. Walaubagaimana pun, hanya Dr. Burhanuddin Al-Helmi sahaja yang berucap menyokong usul Ahli Parlimen Kuala Terengganu Utara ini dan Dewan Rakyat tidak menyambung semula hujahan seterusnya berkait isu Melayu Raya tajaan PAS.

Kedua, kesan daripada usul ini membawa kepada rentetan penentangan PAS dalam usaha Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ketika itu dalam menubuhkan gagasan Malaysia. Dr. Burhanuddin Al-Helmi dilihat sebagai penentang kerana beberapa kenyataan ucapannya semasa diadakan Perhimpunan Umum menentang penubuhan Malaysia anjuran parti-parti pembangkang di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 25 April 1963 seperti berikut, “*seterusnya memaksa PAS menentang pembentukan Malaysia disebabkan ia akan membahayakan kedudukan Bangsa Melayu, yang sedikit demi sedikit akan tenggalam didalam tanah airnya sendiri*”.³⁰² Implikasi besar daripada tindakan penentangan PAS terhadap gagasan Malaysia ini telah menyebabkan PAS mengalami kekalahan dalam Pilihan Raya Umum kali kedua yang diadakan pada 25 April 1964. PAS hanya memenangi sembilan kerusi Dewan Rakyat yang meliputi lapan kerusi di Kelantan dan satu di Terengganu berbanding keseluruhan 104 buah kerusi Dewan Rakyat yang dipertandingkan. Manakala di peringkat Dewan Undangan Negeri, PAS hanya memenangi 25 kerusi DUN yang meliputi 21 kerusi di DUN Kelantan, hanya 3 DUN di Terengganu dan 1 DUN di Perlis berbanding 158 kerusi DUN yang dipertandingkan di seluruh negara.³⁰³ Bahkan juga, para pemimpin PAS dianggap sebagai Pengkhianat kerana bekerjasama dengan Indonesia dalam melancarkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia ketika itu. Lantaran itu, Dr. Burhanuddin Al-Helmi telah hilang kelayakan untuk bertanding kerana disabitkan dengan satu kes yang dibicarakan di mahkamah. Menurut Saliha Haji Hasan (1972), tidak dijelaskan pendakwaan yang dikenakan ke atas Dr.

³⁰² Teks Ucapan Yang Dipertua Agung PAS, Dr. Burhanuddin Al-Helmi dalam Perhimpunan Umum parti-parti pembangkang di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada 25 April 1963, hal. 2.

³⁰³ Dieter Nohlen, F. G., Christof Hartmann. 2001. *Elections in Asia and the Pacific : A Data Handbook (Vol. Volume II: South East Asia, East Asia, and the South Pacific)*. Oxford: Oxford University Press. Lihat juga dalam K. J Ratnam & R. S Milne. 1969. *The Malayan Parliamentary Election of 1964*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, hal. 110-116.

Burhanuddin Al-Helmi tetapi beliau dikenakan denda sebanyak RM2,200 yang menyebabkan beliau hilang kelayakan untuk berbanding dalam pilihan raya 1964.³⁰⁴ Setahun selepas itu, Dr. Burhanuddin Al-Helmi telah dikenakan tahanan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana didakwa mempunyai prejudis terhadap keselamatan negara Malaysia dan kemudiannya dinafikan oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi dengan menyatakan pertuduhan berkenaan adalah tidak benar kerana beliau meletakkan keyakinan yang sangat benar dan bersih terhadap kesetiaannya kepada negara, bangsa dan agama.³⁰⁵ Ekoran penahanan Dr. Burhanuddin Al-Helmi dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 26 Januari 1965³⁰⁶ telah menoktahkan perjuangan nasionalisme Melayu Dr. Burhanuddin Al-Helmi didalam PAS atas konotasi penentangan beliau terhadap gagasan Melayu Raya yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra yang tidak menepati konsep sebenar gagasan tersebut dan penentangan beliau terhadap pembentukan Malaysia yang dianggap sebagai menggadaikan maruah bangsa Melayu untuk selama-lamanya.

³⁰⁴ Hasan, Saliha. H. 1972. *Dr Burhanuddin Al-Helmi: A Political Biography*. (Sarjana Muda Sastera (Sejarah)), University of Malaya, Kuala Lumpur, hal. 50. Lihat juga dalam Yusoff, Kamarul Zaman. (2013). *PAS Dalam Era Kepimpinan Ulama*", 1982-2004. (PhD Sejarah), Universiti Malaya, Kuala Lumpur. hal. 64.

³⁰⁵ Lihat dalam Surat Penasihat Undang-undang PAS, Wan Mustapha Ali kepada Pemangku Yang Dipertua PAS, Haji Mohamed Asri Muda, hal. 2 yang menjelaskan pertuduhan yang dikenakan ke atas Dr. Burhanuddin Al-Helmi. Lihat juga dalam Mohamad Muzammil Mohamad Nor (2011). *Burhanuddin Al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan*. (PhD Pemikiran Sejarah), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal. 427. Lihat juga Surat Dr. Burhanuddin Al-Helmi kepada Setiausaha Hal Ehwal Dalam Negeri bertarikh 31 Mei 1966, hal. 1.

³⁰⁶ "Statement on the Arrest of Two Prominent Leaders of the PMIP" ialah surat yang dihantar oleh Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 4 Februari 1965, hal.1.

4.7 Kritikan nasionalisme Melayu Dr. Burhanuddin Al-Helmi

Kritikan-kritikan yang dilontarkan kepada Dr. Burhanuddin Al-Helmi dalam konteks nasionalisme Melayu lebih berkisarkan mengenai ucapan beliau didalam Dewan Rakyat pada 2 Mei 1962 dan 5 Oktober 1962 yang berkait rapat dengan gagasan Melayu Raya dan gagasan Malaysia. Penghujahan beliau telah dijustifikasikan oleh ahli parlimen Perikatan iaitu Tuan Syed Ja'afar Hasan Albar yang membidas pendirian kebangsaan Melayu Dr. Burhanuddin Al-Helmi yang bersifat perkauman dan kekeliruan identiti, menurut Syed Ja'afar lagi bahawa perjuangan nasionalisme Melayu oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi telah menyebabkan perasaan bimbang, ragu, dan kekecewaan di kalangan bangsa bukan Melayu, serta menimbulkan kekeliruan identiti nasional. Malah, Dr. Burhanuddin Al-Helmi juga didakwa tidak memahami Gagasan Melayu Raya yang dicetuskan oleh Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu ketika itu dan membidas hujah Dr. Burhanuddin Al-Helmi sebagai sesuatu gagasan didukung oleh penjajah dan gagasan tersebut telah diperalatkan untuk kepentingan penjajah. Kritikan ini dibalas semula oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi dengan menekankan bahawa gagasan tersebut perlu disalurkan melalui fikiran yang sihat dan adil, tanpa membangkitkan perasaan perkauman atau permusuhan.³⁰⁷

³⁰⁷ *Ibid*, Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Official Report, Vol. IV, No. 14 Jumaat, 5 Oktober 1962, Col. 1515-1526. Hujahan menyokong usul ini pula dinyatakan oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi, *ibid*, Col. 1526-1541.

4.8 Perkembangan nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Dato' Mohd

Asri Muda, 1965 – 1982

Mohd Asri Muda mula memangku jawatan Yang Dipertua PAS pada 29 Januari 1965 selepas penahanan Dr. Burhanuddin Al-Helmi di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Pemangkuan ini berkuatkuasa selama hampir 5 tahun sehinggalah Mohd Asri Muda dilantik sebagai Yang Dipertua PAS ke-empat pada 5 November 1969. Ketika dalam tempoh memangku jawatan Yang Dipertua PAS ketika itu, Mohd Asri Muda meneruskan legasi kebangsaan atau nasionalisme Melayu yang dipelopori oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi menerusi ucapan dasar Pemangku Yang Dipertua PAS dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali ketiga belas bertarikh 20 dan 21 April 1965 bertempat di Dewan Zulkifli Muhammad, Pejabat PAS Kelantan, Kota Bharu. Ucapan dasar Mohd Asri Muda dapat dijustifikasikan dalam tiga ketetapan ; Pertama, memperjuangkan dasar PAS iaitu melaksanakan cita-cita Islam dalam masyarakat dan urusan negara. Kedua, memperjuangkan ketuanan Melayu dan ketiga, memurnikan semua kesan-kesan negatif yang dilakukan oleh media-media massa terhadap PAS yang dikaitkan dengan perjuangan PAS dalam mengembangkan ideologi kebangsaan Melayu yang terlalu ekstrem.³⁰⁸ Mohd Asri Muda menegaskan tiga perkara pokok ini dalam Kongres dan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Keempat belas di Dewan YMCA, Taiping Perak yang berlangsung pada 12 sehingga 14 Ogos 1966 dengan menegaskan tiga aspek dalam memperkukuhkan Islam dan orang Melayu dengan penjelasan berikut ; Pertama ; pentingnya mengukuhkan kedudukan orang Melayu yang berdaulat di tanah airnya sendiri. Interpretasi Mohd Asri Muda dalam konteks mengukuhkan kedudukan orang Melayu adalah mencakupi aspek politik

³⁰⁸ Lihat dalam teks Ucapan Dasar Pemangku Yang Dipertua Agung Persatuan Islam Se-Tanah Melayu dalam Pembukaan Kongres dan Mesyuarat Agung Tahunan ketiga belas di Kota Bharu, Kelantan.

Melayu, ekonomi Melayu dan kemasyarakatan Melayu. Menurut Mohd Asri Muda, mengukuhkan kedudukan orang Melayu itu mestilah dinaskan dan termaktub secara mutlak (absolute) dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu bahawa Tanah Melayu adalah hak milik bangsa Melayu.³⁰⁹ Kedua, soal keadilan sosial orang Melayu. PAS menentang idealisme “Malaysian Malaysia” yang diperkenalkan oleh Lim Kuan Yew dengan menyatakan konsep ini tidak dapat membuahkan keadilan sosial yang sebenar-benarnya untuk orang Melayu. Bahkan secara sinikal beliau mengkritik idealisme Malaysian Malaysia yang di dokong oleh Lee Kuan Yew dan Tunku Abdul Rahman ini ibarat idea yang menuju ke kuala (menjustikasikan idealisme ini menyebabkan masa depan yang gelap untuk bangsa Melayu di tanah air sendiri). Menurut Mohd Asri Muda lagi, keadilan sosial melalui agenda Malaysian Malaysia adalah satu perkosaan ke atas hak dan keadilan sosial bangsa Melayu seperti pepatah Melayu menyatakan “bagaikan mati beragan, ke bawah tidak berurat, ke atas tidak berpucuk, ditengah-tengah digerek kumbang”.³¹⁰ Ketiga dalam aspek kebudayaan dan pendidikan orang Melayu pada sisi Mohd Asri Muda, beliau menekankan kebudayaan nasional negara ini mestilah berteraskan kebudayaan Melayu yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Manakala aspek pendidikan, PAS bercita-cita untuk menubuhkan satu sistem pelajaran kebangsaan yang dapat mewujudkan satu bangsa yang kuat dengan cita-cita satu bahasa negara melalui satu sistem persekolahan dengan menggunakan bahasa pengantar Bahasa Melayu manakala bahasa asing boleh dipelajari sebagai satu mata pelajaran sahaja tidak lebih dan tidak kurang daripada

³⁰⁹ Lihat dalam teks Ucapan Dasar Pemangku Yang Dipertua Agung Persatuan Islam Se-Tanah Melayu dalam Pembukaan Kongres dan Mesyuarat Agung Tahunan keempat belas di Taiping Perak, hal. 1.

³¹⁰ Mohd Asri Muda memaksudkan peribahasa tersebut untuk menunjukkan idealisme Malaysian Malaysia itu menyebabkan hak orang Melayu tidak terjamin walaupun orang Melayu adalah majoriti penduduknya di Tanah Melayu kerana terpaksa berkongsi dengan hak bangsa bukan Melayu. Lihat dalam Lihat dalam teks Ucapan Dasar Pemangku Yang Dipertua Agung Persatuan Islam Se-Tanah Melayu dalam Pembukaan Kongres dan Mesyuarat Agung Tahunan keempat belas di Taiping Perak, hal. 7.

itu.³¹¹ Ketika mempertahankan prinsip Kebangsaan Melayu atau Nasionalisme Melayu Mohd Asri Muda dapat dilihat ketika beliau mempertahankan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.³¹² Beliau menyimpulkan bahawa kedudukan Bahasa Melayu itu sendiri sekaligus menjadikan Bahasa Inggeris kehilangan taraf sebagai bahasa rasmi sehingga 1 September 1967, gebap sepuluh tahun dari tarikh kemerdekaan. Serentak dengan itu, Bahasa Melayu satu-satunya menjadi bahasa rasmi dan tunggal bagi negara Malaysia. Beliau sekali lagi menjelaskan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan tidak menyentuh langsung bahasa-bahasa asing seperti Inggeris, Cina dan Tamil.³¹³ Mohd Asri Muda juga mengkritik tindakan Parti Perikatan yang mengusulkan satu rang undang-undang yang dikenali sebagai Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan berkait rapat mengenai penggunaan Bahasa Inggeris selepas sepuluh tahun genap dari tarikh kemerdekaan yang diusulkan pada 3 Mac 1967 yang menyaksikan penggunaan Bahasa Inggeris masih boleh terus digunakan dimana-mana Majlis Parlimen dan Dewan Undangan Negeri bagi segala maksud rasmi yang lain. Tindakan ini telah menyebabkan protes besar di kalangan pejuang Bahasa Melayu yang mengadakan aksi demonstrasi dengan mengusung keranda 152 simbolik kematian Bahasa Melayu.³¹⁴

³¹¹ *Ibid*, hal. 7

³¹² Teks Ucapan Pemangku Yang Dipertua PAS, Y.A.B Dato' Haji Mohd Asri Bin Haji Muda dalam Majlis Pembukaan Mesyuarat Agung PAS ke 15 dan 16, 19 April 1968, hal. 15-18.

³¹³ Point no. 29, Mohd Asri Muda mempertahankan satu-satunya bahasa rasmi yang digunakan dalam Persekutuan Tanah Melayu hanya Bahasa Melayu selepas sepuluh tahun genap selepas mencapai kemerdekaan bersamaan pada 1 September 1967.

³¹⁴ Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan ini diusulkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra dan disokong oleh Tuan Tan Siew Sin (Menteri Kewangan) dan Tan Sri V.T Sambanthan (Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom) pada 2 Mac 1967. Lihat dalam Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Official Report, Vol. III, No. 45, Khamis, 2 Mac 1967, Col. 5990-6020.

Menurut Mohd Asri Muda, tindakan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman membentangkan Akta ini dengan matlamat untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam pentadbiran dan institusi pendidikan negara dan menepati janji yang dibuat semasa perjuangan untuk kemerdekaan. Sebagai sebahagian daripada proses ini, akta ini juga membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dalam urusan rasmi seperti teks undang-undang, Parlimen dan DUN. Selain itu, tindakan Tunku Abdul Rahman ini secara langsung mengesahkan bahawa bahasa kaum lain boleh digunakan dalam urusan rasmi dan menetapkan bahawa undang-undang yang ditulis sebelum 1 September 1967 masih boleh ditulis dalam bahasa Inggeris.

Walau bagaimanapun, penerimaan Akta Bahasa Kebangsaan 1967 tidak mempunyai kesan positif yang ketara. Lantaran itu Mohd Asri Muda yang mewakili PAS, dengan keras menentang undang-undang ini kerana mereka melihatnya sebagai pengkhianatan kepada janji awal mereka untuk mendaulatkan bahasa Melayu sepenuhnya dalam tempoh sepuluh tahun selepas kemerdekaan. Beliau mengkritik keputusan untuk membenarkan bahasa Inggeris dan bahasa kaum lain digunakan dalam urusan rasmi sebagai langkah yang mengkhianati kemerdekaan dan kedaulatan bahasa Melayu. Mohd Asri Haji Muda, tidak lagi menyembunyikan perasaan marah beliau ketika membahaskan usul ini secara terbuka dan mengecam tindakan ini sebagai jenayah politik yang dilakukan oleh parti pemerintah pimpinan Tunku Abdul Rahman. Walaupun PAS membantah dengan keras, Akta Bahasa Kebangsaan 1967 akhirnya diluluskan dengan 95 undi menyokong dan 11 undi menentang.³¹⁵ Akta ini sebenarnya gagal menggabungkan beberapa aspek kritikal dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963.

³¹⁵ Deraman, Murni. 2014. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan: Satu perjuangan nasionalisme dari 1930 sehingga 1967. Kertas kerja dibentangkan dalam 23rd International Conference of Historians of Asia 2014, UUM Sintok, Kedah, hal. 1408-1433.

Akibatnya, PAS menyatakan ketidakpuasan hati mereka terhadap keputusan Dewan Rakyat dengan mengemukakan usul untuk menetapkan Melayu sebagai rupa bangsa bagi Malaysia. Kesan jangka panjang akta ini termasuk penghapusan tulisan Jawi daripada sistem pendidikan negara.³¹⁶

Mohd Asri Muda juga menunjukkan elemen-elemen nasionalisme Melayu dalam ucapan dasar Pemangku Yang Dipertua PAS, Mesyuarat Agung PAS ke-17 pada 18 Jun 1971 dengan menjelaskan identiti bangsa Malaysia dari perspektif PAS seharusnya dikenali sebagai satu bangsa yang mempunyai satu pandangan Islam sebagai cara hidup. Maka, bagi mencapai cita-cita PAS untuk menjadikan bangsa Malaysia dengan satu identiti Islam sebagai cara hidup adalah dengan menjadikan Islam sebagai Dasar Pelajaran sekaligus mewajibkan semua pelajar Islam dan Bukan Islam mempelajari mata pelajaran Islam sebagai mata pelajaran wajib.³¹⁷

Mohd Asri Muda juga semasa beucap di dalam Kongres PAS yang juga mengkritik pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk membangunkan taraf sosioekonomi orang Melayu dengan menyatakan bahawa, dasar tersebut akan melahirkan kapitalis kelas menengah Melayu yang menyebabkan Dasar Ekonomi Baru ini akan runtuh.³¹⁸ Malah kegagalan DEB ini turut menjadi intipati Mohd Asri Muda

³¹⁶ Lihat dalam Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Official Report, Vol. III, No. 45, Khamis, 2 Mac 1967, Col. 6020-6036. Lihat dalam Teks Ucapan Pemangku Yang Dipertua PAS, Y.A.B Dato' Haji Mohd Asri Bin Haji Muda dalam Majlis Pembukaan Mesyuarat Agung PAS ke 15 dan 16, 19 April 1968, hal. 15-18.

³¹⁷ Lihat dalam teks Ucapan Pembukaan Rasmi Kongres PAS yang ke 17 yang berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 18 Jun 1971, hal. 11 dan 12.

³¹⁸ Mohd Asri Muda mengaitkan kelemahan DEB ini adalah disebabkan oleh Kerajaan Perikatan hanya menjadikan DEB sebagai modal pilihan raya dengan tidak menyatakan kesan buruk DEB dari aspek perlaksanaannya kerana matlamat akhir DEB ini mahu melahirkan 20 peratus ke 30 peratus golongan kelas menengah orang Melayu tidak mencakupi keseluruhan orang Melayu itu sendiri dan hanya mereka yang bernasib baik sahaja yang dapat menikmati kesan daripada DEB ini. Lihat dalam teks ucapan

dalam konteks nasionalisme Melayu yang diperjuangkan oleh PAS dengan menjelaskan konteks ekonomi dan pembangunan tanpa nilai semangat dan moral sering menemui kegagalan dengan mengambil pengajaran yang menimpa Lembaga Perbadanan Ekonomi China-Melayu yang tekah ditubuhkan selepas peristiwa 13 Mei 1969 yang akhirnya dibubarkan kerana tidak menghasilkan sebarang keuntungan sebagaimana yang diharapkan oleh Kerajaan Perikatan lantaran tidak mendapat kerjasama daripada para pengusaha Bukan Melayu yang khuatir kedudukan dan kuasa mereka dalam sektor ekonomi akan tergugat.³¹⁹

Semasa PAS berada dalam Kerajaan Perikatan pada tahun 1973, Mohd Asri Muda mengkritik Dasar Pelajaran dan Penyata Razak 1956.³²⁰ Menurutny Dasar Pelajaran sedia ada mirip kepada dasar pelajaran penjajah yang menekankan nilai-nilai kebendaaan tanpa memperhitungkan nilai-nilai kerohanian dan mendesak supaya Dasar Pelajaran dan Penyata Razak 1956 hendaklah dikaji semula untuk disesuaikan dengan semangat Rukunegara dan Perlembagaan Persekutuan yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara. Pada masa yang sama PAS juga turut membangkitkan persoalan mengenai objektif DEB yang dilihat semakin tidak mencapai matlamatnya. Menurut Mohd Asri Muda lagi, persoalan tersebut adalah ; Sejauhmana realiti kesimbangan DEB mengikut definisinya yang sebenar ?. Sejauhmana tekanan

Mohd Asri Muda dalam Ucapan Pembukaan Rasmi Kongres PAS yang ke 17 yang berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 18 Jun 1971, hal. 7-10.

³¹⁹ Lihat dalam teks ucapan Yang Dipertua Agung PAS dalam Kongres PAS ke18 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur bertarikh 28 Julai 1972, hal.8.

³²⁰ Kritikan terhadap Dasar Pelajaran berkait dengan Penyata Razak 1956 yang meminggirkan saranan PAS untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar di semua peringkat institusi pendidikan. Namun, tindakan politik Tun Abdul Razak telah menolak kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah, universiti, dan maktab perguruan. Lihat dalam Abdullah, Nur Atiqah Tang; Puay Liu, Ong (2017). *Latar Belakang Sejarah Sistem Pendidikan dan Masyarakat Majoriti Minoriti di Malaysia*, ICIP: UKM, hal. 74-100.

pemikiran dan pelaksanaan serta nilai-nilai kebendaan yang dapat direalisasikan antara pembangunan negara dengan pembentukan masyarakat dalam erti kata yang sebenarnya menurut DEB ?.³²¹

Kesimpulan yang dapat dihasilkan daripada penelitian elemen-elemen nasionalisme Melayu yang diperjuangkan oleh Mohd Asri Muda sepanjang beliau menjawat jawatan Yang Dipertua Agung PAS Keempat, lebih menfokuskan kepada elemen nasionalisme Melayu dalam aspek pendidikan, ekonomi dan kebudayaan Melayu. Malah perjuangan Mohd Asri Muda yang begitu konsisten ialah dalam mengangkat martabat Bahasa Melayu yang bukan sahaja menjadi Bahasa Rasmi negara malah digunakan sepenuhnya didalam semua peringkat institusi di negara ini.

4.9 Perkembangan nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Tuan Guru

Haji Yusof Abdullah Rawa, 1982 – 1989

Tuan Guru Haji Abdullah Yusof Rawa, atau lebih dikenali sebagai Tuan Guru Haji Yusof Rawa, adalah seorang tokoh penting. Beliau meninggal dunia pada 28 April 2000, lahir pada 8 Mei 1922. Tuan Guru Haji Yusof Rawa telah terlibat dalam PAS sejak penubuhannya pada tahun 1951. Beliau memainkan peranan penting dalam perkembangan dan pengaruh PAS di Malaysia, terutamanya semasa beliau memegang jawatan sebagai Yang Dipertua Agung PAS (kemudiannya dikenali sebagai Presiden PAS) dari 1982 hingga 1989. Ustaz Ahmad Azzam digantikan oleh Tuan Guru Haji Yusof Rawa sebagai Pesuruhjaya PAS Negeri Pulau Pinang pada tahun 1959. Dato' Asri Muda semasa menjawat jawatan Yang Dipertua Agung PAS keempat menjadikan beliau Timbalan Yang Dipertua PAS. Beliau dipilih secara sebulat suara sebagai Yang

³²¹ Ibid, teks ucapan dasar Yang Dipertua Agung PAS dalam Kongres Agung PAS ke-21 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 28 Julai 1975, hal. 6 dan 7.

Dipertua PAS pada Muktamar PAS ke-29 pada tahun 1983, dan melalui pindaan Perlembagaan PAS pada tahun 1987, beliau dipilih sebagai Mursyidul Am yang pertama PAS. Tuan Guru Haji Yusof Rawa, sebagai pemimpin PAS, dikenali dengan pendekatan dan mesej perjuangan Islam yang agresif dan berimpak, sekaligus menarik minat para belia, orang muda dan pencinta perjuangan Islam untuk menyertai PAS. Beliau juga terkenal kerana keterbukaan dan kesederhanaannya, yang membolehkan beliau mengendalikan konflik dalam PAS dan meletakkan parti itu di barisan hadapan perjuangan Islam di Malaysia. Selain itu, Tuan Guru Haji Yusof Rawa adalah wakil Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk membincangkan isu antarabangsa semasa PAS berada didalam Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 1973 sehingga 1977. Beliau juga pernah menjadi Konsul Kehormat Iraq di Pulau Pinang. Pendidikan awal Tuan Guru Haji Yusof Rawa diberikan di Sekolah Melayu Jalan Carnavon, Pulau Pinang. Kemudian beliau melanjutkan pengajian Mekah, di mana beliau memperoleh *Shahadah Takhassus Al-Deeni* daripada Al Maahad Al Falah. Beliau dihantar oleh ayahnya untuk belajar bahasa Arab di Mekah kerana kebolehan dan kafasihannya. Sumbangan ilmu, dan bimbingan Tuan Guru Haji Yusof Rawa terus menjadi panduan masyarakat hingga hari ini, walaupun selepas kematiannya. Beliau meninggalkan kesan sebagai pemimpin yang dihormati dalam PAS dan komuniti Muslim Malaysia, serta tokoh gerakan Islam.³²² Menyoroti perspektif nasionalisme Melayu oleh Tuan Guru Haji Yusof Rawa ini dapat dilihat sepanjang beliau memegang jawatan Presiden PAS dari 1982 hingga 1989, Tuan Guru Haji Yusof Rawa telah mengambil pendekatan yang berbeza untuk memimpin parti itu. Beliau berusaha mengalihkan persepsi parti daripada nasionalisme Melayu kepada penekanan yang

³²² Jalani, Hamdidah, Hamid, Faisal @ A.F A. 2020. Tuan Haji Yusof Rawa: Biografi Dan Sumbangannya. *Jurnal KIAS*, 7(1), 134 - 150.

lebih besar iaitu pada perjuangan Islam, dan beliau telah membawa perubahan besar dalam parti.

Tuan Guru Haji Yusof Rawa lebih suka perspektif nasionalisme Islam dengan melihat PAS sebagai gerakan Islam yang berjuang untuk kepentingan umat Islam khususnya untuk bangsa Melayu, bukan Melayu yang beragama Islam dan rakyat bukan Islam keseluruhannya. Beliau juga berpendapat bahawa perjuangan PAS harus mencakupi semua rakyat Malaysia, tanpa mengira agama atau bangsa, dan melampaui sempadan etnik. Selain itu, dalam usaha untuk mendapatkan sokongan daripada komuniti Cina di Malaysia, Tuan Guru Haji Yusof Rawa juga telah memulakan idea penubuhan Jawatankuasa Penasihat Cina (CCC). Sikap ini menunjukkan bahawa beliau menyedari betapa pentingnya untuk menyebarkan pengaruh PAS ke luar bukan sekadar dalam kalangan orang Melayu dan Islam. Selain itu, beliau telah memperluaskan pendekatan tarbiyyah dan harakiyyah dalam PAS. Metodologi ini melibatkan pendidikan dan pembinaan individu dan masyarakat berdasarkan prinsip Islam. Hal ini menunjukkan bahawa beliau melihat perjuangan PAS dari sudut politik dan juga untuk membina masyarakat yang berpegang kepada nilai Islam. Secara keseluruhan, nasionalisme Tuan Guru Haji Yusof Rawa semasa menjadi Presiden PAS melihat PAS sebagai sebuah gerakan Islam yang berjuang untuk kepentingan umat Islam dan masyarakat Malaysia secara keseluruhan, bukannya hanya untuk kepentingan bangsa Melayu. Adalah menjadi matlamatnya untuk meningkatkan sokongan untuk PAS di luar kalangan orang Melayu dan Islam, serta untuk membolehkan PAS menggunakan kaedah tarbiyyah dan harakiyyah.³²³

³²³ Razzaq, Badlihisam Mohd Nasir & Abdul. "Ketokohan Dan Pemikiran Dakwah Tuan Haji Yusof Rawa (1922 -2000) Di Malaysia." Wardah 1, no. 21 (2020).

Semasa Muktamar Tahunan PAS ke-30³²⁴, Tuan Guru Haji Yusof Rawa menegaskan dan menempelak ideologi nasionalisme Melayu ini yang disifatkan sebagai asabiyah. Ketika menyampaikan ucapan tersebut, beliau menyatakan, Manusia terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan, bangsa dan keturunan tidak boleh digunakan sebagai asas untuk membina ideologi yang menetapkan prinsip dan prinsip perjuangan yang betul. Seperti kecenderungan ibu bapa untuk berusaha untuk meningkatkan kualiti hidup bangsanya, kecenderungan yang bersifat fitri ini tidak sepatutnya digunakan sebagai asas untuk ideologi yang menentukan nilai benar dan adil, yang merupakan asas kepada sikap dan tindakan manusia.

Kezaliman, pembaziran, perlindungan penjenayah dan rasuah dibenarkan, kecenderungan itu tidak sepatutnya dilayan. Begitu juga, kezaliman, rasuah, pembaziran dan penyelewengan tidak boleh dibiarkan menghalang usaha untuk meningkatkan kehidupan orang Melayu. Dalam batas keadilan, usaha untuk membantu orang Melayu harus sentiasa dilakukan. Jika kecenderungan itu melampaui batas keadilan, ia akan membawa kepada asabiyah, yang dilarang oleh agama Islam, seperti nabi Muhammad dalam sebuah hadis. Nabi Muhammad menjawab, "Asabiyah bermakna menolong saudaramu dengan kezaliman." Sistem asabiyah zalim menyebabkan orang Melayu mundur. Sistem zalim itu perlu dihancurkan. Rasuah dan penindasan mesti dihapuskan kerana usaha membantu orang Melayu gagal. System asabiyah zalim itulah yang membawa kepada kemunduran dan penderitaan rakyat negara ini. Sebagai hasil daripada penjajahan, ideologi nasionalisme asabiyah bertujuan untuk mewujudkan negara-negara bangsa di Barat atau, lebih terkenal, di

³²⁴ Lihat dalam teks Ucapan Dasar Yang Dipertua Agung PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-30 di Alor Setar, Kedah pada 13 April 1984 yang bertemakan "*Menggempur Pemikiran 'Asabiyyah'*", hal. 48-54

dunia moden. Negara-negara ini didorong oleh prinsip demokrasi, nasionalisme dan sekularisme. Ada parti-parti asabiyah di negara kita yakin dengan prinsip seperti nasionalisme, demokrasi dan sekularisme sehingga mereka meletakkan asas negara moden di tempat yang paling tinggi. Mereka berpendapat bahawa hidayah Allah dan akal manusia tidak mungkin lagi dapat mengatasi asas pembentukan negara moden. Tidak sikap mereka menunjukkan dan menghalang kebebasan mereka. Mereka akan mendakwa bahawa kita sedang bergerak ke arah penubuhan negara diktator atau teokratik jika meolak asas-asas ini. Mereka jelas menunjukkan sikap dan pemikiran yang terbelenggu.

Pemimpin parti asabiyah melakukan penipuan ke atas diri sendiri kerana mereka tidak menyedari bahawa nasionalisme asabiyah yang mereka perjuangkan dipengaruhi oleh penjajahan dan budaya Barat. Apabila mereka cuba menggunakan Islam untuk melindungi hati mereka yang tertutup dengan mengatakan bahawa nasionalisme asabiyah tidak bertentangan dengan Islam, kejahilan mereka bertambah jelas. Kejahilan mengatasi kejahilan. Orang yang jahil dan tidak tahu jahil sangat berbahaya. Kegagalan akibat asabiyah Sebenarnya, asas-asas dari tamadun nubuah telah memainkan peranan penting dalam menyebabkan perubahan besar dalam masyarakat manusia.

Tuan Guru Haji Yusof Rawa lebih kritikal terhadap perjuangan nasionalisme Melayu yang dilaksanakan oleh UMNO dengan menyatakan bahawa, nasionalisme di Malaysia adalah ideologi yang tidak bermoral yang sedang berlaku di negara ini, seperti yang berlaku di seluruh dunia Islam. Proses ini melibatkan penghapusan nasionalisme asabiyah dan sekular. Pemikiran ini tidak hanya gagal membentuk

identiti negara, tetapi juga gagal menggabungkan matlamat dan prinsip hidup yang jelas dengan kemerdekaan. Nasionalisme sekular harus dihapuskan kerana nasionalisme asabiyah ini berjaya mengawal pemikiran dengan cara yang tidak sah dan dibentuk mengikut perspektif penjajah. Nasionalisme asabiyah sekular bertentangan dengan prinsip umat manusia. Oleh itu, ideologi ini harus diperangi secara berterusan untuk memastikan ia lenyap dari negara ini. Menurutny lagi, sebelum dan selepas perang dunia kedua, Ulama' dan gerakan tajdid menyokong perjuangan kemerdekaan tanah air dan berusaha meningkatkan kesedaran dan semangat kemerdekaan di kalangan rakyat. Namun, gerakan ini tidak berjaya menggabungkan semangat itu dengan semangat Islam secara meluas disebabkan oleh peningkatan pesat kesedaran kebangsaan dan gerakan nasionalisme di negara-negara jiran seperti India dan Indonesia. Gerakan Islam tetap memainkan peranan penting dalam perjuangan kemerdekaan dan tidak boleh dipandang rendah.

Walaupun fakta menyatakan bahawa nasionalis berhaluan kanan dan kiri bersatu dalam perjuangan untuk kemerdekaan, penjajah Inggeris meletakkan tekanan yang besar terhadap perjuangan kemerdekaan yang dipelopori oleh nasionalis kiri dan gerakan Islam.³²⁵ Golongan nasionalis berhaluan kanan yang lebih lunak dengan penjajah mula muncul dalam perjuangan kemerdekaan. Pentadbiran British membentuk gerakan nasionalis berhaluan kanan ini untuk menjaga kepentingan mereka. Dalam tempoh 27 tahun kemerdekaan, negara ini berkembang di bawah pemerintahan nasionalis sekular asabiyah yang tidak mempunyai matlamat dan identiti

³²⁵ Justifikasi daripada kenyataan ini adalah berdasarkan kepada peristiwa yang berlaku ke atas Hizbul Al Muslimin sebuah parti Islam pertama di Tanah Melayu yang telah diharamkan oleh Pentadbiran Inggeris dibawah Ordinan Darurat 1948 pada 29 Julai 1948 selepas tiga pemimpin utama Hizbul Al Muslimin ditangkap dibawah ordinar ini iaitu Ustaz Abu Bakar Al Baqir, Ustaz Abdul Rauf Nur dan Ustaz Abdul Rabb Tamimi. Lihat dalam Ghani, Mohd Fadhli. 2016. *Sejarah PAS : Membina Jiwa Merdeka 1951-1957*. Kuala Lumpur: Penerbitan Harakah, hal. 64.

yang jelas. Bahkan, polarisasi kaum dan pertentangan semakin meningkat di negara ini.³²⁶ Melihat kepada konsistensi Tuan Guru Haji Yusof Rawa dalam menentang ideologi nasionalisme Melayu diteruskan dalam ucapan dasarnya di Muktamar Tahunan PAS ke-31. Secara literalnya, penolakan PAS terhadap golongan '*Asabiyun*' dan '*Asabiyah*' dari perspektif politik.

Bagi menentang '*Asabiyah*' dan '*Asabiyun*', PAS mempunyai alasan akidah yang kukuh. Keterangan al Quran dan as Sunnah tidak dapat dilemahkan oleh Ulama' yang dibayar untuk mempertahankan kebohongan mereka, jadi hujah-hujah PAS didasarkan padanya. Selain itu, PAS menentang penganiayaan dan penindasan yang dilakukan oleh golongan '*Asabiyah*'. Ulama' upahan yang berpihak kepada golongan '*Asabiyah*' berusaha untuk menyembunyikan ayat-ayat al Quran yang berkaitan dengan kezaliman dan mengubah tafsiranya. Selain itu, mereka menyembunyikan makna sebenar ayat-ayat al Quran khasnya yang berkaitan dengan *al Hakimiyah* atau hak dalam menentukan hukum dan peraturan hanyalah berdasarkan kepada hukum yang telah ditetapkan oleh Allah. Manusia tidak dapat mencipta hukum yang sempurna dan sesuai dengan keadaan alam semula jadi, jadi mereka harus menerima dan mematuhi hukum yang ditetapkan oleh Allah. Suatu bentuk kezaliman yang besar dan syirik ialah meletakkan hukum sendiri pada asas kejahilan terhadap hakikat diri manusia dan alam. Oleh itu, Ulama' upahan tidak mampu menerangkan signifikasi al Quran dan as Sunnah mengenai kezaliman dengan jelas dan terang. Signifikasi yang hendak dinyatakan oleh Tuan Guru Haji Yusof Rawa adalah kelemahan golongan nasionalis

³²⁶ . Lihat dalam teks Ucapan Dasar Yang Dipertua Agung PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-30, *ibid*, hal. 60-63.

atau *'Asabiyun* ini dalam memenuhi hukum-hukum Allah dan mengaitkan dengan satu bentuk kezaliman terhadap Islam dan Umat Islam.³²⁷

Perjuangan nasionalisme Melayu berdasarkan perspektif Tuan Guru Haji Yusof Rawa adalah PAS berusaha untuk menguasai dan mendominasi politik orang Melayu yang bermatlamat untuk mengatasi *'Asabiyah* dan menyebarkan risalah Islam yang *al 'Alami* (terbuka) kepada semua, termasuk bukan Islam, tanpa tujuan menindas atau memaksa. Mereka berkeyakinan bahawa penolakan terhadap politik Islam sebelum ini disebabkan persepsi negatif yang dibentuk oleh media. PAS mengkritik dominasi politik Melayu yang sedia ada, yang ditandai dengan rasuah dan penyalahgunaan kuasa, dan PAS menegaskan bahawa situasi politik ini tidak memenuhi keperluan masyarakat Melayu yang sebenar. Menurut PAS, mereka (golongan nasionalis berhaluan kanan) menonjolkan bahawa politik Melayu yang sekarang ini tidak membawa manfaat kepada rakyat Malaysia secara keseluruhan dan perkara ini menurut PA sangat membahayakan kestabilan negara dengan menggalakkan perasaan perkauman. PAS menekankan perlunya pendekatan berdasarkan kebenaran, keadilan, dan nilai-nilai Islam yang murni untuk memastikan kesejahteraan dan keamanan negara yang berbilang kaum dan agama. PAS menawarkan alternatif politik yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam yang murni dan menggalakkan perpaduan antara pelbagai kaum di Malaysia. PAS berusaha untuk menjalin hubungan yang lebih bermakna dengan masyarakat bukan Islam dan berkomitmen untuk mematuhi janji dan persetujuan dalam perjuangannya, selaras dengan ajaran Islam. PAS percaya bahawa dengan menerima dan menerapkan nilai-nilai Islam, masyarakat Melayu khasnya dan

³²⁷ Lihat dalam teks Ucapan Dasar Yang Dipertua Agung PAS di Muktamar Tahunan PAS ke-31 di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada 29 April 1985 yang bertemakan "*Bertindak Menentang Kezaliman*", hal. 87-93.

rakyat Malaysia umumnya secara keseluruhan dapat mengatasi masalah dan tentangan yang dihadapi, serta mencapai kestabilan dan kemakmuran yang berkekalan.³²⁸ Sebagaimana mana perjuangan nasionalisme Melayu dalam konteks membangunkan ekonomi orang Melayu oleh Mohd Asri Muda, Tuan Guru Haji Yusof Rawa juga mengkritik pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan menjustifikasi orang Melayu mesti sedar tentang cara Dasar Ekonomi Baru (DEB) digunakan untuk keuntungan segelintir individu atas nama bangsa Melayu keseluruhannya. Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mereka banggakan gagal disebabkan oleh politik wang, rasuah, nepetisme dan penyalahgunaan kuasa. Hal ini juga menghalang perpaduan kebangsaan Melayu yang menjadi matlamat dasar itu.

Semua perubahan negatif yang berlaku selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah hasil daripada sistem dan falsafah yang digunakan dalam dasar itu; ideologi Kapitalisme mengawal pelaksanaan dan taktik dasar itu, sama ada untuk mengubah masyarakat atau membasmi kemiskinan. Kontroversi mengenai dasar ekonomi kontemporari melibatkan pelbagai aspek, bukan sahaja bagaimana dasar itu dilaksanakan, tetapi juga dalam kerangka pemikiran di sebalik tabir dasar tersebut. Kepincangan yang telah wujud sebelum ini tidak diperbaiki dengan penerusan sistem kapitalisme dan dipengaruhi juga dengan ideologi sosialisme lain, yang kedua-duanya menolak secara berterusan peranan akhlak dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB). Bahkan untuk memastikan dasar itu berjaya, implementasinya memerlukan doa orang yang soleh, keberkatan, dan ihsan dari Tuhan selain daripada perancangan yang teliti dan

³²⁸ Lihat dalam Ucapan Dasar Yang Dipertua PAS di Muktamar Tahunan PAS ke-32 di Marang, Terengganu pada 26 September 1986 yang bertemakan “*Teguhkan Jama'ah Teruskan Jihad*”, hal. 144-149.

komitmen semua pihak. Dasar Ekonomi Baru (DEB) tidak mengambil kira psikologi Islam. Tidak banyak perhatian diberikan kepada hukum halal dan haram Islam.

PAS tidak menafikan, menyertai aktiviti ekonomi dianggap sebagai ibadah dalam agama Islam. Orang Islam ingin ibadah mereka diterima oleh Allah dan diberi keberkatan. Tidak semua orang Islam menyokong program ini jika hukum-hakam Islam tidak diambil serius. Oleh itu, dasar ekonomi negara selepas tahun 1990 dan menjelang tahun 2000 perlu beralih daripada kapitalisme yang tidak mengambil kira kebajikan umum dan pembinaan akhlak dalam sistem muamalat ekonomi. Pada pandangan PAS, dasar ekonomi mesti berasaskan sirah Nabi Muhammad, yang terus menyertai aktiviti ekonomi seperti berniaga, menternak dan membuat pelbagai pekerjaan untuk mencari rezeki halal. Bah, dengan kemahiran dan ketekunan dalam pekerjaan, Nabi Muhammad boleh dan mampu menjalani kehidupan yang sederhana untuk dirinya dan keluarganya. Baginda memilih untuk hidup secara sederhana kerana Baginda percaya bahawa kekuatan Islam, kesejahteraan ummah, dan kemakmuran negara memerlukan pengorbanan hasil usaha dan pendapatan yang halal. Baginda tidak mengambil harta rampasan perang untuk kepentingan dirinya sendiri sebaliknya diberikan kepada ummah demi kepentingan umum. Oleh itu, selepas kewafatan Nabi Muhammad, dunia Islam bukan sahaja damai, malah semua orang mendapat pendidikan dan perubatan percuma. Walau bagaimanapun, orang kaya pula menghadapi kesukaran untuk membayar zakat kerana tidak ada orang yang layak untuk menerimanya kerana limphan ekonomi yang berkat lantaran perlaksanaannya mengikut lunas dan prinsip Islam sebagaimana yang berlaku semasa era pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz.³²⁹

³²⁹ Lihat dalam teks Ucapan Dasar Presiden PAS merangkap Mursyidul Am PAS di Muktamar Tahunan PAS ke-35 di Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 31 Mac 1989 yang bertemakan “*Membina*

Kesimpulannya, perjuangan nasionalisme Melayu oleh Tuan Guru Haji Yusof Rawa adalah berdasarkan nilai-nilai Islam yang murni dan semangat untuk mencapai keadilan dan kesejahteraan bagi seluruh masyarakat Malaysia. Beliau menekankan perjuangan Islam, inklusiviti, pendekatan *tarbiyyah* dan *harakiyyah*, kritikan terhadap Dasar Ekonomi Baru (DEB), penolakan terhadap '*Asabiyah*', pendekatan berlandaskan Islam, dan kepentingan keseluruhan ummah. Melalui pandangan dan tindakan ini, beliau mencipta naratif nasionalisme Melayu yang lebih berfokus pada nilai-nilai Islam, keadilan, dan inklusiviti, serta menolak nasionalisme kaum yang sempit.

4.10 Perkembangan nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Dato' Fadzil Mohd Noor, 1989-2002

Beliau yang dilahir pada 13 Mac 1937, Dato' Fadzil Mohd Noor adalah seorang pemimpin berkarisma dan berkhidmat sebagai pemimpin utama PAS dari 1990 hingga 2002. Pada 30 Mac 1989, Tuan Guru Haji Yusof Rawa mengundurkan diri daripada jawatan Presiden PAS. Beliau telah memegang beberapa jawatan penting dalam PAS sebelum menjadi presidennya. Beliau terpilih sebagai Naib Presiden PAS pada tahun 1981 dan kemudian menjadi Timbalan Presiden PAS pada tahun 1983. Selain itu, dari tahun 1973 hingga 1974, beliau juga berkhidmat sebagai Setiausaha Penerangan Pertubuhan ABIM. Dato' Fadzil Mohd Noor telah menyumbang tenaga dan buah fikiran kepada kebangkitan nasionalisme Melayu dan transformasi besar dalam PAS semasa era kepimpinannya.

Ketahanan Ummah”, hal. 252-254. Ucapan ini merupakan ucapan terakhir Tuan Guru Haji Yusof Rawa sebagai Mursyidul Am pertama PAS dan melepaskan jawatan tersebut disebabkan kesihatannya yang terganggu. Lihat dalam Abdullah, Kamarul Nizam. 2002. *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 41-42.

Beliau dihormati sebagai pemimpin yang berusaha untuk meningkatkan perjuangan Islam dan keadilan sosial khasnya untuk bangsa Melayu. Beliau dilantik sebagai pengerusi Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK) pada tahun 1998, sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan oleh PAS, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Beliau juga memainkan peranan penting dalam pembangunan politik Malaysia dalam perspektif politik yang lebih luas. Beliau mengambil alih tempat Lim Kit Siang dalam pilihan raya 1999 sebagai Ketua Pembangkang Dewan Rakyat. PAS telah memenangi beberapa pilihan raya umum sepanjang di bawah kepimpinannya. PAS dapat menawan semula Kelantan dan Terengganu pada tahun 1989 dan 1999 dengan bekerjasama dengan Parti Semangat 46 kemudiannya menubuhkan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan Barisan Alternatif (BA) adalah salah satu pencapaian terbesar PAS. Pada 23 Jun 2002, Dato' Fadzil Mohd Noor meninggal dunia, dan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang mengambil alih jawatan Presiden PAS. Sepanjang tempoh kepimpinannya, PAS dan kebangkitan semula nasionalisme Melayu dianggap sebagai peristiwa penting dalam sejarah parti itu.³³⁰ Dapatan yang diperolehi berhubung kait dengan nasionalisme Melayu yang diperjuangkan oleh Dato' Fadzil Mohd Noor dapat dilihat dalam konteks nasionalisme dalam ekonomi, sosial dan pendidikan orang Melayu. Konsistensi ini menyamai dengan bekas-bekas Yang Dipertua PAS dan Presiden PAS terdahulu yang turut memperjuangkan isu yang sama. Beliau dengan tegas mengkritik Dasar Ekonomi Baru (DEB), yang sepatutnya berakhir pada tahun 1990, tidak berjaya.

³³⁰ Nor, Zainudin Hashim & Riduan Mohamad. 2010. *Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Moden Siri 2*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.

Perlaksanaan DEB telah dikritik kerana penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Penyusunan semula masyarakat tidak dapat dipulihkan dan kemiskinan tidak dapat dihapuskan. Walaupun kemiskinan dikatakan berkurangan, bilangan keluarga miskin meningkat di kedua-dua segmen bandar dan luar bandar. Sebenarnya, tindakan mengejut untuk memerangi kemiskinan adalah taktik politik semata-mata. Pada dasarnya DEB, kaum Bumiputera diberi keutamaan dalam menguasai ekonomi negara. Walau bagaimanapun, DEB hanya menghasilkan sekelompok kapitalis Bumiputera yang kaya dan kapitalis Bukan Bumiputera yang rapat dengan parti pemerintah. Jelas perkara ini bertentangan dengan prinsip Islam, kemakmuran negara tidak dibahagikan dengan adil. Penyalahgunaan kuasa jelas dalam skandal kewangan Bank Bumiputera dan anak syarikatnya³³¹. Tujuan Dasar Penswastaaan agensi kerajaan adalah untuk memberi peluang kepada golongan kapitalis yang mempunyai kepentingan dalam parti pemerintah. Warganegara asing dibenarkan memiliki tanah untuk tujuan kediaman dan perindustrian melalui pindaan kepada Kanun Tanah Negara, tetapi isu ini mempunyai kesan negatif ke atas politik negara dalam jangka masa panjang. Apabila berkait dengan hak milik, terdapat ketidaksamaan yang ketara antara orang kaya dan miskin. Hutang negara meningkat, dan sejumlah besar graduan menganggur di Malaysia. Rakyat yang bukan sasaran dasar mendapat manfaat daripada projek mewah, dan DEB tidak mendapat manfaat daripadanya. Pemerintah dan semua komponen parti pemerintah menjadi rakus dan tamakkan kuasa dan menyimpulkan Dasar Ekonomi Negara tidak mencapai matlamat yang sebenar dan sasaran yang ditetapkan.³³²

³³¹ Lihat juga dalam teks Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-40 di Rusila, Marang Terengganu pada 10-12 Jun 1994 yang bertemakan "*Ulama': Teras Kepimpinan Ummah*", hal. 430.

³³² Lihat dalam teks Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-36 di Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 25 Mei 1990 yang bertemakan "*Maju Bersama Islam*", hal. 285-288. Lihat juga dalam dalam teks Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-37 di

PAS juga mengkritik Dasar Penswastaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan kerana tidak memberikan manfaat kepada orang Melayu dan rakyat Malaysia keseluruhannya kerana membebankan kewangan rakyat lantaran perlaksanaannya hanya menguntungkan segelintir pihak berkepentingan dan mempunyai hubungan rapat dengan pemimpin parti pemerintah dan segelongan elit Melayu sahaja.³³³

PAS juga terkilan dengan cara kerajaan melaksanakan dasar ekonomi dan agihan kekayaan yang tidak adil sehingga menjejaskan golongan nelayan, petani dan buruh kerana kos sara hidup yang meningkat sedangkan hasil pendapatan yang diperolehi tidak setimpal. Dato' Fadzil Mohd Noor berpendirian, golongan rendah dan miskin ini kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu yang berada di kawasan luar bandar dan pedalaman.³³⁴

Begitu juga dengan kritikan oleh Dato' Fadzil Mohd Noor dalam membahaskan mengenai pemilikan tanah orang Melayu, menurutnya, dalam perspektif politik, terdapat ancaman terhadap hak Melayu di negara ini. PAS berpendapat bahawa pertumbuhan ekonomi negara dipengaruhi oleh dua perkara. Pertama, penurunan kadar pertukaran antara dolar AS dan mata wang negara akibat pinjaman luar yang tinggi. Dato' Fadzil Mohd Noor mengungkapkan keyakinan terhadap Malaysia untuk membayar hutang luar negara semakin berkurangan. Kedua,

Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 31 Mei 1991 yang bertemakan "*Bersatu Menegakkan Islam*", hal. 317-319.

³³³ Lihat dalam teks Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-38 di Balai Islam Kota Bharu, Kelantan pada 14 Ogos 1992 yang bertemakan "*Meroboh Rangkaian Penindas*", hal. 344-345.

³³⁴ Lihat dalam teks Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-39 di Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 11-13 Jun 1993 yang bertemakan "*Pertahan Syaksiyyah Ummah*", hal. 388.

pembangunan hartanah yang pesat menyebabkan peningkatan pinjaman yang tidak dapat dibayar semasa sektor hartanah merosot. Hal ini boleh mengakibatkan kegagalan institusi kewangan tempatan. Rakyat diberitahu bahawa Dasar Pembangunan yang ditaja oleh Umno dan Barisan Nasional memberi manfaat kepada mereka, tetapi hakikatnya tanah Melayu telah terhakis. Tanah pertanian dan dusun milik orang Melayu telah diambil alih oleh golongan atasan atau *Qarun* untuk pembangunan perumahan dan perindustrian dengan harga rendah, kemudian dijual dengan harga tinggi.³³⁵ Keadaan ini telah membolehkan ahli politik dan ahli perniagaan menjadi kaya dengan cepat. PAS mendapati bahawa pemilik tanah ini menggunakan wang pampasan untuk haji dan membeli barangan yang tidak diperlukan, serta melabur dalam amanah saham yang mengalami kerugian. Dasar dan tindakan kerajaan Umno bertentangan dengan prinsip Islam, di mana penghayatan Islam tidak didorong oleh kepentingan kebendaan atau materialisme. Dalam pemerintahan Islam Madinah, Nabi Muhammad hidup dengan sederhana dan tidak menggunakan kekayaan negara untuk kepentingan peribadi atau keluarga. Baginda menguruskan pengaruh kebendaan

³³⁵ Kritikan Dato' Fadzil Mohd Noor diulang dan ditegaskan semula dalam Muktamar Tahunan PAS ke-45 di Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 28-30 Mei 1999 yang bertemakan "*Bersama Menegakkan Keadilan*", hal. 270-271. Kenyataan berkait *Qarun-qarun* yang menguasai ekonomi yang mempergunakan slogan nasionalisme orang Melayu dalam aspek ekonomi dinyatakan sebagai Islam tidak mengutamakan *materialisme* atau kebendaan dalam ekonomi. Islam menggabungkan ekonomi dengan tanggungjawab agama dan kepercayaan kepada Allah SWT. Faktor *lahiriah* dan *rohaniah* yang mengawal kegiatan ekonomi dalam Islam. Islam mewajibkan umatnya untuk bertanggungjawab kepada masyarakat dan mengamalkan keadilan dalam ekonomi. Beberapa contoh keadilan ekonomi dalam Islam termasuk zakat dan nafkah kepada keluarga. Islam juga mengharamkan amalan ekonomi yang zalim seperti riba, monopoli, dan sorok barang. Sistem ekonomi negara Malaysia masih berdasarkan materialisme dan kebendaan. *Qarun-qarun* yang bersekongkol dengan pemimpin parti pemerintah menguasai politik melalui kegiatan ekonomi, menyebabkan kemerosotan kepada prospek ekonomi negara. Tanah rakyat, terutamanya tanah rizab Melayu dan orang Melayu yang mendiami di kawasan setinggan, menjadi mangsa ketamakkan yang dicipta oleh *Qarun-qarun* sebelumnya.

dengan baik dan memberi contoh moral yang baik kepada penguasa dan hartawan negara.³³⁶

Dato' Fadzil Mohd Noor turut memberikan alternatif penyelesaian ekonomi orang Melayu dengan menegaskan dasar ekonomi dan polisi pembangunan akan disusun semula agar dasar dan pelaksanaan ekonomi negara mampu mewujudkan pembangunan ekonomi yang berhemah tinggi, keadilan dalam pengagihan kemakmuran negara dan dinikmati oleh semua lapisan rakyat, ketelusan pengurusan dan pembangunan ekonomi yang lebih menyeluruh. PAS akan mengarus-perdanakan pelaksanaan dasar dan instrumen kewangan Islam khasnya. Bagi mengelakkan berlakunya semula penjajahan ekonomi yang datang dengan strategi baru, PAS juga akan berhati-hati dalam menggabungkan ekonomi domestik bagi memastikan ekonomi Malaysia mampu bersaing diperingkal global.

PAS akan mengkaji semula polisi dan terma yang terkandung dalam Dasar Penswastan semasa untuk memastikan dasar ini tidak bertentangan dengan konsep negara yang amanah dan berkeadilan. PAS juga akan mencegah amalan nepotisme, kronisme dan korupsi sebagaimana yang dipraktikkan oleh parti pemerintah semasa. Maka, dengan mengembalikan keyakinan pelaburan dan ketelusan pengurusan ekonomi dan pembangunan pemerintahan, PAS akan menggalakkan kemasukan pelabur asing secara berhemah. Selain itu, untuk mengelakkan fenomena ekonomi yang meruap dan membelon (Bubble economy), PAS akan melaksanakan sistem pengurusan makroekonomi yang bergantung pada kadar pertukaran asing.

³³⁶ Lihat dalam teks Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-44 di Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 15-17 Mei 1998 yang bertemakan "*Bertekad Mencapai Kemenangan*", hal. 246-248.

Sistem ini juga akan mematuhi konsep pertumbuhan ekonomi yang berhemah dan bersifat lestari. Selain itu, tumpuan akan diberikan untuk menggalakkan pemantapan perniagaan kecil dan sederhana (IKS) yang berasaskan teknologi dan perniagaan tempatan sebagai jentera pertumbuhan yang berhemah. Situasi Ini akan membolehkan kelahiran usahawan Melayu-Bumiputera yang lebih tulen dan berdaya saing berbanding dengan projek mega jutawan segera yang dimonopoli oleh elit Melayu. Pada akhirnya, PAS akan menggalakkan sektor pembuatan yang lebih berdaya saing dengan memberikan penekanan serentak kepada Penyelidikan dan Pembangunan di pelbagai peringkat awam dan swasta serta penyertaan institusi pengajian tinggi awam dan swasta.³³⁷

Manakala dalam menunjukkan elemen nasionalisme Melayu dalam aspek sosial, Bahasa Melayu dan pendidikan orang Melayu dapat dilihat dalam interpretasi beliau bahawa PAS tidak percaya dengan Dasar Pendidikan Negara, yang dikatakan bertujuan untuk mewujudkan rakyat yang bermoral, akan atau tidak berjaya kerana dasar dan falsafah negara yang bersifat sekular. PAS melihat dasar pendidikan negara, yang dikatakan bertujuan untuk melahirkan insan yang bermoral, ternyata dasar ini mempunyai percanggahan dan perbezaan. Walau bagaimanapun, inisiatif yang dijalankan oleh agensi kerajaan seperti Kementerian Penerangan, Kementerian Kebudayaan dan agensi lain sangat jelas bertentangan dengan objektif Dasar Pendidikan Negara. PAS berpendapat bahawa falsafah pendidikan yang sedang digunakan tidak mencapai matlamatnya kerana dasar ini tidak mengimbangi pendidikan rohani dan fizikal. PAS mendapati nilai murni rakyat semakin merosot,

³³⁷ Lihat dalam teks Muktamar Tahunan PAS ke-45 di Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 28-30 Mei 1999 yang bertemakan "*Bersama Menegakkan Keadilan*", hal. 275. Alternatif dan tawaran PAS dalam menangani krisis ekonomi Malaysia.

bermula dengan peningkatan dadah di kalangan remaja dan rasuah yang merebak ke institusi pengajian tinggi. Apabila slogan menjadi kurang berkesan, pendidikan akan menumpukan pada pembangunan kebendaan. Pindaan terbaru Akta Pendidikan tidak akan mencapai matlamat pendidikan yang dilaungkan kerana akta ini lebih berorientasikan politik untuk memenuhi tuntutan parti-parti komponen dalam Barisan Nasional (BN). Walaupun pihak kerajaan mendakwa akta tersebut bertujuan untuk mengukuhkan Bahasa Melayu sebenarnya adalah untuk menyembunyikan kekurangan bagi menarik undi daripada orang Melayu dan Bukan Melayu. UMNO sanggup untuk mengorbankan maruah untuk mendapatkan undi ini.³³⁸

PAS sangat terkilan dengan budaya *fasad* yang wujud di Malaysia pada masa ini. Sistem pendidikan di negara tidak berjaya menghasilkan rakyat yang bermoral dan bertanggungjawab. PAS telah lama menekankan bahawa perlu meningkatkan bilangan sekolah agama dan kurikulum pendidikan agama supaya anak-anak orang Melayu Islam khususnya menjadi orang yang berpendidikan dan berakhlak mulia. Malang sekali, usaha untuk menyesuaikan pendidikan agama di sekolah hanyalah "melepaskan batuk ditangga." Keruntuhan moral di kalangan pelajar sekolah menengah nampaknya semakin parah. Pada masa ini, kerajaan hanya boleh mengatakan bahawa terdapat pelajar yang terlibat dalam jenayah dadah dan seks, tetapi mereka tidak dapat mengira jumlah sebenar.

PAS sangat kesal dengan apa yang berlaku kepada anak-anak bangsa. Sistem liberal yang berorientasikan kepentingan kebendaan semata-mata telah membawa anak-anak muda Melayu ke kancah krisis moral yang begitu membimbangkan. Oleh

³³⁸ Lihat teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-36 di Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 25 Mei 1990 yang bertemakan “*Maju Bersama Islam*”, hal. 289-291.

kerana keinginan mereka untuk keuntungan duniawi yang meningkat, pemimpin kerajaan telah begitu bersemangat untuk menggalakkan pelbagai aktiviti ekonomi yang tidak menguntungkan, seperti projek perjudian dan jenis maksiat yang lain, sehingga mereka sanggup melihat kematian anak-anak muda di tengah-tengah pembangunan ekonomi yang mereka sokong dan bajai. Masyarakat negara ini telah dipengaruhi secara meluas oleh pengaruh budaya Barat yang mengabaikan moral dan agama. Kerajaan hanya membenarkan media cetak dan elektronik, rasmi dan tidak rasmi, untuk menyebarkan segala gejala buruk ini. PAS sangat kesal kerana kerajaan tidak dapat mengembangkan akhlak dan nilai murni di kalangan rakyat melalui media elektronik dan percetakan.³³⁹

Walaupun kerajaan sering menegaskan bahawa pembangunan fizikal dan rohani harus diimbangi, parti pemerintah tidak pernah melaksanakannya dengan serius. Bukan sahaja pelajar hari ini tidak mahu belajar, tetapi guru juga tidak mahu mengajar. Penghijrahan pensyarah dan ahli akademik ke sektor swasta untuk terlibat dalam dunia perniagaan menunjukkan betapa pentingnya nilai kebendaan dalam kehidupan hari ini. PAS tidak menampelak mereka kerana itulah pilihan pendirian mereka. Mereka perlu berbuat demikian untuk meraih dan mengaut keuntungan dalam situasi sosioekonomi yang semakin meruncing. Mereka hidup dalam masyarakat yang sangat mengutamakan kebendaan. Mereka hanya boleh mengukuhkan dan menghormati diri mereka melalui nilai ekonomi dan ilmu. Apakah yang sepatutnya berlaku dalam masyarakat menjadi satu persoalan sekarang. Semua nilai moral dikorbankan untuk kepentingan kebendaan. Nilai kebendaan yang didorong oleh parti

³³⁹ Lihat teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-38 Balai Islam Kota Bharu, Kelantan pada 14 Ogos 1992 yang bertemakan “*Meroboh Rangkaian Penindas*”, hal. 343-344.

pemerintah semasa akan terus mempengaruhi bidang kemanusiaan dan ilmu. PAS sangat prihatin dengan perkara ini. PAS sangat mengharapkan para cendekiawan untuk mengatasi masalah yang berlaku. Rakyat Malaysia harus belajar daripada kesilapan Barat, di mana mereka hanya dapat membina tamadun material tetapi tidak dapat membina tamadun manusia. Pada akhirnya, orang yang tidak bermoral dan tidak berperikemanusiaan itu sendiri yang memusnahkan masyarakat yang mereka bangunkan.³⁴⁰

PAS juga sangat prihatin dengan krisis moral yang sedang melanda generasi muda hari ini. Sepanjang dua belas tahun yang lalu, kerajaan telah menyokong pelaksanaan nilai Islam, yang nampaknya telah membawa kepada perubahan moral dan krisis moral ke tahap yang berbahaya. Kerajaan sudah tidak dapat menghentikan pergerakan ini. Dasar pendidikan dan pembangunan negara yang dilaksanakan oleh parti pemerintah adalah punca krisis moral yang kian meningkat. Sistem pendidikan negara telah lama menjadi kebimbangan PAS. Dasar yang melaksanakan prinsip liberal amat tidak disukai oleh PAS. PAS berpendapat bahawa orang Melayu akan terus menghadapi kesukaran selagi sistem Islam tidak dilaksanakan secara keseluruhan. PAS sudah tahu tentang wabak kemerosotan moral belia, hubungan seks rambang, pembuangan bayi, peningkatan peminum arak di kalangan belia Melayu, peningkatan penagih dadah di kalangan anak muda Melayu, dan 180,000 kanak-kanak sekolah yang ditangkap kerana melakukan pelbagai kesalahan jenayah.

³⁴⁰ Lihat teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-39 di Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 11-13 Jun 1993 yang bertemakan “*Pertahan Syaksiyyah Ummah*”, hal. 389-390.

PAS kluatir tentang masa depan generasi akan datang. PAS ingin mengingatkan bahawa budaya biadap yang semakin menular itu akan memusnahkan seluruh tamadun umat manusia. Banyak tamadun agung telah wujud sebelum ini, tetapi kebanyakan daripada tamadun tersebut telah runtuh akibat daripada keruntuhan akhlak dan manusia yang tunduk kepada nafsu. PAS tidak melihat apa-apa tindakan tegas yang diambil oleh parti pemerintah kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk menghentikan budaya bebas ini. Walau apa pun yang berlaku, ia menunjukkan kelemahan sistem dan pentadbiran Barisan Nasional (BN), atau, khususnya, akibat daripada falsafah pendidikan negara yang tidak berkesan. Dalam konteks pertumbuhan Bahasa Melayu. Bukan sahaja masalah Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mendaulatkan Bahasa Melayu, tetapi kerajaan Barisan Nasional (BN) kini ingin membenarkan beberapa bidang pengajian digunakan dalam Bahasa Inggeris. PAS sangat mengambil berat tentang kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Perasaan ini telah mendorong PAS untuk menetapkan dalam perlembagaannya bahawa parti itu akan terus mempertahankan Bahasa Melayu kerana Bahasa Melayu adalah sebahagian daripada identiti bangsa Melayu yang mesti dipertahankan sehingga akhir zaman. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa perantaraan dan perundangan di negara ini dan di seluruh alam nusantara Melayu sejak sekian lama. Bahasa Melayu adalah bahasa akademik, termasuk bidang Islam, bersama-sama dengan Bahasa Arab, yang telah berkembang sekian lama.

PAS kesal dengan sikap kerajaan yang telah mula mengabaikan Bahasa Melayu kerana lebih mementingkan Bahasa rakan dagangan mereka, bahkan memberi keutamaan kepada Bahasa Inggeris, seperti yang dinyatakan, sebagai bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi swasta. Menguasai pelbagai bahasa adalah baik, PAS tidak

menolaknyanya. Cuma PAS tidak berpuas hati dengan sikap kerajaan yang sentiasa berubah-ubah terhadap dasar yang mereka sendiri laksanakan. Perubahan perspektif ini akan memberi kesan buruk kepada pelajar dan sistem pendidikan itu sendiri. PAS terus mengingati betapa beraninya tokoh-tokoh bahasa memperjuangkan kedaulatan Bahasa Melayu pada tahun 60-an dan sebelum itu. Mereka seolah-olah telah mencapai matlamat mereka. Mereka tidak dapat didengari di mana-mana di dalam gedung korporat, dan mereka mendapat sokongan daripada gelaran dan pangkat.³⁴¹

Bahasa Melayu telah dipinggirkan dalam pelaksanaan pengkorporatan universiti awam. PAS mendapati bahawa masa depan Bahasa Melayu kian terancam oleh kenyataan pemimpin negara mengenai perkara ini. Slogan lama "Bahasa jiwa bangsa" telah hilang. PAS melihat kerajaan Barisan Nasional tidak lagi yakin dengan kebolehpasaran Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam bidang sains dan teknologi. Semua usaha cendekiawan untuk meningkatkan martabat Bahasa Melayu akan pupus begitu sahaja. Kerajaan kini mengambil pendekatan yang lebih liberal berbanding pada masa lalu, apabila ia berkaitan dengan isu Bahasa Melayu. Pemimpin Barisan Nasional telah secara jelas menyatakan isu tersebut dalam manifesto mereka semasa pilihan raya umum yang lalu. Dalam semua perkara di negara ini, mereka menggunakan Bahasa Inggeris lebih kerap berbanding Bahasa Melayu.

PAS terus mengingati bagaimana pejuang Bahasa memperjuangkan Bahasa Melayu pada tahun 60-an dan 70-an sehingga mereka mengadakan demonstrasi besar untuk menyelamatkan Bahasa Melayu daripada sikap kerajaan yang mengabaikannya.

³⁴¹ Lihat teks Ucapan Dasar Presiden dalam Mukhtamar Tahunan PAS ke-40 di Rusila, Marang Terengganu pada 10-12 Jun 1994 yang bertemakan “ Ulama: Teras Kepimpinan Ummah”, hal. 433-435.

Pejuang Bahasa mengusung keranda 152 sebagai tanda ketidakpuasan hati mereka terhadap tindakan kerajaan pada masa itu. PAS bimbang dengan perubahan yang berlaku ini bukan kerana dasar emosi atau cinta mereka kepada Bahasa Melayu. Sebaliknya, PAS melihat Bahasa Melayu sebagai sumber ilmu yang boleh dikuasai oleh majoriti rakyat Malaysia. PAS bimbang dasar bahasa ini akan memberi kesan buruk kepada anak-anak Melayu khasnya yang tinggal di luar bandar yang tidak mempunyai akses kepada pendidikan dan persekitaran yang tidak membantu mereka. PAS tidak bersetuju dengan idea bahawa menguasai Bahasa Inggeris adalah penting untuk menjadikan Malaysia maju dan menguasai sains dan teknologi. Contoh dari Jepun dan Filipina boleh menjawab rasional yang tidak rasional ini. Jepun, mereka menggunakan Bahasa Jepun kerana mereka maju dalam ekonomi, sains dan teknologi, manakala di Filipina, mereka menggunakan Bahasa Inggeris tetapi masih mundur dan gagal menguasai ekonomi, sains dan teknologi. Di sini jelas bahawa bahasa bukan faktor kemajuan.³⁴²

Akta pendidikan 1996 adalah satu lagi malapetaka kepada orang Islam dan Melayu. Akta ini bertanggungjawab ke atas semua institusi pendidikan Islam, termasuk sekolah agama rakyat, institusi pondok dan tadika, terutamanya Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), yang dimiliki oleh PAS. Institusi ini telah berjaya mempertahankan Islam sebagai agama orang Melayu sejak zaman penjajah dan memastikan orang Melayu tidak mengubah agama mereka. Apabila aliran pendidikan Islam dimasukkan ke dalam arus perdana pendidikan liberal di bawah pengaruh akta baru ini, sistem pendidikan sekular akan secara beransur-ansur mengambil

³⁴² Lihat teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-41 di Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 25 -27 Ogos 1995 yang bertemakan “*Menyanggah Fikrah Maddiyah*”, hal. 160-161.

tempatnyanya. Pada tahun 2000, Selepas menetapkan bahawa Bahasa Mandarin harus diajar di semua sekolah bersama-sama dengan Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Ini akan menjadikan pelajar Islam lebih tertekan kerana mereka juga berhak mempelajari Bahasa Arab. Budaya korporat telah memasuki pendidikan. Hal ini akan meletakkan beban kewangan pada ibu bapa Islam yang biasanya berada dalam keadaan yang baik. Ia akan menyempitkan ruang untuk pelajar Islam di universiti. Penggunaan pelbagai bahasa, terutamanya Bahasa Inggeris, telah menggantikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi, dan dengan sendirinya, kebudayaan Melayu tidak akan dapat menjadi intipati kebudayaan nasional. Dalam hal pendidikan bahasa dan budaya, akta dan perundangan lama tidak begitu tegas dalam menghalang fahaman perkauman. Oleh kerana perkauman masih menjadi isu negara, ini masih tidak boleh dibanggakan. Walau bagaimanapun, walaupun kelemahannya, akta baru ini akan menyebarkan ideologi perkauman. Ia menjadikan usaha untuk mewujudkan Malaysia yang baru hanya separuh jalan. Oleh itu, isu ini mengancam perpaduan nasional dan kesedaran agama. Akta Pendidikan ini merupakan ancaman kepada ketahanan agama dan negara menurut Islam. Sejarah telah menunjukkan bahawa pendidikan mempengaruhi kemajuan dan kepercayaan bangsa. Untuk memastikan kedaulatan dan kekuatan Islam, sistem pendidikan mesti berasaskan Islam dan diketuai oleh individu yang komited dengan Islam.³⁴³

³⁴³ Lihat teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-42 di Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 14 Jun 1996 yang bertemakan “*Tegakkan Ketuanan Islam*”, hal. 192-195.

Semasa PAS menentang Akta Pendidikan 1996, inilah perkara yang PAS bimbang. Akhirnya, kebimbangan PAS pada masa itu menjadi kenyataan. Sementara Bahasa Inggeris digunakan sepenuhnya di semua institusi pendidikan tinggi swasta, Bahasa Melayu dikesampingkan terus dan tidak digunakan. Pendidikan Islam, termasuk Bahasa al-Quran, tidak diutamakan secara langsung; namun, jika dikaji dengan teliti, akta dan undang-undang ini boleh menjadi penghalang kepada usaha untuk membina sistem yang konsisten berdasarkan Islam.³⁴⁴

Pemikiran sekularisme yang bertentangan dengan tauhid ditolak oleh PAS. Seiring dengan nada kebendaan, pemimpin Malaysia nampaknya bersungguh-sungguh untuk membawa Malaysia ke tahap sekularisme yang mengerikan. Mustafa Kamal Atatürk menerima pujian dan penghormatan. Kelompok Sekularis Turki yang mengharamkan Bahasa Arab, menghalang pembacaan al-Quran dalam Bahasa Arab, menukar perkataan azan ke dalam Bahasa Turki, membunuh ulama, memusnahkan warisan Islam, dan menjadikan Turki sebuah negara yang tidak beragama sekaligus menjadi contoh dan pemimpin yang parti pemerintah di Malaysia ingin contohi. Pada ucapan perasmian baru-baru ini di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perdana Menteri Malaysia jelas menunjukkan trend pemikiran sekular, menyatakan bahawa kemunduran umat Islam dikaitkan dengan kecenderungan untuk memilih pengajian agama berbanding mata pelajaran sekular. Beliau seterusnya menekankan bahawa sebab sebenar umat Islam tertinggal jauh daripada negara-negara maju ialah kerana umat Islam hanya belajar agama kerana akan membawa kejayaan berbanding ilmu-ilmu yang didakwa sebaliknya. Perdana Menteri Malaysia berkata,

³⁴⁴ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-44 di Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 15-17 Mei 1998 yang bertemakan “*Bertekad Mencapai Kemenangan*”, hal. 249-251.

"dan untuk menebus apa yang mereka sifatkan sebagai dosa mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah agama untuk hafiz al-Quran." Ini adalah jenis ucapan yang perlu disanggah kerana ia amat mengelirukan umat Islam.³⁴⁵

Isu pendidikan kelihatan semakin bercelaru setiap hari. Isu meritokrasi yang dilaksanakan dengan tergesa-gesa mendapat tanggapan yang sangat buruk. Kesan langsung pelaksanaan dasar meritokrasi yang didakwa memberi kesan negatif kepada masyarakat berbilang kaum. PAS mengingatkan bahawa rentetan yang membawa kepada isu meritokrasi bukanlah hasil daripada satu penyelidikan atau penekanan tertentu daripada mana-mana pihak penyelidik atau think-tank. PAS masih ingat apabila Perdana Menteri Malaysia marah terhadap pimpinan pelajar universiti yang didakwa memihak kepada pihak pembangkang dan tidak komited kepada pendidikan, dan mereka diancam dengan pelbagai akta draconian. Pandangan yang sangat negatif terhadap pelajar Melayu yang dikaitkan dengan aktiviti yang bersifat pro-pembangkang di kampus, seperti isu kebakaran yang berlaku di dewan tengku canselor universiti malaya. Latar belakang sistem meritokrasi begitu tergesa-gesa. PAS tidak menolak mana-mana sistem yang mengiktiraf pencapaian pelajar. Tidak kira kaum, pelajar yang cemerlang mesti diberi peluang. Pada masa yang sama, PAS berharap sistem ini menawarkan keadilan kepada semua, terutamanya kepada mereka yang tinggal di luar bandar yang serba serbinya ketinggalan. Kerajaan perlu memikirkan dengan teliti jika isu ini memerlukan satu bentuk implementasi yang telus.

³⁴⁵ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-47 di Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 1-3 Jun 2001 yang bertemakan “*Menyanggah Serangan. Menjana Kemenangan*”, hal. 352.

Oleh itu, PAS menuntut pihak berkuasa memberikan penjelasan menyeluruh tentang sistem meritokrasi yang sedang digunakan untuk mengurangkan kekeliruan di kalangan rakyat. Selain itu, PAS menentang pengenalan semula aliran Inggeris sebagai cara untuk mengatasi kekurangan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar. Seperti yang disuarakan di peringkat parlimen, PAS berpendapat bahawa punca kelemahan ini ialah kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris yang lemah dan tidak bermaya, dan tidak bervisi. Ketiadaan guru Bahasa Inggeris yang mahir adalah kelemahan yang ketara, dan persekitaran pembelajaran adalah sangat buruk. Isu ini menunjukkan kegagalan sistem pendidikan negara Malaysia. Kerajaan perlu menangani perkara ini dengan segera. PAS percaya bahawa mengajar subjek matematik dan sains tertentu dalam Bahasa Inggeris tidak akan mampu meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris pelajar selagi kekurangan guru yang mahir tidak diatasi.³⁴⁶

4.11 Perkembangan nasionalisme Melayu semasa era kepimpinan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, 2003-2021

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang mula menerajui Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sebagai Presiden PAS ketujuh selepas kematian Dato' Fadzil Mohd Noor pada 23 Jun 2003.³⁴⁷ Idealisme Presiden PAS, Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang terhadap nasionalisme Melayu jelas menunjukkan pendekatan yang berbeza daripada fahaman nasionalisme konvensional. Berdasarkan temu bual beliau³⁴⁸, idealisme ini boleh dilihat dari beberapa sudut utama iaitu definisi, perspektif sejarah,

³⁴⁶ Lihat teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-48 di PUTIK Kota Bharu, Kelantan pada 31 Mei 2002 yang bertemakan “Memantap Iltizam, Menyemarak Kebangkitan”, hal. 395-398.

³⁴⁷ Ketika ini, beliau merupakan Timbalan Presiden PAS dan memegang jawatan Presiden PAS selama hampir setahun sebelum dipilih sebagai Presiden PAS ketujuh pada tahun 2003.

³⁴⁸ Awang, Tan Sri Dato' Seri Tuan Abdul Hadi. (2019) *Nasionalisme Melayu menurut perspektif Parti Islam Se-Malaysia (PAS)*/Interviewer: Nor Azizuddin Abdul Manan. Kuala Lumpur.

transformasi pendirian, pendekatan semasa serta konsep "Tegakkan Islam, Melayu Selamat". Berdasarkan kepada definisi Tuan Guru Abdul Hadi Awang menegaskan bahawa nasionalisme menurut Barat ialah perasaan kebangsaan yang dijadikan akidah perjuangan politik. Namun, beliau menolak konsep ini kerana menurutnya, kecintaan kepada bangsa adalah fitrah semula jadi manusia seperti sayang kepada keluarga. Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa perasaan kebangsaan tidak boleh dijadikan akidah politik kerana akidah sebenar hanyalah Islam yang bersumberkan Allah SWT. Dalam perspektif sejarah PAS, beliau menjelaskan bahawa sejak awal penubuhan parti ini pada 1951, terdapat perbezaan ketara antara nasionalisme yang diperjuangkan oleh UMNO dengan PAS. Menurut beliau, UMNO lebih menekankan kebangsaan Melayu semata-mata manakala PAS sejak awal lagi menekankan Islam sebagai asas perjuangan politiknya. Beliau memberikan contoh Dr. Burhanuddin Al-Helmi yang walaupun mempunyai latar belakang nasionalis sebelum menyertai PAS, diterima oleh ulama kerana fikrah Islamnya yang jelas dan penglibatan aktif dalam gerakan Islam antarabangsa. Transformasi pendirian PAS terhadap nasionalisme juga berlaku secara berperingkat. Sebagai contoh, pindaan Perlembagaan PAS pada tahun 1983 telah menghapuskan istilah berkaitan Melayu secara eksplisit tetapi masih menerima Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak keistimewaan orang Melayu Bumiputera. Menurut beliau lagi, perubahan ini bukanlah penolakan terhadap bangsa Melayu tetapi merupakan usaha memperjelaskan bahawa nasionalisme hanyalah perasaan yang perlu dipandu oleh akidah Islam.

Pendekatan semasa pula memperlihatkan strategi politik baharu PAS dalam konteks Muafakat Nasional selepas Pilihan Raya Umum ke-14. Beliau menyatakan keperluan menyatukan orang Melayu-Islam bagi menghadapi cabaran politik semasa

yang dianggap mengancam kedudukan Islam di Malaysia akibat ketidakseimbangan struktur pilihan raya. Dalam hal ini, kerjasama dengan UMNO dilihat sebagai langkah strategik untuk memperkukuhkan kedudukan Islam dan Melayu.

Oleh itu, sepanjang perjawatan beliau sebagai Presiden PAS, dapatan kajian ini memperolehi beberapa elemen nasionalisme Melayu yang diperjuangkan olehnya di antaranya; ketika menyampaikan Ucapan Dasar Presiden Mukhtar Mahidin PAS sekali ke-49 pada tahun 2003³⁴⁹, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang telah menunjukkan elemen-elemen nasionalisme Melayu melalui aspek pendidikan, beliau mengkritik pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam Bahasa inggeris. Beliau begitu terkilan apabila isu ini dibangkitkan di peringkat parlimen pertanyaannya dijawab oleh Menteri Pendidikan dengan cara yang sangat mendukacitakan. Boleh juga mengkritik tindakan kerajaan yang memberhentikan bantuan per kapita untuk sekolah-sekolah agama rakyat yang majoritinya terdiri daripada anak-anak orang Melayu. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang juga melahirkan rasa kebimbangan beliau mengenai salah laku anak-anak muda Melayu yang terbabit dalam gejala samseng sehinggalah perbuatan yang mendatangkan kesalahan jenayah seperti memerasugut merogol dan membunuh. Boleh juga mengkritik penyalahgunaan kuasa dan gejala rasuah yang berlaku di peringkat institusi pengajian tinggi awam dan swasta menurutnya kesan negatif ini timbul akibat pelaksanaan akta universiti dan kolej universiti yang menjadi kesalahan langsung yang mencuri hitam dalam pendidikan negara. Semasa menyampaikan Ucapan Dasar

³⁴⁹ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Mukhtar Mahidin PAS ke-49 di Taman Melewar, Kuala Lumpur pada 12 September 2003 yang bertemakan “ *Menuju Kemenangan*”, hal. 6.

Presiden Mukhtamar Tahunan PAS kali ke-50 pada tahun 2004³⁵⁰, kritikan yang sama juga di lontarkan oleh Tuan guru haji abdul hadi dalam aspek pendidikan. Kali ini kritikan nya lebih menjurus kepada kegagalan kerajaan dalam menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa pengantar di semua peringkat institusi pengajian. Hal ini kerana pelaksanaan Bahasa inggeris yang dijadikan sebagai Bahasa pengantar di institusi-institusi pendidikan. Beliau menyatakan perkembangan ini merupakan satu pelaksanaan dasar anti nasional yang terang lagi bersuluh.

Implikasinya secara halus dasar pendidikan negara telah menyelitkan sikap anti tulisan jawi anti pendidikan Islam dan anti penggunaan Bahasa Melayu. Semua sifat ini tidak mencerminkan roh dan zat kebudayaan Melayu seperti yang diuar-uarkan oleh parti pemerintah bagi menjadi teras kebudayaan nasional. Semasa menyampaikan Ucapan Dasar Presiden Mukhtamar Tahunan PAS kali ke-51 tahun 2005³⁵¹, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang secara terang dan jelas melontarkan kegagalan dasar pendidikan negara. Signifikasi kepada kegagalan ini, menurut beliau dasar pendidikan negara gagal menzahirkan hasrat falsafah pendidikan negara itu sendiri. Beliau menyatakan, PAS melihat hala tuju pendidikan negara semakin bercelaru setelah dasar pendidikan negara hanya tinggal sebagai satu dokumen sejarah. Lantaran itu PAS menyarankan supaya satu suruhanjaya diraja perlu dibentuk bagi mengubah semula dasar pendidikan yang baru dengan dianggotai oleh semua pihak yang terlibat supaya dapat melahirkan dasar pendidikan yang lebih holistik dan relevan berdasarkan keperluan semasa PAS menegaskan falsafah dan dasar pendidikan negara mestilah

³⁵⁰ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Mukhtamar Tahunan PAS ke-50 di PUTIK, Kelantan pada 12 September 2004 yang bertemakan “*Memartabatkan Kedaulatan Rakyat*”, hal. 180.

³⁵¹ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Mukhtamar Tahunan PAS ke-51 di PUTIK, Kelantan pada 27-30 Ogos 2004 yang bertemakan “*Memartabatkan Kedaulatan Rakyat*”, hal. 227.

dibina atas prinsip dan nilai Islam demi membina sebuah masyarakat Melayu khususnya yang beriman dan bertakwa kepada Allah.

Semasa menyampaikan Ucapan Dasar Presiden muktamar PAS kali ke-52 tahun 2006³⁵², kritikan Tuan guru mula terarah kepada kegagalan kerajaan untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai sifat kebangsaan. Kritikan ini muncul selepas pembentangan Laporan Zahid yang bertajuk ke arah revolusi pendidikan. Beliau menyatakan laporan ini tidak menjelaskan solusi untuk merevolusikan pendidikan sebaliknya menyerlahkan lagi kekeliruan dalam kepelbagaian permasalahan pendidikan. Beliau juga secara konsisten mengkritik tindakan kerajaan yang terus-menerus menekan sekolah agama rakyat dan mendesak kerajaan supaya mengembalikan banTuan perkapital kepada sekolah-sekolah agama rakyat. Menurutnya sekolah agama rakyat merupakan institusi pendidikan orang Melayu yang paling awal bertapak di negara ini beliau juga turut membantah secara konsistensi pelaksanaan pengajaran sains dan matematik dalam Bahasa inggeris dengan menyatakan nasi malang Bahasa Melayu yang sepatutnya menjadi Bahasa pengantar. Semasa menyampaikan Ucapan Dasar Presiden Muktamar Tahunan PAS kali ke-53 tahun 2007³⁵³, Tuan guru haji abdul hadi menunjukkan elemen nasional nasionalisme Melayunya dalam aspek Bahasa Melayu dan tulisan jawi. Beliau terkilan kerana dasar penggunaan Bahasa inggeris telah menggantikan Bahasa Melayu sepenuhnya sebagai Bahasa pengantar bagi pengajaran matematik dan sains bermula tahun 200 semasa menyampaikan Ucapan Dasar Presiden muktamar tahun nafas kali ke-58 tahun

³⁵² Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-52 di Kota Sarang Semut, Kedah pada 7-9 Jun 2006 yang bertemakan “ *Memulihkan Demokrasi, Mendaulatkan Islam* ”.

³⁵³ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-53 di PUTIK, Kelantan pada 1 Jun 2007 yang bertemakan “ *Selamatkan Demokrasi, Tegakan Keadilan* ”.

2012³⁵⁴, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang meneruskan institusi beliau dalam mengembalikan semula Bahasa Melayu sebagai Bahasa pengantar dan menjadikan peranan Bahasa kebangsaan ini sebagai Bahasa yang menjiwai bangsanya sendiri dan wajib diperkasakan untuk menjadi Bahasa ilmu dan Bahasa pentadbiran negara serta Bahasa perpaduan di kalangan rakyat seiringan Bahasa ibunda kaum masing-masing dan menggalakkan pengajian Bahasa asing bagi menimba ilmu yang bermanfaat daripada mana-mana sahaja dari peringkat dalam sistem pendidikan negara sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi, beliau berpandangan hasil kajian UNESCO menyatakan manusia lebih senang dan berkesan belajar dalam Bahasa ibunda maka tidak hairanlah apabila kaum cina malaysia bermati-matian untuk meneruskan pembelajaran dalam Bahasa menteri untuk sains dan matematik. Apa yang menjadikan heranan, umno menipu bangsanya sendiri supaya meninggalkan Bahasanya iaitu Bahasa Melayu. Semasa menyampaikan Ucapan Dasar Presiden keutama Tahunan PAS ke 59 tahun 2013³⁵⁵, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menontarkan hujahnya mengenai elemen pendidikan kebangsaan Melayu dengan menyatakan dasar pendidikan di bawah kerajaan umno dan barisan nasional hanya menyediakan manusia yang hanya mengenal kemajuan kebendaan semata-mata tetapi miskin jiwa dan hati nurani. Perkara ini dapat dilihat dari aspek berikut ; pertama, dasar pendidikan yang tidak meyakinkan, dan tidak konsisten dalam pembinaan jadi diri. Kedua tidak melaksanakan dasar Bahasa Melayu sebagai Bahasa pengantar. Tidak prihatin kepada tradisi pendidikan Islam melalui pembangunan sekolah agama rakyat yang menjadi tulang belakang. Ketiga, krisis pendidikan berlaku berpanjangan di mana akhlak

³⁵⁴ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-58 di PUTIK, Kelantan pada 16-18 November 2012 yang bertemakan “ *Negara Berkebajikan, Teras Perpaduan*”.

³⁵⁵ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-59 di Stadium Melawati, Selangor pada 22-24 November 2013 yang bertemakan “ *Rahmat Untuk Semua*”.

pelajar semakin rendah dan kesalahan jenayah juvana semakin berleluasa. Dan keempat pendemokrasian pendidikan yang bersifat materialistik. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menuntut supaya: Pertama, kerajaan Malaysia hendaklah memperakui hak asasi orang Melayu dalam pendidikan dengan menerima sistem pendidikan Islam sebagai salah satu sistem pendidikan arus perdana sekali gus membantu sekolah agama rakyat.

Kedua, hak asasi manusia bagi semua rakyat pelbagai kaum dalam negara ini terjamin memandangkan hak kawan-kawan dan etnik untuk mendalami Bahasa ibunda mereka mestilah diperkukuhkan supaya wujudnya ruang terbuka bagi menambah kemahiran berbahasa dalam negara ini. PAS tidak mahu dasar pembangunan pendidikan yang dilakukan terpisah daripada tradisi dan nilai budaya bangsa kerana matlamat pendidikan adalah untuk kebaikan manusia bagi melahirkan sifat insaniah di samping menolak sifat melakukan kerosakan kepada pendidikan yang menyampaikan ilmu kepada masyarakat khususnya orang Melayu. Semasa menyampaikan Ucapan Dasar Presiden muktamar tahunan PAS ke 60 tahun 2014³⁵⁶, sekali lagi Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang mendesak supaya Bahasa Melayu bertulisan jawi dijadikan Bahasa rasmi dan tulisan rasmi negara. Beliau beralasan bahawa di zaman kegemilangan Islam yang menjadi kuasa besar dunia berbagai Bahasa termasuklah Bahasa Arab, Turki, Parsi, Urdu pernah menjadi bahasa rasmi negara dan pemerintah empayar berkenaan namun begitu Bahasa arablah yang menjadi bahasa dan tulisan rasmi. Semasa menyampaikan Ucapan Dasar Presiden Muktamar Tahunan PAS ke 62

³⁵⁶ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-60 di Parit Raja, Batu Pahat, Johor pada 16-20 September 2014 yang bertemakan “*Terus Beristiqomah*”, hal. 10.

tahun 2016³⁵⁷, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang sekali lagi mengkritik tindakan kerajaan yang melaksanakan Dual Language Programme (DLP) bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Beliau juga beberapa kali telah mengkritik tindakan kerajaan ini di peringkat parlimen supaya mengembalikan semula peranan Bahasa Melayu sebagai Bahasa ilmu.

Sebagaimana dalam ucapan dasar Presiden PAS di Muktamar Tahunan PAS ke 65 tahun 2019³⁵⁸, terdapat beberapa elemen nasionalisme Melayu dalam ucapan ini berkaitan dengan pendidikan orang Melayu. Elemen tersebut ialah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menyatakan pendidikan mestilah mengikut acuan Islam kerana PAS beranggapan bahawa kegagalan sistem pendidikan yang tidak mengikut acuan Islam akan menjadikan negara dan bangsa Melayu ketinggalan, lemah dan dipandang hina. Oleh itu PAS berkewajipan memperkenalkan agenda pembangunan insan yang sebenarnya mengikut acuan Islam. Kedua keharusan pendidikan untuk memperkasakan politik orang Melayu bersama Islam. PAS menegaskan bahawa orang Melayu Islam yang wajib diperkasakan politiknya adalah teras kepada negara bermasyarakat majmuk dan menjadi tonggak kepimpinan negara. Hal ini kerana orang Melayu adalah kaum dominan dan Islam itu adalah agama yang adil terhadap semua kewajipan terhadap bangsa-bangsa yang lain. Kepentingan Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan, dengan menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan dan PAS percaya bahawa peranan Bahasa Melayu menjadi jiwa bangsa wajib yang

³⁵⁷ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-62 di PUTIK, Kelantan pada 31 Mei – 3 Jun 2016 yang bertemakan “*Inilah Penyelesaian Kita*”, hal, 5-7.

³⁵⁸ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-65 di SUKPA, Kuantan, Pahang pada 22-23 Jun 2019 yang bertemakan “*Islam Memimpin Perpaduan*”, hal. 12.

diperkasakan sebagai Bahasa ilmu di samping menjadi medium utama Bahasa pentadbiran negara dan Bahasa perpaduan rakyat negara yang menggunakan Bahasa ibunda pasti berjaya, manakala negara yang menggunakan Bahasa asing biasanya akan gagal. Ucapan dasar ini juga mementingkan orang Melayu untuk mempelajari budaya dan Bahasa kaum lain kerana generasi muda juga perlu digalakkan untuk mempelajari budaya dan Bahasa kaum lain bagi menimba ilmu yang bermanfaat daripada sesiapa sahaja.

Oleh itu elemen-elemen nasionalisme yang terdapat dalam ucapan dasar ini berkaitan dengan pendidikan orang Melayu adalah penting untuk memperkasakan politik Melayu bersama Islam, memperkukuhkan perpaduan rakyat dan memastikan bahawa generasi muda mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang mencukupi untuk memimpin negara ke arah kegemilangan. Peneguhan kepada pengaruh nasionalisme Melayu dalam mendaulatkan Bahasa Melayu oleh Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, secara konsisten menyatakan bahawa, sejarah menunjukkan apabila bangsa Arab meninggalkan kepimpinan Islam dan berpindah kepada bangsa lain yang bersama Islam, bangsa Kurdish berjaya memimpin Kerajaan al-Ayyubiyah sehingga mereka dapat membebaskan Baitulmaqdis daripada penjajah Salib dari Eropah. Kemudian, bangsa Turki memimpin kerajaan Uthmaniyah dan Dinasti Mughal Islam di India. Walau bagaimanapun, dalam sejarah, Raja-raja Melayu beragama Islam telah berjaya menyatukan bangsa Melayu dan masyarakat majmuk yang tinggal di kawasan Nusantara ini. Mereka membawa agama Islam dan Bahasa Melayu, dengan bertulisan dari huruf al-quran, sekaligus menjadi bahasa rasmi di kalangan 300 juta orang yang

tinggal di Indonesia, Malaysia, Brunei, Filipina, Selatan Thailand, dan kaum Champa di Kemboja dan Veitnam.³⁵⁹

Dalam sesi temuramah bersama Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang juga menegaskan³⁶⁰, pembentukan Muafakat Nasional (MN) di antara PAS dan UMNO adalah untuk menyedarkan orang Melayu Islam demi menyelamatkan negara dan menyelamatkan kedudukan Islam itu sendiri. Menurutnya lagi, atas kewajaran permaufakatan inilah PAS perlu membimbing UMNO supaya parti Melayu itu kembali kepada perjuangan Islam yang sebenarnya. Bahkan pada perspektif PAS, sewaktu dianjurkan Kongres Maruah Melayu³⁶¹, PAS menghadirinya sebagai tanda jiwa besar PAS bagi mencari titik persamaan di antara parti-parti dominasi Melayu ke arah memperkukuhkan perpaduan ummah dan nasional dalam negara ini dan menurut Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, kongres ini juga adalah bersifat nasionalisme Melayu.³⁶²

³⁵⁹ Lihat ucapan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam Perhimpunan Penyatuan Ummah di Pusat Dagangan Antarabangsa, Kuala Lumpur pada 14 September 2019.
<https://www.youtube.com/watch?v=LSELswL-rOM>, dicapai pada 10 Oktober 2022.

³⁶⁰ Awang, Tuan Guru Haji Abdul Hadi. 2019. *PAS dan Nasionalisme*/Interviewer: Nor Azizuddin Abdul Manan. PhD (Political Science), Kuala Lumpur.

³⁶¹ Rafidah Ahmad Ruzki, Rohaniza Idris dan Khairul Azran Hussin. "Kongres Maruah Melayu Bukan Bermotif Politik, Perkauman - Tun M." Berita Harian, 2019.

³⁶² Kongres Maruah Melayu dianjurkan oleh empat buah Universiti Awam dengan matlamat untuk Kongres Maruah Melayu bertujuan untuk mengembalikan maruah orang Melayu yang semakin merosot. Ini selaras dengan objektif nasionalisme Melayu yang bertujuan untuk meningkatkan kedudukan bangsa Melayu. Kongres ini diadakan pada 6 Oktober 2019 di Stadium Melawati, Shah Alam, Selangor. PAS dan UMNO turut hadir ke kongres ini.

Berdasarkan ucapan dasar Presiden PAS di Muktamar Tahunan PAS ke 66 tahun 2020³⁶³, elemen-elemen nasionalisme Melayu dalam aspek pendidikan orang Melayu dapat diuraikan seperti berikut: pertama, pentingnya pendidikan mengikut acuan Islam. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menyeru untuk beralih dari kepercayaan dan pendekatan yang salah kepada pemahaman Islam yang komprehensif. Hal ini menunjukkan pentingnya pendidikan dalam memahami dan mendarapkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Kedua, transisi dari kejahilan kepada pengetahuan. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menekankan pentingnya transisi dari pecah hilang kepada pengetahuan, dengan merujuk kepada kata-kata sayidina Umar yang bermaksud berilmu dan fahami ilmu itu sebelum kamu dijadikan pemimpin. Hal ini menonjolkan pentingnya pendidikan dalam kepimpinan dan mengambil keputusan.

Ketiga, pendidikan sebagai alat untuk meningkatkan kepimpinan yang mana Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awnag juga menekankan pentingnya pendidikan dalam membentuk pemimpin yang berilmu dan berwawasan. Menurutnya lagi seorang pemimpin harus memiliki pengetahuan yang matang dan mampu berijtihad dalam hukum dan menangani masalah semasa dalam segala aspek kenegaraan. Keempat, pendidikan sebagai alat untuk meningkatkan perpaduan. Dalam konteks perpaduan, pendidikan juga dianggap penting. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang berpendapat bahawa pendidikan dapat membantu memperkuat perpaduan dalam komuniti Melayu dan memperkukuhkan identiti nasional orang Melayu. Secara keseluruhannya elemen-elemen nasionalisme Melayu ialah aspek pendidikan orang Melayu

³⁶³ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-66 di Kuala Terengganu, Terengganu pada 6-7 November 2021 yang bertemakan “*Islam Memperkukuh Perpaduan*”, hal. 28.

mencakupi pentingnya pendidikan dalam Islam, transisi dari kejahilan kepada pengetahuan, pendidikan sebagai alat untuk meningkatkan kepimpinan dan perpaduan.

Manakala dalam aspek sosial dan ekonomi orang Melayu, terdapat elemen-elemen nasionalisme Melayu yang ditunjukkan oleh Tuan Guru Haji Abdul Abdul Hadi Awang. Hal ini dapat dilihat dalam siri-siri ucapan dasar Presiden PAS. Elemen-elemen nasionalisme Melayu Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam konteks ekonomi dan sosial orang Melayu sering dinyatakan dalam ucapan dasar Presiden PAS. Dalam Muktamar Tahunan PAS ke-50 tahun 2004³⁶⁴, beliau menyatakan ekonomi negara yang sedang berkembang pedang ini telah melahirkan gejala yang tidak adil dan jurang pendapatan yang melebar di antara golongan kaya dengan golongan miskin. Masalah ini dikaitkan juga dengan amalan kronisme yang dimonopoli oleh umno dan barisan nasional. Bahkan dasar ekonomi yang tidak membantu orang Melayu seperti dasar penswastan menjadi beban yang terpaksa dipikul oleh rakyat. Beliau juga turut menampelak sikap perdana menteri kena rakyat supaya menabung dan berjimat-cermat untuk keperluan masa hadapan namun dalam pada mata yang sama parti pemerintah yang mentadbir kerajaan malaysia sendiri tidak menunjukkan contoh berjimat-cermat dalam mentadbir negara. Pelaksanaan projek-projek mewah dan pembahagian kekayaan negara terus dibolot secara rakus oleh sekelompok manusia yang mengambil kesempatan daripada kedudukan dan hubungan rapat mereka dengan pemimpin-pemimpin parti pemerintah kerajaan Malaysia.

³⁶⁴ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-50 di PUTIK, Kelantan pada 27-30 Ogos 2004 yang bertemakan “*Memartabatkan Kedaulatan Rakyat*”, hal. 183-184.

Dalam ucapan dasar Muktamar Tahunan PAS kali ke-51 tahun 2005.³⁶⁵ Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang sekali lagi mengkritik kepincangan pengurusan ekonomi negara dengan menyatakan kemasukan pelaburan langsung asing semakin mengecil memberikan kesan kepada peluang pekerjaan yang semakin hari semakin terhad dan ekonomi negara tidak lagi mampu menyerap guna tenaga yang semakin bertambah. Oleh itu kadar pengangguran di kalangan siswazah semakin meningkat. Selain itu ekonomi negara malaysia juga menghadapi tekanan inflasi yang semakin ketara. Kenaikan mendadak harga petrol iaitu bahan penting dalam ekonomi telah mewujudkan gelombang kenaikan harga barang secara menyeluruh termasuklah perkhidmatan seperti pengangkutan bayaran tun harga rumah dan perkhidmatan kesihatan turut meningkat harganya. Kesannya kos sara hidup terus meningkat dan menghimpit rakyat sedangkan pendapatan rakyat tidak bertambah.

Semasa menyampaikan ucapan dasar presiden pas dalam muktama Tahunan pas ke-53 tahun 2007³⁶⁶, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang secara konsisten mengkritik pelaksanaan dasar-dasar ekonomi negara dengan menyatakan sikap sambil lewa kerajaan untuk membanteras rasuah demi membela kesejahteraan rakyat. Beliau juga turut menempelak pelancaran Pelan Integriti Nasional pada tahun 2004 tetapi pelan itu akhirnya sekadar melepaskan batuk di tangga kerana gejala rasuah semakin berleluasa. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang juga menempelak agenda pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang hanya memberikan projek-projek mega dan bersifat mi segera itu kepada kelompok tertentu dan dalam

³⁶⁵ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-51 di PUTIK, Kelantan pada 3 Jun 2005 yang bertemakan “*Paksi Kebangkitan Perjuangan*”, hal. 220-222.

³⁶⁶ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-53 di PUTIK, Kelantan pada 1-3 Jun 2007 yang bertemakan “*Selamatkan Demokrasi, tegakkan Keadilan*”, hal. 3-5.

pada masa yang sama membiarkan rakyat dalam kesusahan. Tuan guru juga melahirkan kebimbangan beliau projek-projek mega ini akan menjadi seumpama projek gajah putih yang menelan perbelanjaan yang besar tetapi tidak memberikan manfaat kepada rakyat dan hanya menguntungkan kroni-kroni tertentu.

Dalam ucapan dasar Presiden Pas di Muktamar Tahunan PAS ke 56 tahun 2010³⁶⁷, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menyatakan kebimbangan beliau mengenai keperluan hak asasi rakyat dan keperluan untuk membangunkan negara. Dalam konteks ekonomi, beliau menyatakan negara kita tidak pernah mencapai kemajuan yang kukuh tetapi terdapat negara yang lebih maju tanpa sumber alam seperti negara malaysia, keadaan ini menunjukkan ada perkara yang tidak kena pada ekonomi negara ini iaitu salah tadbir urus dan penyelewengan terus berlaku, kadar kemiskinan yang semakin ketara dan paling ketara kadar kemiskinan di negeri paling kaya hasil buminya seperti negeri Sarawak, Sabah dan Terengganu. Hal ini menunjukkan Model Ekonomi yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan masih bersifat Model Ekonomi yang lama, iaitu Model Ekonomi yang tidak mempunyai roh dan tidak menekankan kepentingan akhlak yang menjadi teras terpenting dalam transferensi dan ketelusan dalam pelaksanaan sesuatu dasar atau moden ekonomi. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang juga mengkritik Model Ekonomi Baru yang lebih mencuruskan kepada dasar pensyarikatan dan pengswastaan malaysia yang sedikit pun tidak memberikan manfaat kepada ekonomi rakyat. Beliau menyatakan model ini hanya melibatkan pihak kerajaan dan orang-orang yang bersaing dalam kegiatan ekonomi serta mereka yang berkepentingan dengan pemimpin-pemimpin parti pemerintah.

³⁶⁷ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-56 di PUTIK, Kelantan pada 11-13 Jun 2010 yang bertemakan “*Islam Adil Untuk Semua*”, hal. 22-24.

Berdasarkan kepada ucapan dasar presiden pas dalam Muktamar Tahunan PAS ke 57 tahun 2011, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang sekali lagi menegaskan bahawa pas mempunyai agenda untuk memperbetulkan tadbir urus ekonomi yang selari dengan prinsip-prinsip ekonomi Islam yang menekankan prinsip dan urusan ekonomi mestilah seiring dengan prinsip moral dan akhlak yang berhubung kait dengan perhitungan dosa dan pahala dan adanya bimbingan syariat Islam. Dalam membangkitkan isu ekonomi orang Melayu beliau juga memberikan penegasan mengenai penstrukturan semula syarikat FELDA Plantation bagi memajukan ekonomi peneroka felda yang majoritinya terdiri daripada orang Melayu supaya peneroka menjadi pemilik dan perusahaan yang mempunyai hidayah saing yang tinggi dan memastikan hak milik peneroka FELDA dibela manakala bagi membela golongan petani, nelayan, buruh di berbagai sektor perkhidmatan dan pembuatan kakitangan kerajaan majoritinya terdiri daripada orang Melayu semuanya menjadi denyut nadi ekonomi negara. Maka PAS sesekali tidak akan membiarkan kerajaan memperhambakan rakyat dalam memacu pembangunan ekonomi negara ini.

Menurut ucapan dasar Presiden PAS, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang pada Majlis PAS Muktamar Tahunan ke-65³⁶⁸, ke-66³⁶⁹, dan ke-67³⁷⁰ pada tahun 2019 sehingga 2021, elemen-elemen nasionalisme Melayu dalam konteks ekonomi dan sosial Melayu terdiri daripada perkara berikut: Nasionalisme dalam Ekonomi: Pertama, Pemerkasaan Ummah: Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menekankan

³⁶⁸ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-65 di SUKPA Kuantan, Pahang pada 22-23 Jun 2019 yang bertemakan “*Islam Memimpin Perpaduan*”, hal.10-11..

³⁶⁹ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-66 di PUTIK, Kelantan pada 13 September 2020 yang bertemakan “*Islam Memperkukuhkan Perpaduan*”, hal. 19-20.

³⁷⁰ Teks Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-67 di Kuala Terengganu, Terengganu pada 6-7 November 2021 yang bertemakan “*Islam Menyatukan Ummah*”, hal. 22-26.

betapa pentingnya untuk menyatukan umat Muslim (*al-Ummah*) untuk meningkatkan kedudukan ekonomi mereka. Beliau menggalakkan kerjasama orang Islam khasnya orang Melayu untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat. Kedua, kepimpinan dalam isu ekonomi: Beliau menyimpulkan bahawa Islam memberikan nasihat untuk kepimpinan dalam semua aspek kehidupan, termasuk isu ekonomi. Solusinya ialah dengan mengikuti prinsip Islam dan memastikan keadilan dan kemakmuran untuk semua rakyat Malaysia. Orang Melayu-Islam mempunyai keupayaan untuk mendorong pembangunan ekonomi negara khasnya. Ketiga, kemandirian: Beliau menekankan bahawa orang Melayu perlu menjadi individu yang mandiri dan tidak bergantung kepada orang lain. Hal ini boleh dianggap sebagai permintaan untuk membina keupayaan ekonomi domestik orang Melayu dan memperoleh kemandirian ekonomi mereka sendiri. Manakalan dalam aspek Nasionalisme Sosial, beliau turut menyatakan, penyatuan dan Kontrak Sosial: Abdul Hadi Awang menggalakkan orang Melayu bersatu padu dan menekankan betapa pentingnya mereka untuk memupuk nasionalisme sosial. Beliau menekankan betapa pentingnya solidariti, atau kebersamaan, dan kerjasama semua rakyat Malaysia untuk mengatasi halangan dan mencapai matlamat bersama.

Seterusnya, identiti Budaya dan Agama: Beliau menekankan betapa pentingnya untuk mengekalkan identiti budaya dan agama orang Melayu dengan Islam. Hal ini dicapai dengan mengekalkan prinsip dan amalan Islam sebagai komponen asas masyarakat. Manakala, dalam perkara perilaku Moral dan Etika: Beliau turut menyatakan isu ini berkaitan dengan kepentingan mengikuti prinsip moral dan etika yang berasal daripada agama Islam. Perilaku dan moral yang wajar dianggap penting untuk menggalakkan kejujuran dan ketulusan moral dalam komuniti orang

Melayu. Kemudian, pemimpin inklusif: Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menyatakan keperluan kepimpinan inklusif dengan memberi keutamaan kepada orang Melayu-Islam sebagai kaum yang paling dominan dan majoriti di negara ini, Abdul Hadi Awang mengakui pelbagai budaya dan agama yang wujud di Malaysia. Beliau menanamkan semangat nasionalisme yang menghargai kepelbagaian dalam budaya dan halatuju rakyat Malaysia dengan menggalakkan gaya kepimpinan yang menyeluruh, adil dan tidak berlebihan terhadap semua kumpulan.

Justifikasinya, ucapan dasar Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang di Muktamar PAS ke-65, ke-66, dan ke-67 pada tahun 2019–2021 mencerminkan nasionalisme Melayu dalam konteks ekonomi dan sosial dengan menekankan pemberian kuasa kepada orang Melayu melalui kesatuan, kepatuhan kepada prinsip Islam, ketergantungan diri, dan kepimpinan inklusif yang mengambil kira kepelbagaian imej Malaysia. Namun begitu, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang juga mengkritik ideologi nasionalisme Melayu ini juga menjadi perbincangan dalam penyelidikan ini. Isu ini dapat dilihat ketika mana beliau menyampaikan ucapan dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS kali ke-50 tahun 2004³⁷¹, beliau menyatakan walaupun para penentang gerakan Islam silih berganti dan menukarkan strategi politik, bahkan mereka juga berjaya melumpuhkan dan belenyapkan gerakan berideologi komunisme, ideologi marxisme dan parti-parti sekular nasionalisme yang diasaskan ketika era pra kemerdekaan Tanah Melayu.

³⁷¹ *Ibid*, teks ucapan dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-50 tahun 2004.

Namun begitu mereka gagal dan terus gagal untuk melenyapkan PAS dari peta politik negara ini. Hal ini kerana PAS berupaya berdiri dan berlari serta membangunkan parti ini dengan beberapa pencapaian PAS dalam siri-siri pilihan raya yang telah di sertai, PAS juga tetap dan masih kental dalam menghadapi pengkhianatan yang cuba memusnahkan PAS dalam usaha PAS untuk mempertahankan Islam dan kehormatan orang Melayu. Begitu juga ketika menyampaikan ucapan dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS kali ke-52 tahun 2006³⁷², beliau menyatakan PAS tidak menerima sebarang bentuk fahaman nasionalisme atau '*Assabiyah al-Qaumiyyah*' yang berpaksikan kepentingan sesuatu kaum atau sesuatu kelompok atau sesuatu etnik sebagai asas pengurusan dan pemerintahan negara. Hal ini kerana perjuangan PAS adalah bertunjangkan risalah Islam yang bersifat universal lantas menerima seluruh umat Islam sebagai satu umat yang satu, dengan tidak mengenal perbezaan kaum, bahasa, budaya, bangsa dan keturunan.

4.12 Konklusi Evolusi, Pragmatisme dan Ketahanan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia (1951-2021)

Kajian ini secara tuntasnya menegaskan bahawa perkembangan nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sepanjang tempoh 1951 hingga 2021 merupakan suatu fenomena yang kompleks, dinamik, dan multidimensi, yang telah melalui transformasi signifikan sejajar dengan perubahan landskap sosio-politik Malaysia. Dapatan kajian ini bukan sahaja berjaya memenuhi objektif-objektif yang digariskan, tetapi juga mengemukakan suatu sumbangan teoretikal yang baharu dalam memahami interaksi antara agama dan nasionalisme dalam konteks sebuah parti politik Islam. Hujah utama tesis ini ialah PAS tidak menolak nasionalisme secara

³⁷² *Ibid*, teks ucapan dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-52 tahun 2006.

mutlak, sebaliknya telah berjaya melakukan suatu proses indigenisasi dan instrumentalisasi strategik terhadap ideologi tersebut, dengan meletakkannya di bawah kerangka epistemologi Islam yang kukuh.

Selaras dengan objektif pertama untuk mengenal pasti elemen dan interpretasi nasionalisme, kajian ini mendapati bahawa kepimpinan PAS, dari era pengasas seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmi hingga kepimpinan kontemporari oleh Tan Sri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, telah secara konsisten membezakan antara nasionalisme sebagai ideologi sekular (*asabiyyah*) dengan kecintaan fitrah terhadap bangsa (*hubbul wathan*). Melalui justifikasi teologis yang sofistikated, seperti yang dijelaskan oleh Presiden PAS, parti ini telah mendekonstruksi konsep nasionalisme Barat dan membina semula sebuah model yang selari dengan Islam. Fenomena unik simbiosis identiti "Melayu itu Islam, Islam itu Melayu" menjadi asas kepada pembentukan "nasionalisme sakral" iaitu suatu model hibrid di mana perjuangan untuk bangsa Melayu dilihat sebagai sebahagian daripada tanggungjawab mempertahankan Islam.

Objektif kedua, yang meneliti proses evolusi nasionalisme Melayu dalam PAS, telah membuktikan bahawa perkembangan ideologi ini bukanlah mendatar, tetapi melalui beberapa fasa adaptasi yang pragmatik. Pada fasa awal penubuhannya, nasionalisme digunakan sebagai instrumen perjuangan kemerdekaan untuk membebaskan tanah air daripada penjajahan, satu matlamat yang selari dengan tuntutan Islam. Era kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda pula menyaksikan nasionalisme Melayu menjadi strategi pragmatik untuk menangani isu-isu sosio-ekonomi orang Melayu pasca-kemerdekaan. Walaupun pendekatan ini menimbulkan ketegangan dalaman, ia mencerminkan keupayaan parti untuk responsif terhadap


keperluan semasa. Pada era kontemporari, melalui inisiatif seperti Muafakat Nasional, nasionalisme Melayu sekali lagi diinstrumentalisasikan sebagai kenderaan untuk konsolidasi kuasa politik Melayu-Islam, dengan parameter yang jelas seperti yang ditegaskan oleh Mursyidul Am PAS, Dato' Tuan Guru Haji Hashim Jasin: ia diterima selagi menjadi jalan untuk mendaulatkan Islam.

Menjawab objektif ketiga mengenai peranan kepimpinan dalam mengurus perbezaan pandangan, dapatan kajian ini menonjolkan kepentingan institusi Majlis Syura Ulama sebagai mekanisme penyelesaian konflik yang berkesan. Krisis kepimpinan pada era Dato' Mohd Asri Muda, yang berpunca daripada pertembungan gaya kepimpinan autokratik dengan prinsip musyawarah, akhirnya diselesaikan melalui mekanisme ini. Ia membawa kepada satu anjakan paradigma yang signifikan, iaitu peralihan daripada kepimpinan yang cenderung nasionalis kepada kepimpinan ulama yang lebih tulen. Proses ini bukan sahaja membuktikan ketahanan institusi dalaman PAS, tetapi juga menjadi titik pembelajaran sejarah yang membentuk trajektori parti pada dekad-dekad berikutnya, di mana legitimasi kepimpinan diukur berdasarkan kombinasi antara kredibiliti agama dan ketajaman politik.

Sumbangan paling signifikan kajian ini kepada korpus ilmu adalah pengenalan kerangka konseptual "nasionalisme sakral" atau model hibrid yang diamalkan oleh PAS. Model ini membezakan PAS daripada gerakan nasionalis sekular dan juga parti-parti Islamis di rantau lain yang mungkin menolak nasionalisme secara total. Ia adalah manifestasi keupayaan PAS untuk menyeimbangkan antara tuntutan partikular (kebangsaan Melayu) dengan aspirasi universal (Islam). Selain itu, kajian ini menegaskan bahawa ketahanan (resilience) PAS sebagai sebuah entiti politik banyak

bergantung pada fleksibiliti strategik dan keupayaan adaptasi ideologi ini, yang membolehkannya kekal relevan merentasi pelbagai fasa politik negara.

Sebagai kesimpulan akhir, kajian ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam dan bernuansa tentang hubungan simbiotik antara ideologi nasionalisme dengan perjuangan politik PAS. Dapatan ini bukan sahaja memperkukuh kedudukan PAS sebagai sebuah parti politik yang memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti kebangsaan Melayu di Malaysia, tetapi juga menegaskan bahawa nasionalisme Melayu dalam kerangka perjuangannya adalah sebuah konstruk yang hidup, cair, dan sentiasa dirunding semula. Dengan demikian, disertasi ini secara keseluruhannya telah menepati objektif-objektif yang ditetapkan, sambil membuka ruang untuk penelitian lanjut, khususnya mengenai bagaimana naratif nasionalisme peringkat elit ini diterima, diinterpretasi, atau dicabar di peringkat akar umbi dalam konteks masyarakat Malaysia yang semakin majmuk.



BAB LIMA

ELEMEN-ELEMEN NASIONALISME MELAYU SEBAGAI STRATEGI POLITIK PAS

5.0 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan secara komprehensif elemen-elemen nasionalisme Melayu yang terkandung dalam ideologi dan perjuangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sepanjang tempoh penubuhannya pada tahun 1951 hingga era kepimpinan kontemporari. Analisis ini menumpukan kepada tiga elemen utama nasionalisme Melayu yang konsisten diperjuangkan oleh PAS, iaitu pemartabatan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan tunggal, pembangunan ekonomi masyarakat Melayu berteraskan keadilan dan integriti moral, serta transformasi sosial dan pendidikan yang bercorakkan nilai-nilai Islam-Melayu. Signifikan kajian ini terletak pada keupayaannya mengungkapkan dinamika kompleks hubungan simbiotik antara nasionalisme Melayu dan ideologi Islam dalam konteks perjuangan politik PAS. Berbeza dengan parti politik lain yang memisahkan dimensi kebangsaan daripada asas keagamaan,

PAS telah mengembangkan satu model hibrid yang unik, di mana elemen-elemen nasionalisme Melayu tidak beroperasi secara terpisah, tetapi disepadukan secara holistik ke dalam kerangka perjuangan Islam yang lebih besar. Model integrasi ini membolehkan PAS menepis tuduhan *assabiyyah* (perkauman sempit) sambil

mengekalikan relevansi perjuangannya dalam kalangan masyarakat Melayu yang menjadi pangkalan sokongan utamanya.

Bab ini juga menganalisis evolusi wacana nasionalisme dalam PAS melalui beberapa fasa kepemimpinan yang berbeza, dari era pembentukan ideologi di bawah pimpinan pengasas seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmi dan Ahmad Fuad Hassan, kepada fasa pembinaan dan pengukuhan semasa kepemimpinan Dato' Mohd Asri Muda, seterusnya kepada fasa pemurnian dan reorientasi di bawah Tuan Guru Haji Yusof Rawa, dan akhirnya fasa pengamalan kontemporer dalam era kepemimpinan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Setiap fasa ini memperlihatkan adaptasi strategik yang membolehkan PAS menavigasi cabaran politik dalaman dan luaran sambil mengekalikan teras perjuangan nasionalisme Melayunya.

5.1 Elemen nasionalisme Melayu di kalangan pemimpin PAS :Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi dan Tunggal

Berdasarkan kepada dapatan kajian dan analisis dokumentasi teks-teks ucapan Yang Dipertua PAS (kini dikenali sebagai Presiden PAS), ciri-ciri atau elemen-elemen nasionalisme Melayu dapat dikenal pasti ialah perjuangan PAS memartabatkan Bahasa Melayu melalui perkara berikut ;

5.1.1 Bahasa Melayu dan Identiti Kebangsaan Melayu sebagai Instrumen Politik PAS

Bagi menjawab persoalan kajian ketiga (RQ3) mengenai kemampuan elemen nasionalisme Melayu dijadikan sebagai strategi politik PAS, elemen bahasa Melayu muncul sebagai instrumen yang paling konsisten dan

signifikan. Bab Lima tesis ini secara eksplisit menggariskan bahawa pemartabatan Bahasa Melayu bukan sekadar dasar parti, tetapi satu manifestasi ideologi yang merentasi era kepimpinan berbeza, dari pengasas seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmi sehingga kepada era Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Analisis mendalam terhadap ucapan dasar, tindakan politik, dan pandangan pimpinan utama yang dirakam dalam transkrip temu bual menunjukkan bahawa PAS secara strategik menggunakan isu bahasa untuk mencapai dua matlamat utama: pertama, untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai pembela jati diri Melayu-Islam; dan kedua, untuk membezakan dirinya daripada pesaing politik utamanya, terutamanya UMNO.

Penekanan kepada identiti dan kebudayaan Melayu ini dapat dilihat dalam konteks perjuangan PAS iaitu Bahasa Melayu dijadikan sebagai Bahasa tunggal dan rasmi negara Malaysia (Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu). PAS telah menunjukkan sebuah ketekalan dalam memperjuangkan Bahasa Melayu untuk dijadikan Bahasa rasmi dan Bahasa kebangsaan tunggal yang digunakan di seluruh Semenanjung Tanah Melayu, termasuk jugalah di Sabah dan Sarawak. Konsistensi PAS dalam elemen ini adalah berjaya mendesak Rombongan Kemerdekaan Tanah Melayu yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra ke London supaya tidak meninggalkan asas penting bangsa Melayu antaranya Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa rasmi dan tunggal negara.³⁷³ Berikutnya konsistensi PAS dalam memartabatkan Bahasa

³⁷³ Kenyataan ini dikeluarkan oleh Dr Abbas Alias selaku Yang Dipertua PAS yang kedua melalui kawat tuntutan PAS kepada Rombongan Kemerdekaan Tanah Melayu ke London. Tuntutan ini merupakan hasil resolusi dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS kali keempat. Menurut Mohd Asri Muda, PAS memperingatkan kepada anggota Rombongan Kemerdekaan Tanah Melayu supaya tidak melupakan asas penting bangsa Melayu terhadap Tanah Melayu ini. Lihat dalam Ghani, Mohd Fadli. 2016. *Sejarah PAS : Membina Jiwa Merdeka 1951-1957*. Editor oleh Hj. Ahmad Subky Abd Latif. Kuala Lumpur: Penerbitan Harakah, hal. 435-436.

Melayu menjadi Bahasa rasmi dan tunggal kebangsaan di Tanah Melayu ini semasa PAS menghantar Memorandum kepada Suruhanjaya Reid pada tahun 1956. Salah satu tuntutan PAS terangkum dalam Perkara 10 (C) iaitu ; “Persatuan ini (PAS) menetapkan bahawa kebangsaan bagi negeri ini adalah kebangsaan melayu, kerana kedaulatan negeri ini adalah pada bangsa Melayu dan Raja-Raja Melayu. Janganlah Suruhanjaya ini mencuha untuk mengesyorkan nama kebangsaan yang lain dari kebangsaan Melayu”. Mohd Fadli Ghani (2016) menyatakan, perkara 10 (C) ini tidak menyatakan secara khusus mengenai Bahasa Melayu namun objektif utama memorandum PAS kepada Suruhanjaya Reid ini mesti ditegaskan dalam penggubalan Perlembagaan iaitu perkara yang melibatkan kerakyatan, kedudukan Bahasa Melayu, kedudukan Agama Islam dan kebudayaan Melayu yang mesti dinyatakan dengan jelas dalam perlembagaan yang dibentuk itu.³⁷⁴

Walaupun, memorandum PAS kepada suruhanjaya ini ditolak tetapi perjuangan PAS untuk memartabatkan Bahasa Melayu diteruskan melalui ucapan-ucapan dasar Yang Dipertua Agung PAS/ Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS. Tujuan utama PAS mahu menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi dan satu-satunya Bahasa kebangsaan dengan serta-merta adalah dengan adanya peruntukan seperti itu didalam Perlembagaan Persekutuan supaya Bahasa lain selain daripada Bahasa Melayu tidak akan mempunyai peluang untuk diiktiraf sebagai Bahasa rasmi di Tanah Melayu. Begitu juga PAS menolak penggunaan pelbagai Bahasa dalam Dewan

³⁷⁴ *Ibid*, Mohd Fadli Ghani (2016), hal. 470.

Undangan Negeri atas sebab yang sama untuk memastikan tidak ada ruang untuk Bahasa selain Bahasa meayu diangkat menjadi Bahasa pengantar dalam Dewan Undangan Negeri. PAS juga menolak penggunaan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa rasmi selepas sepuluh tahun kemerdekaan Tanah Melayu, lantaran itu PAS menegaskan kepada Suruhanjaya Reid bahawa bahasa rasmi dan tunggal Tanah Melayu ialah Bahasa Melayu.

Sejarah perjuangan PAS dalam isu bahasa adalah panjang dan berakar umbi sejak sebelum kemerdekaan. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam temu bualnya mengingatkan kembali tentang *tahaluf siyasi* antara PAS dan Parti Negara pimpinan Dato' Onn Jaafar. Walaupun kedua-dua parti menentang dasar Jus Soli yang dianggap mencabar kedudukan orang Melayu, Tuan Guru Presiden membezakan pendekatan kedua-dua pemimpin: "Dato' Onn memberikan penekanan kepada kebangsaan Melayu, (manakala) Dr. Burhanuddin (al-Helmi) memberikan penekanan kepada Islam itu yang perlu memimpin orang Melayu." Perbezaan ini amat penting kerana ia menunjukkan bahawa sejak awal lagi, perjuangan bahasa oleh PAS tidak pernah terpisah daripada kerangka Islam. Bahasa Melayu dipertahankan bukan semata-mata kerana ia bahasa kaum pribumi, tetapi kerana ia adalah bahasa kepada sebuah komuniti Muslim yang menjadi teras kepada negara.

Konsistensi ini terbukti berkesan berkurun kemudian dalam isu Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Bab Lima mencatatkan bahawa ketekalan PAS dalam memperjuangkan agar bahasa ibunda digunakan adalah konsisten sehinggalah

perlaksanaan PPSMI telah dimansuhkan sepenuhnya pada tahun 2009. Kejayaan ini bukan sekadar kemenangan dasar, tetapi kemenangan politik yang besar. Malah dengan mengambil pendirian tegas menentang PPSMI, PAS berjaya: Pertama, meraih simpati intelektual dan budayawan Melayu yang menyaksikan PAS berganding bahu dengan sasterawan negara, ahli akademik, dan aktivis bahasa, meletakkan parti itu di barisan hadapan dalam mempertahankan warisan kebangsaan. Kedua, PAS berjaya menonjolkan kegagalan UMNO yang mana pada ketika itu, UMNO yang menerajui kerajaan dilihat tunduk kepada arus globalisasi dan mengorbankan bahasa kebangsaan. Tindakan PAS menonjolkan mereka sebagai benteng terakhir pertahanan identiti Melayu. Ketiga, PAS berjaya mengukuhkan sokongan akar umbi kerana bagi masyarakat Melayu luar bandar yang kurang selesa dengan penguasaan Bahasa Inggeris, perjuangan PAS ini bergema kuat, dilihat sebagai usaha membela nasib anak bangsa daripada terpinggir dalam sistem pendidikan. Oleh itu, isu PPSMI menjadi bukti nyata bagaimana elemen nasionalisme (bahasa) mampu dan berjaya dijadikan strategi politik yang efektif untuk mendapatkan sokongan Melayu.³⁷⁵

Dalam analisis teks ucapan dasar Presiden PAS, juga acap kali PAS membantah Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar untuk pengajaran Matematik dan Sains (PPSMI). Ketekalan PAS dalam memperjuangkan agar bahasa ibunda digunakan sebagai medium pengajaran Matematik dan Sains adalah konsisten sehinggalah perlaksanaan PPSMI telah dimansuhkan sepenuhnya pada tahun 2009 sewaktu Tan Sri Muhyiddin Yassin

³⁷⁵ Awang, A. H. (2019, December 29). *Perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS), 1951-2021* (N. A. Abdul Manan, Interviewer) [Personal communication].

menjadi Menteri Pelajaran ketika itu. Sains dan Matematik dalam Bahasa Melayu kembali diajar di Sekolah Kebangsaan (SK), manakala bahasa ibunda kembali digunakan masing-masing di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil (SJKC/SJKT).³⁷⁶ PAS menekankan kepentingan sejarah dan budaya Bahasa Melayu di rantau ini. Pemimpin PAS berhujah bahawa Bahasa Melayu telah menjadi bahasa lingua franca di Kepulauan Melayu selama berabad-abad, dan menjadikannya bahasa rasmi akan menghormati dan memelihara warisan sejarah dan budaya ini.³⁷⁷

5.1.2 Hubungan Simbiotik Melayu-Islam dalam Wacana Bahasa

Untuk memahami strategi PAS, adalah mustahil untuk memisahkan "Melayu" daripada "Islam". Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menegaskan betapa "sebatinya Islam dengan Melayu" sehingga "bila keluar Islam sudah tidak lagi menjadi Melayu". Pernyataan ini, yang turut digemakan dalam Bab Satu, adalah kunci kepada strategi bahasa PAS. Apabila PAS memperjuangkan Bahasa Melayu, ia secara tidak langsung memperjuangkan identiti sebuah masyarakat Islam. Ini membolehkan PAS menepis sebarang tuduhan *assabiyah* (perkauman sempit) yang diharamkan oleh Islam, seperti yang dijelaskan oleh Dato' Mustafa Ali. Beliau menyatakan bahawa

³⁷⁶ Usul pemansuhan PPSMI telah mendapat sokongan sebulat suara para perwakilan PAS dalam Mukhtar Tahunan PAS ke-55 yang berlangsung di Shah Alam, Selangor pada 7 Jun 2009, seterusnya pada 8 Julai 2009, Menteri Pelajaran ketika itu, YB Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan pemansuhan kekal dasar PPSMI dengan memperkenalkan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu, Memantapkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) sebagai tawaran baharu Sistem Pendidikan Negara. Lihat Yassin, Tan Sri Muhyiddin Hj. Mohd. 2009. Memartabatkan Bahasa Melayu, Memantapkan Bahasa Inggeris: Tawaran Baru Sistem Pendidikan Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. Dicapai dari <https://www.moe.gov.my/?view=article&id=4210;memartabatkan-bahasa-melayu-memantapkan-bahasa-inggeris-tawaran-baru-sistem-pendidikan-malaysia&catid=2>

³⁷⁷ Bahasa Melayu sebagai lingua-franca di Gugusan Kepulauan Melayu seringkali menjadi intipati ucapan dasar Yang Dipertua PAS/Presiden PAS khasnya Dr. Burhanuddin Al-Helmi, Mohd Asri Muda dan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Fakta bahawa

"memperjuangkan orang Melayu (hak dan kepentingan) ini satu tuntutan yang selari dengan perjuangan Islam" dan ia bukan nasionalisme dalam "pengertian meninggalkan Islam". Strategi ini membezakan PAS daripada UMNO. Ketika UMNO (terutamanya pasca-1983) cuba menyerap nilai-nilai Islam untuk menyaingi PAS dan menurunkan retorik kebangsaan Melayu dalam perlembagaannya, PAS pula mengekalkan gabungan wacana Melayu dan Islam secara konsisten. Tuan Guru Haji Abdul Hadi menyebut bagaimana pemikir PAS generasi awal seperti Dr. Zulkifli Muhammad menggunakan istilah "Islamism dan nationalism," menunjukkan wujudnya kesedaran awal untuk mengharmonikan kedua-dua ideologi ini. Dengan meletakkan Islam sebagai pemandu (*Islam itu yang perlu memimpin orang Melayu*), PAS mampu menggunakan retorik nasionalisme Melayu tanpa terjerumus ke dalam percanggahan teologi.³⁷⁸

Yang Dipertua PAS/ Presiden PAS yang dikaji melalui ucapan dasar Mesyuarat Agung Tahunan PAS atau dikenali sebagai Muktamar Tahunan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) berpendapat bahawa menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi akan membantu memupuk nilai Islam di negara ini dan bahasa Melayu mempunyai hubungannya dengan agama dan linguistik, yang menjadi asas hujahan PAS. Oleh itu, resistensi PAS bagi menghadapi argumntasi menjadikan Bahasa Melayu sebagai elemen politik PAS, adalah untuk menyatukan orang Melayu dengan berakarkan nilai-nilai dalam Islam. Pada perseptif PAS, bagi memartabatkan Bahasa Melayu adalah untuk

³⁷⁸ Awang, A. H. (2019, December 29). *Perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS), 1951-2021* (N. A. Abdul Manan, Interviewer) [Personal communication].

memastikan negara ini bukan sekadar menjadi sebuah negara berdaulat dan berperlembagaan, malah menjadi sebuah negara-beragama dengan menjadikan Bahasa Melayu sebagai medium dakwah yang berkesan untuk rakyat bukan Islam di negara ini bahkan juga Bahasa Melayu merupakan salah satu daripada implementasi proses “*Islamization*” atau “Islamisasi” di Malaysia.³⁷⁹ Maka, jelaslah bahawa Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang acapkali menyatakan kehormatan Bahasa Melayu sebagai elemen utama dalam ucapan dasarnya sebagai Presiden PAS ketujuh. Menurut Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, konsep kebangsaan Melayu mestilah berpaksikan kepada Islam, perkara tersebut adalah jelas kerana Islam yang menjadi asas perlembagaan PAS. Berkait dengan Bahasa Melayu, menurutnya Bahasa Melayu yang menggunakan tulisan Jawi yang merupakan tulisan bahasa Arab yang merupakan bahasa al-Quran. Oleh itu, kaum atau bangsa yang menggunakan huruf bahasa al-Quran menandakan kaum tersebut begitu kuat pengaruh Islam didalam bangsa atau kaum tersebut. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang turut menegaskan bahasa Melayu merupakan bahasa ilmu dan kebanyakan kitab-kitab turath dikarang oleh ulama-ulama Melayu nusantara menggunakan tulisan jawi dan berbahasa Melayu dengan susunan kata yang indah. Hal ini menunjukkan betapa sinonimnya Islam dengan Bahasa Melayu kerana sifat kemelayuan itu tidak akan hilang selagi mana bangsa Melayu berpegang teguh dengan prinsip-prinsip Islam.

³⁷⁹ Lihat juga dalam Ahmad, Mahmud. 2003. " Islam and Economic Growth in Malaysia " M.A in Security Studies, Department of National Security Affairs Naval Postgraduate School., hal. 93 yang menjelaskan mengenai konsep negara-beragama oleh PAS. Lihat juga dalam Othman, Zairina. 1984. "Political Integration : A National Language of Malaysia." M.A in Political Science, Department of Political Science, Western Michigan University, hal. 63 yang menjelaskan Bahasa Melayu yang diperjuangkan oleh PAS adalah proses “Islamization” atau “Islamisasi” di negara Malaysia.

5.1.3 Bahasa Melayu sebagai Mekanisme Politik dan Etnosentrisme

Strategik

Konsep "etnosentrisme" sebagai strategi PAS dalam memainkan peranan memartabatkan Bahasa Melayu. Ia bukan etnosentrisme yang bersifat menindas, tetapi satu pendekatan strategik untuk: Pertama, mempengaruhi perspektif budaya dimana PAS menggunakan bahasa Melayu untuk membina satu kerangka pandang dunia (*worldview*) di mana identiti Melayu dan Islam adalah tunjang kepada negara Malaysia. Ini menjadikan sebarang dasar yang dilihat mengancam bahasa sebagai ancaman kepada keseluruhan struktur sosial dan agama. Kedua, sebagai retorik politik yang menyaksikan Bahasa Melayu digunakan secara meluas dan mahir dalam ceramah, ucapan dasar, dan manifesto PAS untuk "menjangkau dan mempengaruhi undi daripada pengundi bangsa Melayu". Penggunaan peribahasa, kiasan, dan istilah-istilah yang dekat dengan budaya Melayu menjadikan mesej PAS lebih mudah diterima oleh khalayak sasaran. Ketiga, implementasi dalaman parti sebagai bukti konsistensi dan kesungguhan PAS yang dibuktikan melalui arahan untuk "mengimplementasikan Bahasa Melayu dalam semua urusan perkaderan, pentadbiran dan jentera parti". Kondisi ini merupakan satu kondisi yang menghantar isyarat jelas bahawa perjuangan bahasa Melayu bukan sekadar retorik pilihan raya, tetapi satu amalan yang hidup di dalam parti, sekaligus meningkatkan kredibiliti mereka di mata penyokong Melayu. Isu ini dibuktikan melalui Dato' Mustafa Ali yang mengesahkan realiti ini apabila beliau menyatakan bahawa pada peringkat awal, "retorik dari segi mahu merdeka, bebas daripada Inggeris, untuk kepentingan orang Melayu sebagai pribumi asal

Malaysia memang ada penekanan pada waktu itu". Walaupun asasnya Islam, komponen "kepentingan Melayu" ini sentiasa wujud dan dieksploitasi sebagai tarikan politik.³⁸⁰

Pemimpin PAS paling kritikal dalam menjadikan Bahasa Melayu sebagai wasilah dalam mempertahankan warisan dan kebudayaan Melayu ialah Dr. Burhanuddin Al-Helmi. Terdapat beberapa faktor yang menjadikan Dr. Burhanuddin Al-Helmi begitu tegas dalam memastikan Bahasa Melayu sebagai wasilah mempertahankan kebudayaan Melayu; Pertama : Dr. Burhanuddin Al-Helmi memperbaharui tajdid falsafah peradaban dan bangsa Melayu melalui Bahasa Melayu yang pernah menjadi lingua-franca dahulunya di Gugusan Kepulauan Melayu. Lantaran itulah, konsep Melayu Raya yang diperjuangkannya adalah salah satu tajdid peradaban Melayu untuk memastikan kelangsungan bangsa Melayu setaraf dengan peradaban bangsa lain seperti peradaban Cina dan India. Kedua : Keinginan Dr. Burhanuddin Al-Helmi untuk melaksanakan tajdid peradaban Melayu melalui sendi dan dasar Islam. Hal ini dinyatakan oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi dalam karyanya *Ideologi Politik Islam dan Falsafah Kebangsaan Melayu*. Menurut Dr. Burhanuddin Al-Helmi, maruah bangsa Melayu hanya akan terbela dengan adanya Islam sebagai asas yang kuat untuk bangsa Melayu yang berdaulat. Ketiga : Dr. Burhanuddin Al-Helmi mengimplementasi Islam sebagai asas untuk mempertahankan perjuangan politik bangsa Melayu. Perkara ini

³⁸⁰ Ali, D. M. (2015, May 24). *Perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia PAS* (N. A. Abdul Manan, Interviewer) [Personal communication].

diterjemahkan melalui kepimpinannya semasa memegang jawatan Yang Dipertua PAS Ketiga.

5.1.4 Bahasa Melayu sebagai instrumen politik PAS

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) menggunakan Bahasa Melayu sebagai instrument politik dalam beberapa strategi iaitu ; Pertama, PAS menggunakan Bahasa Melayu dalam komunikasi dan retorik politik untuk menjangkau dan mempengaruhi undi dalam kalangan orang Melayu. Bahasa Melayu digunakan dalam pidato dan aktiviti ceramah pilihan raya, bahan pemasaran politik, dan media sosial untuk menyampaikan informasi dan visi parti. Kedua, PAS menggunakan Bahasa Melayu sebagai simbol identiti dan kebangsaan Melayu sebagaimana dalam siri-siri ucapan Yang Dipertua PAS/Presiden PAS di Mukhtar Tahunan PAS. Dalam konteks ini, Bahasa Melayu bukan hanya alat komunikasi, tetapi juga simbol penting dari identiti Melayu yang menjadi tunjang kepada bangsa Malaysia. Ketiga, PAS menggunakan Bahasa Melayu dalam pendidikan dan perkaderan politik parti. Hal ini termasuklah penggunaan Bahasa Melayu dalam bahan pelatihan, seminar, dan kursus yang diselenggarakan oleh parti. Keempat, PAS sememangnya menjadikan Bahasa Melayu sebagai salah satu elemen dalam manifesto mereka untuk meraih undi dari pengundi Melayu. PAS memahami bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa ibunda bagi pengundi Melayu dan merupakan bahagian penting dari identiti dan budaya orang Melayu. Oleh itu, PAS berkomitmen untuk mempertahankan dan mempromosikan Bahasa Melayu dalam berbagai aspek kehidupan masyarakat, termasuk dalam pendidikan, pentadbiran, dan media. Secara langsungnya, PAS menganggap Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan

peradaban yang penting dalam memperjuangkan dan mempertahankan identiti Melayu-Islam di Malaysia.

5.2 Faktor-faktor yang mendorong PAS menjadikan Bahasa Melayu sebagai elemen nasionalisme Melayu dalam kerangka kepartian.

PAS menjadikan Bahasa Melayu sebagai ketekalan agenda kepartian kerana pemahaman pemimpin utama PAS terhadap sejarah dan budaya Melayu yang bersifat superorganik³⁸¹ dan etnosentrisme³⁸². Signifikasi kepada Bahasa Melayu yang bersifat superorganik itu adalah disebabkan oleh sebahagian pemimpin PAS merasai sendiri evolusi penggunaan Bahasa Melayu di negara ini iaitu Bahasa Melayu yang bertulisan Jawi atau dikenali juga sebagai Bahasa Melayu Klasik, kemudiannya Bahasa Melayu Klasik juga telah direvolusikan dengan pengambilan tulisan rumi yang disesuaikan dengan bahasa tersebut, menandakan bahasa Melayu bukan lagi sekadar bahasa elit dan kini menjadi bahasa yang lebih luas. Namun begitu, kesan daripada penjajahan Barat di Tanah Melayu, Bahasa Melayu telah dikesampingkan khasnya daripada digunakan diperingkat perundangan dan pentadbiran negara berbanding Bahasa

³⁸¹ Superorganik dalam konteks kebudayaan merupakan sebuah idealisme yang diperkenalkan oleh A. L. Kroeber. Beliau menyatakan bahawa Konsep "superorganic" dalam konteks kebudayaan merujuk kepada idealisme kebudayaan yang berkembang dan berubah secara mandiri, melepaskan diri dari evolusi organik individu atau masyarakat. Dalam konteks kebudayaan sesebuah bangsa, konsep superorganik menunjukkan bahawa kebudayaan bangsa tersebut bukan hanya hasil dari interaksi dan pengalaman individu dalam masyarakat tersebut, tetapi juga merupakan entiti yang berdiri sendiri yang berkembang dan berubah seiring waktu, terlepas dari individu-individu yang membentuknya. Hal ini bermaksud Bahasa Melayu merupakan superorganik kebudayaan bangsa Melayu yang berevolusi dan sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Lihat dalam Kroeber, A.L. 1917. "The Superorganic." *American Antropologist : New Series* 19 (2):51.

³⁸² Etnosenterisme ialah merupakan strategi sebuah kumpulan untuk mempengaruhi dan mempertahankan budayanya sendiri daripada pengaruh kebudayaan asing. Etnosentrisme adalah kecenderungan untuk melihat budaya sendiri sebagai lebih unggul daripada yang lain dan menggunakan standar budaya sendiri untuk menilai budaya lain. Perspektif ini dapat membawa kepada rasa bangga budaya yang kuat dan mungkin membantu memelihara budaya kumpulan dengan mengukuhkan nilai dan kepentingan amalan serta norma budayanya. Maka, PAS melihat Bahasa Melayu adalah etnosentrisme bagi memastikan kebudayaan bangsa Melayu tidak dipengaruhi oleh kebudayaan asing kerana menjaga nilai dan kehebatan peradaban Melayu. Lihat dalam Othman, Mohd Irwan Syazli Saidin dan Balqis Bazilah. 2021. "Perkembangan Politik Malaysia Pasca PRU-12 : Satu tinjauan menerusi perspektif Etnosentrisme." *Akademika* 91 (3):9, hal. 55.

Inggeris yang mendominasinya. Lantaran itu, pemimpin PAS berpandangan Bahasa Melayu adalah satu identiti kebangsaan yang tidak boleh diubah sama sekali dan perlu dipertahankan.

Manakala etnosentrisme yang bermaksud cara untuk mempengaruhi yang merujuk kepada kecenderungan untuk melihat dunia melalui perspektif budaya atau etnik sendiri dan menilai budaya lain berdasarkan piawaian nilai budaya sendiri, maka etnosentrisme yang dimaksudkan dalam perbincangan ini ialah cara PAS memainkan peranan penting dalam perjuangan parti dalam memartabatkan Bahasa Melayu sebagai agenda atau elemen politik kepartian dengan strategi berikut ; Pertama, etnosentrisme mempengaruhi cara PAS memandang dan memahami peranan Bahasa Melayu dalam masyarakat Melayu dan Malaysia secara keseluruhan. Dalam konteks ini, Bahasa Melayu bukan hanya dianggap sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai simbol penting dan pengaruh agenda politik PAS sebagai cara untuk mempertahankan dan memperkuat identiti dan kebangsaan Melayu. Kedua, etnosentrisme juga mempengaruhi cara gerak kerja politik PAS menggunakan Bahasa Melayu dalam kempen dan manifesto politik untuk pilihan raya. PAS menggunakan Bahasa Melayu sebagai retorik politik untuk menjangkau dan mempengaruhi undi daripada pengundi bangsa Melayu. Ketiga, cara PAS mempengaruhi ahli dan anggota parti PAS untuk mengimplementasikan Bahasa Melayu dalam semua urusan perkaderan, pentadbiran dan jentera parti bagi membuktikan kesungguhan PAS untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan tunggal negara ini.

5.3 Ekonomi Melayu dan Pembangunan Moral sebagai Teras Sokongan terhadap PAS

Perjuangan ekuiti Ekonomi Melayu dalam wacana PAS sudah bermula sejak era penubuhan PAS, dimana kecaknaan PAS dalam pembangunan ekonomi orang Melayu menjadi salah satu tonggak nasionalisme PAS. Ekonomi Melayu acapkali dibicarakan dan dibahasakan secara berterusan oleh setiap Presiden dan Yang Dipertua parti. daripada Ahmad Fuad Hassan hingga Dr. Burhanuddin Al-Helmi khususnya yang menekankan kedudukan Melayu yang ketinggalan dari segi pendidikan dan kemakmuran, lalu menyusun strategi untuk merapatkan jurang tersebut melalui kerjasama komuniti, koperasi Islam, dan institusi zakat sebagai mekanisme pemerkasaan ekonomi Melayu. Semasa pra dan pasca kemerdekaan Tanah Melayu, PAS menggunakan kerjasama politik dengan UMNO (dahulunya dikenali sebagai Parti Perikatan) dan kemudian kempen luar pentadbiran untuk menuntut program-program khusus dibagi petani dan peneroka FELDA. Sewaktu dibawah kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda yang memegang portfolio Menteri Pembangunan Wilayah yang berkait dengan FELDA, PAS memperkenalkan guru agama ke dalam penempatan FELDA bagi memupuk kesedaran Islam serentak itu juga PAS menyediakan latihan berketrampilan bagi meningkatkan daya saing ekonomi Melayu khususnya di perkampungan FELDA.

Berdasarkan kepada analisis dokumen teks ucapan dasar Yang Dipertua PAS Pertama sehingga ketujuh (kini dikenali sebagai Presiden PAS), terangkum dengan satu rumusan yang tuntas iaitu kritikan pemimpin PAS terhadap pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang didakwa gagal dalam meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu dan ekuiti Melayu dalam institusi pelaburan negara. Kritikan ini berterusan

kerana PAS percaya bahawa walaupun DEB telah dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan pegangan ekuiti oleh orang Melayu dan Bumiputera hingga 30 peratus, sasaran ini belum sepenuhnya tercapai sepenuhnya. PAS mengkritik DEB kerana percaya bahawa dasar tersebut tidak cukup efektif dalam mengatasi masalah struktural yang lebih mendalam terhadap masalah yang dihadapi oleh orang Melayu dalam ekonomi. Hal ini termasuk isu-isu seperti kepemilikan korporat dan peluang ekonomi yang tidak seimbang berbanding bangsa lain.

Kritikan PAS dalam isu DEB adalah berasas dan tepat kerana Perdana Menteri Malaysia kesembilan mengakui DEB gagal untuk mencapai 30 peratus ekuiti Melayu dan Bumiputera untuk menangani masalah ketidakseimbangan ekonomi pelbagai kaum di negara ini.³⁸³ Tidak cukup dengan itu, kritikan PAS terhadap DEB adalah disebabkan oleh sasaran DEB hanya tertumpu kepada kelompok elit Melayu yang berada di kawasan bandar sahaja. Perkara ini diakui oleh Ahli Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah yang menurutnya, kegagalan DEB ini adalah disebabkan oleh sikap segelintir usahawan Melayu Bumiputera yang mengamalkan konsep perniagaan ‘Ali Baba’ (mengagihkan tender projek tertentu kepada sekutu) sekaligus melahirkan usahawan Melayu yang hanya meraih laba dan keuntungan atas angin, tanpa usaha yang signifikan dan tidak menyumbang kepada produktiviti.³⁸⁴ Tuan Guru Haji Hashim Jasin menegaskan bahawa PAS membina naratif “ekonomi moral” dengan menonjolkan aspek integriti dan kejujuran pimpinan, menyindir amalan rasuah dalam parti lain. Beliau menjelaskan bahawa petugas dan jentera PAS yang tidak terpalit

³⁸³ Ucapan YAB Dato’ Seri Ismail Sabri Yaakob semasa melancarkan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) pada 6 Disember 2021.

³⁸⁴ Hamzah, Tengku Razaleigh. 2014. Ku Li: Barah Ali Baba di bumi M’sia. edited by Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kuala Lumpur: Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/277822>

skandal SPRM, ditambah amalan korban semasa Aidil Adha, menjadi simbol kesediaan mereka berkorban demi kepentingan ummah tanpa memikirkan keuntungan peribadi. Strategi ini bukan sekadar retorik; Dewan Pemuda PAS Pusat menggerakkan tabung amanah dan skim simpanan berlandaskan prinsip ta'awun (tolong-menolong), memastikan sokongan Melayu terikat bukan hanya pada janji program, tetapi pada kepercayaan terhadap moral ekonomi Islam. Keberkesanan pendekatan ini terbukti dalam pilihan raya negeri dan Parlimen apabila kawasan FELDA dan luar bandar Melayu kekal menjadi kubu kuat PAS.³⁸⁵

Konsistensi PAS dalam mengkritik dasar ekonomi yang diperkenalkan oleh UMNO dan Barisan Nasional dapat juga dilihat semasa ucapan perbahasan Belanjawan di Dewan Rakyat selain daripada ucapan dasar Presiden PAS di Mukhtamar Tahunan PAS. Menurut Dato' Haji Fadzil Mohd Nor, PAS menyeru agar terdapatnya dukungan terhadap perniagaan kecil dan sederhana (IKS) yang majoritinya terdiri daripada peniaga-peniaga Melayu, begitu juga dengan pembentukan dan kewujudan peluang pekerjaan dengan menggalakkan syarikat-syarikat berkaitan Bumiputera khususnya untuk melaburkan keuntungan syarikat dalam projek pembangunan domestik sekaligus membuka peluang pekerjaan baharu untuk penganggur yang terdiri daripada anak-anak Melayu yang mendapat pendidikan tinggi. Kritik PAS terhadap dasar ekonomi kerajaan berasal dari akibat langsung dari dasar DEB ini, yang pada mulanya bermaksud untuk meningkatkan peluang ekonomi bagi orang Melayu dan meningkatkan kepentingan mereka dalam sektor awam dan swasta tetapi dimonopoli

³⁸⁵ Jasin, H. (2025, May 12). *Perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia, 1951-2021* (N. A. Abdul Manan, Interviewer) [Personal communication].

oleh kelompok 3K iaitu Kroni, Kolusi dan Korupsi khasnya apabila Dasar Penswastaan dilaksanakan.³⁸⁶

5.4 Faktor-faktor yang mendorong PAS menjadikan Ekonomi Melayu sebagai elemen nasionalisme Melayu dalam kerangka kepartian.

Oleh itu, bagi memperlihatkan bahawa PAS begitu prihatin dengan permasalahan ekonomi Melayu, beberapa cadangan dan kerangka model ekonomi yang PAS tunjukkan demi memastikan ekonomi Melayu ditingkatkan bermula sejak pra-penubuhan PAS. Faktor pertama, Ustaz Abu Bakar al-Baqir pernah menganjurkan sebuah persidangan ekonomi Melayu di Gunung Semanggol, Perak pada tahun 1947 bagi membincangkan rancangan penyusunan semula untuk memajukan ekonomi bangsa (Melayu) dan negara. Persidangan ekonomi anjuran Ustaz Abu Bakar al-Baqir ini mencapai beberapa ketetapan antaranya hak istimewa orang Melayu dalam ekonomi dan adanya wakil orang Melayu dalam Majlis Mesyuarat Negeri dan Persekutuan seterusnya menubuhkan sebuah lembaga yang mengawalselia pembangunan ekonomi orang Melayu yang dikenali sebagai Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS). Namun begitu, PEPERMAS ini telah terbubar selepas pihak British telah mengharamkan Parti Hizbul al-Muslimin dibawah Ordinan Darurat 1948. Faktor kedua, PAS mahu memastikan pembangunan ekonomi orang Melayu mestilah memenuhi prinsip *al-Mujtama' al-Madani* iaitu prinsip semak dan imbang dalam memastikan pertumbuhan ekonomi memenuhi aspirasi masyarakat sivil yang bersifat *Syumul* iaitu memenuhi kesempurnaan keperluan hidup menurut Islam. Maka, atas prinsip inilah Kerajaan Kelantan dan Kerajaan Terengganu melaksanakan pembangunan ekonomi negeri sesuai dengan kehendak syariat Islam dan memastikan

³⁸⁶ Stark, Jan. 2004. "Constructing an Islamic Model in Two Malaysian States: PAS rule in Kelantan and Terengganu." *Sojourn : Journal of Social Issues in Southeast Asia* 19 (1):25, hal.64

konsep *amal makruf nahi mungkar* agar tadbir urus ekonomi negeri selaras dengan nilai-nilai *Islamic Governance* yang dipraktikkan.³⁸⁷ Faktor ketiga, PAS memperkenalkan Dokumen Hijau³⁸⁸ sebagai model ekonomi negara bagi mengatasi permasalahan ekonomi yang dihadapi oleh rakyat khususnya orang Melayu. Dokumen Hijau yang diterbitkan oleh Pusat Penyelidikan PAS (PPP) menonjolkan model ekonomi yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam. Dalam mengatasi permasalahan hidup rakyat; Prinsip pertama adalah harta negara tidak boleh berlegar di kalangan golongan kaya sahaja. Justifikasi ini bermakna, harta atau kekayaan negara harus diagihkan secara adil dan merata di antara semua lapisan masyarakat, bukan hanya terkumpul di tangan segelintir golongan kaya. Prinsip ini sejajar dengan ajaran Islam yang menekankan keadilan dan kesaksamaan harta. Prinsip kedua adalah cukai diambil daripada lebih golongan kaya untuk diagihkan kepada golongan miskin. Ini adalah konsep zakat dalam Islam, di mana golongan kaya dikenakan cukai untuk membantu golongan miskin, begitu juga dengan pemerksanaan konsep *infaq*, *wakaf* dan *sedekah* di kalangan umat Islam bagi membantu dalam meningkatkan taraf sosioekonomi umat Islam. Prinsip ketiga adalah menaikkan taraf golongan miskin dan penurunan kos sara hidup adalah sasaran utama sistem ekonomi Islam.

Hal ini menunjukkan bahawa sistem ekonomi Islam berorientasikan kesejahteraan sosial dan bukan hanya keuntungan ekonomi semata-mata. Prinsip keempat adalah

³⁸⁷ Stark, Jan. 2004. "Constructing an Islamic Model in Two Malaysian States: PAS rule in Kelantan and Terengganu." *Sojourn : Journal of Social Issues in Southeast Asia* 19 (1):25, hal. 65.

³⁸⁸ Dokumen Hijau PAS dihasilkan oleh Pusat Penyelidikan PAS (PPP) dibawah Pengarah, Dr. Mohd Zuhdi Marzuki pada tahun 2017. Dokumen ini merupakan sebahagian daripada keupayaan PAS untuk merealisasikan politik rasional dan profesional berdasarkan prinsip-prinsip Islam bagi mencakupi berbagai dasar dan prinsip penting yang berkaitan dengan pembangunan, kesaksamaan, dan pengukuhan ekonomi negara dan rakyat. Dokumen Hijau adalah rentetan daripada perancangan Wawasan Induk Negara Sejahtera 2050 (WINS 205) yang diperkenalkan semasa era kepimpinan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang sebagai Presiden PAS ketujuh dan kemudiannya menjadi tawaran baharu PAS kepada solusi kerangka permasalahan ekonomi rakyat dalam siri Pilihan Raya Umum ke 14 dan 15.

Fardu Kifayah dalam penyediaan keperluan hidup masyarakat. Perkara ini bermakna, setiap individu dalam masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk memenuhi keperluan hidup masyarakat. Jika terdapat individu atau golongan yang tidak mampu memenuhi keperluan mereka, maka tanggungjawab itu jatuh kepada masyarakat secara keseluruhan untuk memenuhinya, konsep ini dikenali sebagai *at-Ta'awun*. Prinsip kelima adalah anti monopoli dan anti '*Ghulul*'. Ini menunjukkan bahawa sistem ekonomi Islam menentang sebarang bentuk penindasan ekonomi dan penyelewengan harta serta memonopoli sektor-sektor ekonomi dan keperluan hidup rakyat.

Dalam Dokumen Hijau ini juga, PAS menawarkan beberapa cadangan untuk mengatasi permasalahan ekonomi negara iaitu cadangan pertama adalah pelaksanaan sistem percukaian dengan penyelesaian cukai ke atas simpanan syarikat dan korporat, serta cukai saham di Bursa Saham Malaysia. Cadangan kedua adalah mengatasi kejatuhan matawang Ringgit Malaysia dan kesannya ke atas perbelanjaan negara dan rakyat, dengan penyelesaian berupa penggantian cukai import dan penelitian semula terhadap transaksi kontrak kerajaan. Cadangan ketiga adalah mengatasi kenaikan kos sara hidup. Penyelesaian yang ditawarkan adalah melalui program mampu memiliki rumah sebagai alternatif kepada program rumah mampu milik. Isu ini melibatkan kaedah *al-Musyarakah*, iaitu perkongsian pemilikan bersama kerajaan dengan pembayaran bertangguh, dan kaedah *Sukuk al-Ijarah* melalui perkongsian pemilikan dengan individu atau organisasi. Selain itu, PAS juga mencadangkan elaun kos sara hidup sementara oleh majikan swasta sebagai langkah penyelesaian jangka pendek. Keseluruhan cadangan ini menunjukkan komitmen PAS dalam mewujudkan sistem ekonomi yang adil dan berkeadilan sosial berdasarkan prinsip-prinsip Islam.

5.5 Dimensi Sosial dan Pendidikan orang Melayu sebagai Medan Dakwah dan Pengaruh

Elemen sosial dan pendidikan merupakan salah satu daripada tiga tunjang utama nasionalisme Melayu yang diperjuangkan oleh PAS secara konsisten sejak era kepimpinan pengasasnya. Bab Lima menggariskan bahawa peranan pemimpin PAS dalam mempertahankan nilai-nilai tradisional dan memupuk semangat kebangsaan Melayu melalui sistem pendidikan sentiasa menjadi agenda penting. Strategi ini dilaksanakan melalui dua serampang utama: mempengaruhi sistem pendidikan formal dan membangunkan ekosistem pendidikan tidak formal yang menjadi benteng ideologi parti. Dato' Mustafa Ali dalam temu bualnya memberikan contoh klasik bagaimana strategi ini dilaksanakan secara praktikal. Ketika Dato' Mohd Asri Muda memegang portfolio menteri yang menjaga hal ehwal FELDA, beliau secara strategik memperkenalkan program dakwah dan membawa masuk guru-guru agama ke dalam komuniti peneroka. Langkah ini bukan sekadar untuk meningkatkan kefahaman agama, tetapi merupakan satu usaha "menanam" pengaruh PAS secara langsung ke dalam masyarakat akar umbi Melayu. Dengan menyatukan pembangunan ekonomi (melalui FELDA) dengan pembangunan rohani (melalui dakwah), PAS berjaya membina satu model holistik yang mengikat kesetiaan para peneroka bukan sahaja kepada program kerajaan tetapi juga kepada agenda Islam yang dibawa oleh parti. Ini menunjukkan bagaimana pendidikan (dalam bentuk dakwah) digunakan sebagai alat untuk mempengaruhi struktur sosial masyarakat Melayu dari dalam.³⁸⁹

³⁸⁹ Ali, D. M. (2015, May 24). *Perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia PAS* (N. A. Abdul Manan, Interviewer) [Personal communication].

Bagi PAS yang menjadikan dakwah sebagai instrumen kejuruteraan sosial dan politik yang bukan sekadar penyampaian ilmu agama, tetapi satu instrumen yang ampuh untuk melakukan kejuruteraan sosial (*social engineering*) bagi membentuk masyarakat yang selari dengan nilai-nilai Islam yang diperjuangkannya. Pengalaman PAS semasa berada dalam Kerajaan Campuran (1974–1977) menjadi bukti paling jelas tentang bagaimana pengaruh politik digunakan untuk menterjemahkan agenda sosial dan pendidikan kepada dasar awam. Dato' Mustafa Ali menceritakan bagaimana beliau dan pimpinan Pemuda PAS pada ketika itu memainkan peranan proaktif dalam melaksanakan "amar makruf nahi mungkar" dalam pentadbiran negara. Antara kejayaan signifikan yang dicapai ialah, pertama, Menghapuskan Iklan Judi di Televisyen: Beliau secara peribadi bertemu dengan Menteri Penerangan ketika itu untuk meminta agar iklan-iklan perjudian seperti Magnum TOTO dihentikan siarannya di media utama negara. Permintaan itu diterima baik dan dilaksanakan, menandakan satu kemenangan simbolik yang besar bagi PAS dalam membersihkan ruang sosial daripada anasir yang dianggap tidak bermoral dan kedua, PAS pernah membantah hidangan arak dalam Jamuan Rasmi Negara. Tindakan PAS mengambil pendirian tegas untuk tidak akan menghadiri sebarang jamuan rasmi negara jika arak masih dihidangkan. Pendirian ini disampaikan terus kepada Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak, yang akhirnya bersetuju untuk menghapuskan hidangan arak dalam majlis rasmi kerajaan.³⁹⁰ Tindakan-tindakan ini menunjukkan bahawa strategi sosial PAS bukan sekadar retorik. Apabila diberi peluang, PAS akan menggunakan kuasa politiknya untuk mengubah norma sosial dan menginstitusikan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Ini secara langsung memperkukuh imej PAS sebagai pembela

³⁹⁰ Ibid.

moral masyarakat Melayu-Islam yang sejati, sekali gus memenuhi elemen nasionalisme Melayu yang terikat pada pemeliharaan nilai budaya dan agama.

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperolehi, pemimpin utama Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dari tahun 1951 hingga 2021 telah mempengaruhi aspek sosial dan pendidikan orang Melayu di Malaysia melalui beberapa cara khasnya melalui ucapan dasar Yang Dipertua dan Presiden PAS di Muktamar Tahunan PAS. Secara umumnya, dalam aspek sosial, pemimpin PAS telah memperjuangkan hak ketuanan Melayu-Islam, yang merupakan elemen penting dalam nasionalisme Melayu. Perkara ini termasuk mempertahankan hak dan kepentingan orang Melayu dalam bidang politik dan sosial, seringkali melalui pendekatan yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam. Oleh itu, beberapa agenda penerapan nilai sosial Islam yang dilaksanakan oleh PAS dapat dilihat semasa PAS berada didalam Kerajaan Perikatan pada tahun 1973 sehingga 1977. Ketika itu, PAS dibawah kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda sebagai yang Dipertua PAS keempat. Selama tempoh itu, beliau dilantik sebagai Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas (Hal Ehwal Agama) dari 1 Januari 1973 hingga 4 September 1974. Penglibatan PAS dalam kerajaan campuran dengan Perikatan, yang kemudiannya dikenali sebagai Parti Barisan Nasional (BN), merupakan langkah strategi politik yang diambil oleh PAS untuk mengekalkan ketuanan Melayu-Islam dan menyerapkan agenda Islamisasi dalam pemerintahan. Penglibatan ini mencerminkan pendekatan PAS yang berusaha untuk memperjuangkan dan melindungi hak-hak Melayu-Islam serta memastikan bahawa prinsip-prinsip Islam diintegrasikan bersama dasar-dasar kerajaan tambahan pula Mohd Asri Muda juga bertanggungjawab terhadap portfolio Menteri Tugas-Tugas (Hal Ehwal Islam). Maka, memudahkan PAS untuk menjalankan agenda dakwah.

Dalam aspek pendidikan, pemimpin PAS telah memainkan peranan penting dalam memperjuangkan peningkatan akses dan kualiti pendidikan untuk orang Melayu. Sebagaimana PAS memperjuangkan Bahasa Melayu untuk dimartabatkan sebagai bahasa rasmi dan tunggal negara. Usaha-usaha PAS dalam meningkatkan pendidikan orang Melayu bukanlah sesuatu yang baharu. Semasa pemimpin-pemimpin awal PAS seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmi dan Ustaz Abdul Rabb Tamimi telah dilantik sebagai Ketua dan Setiausaha Jawatankuasa Penaja bagi penubuhan universiti pertama di Tanah Melayu yang dikenali sebagai Universiti Hang Tuah yang dikelolakan oleh Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR) pada 16 Mac 1947, lima bulan selepas penubuhan Jawatan Kuasa Penaja Universiti Hang Tuah, LEPIR menubuhkan pula *Kulliyah al-Muallimin* sebuah kolej perguruan untuk melatih guru-guru Melayu dengan mengadakan pengambilannya pada 17 Ogos 1948.

Penajaan kedua-dua pusat pengajian ini adalah atas prinsip “Kebangsaan dan Keislaman” bagi melahirkan rakyat yang sedar dan peka terhadap perjuangan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini terhenti kerana institusi tersebut dikaitkan dengan ancaman kepada pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu ketika itu dan ditutup atas perintah Ordinan Darurat 1948. Cabaran yang dihadapi oleh PAS dalam melaksanakan dasar sosial dan pendidikan adalah pelbagai dan bersifat dinamik dalaman dan lanskap politik dan sosial Malaysia yang lebih luas. Beberapa cabaran yang dapat diperbincangkan dalam usaha pemimpin PAS untuk memastikan nasionalisme Melayu dalam konteks sosial dan pendidikan dapat dicapai ialah : Pertama, pertentangan dan rintangan Politik : Pemimpin utama PAS sering menyatakan bahawa PAS menghadapi rintangan dari parti politik lain dan faksi dalam Malaysia khasnya UMNO yang tidak berkongsi visi mereka untuk negara,

terutamanya penekanan mereka pada prinsip Islam. Pertentangan ini boleh membuatnya sukar untuk meluluskan undang-undang, dasar parti atau melaksanakan dasar-dasar politik, terutamanya apabila PAS bukan parti pemerintah atau adalah sebahagian daripada kerajaan gabungan dengan agenda yang berbeza. Hal ini dapat dilihat ketika era kepimpinan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang yang menyaksikan penubuhan Muafakat Nasional (MN)³⁹¹ yang menjadi kemuncak kepada perkembangan sosial orang Melayu dalam menyatukan politik perpaduan bangsa Melayu yang lama berseteru antara PAS dan UMNO. Aspek sosial dalam mempertahankan identiti Melayu yang kuat merupakan asas kepada penyatuan dalam Muafakat Nasional. Kerjasama ini berusaha untuk memperkukuhkan kedudukan orang Melayu sebagai kelompok majoriti di Malaysia. Dalam konteks ini, MN berfungsi sebagai platform untuk mempromosikan nilai-nilai kebudayaan dan agama yang menjadi teras kepada identiti Melayu, termasuk penghayatan terhadap Islam sebagai agama rasmi dan cara hidup masyarakat Melayu.³⁹²

Kedua, mengimbangi kepentingan Agama dan masyarakat majmuk : sebagai parti yang mempromosikan nilai-nilai Islam, PAS mempunyai cabaran untuk menyeimbangkan prinsip agama dengan kepentingan penduduk Malaysia yang majmuk. Lantaran itu, sebagai alternatif kepada kemelut ini, agenda pendidikan dalam

³⁹¹ Permulaan Muafakat Nasional (MN) antara Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada 14 September 2019 menandakan satu titik penting dalam perkembangan ideologi nasionalisme Melayu di Malaysia. Kerjasama ini muncul sebagai respons terhadap cabaran politik yang dihadapi oleh kedua-dua parti, terutamanya selepas perubahan landskap politik pasca Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14). Muafakat Nasional bertujuan untuk menyatukan kekuatan Melayu-Islam dalam menghadapi pelbagai isu yang melibatkan kepentingan umat Melayu dan Islam di negara ini. Lihat dalam Shamsul Anuar Nasarah. (2019, September 15). *Muafakat Nasional Permulaan Rasmi Untuk UMNO-PAS Melangkah Lebih Jauh*. UMNO Online. <https://umno-online.my/2019/09/15/muafakat-nasional-permulaan-rasmi-untuk-umno-pas-melangkah-lebih-jauh/>

³⁹² Dewan Ulama PAS Pusat. (2019, September 22). *Piagam Muafakat Nasional Untuk Kestabilan Negara - Berita Parti Islam Se-Malaysia*. Berita Parti Islam Se-Malaysia (PAS). <https://berita.pas.org.my/piagam-muafakat-nasional-untuk-kestabilan-negara/>

PAS dilaksanakan secara program dalaman dan diuruskan oleh Dewan-Dewan PAS, sebagai contohnya Dewan Ulama PAS Malaysia dipertanggungjawabkan untuk mengurus Kolej Universiti Zulkifli Muhammad (KUIZM) yang ditubuhkan 6 Disember 2009 di Kompleks PAS Taman Melewar, Gombak. Dewan Pemuda PAS Malaysia pula diberikan tanggungjawab untuk menguruskan institusi pendidikan awal kanak-kanak yang dikenali sebagai Pusat Asuhan Tunas-tunas Islam (PASTI) pada 10 April 1987, disusuli dengan penubuhan Sekolah Rendah Islam Teras Islam (SRITI) pada tahun 2016 dan Sekolah Menengah Islam Teras Islam (SMITI) setahun kemudian iaitu 2017. Tidak cukup dengan itu, hasil daripada seruan Presiden PAS khasnya Dato' Fadzil Mohd Nor dan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam Muktamar Tahunan PAS agar PAS di peringkat negeri untuk menubuhkan institusi pendidikannya tercapai iaitu penubuhan Kolej Islam Darul Ulum (KIDU) di Pokok Sena, Kedah dan Kolej Universiti Darul Quran Islamiah (KUDQI) di Kuala Terengganu.

Ketiga, kekekangan Sistem Pendidikan: sistem pendidikan Malaysia mempunyai set cabaran tersendiri, termasuk isu berkaitan dengan pembiayaan, kualiti pendidikan, dan keseimbangan antara kecekapan bahasa kebangsaan dan Bahasa Inggeris. Usaha PAS untuk mempengaruhi sistem pendidikan harus menavigasi kekangan yang ada ini dan potensi penolakan dari pihak berkepentingan yang mungkin mempunyai keutamaan pendidikan yang berbeza. Oleh sebab itulah, Majlis Pendidikan Tinggi PAS dan Sektor Pendidikan Dewan Pemuda PAS Malaysia menggubal sendiri kurikulum untuk memastikan objektif dan falsafah pendidikan PAS dapat diterapkan dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin.³⁹³ Bahkan, kurikulum

³⁹³ Suhaili, Muhtar. 2019. Sektor Pendidikan : Dari TASTI, PASTI, SRITI, SMITI, KOLEJ UNIVERSITI DAN MENUJU UNIVERSITI. Kuala Lumpur: Dewan Pemuda PAS Malaysia. Kurikulum yang digubal oleh Sektor Pendidikan DPPM untuk pendidikan awal kanak-kanak, rendah dan menengah ialah KAFFAH atau Kurikulum Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah sebagai teras disamping

yang digunapakai dalam pendidikan arus perdana juga diamalkan di institusi pendidikan rendah dan menengah kelolaan Dewan Pemuda PAS Malaysia. Walaupun terdapat kekangan, seperti perlaksanaan *Dual Language* dalam Sains dan Matematik, kurikulum pendidikan yang digubal oleh PAS masih teguh menggunakan Bahasa Melayu sebagai medium pengajarannya.

Keempat, faktor sosioekonomi : perbezaan sosioekonomi di Malaysia boleh mempengaruhi pelaksanaan dasar sosial dan pendidikan. PAS mempertimbangkan keperluan penduduk desa dan bandar yang miskin, dan menangani isu seperti akses pendidikan berkualiti dan perkhidmatan sosial, yang boleh menjadi sangat mencabar di kawasan yang kurang beruntung. Tidak hairanlah jika insituti-institusi pendidikan PAS berada di kawasan luar bandar dan pinggir bandar bagi memudahkan ibubapa mengakses pendidikan berkualiti untuk anak-anak mereka dengan kadar yuran yang mampu dibayar.³⁹⁴ Kesimpulannya dalam aspke sosial dan pendidikan ini, cabaran PAS dalam melaksanakan dasar sosial dan pendidikan adalah kompleks dan melibatkan navigasi pertentangan politik, menyeimbangkan kepentingan agama dan sekular, menangani isu sistemik dalam pendidikan, menyesuaikan diri dengan aliran Islam global, mengurus dinamik parti dalaman, mengatasi perbezaan sosioekonomi, merespon pergeseran budaya dan demografi, dan menghadapi halangan undang-undang dan institusi.

menggunakan kurikulum arus perdana iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) serta Kurikulum KAFA oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (KAFA). Oleh itu, sistem pendidikan PAS lebih terangkum dan bersepadu dengan adanya penyerapan tiga kurikulum pendidikan serentak.

³⁹⁴ Untuk rekod, sehingga akhir 2023, Statistik Sektor Pendidikan Dewan Pemuda PAS Malaysia mempunyai 2,680 buah PASTI dengan 9,002 Guru dan 139,091 Murid, 154 cawangan SRITI dengan 2,422 Guru dan 23,972 Murid serta 15 buah SMITI dengan 68 Guru dan 490 Pelajar di seluruh negara. Jumlah ini bertambah mengikut permintaan dan keperluan komuniti setempat.

PAS meletakkan prinsip pembinaan akhlak dan moral orang Melayu yang bersendirikan kepada adat-istiadat selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam sebagai naratif kontra-hegemoni bagi mendapatkan kuasa politik. Naratif ini diimplementasikan dalam landskap politik yang sering didominasi oleh isu-isu ekonomi dan pembangunan material, PAS secara konsisten menawarkan satu naratif alternatif yang berteraskan pembinaan akhlak dan moral. Tuan Guru Haji Hashim Jasin dalam temu bualnya menekankan bahawa strategi jangka panjang PAS adalah untuk mengubah orientasi masyarakat daripada mementingkan kebendaan kepada menghargai "moral dan akhlak yang baik".³⁹⁵ Beliau menjadikan amalan korban sempena Hari Raya Aidiladha sebagai contoh bagaimana *tarbiah* (pendidikan) yang dibawa oleh PAS secara tidak langsung telah berjaya meningkatkan kesedaran beragama dan semangat berkorban dalam kalangan masyarakat. Peningkatan jumlah haiwan korban setiap tahun dilihat bukan sebagai angka semata-mata, tetapi sebagai petunjuk kejayaan pendidikan moral PAS di peringkat akar umbi. Naratif ini kemudiannya digunakan sebagai alat politik untuk membezakan PAS daripada parti-parti lain. Maka, dengan menonjolkan integriti pimpinan ("tiada yang diheret SPRM"), kesederhanaan hidup, dan semangat pengorbanan jentera parti yang bekerja tanpa mengharapkan imbuhan, PAS membina satu jenama politik yang bersih dan berprinsip. Strategi ini amat berkesan dalam menarik sokongan golongan Melayu yang mementingkan nilai-nilai keagamaan dan kejujuran, serta merasa muak dengan budaya politik wang dan rasuah. Ia adalah satu bentuk nasionalisme yang berpaksikan kepada ketinggian moral bangsa, bukan sekadar kekuasaan politik atau kekayaan material.³⁹⁶

³⁹⁵ Jasin, H. (2025, May 12). *Perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia, 1951-2021* (N. A. Abdul Manan, Interviewer) [Personal communication].

³⁹⁶ Ibid.

Kesimpulannya, dimensi sosial dan pendidikan jelas merupakan medan peperangan ideologi yang penting bagi PAS dalam usahanya meraih sokongan orang Melayu. Melalui gabungan strategi pendidikan formal dan tidak formal, penggunaan dakwah sebagai instrumen kejuruteraan sosial, serta pembinaan naratif politik yang berteraskan akhlak dan moral, PAS berjaya membina dan mengekalkan satu tapak sokongan yang kukuh dan setia. Pendekatan ini membolehkan PAS untuk tidak hanya bertanding dalam pilihan raya, tetapi untuk membina satu komuniti yang berkongsi pandangan dunia (*worldview*) yang sama, di mana identiti Melayu dan ajaran Islam tidak dapat dipisahkan. Keupayaan untuk menterjemahkan agenda sosial dan pendidikannya kepada tindakan politik yang praktikal seperti yang dibuktikan semasa penyertaan dalam kerajaan dan memberikan kredibiliti kepada perjuangan mereka. Justeru, elemen sosial dan pendidikan ini telah terbukti mampu dan berkesan dijadikan sebagai strategi politik untuk mendapatkan sokongan orang Melayu, selari dengan jawapan kepada persoalan kajian ketiga.

5.6 Cabaran, Pertembungan, dan Adaptasi Strategi Nasionalisme Melayu PAS

Walaupun PAS telah berjaya menggunakan elemen-elemen nasionalisme Melayu sebagai strategi politik yang berkesan, perjalanan ini tidak sunyi daripada cabaran dalaman dan luaran. Parti ini sentiasa berhadapan dengan keperluan untuk mengimbangi retorik kebangsaan dengan prinsip-prinsip Islam yang universal, menavigasi pertembungan pemikiran dalam kalangan pimpinannya, dan menyesuaikan diri dengan landskap politik Malaysia yang dinamik dan majmuk. Analisis ini akan menghuraikan tiga aspek utama: pertembungan ideologi dalaman, cabaran persekitaran politik, dan proses adaptasi strategi yang membolehkan PAS kekal relevan. Cabaran paling signifikan terhadap wacana nasionalisme Melayu dalam

PAS datangnya dari dalam parti itu sendiri, terutamanya semasa peralihan kepimpinan daripada Dato' Mohd Asri Muda kepada Tuan Guru Haji Yusof Rawa pada awal 1980-an. Namun, menurut Dato' Mustafa Ali, konflik yang berlaku bukanlah pertembungan ideologi yang tulen, tetapi lebih kepada pertembungan gaya kepimpinan. Beliau menjelaskan bahawa krisis itu berpunca daripada gaya kepimpinan Dato' Asri yang dilihat oleh sesetengah pihak sebagai tidak selari dengan asas-asas Syura Islam, dan bukannya kerana penekanannya terhadap isu-isu Melayu.³⁹⁷

Walau bagaimanapun, perbezaan gaya ini berakar umbi daripada latar belakang yang berbeza. Dato' Asri, walaupun berpendidikan agama, tidak dilihat sebagai seorang ulama dalam pengertian tradisional, manakala Tuan Guru Haji Yusof Rawa datang daripada latar belakang ulama yang kuat. Kebetulan, era ini juga menyaksikan pengaruh global Revolusi Islam Iran 1979, yang menaikkan imej kepimpinan ulama di mata dunia Islam. Fenomena ini sedikit sebanyak memberi inspirasi kepada gerakan dalaman PAS, terutamanya Dewan Pemuda PAS Pusat, yang telah mengemukakan usul "Kepimpinan Ulama," yang secara langsung mencabar status quo dan mempercepatkan peralihan kuasa dalam PAS ketika itu.³⁹⁸ Natijah daripada perubahan ini, Tuan Guru Haji Yusof Rawa menyampaikan ucapan dasar yang terkenal bertajuk "Menyanggah Pemikiran Assabiyah" dan "Ke Arah Pembebasan Ummah". Ramai pihak yang mentafsirkan ucapan ini sebagai penolakan total terhadap ideologi nasionalisme yang pernah dibawa oleh Dato' Asri. Namun, Dato' Mustafa Ali menjustifikasikan ucapan tersebut secara berbeza. Beliau berpandangan bahawa sasaran utama kritikan *assabiyyah* itu bukanlah ditujukan kepada Dato' Asri atau

³⁹⁷ Ali, D. M. (2015, May 24). *Perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia PAS* (N. A. Abdul Manan, Interviewer) [Personal communication].

³⁹⁸ Ibid.

perjuangan membela hak orang Melayu, tetapi lebih kepada ideologi nasionalisme sekular yang diperjuangkan oleh UMNO, yang memisahkan politik daripada agama. Bagi PAS, memperjuangkan kebangsaan Melayu adalah selari dengan Islam, tetapi meletakkan bangsa mengatasi agama adalah *assabiyyah* yang ditolak. Pertembungan ini menunjukkan betapa rumitnya PAS dalam mendefinisikan sempadan antara nasionalisme yang diterima dan *assabiyyah* yang terlarang.³⁹⁹

Sebagai sebuah parti yang beroperasi dalam sebuah negara berbilang kaum, PAS sentiasa berdepan cabaran untuk memastikan agenda nasionalisme Melayunya tidak dilihat sebagai satu ancaman kepada kaum-kaum lain. Tuan Guru Haji Hashim Jasin, dalam temu bualnya, menggariskan prinsip panduan PAS dalam hal ini: keadilan. Beliau menegaskan bahawa perjuangan mempertahankan hak orang Melayu tidak boleh sesekali membawa kepada kezaliman terhadap hak orang bukan Melayu. Jika hak orang Melayu dicabuli, mempertahankannya bukanlah perkauman, tetapi satu tuntutan keadilan. Kerangka keadilan Islam inilah yang digunakan oleh PAS untuk menjustifikasikan dan pada masa yang sama, membatasi agenda nasionalisme Melayunya agar dapat diterima dalam konteks Malaysia yang majmuk.

Cabaran ini menjadi lebih ketara apabila PAS terpaksa membentuk kerjasama politik (*tahaluf siyasi*) dengan parti-parti lain, termasuk yang mempunyai ideologi yang berbeza. Situasi ini dapat dilihat dalam pembentukan Kerajaan Campuran 1974-1977 yang menyaksikan penyertaan PAS dalam kerajaan pimpinan Perikatan (kemudiannya dikenali sebagai Barisan Nasional) memaksa PAS untuk beroperasi dalam struktur yang didominasi oleh UMNO. Walaupun ia memberi peluang kepada

³⁹⁹ Ibid.

PAS untuk melaksanakan agenda sosialnya dari dalam seperti menghapuskan hidangan arak dalam jamuan negara, ia juga memerlukan kompromi dan adaptasi. Manakala ketika PAS berada dalam Muafakat Nasional seterusnya membentuk Perikatan Nasional. Kerjasama dengan UMNO dan Bersatu dalam era pasca-PRU14 menuntut PAS untuk menyelaraskan naratif kebangsaan Melayu-Islamnya dengan rakan-rakan sekutunya. Hal ini memaksa PAS untuk mengartikulasikan perjuangannya dalam kerangka "perpaduan ummah" yang lebih luas, bagi mengelakkan pergeseran dalaman gabungan tersebut dan untuk menarik sokongan Melayu secara kolektif. Pengalaman-pengalaman ini menunjukkan bahawa strategi nasionalisme Melayu dalam kerangka kepartian PAS tidak boleh dilaksanakan dalam vakum politik sempit. Ia sentiasa perlu diadaptasi dan disesuaikan dengan realiti politik semasa, termasuk dinamika hubungan antara kaum dan keperluan kerjasama politik.

Menghadapi cabaran-cabaran ini, PAS telah menunjukkan keupayaan untuk mengadaptasi strateginya. Daripada menggunakan istilah "nasionalisme Melayu" secara terang-terangan yang boleh disalah tafsir sebagai *assabiyyah*, pimpinan kontemporari PAS lebih cenderung untuk membingkaikan perjuangannya dalam istilah-istilah yang lebih universal dalam kerangka Islam. Presiden PAS, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, misalnya, sering mengupas hubungan "Islam dan Melayu" dengan meletakkan Islam sebagai teras yang memimpin orang Melayu. Ini adalah adaptasi wacana yang strategik: ia mengekalkan fokus kepada komuniti Melayu sebagai pangkalan sokongan utama, tetapi meletakkan perjuangan itu di bawah panji-panji Islam yang lebih besar, sekali gus menepis kritikan perkauman. Begitu juga, Tuan Guru Haji Hashim Jasin menekankan konsep "perpaduan ummah" sebagai matlamat utama, di mana penyatuan orang Melayu adalah langkah pertama ke arah

menyatukan seluruh rakyat Malaysia di bawah satu kepimpinan yang adil dan bermoral. Maka, dengan mengalihkan fokus daripada kebendaan kepada "moral dan akhlak yang baik," PAS cuba menawarkan satu jenama politik yang melangkaui sentimen perkauman sempit kepada satu tawaran tadbir urus yang baik untuk semua.

Secara keseluruhannya, strategi PAS dalam menggunakan elemen nasionalisme Melayu adalah satu proses yang dinamik dan sentiasa berevolusi. Ia dicabar oleh pertembungan dalaman yang berkisar pada gaya kepimpinan dan pentakrifan ideologi, serta oleh realiti persekitaran politik Malaysia yang majmuk dan keperluan untuk membentuk kerjasama politik. Sebagai tindak balas, PAS telah menunjukkan keupayaan untuk beradaptasi. Ia telah mengubah naratifnya daripada penekanan nasionalisme yang eksplisit kepada kerangka perjuangan yang berteraskan keadilan Islam, kepimpinan ulama yang bermoral, dan agenda perpaduan ummah. Adaptasi inilah yang membolehkan PAS terus mengemudi landskap politik yang kompleks, mengekalkan pangkalan sokongan Melayunya sambil berusaha untuk memperluas daya tariknya kepada khalayak yang lebih besar.

5.7 Implikasi Kajian Mengikut Kesesuaian Teori

Implikasi kepada kajian ini boleh dilihat daripada aspek kesesuaian teori yang digunakan iaitu Retrospektif yang digunakan secara kronologi setiap era kepimpinan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dari tahun 1951 sehingga 2021. Dapat dinyatakan juga bahawa analisis dokumen yang digunakan adalah sangat berguna dalam mendapatkan intipati kepada kajian ini iaitu elemen-elemen nasionalisme Melayu dalam PAS walaupun instrumen temu bual tidak banyak membantu namun sedikit sebanyak dapat memberikan impak bermakna khasnya ulasan Presiden PAS ketujuh sebagai informan

kajian ini berkait dengan nasionalisme Melayu yang memberikan makna kepada PAS khasnya ketika berlakunya Muafakat Nasional pada 14 September 2019. Maka, aspek ini secara langsung menyokong pandangan sarjana yang mengatakan nasionalisme boleh dijadikan agenda dalam menyoroti perjuangan sesebuah parti politik seperti PAS walaupun tidaklah dijadikan sebagai teras parti dan hanya dijadikan agenda sampingan atas faktor kekangan Perlembagaan PAS yang berpaksikan kepada Islam sebagai agenda utama. Secara praktikalnya, hasil daripada kajian ini dapatlah dinyatakan juga bahawa perjuangan nasionalisme Melayu dalam PAS ini telah berkembang mengikut fasa era kepimpinan PAS jadual dibawah ;

Era Kepimpinan	Tahun Kepimpinan	Fasa	Elemen nasionalisme Melayu
Tuan Guru Haji Ahmad Fuad Hassan Dr Abbas Alias	1951-1953 1953-1956	Pembentukan ideologi nasionalisme Melayu	Bahasa Melayu Ekonomi Melayu
Dr. Buhanuddin Al-Helmi Dato' Mohd Asri Muda	1956-1969 1969-1982	Pembinaan ideologi nasionalisme Melayu	Sosial dan Pendidikan Melayu
Tuan Guru Haji Yusof Rawa Dato' Fadzil Mohd Nor	1982-1989 1989-2002	Pemisahan ideologi nasionalisme Melayu	Ekonomi Melayu Sosial dan Pendidikan Melayu
Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang	2002-2021	Pengamalan ideologi nasionalisme Melayu	Bahasa Melayu Ekonomi Melayu Sosial dan Pendidikan Melayu

Jadual 3 : Perkembangan elemen-elemen nasionalisme Melayu mengikut fasa kepimpinan PAS

5.8 Kesimpulan dan rumusan

Berdasarkan analisis mendalam terhadap Bab Lima dan transkrip temu bual bersama tiga tokoh utama PAS, persoalan kajian ketiga RQ3 *Mampukah elemen-elemen nasionalisme Melayu dijaikan sebagai strategi politik PAS untuk mendapatkan sokongan orang Melayu terhadap perjuangan PAS di Malaysia?*, maka dapat dijawab secara afirmatif dan meyakinkan. Dapatan kajian secara konsisten menunjukkan bahawa elemen-elemen nasionalisme Melayu bukan sahaja mampu, tetapi telah pun menjadi satu strategi politik yang teras, dinamik, dan berkesan bagi PAS dalam membina, mengekalkan, dan memperluas pangkalan sokongan dalam kalangan masyarakat Melayu. Kejayaan strategi ini tidak terletak pada penggunaan satu elemen secara terpencil, tetapi pada keupayaan PAS untuk menganyam elemen bahasa, ekonomi, serta sosial dan pendidikan menjadi satu naratif bersepadu yang ditingkatkan dalam kerangka ideologi Islam yang lebih besar. Keberkesanan strategi PAS berpunca daripada model hibrid yang unik, di mana sentimen nasionalisme Melayu tidak dibiarkan berdiri sendiri, tetapi disebatikan secara simbiotik dengan prinsip-prinsip Islam. Sintesis daripada perbincangan sebelumnya mendedahkan satu pendekatan tiga serampang yang saling melengkapi: Pertama, Bahasa Melayu sebagai jentera identiti awam dengan adanya elemen Bahasa Melayu berfungsi sebagai "wajah" awam perjuangan PAS. Isu-isu seperti penentangan terhadap PPSMI membolehkan PAS memposisikan dirinya di barisan hadapan sebagai pembela warisan dan jati diri bangsa Melayu. Pada perspektif PAS, ia adalah strategi yang paling mudah dilihat dan difahami oleh khalayak umum Melayu dan bagi membolehkan PAS meraih sokongan merentasi sempadan ideologi daripada sasterawan, budayawan, dan masyarakat akar umbi yang bimbang akan hakisan identiti kebangsaan Melayu. Kedua, ekonomi orang Melayu sebagai teras kredibiliti

moral bagi membeza PAS dengan parti lain yang mungkin menumpukan kepada janji-janji pembangunan material semata-mata, sedangkan PAS membina strategi ekonominya di atas landasan moraliti dan integriti. Seperti yang ditegaskan oleh Tuan Guru Haji Hashim Jasin, naratif "pimpinan PAS bersih dari SPRM" dan semangat pengorbanan jentera parti menjadi modal politik yang amat bernilai. Strategi ini menyasarkan "jiwa" pengundi Melayu, membina kepercayaan dan kesetiaan yang tidak mudah goyah oleh tawaran kebendaan. Ia mengubah sokongan politik menjadi satu bentuk keyakinan dan amanah. Ketiga, PAS menjadika sosial dan pendidikan orang Melayu sebagai kerangka ideologi nasionalisme Melayu dalam konteks jangka masa panjang. Hal ni adalah disebabkan oleh lapisan strategi yang paling dalam dan fundamental. Melalui dakwah di institusi seperti FELDA, sistem pendidikan tidak formal, dan pembudayaan akhlak dalam parti, PAS tidak hanya sekadar mencari undi, tetapi membina sebuah komuniti yang berkongsi pandangan dunia (*worldview*) yang sama. Pendekatan ini melahirkan penyokong yang setia dan kader yang komited, memastikan kelangsungan perjuangan parti melangkaui kitaran pilihan raya. Gabungan ketiga-tiga elemen ini mencipta satu strategi yang holistik. Sebagai kesimpulan akhir, analisis ini secara tuntasnya memenuhi Objektif Kajian Ketiga RO3) dengan membuktikan bahawa elemen-elemen nasionalisme Melayu sememangnya telah dan boleh dijadikan strategi politik yang berdaya maju bagi PAS. Strategi ini bukan sahaja wujud, tetapi telah diamalkan secara konsisten, terbukti melalui retorik bahasa, program ekonomi bermoral, dan agenda sosial-pendidikan yang menyeluruh. Keunikan dan kekuatan strategi PAS terletak pada kemampuannya mengintegrasikan sentimen kebangsaan Melayu ke dalam doktrin Islam yang lebih luas, menghasilkan satu model nasionalisme-Islam yang sukar ditandingi oleh parti-parti lain. Walaupun berdepan dengan cabaran dan pertembungan, keupayaan parti

untuk beradaptasi dengan mengubah wacananya kepada kerangka "keadilan" dan "perpaduan ummah" memastikan strategi ini kekal relevan dan berkesan.

Justeru, perjuangan berasaskan elemen-elemen nasionalisme Melayu bukan sekadar komponen tambahan dalam agenda politik PAS; ia adalah sebahagian daripada DNA politik parti itu sendiri. Ia adalah mekanisme utama yang menghubungkan parti dengan pangkalan umbinya, membezakannya daripada pesaing, dan memberikan daya tahan politik yang luar biasa dalam landskap politik Malaysia yang sentiasa berubah.



BAB ENAM

CADANGAN DAN REKOMENDASI KEPADA PEMEGANG TARUH

6.0 Pendahuluan

Berdasarkan analisis mendalam yang telah dijalankan dalam Bab 4 dan Bab 5, kajian ini telah berjaya membuktikan secara empirikal bahawa elemen-elemen nasionalisme Melayu mampu dijadikan sebagai strategi politik yang berkesan bagi Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam mendapatkan sokongan orang Melayu. Persoalan Kajian Ketiga (RQ3) yang diajukan iaitu "*Mampukah elemen-elemen nasionalisme Melayu dijadikan sebagai strategi politik PAS untuk mendapatkan sokongan orang Melayu terhadap perjuangan PAS di Malaysia?*" telah dijawab secara afirmatif dan meyakinkan melalui analisis komprehensif terhadap perkembangan ideologi dan strategi politik PAS sepanjang tujuh dekad perjuangannya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kejayaan PAS dalam menggunakan nasionalisme Melayu sebagai strategi politik terletak pada model hibrid yang unik, di mana tiga elemen teras iaitu Bahasa Melayu, Ekonomi Melayu, dan Sosial-Pendidikan Melayu yang disepadukan secara holistik ke dalam kerangka perjuangan Islam yang lebih besar. Model integrasi ini bukan sahaja membolehkan PAS menepis tuduhan *assabiyyah* (perkauman sempit), malah memberikan kelebihan daya saing politik yang sukar ditandingi oleh parti-parti lain dalam persaingan merebut sokongan masyarakat Melayu.

Analisis terhadap strategi tiga serampang PAS mendedahkan pendekatan yang saling melengkapi: Bahasa Melayu berfungsi sebagai jentera identiti awam yang mudah difahami dan bergema dalam kalangan khalayak umum; Ekonomi Melayu menjadi teras kredibiliti moral yang membezakan PAS dengan parti lain melalui penekanan terhadap integriti dan keadilan; manakala Sosial-Pendidikan berperanan sebagai kerangka ideologi jangka panjang yang membina komuniti berkongsi *worldview* yang sama. Walau bagaimanapun, pembuktian keberkesanan strategi sahaja tidak mencukupi untuk memastikan kesinambungan dan pengoptimuman perjuangan PAS. Realiti politik kontemporari menuntut terjemahan dapatan kajian kepada cadangan praktikal dan boleh dilaksanakan yang dapat membantu pemegang taruh dalam kepimpinan PAS merancang hala tuju strategik parti untuk masa hadapan.

Justeru, Bab 6 ini bertujuan untuk menyediakan rangka kerja cadangan yang komprehensif berdasarkan dapatan kajian yang telah diperolehi. Kepentingan bab ini terletak pada fungsinya sebagai jambatan antara teori dan amalan, di mana analisis akademik yang mendalam diterjemahkan kepada rekomendasi strategik yang dapat diimplementasikan oleh pihak kepimpinan PAS di semua peringkat organisasi. Cadangan-cadangan yang dikemukakan bukan sekadar bersifat konseptual, tetapi disusun mengikut kerangka masa yang realistik dan disertai dengan mekanisme pelaksanaan, penunjuk prestasi, serta analisis risiko yang terperinci. Bab ini juga mengambil kira dinamika politik semasa dan cabaran-cabaran yang dihadapi PAS dalam landskap politik Malaysia yang semakin kompleks. Cadangan yang dikemukakan direka bentuk untuk membantu PAS tidak hanya mengekalkan kekuatan tradisionalnya dalam kalangan masyarakat Melayu, tetapi juga membuka ruang untuk


ekspansi strategik yang lebih inklusif tanpa menggadaikan identiti dan prinsip asas parti.

Seterusnya, bab ini akan membentangkan cadangan strategik yang disusun mengikut tiga fasa temporal: jangka pendek (1-2 tahun), jangka sederhana (3-5 tahun), dan jangka panjang (5-10 tahun). Setiap fasa dilengkapi dengan objektif khusus, strategi pelaksanaan, penunjuk kejayaan, dan mekanisme pemantauan yang membolehkan penilaian berterusan terhadap keberkesanan inisiatif yang dijalankan. Akhirnya, bab ini bertujuan untuk memenuhi tanggungjawab akademik dalam menyumbang kepada pembangunan ilmu pengetahuan politik Islam dan nasionalisme Melayu, sekaligus memberikan manfaat praktikal kepada organisasi politik yang menjadi subjek kajian. Dengan pendekatan yang menggabungkan ketegasan analisis akademik dengan kepraktisan cadangan operasional, bab ini diharap dapat menjadi rujukan berguna bagi pemegang taruh PAS dalam merancang masa depan parti yang lebih strategik dan berkesan.

6.1 Dapatan Kajian Yang Afirmatif

Kajian ini telah membuktikan secara afirmatif bahawa elemen-elemen nasionalisme Melayu mampu dan berkesan dijadikan sebagai strategi politik PAS. Melalui penyelidikan mendalam, tiga elemen teras telah dikenal pasti sebagai tunjang kekuatan parti: pertama, Bahasa Melayu berfungsi sebagai jentera identiti awam yang mengukuhkan rasa kebangsaan dan perpaduan dalam kalangan pengundi Melayu; kedua, Ekonomi Melayu dijadikan teras kredibiliti moral, di mana pasukan kepimpinan parti menampilkan integriti, ketelusan dan keadilan sosial sebagai pembeza utama di arena politik; dan ketiga, aspek Sosial dan Pendidikan dirangka

sebagai kerangka ideologi jangka panjang untuk membentuk generasi yang berdaya saing serta berakar umbi kepada nilai-nilai Islam-Melayu. Keseluruhan strategi ini disulam dalam model hibrid Islam-Melayu yang unik, membolehkan PAS menepis tuduhan *assabiyyah* dengan menegaskan bahawa perjuangan menegakkan hak-hak dan identiti Melayu merupakan satu tuntutan yang selari dengan prinsip universal Islam. Dengan pendekatan terintegrasi ini, PAS tidak hanya mengekalkan, malah memperkukuh sokongan kukuh daripada masyarakat Melayu yang menjadikan parti tersebut sebagai benteng terakhir dalam mempertahankan warisan budaya dan keadilan sosial. Model hibrid Islam-Melayu yang unik telah membolehkan PAS menepis tuduhan *assabiyyah* sambil mengekalkan sokongan kukuh daripada masyarakat Melayu. Carta ini menjelaskan kerangka strategi Nasionalisme Melayu yang boleh PAS jadikan sebagai naratif politik untuk mendapatkan sokongan orang Melayu iaitu ;



Carta 1 : Model Hibrid Kerangka Strategi Nasionalisme Melayu PAS

Berdasarkan carta tersebut, ia adalah model hibrid kerangka yang dikenali sebagai Model Hibrid Nasionalisme Melayu PAS yang menggunakan pendekatan *network graph* atau *graph visualization* iaitu setiap bulatan (node) mewakili komponen strategi (contoh: "Ekonomi", "B. Melayu", "Institusi"). Garisan (edge)

menunjukkan hubungan atau aliran pengaruh antara elemen manakala warna yang berbeza membezakan kluster bidang strategi (biru = komunikasi/naratif, merah = ekonomi/ketelusan, hijau = sosial-religius, kuning/coklat = risiko & pelaksanaan, kelabu = hasil/kejayaan). Carta ini seakan Social Network Analysis (SNA) atau Strategic Framework Mapping yang biasanya digunakan dalam kajian politik, komunikasi strategik, dan perancangan polisi (Wasserman & Faust, 1994).⁴⁰⁰ Kerangka strategi PAS yang divisualisasikan melalui carta jaringan memperlihatkan satu bentuk struktur pemikiran politik yang kompleks tetapi teratur. Bagi memahami carta tersebut, analisis boleh dilakukan dengan menumpukan kepada tiga elemen penting iaitu node pusat (node centrality), hubungan silang (cross-link), dan hasil akhir (outcome), di samping mengkategorikan node mengikut kluster tematik.

6.1.1 Node Centrality (Simpul Pusat)

Dalam carta ini, terdapat beberapa simpul utama yang bertindak sebagai pusat strategi, iaitu **Ekonomi**, **Bahasa Melayu**, dan **Institusi**. Node-node ini boleh dianggap sebagai "titik graviti" yang menghubungkan elemen lain dalam kerangka iaitu **Ekonomi** berfungsi sebagai pusat kerana ia menghubungkan isu material dan legitimasi politik. **Bahasa Melayu** menjadi titik tumpuan kerana ia melambangkan identiti etnik dan bahasa kebangsaan yang menjadi asas naratif nasionalisme PS dan **Institusi** pula menggambarkan peranan struktur sosial dan agama dalam menyokong mobilisasi PAS. Dalam teori analisis jaringan (Wasserman & Faust, 1994), node pusat seperti ini menunjukkan tahap kepentingan yang tinggi dalam memastikan kohesi strategi secara keseluruhan.

⁴⁰⁰ Wasserman, S., & Faust, K. (1994). *Social network analysis : methods and applications*. New York, Ny Cambridge University Press.

6.1.2 Hubungan Silang (Cross-Link)

Node-node tidak berdiri secara terasing, sebaliknya saling berhubung. Sebagai contoh, **Ekonomi** dihubungkan dengan elemen-elemen seperti **Ketelusan, Latihan, dan Plattform adil**. Hubungan silang ini memberi makna bahawa strategi ekonomi PAS tidak hanya berorientasi kepada pembangunan material, tetapi turut dikaitkan dengan legitimasi moral melalui ketelusan, pembinaan kapasiti melalui latihan, dan keadilan dalam pengagihan. Ini sekaligus memperlihatkan bahawa strategi PAS cuba menggabungkan dimensi praktikal (pembangunan ekonomi) dengan dimensi normatif (keadilan dan ketelusan). Pendekatan ini selari dengan ciri nasionalisme Islamis yang tidak memisahkan urusan duniawi daripada nilai agama.

6.1.3 Outcome Akhir (Hasil Strategi)

Salah satu ciri penting carta ini ialah kewujudan node hasil (outcome nodes) seperti “**Standard**”, dan “**Tindakan**”. Hampir semua hubungan dalam carta menuju ke node hasil ini. Hal ini menunjukkan bahawa strategi PAS bukan hanya bersifat reaktif, tetapi berorientasikan matlamat jangka panjang. Matlamat yang dimaksudkan adalah **kejayaan politik melalui penguasaan naratif dan sokongan masyarakat**. Dengan kata lain, strategi yang disusun bukan sekadar untuk memperkukuh kedudukan dalaman, tetapi untuk memastikan wacana Melayu-Islam diterima secara dominan di peringkat masyarakat luas.

6.1.4 Kluster Tematik

Analisis lanjut terhadap carta ini juga menunjukkan bahawa simpul-simpul boleh dikategorikan mengikut warna atau kluster tematik iaitu **Biru** merujuk kepada mewakili strategi naratif dan komunikasi Melayu-Islam. Elemen dalam kluster ini menekankan aspek wacana, bahasa, dan kawalan persepsi. **Merah** menggambarkan strategi ekonomi dan tadbir urus, dengan penekanan kepada legitimasi melalui ketelusan dan keadilan. **Hijau** lebih berfokus pada strategi agama dan sosial, termasuk pengukuhan institusi Islam, kaderisasi, dan aktiviti sosial. **Kuning** dan **Coklat** merujuk kepada aspek pengurusan risiko dan operasi, yang melibatkan program, negosiasi, dan pengurusan ancaman, terakhirnya iaitu **Kelabu** yang menandakan hasil akhir, iaitu kejayaan dalam bentuk standard pencapaian dan penerimaan positif masyarakat. Pembahagian kluster ini memudahkan kita memahami bahawa strategi PAS tidak bersifat tunggal, tetapi berlapis dan saling menyokong antara satu sama lain.

Secara keseluruhannya, analisis terhadap node pusat, hubungan silang, hasil akhir, dan kluster tematik menunjukkan bahawa kerangka strategi PAS adalah bersifat holistik dan sistematik. Node pusat memastikan strategi mempunyai titik tumpu yang jelas; hubungan silang membuktikan kesalinghubungan isu; **outcome** menunjukkan orientasi matlamat jangka panjang; manakala kluster menandakan pembahagian fungsi yang tersusun. Dengan cara ini, kerangka strategi PAS boleh difahami sebagai usaha membentuk nasionalisme Melayu-Islam yang hegemonik, iaitu naratif yang cuba mendominasi wacana politik Malaysia melalui gabungan faktor ekonomi, sosial, agama, dan komunikasi.

6.2 Cadangan Strategik Berperingkat dalam mengimplementasikan

Nasionalisme Melayu mengikut naratif PAS

Berdasarkan kepada Carta Strategik Nasionalisme Melayu PAS yang dianalisis dalam kajian ini, pengkaji mencadangkan agar strategik ini diimplementasikan secara berperingkat seperti berikut :

6.2.1 Cadangan Strategi Jangka Masa Pendek: Membina naratif (1-2 tahun)

Dalam tempoh jangka pendek satu hingga dua tahun, PAS perlu memberi tumpuan utama kepada dua komponen strategik iaitu pengukuhan naratif bahasa Melayu dan penguatan kredibiliti moral ekonomi sebagai langkah permulaan bagi memantapkan kedudukan politiknya. Kedua-dua komponen ini bukan sahaja saling melengkapi, malah berperanan sebagai tunjang kepada model hibrid Islam-Melayu yang telah dikembangkan parti. Pertama, intensifikasi kempen memartabatkan Bahasa Melayu di semua platform parti adalah amat penting. Bahasa Melayu bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga simbol identiti kebangsaan dan kesinambungan warisan budaya. Dengan menggerakkan kempen berskala besar melalui ceramah umum, media sosial, penerbitan jurnal, dan kandungan digital berbahasa Melayu PAS dapat menegaskan komitmennya kepada pemeliharaan bahasa ibunda. Komitmen ini akan merangsang kesedaran ahli parti dan penyokong mengenai kepentingan bahasa sebagai tunjang perpaduan dan simbol kedaulatan Melayu. Tambahan pula, kempen yang konsisten akan memupuk persepsi bahawa PAS sentiasa memegang teguh aspirasi kebangsaan, sekali gus menambah keyakinan pengundi terhadap kredibiliti

budaya parti. Kedua, penubuhan unit khas pemantauan isu bahasa kebangsaan menyediakan mekanisme struktural untuk menjejak, menganalisis, dan merespons perkembangan yang berkaitan bahasa Melayu. Unit ini perlu dilengkapi dengan ahli kewibawaan akademik bahasa, sasterawan, dan pemimpin masyarakat yang mampu mentafsir isu-isu terbaharu, seperti perubahan kurikulum sekolah, arus globalisasi, atau penggunaan istilah asing dalam media massa. Dengan sistem pemantauan yang mantap, PAS tidak hanya bertindak balas terhadap cabaran, tetapi juga dapat mencipta naratif proaktif yang mendahului agenda perbincangan awam. Keupayaan meramalkan dan membentuk wacana isu bahasa menjadi kunci bagi mengekalkan momentum kempen, memastikan mesej parti tidak kehilangan relevansi dalam era maklumat pantas. Ketiga, kerjasama strategik dengan badan bahasa dan budayawan memperkuat asas intelektual dan kultural kempen Bahasa Melayu. Melalui memorandum persefahaman dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, Persatuan Penulis Nasional, dan institusi pengajian tinggi, PAS dapat memanfaatkan kepakaran, sumber penerbitan, dan rangkaian profesional untuk memperluas capaian kempen. Gabungan ini memberi legitimasi akademik dan kesenian kepada naratif bahasa parti, menjadikannya lebih berwibawa di mata pengundi intelektual dan elit budaya. Kolaborasi sedemikian juga membuka ruang bagi projek bersama seperti bengkel penulisan kreatif, simposium bahasa, dan anugerah sastera yang mengaitkan perjuangan politik PAS dengan kemajuan akademik dan kreatif masyarakat Melayu.

Beralih kepada penguatan kredibiliti moral ekonomi, kesinambungan tradisi kepimpinan bersih wajib terus diperjuangkan sebagai pembeda utama. PAS telah lama mengekalkan imej pimpinan yang menjunjung tinggi integriti dan amanah, dan ini perlu diperkuat lagi melalui tindakan konkrit seperti pendedahan rutin harta pemimpin, audit dalaman berkala yang boleh diakses anggota, dan penyelesaian pantas terhadap sebarang dakwaan salah laku. Langkah-langkah ini bukan sekadar retorik antirasuah, tetapi menegaskan komitmen parti kepada prinsip keadilan sebagai nilai teras Islam dan aspirasi Melayu. Selanjutnya, pembangunan model ekonomi Islam-Melayu yang praktikal dan terukur membolehkan PAS menawarkan alternatif tangible berbanding rancangan ekonomi tradisional. Model ini perlu merangkumi elemen kerjasama koperasi, zakat produktif, dan gerakan mikro-simpanan yang memfokuskan keusahawanan akar umbi. Dengan menetapkan sasaran kuantitatif misalnya, jumlah peserta koperasi atau nilai zakat yang diagihkan untuk projek komuniti parti dapat menunjukkan keberkesanan model secara nyata. Kejayaan inisiatif ini akan mengukuhkan hujah bahawa PAS bukan sekadar memperjuangkan retorik kebangsaan, tetapi juga mampu mentadbir ekonomi yang beretika dan inklusif. Akhir sekali, pelaksanaan mekanisme transparansi dalam pengurusan kewangan adalah prasyarat mutlak bagi mengekalkan dan meningkatkan kredibiliti moral. Pengumuman tahunan laporan kewangan parti, pendedahan sumber pembiayaan, dan penggunaan platform digital untuk menjejak aliran dana dapat membina kepercayaan ahli dan penyokong. Transparansi ini menyahut harapan masyarakat terhadap akauntabiliti, sekali gus memperkukuh naratif bahawa PAS adalah pilihan politik yang telus dan beretika.

Kesimpulannya, dalam tempoh 1–2 tahun, pendekatan holistik yang menggabungkan intensifikasi naratif bahasa dan penguatan kredibiliti moral ekonomi akan memantapkan kedudukan PAS. Kedua-dua komponen ini saling mengukuh: naratif Bahasa Melayu memperkasa identiti politik, manakala model ekonomi yang adil dan telus menyampaikan aspirasi material pengundi. Bersama-sama, ia meletakkan asas kukuh untuk fasa strategik seterusnya, memastikan PAS tidak hanya relevan secara budaya, tetapi juga dipercayai dari sudut ekonomi dan pentadbiran.

6.2.2 Cadangan Strategik Jangka Masa Sederhana: Pembinaan Infrastruktur Ideologi dan Institusi PAS (3-5 Tahun)

Fasa jangka sederhana dalam tempoh tiga hingga lima tahun merupakan jangka masa yang kritikal dalam pembangunan infrastruktur politik PAS, khususnya dalam konteks mengukuhkan model hibrid Islam-Melayu sebagai teras ideologi parti. Dalam tempoh ini, dua komponen strategik utama bagi pembangunan institusi pendidikan dan pengintegrasian model hibrid yang perlu dilaksanakan secara bersepadu untuk memastikan kesinambungan dan keberkesanan perjuangan parti. Kedua-dua komponen ini bukan sekadar inisiatif berasingan, tetapi merupakan elemen yang saling melengkapi dalam membina sebuah ekosistem politik yang kukuh dan berkesan.

6.2.2.1 Pembangunan Institusi Pendidikan: Pelaburan Strategik Jangka Panjang

Perluasan rangkaian institusi pendidikan dengan kurikulum Islam-Melayu terintegrasi merupakan langkah strategik yang paling fundamental dalam memastikan kesinambungan ideologi parti. Institusi-institusi pendidikan

ini bukan sekadar sekolah atau kolej biasa, tetapi merupakan wadah pembentukan modal insan yang selaras dengan visi dan misi PAS. Kurikulum yang terintegrasi membolehkan penerapan nilai-nilai Islam dalam konteks kehidupan sosial Melayu secara holistik, menghasilkan individu yang tidak hanya berilmu dari segi akademik, tetapi juga memiliki kesedaran politik dan kebangsaan yang tinggi.

Kepentingan perluasan rangkaian ini terletak pada keupayaannya untuk menjangkau lebih ramai generasi muda Melayu, khususnya di kawasan yang masih kurang mendapat perkhidmatan pendidikan berkualiti. Dengan menyediakan alternatif pendidikan yang menggabungkan kecemerlangan akademik dengan pembentukan karakter Islam-Melayu, PAS dapat memposisikan dirinya sebagai parti yang prihatin terhadap pembangunan modal insan ummah. Strategi ini juga membolehkan parti untuk membina hubungan yang lebih rapat dengan keluarga dan komuniti tempatan, kerana pendidikan merupakan isu yang menyentuh hati setiap ibu bapa tanpa mengira latar belakang politik mereka.

Penubuhan Pusat Penyelidikan Nasionalisme Melayu dalam konteks Islam pula merupakan langkah yang visioner dalam memberikan legitimasi intelektual kepada perjuangan parti. Pusat penyelidikan ini akan berfungsi sebagai *think tank* yang mengkaji, menganalisis, dan membangunkan teori-teori serta konsep-konsep baharu berkaitan dengan nasionalisme Melayu yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Melalui penyelidikan yang sistematik dan berterusan, pusat ini dapat menghasilkan karya-karya ilmiah

yang berkualiti tinggi, menerbitkan jurnal akademik, dan menganjurkan seminar serta persidangan yang menarik perhatian sarjana tempatan dan antarabangsa.

Memperkasakan Pusat Penyelidikan ini amat penting dalam konteks wacana intelektual Malaysia, di mana sering kali perbincangan mengenai nasionalisme Melayu dikaitkan dengan sentimen perkauman yang sempit. Dengan pendekatan yang akademik dan berasaskan penyelidikan, PAS dapat membuktikan bahawa nasionalisme Melayu dalam konteks Islam adalah sesuatu yang rasional, adil, dan selari dengan prinsip-prinsip keadilan sejagat. Pusat ini juga dapat berfungsi sebagai rujukan kepada pemimpin parti dalam merangka dasar dan strategi politik yang lebih berkesan dan berasaskan bukti.

Program latihan kepimpinan sistematik melalui Lajnah Tarbiah dan Pengkaderan PAS Pusat yang berteraskan dapatan kajian merupakan komponen ketiga yang melengkapkan pembangunan institusi pendidikan. Program ini direka khas untuk melahirkan kader-kader kepimpinan yang berkaliber tinggi, memiliki kefahaman yang mendalam tentang model hibrid Islam-Melayu, dan mampu menterjemahkan ideologi parti kepada tindakan praktikal yang berkesan. Berdasarkan dapatan kajian empirikal, program ini akan menggabungkan teori-teori kepimpinan moden dengan prinsip-prinsip kepimpinan Islam dan nilai-nilai kepimpinan Melayu tradisional.

Sistematik program ini terletak pada pendekatannya yang berperingkat dan berkesinambungan, bermula dari peringkat asas kepimpinan di peringkat cawangan sehingga kepimpinan strategik di peringkat nasional. Setiap peringkat akan dilengkapi dengan modul-modul khusus yang disesuaikan dengan tanggungjawab dan cabaran yang akan dihadapi oleh peserta. Program ini juga akan merangkumi aspek-aspek praktikal seperti kemahiran komunikasi awam, pengurusan krisis, kepimpinan dalam keadaan tekanan, dan keupayaan membuat keputusan yang bijaksana dalam situasi yang kompleks.

6.2.2.2 Pengintegrasian Model Hibrid Strategi Nasionalisme Melayu PAS: Formalisasi dan Standardisasi Ideologi

Kodifikasi model hibrid Islam-Melayu sebagai doktrin rasmi parti merupakan langkah yang sangat penting dalam memformalkan dan menjelaskan kedudukan ideologi PAS. Proses kodifikasi ini melibatkan penyusunan dokumen-dokumen rasmi yang menjelaskan secara terperinci bagaimana konsep nasionalisme Melayu dapat diselaraskan dengan prinsip-prinsip Islam tanpa menimbulkan konflik atau kontradiksi. Dokumen ini akan menjadi rujukan utama bagi semua ahli parti, pemimpin, dan kader dalam memahami dan menjelaskan pendirian parti mengenai pelbagai isu yang berkaitan dengan kepentingan Melayu dan Islam.

Kepentingan kodifikasi ini terletak pada keupayaannya untuk memberikan kejelasan dan konsistensi dalam mesej parti. Tanpa kodifikasi yang jelas, wujud risiko bahawa pemimpin dan ahli parti akan memberikan tafsiran yang berbeza-beza mengenai model hibrid ini, seterusnya

menimbulkan kekeliruan dalam kalangan penyokong dan orang awam. Dengan adanya doktrin yang jelas dan terperinci, semua komponen parti dapat berbicara dengan satu suara, meningkatkan kredibiliti dan profesionalisme parti di mata pengundi.

Latihan menyeluruh kader parti dalam penyampaian mesej terintegrasi adalah komplemen yang penting kepada proses kodifikasi. Walaupun doktrin telah dikodifikasi dengan jelas, keberkesanannya bergantung kepada keupayaan kader parti untuk menyampaikan mesej tersebut dengan cara yang berkesan, meyakinkan, dan mudah difahami oleh khalayak sasaran yang berbeza-beza. Program latihan ini perlu merangkumi pelbagai aspek, termasuk teknik komunikasi, pemahaman mendalam tentang isu-isu semasa, keupayaan berbahas, dan kemahiran menggunakan teknologi komunikasi moden.

Latihan ini juga perlu mengambil kira kepelbagaian audiens yang akan dihadapi oleh kader parti, dari golongan akademik dan profesional di bandar-bandar besar hingga kepada masyarakat akar umbi di kawasan luar bandar. Setiap segmen masyarakat memerlukan pendekatan komunikasi yang berbeza, dan kader parti perlu dilengkapi dengan kemahiran untuk menyesuaikan mesej mereka mengikut konteks dan keperluan audiens. Program latihan juga perlu menekankan kepentingan integriti dan kejujuran dalam komunikasi, memastikan bahawa mesej yang disampaikan adalah autentik dan tidak mengelirukan.

Pembangunan manual komunikasi politik berteraskan model hibrid melengkapkan proses pengintegrasian dengan menyediakan panduan praktikal yang boleh dirujuk oleh semua ahli parti. Manual ini akan merangkumi pelbagai aspek komunikasi politik, termasuk cara menjelaskan model hibrid kepada pelbagai segmen masyarakat, strategi untuk menangani kritikan dan serangan politik, teknik untuk membangun naratif yang positif dan konstruktif, serta panduan untuk menggunakan media sosial dan platform digital dengan berkesan.

Manual ini juga perlu merangkumi panduan khusus untuk menangani isu-isu sensitif yang mungkin timbul, seperti tuduhan perkauman atau ekstremisme agama. Dengan adanya panduan yang jelas dan terperinci, kader parti dapat memberikan respons yang konsisten dan berkesan terhadap pelbagai cabaran komunikasi yang mungkin dihadapi. Manual ini juga akan membantu dalam memastikan bahawa mesej parti disampaikan dengan cara yang profesional dan berkualiti tinggi, meningkatkan imej parti sebagai organisasi yang matang dan bertanggungjawab.

6.2.2.3.Sinergi dan Implikasi Strategik

Kesemua elemen dalam strategi jangka sederhana ini direka untuk bekerja secara sinergistik dalam memperkukuh kedudukan PAS sebagai parti politik yang credible dan berkesan. Pembangunan institusi pendidikan menyediakan asas jangka panjang untuk pembinaan modal insan yang selaras dengan ideologi parti, manakala pengintegrasian model hibrid memastikan

bahawa ideologi tersebut dapat dikomunikasikan dengan berkesan dan konsisten.

Implikasi strategik daripada pelaksanaan strategi ini adalah sangat mendalam. Dalam tempoh tiga hingga lima tahun, PAS akan dapat membangunkan sebuah infrastruktur ideologi dan komunikasi yang kukuh, membolehkan parti untuk bersaing dengan lebih berkesan dalam arena politik yang semakin kompleks dan kompetitif. Dengan adanya institusi pendidikan yang berkualiti, pusat penyelidikan yang bereputasi, dan kader yang terlatih dengan baik, PAS akan dapat memposisikan dirinya sebagai parti yang tidak hanya berpolitik berdasarkan sentimen, tetapi juga berdasarkan intelektual dan empirik yang kukuh.

Kesimpulannya, strategi jangka sederhana ini merupakan pelaburan penting untuk masa depan PAS. Walaupun ia memerlukan komitmen sumber dan masa yang besar, hasil yang dijangka adalah pembinaan sebuah organisasi politik yang lebih matang, profesional, dan berkesan dalam memperjuangkan aspirasi masyarakat Melayu dalam kerangka Islam yang lebih besar.

6.2.3 Analisis Strategi Jangka Masa Panjang : Transformasi Institusi dan Ekspansi Strategik Nasionalisme Melayu PAS (5-10 Tahun)

Fasa strategik jangka panjang, yang diunjurkan untuk tempoh lima hingga sepuluh tahun, merupakan kemuncak kepada evolusi Parti Islam Se-Malaysia (PAS) daripada sebuah gerakan politik berteraskan ideologi kepada sebuah institusi pentadbiran yang matang dan berdaya saing di peringkat nasional. Strategi dalam fasa

ini dibina di atas kejayaan fasa jangka pendek dan sederhana, dan ia berpaksikan kepada dua teras yang saling memperkuat: transformasi organisasi secara dalaman dan ekspansi strategik secara luaran. Kejayaan pelaksanaan kedua-dua teras ini akan menentukan sama ada PAS mampu melangkaui sempadan tradisionalnya sebagai parti pembela kaum dan agama, untuk menjadi sebuah entiti politik yang relevan dan diterima oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia.

6.2.3.1 Transformasi Organisasi: Menginstitusikan Ideologi ke dalam Jentera Parti

Teras pertama, iaitu transformasi organisasi, adalah satu langkah yang radikal tetapi perlu untuk memastikan bahawa strategi nasionalisme Melayu yang digarap tidak lagi menjadi sekadar retorik atau kempen bermusim, tetapi mendarah daging dalam struktur dan operasi harian parti. Ia melibatkan tiga komponen utama. Pertama, restrukturisasi organisasi mengikut tiga elemen nasionalisme Melayu (bahasa, ekonomi, serta sosial dan pendidikan) adalah satu anjakan paradigma daripada struktur politik konvensional. Daripada bergantung kepada sayap-sayap tradisional seperti pemuda, wanita, dan ulama semata-mata, struktur parti akan diperkemas untuk mempunyai biro atau lajnah yang secara khusus memacu agenda bagi setiap elemen strategik. Sebagai contoh, sebuah "Lajnah Pembangunan Bahasa dan Budaya," "Lajnah Keadilan Ekonomi dan Keusahawanan," dan "Lajnah Transformasi Sosial dan Pendidikan" akan menjadi nadi utama dalam merancang dan melaksanakan dasar. Restrukturisasi ini memastikan bahawa fokus parti tidak lagi bersifat reaktif, sebaliknya proaktif dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan. Ia mengubah parti daripada sebuah jentera pilihan raya kepada sebuah jentera

pembangunan sosio-ekonomi yang beroperasi secara berterusan. Kedua, penubuhan jabatan khas untuk setiap elemen strategik adalah manifestasi fizikal kepada proses restrukturisasi tersebut. Jabatan-jabatan ini akan dikendalikan oleh para profesional dan teknokrat yang bukan sahaja memahami ideologi parti, tetapi juga mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing. Jabatan ini akan bertanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan, merangka kertas-kertas dasar, melobi pihak berkepentingan, dan memantau pelaksanaan program di peringkat akar umbi. Kewujudan jabatan-jabatan ini akan meningkatkan tahap profesionalisme parti dan membolehkannya untuk berhujah dengan menggunakan data dan fakta, bukan lagi sekadar sentimen. Ia adalah langkah penting untuk membina kapasiti tadbir urus (*governance capacity*) yang setaraf dengan sebuah parti pemerintah. Ketiga, pengenalan sistem penilaian prestasi berdasarkan pencapaian objektif nasionalisme adalah satu inovasi dalam tadbir urus politik. Kejayaan pemimpin dan kawasan tidak lagi akan diukur semata-mata berdasarkan jumlah undi atau kemenangan dalam pilihan raya, tetapi juga berdasarkan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang konkrit. Contohnya, kejayaan Lajnah Ekonomi mungkin diukur berdasarkan peningkatan jumlah usahawan Melayu yang berjaya dibimbing, atau peningkatan kadar celik kewangan dalam komuniti. Kejayaan Lajnah Pendidikan pula mungkin diukur melalui peningkatan prestasi akademik di institusi-institusi pendidikan di bawah seliaan parti. Sistem ini menanamkan budaya akauntabiliti dan kepimpinan berteraskan hasil (*results-based leadership*), yang akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan PAS untuk mentadbir secara efektif.

6.2.3.2 Ekspansi Strategik: Menawarkan Model Kejayaan kepada

Khalayak Lebih Luas

Setelah struktur dalaman parti diperkukuh dan mampu menunjukkan hasil yang nyata, PAS akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk melaksanakan teras kedua, iaitu ekspansi strategik. Ini adalah satu usaha untuk memecahkan kepompong politik perkauman dan membuktikan bahawa model tadbir urus yang ditawarkan adalah bersifat universal. Langkah pertama dalam ekspansi ini adalah penggunaan model kejayaan untuk menjangkau segmen bukan Melayu. Hujahnya adalah mudah dan pragmatik: jika PAS telah berjaya mewujudkan kestabilan, pentadbiran yang bersih, dan pembangunan ekonomi yang adil untuk masyarakat Melayu di negeri-negeri yang ditadbirnya, maka prinsip-prinsip tadbir urus yang sama boleh diaplikasikan untuk manfaat semua kaum. Ia adalah satu strategi "pembuktian melalui teladan" (*proof by example*). Naratifnya bukan lagi "undi kami untuk hak Melayu," tetapi "undi kami untuk sebuah model tadbir urus yang terbukti berkesan, telus, dan adil untuk semua." Ini membolehkan PAS untuk memulakan perbualan dengan pengundi bukan Melayu berdasarkan merit dan prestasi, bukan lagi berdasarkan sentimen kaum atau agama yang memisahkan. Kedua, untuk menyokong usaha ini, PAS perlu mempergiatkan pembangunan naratif "keadilan untuk semua" (*justice for all*) yang berteraskan nilai Melayu-Islam. Ini adalah satu adaptasi wacana yang sangat strategik. Daripada menggunakan istilah-istilah yang bersifat eksklusif, PAS akan menggunakan konsep-konsep universal dalam Islam seperti '*adl*' (keadilan), '*amanah*' (integriti), '*ihsan*' (kecemerlangan), dan '*rahmatan lil 'alamin*' (rahmat untuk sekalian alam) sebagai landasan komunikasinya.

Perjuangan untuk memartabatkan ekonomi Melayu, misalnya, akan ditingkatkan semula sebagai satu langkah untuk membetulkan ketidakseimbangan ekonomi demi mencapai keadilan sosial yang menyeluruh untuk negara. Dengan meletakkan nilai-nilai universal ini di hadapan, PAS dapat mengurangkan persepsi negatif dan membina jambatan kefahaman dengan masyarakat bukan Islam. Ketiga, sebagai langkah praktikal, PAS perlu menubuhkan platform dialog antara kaum yang berasaskan nilai Islam universal. Platform ini bukan bertujuan untuk tawar-menawar politik, tetapi untuk membina kepercayaan dan mencari titik persamaan dalam kalangan masyarakat sivil daripada pelbagai kaum dan agama. Dialog ini boleh memfokuskan kepada isu-isu bersama seperti kos sara hidup, perubahan iklim, kualiti pendidikan, dan pembinaan masyarakat madani. Dengan menjadi penganjur kepada dialog-dialog yang konstruktif ini, PAS dapat mempamerkan sisi kepimpinan yang matang, inklusif, dan bersedia untuk mendengar pandangan yang berbeza. Ia adalah satu strategi "kuasa lunak" (*soft power*) yang amat berkesan untuk memecahkan tembok syak wasangka yang telah terbina sekian lama. Kesimpulan: Menuju Sebuah Institusi Politik Nasional yang secara keseluruhannya, strategi jangka panjang ini adalah satu pelan tindakan yang holistik dan bercita-cita tinggi. Ia membayangkan transformasi PAS daripada sebuah parti yang berteraskan perjuangan identiti kepada sebuah institusi politik yang menawarkan penyelesaian tadbir urus. Sinergi antara transformasi dalaman dan ekspansi luaran adalah sangat jelas: tanpa organisasi yang profesional dan prestasi yang terbukti, usaha untuk menjangkau khalayak yang lebih luas tidak akan mempunyai kredibiliti. Sebaliknya, tanpa visi untuk

berkembang, transformasi dalaman hanya akan menjadikan PAS sebuah organisasi yang cekap tetapi terpencil.

Cabaran terbesar dalam melaksanakan agenda ini adalah menguruskan perubahan dalaman dan persepsi luaran secara serentak. PAS perlu meyakinkan ahli-ahli setianya bahawa langkah untuk menjadi lebih inklusif bukanlah satu pengkhianatan terhadap perjuangan asal, tetapi satu evolusi yang perlu untuk kelangsungan dan kejayaan jangka panjang. Pada masa yang sama, ia perlu bekerja keras untuk mengatasi defisit kepercayaan yang mendalam dalam kalangan masyarakat bukan Melayu. Kejayaan pelan jangka panjang ini akan menjadi penentu sama ada PAS akan kekal sebagai pemain utama dalam politik Melayu, atau berjaya mengangkat dirinya menjadi salah satu kuasa pentadbiran utama di peringkat nasional.

6.3 Analisis Projektor Trajektori PAS dalam Pilihan Raya Umum ke-16:

Antara Konsolidasi Hegemoni dan Risiko Marjinalisasi

Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16) akan menjadi ujian litmus yang menentukan sama ada transformasi strategik Parti Islam Se-Malaysia (PAS) berdasarkan model hibrid Nasionalisme Melayu PAS mampu menterjemahkan dirinya kepada kejayaan elektoral yang konkrit. Analisis projektor trajektori ini bukan sekadar latihan spekulatif, tetapi satu penilaian sistematik terhadap kemungkinan-kemungkinan politik yang akan terbentuk berdasarkan tahap pelaksanaan strategi yang telah digariskan. Dalam konteks ini, dua trajektori utama iaitu trajektori kejayaan dan trajektori risiko yang menawarkan gambaran yang kontras mengenai masa depan PAS sebagai kuasa politik di Malaysia.

6.3.1 Trajektori Kejayaan: Hegemoni Politik Melayu dan Ekspansi

Strategik

Trajektori kejayaan yang digariskan adalah berdasarkan premis bahawa implementasi penuh strategi tiga serampang (bahasa, ekonomi, dan sosial-pendidikan) akan membolehkan PAS mencapai tiga pencapaian strategik yang saling memperkuat. Pertama, **Konsolidasi Pengundi Teras** merupakan asas pertama kepada kejayaan elektoral PAS. Analisis demografi politik Malaysia menunjukkan bahawa pengundi Melayu luar bandar dan separa bandar yang mewakili kira-kira 35-40 peratus daripada keseluruhan pengundi berdaftar dan masih menjadi segmen yang paling responsif terhadap naratif identiti, agama, dan budaya. Dalam konteks PRU16, konsolidasi segmen ini adalah kritikal bukan sahaja dari segi kuantiti undi, tetapi juga dari segi kualiti sokongan. Pengundi dalam segmen ini cenderung untuk menjadi pengundi setia yang tidak mudah terpengaruh dengan kempen-kempen politik jangka pendek. Naratif "ekonomi moral" yang diperjuangkan PAS yang menggabungkan prinsip keadilan ekonomi dengan integriti kepimpinan malan akan menjadi daya tarikan yang kuat kepada pengundi "atas pagar" yang semakin muak dengan politik yang dikaitkan dengan skandal rasuah dan salah urus. Dalam konteks politik Malaysia pasca-1MDB, isu integriti telah menjadi faktor penentu yang kritikal, dan kedudukan PAS sebagai parti yang "bersih" memberikan kelebihan yang tersendiri. Kedua, **Dominasi Gelombang Politik Melayu** pula merupakan objektif strategik yang lebih ambisius. Dominasi ini melibatkan pergeseran paradigma dalam politik Melayu, di mana PAS bukan lagi dilihat sebagai alternatif kepada UMNO, tetapi sebagai pewaris yang lebih sah kepada perjuangan Melayu-Islam. Strategi ini berdasarkan kepada andaian

bahawa dengan menjuarai isu-isu bahasa, ekonomi, dan pendidikan Melayu melalui kerangka Islam yang lebih koheren dan autentik, PAS dapat menawarkan satu naratif yang lebih meyakinkan berbanding pesaing-pesaingnya. UMNO, yang telah mengalami krisis legitimasi sejak kekalahan dalam PRU14 dan konflik dalaman yang berterusan, mungkin akan kesukaran untuk mempertahankan monopolinya atas naratif kebangsaan Melayu. Bersatu pula, walaupun dapat memanfaatkan imej "Melayu baru" yang lebih progresif, mungkin akan menghadapi cabaran dalam meyakinkan pengundi konservatif bahawa ia adalah pewaris yang sah kepada perjuangan tradisional Melayu. Dalam senario ini, PAS berpotensi untuk menjadi parti dominan dalam mana-mana gabungan politik yang melibatkan pengundi Melayu, meletakkannya dalam kedudukan tawar-menawar yang kuat dalam pembentukan kerajaan. Ketiga, **peluang ekspansi terbuka** adalah dimensi yang paling menarik dalam trajektori kejayaan ini. Ia berdasarkan kepada hipotesis bahawa kejayaan PAS dalam mentadbir negeri-negeri di bawah selianya dan memperjuangkan model hibrid akan membuka ruang untuk menarik sokongan daripada pengundi Melayu bandar yang lebih moderat. Segmen ini yang mewakili kira-kira 25-30 peratus daripada pengundi Melayu secara tradisinya enggan untuk menyokong PAS kerana persepsi bahawa parti tersebut terlalu konservatif atau ekstrem. Walau bagaimanapun, jika PAS berjaya menunjukkan rekod tadbir urus yang baik, pendekatan yang pragmatik terhadap isu-isu pembangunan, dan keupayaan untuk bekerja dengan pelbagai pihak, maka persepsi ini mungkin akan berubah. Fenomena "normalisasi PAS" ini akan menjadi *game-changer* yang signifikan, kerana ia akan membolehkan parti tersebut untuk menembusi segmen pengundi yang sebelum ini tidak dapat dijangkau.

6.3.2 Trajektori Risiko: Stagnasi, Marjinalisasi, dan Kehilangan

Relevansi

Sebaliknya, trajektori risiko menggambarkan senario di mana kegagalan atau ketidakkonsistenan dalam pelaksanaan strategi akan membawa kepada kemunduran kedudukan politik PAS. Tiga risiko utama yang digariskan adalah saling berkaitan dan boleh membentuk lingkaran ganas yang sukar untuk dipatahkan.

6.3.2.1 Stagnasi dan Pengekalan Status Quo

Ia adalah risiko yang paling jelas dan langsung. Dalam senario ini, PAS akan kekal sebagai parti yang kuat di "benteng" tradisinya terutamanya di Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah namun masih kuat di beberapa negeri seperti di Melaka, Negeri Sembilan dan Johor termasuklah di Sabah serta Sarawak disamping memperoleh sokongan luar jangka seperti di Perak dan Pahang. Tanpa pertumbuhan, parti ini akan terdedah kepada risiko **kemerosotan relatif**, di mana kekuatannya semakin berkurangan berbanding dengan pertumbuhan parti-parti lain. Lebih kritikal lagi, kegagalan untuk melaksanakan strategi dengan bersepadu akan menyebabkan naratif PAS mudah dipatahkan oleh pihak lawan sebagai "retorik kosong" atau "janji-janji palsu". Dalam politik Malaysia yang semakin sofistikated, pengundi semakin menuntut bukti konkrit dan prestasi yang boleh diukur, bukan sekadar janji-janji kempen.

6.3.2.2 Risiko Terperangkap dalam Imej Ekstremis

Risiko ini adalah lebih kompleks dan berpotensi lebih merosakkan. Jika elemen "nasionalisme Melayu" ditekankan secara berlebihan tanpa diimbangi oleh kerangka "keadilan Islam untuk semua", PAS berisiko untuk dikategorikan semula sebagai parti yang *sectarian* atau *exclusivist*. Dalam konteks Malaysia yang semakin pluralistik dan di mana isu-isu hak asasi manusia dan kesaksamaan kaum mendapat perhatian yang meningkat, imej sedemikian akan menjadi liabiliti yang besar. Ia bukan sahaja akan menghalang penerimaan daripada pengundi sederhana dan bukan Melayu, tetapi juga akan menyukarkan PAS untuk membentuk kerjasama politik dengan parti-parti lain yang diperlukan untuk membentuk kerajaan di peringkat persekutuan.

6.3.2.3 Kehilangan Kelebihan Yang Kompetitif

Kehilangan kelebihan yang dijustifikasikan adalah risiko yang paling strategik. Dalam dunia politik yang semakin dinamik, kelebihan yang diperolehi melalui inovasi atau positioning yang unik tidak akan bertahan lama jika tidak diuruskan dengan baik. Jika PAS gagal untuk mengurus naratif nasionalisme Melayu secara konsisten dan berkesan, parti-parti lain akan cuba untuk meniru dan mengubah suai strategi yang sama. UMNO, misalnya, mungkin akan cuba untuk "merebut kembali" naratif ekonomi Melayu dan kepimpinan bersih. Bersatu pula mungkin akan menggunakan platform yang lebih moderat untuk menawarkan versi "nasionalisme Melayu yang progresif". Dalam

senario ini, PAS akan kehilangan kelebihan sebagai pembela autentik Melayu-Islam, dan akan terpaksa bersaing dalam satu medan yang semakin sesak dan tidak dibezakan.

6.3.3 Faktor-Faktor Kritikal yang Menentukan Trajektori

Analisis terhadap kedua-dua trajektori ini menunjukkan bahawa beberapa faktor kritikal akan menentukan hala tuju PAS dalam PRU16: Pertama, **Konsistensi Pelaksanaan** adalah faktor yang paling asas. Strategi tiga serampang hanya akan berkesan jika dilaksanakan secara holistik dan berterusan. Pelaksanaan yang separuh-separuh atau bersifat ad hoc akan menghasilkan kesan yang terhad dan mudah dikritik. Kedua, **Kualiti Tadbir Urus di Peringkat Negeri Tadbiran PAS (SG4)** adalah ujian yang paling konkrit. Prestasi PAS dalam mentadbir negeri-negeri di bawah selianya akan menjadi *showcase* kepada kemampuan parti untuk menterjemahkan ideologi kepada hasil yang praktikal. Kegagalan dalam aspek ini akan melemahkan semua naratif lain. Ketiga, **Kemampuan Komunikasi dan Penjenamaan** adalah faktor yang semakin penting dalam era media sosial dan maklumat yang pantas. PAS perlu mampu menyampaikan mesejnya dengan cara yang berkesan, meyakinkan, dan relevan kepada pelbagai segmen pengundi. Keempat, **Adaptasi terhadap Perubahan Politik** adalah faktor yang paling sukar diramal. Landskap politik Malaysia sangat dinamik, dan PAS perlu mampu menyesuaikan strateginya mengikut perkembangan-perkembangan baharu tanpa menggadaikan prinsip asasnya.

Kesimpulannya, analisis projektor trajektori ini menunjukkan bahawa PRU16 akan menjadi satu *watershed moment* bagi PAS. Parti ini berada di persimpangan jalan di mana pilihan strategik yang dibuat hari ini akan menentukan masa depannya untuk

dekad yang akan datang. Trajektori kejayaan menawarkan peluang untuk PAS menjadi kuasa politik utama yang mampu membentuk agenda nasional. Trajektori risiko pula memberi amaran bahawa kegagalan strategik boleh menyebabkan PAS terpinggir dan kehilangan relevansi. Paling kritikal adalah bahawa kejayaan PAS bukan lagi boleh diukur semata-mata dari segi jumlah kerusi yang dimenangi atau peratusan undi yang diperolehi, tetapi dari segi kemampuannya untuk mentransformasikan dirinya menjadi sebuah alternatif pentadbiran yang kompeten. Naratif nasionalisme Melayu hanyalah alat manakala matlamat sebenar adalah untuk menawarkan satu model tadbir urus yang lebih baik kepada rakyat Malaysia. Dalam konteks ini, PRU16 bukan sahaja akan menguji keberkesanan strategi PAS, tetapi juga akan menentukan sama ada model hibrid Islam-Melayu yang diperjuangkan adalah sesuatu yang viable dan sustainable dalam jangka panjang.

6.4 Mekanisme Pelaksanaan dan Penunjuk Kejayaan: Mengoperasionalkan Transformasi Strategik PAS

Transformasi strategik yang berjaya dalam organisasi politik memerlukan lebih daripada sekadar visi dan rancangan konseptual; ia memerlukan satu sistem operasi yang kukuh, terukur, dan responsif terhadap perubahan persekitaran. Dalam konteks Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan agenda nasionalisme Melayu-Islam yang digariskan, keperluan untuk satu mekanisme pelaksanaan yang sistematik adalah kritikal untuk memastikan bahawa transformasi ideologi dapat diterjemahkan kepada realiti politik yang konkrit. Analisis terhadap mekanisme pelaksanaan, penunjuk kejayaan, pengurusan risiko, dan rekomendasi kepada pemegang taruh membentuk satu ekosistem tadbir urus yang holistik, yang bukan sahaja memandu pelaksanaan

strategi tetapi juga memastikan kelestarian dan keberkesanannya dalam jangka panjang.

6.4.1 Struktur Pelaksanaan: Institusionalisasi Strategi melalui Hierarki

Organisasi

Struktur pelaksanaan yang dicadangkan adalah berdasarkan prinsip desentralisasi yang terkawal, di mana autoriti dan tanggungjawab diagihkan secara strategik merentasi pelbagai peringkat organisasi, sambil mengekalkan koordinasi dan konsistensi naratif di peringkat pusat. Struktur tiga peringkat ini iaitu Jawatankuasa Nasionalisme Melayu-Islam di peringkat pusat, Unit Pemantauan Strategi di peringkat negeri, dan Pasukan Respons Cepat untuk isu-isu kritikal bagi membentuk satu sistem kawalan dan keseimbangan yang membolehkan fleksibiliti operasional tanpa mengorbankan kohesi strategik. Penubuhan Jawatankuasa Nasionalisme Melayu-Islam di peringkat pusat berfungsi sebagai **pusat strategik** kepada seluruh operasi. Jawatankuasa ini, yang sepatutnya terdiri daripada campuran pemimpin kanan parti, akademik, teknokrat, dan wakil masyarakat sivil, bertanggungjawab untuk beberapa fungsi kritikal. Pertama, ia akan membangunkan dan mengemaskini kerangka doktrin yang menyeluruh, memastikan bahawa model hibrid Islam-Melayu kekal relevan dan responsif terhadap perkembangan politik semasa. Kedua, jawatankuasa ini akan berfungsi sebagai pusat koordinasi untuk semua aktiviti berkaitan nasionalisme Melayu di seluruh organisasi, memastikan bahawa mesej, program, dan inisiatif di pelbagai peringkat adalah selaras dan saling memperkuat. Ketiga, ia akan bertanggungjawab untuk memantau prestasi keseluruhan strategi dan membuat penyelarasan yang diperlukan berdasarkan data dan maklum balas yang diterima. Penubuhan **Unit Pemantauan Strategi**

di setiap negeri pula berperanan sebagai mata dan telinga operasi di peringkat tempatan. Unit-unit ini, yang akan dikendalikan oleh pemimpin tempatan yang berpengalaman dan dilengkapi dengan kakitangan sokongan yang terlatih, mempunyai tiga fungsi utama. Pertama, mereka akan memantau dan melaporkan perkembangan politik, sosial, dan ekonomi di negeri masing-masing yang berkaitan dengan agenda nasionalisme Melayu. Kedua, mereka akan menyelaraskan pelaksanaan program dan inisiatif di peringkat tempatan, memastikan bahawa strategi pusat diadaptasikan dengan sesuai mengikut konteks dan keperluan setempat. Ketiga, mereka akan berfungsi sebagai pusat maklum balas, mengumpul data tentang keberkesanan program dan persepsi masyarakat terhadap inisiatif parti. Penubuhan **Pasukan Respons Cepat** untuk isu-isu sensitif adalah komponen yang paling dinamik dalam struktur ini. Pasukan ini, yang terdiri daripada pakar komunikasi, peguam, akademik, dan pemimpin masyarakat, akan diaktifkan apabila timbul isu-isu yang berpotensi menjejaskan imej atau kedudukan parti. Fungsi utama pasukan ini adalah untuk memberikan respons yang pantas, tepat, dan berkesan terhadap krisis atau kontroversi yang mungkin timbul, sambil memastikan bahawa respons tersebut selaras dengan naratif dan prinsip parti. Kewujudan pasukan ini adalah kritikal dalam era media sosial, di mana isu-isu boleh menjadi viral dalam masa yang sangat singkat dan berpotensi menyebabkan kerosakan reputasi yang berpanjangan jika tidak ditangani dengan segera dan berkesan.

6.4.2 Penunjuk Prestasi Utama: Mengukur Kemajuan dengan Metrik yang Bermakna

Sistem penunjuk prestasi utama (KPI) yang dicadangkan adalah berdasarkan prinsip pengukuran progresif, di mana matlamat jangka pendek, sederhana, dan panjang ditetapkan dengan metrik yang spesifik, boleh diukur, dan relevan dengan objektif strategik parti. Pendekatan ini membolehkan pemantauan berterusan terhadap kemajuan dan memudahkan penyelarasan strategi apabila diperlukan. Untuk jangka pendek, tiga KPI utama yang ditetapkan iaitu 15 peratus peningkatan kesedaran bahasa, 85 peratus skor transparansi ekonomi, dan 20 peratus peningkatan liputan positif terhadap strategi Nasionalisme Melayu PAS yang berfokuskan kepada pembinaan asas dan persepsi awam. Peningkatan 15 peratus dalam kesedaran isu bahasa Melayu dalam kalangan ahli parti dan penyokong adalah satu sasaran yang realistik dan boleh dicapai melalui kempen pendidikan dan kesedaran yang intensif. Metrik ini boleh diukur melalui tinjauan berkala di kalangan ahli parti dan kajian persepsi awam. Skor transparansi 85 peratus pula merujuk kepada tahap ketelusan dalam pengurusan kewangan dan pentadbiran parti, yang boleh diukur melalui audit dalaman dan luaran serta indeks transparansi yang dibangunkan khusus untuk organisasi politik. Peningkatan 20 peratus dalam liputan media positif adalah penting untuk mengukur kejayaan parti dalam mengubah naratif awam dan persepsi terhadap agenda nasionalisme Melayu yang diperjuangkan.

KPI **jangka sederhana** pula lebih berfokuskan kepada pembinaan kapasiti dan infrastruktur. Sasaran untuk menubuhkan 10 institusi pendidikan baharu dengan kurikulum Islam-Melayu terintegrasi adalah satu komitmen yang besar tetapi strategik untuk memastikan kesinambungan ideologi parti melalui sistem pendidikan. Matlamat untuk melatih 100 kader setahun adalah kritikal untuk memastikan bahawa parti mempunyai modal insan yang mencukupi dan berkualiti untuk melaksanakan agenda transformasinya. Sasaran untuk menghasilkan 5 kajian akademik setahun berkaitan nasionalisme Melayu dalam konteks Islam adalah penting untuk membina kredibiliti intelektual dan legitimasi akademik bagi perjuangan parti.

KPI **jangka panjang** adalah paling ambisius dan strategik. Sasaran untuk mencapai peningkatan 25 peratus dalam sokongan pengundi Melayu adalah satu objektif yang boleh mengubah lanskap politik Malaysia secara fundamental. Matlamat untuk menjadikan model PAS sebagai rujukan bagi parti-parti Islam di rantau adalah satu aspirasi yang akan meningkatkan prestij dan pengaruh antarabangsa parti. Sasaran untuk mempunyai platform dialog antara kaum yang beroperasi di 10 negeri adalah penting untuk membuktikan bahawa agenda nasionalisme Melayu PAS adalah inklusif dan tidak sectarian.

6.4.3 Pengurusan Risiko: Strategi Mitigasi untuk Cabaran yang Dijangka

Pengurusan risiko yang sistematik adalah komponen yang kritikal dalam pelaksanaan sebarang transformasi strategik, terutamanya dalam konteks politik yang sensitif seperti nasionalisme kaum dan agama. Kategori

risiko yang dikenal pasti berisiko tinggi dan risiko sederhana yang mencerminkan satu pemahaman yang realistik tentang cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh PAS dalam melaksanakan agendanya. **Risiko tinggi** yang pertama, iaitu tuduhan perkauman, adalah mungkin cabaran yang paling kritikal dan berpotensi paling merosakkan. Strategi mitigasi yang dicadangkan—rangkaian konsisten dengan kerangka Islam universal adalah berdasarkan kepada prinsip bahawa cara terbaik untuk menangani tuduhan perkauman adalah dengan sentiasa meletakkan perjuangan nasionalisme Melayu dalam konteks nilai-nilai Islam yang universal dan inklusif. Ini memerlukan disiplin komunikasi yang ketat dan latihan yang menyeluruh untuk semua jurucakap dan pemimpin parti. Setiap kenyataan, dasar, dan tindakan mesti dapat dijelaskan dalam kerangka keadilan, rahmat, dan hikmah Islam, bukan sekadar kepentingan kaum semata-mata. Risiko tinggi kedua, iaitu perpecahan dalaman, adalah satu cabaran yang sering dihadapi oleh parti-parti yang mengalami transformasi ideologi. Strategi mitigasi melalui dialog berterusan dan pendidikan seragam tentang model hibrid adalah berdasarkan kepada prinsip bahawa perpaduan parti boleh dikekalkan melalui pemahaman yang jelas dan perkongsian visi yang sama di kalangan semua ahli. Ini memerlukan pelaburan yang besar dalam program pendidikan dalaman dan mekanisme dialog yang berkesan di semua peringkat organisasi. **Risiko sederhana** seperti perubahan demografi dan persaingan parti adalah cabaran jangka panjang yang memerlukan strategi adaptasi yang berterusan. Strategi untuk menghadapi perubahan demografi melalui pembangunan naratif inklusif dan program jangkauan bukan Melayu adalah berdasarkan kepada pengiktirafan bahawa komposisi pengundi Malaysia akan terus berubah, dan

parti yang ingin kekal relevan mesti mampu menyesuaikan diri. Program jangkauan kepada komuniti bukan Melayu bukan bermakna mengabaikan agenda nasionalisme Melayu, tetapi memperluas tafsiran tentang bagaimana agenda tersebut boleh memberi manfaat kepada semua rakyat Malaysia.

Strategi untuk menghadapi persaingan parti melalui inovasi berterusan dan pengukuhan kelebihan kredibiliti moral adalah berdasarkan kepada prinsip bahawa dalam persekitaran politik yang kompetitif, parti yang berhenti berinovasi akan ketinggalan. PAS mesti sentiasa mencari cara baharu untuk menyampaikan mesejnya, memperbaiki prestasinya, dan memperkukuh kelebihan uniknya dalam landskap politik Malaysia.

6.5 Menilai Keberkesanan Model Hibrid Nasionalisme Melayu PAS dan trajektori Pencapaian Kerusi PAS dalam PRU ke-16

Perbincangan tentang keberkesanan Model Hibrid Nasionalisme Melayu PAS mesti menjurus kepada tiga komponen teras yang saling melengkapi: instrumen komunikasi politik, institusi pendidikan dan tarbiyah, serta kodifikasi dogmatik model. Ketiga-tiga elemen ini membina kerangka strategi yang bukan sahaja memperkukuh identiti Melayu-Islam PAS tetapi juga memperluas tarikan parti terhadap pelbagai lapisan masyarakat Melayu kontemporari.

Pertama, instrumen komunikasi politik berfungsi sebagai jambatan strategik untuk menyampaikan naratif Melayu-Islam secara efektif. Melalui retorik “Negara Berkebajikan” yang diperkasa dengan petikan ayat al-Qur’an yang sesuai, PAS dapat menegaskan kredibiliti moral sambil menguatkan resonansi budaya Melayu. Saluran

digital seperti media sosial, podcast ilmiah, dan forum maya yang menampilkan ulama dan intelektual membuka ruang dialog dengan generasi milenial serta Gen Z—golongan yang semakin mempengaruhi corak undi. Kepelbagaian format membolehkan mesej parti diolah secara responsif dan kontekstual, sekaligus meningkatkan visibiliti politik dan kepercayaan pengundi.

Kedua, institusi pendidikan dan tarbiyah PAS bertindak sebagai penjana modal insan berideologi hibrid. Modul tarbiyah yang diasaskan daripada kurikulum Ikhwan al-Muslimun mesti disesuaikan dengan kerangka pendidikan formal dan bukan formal di Malaysia. Contohnya, bengkel kepimpinan belia, kursus keusahawanan sosial Islam, dan program khidmat masyarakat dengan penekanan Bahasa Melayu dan bacaan al-Qur'an. Penubuhan Pusat Penerbitan Nasionalisme Melayu sebagai think tank memberi saluran rasmi untuk menerbitkan jurnal akademik berkala. Dengan cara ini, kerangka teori hibrid sentiasa dikaji semula, dikemaskini mengikut pergolakan semasa, dan diperkayakan melalui kritikan akademik. Hasilnya, PAS dapat mewujudkan jaringan kader intelektual yang kompeten pada tahap nasional dan serantau.

Ketiga, kodifikasi dogmatik model adalah prasyarat kepada kesepaduan dalaman dan konsistensi dasar. Tanpa manual doktrin yang terperinci, kepimpinan negeri dan cawangan mudah terkeluar daripada garis panduan asal. Maka, Jabatan Kajian Strategik PAS perlu merangka dokumen rasmi yang memaparkan: (i) konsep teras seperti hubbul watan minal iman dan integrasi syariah dalam Perlembagaan Persekutuan; (ii) piawai komunikasi yang menekankan nilai kebajikan dan kepekaan terhadap masyarakat majmuk; dan (iii) metrik penilaian KPI peringkat negeri.

Kodifikasi ini membekalkan setiap unit parti dengan “bahasa parti” tunggal, membantu memantau pelaksanaan, serta mengurangkan risiko tafsiran bercanggah.

Gabungan ketiga-tiga elemen ini menghasilkan impak kumulatif. Dalam jangka pendek, PAS dapat meningkatkan daya tarikan politik melalui mesej yang lebih teratur dan relevan. Dalam jangka panjang, proses tarbiyah berterusan dan kodifikasi doktrin membentuk kader sosial dan intelektual yang teguh, menanamkan kesetiaan kepada parti sebagai wadah perjuangan Melayu-Islam. Namun, beberapa cabaran tidak boleh diabaikan. Pertama, persaingan ideologi dari gerakan Islam lain atau parti sekular boleh memanfaatkan kelemahan kodifikasi untuk mencetus konflik. Kedua, dinamik sosio-politikal seperti kestabilan ekonomi, integrasi kaum, dan situasi geopolitik mungkin mengalihkan tumpuan pengundi daripada naratif Nasionalisme Melayu-Islam. Ketiga, perubahan demografi, kemunculan *digital influencer*, dan aliran pemikiran global menuntut pembaharuan Model Hibrid Nasionalisme Melayu PAS agar model ini sentiasa relevan. Maka berdasarkan yang dihasilkan untuk skop sokongan pengundi Melayu dan keupayaan parti, dijangka bahawa Parti Islam Se-Malaysia (PAS) akan mencatat peningkatan kerusi ketara dalam Pilihan Raya Umum ke-16. Unjuran ini dibina atas dua aspek utama: (i) lonjakan sokongan Melayu di peringkat Parlimen, dan (ii) peningkatan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) sejajar dengan trend nasional dan kejayaan program pendidikan politik.

Pertama, Kerusi Dewan Rakyat. Purata sokongan Melayu kepada PAS di PRU-15 dianggarkan 55 peratus, dan model pertumbuhan indikator meramalkan peningkatan kepada 67 peratus pada PRU-16 iaitu kenaikan sebanyak 12 mata peratus dengan mengambil kira undi majoriti di kira-kira 140 kawasan marginal dan solid

Melayu, setiap kenaikan 1 mata peratus dijangka menambah penguasaan 1–1.2 kerusi Parlimen baharu. Oleh itu, lonjakan 12 mata peratus bermakna tambahan antara 12 hingga 14 kerusi berbanding pencapaian 49 kerusi pada PRU-15, menjurus kepada unjuran 61–63 kerusi Parlimen untuk PAS dalam PRU-16.

Kedua, kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dijangka menyaksikan lonjakan signifikan selari dengan peningkatan keberkesanan institusi pendidikan politik PAS dan daya tarikan strategi komunikasi berasaskan Model Hibrid Nasionalisme Melayu. Pada Pilihan Raya Umum ke 15 dan Pilihan Raya Negeri 2023, PAS memenangi 148 kerusi DUN terbahagi seperti berikut: Kelantan (38), Terengganu (27), Kedah (21), Perlis (9), Perak (17), Pahang (15), Selangor (10), dan Negeri Sembilan (3). Unjuran model Hibrid Nasionalisme Melayu PAS sekurang-kurangnya meramalkan kenaikan sokongan Melayu sebanyak 12 peratus dipadankan dengan faktor adaptasi lebih pesat di negeri-negeri pertengahan dan pinggir bandar khususnya Selangor, Perak, dan Pahang menunjukkan potensi penambahan antara 40 hingga 45 kerusi DUN. Dengan itu, keseluruhan bilangan kerusi DUN yang dijangka diraih PAS dalam PRU-16 dianggarkan mencapai 188 hingga 193 kerusi. Lonjakan ini bukan sahaja memantapkan cengkaman PAS di lima negeri teras tetapi juga mencerminkan kejayaan memperluas pengaruh parti ke kawasan majoriti campuran Melayu di negeri-negeri yang sebelumnya kurang dominan.

Impak geografi dan koalisi turut memberi dimensi khusus. Khususnya di Kelantan dan Terengganu, PAS dijangka mengekalkan dominasi melebihi 80 peratus kerusi negeri masing-masing. Manakala Kedah dan Perlis, peningkatan sokongan di kawasan pinggiran meramalkan penambahan 1–2 kerusi. Selangor dan Perak

menampilkan potensi peningkatan marginal 10–12 kerusi, bergantung pada persefahaman pembahagian kerusi dalam gabungan politik. Manakala di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, kejayaan modul tarbiyah dan program akar umbi ke kawasan FELDA serta pinggir bandar berpotensi menambah 8–10 kerusi DUN. Secara keseluruhan, unjuran ini menjangkakan PAS akan memperkukuh kedudukan dengan meraih kira-kira 28–30 peratus kerusi Parlimen dan hampir 35 peratus kerusi DUN seluruh negara pada PRU-16. Kejayaan pencapaian ini bergantung rapat kepada pelaksanaan konsisten Model Hibrid Nasionalisme Melayu PAS, pengoptimuman KPI peringkat negeri, dan dinamik kerjasama dalam gabungan politik untuk memaksimumkan impak strategik.

6.6 Rekomendasi Kepada Pemegang Taruh: Kepimpinan yang Bertanggungjawab

Rekomendasi spesifik kepada pelbagai peringkat kepimpinan mencerminkan satu pemahaman bahawa transformasi strategik yang berjaya memerlukan komitmen dan tindakan yang terkoordinasi dari semua peringkat organisasi. Setiap peringkat kepimpinan mempunyai peranan dan tanggungjawab yang unik dalam memastikan kejayaan strategi keseluruhan.

Rekomendasi kepada **Institusi Kepresidenan PAS** untuk memastikan komitmen jangka panjang dan mengintegrasikan elemen nasionalisme ke dalam semua dasar parti adalah berdasarkan kepada pengiktirafan bahawa kepimpinan tertinggi memegang peranan yang kritikal dalam menetapkan hala tuju dan memastikan konsistensi strategi. Tanpa komitmen yang jelas dan berterusan dari peringkat

tertinggi, usaha transformasi akan kehilangan momentum dan fokus. Integrasi elemen nasionalisme ke dalam semua dasar parti juga memastikan bahawa agenda ini bukan sekadar tambahan atau aksesori kepada ideologi parti, tetapi menjadi sebahagian integral daripada identiti dan perjuangan parti.

Rekomendasi kepada **Majlis Syura Ulama** untuk memberikan penjelasan teologi yang jelas dan bimbingan spiritual berterusan adalah kritikal untuk memastikan bahawa agenda nasionalisme Melayu tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam yang asas. Majlis Syura, sebagai badan tertinggi dalam hierarki spiritual parti, mempunyai autoriti dan kredibiliti untuk memberikan legitimasi teologi kepada strategi parti. Tanpa sokongan dan bimbingan yang jelas dari Majlis Syura, parti berisiko untuk menghadapi pertentangan dalaman dan kritikan dari pihak luar mengenai kesahihan Islamik agenda yang diperjuangkan.

Rekomendasi kepada **kepimpinan peringkat Badan Perhubungan PAS setiap negeri** untuk mengadaptasikan strategi mengikut konteks tempatan dan memantau KPI secara berkala mencerminkan pengiktirafan bahawa kejayaan strategi bergantung kepada pelaksanaan yang berkesan di peringkat tempatan. Setiap negeri mempunyai ciri demografi, sejarah, dan cabaran yang unik, dan strategi nasional mesti diadaptasikan untuk menangani realiti tempatan. Pemantauan KPI secara berkala juga memastikan bahawa kemajuan dapat dikesan dengan awal dan penyelarasan boleh dibuat sebelum masalah menjadi kritikal.

Kesimpulan dalam Sistem Operasi untuk Transformasi Berkelanjutan adalah berkait dengan mekanisme pelaksanaan dan penunjuk kejayaan yang digariskan membentuk satu sistem operasi yang komprehensif untuk transformasi strategik PAS. Ia bukan sekadar satu set prosedur atau garis panduan, tetapi satu ekosistem tadbir urus yang direka untuk memastikan bahawa transformasi ideologi dapat diterjemahkan kepada perubahan yang konkrit dan terukur dalam prestasi dan kedudukan politik parti. Bahkan paling penting adalah bahawa sistem ini adalah belajar dan adaptif. Melalui pemantauan berterusan, pengurusan risiko yang proaktif, dan kepimpinan yang bertanggungjawab, PAS dapat menyesuaikan strateginya mengikut perubahan persekitaran politik sambil mengekalkan konsistensi dengan prinsip dan objektif asas. Kejayaan sistem ini akan diukur bukan sahaja dari segi pencapaian KPI yang ditetapkan, tetapi juga dari segi keupayaannya untuk membolehkan PAS berkembang menjadi sebuah organisasi politik yang lebih matang, berkesan, dan relevan dalam konteks Malaysia moden yang semakin kompleks dan mencabar.

6.7 Kesimpulan

Perbincangan ini telah mengesahkan bahawa elemen-elemen nasionalisme Melayu iaitu Bahasa Melayu, Ekonomi Melayu, dan Sosial-Pendidikan Melayu, bukan sahaja mampu tetapi juga terbukti berkesan sebagai strategi politik PAS. Melalui model hibrid Nasionalisme Melayu PAS yang unik, PAS berjaya menepis tuduhan *assabiyyah* dengan menegaskan bahawa perjuangan mempertahankan identiti dan hak Melayu selari dengan prinsip universal Islam. Dalam jangka pendek (1–2 tahun), pengukuhan naratif Bahasa Melayu melalui kempen intensif, unit pemantauan isu bahasa, dan kerjasama dengan badan bahasa, di samping penguatan kredibiliti moral

ekonomi melalui ketelusan dan model ekonomi Islam-Melayu praktikal, akan membina asas sokongan yang kukuh di kalangan pengundi teras. Pada jangka sederhana (3–5 tahun), pelaburan strategik dalam pembangunan institusi pendidikan beroerientasikan kurikulum Islam-Melayu, penubuhan pusat penyelidikan nasionalisme Melayu, dan program latihan kepimpinan akan melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan setia. Paralel dengan itu, kodifikasi doktrin hibrid, latihan kader untuk penyampaian mesej konsisten, dan manual komunikasi politik akan memformalkan dan menyelaraskan naratif parti. Bagi jangka panjang (5–10 tahun), transformasi organisasi dengan struktur biro khusus bagi setiap elemen nasionalisme dan sistem KPI berasaskan hasil akan memastikan tadbir urus yang berfokus dan berakauntabiliti. Manakala ekspansi strategik dengan menggunakan model kejayaan PAS untuk meraih sokongan bukan Melayu, mengemuka naratif “keadilan untuk semua,” dan mengadakan platform dialog antara kaum yang akan membuka ruang kepada penerimaan lebih meluas. Dalam konteks PRU16, pelaksanaan teratur strategi ini dapat mewujudkan trajektori kejayaan berupa konsolidasi pengundi teras, dominasi gelombang politik Melayu, dan peluang ekspansi ke segmen bandar moderat. Sebaliknya, ketidakkonsistenan boleh membawa trajektori risiko, termasuk stagnasi, stigmatisasi ekstremis, dan kehilangan kelebihan kompetitif. Mekanisme pelaksanaan melalui Jawatankuasa Nasionalisme Melayu-Islam, Unit Pemantauan Strategi negeri, dan Pasukan Respons Cepat, bersama KPI jangka pendek, sederhana, dan panjang, membentuk kerangka operasi yang holistik. Pengurusan risiko berfokuskan mitigasi tuduhan perkauman, perpecahan dalaman, perubahan demografi, dan persaingan parti pula memastikan kesediaan PAS menghadapi cabaran dalaman dan luaran. Akhir sekali, komitmen berterusan Presiden PAS untuk integrasi dasar nasionalisme, legitimasi teologi daripada Majlis Syura Ulama, dan adaptasi dasar di peringkat negeri

adalah syarat kritikal bagi menerjemahkan visi strategik ini kepada realiti politik. Dengan pendekatan berfasa, bersepadu, dan berteraskan bukti prestasi tadbir urus, PAS berpotensi untuk memacu transformasi dirinya menjadi kuasa politik nasional yang inklusif, berkesan, dan relevan untuk semua lapisan masyarakat Malaysia.



BAB TUJUH

KESIMPULAN

7.0 Pendahuluan

Penyelidikan terhadap perkembangan nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sepanjang tempoh tujuh dekad (1951-2021) telah mengungkapkan satu fenomena politik yang kompleks dan dinamik dalam konteks sejarah politik Malaysia. Kajian ini bukan sekadar dokumentasi kronologis tentang evolusi ideologi parti, tetapi merupakan satu analisis mendalam tentang bagaimana sebuah gerakan politik Islam mampu mengintegrasikan elemen-elemen nasionalisme etnik ke dalam kerangka perjuangan keagamaan yang lebih besar, seterusnya membentuk satu model hibrid yang unik dalam lanskap politik Islam kontemporari.

7.1 Pencapaian Objektif Kajian dan Dapatan Utama

Kajian ini telah berjaya memenuhi objektif utamanya untuk menilai keberkesanan elemen-elemen nasionalisme Melayu sebagai strategi politik PAS dalam mendapatkan sokongan orang Melayu. Melalui pendekatan kualitatif yang menggabungkan analisis dokumen dan temu bual mendalam dengan tokoh-tokoh utama parti, penyelidikan ini telah menghasilkan dapatan yang afirmatif dan meyakinkan bahawa elemen-elemen nasionalisme Melayu bukan sahaja mampu, tetapi telah terbukti menjadi strategi politik yang teras, dinamik, dan berkesan bagi PAS. Tiga elemen strategik utama yang dikenal pasti iaitu Bahasa Melayu sebagai jentera identiti awam, Ekonomi Melayu sebagai teras kredibiliti moral, dan Sosial-Pendidikan

sebagai kerangka ideologi jangka panjang yang telah membentuk apa yang boleh disifatkan sebagai "strategi tiga serampang" yang saling memperkuat. Keunikan pendekatan PAS terletak pada keupayaannya untuk menganyam ketiga-tiga elemen ini menjadi satu naratif bersepadu yang dibingkaikan dalam kerangka ideologi Islam yang lebih besar, sekali gus mengelakkan perangkap tuduhan *assabiyyah* (perkauman sempit) yang sering dihadapi oleh gerakan nasionalis etnik.

7.2 Evolusi Fasa dan Transformasi Ideologi

Analisis retrospektif terhadap empat fasa perkembangan nasionalisme Melayu dalam PAS mendedahkan satu trajektori yang tidak linear tetapi bersifat dialektikal. **Fasa Pembentukan (1951-1956)** di bawah kepimpinan Ahmad Fuad Hassan dan Dr. Abbas Alias meletakkan asas ideologi nasionalisme Melayu dalam konteks perjuangan kemerdekaan dan pembentukan negara. **Fasa Pembinaan (1956-1982)** yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi dan Dato' Mohd Asri Muda menyaksikan pengukuhan dan sistematisasi elemen-elemen nasionalisme melalui konsep Melayu Raya dan integrasi praktis dalam Kerajaan Perikatan. Namun, **Fasa Pemisahan (1982-2002)** di bawah Tuan Guru Haji Yusof Rawa dan Dato' Fadzil Mohd Nor mencerminkan satu periode kritikal di mana parti mengalami ketegangan dalaman mengenai peranan nasionalisme dalam perjuangan Islam. Penolakan eksplisit terhadap konsep nasionalisme dalam tempoh ini, walau bagaimanapun, tidak bermakna penghapusan sepenuhnya elemen-elemen Melayu, sebaliknya ia menunjukkan proses *refinement* dan *recalibration* untuk memastikan kesesuaian dengan prinsip-prinsip Islam yang fundamental.

Fasa Pengamalan (2002-2021) di bawah kepimpinan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menandakan kemunculan semula elemen-elemen nasionalisme Melayu dalam

bentuk yang lebih matang dan terintegrasi. Dalam fasa ini, PAS berjaya mengembangkan formula yang membolehkan perjuangan nasionalisme Melayu beroperasi dalam kerangka "Islam Hadhari" dan "negara berkeadilan", sekali gus menunjukkan keupayaan adaptasi dan evolusi ideologi parti.

7.3 Model Hibrid Nasionalisme Melayu PAS: Inovasi Teoritis dan Praktis

Sumbangan paling signifikan kajian ini kepada korpus pengetahuan sains politik dan kajian Islam ialah konseptualisasi model hibrid Nasionalisme Melayu PAS yang telah dikembangkan oleh PAS. Model ini merupakan satu inovasi teoritis yang mengatasi dikotomi tradisional antara nasionalisme sekular dan universalisme agama. Melalui konsep *Hubbul Wathan minal Iman* (cinta kepada tanah air adalah sebahagian daripada iman), PAS berjaya menyelesaikan ketegangan yang sering wujud antara kesetiaan kepada bangsa dan kesetiaan kepada ummah. Model hibrid ini berfungsi pada tiga tahap yang saling berkaitan. Pada tahap ideologi, ia menyediakan justifikasi teologi untuk perjuangan nasionalisme Melayu dalam kerangka Islam. Pada tahap strategi, ia membolehkan PAS untuk meraih sokongan daripada pengundi yang mementingkan kedua-dua identiti etnik dan keagamaan. Pada tahap praktis, ia menawarkan blueprint untuk pembinaan masyarakat yang menggabungkan nilai-nilai tradisional Melayu dengan prinsip-prinsip Islam moden.

7.4 Perbandingan Antarabangsa dan Keunikan Kontekstual

Analisis perbandingan dengan parti-parti Islam di peringkat global termasuk PKS di Indonesia, Jamaat-e-Islami di Pakistan, Ennahda di Tunisia, Refah Partisi di Turki, dan FIS di Algeria yang menunjukkan bahawa model PAS adalah unik dalam beberapa aspek penting. Berbeza dengan PKS yang bergerak ke arah nasionalisme sivil

inklusif, atau Ennahda yang mengembangkan konsep *ummatan wasatha*, PAS mengekalkan etnosentrisme Melayu-Islam sebagai teras perjuangannya sambil tetap menghormati prinsip-prinsip universal Islam.

Keunikan ini terletak pada konteks Malaysia sebagai negara yang majoritinya Muslim tetapi multietnik, di mana PAS perlu mengimbangi tuntutan komuniti Melayu-Muslim dengan realiti masyarakat majmuk. Model hibrid PAS menunjukkan bagaimana sebuah parti politik Islam dapat mengekalkan identiti etno-agama yang kuat sambil beroperasi dalam sistem demokrasi liberal dan mengelakkan marginalisation politik.

7.5 Keberkesanan Strategik dan Implikasi Elektoral

Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi nasionalisme Melayu PAS telah terbukti berkesan dalam beberapa dimensi kritikal. Dalam dimensi mobilisasi, elemen-elemen bahasa, ekonomi, dan sosial-pendidikan telah berjaya menggerakkan sokongan akar umbi yang setia dan berterusan. Dalam dimensi legitimasi, model hibrid telah memberikan PAS kredibiliti sebagai pembela otentik kepentingan Melayu-Islam tanpa mengorbankan prinsip keagamaan. Walau bagaimanapun, kajian juga mendedahkan cabaran dan limitasi strategi ini. Risiko polarisasi etnik, dilema inklusiviti terhadap bukan Melayu, dan persaingan daripada parti-parti lain yang cuba meniru naratif yang sama merupakan cabaran berterusan yang perlu ditangani dengan bijaksana.

7.6 Cadangan Strategik dan Hala Tuju Masa Depan

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan strategik telah dikemukakan untuk mengoptimumkan keberkesanan nasionalisme Melayu sebagai strategi politik PAS. Cadangan jangka pendek memfokuskan kepada pengukuhan naratif bahasa dan penguatan kredibiliti moral ekonomi. Cadangan jangka sederhana menekankan pembangunan institusi pendidikan dan pengintegrasian model hibrid melalui kodifikasi doktrin dan latihan kader. Cadangan jangka panjang melibatkan transformasi organisasi dan ekspansi strategik untuk menjangkau segmen pengundi yang lebih luas. Projektor dan trajektori untuk Pilihan Raya Umum ke-16 menunjukkan bahawa kejayaan PAS akan bergantung kepada keupayaannya untuk melaksanakan strategi ini secara konsisten dan berkesan. Trajektori kejayaan akan membolehkan PAS untuk mencapai dominasi dalam gelombang politik Melayu dan membuka peluang ekspansi kepada segmen pengundi bandar yang moderat. Sebaliknya, trajektori risiko boleh menyebabkan stagnasi dan kehilangan kelebihan kompetitif dalam jangka panjang.

7.7 Sumbangan Teoritis dan Metodologi

Kajian ini telah menyumbang kepada perkembangan teori sains politik dalam beberapa aspek penting. Pertama, ia telah mengembangkan teori model hibrid dalam konteks parti politik Islam yang menggabungkan nasionalisme etnik dengan universalisme agama. Kedua, ia telah memperluaskan aplikasi Teori Retrospektif dalam analisis evolusi ideologi parti politik dalam konteks jangka panjang. Ketiga, ia telah menyediakan kerangka analisis nasionalisme beragama yang boleh diaplikasikan kepada konteks lain di dunia Islam. Dari segi metodologi, pendekatan kualitatif yang menggabungkan analisis dokumen sejarah dengan temu bual mendalam telah terbukti

berkesan dalam mengungkap dinamika dalaman parti dan proses pembentukan ideologi. Penggunaan analisis kronologis melalui empat fasa kepimpinan telah membolehkan pemahaman yang lebih nuansa tentang evolusi dan transformasi ideologi parti.

7.8 Limitasi Kajian dan Cadangan Penyelidikan Lanjutan

Walaupun kajian ini telah mencapai objektifnya, terdapat beberapa limitasi yang perlu diakui. Skop temporal yang meliputi tujuh dekad mungkin telah menghadkan kedalaman analisis untuk setiap tempoh. Fokus kepada PAS sebagai subjek tunggal mungkin telah mengabaikan perspektif parti-parti lain dalam sistem politik Malaysia. Pendekatan kualitatif yang digunakan mungkin boleh diperkukuh dengan data kuantitatif tentang trend sokongan pengundi dan analisis statistik yang lebih terperinci. Penyelidikan lanjutan boleh memfokuskan kepada beberapa arah yang menjanjikan. Analisis perbandingan dengan UMNO dan parti-parti Melayu lain dalam konteks nasionalisme boleh memberikan pemahaman yang lebih komprehensif tentang dinamik politik Melayu. Kajian kuantitatif tentang kesan strategi nasionalisme terhadap prestasi elektoral PAS dalam jangka panjang boleh menyokong dapatan kualitatif kajian ini. Analisis persepsi pengundi bukan Melayu terhadap model hibrid PAS boleh memberikan insight tentang potensi ekspansi strategik parti.

7.9 Implikasi Praktis dan Relevansi Dasar

Dapatan kajian ini mempunyai implikasi penting untuk pengamal politik, penggubal dasar, dan akademik. Bagi PAS, kajian ini menyediakan roadmap yang jelas untuk mengoptimumkan strategi nasionalisme Melayunya dalam konteks politik kontemporari. Bagi parti-parti lain, ia menawarkan insight tentang cara

mengembangkan naratif identiti yang berkesan tanpa terjatuh ke dalam perangkap polarisasi. Bagi penggubal dasar kerajaan, pemahaman tentang dinamik nasionalisme dalam parti pembangkang adalah penting untuk merancang pendekatan yang seimbang dalam menangani isu-isu sensitif berkaitan etnik dan agama. Bagi masyarakat sivil, kajian ini menyediakan pemahaman yang lebih nuansa tentang kompleksiti politik identiti dalam masyarakat majmuk Malaysia.

7.10 Kesimpulan Akhir

Kajian "Perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia, 1951-2021" telah berjaya menunjukkan bahawa nasionalisme etnik dan universalisme agama bukanlah dua force yang semestinya antagonistic. Melalui model hibrid Islam-Melayu yang inovatif, PAS telah membuktikan bahawa adalah mungkin untuk mengekalkan identiti etno-agama yang kuat sambil beroperasi dalam kerangka prinsip keagamaan yang universal dan sistem politik yang demokratik. Signifikansi kajian ini melangkaui konteks PAS atau Malaysia, kerana ia menawarkan insight berharga tentang cara parti-parti politik Islam di seluruh dunia boleh menangani ketegangan antara identiti tempatan dan nilai universal. Dalam era globalisasi yang semakin mencabar identiti tradisional, model PAS menunjukkan satu cara untuk memelihara dan memperkasa identiti etno-agama tanpa mengorbankan prinsip inklusiviti dan keadilan. Warisan intelektual kajian ini terletak pada sumbangannya kepada pemahaman yang lebih sofistikated tentang dinamik politik Islam dalam konteks moden. Ia menunjukkan bahawa parti-parti Islam kontemporari bukan entiti yang monolitik atau statis, sebaliknya organisasi yang dinamik dan adaptif yang mampu mengembangkan strategi inovatif untuk menghadapi cabaran politik yang kompleks. Akhirnya, kajian ini menegaskan bahawa masa depan politik Islam tidak terletak pada

pilihan antara nasionalisme atau universalisme, antara identiti tempatan atau global, tetapi pada keupayaan untuk mengintegrasikan elemen-elemen ini dalam satu visi yang koheren dan berkesinambungan. Model hibrid Nasionalisme Melayu PAS menawarkan satu contoh tentang bagaimana integrasi sedemikian boleh dicapai, dan kejayaannya akan terus dinilai oleh sejarah politik Malaysia dan dunia Islam yang lebih luas.



BIBLIOGRAFI

SUMBER PREMIER - TEMUBUAL

Awang, A. H. (2019, December 29). *Perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS), 1951-2021* (N. A. Abdul Manan, Interviewer) [Personal communication].

Ali, D. M. (2015, May 24). *Perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia PAS* (N. A. Abdul Manan, Interviewer) [Personal communication].

Jasin, H. (2025, May 12). *Perkembangan Nasionalisme Melayu dalam Parti Islam Se-Malaysia, 1951-2021* (N. A. Abdul Manan, Interviewer) [Personal communication].

SUMBER SEKUNDER - TEKS-TEKS UCAPAN DASAR YANG DI PERTUA AGUNG PAS / PRESIDEN PAS

Teks ucapan dasar Dr Abbas Alias di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955.

Teks ucapan dasar Dr Burhanuddin Al-Helmi di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957.

Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-13 pada 20 dan 21 April 1965 (tidak bertajuk).

Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966 (tidak bertajuk).

Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 pada 19, 20, 21 dan 22 April 1968 (tidak bertajuk).

Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972 (tidak bertajuk).

Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972.

Eksklusif ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-20 pada 13, 14 dan 15 Jun 1974 (tidak bertajuk).

Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 pada 5 dan 6 Ogos 1976 bertajuk “Sikap Kita Sekarang”.

Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-23 pada 23, 24 dan 25 Julai 1977 (tidak bertajuk).

Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mukhtamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk “Cubaan dan Cabaran”.

Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-25 pada 7, 8 dan 9 September 1979 bertajuk “Tiga Wajah Cabaran”.

Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mukhtamar Khas PAS Kali Ke-5 pada 2 Mac 1980 (tidak bertajuk).

Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-26 pada 26, 27 dan 28 September 1980 bertajuk “Kurun Hijrah Ke-15: Antara Harapan dan Cabaran”.

Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-27 pada 17, 18 dan 19 April 1981 bertajuk “PAS dari Dekad ke Dekad”.

Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-28 pada 23 dan 24 Oktober 1982 (tidak bertajuk).

Teks ucapan dasar Yusof Rawa di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-29 pada 30 April dan 1 Mei 1983 bertajuk “Ke Arah Pembebasan Ummah”.

Teks ucapan dasar Yusof Rawa di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-30 pada 14 dan 15 April 1984 bertajuk “Menggempur Pemikiran ‘Asabiyyah”.

Teks ucapan dasar Yusof Rawa di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-31 pada 14 dan 15 April 1985 bertajuk “Bertindak Menentang Kezaliman”.

Teks ucapan dasar Yusof Rawa di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-32 pada 27 dan 28 Disember 1986 bertajuk “Teguhkan Jamaah Teruskan Jihad”.

Teks ucapan dasar Yusof Rawa di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-33 pada 11 dan 12 April 1987 bertajuk “Ke Arah Tajdid Hadhari”.

Teks ucapan dasar Yusof Rawa di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-34 pada 9 dan 10 April 1988 bertajuk “Bertekad Membulatkan Jamaah”.

Teks ucapan dasar Yusof Rawa di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-35 pada 1 dan 2 April 1989 bertajuk “Membina Ketahanan Ummah”.

Teks ucapan dasar Fadzil Mohd Noor di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-36 pada 25, 26 dan 27 Mei 1990 bertajuk “Maju Bersama Islam”.

Teks ucapan dasar Fadzil Mohd Noor di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-37 pada 31 Mei serta 1 dan 2 Jun 1991 bertajuk “Bersatu Menegakkan Islam”.

Teks ucapan dasar Fadzil Mohd Noor di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-38 pada 14, 15 dan 16 Ogos 1992 bertajuk “Meroboh Rangkaian Penindas”.

Teks ucapan dasar Fadzil Mohd Noor di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-39 pada 12 dan 13 Jun 1993 bertajuk “Pertahan Syakhsiyyah Ummah”.

Teks ucapan dasar Fadzil Mohd Noor di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-40 pada 10, 11 dan 12 Jun 1994 bertajuk “Ulama’ Teras Kepimpinan Ummah”.

Teks ucapan dasar Fadzil Mohd Noor di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-41 pada 25, 26 dan 27 Ogos 1995 bertajuk “Menyanggah Fikrah Maddiyyah”.

Teks ucapan dasar Fadzil Mohd Noor di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-42 pada 14, 15 dan 16 Jun 1996 bertajuk “Tegakkan Ketuanan Islam”.

Teks ucapan dasar Fadzil Mohd Noor di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-43 pada 30 dan 31 Mei serta 1 Jun 1997 bertajuk “Bersiap Menghadapi Cabaran”.

Teks ucapan dasar Fadzil Mohd Noor di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-44 pada 15, 16 dan 17 Mei 1998 bertajuk “Bertekad Mencapai Kemenangan”.

Teks ucapan dasar Fadzil Mohd Noor di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-45 pada 28, 29 dan 30 Mei 1999 bertajuk “Bersama Menegakkan Keadilan”.

Teks ucapan dasar Fadzil Mohd Noor di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-46 pada 2, 3 dan 4 Jun 2000 bertajuk “PAS Memimpin Perpaduan”.

Teks ucapan dasar Fadzil Mohd Noor di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-47 pada 1, 2 dan 3 Jun 2001 bertajuk “Menyanggah Serangan Menjana Kemenangan”.

Teks ucapan dasar Fadzil Mohd Noor di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-48 pada 31 Mei serta 1 dan 2 Jun 2002 bertajuk “Memantap Iltizam Menyemarakkan Kebangkitan”.

Teks ucapan dasar Abdul Hadi Awang di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-49 pada 12, 13 dan 14 September 2003 bertajuk “Menuju Kemenangan”.

Teks ucapan dasar Abdul Hadi Awang di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-50 pada 27-30 Ogos 2004 bertajuk “Memartabatkan Kedaulatan Rakyat”

Teks ucapan dasar Abdul Hadi Awang di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-51 pada 3-5 Jun 2005 bertajuk “Paksi Kebangkitan Perjuangan”

Teks ucapan dasar Abdul Hadi Awang di dalam Mukhtamar Tahunan PAS Kali Ke-52 pada 7-9 Jun 2006 bertajuk “Memulihkan Demokrasi, Mendaulatkan Islam”

Teks ucapan dasar Abdul Hadi Awang di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-53 pada 1-3 Jun 2007 bertajuk “Selamatkan Demokrasi, Tegakkan Keadilan”

Teks ucapan dasar Abdul Hadi Awang di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-54 pada 15-17 Ogos 2008 bertajuk “PAS Untuk Semua”

Teks ucapan dasar Abdul Hadi Awang di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-55 pada 5-7 Jun 2009 bertajuk “Islam Memimpin Perubahan”

Teks ucapan dasar Abdul Hadi Awang di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-56 pada 11-13 Jun 2010 bertajuk “Islam Adil Untuk Semua”

Teks ucapan dasar Abdul Hadi Awang di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-57 pada 3-5 Jun 2011 bertajuk “Membangun Negara Berkeadilan”

Teks ucapan dasar Abdul Hadi Awang di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-58 pada 16-18 Nov 2012 bertajuk “Negara Berkeadilan Teras Perpaduan”

Teks ucapan dasar Abdul Hadi Awang di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-59 pada 22-24 Nov 2013 bertajuk “Rahmat Untuk Semua”

SUMBER SEKUNDER – BUKU, TESIS, JURNAL, KERTAS KERJA

Abbas Alias. 2009. *Pemikiran dan Nasionalisme Melayu dalam Wacana Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.

Abdullah Ghazali Zakaria .1977. *Sejarah Sarekat Islam di Terengganu*. Persatuan Sejarah Malaysia : Terengganu

Abdul Rahman Putra. 1984. *Malaysia: The Road to Independence*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications Sdn Bhd, 1984, hal.150-151.

Abdullah, Kamarul Nizam .2002. *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 41-42.

A.D Smith. 1971. *Theories of Nationalism*, London : Duckworth

Adeed Dawisha. 2016. *Arab Nationalism in the Twentieth Century: From Triumph to Despair - New Edition with a new chapter on the twenty-first-century Arab world*. Princeton University: The Princeton Press.

Afshan. 2019. The Arab-Israel Conflict: An Uncertain Future. *International Journal of Scientific Research and Engineering Development*, 2(4).

Ahmad Fawzi Basri et al (1991), *Bumi Dipijak Milik Orang*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 455-461

Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 1996. *PAS dan Pembaharuan Gerakan Politik Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

- Ahmad Boestamam .1972. *Dr Burhanuddin Al-Helmi, Putera Setia Melayu Raya*, Kuala Lumpur Pustaka Kejora, hlm 229.
- Ahmad Kamar Abdul Rahman.1984. *Parti Islam Se-Malaysia di peringkat negeri [Kedah] dan di peringkat Kawasan [Kubang Pasu] : satu kajian tentang agama, politik dan kepimpinan*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Ahmad, Mahmud. 2003. " Islam and Economic Growth in Malaysia " M.A in Security Studies, Department of National Security Affairs Naval Postgraduate School., hal. 93
- Ahmad, Nisar Mohammad. 2020. "Definisi Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Dan Kesannya Terhadap Kefahaman Dan Amalan Ajaran Islam Di Malaysia." *Sains Insani* 5 (2):8.
- Ahmad Zaki Abdul Latiff. 2003. *Pengaruh gerakan Islam Timur Tengah dalam perkembangan pemikiran agama dan politik masyarakat Melayu, 1971-1998*, Jabatan Sejarah : Universiti Malaya
- Al Banna, Imam Hassan (1981), *Al Majmu'ah Ar Rasa'il*, Beirut : Muassasah Al Islamiyah, hlm 19-23
- Al Maududi, Abu A'la .1984. *Al Islam wa Al Madaniyyah Al Hadith* (terj. Marzuki Mahmood, Islam dan kemajuan moden), Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm 14.
- Al Soba'I, Muhammad Lutfi. 2014. *الوطنية في نظر الإسلام. Al Alukah.*
- Al Sya'ir, Abdel Rahman. 2012. *الوطنية في نظر الإسلام. Al Youm.*
- Amalauddin Darus. 1977. *Kenapa Saya Tinggalkan PAS*, Harimau Press : Kuala Lumpur.
- Annika Mombauer (2019). *The assassination of Franz Ferdinand*. London: The Open University.
- Azahar Yaakub. 2005. *Strategi Dakwah Rasulallah Dalam Pembentukan Negara : Kajian Perlaksanaanya oleh PAS*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Bariyah Basir & Ishak Saat. 2015. *Ulama dan Politik Kedah 1842-1960*. Tanjung Malim : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Bell, David. A. (2008). *The First Total War: Napoleon's Europe and the Birth of Modern Warfare*. London: Bloomsbury Publisher.
- Burhanuddin Al Helmi.1954. *Falsafah Kebangsaan Melayu*, Bukit Mertajam : Pustaka Semenanjung
- Burhanuddin Al Helmi. 1954. *Agama dan Politik*, Singapura : Percetakan Buana

- Burgess, R. G. 1991. *Sponsors, Gatekeepers, Members and Friend: Access in Educational Setting, in an Experiencing Field-Educational Settings*, ed. Shaffir, W. dan Stebbins, R. New York : St. Martin's Press, hal. 43-52
- Bond, Brian. (1986). *War and Society in Europe, 1870–1970*. Oxford: The Oxford University Press, hal. 8.
- Earnest. C. D .1973. *From Ottomanism to Arabism: Essays on the Origins of Arab Nationalism*. Illinois : University of Illinois Press
- Christophe Jaffrelot. 2003. "For a theory of nationalism". *Journal Nations and Nationalism*. Sciences Po, hlm 3
- Clive S. Kessler. 1978. *Islam and Politics in a Malay State: Kelantan 1838-1969*, United States : Cornell University Press.
- Conversi, Daniele. 2007. Homogenisation, nationalism and war: should we still read Ernest Gellner? *Nations and Nationalism*, 13(3), 23.
- Cottom, Martha L & Richard W. 2001. *Nationalism and Politics*, London : Lynne Rienner Publisher, hlm 1-2
- Creswell, J.W. 2009. *Research Design : Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (3rd Ed.)*, California : Sage Publications Inc.
- Creswell, J.W.2013. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approach*. Ed ke-3. London : Sage Publication, hal. 146.
- Danielson, Robert Eugene. 2007. "Nasser and Pan-Arabism Explaining Egypt Rise in Power." Master of Arts in National Security Affairs, Department of National Security Affairs, Naval Postgraduate School.
- Dawisha, A. 2016. *Arab Nationalism in the Twentieth Century: From Triumph to Despair - New Edition with a new chapter on the twenty-first-century Arab world*. Princeton University: The Princeton Press.
- Deraman, Murni. 2014. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan: Satu perjuangan nasionalisme dari 1930 sehingga 1967. Kertas kerja dibentangkan dalam 23rd International Conference of Historians of Asia 2014, UUM Sintok, Kedah, hal. 1408-1433.
- Diamond, Jared M. 2003. *Guns, Germs, and Steel : The Fates of Human Societies*. New York: W.W Norton, hal.197.
- Dieter Nohlen, F. G., Christof Hartmann. 2001. *Elections in Asia and the Pacific : A Data Handbook (Vol. Volume II: South East Asia, East Asia, and the South Pacific)*. Oxford: Oxford University Press.

- Drs. Mansur, M. A. (2004). *Sejarah Sarekat Islam dan Pendidikan Bangsa*. Yogyakarta: Pustaka pelajar.
- Dündar, F. 2008. Turkish Nationalism: The trauma of Unitarist Turkification and Social Engineering. Dalam *The settlement policy of the Committee of Union and Progress (1913-18)* trans. English. Ankara: İletişim Yayınları.
- E.J Hobsbawm. 1990. *Nations and Nationalism Since 1780 : Programme, Myth, Reality*. Cambridge : Cambridge University Press, hlm 16
- Elie Chalala. 1987. *Pan-Arabisme and Arab Nationalism : The Continuing Debate*, ed. Tawfic E. Farah. Colorado: Westview Press
- Erica Miller. 2006. *Democratic Islamist ? : A Case Study on The Pan-Islamic Party of Malaysia (PAS)*, Medford : Tufts University
- Esdaile, Charles. (2004). *Popular Resistance in the French Wars : Patriots, Partisans and Land Pirates*. In C. Esdaile (Ed.). Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Faisal Ahmad Shah. 2009. *Pelajar-pelajar Malaysia di institusi -institusi pengajian Islam di India : Analisis bermula dari tahun 1947 sehingga 1990*, Jurnal Al Tamaddun, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, Bil.4, hal. 157-176
- Faridah Abdul Rashid. 2012. *Biography of The Early Malay Doctors 1900-1957 Malaya and Singapore*. Kubang Kerian : Xlibris Universiti Sains Malaysia, hal. 188-189
- Farish A. Noor. 2014. *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013 Islamism in a Mottled Nation*, Kuala Lumpur : SIRD
- Farrukh Aziz Ansari, A. A. 2018. Nationalism in Perspective : Allama Iqbal's Critique of Western Nationalism. *International Educational Scientific Research Journal*, 4(9), 8.
- Findley, C. V. (2010). *Turkey, Islam, Nationalism and Modernity: A History, 1789–2007*. New Haven: Yale University Press.
- Finlayson, A. 1998. Ideology, Discourse and Nationalism. *Journal of Political Ideologies*, 3(1), 19.
- Funston, J. 1980. *Malay Politics In Malaysia : A Case Study of UMNO & PAS*: Heinemann International Books (Asia).
- Funston, John. 1981. *The Politics of Islamic Reassertion: Malaysia*. Edited by Mohammed Ayoob, *The Politics of Islamic Reassertion*. New York: St Martin's Press.
- Gelvin, J. L. (1994). The Social Origins of Popular Nationalism in Syria: Evidence for a New Framework. *International Journal of Middle East Studies*, 26(4).

- Greenfeld, Liah.(1992). *Nationalism : Five Roads to Modernity*, Massachusetts : Harvard University Press, hlm 3-4
- Haddad, M. (1994). The Rise of Arab Nationalism Reconsidered. *International Journal of Middle East*, 26(2), 21.
- Helmi, Dr. Burhanuddin Al. 1954. *Falsafah Kebangsaan Melayu, Nasionalisme dan 'Asabiyyah*. Bukit Mertajam: Pustaka Semenanjung, hlm 53.
- Helmi, Dr. Burhanuddin Al. 1960. "Sambutan Kemerdekaan Kali Ke tiga." *Utusan Melayu*, 13 Ogos 1960. Lihat juga Wan Mohd Azam Mohd Amin (1997) hlm 85.
- Hamdan Muhammad. 2013. *PAS dan Isu-isu Agama*. Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah.
- Hammoura, J., & Ülger, I. K. 2018. The Arab League: From Establishment to Failure. *Social and Legal Studies*, 4(1), 35-55.
- Hamzah, Tengku Razaleigh. 2014. Ku Li: Barah Ali Baba di bumi M'sia. edited by Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kuala Lumpur: Malaysiakini
- Hanafiah Sudin. 1992. *Asri : Sebuah Citra Keperibadian Bangsa Yang Agung*. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia no 1 (20), hal. 3.
- Hans Kohn. 2005. *The Idea of Nationalism. Second Printing ed.* New Jersey : Transection Publisher
- Hasmut Ali. 1987. *Pimpinan Ulama Dalam PAS : Satu Pernilaian*, Fakulti Syariah, Universiti Malaya, APIUM.
- Harries, Meirion. Harries, Susie. (1991). *Soldiers of the Sun: The Rise and Fall of the Imperial Japanese Army*. New York: Random House.
- Idris Awang.2001. *Kaedah penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. hal 75.
- Ibrahim Abu Bakar.1993. *Perbandingan Pemikiran Politik-Agama PAS dan UMNO*, Fakulti Pengajian Islam : Universiti Kebangsaan Malaysia, dalam UMNO dalam arus perdana Politik Kebangsaan suntingan Wan Hashim Wan Teh, hal. 102
- Isa, Nasharudin Mat. "Pengaruh Kepimpinan Wasatiyyah Terhadap Ketahanan Diri Dan Ketahanan Nasional Dalam Kalangan Pemimpin Pelajar Universiti Awam Malaysia." Universiti Utara Malaysia, 2016.
- Ismail Said. 2008. *Dr Burhanuddin Al Helmi : Pejuang Melayu Sejati*. Shah Alam : Karisma Production

- Jalani, Hamdidah, Hamid, Faisal @ A.F A. 2020. Tuan Haji Yusof Rawa: Biografi Dan Sumbangannya. *Jurnal KIAS*, 7(1), 134 - 150.
- James E. Campbell, Bryan J. Dettrey and Hongxing Yin. 2010. "The Theory of Conditional Retrospective Voting: Does the Presidential Record Matter Less in Open-Seat Elections?" *The Journal of Politics* 72 (4).
- James Chin. 2007. PAS and the Politics of Islam in Malaysia, *Asian Survey*, 47(5)
- Kamarul Afendy Hamimi. 2018. Kaum Muda Penggerak Kesedaran Kemerdekaan Tanah Melayu (Disertasi PhD), Universiti Pendidikan Sultan Idris, hal. 380.
- Kamarul Zaman Haji Yusoff. 2013. *PAS Dalam Era Kepimpinan Ulama' 1982-2004*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Kamarul Zaman Haji Yusoff. 2014. *PAS Dalam Era Mohd Asri Muda*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Khaidar Khatib. 1968. *Memahami Perjuangan PAS : Dasar dan Ideologi*, dalam Majalah Bulan Bintang, Bil.8, Mac 1968, hal.9
- K. J Ratnam & R. S Milne. 1969. *The Malayan Parliamentary Election of 1964*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, hal. 110-116.
- Knecht, M. (1919). The French Peace Commissioners: III. *The North American Review*, 210(764), 4. Lihat juga dalam Ward, Barbara. (1946). Europe Debates Nationalization. *Foreign Affairs*, 25(1), 14.
- Kroeber, A.L. 1917. "The Superorganic." *American Antropologist : New Series* 19 (2):51.
- Kymlicka, Will. 1995. *Multicultural Citizenship: A Liberal Theory of Minority Rights*. Oxford: Clarendon Press, hal. 93
- Lincoln, Y. S. dan Guba, E.1985. *Naturalistic Enquiry*. Beverly Hills, CA: Sage, hal. 295
- Liow, Joseph Chinyong. 2011. "Islamist Ambitions, Political Change, and the Price of Power: Recent Success and Challenges for the Pan-Malaysian Islamic Party, PAS." *Journal of Islamic Studies* no. 22 (3):30.
- Lynn, J. A. (1984). *The Bayonets of the Republic: Motivation and Tactics in the Army of Revolutionary France, 1791–94*. Chicago: The University of Illinois.
- Maryam Jameela. 1979. *Islam and Modernism*. Lahore: Kazi Publications Inc
- Mann, Michael. (2005). *The Dark Side of Democracy: Explaining Ethnic Cleansing*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Markusen, E., Kopf, David. (1995). *The Holocaust and Strategic Bombing : Genocide and Total War in the Twentieth Century*. Boulder: Westview Press.
- Marshall, C. and Rossman, G. C. 1995. *Designing Qualitative Research, Ed ke-2*. London : Sage Publication, hal. 86
- Marwan Buheiri. 1981. *Intellectual life in the Arab East, 1890-1930*, Cairo : The American University of Cairo Press
- Mazanec, J. 2016. The Ottoman Empire at the Beginning of Tanzimat Reforms. *Prague Papers on the History of International Relations*, 1(2).
- Mazlan Ali. 1998. *Hubungan Semangat 46 dan PAS 1988-1996 : satu tinjauan terhadap politik Malaysia*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Maznah Mohamad .1999. Nationbuilding, Gender and Islam in Malaysia: Kelantanese Movements and the Reproduction of Tradition, *Journal of Islamic and Human Advanced Research*.
- Mauzy, D. K. 1999. From Malay Nationalism to Malaysian Union ? In L. W. Barrington (Ed.), *After Independence, Making and Protecting the Nation in Postcolonial and Postcommunist States* (pp. 25). Michigan: The University of Michigan Press
- Merican, Y. Mansoor. 1977. "Malay Nationalism and The Islamic Party of Malaysia." *Islamic Studies* 16 (1):10.
- Michael Quinn Patton.1990. *Qualitative research and evaluation methods*. Saint Paul, MN : Sage Publications.
- Milner, A. C. 2008. Malay Nationalism Reconsidered. Dalam *Malay Nationalism, Identity, and the Malay Language*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Milne & Diane K. Mauzy. 1978. *Politics and Government in Malaysia*, Kuala Lumpur : Federal Publications, hal. 25-27. Lihat juga dalam Alias Mohamed (1979), *ibid*, hal. 21-23.
- Mohamed Abdul Karim (2017), *The Gunung Semanggol Malay Conference: A Turning Point in Malay Economic Development*, USM : Penerbit Universiti Sains Malaysia, hal. 106
- Mohamed Mustafa Ishak. 2014. *Politik Bangsa Malaysia : Pembinaan Bangsa Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik*. Diterjemah oleh Hasan Ahmad Azmi Ahmad, Suziana Abdul Aziz. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Utara Malaysia
- Mohd Asri Muda. 1993. *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*, Bangi : Penerbit UKM
- Mohd Amin Yaakub. 2001. *Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990*, Kota Bharu : Pusat Kajian Strategi.

- Mohd Fadli Ghani. 2012. *Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Merdeka : Perjuangan dan Sumbangan*, Rawang : Minda Fadhilat Gemilang Resources, hal.56.
- Mohd Fadli Ghani. 2016. *Sejarah PAS 1951-1957 : Membina Jiwa Merdeka*. Kuala Lumpur : Penerbitan Harakah, hal 2.
- Mohd Fadli Ghani. 2019. *PAS 1951-1957, Penubuhan, Dinamisme Organisasi, Kepimpinan dan Ideologi*. Gombak : KUIZM Publication, hal. 22.
- Mohd Faiz Mohd Zain. 2011. "Pengaruh nasionalisme Melayu mewarnai budaya politik dalam UMNO". *Jurnal Melayu* no.7
- Mohd Faizal Musa. 2011. The Concepts of Malay Nationalism in Haji Ahmad Fuad Hasan's Works. *Journal of Islamic and Human Advanced Research*, 1(1), hal. 1-8.
- Mohd Fuad Mohd Salleh. 2015. *Liku-Liku Gerakan Islam di Malaysia - Satu Catatan Awal*. Shah Alam: Imtiyaz Multimedia and Publications
- Mohd Hazizi Abdul Rahman. 2011. *Nasionalis atau Sekularis*. Dicapai pada Februari 7, 2019 dari ustazhazizi.wordpress.com
- Mohd Izani Mohd Zain. 2002. *Islam dan demokrasi : kajian kes mengenai Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dekad 90-an*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Mohd Hazlee Ku Shaari. 2009. *Sejarah gerakan Revolusi Islam Iran dan pengaruhnya terhadap Parti Islam Se-Malaysia (PAS)*, Jabatan Sejarah : Universiti Malaya
- Mohd Misbahul Munir Masduki. 2003. *Konsep Negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS dalam konteks Politik Malaysia Hari ini*, Fakulti Pengajian Islam : Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Sarjana.
- Mohd Sabri Md Nor. 2016. *Persaingan Politik Melayu Di Semenanjung Malaysia, 1978-2013*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Moktar Petah. 2010. *Wasiat Perjuangan Zulkifli Muhammad*. Kuala Lumpur : Penerbitan Ilham Baru, hal. 105-106
- Muhaimin Sulam. 2003. *Kepimpinan Politik Dato Haji Fadzil Mohd Noor*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Sarjana.
- Muhammad Ramadhan Subki Abdullah. 2011. Kajian terhadap nasionalisme Melayu (UMNO), Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah : Jakarta.
- Muhyidin Aziz. 1996. *Kepimpinan Ulama Dalam PAS : Satu Analisis*, Fakulti Syariah, Universiti Malaya, APIUM.
- Munson, Z. (2001). Islamic Mobilization : Social Movement Theory and the Egyptian Moslem Brotherhood. *The Sociology Quarterly*, 42(4), hal. 4

- Nabir Abdullah. 1976. *Maahad Il Ihya Al Syariff 1934-1969*. Bangi : Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Kemanusiaan (FSSK) Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nasir Ahmad. 2003. *Koleksi Ucapan Dasar Muktamar PAS*. Ledang: Badan Perhubungan PAS Negeri Johor, hlm 137-138.
- Nora Lafi. 2007. *The Ottoman Municipal Reforms between Old Regime and Modernity: Towards a New Interpretative Paradigm*
- Nor, Muhammad Shukry Md. 2022. "Definisi Perkembangan Dan Pengembangan." Dewan Bahasa dan Pustaka. Dicapai pada Oktober 2, 2023
- Nor, Riduan Mohamad. 2011. *PAS dalam arus perjuangan kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Jundi Resources, hlm 92.
- Nor, Zainudin Hashim & Riduan Mohamad. 2010. *Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Moden Siri 2*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Noor, Farish A. 2002. Islam and the Malay Nationalist Discourse. *Journal of Contemporary Asia*, 32(3), hlm. 364-381
- Noor Sulastry Yurni Ahmad, Nor Azila Mohd Azidin. 2014. "Transisi Kontra Dalam Hegemoni Budaya Politik Melayu Di Malaysia." *Jurnal Melayu DBP* no. 9.
- Noor Zaman. Irfan Shahzad, S. N. B., Kafait Ullah Hamdani. 2012. Islam and Nationalism A Contemporary View. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, 4(5), 7.
- Norsazali Abdullah. 2005. *Perspektif Melayu, Barat dan Islam mengenai Nasionalisme : Satu kajian perbandingan*, Kuala Lumpur : Jabatan Sejarah Universiti Malaya, hal. 57-58
- Nurul Akhsan. 2008. *Studi analisis Nasionalisme Islam menurut kerangka pemikiran Haji Agus Salim*. (Strata 3), UIN Walisongo, Semarang
- Omar, A., & Kamarudin, K. 2017. *Penghormatan Tuan Haji Abbas Alias*, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, hal. 10
- Othman Hamzah .1985. *Sejarah Ringkas Penubuhan PAS*, Kuala Lumpur : Dewan Muslimat PAS Wilayah Persekutuan, hlm. 12-13
- Othman, Mohd Irwan Syazli Saidin dan Balqis Bazilah. 2021. "Perkembangan Politik Malaysia Pasca PRU-12 : Satu tinjauan menerusi perspektif Etnosentrisme." *Akademika* 91 (3):9, hal. 55.
- Othman, Zairina. 1984. "Political Integration : A National Language of Malaysia." M.A in Political Science, Department of Political Science, Western Michigan University, hal. 63

- Posen, B. R. (1993). Nationalism, the mass army, and military power. *International Security*, 18(2), 44.
- R. Suntharalingam et al. 1985. *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya : Penerbitan Fajar Bakti Sdn Bhd, hal. 15
- Radziah Sulong. 1987. *Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan, Biografi Seorang Tokoh Politik Islam*, Bangi : Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Latihan Ilmiah.
- Rafidah Ahmad Ruzki, Rohaniza Idris dan Khairul Azran Hussin. "Kongres Maruah Melayu Bukan Bermotif Politik, Perkauman - Tun M." Berita Harian, 2019.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, A. B. A. R., Ridzwan Ahmad, Muhammad Ikhlas Rosele. (2016). Perlembangaan Itqan Muluk dan Nasionalisme Melayu-Islam. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(2), 15.
- Rambe, S. (2008). *Sarekat Islam : Pelopor Nasionalisme Indonesia, 1905-1942*. Jakarta: Yayasan Kebangkitan Insan Cendekia, hal. 42-43.
- Ramlah Adam. 1996. *Burhanuddin Al Helmi : Suatu Kemelut Politik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rashid Khalidi. 1991. *The Origin of Arab Nationalism: An Introduction of Arab Nationalism*, ed. Rashid Khalidi, Lisa Anderson, Muhammad Muslih, dan Reeve S. Simon. New York: Columbia University Press
- R. Mohamad Nor. 2005. *Pengaruh Pemikiran Ikhwān al-Muslimīn Terhadap Parti Islam Se-Malaysia*. 2nd ed. Selangor: Penerbitan Hemah.
- R. Suntharalingam et al. 1985. *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah* . Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Rahnamaei, S. A. 2010. Islam and Nationalisme : A Theoretical Point of View. *Journal of Islamic Studies (Message of Thaqalayn)*, 11(1), 27.
- Ramlah Adam. 1992. *Dato' Onn Jaafar pengasas Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, hal. 319.
- Rashid Ridha. 1992. *Al Wataniyyah wa Al Qawmiyyah wal Majmuah Al Masyrubat Ar Ruhiyyah NFil Islam* (terj John Esposito et.al, *Islam in Transition Muslim*), New York : Oxford University Press, hlm 57.
- Razzaq, Badlihisam Mohd Nasir & Abdul. "Ketokohan Dan Pemikiran Dakwah Tuan Haji Yusof Rawa (1922 -2000) Di Malaysia." Wardah 1, no. 21 (2020).
- Robert K. Yin. 2018. *Case Study Research and Applications: Design and Methods*. Thousand Oaks : Sage Publication, hal. 85.

- Robson, Collin. 2011. *Real World Research : A Resource for Social Scientists and Practitioner-researchers*, London : Wiley
- Roff, William R. 2014. *Nasionalisme Melayu*. Terjemahan Ahmad Boestamam. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hal. 1-2.
- Rubin, B. (1991). Pan-Arab Nationalism: The Ideological Dream as Compelling Force. *Journal of Contemporary History*, 26(3).
- Salihah Hassan. 1997. *Dr Burhanuddin Al Helmi 1911-1969*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, lihat dalam Biografi tokoh pilihan Malaysia hal. 20
- Salihah Muhammad. 1979. *Akar dan Asas-asas Perjuangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) 25 tahun : Nasionalisme, Sosialisme dan Islam*, Universiti Malaya : Kuala Lumpur, hal. 23-24
- Salkind, Neil J. 2010. *Encyclopedia of Research Design*, California : Sage Publications
- Shafie Ibrahim. 1976. *The Parti Islam Se-Malaysia (PAS) : Its Origin, Structure, Ideology and Achievements*, Hull : University of Hull
- Shaharuddin Maa'ruf. 1988. *Malay ideas on Development: From feudal lord to Capitalist*, Singapura : Times Books International
- Shenton, A. K. 2004. *Strategies For Ensuring Trustworthiness In Qualitative Research Projects*. Education for Information 22 , hal. 63–75.
- Siddiq Fadhil. 1998. *Minda Melayu Baru*, Kuala Lumpur : IKD, hlm 5.
- Sigit Wahyudi. 2000. *Dampak Agro Industri Di Daerah Persawahan di Jawa*, Semarang : Jakarta
- Stark, Jan. 2004. "Constructing an Islamic Model in Two Malaysian States: PAS rule in Kelantan and Terengganu." *Sojourn : Journal of Social Issues in Southeast Asia* 19 (1):25, hal.64
- Suhatno. 2005. *Tokoh-Tokoh Pemikir Paham Kebangsaan : Haji Agus Salim dan Muhammad Husni Thamrin*, Departmen Pendidikan dan Kebudayaan : Jakarta, hal. 10
- Suhaili, Muhtar. 2019. *Sektor Pendidikan : Dari TASTI, PASTI, SRITI, SMITI, KOLEJ UNIVERSITI DAN MENUJU UNIVERSITI*. Kuala Lumpur: Dewan Pemuda PAS Malaysia.
- Syed Husin Ali. 1983. Menanam semangat nasionalisme tulen melalui sastera. *Dewan masyarakat*, 15 Ogos 1983
- Thameem Ushama. 2011. "Nationalism in the Discourses of Muslim Revivalists." *Islam and Nationalism* no. 1

- Tibi, Bassam. (1997). *Arab Nationalism, Between Islam and the Nation-State*. London: Palgrave Macmillan.
- Tilly, Charles (1990). *Coercion, Capital, and European States, AD. 990–1990*. Cambridge: Cambridge University Press, hal. 6
- Trochim, William M. 2006. *The research methods knowladge base*, 2nd edition, Ohio : Atomic Dog Publishing
- Walter S. Jones. 1988. *The Logic of International Relations* (terj. Budiono K.), Boston : Little Brown, hal. 5
- Wan Abd. Latiff. 2003. *Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah dalam perkembangan pemikiran Agama dan Politik masyarakat Melayu (1971-1998)*, Kuala Lumpur : Jabatan Sejarah Universiti Malaya, hal. 135-136
- Wan Abdul Kadir Wan Yusof. 2005. Globalisasi, Internasionalisasi dan Nasionalisme dalam mempertahankan identiti Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 12.
- Wan Hashim Wan Teh. 1993. *Memoir Politik Asri : Meniti arus*, hal 44
- Wan Hussin Zoohri, M. 1993. *Pemikiran Pendidikan Haji Ahmad Fuad bin Hasan dalam konteks pendidikan Melayu moden di Malaysia*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Wan Mohd Azam Wan Amin. 1997. *Antara 'Asabiyyah dan Nasionalisme menurut pandangan Dr Burhanuddin Al-Helmi*, Jabatan Pengajian Media : Universiti Malaya, hal. 105
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2014. *Islamic Politics in Malaysia*. New York University, NY: Routledge.
- Wan Zahidi Wan Teh. 1985. *Cintakan Tanah Air Asas Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur : Utusan Malaysia
- Wasserman, S., & Faust, K. 1994. *Social network analysis : methods and applications*. New York, Ny Cambridge University Press.
- Wayne L. Francis, Lawrence W. Kenny, Rebecca B. Morton and Amy B. Schmidt 1994. "Retrospective Voting and Political Mobility." *American Journal of Political Science* 38 (4).
- Wibisono, A. N. .2011. *Perjuangan politik Al-Ikhwan Al-Muslimin dalam melawan Rezim Otoritarianisme di Mesir pada era Gamal Abdul Nasser sampai Husni Mubarak (1954-2011)*. Universitas Gadjah Mada, Jogjakarta, hal. 3 Bab II
- Wijaya, P. M. 2009. Nasionalisme Perspektif Gerakan Ikhwanul Muslimin. *Islamic Studies*, 1(1).

- Yousuf Ahmed .2011. *Al Harakah Al Shuyu'iyah fil Misr min 1921 ila 2011*. Matba'ah al Muallafat : Qaherah
- Yusof Kazim .2017.. *Abdel Kareem Al Khalil mash'al al-'Arab al-awwal, 1884-1915*. Beirut : Dar Al Farabi.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. 1985. *Fahaman Kebangsaan Melayu : cabaran terhadapnya*. Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Arus Politik Kebangsaan, Bangi : UKM.
- Zambry Abdul Kadir. 1995. *Religion and Politics; The Search for Political Legitimacy of The Pan-Islamic Party of Malaysia*, Philadelphia : Temple University
- Zubaida, S. 2004. Islam and nationalism : continuities and contradictions. *Nations and Nationalism*, 10(4), 13.
- Zulkifli Muhammad. 1957. *Kepimpinan Dalam Perjuangan Parti*, dalam Suara Islam, Thn 1, Bil.1, Disember.
- Zulkifli Mohammed. 1956. Kepimpinan dalam perjuangan parti, dlm *Suara Islam*, Tahun 1, Bil. 1, Bulan Disember.



LAMPIRAN A
TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA DENGAN PRESIDEN PAS, TAN SRI
DATO' SERI TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

Tarikh : **29 DISEMBER 2019**

Hari : **AHAD**

Tempat : **PEJABAT PRESIDEN PAS, IBU PEJABAT PAS, JALAN RAJA LAUT, KUALA LUMPUR**

Tetamu / Petugas lain yang hadir :

1. YB. Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Bin Awang, Presiden PAS
2. Tuan Haji Mohd Syahir Bin Sulaiman (Setiausaha Politik kepada YB. Presiden PAS)
3. Tuan Abd Malik Bin Ab Razak (Setiausaha Media kepada YB. Presiden PAS)
4. Tuan Haji Zaihan (Pembantu Peribadi kepada YB. Presiden PAS)
5. Encik Wan Abd Hadi (Jurukamera, Pejabat Presiden PAS)

MASA MULA TEMU BUAL : 9.30 PAGI

Minit 00:01

Azi : Assalamualaikum, pertamanya saya mengucapkan terima kasih kerana sudi menerima permohonan saya untuk mengadakan temu ramah bagi menyiapkan tesis saya. Untuk meringkaskan masa, saya minta pandangan tuan guru mengenai perspektif baru faham makna mengenai nasionalisme kerana dahulu mungkin tuan guru ada pandangan yang lain sekarang selepas berlakunya permuafakatan nasional mungkin ada faham makna pengertian, perspektif baru mengenai nasionalisme, mohon tuan guru jelaskan.

Minit 01:58

TUAN GURU : [Ucapan Bismillah], nasionalisme atau nationalism mengikut kamus ialah perasaan kebangsaan yang dijadikan akidah perjuangan politik, jika mengikut istilah Barat. tetapi perlu dilihat dengan lebih jauh bahawa semangat cintakan kepada bangsanya adalah satu naluri, fitrah diri seseorang itu. Seperti sayang kepada keluarga, sayang kepada bangsa. Ini biasalah jadi begitu, jika kita merujuk kepada al-Quran seringkali para rasul menyebut, Ya Qaumi (Wahai Kaum bangsaku), uslub ataupun terjemah kalimah ini diucapkan rasul diutuskan kepada kaumnya, untuk melunturkan kaum itu dengan akidah Islam. Dengan makna kecintaan kepada bangsa, perasaan kebangsaan tidak boleh dijadikan sebuah akidah dalam kehidupan manusia. Akidah itu bergantung kepada Allah swt. tetapi bagi furu' orang Melayu sudah menjadi sinonim , Melayu itu Islam, Islam itu Melayu sehingga apabila orang bukan Islam masuk Islam, apa bangsa pun dikatakan masuk Melayu, sudah jadi kebiasaan kepada kita. Tetapi kita kena sedar perbezaan di antara nasionalisme dengan perasaan kasih kepada bangsa sebagai satu akidah, itu perlu dibezakan.

Minit 03:40

Azi: Bagaimana pandangan tuan guru untuk memperjelaskan perkembangan masa awal kemunculan gerakan Islam di Tanah Melayu dan gerakan politik khasnya dalam memperjuangkan misi kemerdekaan Tanah Melayu, saya mohon tuan guru jelaskan.

Minit 04:01

TUAN GURU: Apabila keseluruhan orang melayu masuk Islam sehingga dianggap bila keluar Islam sudah tidak lagi menjadi Melayu, sampai begitu sekali. Itu kita melihat begitu sebatinya Islam dengan Melayu ini diikuti oleh perjuangan

kemerdekaan menentang penjajah kebetulan saya menyaksikan dua-dua aliran pemimpin. yang pertama Dato' Onn dan Dr Burhanuddin (al-Helmi). Saya sempat mendengar ucapan kedua-dua orang dan mereka pernah datang ke rumah (ayah kepada Tuan Guru) pada masa itu dan kunjungan mereka ini berlakunya tahaluf siyasi diantara PAS dan Parti Negara. Titik tolaknya ialah menentang Jus Soli apabila menerima syarat British memungkinkan kerakyatan pendatang asing dengan mudah sehingga mencabar orang Melayu Islam. Disini berlakunya tahaluf (siyasi) antara PAS dan Parti Negara, tetapi ucapan di antara kedua pemimpin ini Dato' Onn berbeza. Dato' Onn memberikan penekanan kepada kebangsaan Melayu, (manakala) Dr. Burhanuddin (al-Helmi) memberikan penekanan kepada Islam itu yang perlu memimpin orang Melayu. Beliau banyak bercakap tentang peranan Islam dalam membetulkan ideologi negara. Sehingga dimasa itu kalau kita baca buku-buku politik yang ditulis oleh generasi Melayu seperti penulisan (Dr.) Zulkifli Muhammad, penulisan Muhamad Hanif, calon PAS di Kampung Bharu, penulisan Amaluddin Darus, mereka menyebut Islamism dan nationalism. Nationalism dan Islamism (ketawa), Jadi Islam itu sebagai satu akidah politik yang berbeza dengan nasionalisme tetapi oleh kerana hubungan Melayu dengan Islam begitu rapat maka tidak dapat berpisah dan boleh bergabung khususnya menerima cabaran Jus Soli yang berlaku pada masa itu.

Minit 06:38

Azi : Memandangkan PAS yang ditubuhkan pada tahun 1951 jadi pengasas-pengasas PAS yang awal pada ketika itu daripada pemimpin UMNO, jadi dalam pada yang sama terdapat kelompok ulama dalam PAS tidak bersetuju apabila dikatakan fahaman nasionalisme UMNO itu bersifat sekular, mohon pandangan Tuan Guru, adakah

nasionalisme yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin awal PAS itu sama dengan fahaman nasionalisme yang diperjuangkan oleh UMNO.

Minit 07:26

TUAN GURU: Dimasa itu terdapat dua kumpulan ulama. Yang pertama ialah generasi yang terlebih dahulu yang menyertai Serikat Islam. Serikat Islam ditubuhkan 1908. Kemudian, diikuti oleh Hizbul Muslimin tahun 48 (1948) sebelum PAS. Sebelumnya parti kebangsaan Melayu Malaya, gabungan antara Islam, nasionalis dan kiri (berhaluan kiri). Dr Burhanuddin menjadi pemimpin dimasa itu. Apabila ditubuhkan UMNO, Serikat Islam diharamkan, Hizbul Muslimin diharamkan juga bahkan parti kebangsaan Melayu (Malaya) juga diharamkan sebahagiannya masuk UMNO yang dihalalkan oleh British masa itu seperti almarhum Hj Yahya Junaid (Tuan Guru), termasuk ayah saya sendiri pun dilantik oleh orang UMNO jadi Naib Ketua Bahagian, dilantik dia tanpa mesyuarat agung, dia (ayah tuan guru) tidak hadir mesyuarat pun, dilantik kerana mahu mendapatkan pengaruhnya pada masa itu, tahun 1955. PAS belum wujud di Terengganu. Habis saya sudah mendengar percakapan ayah saya dimasa itu bahawa kemerdekaan ini (Tanah melayu) ditipu apabila berlakunya Jus Soli yang berlakunya Sekularisme dalam perlembagaan negara. Kedudukan Islam tidak memerintah, tidak berdaulat. (Hal) ini menyebabkan timbulnya keluhan kesah dikalangan ulama-ulama' termasuklah ulama-ulama dalam UMNO yang ada sama pada masa itu. Yang mutakhirnya, berlaku ulama' secara berasingan mengadakan himpunan mereka di Muar Johor di Selangor, Pulau Pinang ditubuhkan PAS bahkan bila PAS ditubuhkan ini bergabung kembali antara mereka yang berada dalam UMNO, (yang) keluar daripada UMNO kemudian mereka yang berada dalam Hizbul Muslimin yang ada dalam Pertubuhan Melayu Malaya (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya)

masuk bergabung dalam PAS. Mereka bersatu di situ (dalam PAS). Kecuali Haji Ahmad Fuad. Oleh kerana dia rapat dengan Dato' Onn, dia ikut Dato' Onn yang tubuh Parti Negara.

Minit 09:59

Azi : Semasa Hizbul Muslimin diharamkan pada Bulan November tahun 1948 oleh penjajah British di bawah Ordinan Darurat diantara alasan pengharaman tersebut ialah PAS pada ketika itu mempunyai semangat Nasionalisme yang terlalu radikal yang mana pengaruhnya datang dari Masyumi, Indonesia. Jadi pada pandangan Tuan Guru adakah nasionalisme dalam PAS pada awal kemunculan PAS itu mempunyai persamaan atau mempunyai hubungkait dengan pengaruh-pengaruh luar.

Minit 10:44

TUAN GURU : Sebenarnya pengaruh itu sejak Serikat Islam lagi yang Masyumi adalah gabungan parti-parti Islam di Indonesia dan kumpulan Islam antara Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah disamping kumpulan Islam yang lain bergabung (membentuk) Majelis Syura Muslimin Indonesia digabungkan untuk masuk (menyertai) pilihan raya sebagai satu gabungan. Sama macam UMNO, UMNO ini United Malaysia National Organization, gabungan daripada persatuan-persatuan Melayu. Persatuan Melayu yang banyak ini bergabung duduk dalam United (UMNO) termasuk Persatuan Melayu Malaya (PKMM) pun masuk gabungan UMNO itu tapi apabila ternyata Federation of Malaya dengan Malayan Union ini tidak jauh bezanya (Ketawa), kosmetik sahaja, menyebabkan Persatuan Melayu Malaya (Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya) keluar dan ditubuhkan Hizbul Muslimin, cumanya beza sedikit PAS bermula dengan NGO, Persatuan Ulama Malaya bukan parti politik.

Asalnya sebuah NGO, itulah barangkali British tidak bertegas kerana ia bukan parti politik, dia (PAS) hanyalah persatuan Ulama sahaja membincangkan isu-isu agama untuk kesatuan bidang agama khususnya untuk menyatukan orang Islam antara kaum tua dengan kaum muda begitu sahaja. Apabila dilihat berlakunya cabaran politik maka Persatuan Ulama tahun 1951 itu menghasilkan bahawa perlunya ada Parti Islam di Tanah Melayu ini dan saya dengar Tuan Haji Abbas Alias (Dr Abbas) sendiri iaitulah Presiden PAS Kedua yang saya sempat dengan Tuan Haji Abbas, dia menyatakan dia dipelawa masuk UMNO (tetapi) dia tidak mahu masuk UMNO kerana UMNO bukan parti politik Islam, parti kebangsaan sahaja. Tidak memenuhi ciri-ciri perjuangan Islam. Dia berawal dengan PAS dan tidak pernah masuk UMNO tetapi oleh kerana hubungan Kebangsaan dengan Islam sangat rapat, maka tidak berlaku perbezaan ditempat lain, di Indonesia dan dimana-mana. Apa yang menarik apabila mereka bersepakat dalam meletakkan Islam didalam perlembagaan persekutuan . Melalui memorandum yang dihantar kepada Suruhanjaya Reid dan akhirnya membuahkan hasil, Islam agama persekutuan diletakkan dalam perlembagaan, (dan) dalam masa yang sama agama lain diterima, diberikan kebebasan. Ini agak berbeza dengan Indonesia. Indonesia bila sebut agama itu (agama rasmi), semua agama. Kita kalau itu (agama rasmi) ialah Islam. Kalau di Indonesia, Menteri Agama, (ialah) Menteri Semua Agama (ketawa).

Minit 14:02

Azi : Mohon pandangan Tuan Guru juga, memandangkan Tuan Guru mempunyai pengalaman yang begitu lama dengan pemimpin dan pengasas-pengasas awal PAS. Jadi saya mahu pandangan untuk membandingbezakan di antara pemikiran Nasionalisme Ahmad Fuad Hasan, Dr Abbas dan Dr Burhanuddin (al-Helmi). Dr

Abbas begitu vokal menentang (prinsip) Jus Soli dan beliau begitu kuat untuk menegakkan prinsip Ketuanan Melayu, mohon pandangan Tuan Guru.

Minit 14:57

TUAN GURU : Saya tidak sempat berjumpa dengan Ahmad Fuad, tak pernah berjumpa, cumanya saya pernah difahamkan, beliau pernah lama (tinggal) di Terengganu. Beliau belajar dengan Syeikh Hasan Said al-Yamani Mufti Terengganu, beliau anak murid Syeikh Hasan Yamani. Dengan sebab itu, saya berpendapat bahawa dari segi kefahaman Islam tidak ada beza di antara mereka ini, cumanya berbeza pendekatan sahaja, pendekatannya ialah Dr Haji Abbas (Alias), beliau begitu keras (kukuh) dengan Islam, bukan kebangsaan Melayu sebenarnya, dengan sebab itu beliau tidak masuk UMNO. Bahkan beliau nyatakan kepada saya. Beliau diajak masuk (menyertai) UMNO dan UMNO bukan parti Islam Nasional, parti kebangsaan sahaja, (menurut) itu Dr Abbas Alias. Ada pun Haji Ahmad Fuad, oleh kerana beliau lama dengan UMNO dan rapat dengan Dato' Onn, bila berlakunya krisis di antara Dato' Onn dengan Tunku (Tunku Abdul Rahman), beliau mengikut Dato' Onn. Pada awalnya, tidak jadi masalah, jadi ahli dua parti, dua pertubuhan, (jadi) ahli PAS dengan ahli UMNO. Bila berlakunya penegasan, kena buat pilihan, Haji Ahmad Fuad buat pilihan ikut Dato' Onn oleh kerana beliau melihat PAS belum kuat lagi. PAS masih bersifat NGO bukan sebagai parti politik, belum sampai lagi tahap itu (menjadi Parti Politik). Dr Haji Abbas hanya membawa PAS menjadi parti politik. Dr Haji Abbas ini memaklumkan kepada saya, beliau bertanggungjawab mendaftar (PAS) apabila diura-urakan Pilihan raya tahun 1955 dan keputusan perlu PAS menjadi parti politik (untuk) bertanding pilihan raya. Dr Haji Abbas memaklumkan kepada saya, beliau pergi ke Pejabat Pendaftar Agung di Kuala Lumpur kebetulan timbalan pengarah pendaftar itu

seorang (berbangsa) India (beragama) Hindu. Pengarahnya orang Putih (Inggeris), timbalannya orang India (beragama) Hindu. (Timbalan) India (beragama) Hindu ini ditahan oleh Jepun. Masa penaklukan Jepun, Dr Haji Abbas sebagai Pegawai Perubatan yang berkhidmat dengan semua kerajaan, termasuklah dengan Jepun (Penjajah), berjaya memujuk Jepun membebaskan India (Timbalan Pendaftar) daripada tahanan dihukum mati, selamatkan nyawanya. Jadi bila British datang (kembali menjajah) tiba-tiba si India menjadi Timbalan Pengarah Pendaftar Pertubuhan. Sudah tentulah orang yang menyelamatkan dia, sangat sanjung, kemudian dia terkejut Dr Haji Abbas datang (ke pejabat Pendaftar Pertubuhan) dia datang. Dr Haji kata dia nak PAS jadi Parti Politik bagi bertanding (dalam) pilihan raya). Maka masa itu tidak perlu mesyuarat jadi India (Timbalan Pendaftar) itu terus lulus, sign dan PAS jadi Parti Politik (ketawa) dengan begitu (pantas) berlakunya peristiwa. Jadi disini kita nampak kelainan antara Dr Haji Abbas Alias, tegas supaya PAS menjadi parti politik Islam yang bertanding berbeza dengan UMNO dan parti Negara. Keduanya ini ialah aliran nasionalisme.

Minit 18:27

Azi: Jadi bagaimana pula dengan sikap para ulama dalam PAS khasnya apabila Dr Burhanuddin al-Helmi menjadi Yang Dipertua PAS yang ketiga yang mana semua pihak sedia maklum betapa kuatnya pegangan ideologi nasionalisme Dr Burhanuddin al-Helmi. Jadi, sikap atau pun penerimaan kelompok ulama' dalam PAS pada ketika itu, adakah mereka menerima atau sekadar mendiamkan diri ?.

Minit 19:01

TUAN GURU: Mengikut kajian (research) yang dibuat, mengatakan perbincangan yang hangat (panas) berlaku untuk menerima Dr Burhanuddin (menyertai PAS) jadi Presiden PAS dan masuk PAS ini kerana beliau pernah menyertai parti-parti nasionalis sebelum daripadanya (sebelum PAS) tetapi fikrah Islam yang ada padanya, ini yang menyebabkan hujah untuk beliau diterima (menyertai PAS) menjadi ahli PAS dan Presiden PAS. Apabila beliau terlibat dengan perjuangan Islam sampai di India, sampai di Baitulmuqaddis. Beliau hadir ke Muktamar Palestine tahun 40-an, Muktamar Islam di Baitulmuqaddis, beliau hadir dan oleh kerana melihat kepada fikrah beliau bukan dari segi penglibatan beliau dengan parti-parti kebangsaan dan puak kiri (berhaluan kiri) seumpamanya, ertinya beliau diterima oleh para ulama' untuk menjadi Presiden (Yang Dipertua) PAS, masuk jadi ahli (PAS) beberapa hari terus menjadi Presiden (Yang Dipertua) PAS, sekejap sahaja. Apa lagi latar belakang peribadi beliau sangat zuhud, sangat kuat berpegang dengan agama, kuat ibadatnya.

Minit 20:12

Azi: Jadi, kelompok ulama pada masa itu menerima segala idealisme Dr Burhanuddin al-Helmi dan kekal sebagai Yang Dipertua PAS. Jadi saya ingin tahu juga, pada tahun 1979, apabila berlakunya Revolusi Islam di Iran yang mana pengaruhnya sampai ke Tanah Melayu sampai ke Nusantara ke Indonesia, memberi kesan begitu juga dengan di Malaysia, Jadi ada pihak mengatakan pada ketika itu berlakunya konflik pertembungan di antara Pemimpin PAS yang mendukung nasionalisme dengan kepimpinan ulama, jadi pada pandangan Tuan Guru adakah pengaruh Revolusi Islam Iran memberi kesan kepada pertembungan nasionalisme dalam PAS ?.

Minit 21:12

TUAN GURU : Saya rasa pengaruh Revolusi (Islam di Iran) itu tidak ada, pengaruh mazhab ya ada (dalam PAS). Yang ada mungkin pengaruh dari segi tarbiah dari segi struktur pimpinan, itu dikaji. Kerana kita kena sedar bahawa pendukung Revolusi Islam Iran ini juga adalah talian daripada gerakan (Syeikh) Jamaluddin al-Afghani, yang melahirkan murid di Iran, melahirkan murid di India, melahirkan murid di Mesir, di Iran (tidak jelas nama anak murid Jamaluddin al-afghani), kalau di India itu, al-Maududi, susur galurnya dan di Mesir melahirkan (Syeikh) Rasyid Reda dan (Imam) Hassan al-Banna. Pada akhirnya begitu, (Syeikh) Abduh (perkataan tidak jelas) (Imam) Hassan al-Banna. (Hal) Ini merupa rantaian gerakan Islam selepas jatuhnya Khilafah di awal abad yang lalu. Ini awal gerakan Islam yang sama, termasuklah gerakan Islam di Indonesia dan disini (Malaysia) itu rantaiannya, walaupun berbeza mazhab tapi sama-sama perjuangan (menegakkan Islam). Pendekatan Iran pendekatan (yang) sesuai dengan negaranya (sendiri). Satu, tidak ada pilihan raya, kuku besi yang sangat kejam, macam tempat kita (Malaysia) ini lain, ada pilihan raya hanya sebab itu, pengaruh Revolusi (Islam Iran) walaupun ada kalangan anak-anak muda yang cuba mahu buat pengaruh Revolusi (Islam) Iran mengikut revolusi itu, tidak berjaya dalam PAS. Mahu bawa aliran ekstrem tidak berjaya. Apa yang berlaku ialah kita mengambil satu pendekatan dalam mengurus pentadbiran parti dengan wujudkan Majlis Ulama, Majlis Syura Ulama untuk berijtihad dalam masalah-masalah semasa. Dimana Iran mewujudkan Majlis Syura Ulama, Majlis Ayatollah dia. Untuk mengkaji hukum-hukum agama, dalam ijtihad masalah baru yang tidak ada dalam kitab-kitab lama, ini memerlukan ulama berijtihad mengikut nas-nas hukum yang ada dalam al-Quran menterjemahkan (hukum) Islam mengikut masalah semasa. (Hal) Ini satu cara yang menarik, (maka) dengan sebab itulah diilhamkan Majlis Syura Ulama dalam PAS

untuk mengumpulkan ulama dalam pelbagai bidang ilmu-ilmu Islam supaya boleh berijtihad dalam masalah-masalah (hukum) agama yang berkait mengikut mazhab Syafie. Macam Ahli Sunnah Wal Jamaah bukan mazhab Syiah itu. Itu ada sedikit sebanyaknya iktibar yang kita ambil (dari Iran) bukan kita ambil seratus peratus (revolusi) dengan mengekalkan kepimpinan PAS yang ada dan mewujudkan kepimpinan Ulama. Apa yang tidak wujud dalam parti-parti Islam yang lain, berderai dan dileraikan. Jamaat Islami (di India) jadi Jamaah yang tidak pernah menang satu kerusi pun di Pakistan, di India menjadi lebih bersifat NGO tidak mampu menghadapi pilihan raya. Begitu juga yang berlaku di Indonesia, Masyumi diharamkan, mungkin diambil pendekatan revolusi dulu dari (kewujudan Revolusi Islam Iran) lagi sebenarnya. Revolusi bila ditentukan Revolusi (berlakunya) pertembungan, perpecahan dalam negara sendiri mengundang campur tangan asing. Hal ini akan berlaku begitu. Di Mesir begitu juga, Ikhwan (Al Muslimin) sudah menjadi hancur lebur, dan kita menggunakan pendekatan kita sendiri dan PAS menjadi satu parti yang kuat, yang mendapat kepercayaan masyarakat dan akar umbi yang kukuh di seluruh negara walaupun berlakunya pasang surut dalam Pilihan Raya tetapi keahlian (dalam PAS) tidak berlaku surut. Makin hari makin bertambah, begitu juga kewujudan kader-kader dalam PAS ini semakin meningkat dari masa ke semasa.

Minit 25:31

Azi : Apakah alasan utama kepimpinan PAS selepas berlakunya Revolusi Islam Iran ini yang mendorong kepada pindaan Perlembagaan PAS pada tahun 1983 yang mana perlembagaan PAS pada tahun tersebut telah membuang semua istilah yang berkaitan dengan Melayu dan kebangsaan Melayu, adakah ini menunjukkan nasionalisme bukan lagi menjadi asas perjuangan PAS ?.

Minit 26:07

TUAN GURU : Sebenarnya sudah cukup di dalam Perlembagaan PAS itu dengan menyebut PAS masih menerima Perlembagaan Persekutuan, (Hal) ini merupakan satu perkara yang sangat penting. Perkara ini sudah mencakupi hak keistimewaan orang Melayu bumiputera, ada disitu. Saya masih ingat, almarhum Dato' Mohd Asri, yang mengangkat saya sebagai pemimpin muda, beliau selalu mengulangi, bahawa nasionalisme ini satu perasaan bukan satu ideologi, bukan satu akidah politik. Dikalangan nasionalis berubah menjadi komunis, jadi sosialis, jadi apa sahaja. Tetapi dikaitkan (nasionalisme) dengan Islam supaya tidak menjadi komunis, tak jadi apa. Semangat kebangsaan itu ada sebagai satu perasaan tetapi dipandukan dengan akidah Islamiah. Kebangsaan bukannya akidah, satu perasaan yang menyelamatkan Melayu ialah Islam. Bukan Islam yang diselamatkan oleh Melayu. Ungkapan Amaluddin Darus dalam kursus politik yang saya ikuti, tegakkan Islam melalui matlamat. Melayu yang perlu diselamatkan.

Minit 27:26

Azi : Jadi dalam ucapan dasar Yang Dipertua PAS kelima, Tuan Guru Yusof Rawa dalam 2 tahun berturut-turut beliau membidas golongan 'asabiah ini dalam PAS. Tidakkah Tuan Guru melihat pada sebelum, semasa kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda, beliau digelar sebagai ethnonasionalis Melayu terunggul pada ketika itu, tetapi semasa peralihan kepimpinan kepada Haji Yusof Rawa itu, konflik nasionalisme masih lagi berlaku, mohon pada Tuan Guru keadaan yang sebenar ideologi nasionalisme pada zaman Dato Mohd Asri Muda telah ditolak oleh kelompok ulama dalam PAS semasa era kepimpinan Tuan Guru Haji Yusof Rawa.

Minit 28:26

TUAN GURU : Saya tidak melihat Dato' Asri seorang nasionalis yang fanatik kebangsaan, beliau masih berpegang Islam sebagai ideologi politik. Apa yang berlaku ialah kekhilafan dalam masalah pendekatan (kebangsaan Melayu). Apabila kita (PAS) menyertai Barisan Nasional dengan syarat-syarat Islam yang kita (PAS) kemukakan, kerajaan campuran dengan Barisan Nasional, syarat-syarat itu tidak dipatuhi, kemudian berlaku pendekatan dalam kerjasama dengan UMNO. Apabila berlaku krisis dalam UMNO, pertamanya berlakunya pertembungan antara PAS dengan UMNO dalam kerajaan campuran. Group Islamis dengan Group Nasionalis yang tulen nasionalis. Bertembung antara dua puak (kelompok) ini dan UMNO juga (ada) group Islamis (seperti) Jaafar Albar dan lain-lain, ini sama dengan (group Islamis) PAS. Tun Mustafa dan alin-lain. Ini sama (pendekatan Islamis dengan PAS), jadi ada Group Nasionalis Tulen yang tidak mahu Islam ini dilaksanakan. Ini ada dalam (parti) UMNO, ini saya tidak perlu sebut namanya. Berlaku pertembungan ini antara dua pihak ini (Group Islamis dan Group Nasionalis Tulen) kemudian dalam krisis UMNO, bila (Allahyarham) Tun RAZiak meninggal dunia, berlaku pertandingan antara (Tun) GhAziali Shafie dengan (Tun) Dr Mahathir bertanding Timbalan Presiden UMNO selepas Tun Hussein Onn mengambil alih (jawatan) Presiden (UMNO), yang berebut (jawatan) Timbalan. Jadi, pertandingan ini berlaku Dato' Asri menyokong satu group dalam UMNO. Tidak ada fasal-fasal beliau sokong pertandingan dalam UMNO. (Hal) Ini Dato' Asri menyokong (salah satu) group dalam UMNO. Sepatutnya tidak bercampur (masuk campur urusan UMNO). (Tindakan) Ini menimbulkan krisis (Darurat) Kelantan yang group UMNO yang menang ini menangkis PAS di Kelantan termasuklah di Sabah berlakunya pertukaran (pucuk pimpinan UMNO Sabah). Hal ini menyebabkan berlakunya khilaf pendekatan itu (sehingga) timbulnya krisis dalam

PAS (Kelantan). Bukan dari segi ideologi dan kefahaman politik (nasionalisme) tidak. Saya rasa tidaklah ada beza, cuma selisih faham dari segi pendekatan, strategi menghadapi kerjasama (PAS dan UMNO) itu. Itulah yang menyebabkan berlakunya perpecahan dan berlakunya peralihan (pucuk pimpinan) dalam PAS. Kita (PAS) kena sedar bahawa Islam yang memerlukan Tajdid ini pembaharuan atau reformasi dalam istilah hari ini. Reformasi ini bukan mereformasikan aqidah itu, reformasi pendekatan (dalam politik). Aqidah (Islam) tidak berubah, pendekatan itu perlu reformasi. Jadi, perbezaan dari segi mereformasikan pendekatan ini, timbulnya perbezaan dalam kefahaman (nasionalisme) itu dalam kepimpinan PAS.

Minit 31:49

Azi : Jadi, memandangkan Tuan Guru juga mewakili golongan ulama dalam PAS, jadi bila melihat manhaj politik PAS ini mempunyai juga manhaj politik Ikhwan al-Muslimin di Mesir. Namun begitu, As Syahid Imam Hasan al-Banna dalam ucapan beliau di Muktamar Pemuda Ikhwan, beliau menjelaskan nasionalisme itu merupakan satu perasaan sahaja, jadi beliau telah menggariskan tiga terminologi iaitu al-Wataniyyah, al-Qaumiyyah dan al-A'sabiyyah, tetapi ulama dalam PAS itu memandang nasionalisme itu sebagai al-A'sabiyyah, dan tidak memandang sebagai al-Wataniyyah dan al-Qaumiyyah, jadi mohon kepada Tuan Guru untuk menjelaskan bagaimanakah yang sebenarnya penerimaan para ulama dalam PAS mengenai nasionalisme itu sendiri sebab percanggahan bila melihat kepada pandangan nasionalisme Imam Hasan al-Banna, beliau begitu murni dalam memperjelaskan al-Wataniyyah dan al-Qaumiyyah, jadi kepada Tuan Guru jelaskan.

Minit 33:14

TUAN GURU : Yang pertama tentang kepimpinan Ulama' cumanya Ikhwan agak berbeza dengan PAS. Beliau (Imam Hasan al-Banna) tidak mengambil pendekatan kepimpinan ulama' dengan sebab itu, selepas (Imam) Hasan al-Banna, timbul (isu) untuk memilih kepimpinan ulama' atau tidak. Akhirnya (Ikhwan) menolak (Syekh) Hassan al-Bakhuri (seorang) ulama' al-Azihar dan memilih Hassan al-Hudaybi, seorang Peguam yang mahir dalam undang-undang sekular. Itu berlaku dan selepasnya memilih Mursyid Am' Ikhwan ini (dari) bukan kalangan ulama', (memilih) engineer (Jurutera), kalangan ilmuan yang tidak (bukan) dalam beraliran agama. Adapun kita (PAS) berbeza dengan mereka (Ikhwan al-Muslimin), kita (PAS) kepimpinan ulama' apa yang menarik ialah didukung oleh kalangan profesional bahkan yang membawa pandangan ini (kepimpinan ulama) ialah Pemuda PAS masa itu (Dato' Mustafa Ali) dan didukung oleh kalangan profesional yang ada dalam PAS termasuk juga Dr Haji Abbas. PAS memerlukan kepimpinan ulama', itu yang ditonjolkan sebegitu kerana mahu memelihara kemurnian perjuangan Islam, ini sangat penting. Adapun dari segi kebangsaan, nasionalisme dan kenegaraan yang dibawa oleh (Imam) Hassan al-Banna ini tidak beza antara kita (PAS) dan mereka (Ikhwan al-Muslimin). (Hal) Ini kita perlu merujuk kepada penulisan Ibnu Khaldun yang banyak mengolah ilmu berkaitan kemasyarakatan, ilmu kenegaraan. Ibnu Khaldun mengatakan bahawa peranan kaum sangat penting untuk mendukung politik. Beliau mengulas apabila Nabi Muhammad (saw) wafat terdapat pandangan untuk memilih ketua negara. Pandangan memilih Ahly al-Bayt (keluarga Nabi Muhammad), orang (penduduk) Madinah memilih (ketua) dikalangan orang Madinah, kemudian Abu Bakar RA melihat hadis melihat pemimpin daripada (kaum) Quraisy. Quraisy ialah kaum yang mendominasi umat Islam (ketika era Nabi Muhammad saw) dimasa itu.

Ertinya pemimpin itu bukan sahaja dia menganut akidah Islam tetapi dari kaum yang dominasi dalam (kalangan) umat Islam, kerana seorang yang mendapat kuasa politik mesti didukung oleh akar umbi yang kuat. Akar umbi ini dominasi kaum, (maka) dengan sebab itu, Allah swt menunjukkan iktibar antara Nabi Luth Alaihissalam dengan nabi-nabi yang lain. Nabi Luth ini ialah seorang (nabi) yang asing dari negeri Sodom (Sodom) yang tidak ada keluarga menyebabkan bila baginda berdakwah di situ (di Sodom), baginda tidak ada kekuatan, oleh sebab itu Allah membangkitkan (mengutuskan) Nabi Shuaib yang didukung oleh kaumnya termasuk kaum yang tidak Islam mendukungnya, termasuklah nabi kita Muhammad saw bila berdakwah di Mekah itu didukung oleh Abu Talib yang tidak masuk Islam disamping yang Islam itu. Jadi dukungan kaum ini sangat penting. Jadi, disini syarat (kaum) Quraisy itu bangsa yang mendominasi pemerintahan Islam (di Madinah). (Hal) Ini digabungkan dalam polisi (pemerintahan) Islam. Ciri yang sangat penting. Oleh sebab itu, al-Banna menyebut bahawa dengan Arab (pemerintah) Arablah. Sebenarnya ayat al-Quran, Rasulullah saw memohon (Tuan Guru membacakan potongan ayat al-Quran daripada ayat 38, surah Muhammad) (yang bermaksud), Sekiranya kamu (wahai Muhammad) berpaling (daripada dakwah Islam), (maka) Tuhanmu (Allah) akan menggantikan dengan kaum yang lain. (Iaitu) Kaum yang menerima Islam. Kaum (atau) bangsa yang menerima Islam bukan bangsa sahaja bangsa yang menerima Islam. (Maka) Dengan sebab itu, pemerintahan Islam ini bertukar daripada Arab kepada Turkey, Kurdish (seperti) Salahuddin al-Ayyubi itu (berbangsa) Kurdish dan dinegeri masing-masing, Mughal di India, Tanah Melayu ini orang Melayulah, begitu kedudukannya.

Minit 37:14

Azi : Jadi, masa Tuan Guru mengambil alih kepimpinan daripada almarhum Dato' Mohd Fadzil Nor pada ketika itu masa era kepimpinan Dato' Fadzil Nor, beliau begitu vokal menentang segala bentuk ideologi nasionalisme dalam UMNO itu sendiri. tetapi bila sepanjang kepimpinan Tuan Guru dari tahun 2003 sehinggalah sekarang dalam setiap teks ucapan dasar Tuan Guru yang saya kaji dan mendapati Tuan Guru begitu menekankan tiga asas utama tentang kebangsaan Melayu ini, yang pertamanya Bahasa Melayu, yang kedua hak keistimewaan Melayu dan ketiga tentang sosial orang Melayu itu sendiri, jadi pada pandangan Tuan Guru adakah Tuan Guru melihat perjuangan PAS pasca PRU 14 dengan pemeteraian Muafakat Nasional , menunjukkan PAS akan kembali mengangkat keistimewaan Melayu itu sendiri.

Minit 38:21

TUAN GURU : Puncanya apabila geografi politik tidak menepati demokrasi. Demokrasi politik sedangkan orang (umat) Islam adalah majoriti (di Malaysia), 69 peratus, 70 peratus (umat Islam di Malaysia), Cina dalam 25 (peratus), India dalam 1 (peratus). Tetapi akibat daripada kesilapan UMNO dalam menganjurkan (persempadanan) kawasan pilihanraya untuk menjamin kemenangan UMNO. Berlaku satu kesilapan yang sangat besar. Di Kedah, di Kelantan, di Terengganu negeri yang majoritinya orang (umat) Islam, satu kawasan parlimen seratus ribu (pengundi). Adapun di (kawasan) Pantai Barat, satu kawasan parlimen 30 ribu (pengundi). Dicampur pula dengan 60 peratus orang (umat) Islam, 40 peratus orang bukan Islam di Pantai Barat ini, kerana mereka membuat anggapan orang Bukan Islam ini aset (kepada UMNO) selama-lamanya menyokong Barisan Nasional. Berlaku begitu. Jadi, berlaku keadaan di kawasan pilihanraya begitu rupa. Baru Kita (PAS) menang di

Kelantan, menang di Terengganu, menang di Kedah atas kerusinya sendiri (kawasan tradisi UMNO menang). Peringkat awal mereka (pengundi Melayu) masih menyokong Barisan Nasional, menang UMNO tetapi Pilihanraya yang ke 13, sudah mula menunjukkan perkara (keadaan) yang sangat membahayakan orang (Umat) Islam. Apabila khususnya DAP yang asalnya PAP (di Singapura), bahkan Tunku Abdul Rahman telah mengambil pendekatan tahun 1963 akibat penyakit Jus Soli ini, peratus orang Bukan Islam meningkat (di Singapura) 50, 60 peratus dimasukkan ke dalam (Gagasan) Malaysia menjadikan peratus orang Bukan Islam (terus bertambah). Maknanya PAP ini yang memerintah Singapura menubuh cawangan di Semenanjung (Malaysia), dengan idea untuk menakluk. Ini berlaku. Sebab itu Tunku buang Singapura daripada (Gagasan) Malaysia, dan PAP di sini (di Semenanjung Malaysia) jadi DAP, generasi baharu tidak tahu (asal penubuhan DAP di Malaysia). DAP adalah PAP dan mereka (DAP) merancang sehingga berlakulah bahaya yang bertambah tahun 1969 bila (DAP) menguasai Pulau Pinang, menguasai Perak, menguasai Selangor dan Negeri Sembilan (nyaris-nyaris) tetapi berlaku (tragedi) 13 Mei (1969) ditubuhkan Barisan Nasional, selesai masalah masa itu tetapi kini lebih bahaya lagi bila kawasan pilihanraya jadi begitu (ketidakseimbangan pengundi mengikut kaum) menyebabkan pilihanraya yang terakhir yang ke 14 baru-baru ini, kerusi Bukan Islam, 66 (kerusi) tak silap saya, yang Islam (hanya) 58 (kerusi). Yang Islam ini pula, (ada) Islamis, Islam Liberal, yang nasionalis yang macam-macam dalam keadaan yang bercelaru, (manakala) yang Bukan Islam ini padu, ini berlaku keadaan sekarang membahayakan. Dengan sebab itu, Kita (PAS) terpaksa mengubah strategik politik, untuk menyedarkan orang Melayu yang Islam ini, betapa pentingnya ketuanan Melayu Islam untuk mengambil alih (Kerajaan Malaysia) dan mempertahankan negara demi menyelamatkan Islam itu sendiri.

Minit 42:00

Azi : Jadi, pasca Permuafakatan Nasional ini menjadi perbincangan akademik sebenarnya agak menarik untuk dibahaskan, adakah PAS mula menerima ideologi nasionalisme UMNO itu selepas pemetaraan permuafakatan nasional ini.

Minit 42:19

TUAN GURU : Kita (PAS) terpaksa membimbing UMNO supaya mereka sedar. Dengan sebab itu, bila ditubuhkan Muafakat Nasional, kita (PAS) sama (dengan UMNO). Apabila Tun Mathir buat Kongres Maruah Melayu, disini UMNO tidak mahu. Kita (PAS) menganggap ini juga adalah Nasionalisme Melayu, orang Melayu mesti disatukan dengan sebab itu, kita (PAS) mengajak UMNO supaya ikut hadir dalam kongres (Kongres Maruah Melayu).

Minit 42:49

[Sesi temu bual dihentikan seketika, bagi memberikan laluan kepada Tuan Guru untuk berehat seketika]

Minit 50:21

[Sesi temu bual bersambung semula]

Minit 50:26

[Meneruskan jawapan]

Minit 50:40

TUAN GURU : Apa yang menariknya ialah apabila kalangan (ahli) akademik bergabung dengan kerajaan dan Menteri, menganjurkan Kongres Maruah Melayu, saya dipanggil (dijemput) oleh Tun Mahathir, dan beliau meluahkan perasaan, pengetahuan beliau yang banyak tentang Islam ini, beliau mengatakan Melayu itu Islam, Islam itu Melayu, begitu sekali, begitu sekali (bahkan) beliau mengatakan beliau membaca al-Quran dan beliau menerima hakikat, semua masalah selesai dengan Islam, lalu balik kepada al-Quran, itu satu perubahan yang sangat menariklah. Islam itu Melayu, Melayu itu Islam. Disini ada pertemuan. Oleh sebab itu, PAS mendesak UMNO. UMNO sudah membuat keputusan sebenarnya tidak hadir (ke Kongres Maruah Melayu) itu. Jadi, bila kita (PAS) membuat keputusan hadir, dia (Tun Mahathir) hadir, tujuan kita adalah menyatukan semua pihak. Setelah kita (PAS) menyatukan PAS dengan UMNO, mesti satukan juga dengan kumpulan Melayu yang ada dalam Kerajaan, mesti disatukan. Barulah kita dapat mengembalikan kekuatan Islam dan Melayu bersama dengan Islam.

Minit 52:06

Azi : Jadi, memperlihatkan dengan situasi yang berlaku pada hari ini, Tuan Guru sebagai Presiden PAS. Adakah Tuan Guru akan membawa kembali nasionalisme Melayu itu ke dalam PAS kerana pada tahun 2019, Tuan Guru menyatakan nasionalisme itu hanyalah sekadar agenda sampingan sahaja. Jadi, apabila berlakunya permuafakatan nasional ini apatah lagi Tuan Guru begitu menekankan tentang hak-hak Melayu dalam ucapan dasar Tuan Guru dalam muktamar, adakah Tuan Guru akan mengembalikan semula kejiwaan nasionalisme itu bagi memperjelaskan nasionalisme yang sebenarnya ?.

Minit 53:00

TUAN GURU : Saya tetap mengatakan Islam adalah satu aqidah yang berdiri kekal. Nasionalisme ini adalah satu perasaan yang perlu dipandu oleh Islam. (Maka) dengan sebab itu, saya berpegang kepada kita (PAS) punya tema "Tegakkan Islam, Melayu Selamat". (Jika) tegakkan Melayu, tak (tidak) semestinya Melayu selamat dan Islam dipinggirkan. (Maka) dengan sebab itu, Melayu mesti bersama dengan Islam, (bahkan) dengan sebab itu, saya memberikan penekanan supaya menyatukan orang-orang Melayu bersama dengan Islam, macam nabi kita Muhammad saw menyatukan orang-orang Arab dahulu. Tidakkah nabi diutuskan untuk seluruh manusia tetapi tidak terus memulakan agenda baginda, seluruh manusia tempat Arabnya (dakwah Nabi Muhammad di Semenanjung Hijazi), permudahkan dahulu bangsa Arab dulu, kaumnya dulu, [Tuan Guru membacakan sepotong ayat al-Quran], ini sifat ayat al-Quran, (Allah berfirman bermaksud) "berikan peringatan kepada kaummu terlebih dahulu (wahai Muhammad), keluargamu dahulu". Jadi kita anggap Melayu sebagai keluarga kita (PAS) selamatkan keluarga kita dulu, bersama dengan Islam dan keluarga Melayu ini mendukung Islam itu barulah kita (PAS) ajak orang lain (bukan Melayu) dan kita (PAS) bila kekal(kan) Melayu ini sebagai satu akidah, takdirnya orang Cina (menjadi) majoriti masuk Islam, (dan) orang Melayu jadi minoriti, maka kita kena terimalah Cina Islamlah yang memimpin, India Islamlah yang memimpin kalau Melayu itu meninggalkan Islam, kita kena ikut al-Quran.

Minit 54:27

Azi : Jadi, soalan yang terakhir saya, apakah harapan Tuan Guru untuk menyatukan kembali orang-orang Melayu yang masih lagi rasa ragu-ragu tentang perjuangan PAS ini.

Minit 54:43

TUAN GURU : Kita (PAS) minta orang Melayu mengambil iktibar peristiwa yang lalu setelah kita (PAS) bersama dengan perjuangan kebangsaan, perjuangan Melayu dengan Islam itu tidak berdaulat, hampir 60 tahun, kita (PAS) melihat hasil yang sangat negatif ditahap yang sama tidak menjadikan bangsa bangsa yang perkasa, bangsa yang menguasai rantau Asia Tenggara di abad yang lalu sehingga disebut alam Melayu disini, alam Melayu (maka) Islamlah yang memerintah, wilayahnya dari Aceh sehingga (ke) Champa, sehingga Filipina sehingga pulau Melayu seluruhnya, ini kawasan Melayu, kemudian kita dipecahkan oleh Penjajah. Lepas (bangsa) Melayu, dipecahkan (pula) rumpun-rumpun Melayu dengan sebab itu, kita (perlu) satukan Melayu ini dengan Islam tanpa mengira (etnik) Jawa, Bugis, dan seumpamanya, dan dalam (pada) masa yang sama kita memimpin kaum yang lain bersama dengan Islam. Kerana kita kena sedar bahawa hanya Islam yang boleh memimpin masyarakat majmuk.

Minit 56:02

Azi : Jadi, sehingga setakat itu saja temu bual saya dengan Tuan Guru dan saya ucapkan terima kasih kerana Tuan Guru banyak membantu saya untuk menyiapkan tesis Ph.D. ini.

Minit 56:11

TUAN GURU : sama-sama (ketawa), mudah-mudah berjaya nanti, Insya Allah.

Minit 56:12

[Temubual tamat]

MASA TAMAT TEMU BUAL : 10.26 PAGI

LAMPIRAN B

TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA DENGAN MURSYIDUL AM PAS,

DATO' TUAN GURU HAJI HASHIM BIN JASIN

Tarikh : 12 JUN 2025

Hari : KHAMIS

Tempat : KOMPLEKS BADAN PERHUBUNGAN PAS NEGERI PERLIS

Masa : 11.00 PAGI – 1.00 TENGAHARI

Tetamu / Petugas lain yang hadir :

1. YBhg Dato' Tuan Guru Haji Hashim Bin Jasin, Mursyidul Am PAS
2. En Faiz Bin Hashim, Pembantu Peribadi kepada Mursyidul Am PAS
3. En Khairul Faizi Bin Ahmad Kamil, Penolong Setiausaha Agung PAS
4. Puan Noor Sara Mashitoh Binti Mohamad Hanif, Wartawan Kanan Harakah
5. 2 orang Wartawan Malaysikini

MASA MULA TEMU BUAL : 11.30 PAGI

Minit 00:00

Wartawan : Tuan Guru, nak minta Tuan Guru ulas mengenai Payung Besar yang dicadangkan oleh Tun M, bagi menyatukan orang Melayu.

Tuan Guru : Walau tak kuasa (berkuasa), dia (Tun M) juga tak naik dan boleh diperbaiki untuk menambah lagi sokongan kepada PN untuk sekarang. Allahu a'lam sejauh mana payung besar ini dilaksanakan. Dengan UMNO kita (PAS) tidak pernah tutup pintu, dok ajak (bersatu) sampai ke la (sehingga sekarang). Boleh payung besar yang digagaskan oleh Mahathir (Tun) itu pun tanda bahawasanya kita (PAS) nak ajak

bersatu (parti politik Melayu). Bagaimana aku benci dengan UMNO, tak boleh (perbuatan itu). Kita (PAS) bolehlah (buat) setakat mana, cadangan paling besar ini pun hasil daripada kesedaran, kesilapan pimpinan (kerajaan) dulu jadi begini kepada orang Islam dalam politik. Jadi kita(PAS) akan mula sikit, kita (PAS) tengoklah (keadaan). Sekarang Rafizi (Ramli) puji PAS yang geng-geng UMNO nie pun puji PAS. Sebab satu, hat tiga, maka orang nampak yang sebenarnya yang jadi punca (pergolakan politik) sekarang yang kebetulan..apa nie, pimpinan presiden kita (PAS) uzur, waktu nie juga ..kena sesuai. Saya tak dengar dari Presiden (PAS) nak mengundur diri, ada ka, tak dak (wartawan menyahut). Setakat la (tidak ada), jadi dia (Presiden PAS) ada pertimbangannya sendiri. Bukan tujuan dia (Presiden PAS) untuk nak menambah rezeki keluarga, jauh sekali, kita pun tau. Bukan (perangai Presiden), tapi dia (Presiden PAS) akan balik (fikir) soal keberkatan. Yang itu, yang kita, insyaallah (terus menyokong).

Wartawan : Kita ada tiga soalan lagi, pasal penubuhan payung besar Tun Mahathir untuk menyatukan bangsa Melayu. Pandangan Tuan Guru macam mana.

Tuan Guru : Dia (Tun Mahathir) gagas payung besar nie termasuklah dibawahnya ialah seruan supaya kita (Bangsa Melayu) bersatu, (Tuan Guru membacakan ayat 103, surah Ali Imran). Yang dia (Tun Mahathir) bawa tu ini salah satu cara kita nak berpegang teguh dengan tali Allah. Kalau ikut hat tu, kita (PAS) kena sokong tapi sejauh mana kejayaan apa nie (batuk), konsep ini dapat dihidupkan dalam masyarakat kita. Ada orang kata, sampai tera mana tak nampak lagi empat bulan aktiviti payung besar. Itu mungkin perangkap juga tapi usaha dia (Tun Mahathir) untuk orang Malaysia, kita (PAS) tak boleh nak tolak (penyatuan Melayu) sebab(ayat tidak jelas)..(membacakan ayat al-Quran 103, surah Ali Imran) kena perbetul (usaha

penyatuan Melayu) barulah kita (PAS) teruskan (usaha penyatuan Melayu) payung besar.

Minit 04:16

Wartawan : Ustaz, ada yang membangkitkan penubuhan payung besar itu macam nak selamatkan parti-parti terpencil macam (Parti) PEJUANG, BERJASA.

Minit 04:22

Tuan Guru : Tak kisahlah itu matlamat parti masing-masing, tapi dasarnya itu bercanggah tak dengan al-Quran, ini (Payung Besar) tidak bercanggah. Kita buat dah, nanti Allah akan berikan pertolongan. Pada akhirnya. Itu ja pentingnya. Pergantungan kita dengan Allah ..(ayat tidak jelas, suara serak)...

Minit 04:49

Wartawan : Adakah keperluan (penubuhan Payung Besar) sebab UMNO sendiri sebagai orang Melayu punya wadah, dan PAS pun sebagai wadah orang Melayu untuk menjadi Payung Besar.

Minit 04:58

Tuan Guru : Saya rasa kita tak boleh berpuas hati dengan perpaduan yang kita ada sekarang ini, tak cukup dan perlu kepada memperkuatkan, memperbetulkan dan memperkemaskan hakikat yang dua ini (batuk, ayat tidak jelas), atas dasar itu, semua usaha ke arah perpaduan ummah ini kita (PAS) sokong, itu ja. Siapa yang diajar khianat, khianat apa itu terserah kepada Allah, (mohon) (di)jauhlah.

Minit 05:40

Temu bual dihentikan seketika.

Minit 06:29

Pengkaji : Tuan Guru, Muafakat Nasional masih wujudkah ?

Minit 06:30

Tuan Guru : Yang kita (PAS) dok nampak, macam tu lah (tidak pasti), lebih senang PAS dengan UMNO tetapi apa yang berlaku sekarang ini, kita (PAS) pakat dengan UMNO, UMNO mengukir No Anwar, No DAP, tetapi khianat (UMNO) nak selamat diri..(ayat tidak jelas). Sebab itulah, macam Sanusi Kedah (Menteri Besar), orang dok kata, UMNO dok kata PAS merosot (sokongan merosot), dia (Dato' Seri Mohammad Sanusi) kata UMNO dulu parlimen menang 90 kerusi, sekarang tinggal 26 (kerusi parlimen), siapa yang merosot. Yang itu tibai balik tu. PAS dulu, masa saya jadi sekejap (sebagai Ahli Parlimen Arau), hanya 6 kerusi ja ahli Parlimen. Depa (Barisan Nasional) dekat 200 (kerusi parlimen), kita (PAS) sabar. Sekarang terbalik, 43 (kerusi Parlimen PAS) yang terbanyak (dalam Dewan Rakyat), apakah kita (PAS) merosot atau pun daripada 6 (kerusi parlimen) sampai 43 (kerusi parlimen), dikira merosot juga ?. Tok Guru Nik Pengkajiz biasa seorang ahli Parlimen, dia seorang..(suara tidak jelas, batuk)..maka hat ni lah (merujuk ahli Parlimen UMNO) meletak kepentingan diri, dia (UMNO) letak sebagai dasar (agenda politik) perjuangan parti. Hal itulah (kegagalan Muafakat Nasional), tapi yang syoknya, yang menariknya orang UMNO tidak lari dan tak ikut pemimpin dia, mana ada UMNO (Ahli) keras kepala dah, tak ada. Dia (ahli UMNO) boleh nilai, apa pemimpin dia buat..(suara tidak jelas, tuan guru batuk)...cerita macam mana, apa yang terjadi, macam-macam. Pecah belah habis (ahli UMNO) dalam partinya. Sebab saya dok letakkan kita (PAS) kena jujur, ikhlas betul-betul dasar kita (PAS) jelas, biar orang (rakyat) tau, walaupun tak berjaya la (sekarang), kisah(nya) macam dulu, saya dok perjuangkan, Perlis nie kami (PAS) dok berusaha (memenangi

pilihan raya) dari tahun 1960, satu kerusi (DUN dan Parlimen) pun tak pernah dok dapat (menang), semua kalah, tapi kita (PAS) berenti (berhenti) tak ?, tak. Haa, itu yang penting (istiqomah), pasai kita (PAS) kepada rukun ketiga, wajib kita (PAS) buat kerja, semaikan tarbiyah.

Minit 10:30

Pengkaji : Sejak mutakhir ini, tuan guru Presiden, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang banyak bercakap tentang Islam dan Kebangsaan Melayu. Islam dan kebangsaan, bagi saya, lebih kepada Islam dan nasionalisme, jadi pada pandangan Tuan Guru Mursyidul Am sendiri, bagaimana PAS boleh menerima kembali ideologi kebangsaan Melayu ini dalam konteks Muafakat Nasional dan Payung Besar ?.

Minit 11:03

Tuan Guru : Saya teringat masa saya dan rakan-rakan dok belajar dulu di Baghdad (Iraq), Dato' Asri (Dato' Mohd Asri Muda), dia ketua PAS (Yang Dipertua PAS), dia pergi ke Baghdad dan kami (Pelajar Malaysia) atur (perjumpaan) Dato' Asri (dan) Abu Bakar Hamzah nie bertemu dengan pimpinan Ikhwan al-Muslimin (di Baghdad), dalam perhimpunan tu (perjumpaan itu) bukanlah rasmi, buat dalam bilik begini ja (sambil menunjukkan keadaan bilik mesyuarat Pejabat Perhubungan PAS Perlis). Kami (pelajar) sepuluh, mereka (pemimpin PAS)) berdua, geng-geng Ikhwan nie, tiga empat orang. Ikhwan kata perjuangan kamu (PAS) lari daripada Islam kerana perjuang(kan) Melayu (Kebangsaan Melayu), dia kata kat Bakar Hamzah (Ustaz Abu Bakar Hamzah), Dato' Asri pun ada, kami (pelajar Malaysia) pun ada, kami pun dok dengar la, mana boleh dia (Ikhwan) kata, perjuangan kebangsaan, sebab Islam ini tidak kira bangsa, perjuangan lebih terbuka, itulah lebih kurang (merujuk kepada kenyataan pemimpin Ikhwan). Waktu itu (Ustaz Abu Bakar) Bakar Hamzah ada, dia nie hebat

politik, dia kata lebih kurang, orang Arab ada Islam, ada kapiaq (Kafir), Kristian pun ada, Arab tapi kristian, tapi orang (Bangsa) Melayu tak dak sorang pun Melayu selain daripada Islam. Terkejut puak Arab. Jadi (menurut Ustaz Abu Bakar Hamzah), sesuai dengan tempat kami, apabila kami perjuangkan (Tuan Guru batuk..) Melayu makna(nya) kami perjuangkan Islam. Haa..barulah mereka (Ikhwan al-Muslimin) tahu, itu sebelum kita nie, bangsa lain ya tapi orang Melayu, walau dia tak sembahyang, jangan kata dia (tak sembahyang) dia marah. Bererti atas dasar itu, PAS mengambil sikap perjuangkan Melayu dan Islam.

Minit 13:55

Pengkaji : Tahun 1980-an semasa era kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda, ada berlaku sedikit konflik dalam PAS, adakah ia berkaitan dengan sikap Dato' Mohd Asri yang terlalu memperjuangkan kebangsaan Melayu, sehingga menyebabkan berlakunya konflik kepimpinan beliau yang membawa kepada perletakkan jawatannya sebagai Yang Dipertua PAS?.

Minit 14:13

Tuan Guru : Pergolakan itu memang wujud, sedikit sebanyak, tetapi tahun 1980, kita kena ingat, suasana tahun 1980-an, bukan seperti suasana sekarang. Orang (orang Melayu) kesediaan nak ikut Islam itu masih lemah, jadi wujudlah pandangan yang berbeza antara seorang pemimpin dengan seorang pemimpin (yang lain), tapi kita (PAS) tak lari daripada dasar politik tauhid, risalah dan khilafah. Walaupun tak sempurna, tapi tak lari daripada itu.

Minit 15:28

Pengkaji : Jadi, bagaimana kepimpinan PAS menangani isu perbezaan fahaman mengenai kebangsaan Melayu dengan yang tidak menyokong kebangsaan Melayu ini sebenarnya ?.

Minit 15:40

Tuan Guru : Kita (PAS) tak boleh nak tembus direct kebangsaan Melayu (sebagaimana) nak nafikan hak dia (Dato' Mohd Asri Muda), macam orang Arab, dia ada hak dia. Orang Quraisy ada hak dia. Nabi (Muhammad saw) dia (Baginda) tengok (melihat) keadaan. Apabila ada hadis disebut (Tuan Guru membacakan hadis berkenaan) yang nak jadi pemimpin (mestilah) daripada (kaum) Quraisy. Pasai apa, suasana masa tu, kalau tidak berebut habis kabilah-kabilah arab nak jadi Presiden (ketua kaum Arab). Tapi kalau ada keutamaan diberikan kepada orang Arab (Quraisy) itu sendiri.

Minit 16:29

Pengkaji : Jadi, pada pandangan Tuan Guru sendirilah selaku Mursyidul Am PAS, bagaimana Tuan Guru melihat perjuangan politik PAS sekarang ini mula sedikit sebanyak mengambil tempat dalam ideologi kebangsaan Melayu ini ?.

Minit 16:45

Tuan Guru : Dia (Isu kebangsaan Melayu) kita boleh berpaut bergantung kepada keadaan jika diperlukan untuk matlamat dia (perjuangan PAS) menyempurnakan tiga rukun yang saya sebut tadi. kalau itu boleh (Kebangsaan Melayu) boleh membantu (perjuangan Islam) tauhid kita kepada Allah, perlaksanaan syariat dan ada usaha nak jalan hat tu (Syariat dan mentauhidkan Allah) kenapa tidak boleh sokong walaupun yang dibuat itu orang Melayu, bangsa nie, walaupun orang hitam ka, orang apa ka yang

itu kita(PAS) kena sokong (memperjuangkan Islam). Selama tidak (Tuan Guru batuk..), memudaratkan bercanggah dengan dasar pokok tadi (Perlembagaan PAS).

Minit 17:40

Pengkaji : Jadi, bagaimana pula dengan pendirian Dewan Ulama PAS yang menjadi Stakeholder (pemegang taruh) dalam PAS ini sendiri, terhadap pemikiran Tuan Guru Haji Abdul Hadi ini ke arah kebangsaan Melayu ini, bagaimana penerimaan Dewan Ulama PAS ?

Minit 18:01

Tuan Guru : Saya tak pastilah Dewan Ulama tu, tapi hat dasar utama itu (Perjuangan Islam) bercanggah tak (ideologi kebangsaan Melayu) ?. Kalau tak bercanggah, kena sokong, kalau dia (kebangsaan Melayu) bercanggah (dengan Perlembagaan PAS) kita tak boleh (tidak boleh sokong), ini nak pertahankan hak orang Melayu dalam masa yang sama menzalimi (hak) orang bukan Melayu. itu tak boleh. Jadi kalau, orang yang bukan Melayu menodai hak-hak orang Melayu kita (PAS), pertahankan hak Melayu itu, kita (PAS) tidak boleh nak kata ini perkauman, apa lah, tak boleh, kerana nilai dia tu (kebangsaan Melayu) isunya apa. Isu keadilan atau tidak adil. Selama mana dia (kebangsaan Melayu) dok betul dengan keadilan, maka kita (PAS) ikut hat tu. Walaupun, yang terlibat tu keluarga kita sendiri.

Minit 19:25

Pengkaji : Jadi, masa peringkat awal selepas pilihan raya yang ke 13, yang kata Pakatan Harapan menjadi Kerajaan Malaysia buat kali yang pertama, waktu itu memperlihatkan isu-isu kemelayuan ini, jadi, masa peringkat awal nak dibentuk Muafakat Nasional tu bagaimana pendirian PAS untuk menerima UMNO itu sendiri,

sedangkan UMNO sudah sedia maklum mereka terlalu memperagungkan tentang fahaman kebangsaan Melayu ini. Jadi, pendirian PAS bagaimana ?.

Minit 20:04

Tuan Guru : Waktu tu, kita nilai begini ja, nilai dengan kaca mata Islam. Kalau kita menjadikan kebangsaan itu satu jalan untuk mencapai matlamat mendaulatkan Islam, (adalah) boleh. Kita (PAS) nak guna orang Melayu ini mai pakat buat (bangunkan) Islam. Boleh. Tapi kalau kita guna Melayu bukan kerana Islam, itu tidak boleh, (bertujuan) untuk meruntuhkan Islam. Memang tak boleh. Jadi, sekarang kita tengok apa dah jadi. Misalnya perlembagaan (Persekutuan) kita yang minta supaya 3R hanya orang PAS dalam suasana la sokong. Padahal raja tu, tak lama kata nie kita 3R, mula...dok kata kat Raja, tapi betullah, tak betul (ayat tidak jelas...) tapi kita kena bergantung, kita (PAS) guna la tu, sampai satu ketika, tak perlu dah hat tu ..yang penting, kita pertahankan mendaulatkan Islam. Kalau nak rosakkan Islam, kita (PAS) tentang daripada sekarang pun. Tengoklah isu-isu (yang) bangkit dalam parlimen yang berkait dengan kepentingan Melayu kita sokong, hat yang nak merosakkan Islam dan kepentingan Melayu, kita (PAS) tentang. Mungkin hari ini, tapi masa akan datang suasananya berbeza, kita tak tau lagi perkara-perkara seperti itu.

Minit 22:19

Pengkaji : Jadi, Tuan Guru bersetuju sekiranya PAS menggunakan naratif kebangsaan Melayu sebagai kerangka politik ?

Minit 22:27

Tuan Guru : Jika perlu, jika perlu, kerana jika kita (PAS) menggunakan hat (ideologi) lain takkan berjaya. La (sekarang) itulah matlamatnya itu apa. Kita boleh ke arah

matlamat selagi ia tidak bercanggah dengan dasar pokok Islam (merujuk kepada Perlembagaan PAS), kita (PAS) boleh guna.

Minit 22:57

Pengkaji : Jadi, Tuan Guru sebagai Mursyidul Am bagaimana Tuan Guru melihat kepimpinan Tuan Guru Haji Abdul Hadi ini yang menurut kajian saya, lebih kepada fasa penyerapan ideologi kebangsaan melayu dalam gerak kerja parti, pada pandangan Tuan Guru bagaimana ?.

Minit 23:20

Tuan Guru : Saya nak kata penekanan lebih kepada kebangsaan melayu yang dibawa oleh (Tuan Guru) Haji Hadi (Abdul Hadi Awang), saya tak berani nak kata begitu. Sebab Haji Hadi bukan maksum, kita (semua) pun tau, dia mungkin ada salah. Tak betul. Tapi kita kena tengok keadaan, kenapa dia (Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang) guna (ideologi kebangsaan Melayu). Jalan. Kalau ada kepentingan untuk Islam yang tak terang-terang bercanggah dengan syariat, kenapa kita sekurang-kurangnya diam (kalau tidak menyokong) atau kita nak bantah. Jadi, saya rasa banyak pertimbangan yang perlu kita nilai. Kita ada panduan, kita ada pegangan. Bukan semua benda yang haram tak boleh buat. Saya dok buat contoh dalam muktamar pun, sebagai contoh ; kita pandai berenang, tiba-tiba kita lalu kat tepi sungai, ada seorang perempuan, isteri orang atau anak gadis orang. Dia terkapai-kapai lemas nak tenggelam. Kita dengan perempuan nie bukan mahram kita apa dia wajib al waqti (Kewajipan semasa), terjun pi peluk, boleh peluk, boleh bantu bawa naik mai ke atas (daratan). Peranan peluk, selamatkan dia, itu dipanggil kewajipan semasa, walaupun buka kitab (hukumnya) haram, itu semua diambil kira. Jadi kadang-kadang kita nie terutama dalam perang, diluluskan (dibenarkan) al harb al qit'ah (boleh menipu) padahal tipu tu haram

(hukumnya) dalam perang boleh (dibenarkan), tu nak perbetulkan. Dalam kira hukum, orang yang menipu dalam perang, masuk neraka, tak boleh (berkata sedemikian), nak hukum macam tu, kenapa dia menipu (dalam perang), keperluan (keadaan semasa berperang). Jadi banyak pertimbanganlah sebab itu saya salah seorang yang menyokong ulama' jadi pimpinan utama dalam PAS sebab dia tau waktu mana (dibenarkan) menipu (bermaksud dalam merangka strategi politik) (dan) waktu mana tak boleh (menipu dalam politik), sebab dia spontan saja, bukannya karang isu pun, yang bangkit (Isu)...(ayat tidak jelas, Tuan Guru batuk dan agak sedikit kepenatan)..nak hentikan mesyuarat, nak himpun orang, ketika itu ada sistem dia yang kita kena ikut.

Minit 27:14

Pengkaji : Untuk persediaan Pilihan Raya Umum ke 16, dalam masa dua tahu daripada sekarang, sejauh mana pendirian politik PAS dalam menarik sokongan orang Melayu keseluruhannya, untuk menyokong dan mengundi PAS. Adakah PAS kekal menggunakan naratif kebangsaan melayu ini ?

Minit 27:50

Tuan Guru : Kita nie yang PAS dok buat la (sekarang) nie, bukan kerana PAS nie kempen lebih, PAS buat (kerja) sedar ka tal sedar ka lisan Hal, apa yang PAS buat akan dinilai oleh orang yang tengok (gerak kerja PAS). Dia tengok dalam PAS nie tak dak yang diherat SPRM, tak dak pula pimpinan-pimpinannya yang songlap. Kalau ada satu dua pun, bandingkan dengan orang lain (dimaksudkan UMNO). Penubuhan JKKK, boleh dikata bersih, yang lompat parti pi parti lain untuk cari kemenangan, kebendaan, tak dak, lisan hal tu yang kita (PAS) tunjuk, tak poayah cakap, orang akan

nilai balik, itu kempen la tu. Dengan syarat jangan dok buat benda yang merosakkan jemaah.

Minit 29:23

Pengkaji : Dalam kajian saya, ucapan dasar Tuan Guru Haji Abdul Hadi dari tahun 2002, tuan guru secara rasmi sebagai Presiden PAS sehinggalah Muktamar 2024, konsistensinya bercakap tentang Melayu dalam ucapan dasar mengenai ekonomi, pendidikan dan sosial orang Melayu. Jadi, adakah PAS selepas (kepimpinan) Tuan Guru Haji Abdul Hadi akan terus mengekalkan elemen-elemen kebangsaan Melayu dalam politik akan datang?.

Minit 30:08

Tuan Guru : Ia begini, perlu kita tengok apabila isu-isu yang dihighlightkan oleh Presiden (PAS) dalam masa itu, kita kena rasa itulah keperluan yang diberikan keutamaan untuk kita selesaikan hat ini (isu orang Melayu). Kita tak boleh jadi parti yang kuat tanpa sokongan orang Melayu. Bukan takat kuat saja, contoh. Sebab tu, keperluan semasa hat tu, sekarang nie orang Melayu dengan macam-macam karenah yang mereka lakukan. Kita (PAS) perlu perbetulkan. Apabila orang Melayu contoh dia boleh diikuti orang tertarik dengan cara PAS, maka itu dakwah yang paling berkesan untuk tarik orang ramai (mengundi PAS).

Minit 31:23

Pengkaji : Jadi, pada pandangan Tuan Guru sendiri, sekiranya PAS menggunakan naratif kebangsaan Melayu ini sebagai kempen politik, atau sebagai satu tarikan politik kepada orang Melayu, adakah PAS selepas ini akan terus menjadi kekal momentum

dalam menangani kebangsaan Melayu sebagai satu wadah parti, pada pandangan Tuan Guru bagaimana ?.

Minit 31:57

Tuan Guru : Seeloknya kita (PAS) nie (Tuan Guru batuk), langkah pertama, semua orang Melayu duduklah bersama PAS, itu sepatutnya, tetapi tidak semudah itu, dan sekarang ini kita kena fikir, bukan sekadar nak menyatukan orang Melayu malahan seluruh rakyat Malaysia yang akan bersatu jika sekiranya kita (PAS) boleh buat sesuatu yang menarik perhatian mereka (rakyat Malaysia). Kalau selama nie mereka memberi tumpuan kepada kebendaan, ada benda sokong, kita (PAS) kena ubah daripada menyokong yang mengutamakan dunia kepada moral dan akhlak yang baik. Sebab ertinya kalau kita jadi ketua, kita tunjuk amanah kita, kejujuran kita, pengorbanan kita, penat kita. Sekarang dalam parti boleh kata walau tak sempurna. Orang (Ahli) PAS saja yang dapat kita tingkatkan daripada sejuta, separuh abad (Usia PAS), keluar duit, apa semua dan bandingkan orang buat korban hari raya (Aidil Adha). Dulu kalau satu kampung boleh seekor (sembelihan korban) pun (bersyukur). Sekarang banyak orang buat korban. Pasai apa ?. Tarbiah yang kita (PAS) bagi secara tak langsung. Jadi, kalau jalan ini sudah nak nampak yang terbaik, kenapa kita nak cari jalan lain. Kenapa tak istiqamah dalam jalan yang betul. Walaupun sekarang banyak halaman, orang akan tarik kepada benda (kebendaan, kemewahan) dan sebagainya tapi sedarkah ada di antara pendakwah-pendakwah PAS ini pimpinannya mari daripada Selangor, mari daripada apa, bukan kerana duit, orang tak bagi sekupang pun dia mai. Bergadai bergolok boh minyak (mengisi petrol), tak jadi masalah tapi kalau tidak didasarkan (Tuan Guru batuk...ayat tidak jelas)..itu yang pensyarah dok kata, tak bagi sampul surat, aku tunggu. Dia boleh kata dalam ceramah. Selagi tak dapat sampul (bayaran) aku tak balik. Nampak sangat, dia kerana (disebabkan oleh), bagi saya nilai

orang tu dia tak pernah fikir, orang bagi dia ambil, orang tak bagi, tak kisah. Dia berkorban, mana ada pimpinan yang sejujur itu, boleh (ada) dalam PAS. Sekarang Rakyat tengok walaupun dia bukan Islam, bukan Melayu, tapi orang PAS ini, dia tolong, tolong sungguh. Boleh percaya, bagaimana kita (PAS) nak banyakkkan, itulah kerja utama kita (PAS).

Minit 35:56

Pengkaji : Sekiranya PAS menjadikan naratif Kebangsaan Melayu di dalam kempen politik untuk PRU akan datang, bagaimana Tuan Guru melihat penerimaan orang Bukan Melayu itu, sebabnya dalam PAS ini mempunyai Dewan Himpunan Penyokong PAS, yang seratus-peratusnya mereka yang Bukan Melayu. Penerimaan Orang Bukan Melayu terhadap konsep atau naratif Kebangsaan Melayu itu bagaimana ?.

Minit 36:24

Tuan Guru : Kita (PAS) begini, kita tak boleh setiap apa yang kita buat tu dinilai atas kejayaan. Ada orang yang berkorban, jalan Allah, betul Allah Redha, tak berjaya. Tak dak kejayaan, adakah dia rugi ?. Tak. Asalkan dia bekerja di jalan Allah, dia tak rugi sedikit pun, itu pujian Tuhan sedia. Macam dalam perang Uhud, orang Islam mati (Syahid) 70 (syuhada), perang Badar, orang kafir mati 70 (orang). Nilai orang kafir (tidak jelas kerana Tuan Guru batuk..), dulu kami (Orang Kafir) 70 (orang dalam Perang Badar), sekarang kamu (umat Islam) mati 70 (syuhada), apa jawab Saidina Umar, "Orang kami (Umat Islam) yang mati ke syurga, orang kamu (kafir Musyrik) yang mati ke neraka, mana nak sama". Itulah sistem nilai. Jadi, kita tak boleh sekarang macam mana orang kafir nak terima (kebangsaan Melayu) apa semua bukan halangan tapi kita buat kerja (dakwah) kita. Sebab Syair Arab berkata, "Kamu hendaklah berusaha, bukan menentukan kejayaan". Kita buat kerja kita, kalau gagal pun,

alhamdulillah kita berjaya. Kalau berjaya lagi bertambah (kesyukuran), inilah perasaan dan konsep ini yang kita (PAS) nak guna.

Minit 38:26

Pengkaji : Dari segi gerak kerja politik PAS untuk menyatukan kembali orang Melayu ini dengan memperlihatkan penyertaan PAS dalam pelbagai peringkat contohnya Muafakat Nasional tahun 2019 dengan termeterainya Muafakat Nasional pada 14 September 2019 di PWTC kemudian PAS menyertai Kongres Melayu di Universiti Malaya anjuran Tun M juga, dan sekarang nie pun Payung Besar pun dengan anjuran Tun M, jadi PAS melihat keseluruhan perjalanan Kebangsaan Melayu, adakah PAS yakin mendapatkan sokongan yang sebenar-benarnya daripada orang Melayu itu ?.

Minit 39:21

Tuan Guru : Enta (merujuk kepada pengkaji) silapnya satu, apa nak buat kena menentukan hasil, itu tak betul. Allah tak nilai kita tentang hasil. Allah nilai apa yang kita buat. Jadi konsep kejayaan apa dia lari daripada Islam. Sebab tu Islam mengajar kita hat betul nie, Tuhan suruh jahidu fi sabilillah, pergi berjihad, jihad boleh jadi mati. Tapi melibatkan diri dengan peperangan kita bukan kekurangan yang sanggup berjuang, kita kekurangan orang yang mempunyai kesedaran ikut perintah tuhan, kita berjaya. Walaupun keputusan dia mati ka, sakit ka, nak ubah. Enta patut tanya, ke arah mana kita nak pimpin, bukan ke arah nak tarik orang Bukan Islam mai dok sokong kita (PAS). Kalau kita ajak tapi dia (Bukan Islam) tak mau, kita dapat pahala. Apa yang nak bimbang. Jadi, ana harap la kajian enta ini ambillah daripada sudut kaca mata Islam, kita nak nilai satu, bagus atau tidak. Jangan macam orang kafir tadi, orang hangpa (Islam) mati 70 (Syuhada), orang kami (Kafir) mati 70 (orang), drop (buang), penilaian bukan Islam. Kalau bukan Islam (yang) mati 70 (orang) kerana Islam dengan

70 mati kerana kafir, sebab itu saya kata orang kami ke syurga, orang hangpa (kafir) ke neraka. Itu sistem nilai yang betul. Kalau tidak terasa gagal kecewa. Kita tak ajar ahli kita (PAS) begitu. Jadi, sebab cara tu nilai orang-orang Jahiliyah, tak boleh.

Minit 41:51

Pengkaji : Soalan saya yang terakhir, apa saranan dan harapan Tuan Guru selaku Mursyidul Am PAS sendiri terhadap PAS untuk membawa kembali orang Melayu kepada Islam dalam pada yang sama PAS juga mempertahankan kepentingan orang Melayu itu sendiri dalam pilihan raya umum akan datang ini.

Minit 42:17

Tuan Guru : Betullah yang saya dok cerita daripada tahun 1951 tu, apa yang PAS buat, hat yang pertama perbetulkan tadi rukun politik. Kita buat bukan main susah, itu sampai fatwa Ustaz Hadi (merujuk kepada Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang) salah satu, fatwa tu tahun 1970-an daripada tahun 1950, baru boleh cakap bab tu (Fatwa Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang). Ambil masa, buat persediaan. Jangan kita kata buat apa, kita tengok pada keadaan, masa kita buat waktu tu. Jadi, begitu dengan pimpinan Tok Guru Haji Hadi, 20 tahun dok mengajar quran tafsir, 2 kali khatam, sikit ka masa ?, nak boleh capai ke tahap itu ?. Nie orang nak buang bangunan (merujuk kepada Bangunan PAS Perlis), orang Perlis bukannya ada duit (merujuk kepada Ahli PAS Perlis), nie dua juta lebih, (ayat tidak jelas kerana Tuan Guru batuk)..tapi kita suarakan selepas 10 tahun kita bergerak dalam masyarakat, baru jadi (terbina) bangunan ini (Bangunan PAS Perlis), bukan semudah itu, orang yang mai dok bangunan nie elok, (dia) tak tau (kesusahan membina bangunan PAS Perlis), apa perancangan yang dibuat dulu. Tanah bendang nie (Tapak kompleks PAS Perlis) orang mai dok tolong, lori mai boh tanah, tolak (jentera perata tanah), mai bangkit sekampit

simen, selori perkakas lain nak buat bangunan, cukup banyak pengorbanan (ahli PAS), habis stesen keretapi di Alor Setar, depa (KTMB) nak perongkah (merobohkan) kita (PAS Perlis) ambil (bahan binaan) bawa tiga, empat puluh orang dengan lori angkut bawa balik (ke Perlis) nak buat sekolah (Madrasah Diniah di Jejawi). Pengorbanan itu bagi saya itulah nilai. Kita nak nilai benda tu, tak ada apa, bukannya ada duit, ada apa, bayangkan kita boleh buat (membina Bangunan PAS Perlis). Sekolah kita pun boleh hidup, pernah kita pi tebang pokok kelapa tua balik mai belah buat perkakas (membina sekolah), sampai hari nie 40 tahun boleh guna (sekolah masih beroperasi) kita pi tengok bangunan cantik, memanglah kita tak boleh lawan hak kerajaan, tapi semangat pengorbanan dalaman itu yang kita nak hidupkan dan hat itu yang kita buat. Waktu bulan puasa hari tu, mereka tak mau sembahyang (Terawih) sini, sibuk ada anai-anai, saya marah. Jangan tinggal ada makna saya marah, tak berani buat juga la kan. Kita tak boleh fikir dengan cara orang kafir fikir buat hat nie boleh dapat hat nie. Buat apa pun dalam Islam, ada pahala, buatlah hat tu, kita berjaya walaupun tak ada hasil didunia, kita ada hasil di akhirat, bagaimana boleh tau, terapkan fikrah ini kepada masyarakat, kita kena pakat semua, kita letak matlamat. Macam Ikhwan dok letak Allahu ghayatuna, Ar Rasul sai'duna, Al Quran Dusturuna, Al Jihadi sabiluna, wal maut fi sabilillah asma amanina. Di Gaza, 50 ribu lebih dah mati (Syahid) yang luka, kanak-kanak dan sebagainya adakah berhenti (jihad) ?. Mereka berlawanan, semangat itu bagaimana nak tiup semangat tu ke dalam pengikut dan ahli kita (PAS) terutama orang Melayu yang beragama Islam, itu patut bergerak ke arah itu (Islam), tapi kerja tak mudah, tak boleh berhenti. Kena ada istiqamah untuk kita buat.

Minit 47:28

Pengkaji : Terima Tuan Guru kerana sudi menjadi informan saya dalam menyiapkan tesis PhD ini, semoga Allah memberikan kekuatan kepada Tuan Guru untuk terus

memimpin PAS sebagai al-Mursyidul Am demi memastikan Islam tertegak di Malaysia.

Minit 47:28

Tuan Guru : sama-sama, semoga pengajian enta berjaya insya-Allah.

[Temubual tamat]

MASA TAMAT TEMU BUAL : 1.30 TENGAHARI



LAMPIRAN C

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA YANG BERBAHAGIA DATO'

MUSTAFA BIN ALI, BEKAS PENGARAH PILIHANRAYA PAS PUSAT

Tarikh : 26 Jun 2025 / Khamis
Tempat : WhatsApp Video Call
Masa : 10.00 pagi – 11.45 pagi

Sesi temubual dimulai dengan sesi perkenalan, saling bertanya khabar dan pengkaji telah menyatakan tujuan sesi temubual ini iaitu mengumpul maklumat untuk penyelidikan tesis PhD (Sains Politik) yang sedang diikuti oleh pengkaji di Universiti Utara Malaysia. Responden (Selepas ini dikenali sebagai Dato' Mustafa).

Pengkaji : Pada pandangan Dato' sendiri mengenai PAS dan Perjuangan PAS dengan Nasionalisme ?

Dato' Mustafa : Baik, terima kasih, Assalamualaikum Waramtuhallahi Wabarakatuh (Pengkaji menjawab salam Responden), yang pertamanya, saya mahu menyebut untuk diketahui umum iaitu perjuangan PAS ialah Islam dan itulah asas yang termaktub didalam Perlembagaan PAS sejak daripada awal penubuhan dan Islam menjadi asas. Walaubagaimana pun oleh kerana perjuangan kemerdekaan ini salah satu daripada perjuangan yang dituntut oleh Islam dan selalu orang menyebut perjuangan untuk mencapai kemerdekaan ini ialah Nasionalisme. Itulah yang menjadi isu dan tidak dinafikan bahawa masalah cintakan negara, cinta bangsa dan kecintaan itu tidak salah dari sudut Islam dan sebab itu sewaktu PAS ditubuhkan pada tahun 1951, waktu itu

Malaya masih dalam waktu penjajahan dan kalau kita ikuti asal usul penubuhan PAS pun ialah akibat perjuangan kemerdekaan yang ditekan oleh British, ketika itu sudah ada Hizbul Muslimin. Hizbul Muslimin yang ditubuhkan pada tahun 1948 iaitu asas perjuangannya ialah Islam. Dalam waktu yang sama kita mesti tahu bahawa perjuangan untuk kemerdekaan itu dimulai lebih awal daripada UMNO lagi. PKMM ; Parti Kebangsaan Melayu Malaya yang dipimpin oleh Dr Burhanuddin Al Helmi dengan segala cabangnya, API, Wanita Insaf (Angkatan Wanita Insaf-AWAS), perjuangan (Gerakan Kiri) untuk kemerdekaan tetapi perjuangan itu pada dasarnya tidak menjadikan Islam sebagai asas kepada perjuangan mereka tetapi perjuangan untuk kebebasan, mencapai kemerdekaan memang perjuangan mereka. Jadi apabila semuanya (Parti gerakan kiri) diharamkan, PKM diharamkan, Hizbul Muslimin diharamkan kemudian masa itu UMNO ditubuhkan pada tahun 1946 tanpa menafikan juga bahawa UMNO pun mahu juga kepada kemerdekaan tetapi cara UMNO cara lebih akaomodatif kepada penjajahan Inggeris maknanya UMNO lebih mudah menerima cara-cara (syarat-syarat) sehingga UMNO tidak diharamkan sementara yang lain diharamkan. Jadi apabila tidak ada wadah yang mahu meneruskan perjuangan kemerdekaan yang berasaskan kepada Islam maka itulah daripada mereka daripada yang diharamkan (pemimpin parti politik yang diharamkan) Hizbul Muslimin dan daripada tokoh-tokoh ini campur daripada tokoh-tokoh UMNO sendiri yang ada *Islamic Based* termasuk ayah kepada Badawi (Tun Abdullah Ahmad Badawi) Hj Ahmad Badawi itu antara orang yang tinggalkan UMNO masa itu cabang daripada Biro Agama (UMNO) yang tidak puas hati dengan cara UMNO kerana masalah loteri masa itu, UMNO tidak boleh diharapkan untuk memperjuangkan Islam maka mereka ini bergabung dengan bekas (pemimpin) Hizbul Muslimin, bekas UMNO (pemimpin) yang mempunyai semangat Islam itu dan akhirnya menubuhkan PAS pada tahun 1951.

Itu gabungan tenaga, jadi asas perjuangan PAS itu mahu membebaskan diri (negara) daripada kemerdekaan dan jika mahu menamakan itu sebagai Nasionalisme, itu atas interpretasi orang tetapi asasnya ialah apa yang hendak diisi apabila kita (PAS) mencapai kemerdekaan ini ialah Islam dan inilah yang menjadi matlamat PAS. Mahu merdeka, tetapi mesti diisi maka apa yang mahu diisi, maka itu ialah Islam. Cumanya pada peringkat awal penubuhan PAS dan seterusnya walaupun asasnya Islam tetapi retorik dari segi mahu merdeka, bebas daripada Inggeris, untuk kepentingan orang Melayu sebagai pribumi asal Malaysia memang ada penekanan (Nasionalisme) pada waktu itu. Berterusan (perjuangan nasionalisme) jadi segi cakap-cakap barangkali penjelasan-penjelasan memang perjuangan untuk kebebasan itu memang ditekankan daripada British untuk mencapai kemerdekaan tetapi asasnya Islam. Jadi bagaimana kita masa itu keadaanya boleh dikatakan soal untuk membebaskan Malaysia (Tanah Melayu) kemudian mahu mengisi (kemerdekaan) dengan isi yang selari dengan perjuangan Islam dan Melayu. Islam dan Melayu itu selari pada masa itu, penekanan awal mungkin pada peringkat awalnya Melayu itu lebih sedikit daripada Islam tapi kemudian itu berubah tetapi asasnya ialah Islam. Itulah peringkat awalnya (perjuangan PAS).

Pengkaji : Pada pandangan Dato', apakah Nasionalisme dalam PAS pada era kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda berkembang dengan baik ?.

Dato Mustafa : Saya tidak tahu bagaimana orang menafsirkan Nasionalisme dengan Melayu ini seperti yang saya 359anatic359 tadi, perjuangan untuk kemerdekaan, PAS adalah berasaskan Islam tetapi mestilah mempunyai komponen-komponen yang perlu diberikan 359anat. Jadi, oleh kerana selepas kemerdekaan maka perjuangan untuk

mengisi kemerdekaan itu tertumpu kepada ekonomi, pendidikan dan berbagai lagi dan secara realitinya pada waktu itu kedudukan orang Melayu terkebelakang dari pelbagai sudut pendidikan, ekonomi dan sebagainya. Jadi perjuangan untuk menaikkan (taraf) kedudukan orang Melayu ini dari pelbagai sudut ini memang perlu ditekan untuk meningkatkan keupayaan orang Melayu itu sendiri dan sebab itu soal yang berkait dengan memperjuangkan Melayu itu memang ada penekanan pada waktu itu hatta pada zaman Asri (Dato' Mohd Asri) pun penekanan pada itu (kedudukan orang Melayu) tetapi penekanan pada Islam dikatakan selari, mahukan Islam tetapi Melayu juga mahu, dua-dua sekali mesti selari dan sebab itu zaman Asri (Dato' Mohd Asri) dia punya dakwah dari sudut kepada masyarakat sudah menambil dimensi yang lebih luas hatta mengambil ruang itu seperti malah memperkenalkan Islam bukan sahaja soal akidah termasuk dalam soal hiburan, Islam mengizinkan soal hiburan sebab Asri membawa satu orchestra sebenarnya diperkenalkan di Malaysia, orchestra yang mendendangkan lagu Selimut Putih dari Medan, Indonesia, itu pertama kali diperkenalkan di Malaysia bahawa memperjuangkan Islam, tidak menafikan soal-soal hiburan tetapi hiburan yang tidak melalaikan, ini diperkenalkan untuk pertama kalinya disamping hiburan konvensional yang selalu didengari, kemudian soal dakwah dikalangan masyarakat diperkukuhkan supaya masyarakat lebih faham Islam, masa itu (kita (PAS) bercakap soal Islam tetapi soal Islam sebagai satu kewajipan berpolitik masih tidak difahami secara meluas oleh masyarakat. Oleh sebab itu, oleh kerana Asri (Dato' Mohd Asri) merupakan Menteri pada masa itu yang menjaga (berportfolio) termasuk FELDA, dia mula-mula sekali membawa masuk soal dakwah dikalangan peneroka FELDA, bawa guru agama, masa itu kesedaran beragama tidak begitu kuat, jadi ini (dakwah) dimasukkan (ke FELDA) supaya kefahaman tentang Islam itu selain daripada pengetahuan rasmi Islam di sekolah tetapi cara ini (dakwah) *direct* kedalam

masyarakat dilakukan. Jadi boleh dikatakan perjuangan mahu memberikan kefahaman Islam itu dan menekankan dari Melayu perlu diberikan pembelaan, itu selari (pada zaman Dato' Mohd Asri).

Pengkaji : Jadi bagaimana pula pandangan kepimpinan Ulama dalam PAS pada zaman Dato' Mohd Asri Muda kerana semua pihak mengetahui beliau seorang tokoh Nasionalis Melayu, jadi apakah pandangan Dewan Kepimpinan Ulama pada waktu itu?

Dato' Mustafa : Itu tidak menjadi masalah sebenarnya ulama pun boleh ikut sebab kita (PAS) tidak meninggalkan dakwah Islam kemudian dalam setiap kali muktamar mencadangkan apa yang perlu Kerajaan buat untuk memperluaskan pelaksanaan Islam bahkan waktu itu adalah Islah yang digunakan ialah penerapan nilai-nilai Islam digunakan pada masa itu bagaimana peranan PAS memperkukuhkan nilai-nilai Islam dalam masyarakat dan negara, pada masa itu, ruang untuk kita (PAS) memperkenalkan Islam kepada masyarakat perlu diperluaskan dalam Kerajaan dan mesti dilaksanakan sebagai satu polisi untuk Kerajaan mendekatkan kepada pelaksanaan Islam ini, sewaktu PAS pada tahun 1974 sehingga tahun 1977 dalam Kerajaan Campuran dan menjadi tanggungjawab PAS memainkan peranan. Jadi oleh kerana saya dan exco pemuda (PAS) menemui Menteri untuk melaksanakan Amal Makruf Nahi Mungkar semampu yang kita (PAS) boleh. Hal ini juga selari dengan kepimpinan Asri yang memainkan peranan supaya nilai-nilai Islam dipraktiskan. Contohnya saya bertemu Menteri Penerangan, waktu itu Taib Mahmud (kini menjawat jawatan Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak), pada masa itu iklan judi ada didalam siaran televisyen termasuk iklan TOTO, dan kita meminta secara baik supaya dibuang, jadi Menteri

bersetuju dan dibuang dan tidak lagi dipertontonkan. Dalam waktu yang sama, Asri sebagai pemimpin PAS dan waktu itu Tun Razak sebagai Perdana Menteri, nilai-nilai hidup Islam perlu kita amalkan yang dipertanggungjawab ialah kerajaan yang perlu menjadi role model kepada masyarakat. Oleh sebab itu, kebiasaan yang menjadi amalan (dalam Kerajaan) masa itu, seperti jamuan negara (State Banquet) dihidangkan arak. Saya memberitahu kepada Tun Razak, jamuan negara ini tidak perlulah dihidangkan arak, jika Kerajaan mahu meneruskan tradisi (menghidangkan arak dalam Jamuan negara), PAS tidak akan hadir (memandangkan PAS merupakan komponen dalam Kerajaan Campuran Perikatan), sebab prinsip kita (PAS) ajaran Islam yang mampu kamu buat, kamu perlu buat (Responden membacakan Hadith Mencegah Kemungkaran) pada akhirnya Tun Razak bersetuju (untuk tidak menghidangkan arak dalam Jamuan Negara). Alhamdulillah tidak ada Menteri yang beragama Islam yang minta arak (minum arak) pada waktu itu dan selepas itu, hidangan arak dihapuskan terus dalam jamuan negara. Begitulah cara kita (PAS) berdakwa didalam kerajaan.

Pengkaji : Bagaimana pula dengan penerapan Nasionalisme Dato' Mohd Asri Muda dalam setiap program-program PAS dikalangan akar umbi ?.

Dato' Mustafa : Tidak, tidak, ia (Nasionalisme) tenggalam dengan sendirinya maknanya (Nasionalisme) tidak ditekankan (didalam PAS) oleh sebab Nasionalisme itu mungkin (digunakan) sewaktu kita mahu mencapai kemerdekaan itu ditekankan (pada waktu itu) untuk membebaskan diri daripada Inggeris dan itu dilihat sebagai Nasionalisme sedangkan itu semuanya tuntutan Islam. Soal pembebasan negara daripada penjajah ini adalah daripada Islam tetapi orang menamakan itu (perjuangan kemerdekaan) sebagai Nasionalisme sebab asasnya tidak ada. Jadi Asri (Dato' Mohd

Asri Muda) buat itu (penerapan nasionalisme) dan tidak mencanangkan Nasionalisme itu sebab pengisiannya Islam maka penumpuannya adalah kepada pengisian Islam itu sendiri. Walaupun jiwa (Dato' Mohd Asri Muda) 363anati kepada negara, saya rasa orang keliru dengan Asabiyyah dengan Nasionalisme. Asabiyyah jika diajukan kepada para ulama pun mempunyai hadith mengenai itu (Asabiyyah) (Responden menyatakan hadith mengenai Asabiyyah), maknanya (maksud hadith yang dinyatakan oleh Responden) ; Kamu menolong kaum kamu untuk melakukan kezaliman jika menolong bangsa kamu untuk benda (perkara) kebaikan itu bukan Asabiyyah. Untuk kita mencapai kemerdekaan misalnya untuk menaikkan bangsa (Melayu), itu bukan Asabiyyah mahu menamakan Nasionalisme, tetapi itu bukan Asabiyyah, pada Ulama PAS (Dewan Ulama PAS) tidak menyamakan saya rasakan diantara Asabiyyah dengan Nasionalisme ini tidak ada walaupun persamaan itu ada tetapi mempunyai penjelasan Cuma orang ambil mudah perasaan-perasaan semulajadi manusia 363anati kepada kaumnya, bangsanya itu diizinkan (oleh Islam) tetapi membantu kaum sendiri kepada kezaliman, itu Asabiyyah itu tidak boleh.

Pengkaji : Adakah disebabkan oleh gaya kepimpinan atau perbezaan latar belakang pendidikan yang menyebabkan Nasionalisme dalam PAS ini dipandang sinis ?.

Dato' Mustafa : Saya rasa sebab keperluan untuk perkataan Nasionalisme sudah tidak perlu lagi dilihat sebagai dominan sebab disebut perjuangan kita (PAS) ialah Islam, untuk menyelamatkan orang Melayu mesti balik kepada Islam. Itu yang perlu ditekan, tapi hal ini tidak begitu 363anati kerana proses perkembangan manusia (untuk mengisi kemerdekaan) jadi Asri (Dato' Mohd Asri Muda) tidak pernah sebut ini (Nasionalisme) dan sebagainya, tidak perlu sebut itu, yang dia sebut ialah Islam oleh kerana orang Melayu tertindas terlalu lama dan terkebelakang dan perlu dinaikkan seperti mana yang kita (PAS) sebutkan sekarang, 363anatic363 orang Melayu masih

ketinggalan mesti dibantu bukan itu dinamakan Nasionalisme, Islam yang mengkehendaki supaya dibantu. Orang yang tertindas mesti dibantu.

Pengkaji : Berlakunya “Gap” diantara Dato’ Mohd Asri dengan Ustaz Yusof Rawa, Nasionalisme mula dipandang negative apabila berlakunya perubahan kepimpinan diantara Dato’ Mohd Asri dengan Ustaz Yusof Rawa jadi salah satu faktornya ialah berlakunya Revolusi Iran yang turut mempengaruhi perjuangan PAS, jadi pada pandangan Dato’, apakah mempunyai factor lain yang turut mempengaruhi perbezaan pandangan mengenai Nasionalisme ini ?

Dato’ Mustafa : Korelasinya tidak begitu, soal perjuangan Islam yang syumul yang mengandungi politik, saya rasa yang articulate perkara ini (yang menjelaskan) dengan lebih jelas ialah Ustaz Hadi (Tuan Guru Hj Abdul Hadi Awang) sewaktu beliau balik dari Mesir, beliau secara sepenuh masa (dalam PAS) kerana beliau seorang yang benar-benar menerima tarbiah daripada Ikhwan (Jamaah Ikhwan Al Muslimin) yang lain tidak ada. Masa itulah, perkataan politik sebahagian daripada Islam, tidak boleh pisahkan politik Islam, tidak boleh sebut politik suku, agama (Islam) suku ialah Ustaz Hadi, dan penjelasan mengenai Islam yang syumul dan yang merangkumi semua maksud, Ustaz Hadi yang lebih memainkan peranan 364anatic, orang lain sebut juga mengenai Islam, tetapi dia (Tuan Guru Hj Abdul Hadi Awang) menyebut itu secara jelas dengan bersandarkan kepada Al Quran, Hadith dan sebagainya. Jadi orientasi dia yang berlatarbelakangkan tarbiyyah Ikhwan itu (Jamaah Ikhwan Al Muslimin) walaupun tidak menyebut Ikhwan tetapi pembawaannya jelas terslah dalam ucapannya dan pada masa itu dia paling top orang yang menjelaskan mengenai Islam.

Pengkaji : Kiranya waktu itu Tuan Guru Hj Abdul Hadi masih lagi dibawah kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda ?

Dato' Mustafa : Ya masih Asri lagi, zaman Asri, dia (Tuan Guru Hj Abdul Hadi Awang) sempat menjadi salah seorang daripada Naib Presiden bersama Ustaz Fadzil Noor.

Pengkaji : Apakah berlakunya pertembungan pemikiran (Nasionalisme) memandangkan Dato' Mohd Asri seorang tokoh Nasionalisme yang amat kuat dengan Tuan Guru Hj Abdul Hadi, apakah berlaku pertembungan pemikiran ?

Dato' Mustafa : Saya rasa pertembungan pemikiran tidak ada, pertembungan stail (kepimpinan) itu ada. Ini yang menimbulkan masalah sebenarnya, bukan pertembungan pemikiran sebenarnya. Asri pun mahukan kepada Islam walaupun dia menekankan soal Nasionalisme atau apa saja Cuma pada peringkat akhir (kepimpinannya) itu mahu mengikut caranya (kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda). Stail kepimpinan bukan pemikiran sebenarnya (pertembungan) yang menjadi krisis semasa Asri itu bukan (pertembungan) pemikiran tetapi stail kepimpinan.

Pengkaji : Apakah terdapat faktor penolakkan Nasionalisme didalam PAS ?

Dato' Mustafa : Ada, begini, ia berlaku dalam PAS ini ada prinsip Syura ini penting. Syura ertinya Musyawarah, kita mahukan sesuatu dan membuat keputusan seterusnya mesti bermesyuarat mesti diambil kira pandangan 365anatic365 didalam itu (Majlis Syura PAS Pusat), jadi berlaku satu ketika yang menjadi masalahnya saya rasa selepas

daripada Muktamar (PAS) tahun 1981 atau 1982 begitulah. Dalam PAS ini ada perlantikan-perlantikan yang dibuat, yang menang itu menanglah, Setiausaha Agung, Bendahari, ini orang-orang yang dilantik selepas itu. Asri ini oleh kerana dia mahukan seseorang untuk memegang jawatan sebagai Bendahari namanya Hasan Mohamad. Hasan Mohamad ini asalnya UMNO dan tidak lama sangat (menyertai) didalam PAS. Jadi dikalangan pimpinan ramai (ahli-ahli PAS) ini tidak bersetuju terlalu awal ditonjolkan sebab kita tidak tahu sejauh mana kesetiaannya, wala'nya dan macam-macam lagi. Jadi kita kata tidak sesuai menyebut keburukkan orang itu, cari orang lainlah. Saya rasa itu antara permulaan krisis, Asri menekankan kehendaknya dan membelakangkan pandangan ramai waktu itu. Ini bukan pertembungan pemikiran, pertembungan kepimpinan, istilah sekarang ini ialah Autokratik. Kemudian apabila kita tidak bersetuju, dia (Dato' Mohd Asri Muda) melantik juga (Hasan Mohamad). Saya rasa point ini yang sangat penting. Pada tahun 1982 berlaku pilihanraya umum, kita (PAS) sudah kalah di Kelantan pada tahun 1978 (Pilihanraya Umum) masa itu Tuan Guru Nik Aziz merupakan Ketua Dewan Ulama dan Pesuruhjaya PAS Kelantan kemudian selepas pilihanraya, saya diberitahu oleh Setiausaha saya pada waktu itu Hamim Abu Bakar namanya memberitahu saya, "Cikgu Pa (Dato' Mustafa Ali), kena jumpa Tok Guru (Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz)". "Kenapa?". "Tuan Guru Nik Aziz mahu letak jawatan". "Letak jawatan apa?". "Semua mahu letak". Ketua Dewan Ulama, Pesuruhjaya mahu dilepaskan, saya berkata betul atau tidak, betul kata Setiausaha saya. Kalau betul, tidak bolehlah sebab dia (Tuan Guru Nik Abdul Aziz) orang penting, Ketua Dewan Ulama. Jadi saya menghubungi kepada Ustaz Yahaya Uthman (Anggota Dewan Ulama dan Anggota dalam Jawatankuasa PAS Pusat) masa itu dan saya bercakap dengan Ustaz Hadi (Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang) tentang apa yang dimaklumkan kepada saya (mengenai perletakkan jawatan oleh Tuan Guru

Nik Abdul Aziz) dan saya meminta Ustaz Yahaya mengatur majlis dirumahnya (dirumah Ustaz Yahaya) supaya kami dapat berjumpa. Dia mengatur majlis. Dia (Ustaz Yahya Uthman), Tuan Guru Nik Aziz, Tuan Guru Haji Hadi dan saya. Berempat. Saya bertanya kepada Tok Guru, “Betulkah Tok Guru nak letak jawatan dan apa yang saya dengar daripada Hamim. Tok Guru nak letak jawatan?”. (Tok Guru Menjawab) “Betul, tidak ada pegang jawatan kalau orang tidak menghormati jawatan kita”. (Tok Guru berkata lagi) “Saya sebagai Pesuruhjaya (PAS Kelantan), orang tak pakai pandangan saya”. Maknanya cadangan yang dibuat oleh peringkat negeri (Badan Perhubungan PAS negeri) tentang calon-calon Pilihanraya Umum tahun 1982 itu banyak diubah suai oleh Asri sehingga terasa pada Tok Guru macam orang tidak menghormati keputusan yang dibuat oleh negeri (Badan Perhubungan PAS negeri Kelantan) jadi kalau kita sudah tidak dihormati dengan jawatan yang dipegang, jadi tak 367anati peganglah (melepaskan jawatan). Benda (perkara) ini tidak sewajarnya berlaku yang perlu diubah ialah Asri. Jadi Tok Guru tidak jadi letak (melepaskan jawatan sebagai Ketua Dewan Ulama dan Pesuruhjaya PAS Kelantan). Jadi perkara penting yang saya ingin beritahu selama ini Asri banyak bergantung kepada Tok Gur Nik Aziz sebagai Ketua Ulama, apa-apa masalah dia (Dato’ Mohd Asri Muda) merujuk kepada Tok Guru Nik Aziz dan dihormati pandangan-pandangannya maka orang tidak mengambil mudah (tidak memandang ringan), tetapi apabila dia sendiri (Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz) sudah tidak mempertahankan Asri maknanya itu adalah permulaan kepada kejatuhan Asri boleh dikatakan begitulah. Asri tidak mendapat sokongan yang padu sedangkan krisis yang berlaku pada tahun 1977, Ulama (Dewan Ulama PAS Pusat) masih bersama dengan Asri dan Tok Guru (Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz) masih bersama dengan Asri (dalam krisis Darurat Kelantan pada tahun 1977) pada tahun 1982, dia (Tuna Guru Haji Nik Abdul Aziz) tidak lagi bersama

dengan Asri. Sebab itu saya 368anatic368 ini faktor penting kerana Tok Guru tidak berpuas hati dengan Asri bahkan orang lain (pimpinan PAS yang lain) turut tidak berpuas hati dengan Asri. Bukan faktor Iran (Revolusi Islam Iran), faktor Iran itu mungkin secara kebetulan sahaja pada waktu itu dan saya pun pergi ke Iran masa itu mungkin semangat yang ada itu (Revolusi Islam Iran) kita melihat negara yang dipimpin oleh Ulama ini boleh menentang Amerika pada waktu itu barangkali disitulah semangat itu berada.

Pengkaji : Bagaimana penerimaan akar umbi terhadap pemikiran Nasionalisme Dato' Mohd Asri Muda pada waktu itu ?

Dato' Mustafa : Tidak timbul sangat masalah Nasionalisme pada masa itu dan orang tidak melihat dia (Dato' Mohd Asri Muda) sebagai seorang Nasionalis dalam pengertian meninggalkan Islam, tidak ada seperti saya 368anatic368 tadi, dakwah Islam pun dia (Dato' Mohd Asri Muda) bawa, ini (Nasionalisme) bawa, Cuma style (kepimpinan) yang menyebabkan dia punya itu (penyingkiran Dato' Mohd Asri Muda daripada jawatan Yang Di Pertua PAS).

Pengkaji : Apakah pandangan Dato' mengenai ucapan dasar Tuan Guru Haji Yusof Rawa pada tahun 1983 di Muktamar PAS yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka yang bertajuk Menyanggah Pemikiran Assabiyah ?

Dato' Mustafa : Tidak, tidak, Menyanggah (ucapan dasar Tuan Guru Haji Yusof Rawa) sudah kemudian. Saya mahu menyebut begini, bila timbul style (Kepimpinan) Asri yang tidak selari dengan asas-asas Syura Islam. Timbul (masalah) disitu.

Kebetulan Asri ini bukan Ulama dari segi pengertian itu walaupun dia mempunyai pendidikan agama tetapi tidak dilihat sebagai ulama dalam pengertian yang sebenarnya. Oleh kerana itu, apabila timbul keadaan ini (Krisis kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda) maka dia perlu diganti, perlu ditukar dengan seorang (pemimpin) yang lebih memahami tentang politik, prinsip Syura Islam. Asalnya pertembungan style (Kepimpinan), apabila timbulnya kekaguman dunia yang melihat bahawa satu-satunya negara umat Islam yang sanggup berhadapan dengan Amerika hanya Iran, yang lain (negara-negara Arab) tunduk ke Barat atau tunduk kepada Komunis. Pada masa itu negara Libya lebih condong kepada Sosialis, Mesir 369anatic Barat (berpihak) dan yang bangun pada masa itu menentang Amerika hatta menentang Hussein (Saddam Hussein) ialah Iran, jadi penghormatan kepada kepimpinan Iran itu agak tinggi dalam pengertian menentang kezaliman Amerika dan sebagainya. Itu (Revolusi Islam Iran) sedikit sebanyak mempengaruhi sedikit sebanyak (pemimpin PAS), saya tidak menafikan. Iran dipimpin oleh Ulama, sekarang ini kita perlu memperkukuhkan (perjuangan Islam). *[Responden pada ketika ini meminta Pengkaji menyemak kembali ucapan dasar Tuan Guru Haji Yusof Rawa, Pengkaji menyatakan senarai tajuk ucapan dasar Tuan Guru Haji Yusof Rawa dari tahun 1982 sehingga 1984 dan tahun diadakan pemilihan jawatankuasa PAS semasa 369anati Muktamar PAS]* . Pada masa itu, perasaan tidak puas hati terhadap Asri dan sebagainya, Asri 369anati barangkali orang ramai (Ahli PAS) tidak berpuas hati kepadanya, Tuan Guru Nik Aziz pun tidak bersama dengan dia.

Pengkaji : Yang menarik perhatian saya semasa ucapan dasar Tuan Guru Haji Yusof Rawa pada tahun 1983 yang bertajuk “Ke Arah Pembebasan Ummah”, kesimpulan yang saya boleh nyatakan, Tuan Guru menyamakan konsep Nasionalisme dengan

amalan Jahiliyyah, dalam ertikata lain, Tuan Guru Haji Yusof Rawa ini seolah-olah menolak pemikiran Nasionalisme Dato' Mohd Asri Muda, apakah pandangan Dato' mengenai perkara ini ?.

Dato' Mustafa : Saya tidak rasa begitu, Cuma style dia (Dato' Mohd Asri Muda) kadang-kadang ucapan (ucapan dasar) itu dibuat oleh Ustaz Nakhaie Ahmad yang banyak mendapat input-input kemudian dia yang menulisnya (menulis ucapan dasar Yang Di Pertua PAS). Ini (ucapan dasar) mahu ditujukan kepada keperluan perana ulama diperkukuhkan pada masa itu. Bukanlah (ucapan dasar tersebut) secara totok ditujukan kepada batang tubuh Asri, saya rasa tidak begitu. Saya tidak perasanlah sebelum pada itu (ucapan dasar tersebut) kita (PAS) memperjuangkan Assabiyyah, itu tidak betul. Sepanjang masa (PAS) kita Islam (memperjuangkan Islam).

Pengkaji : Kiranya ucapan dasar “Ke Arah Pembebasan Ummah” ini dalam penelitian saya ditujukan kepada siapa ?

Dato' Mustafa : Kita (PAS) lebih menunjukan (ucapan dasar) kepada UMNO pada masa itu, bukan kepada Asri. Mengenai Assabiyyah ini kita (PAS) berlawan dengan UMNO kerana UMNO yang tidak menekankan perjuangan Islam jadi kita (PAS) perlu menolak cara pemikiran begitu dan seperti yang saya 370anatic370 tadi Ustaz Hadi (Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang) masa itu memang sudah menyanggah politik bukan daripada Islam (seperti yang dinyatakan oleh UMNO), ini pemikiran Assabiyah. Ini pemikiran yang tidak betul.

Pengkaji : Jika saya 371anatic371, ucapan dasar Tuan Guru Hj Yusof Rawa yang bertajuk “Ke Arah Pembebasan Ummah” ini ibarat serampang dua mata, satu ditujukan kepada UMNO dan satu lagi ditujukan secara sinis terhadap kepimpinan dan agenda Nasionalisme Dato’ Mohd Asri Muda, apakah pandangan Dato’ kerana dalam satu artikel oleh Haji Mohd Hashim (2012) yang bertajuk “Sampaikan walaupun satu ayat”, beliau mengkaji tentang ucapan dasar inilah, kedua-duanya secara sinisnya menggambarkan memang berlaku pergolakkan dan pertembungan pemikiran antara Ulama dan kepimpinan Dato’ Mohd Asri Muda ?.

Dato’ Mustafa : Saya tidak 371anati ia adalah pertembungan begitu lebih kepada saya ialah kepada style, cara. Pemikiran Asri lebih kepada UMNO ucapan-ucapan dasar PAS ini biasanya tidak menyentuh soal dalaman (masalah parti), tajuk-tajuk ucapan dasar itu lebih ditujukan kepada UMNO. Orang ini (Dato’ Mohd Asri Muda) adalah style (dimaksudkan ialah gaya kepimpinan) tidak bererti Asri meninggal perjuangan Islam, tidak ada, saya tidak setuju.

Pengkaji : Semasa Dato’ berada dibawah kepimpinan Tuan Guru Haji Yusof Rawa, apakah yang Dato’ lihat tentang perkembangan Nasionalisme semasa berada dibawah kepimpinan Tuan Guru Haji Yusof Rawa didalam PAS, apakah Nasionalisme ini diberikan pemahaman yang jelas atau telah disempitkan pemahaman tersebut ?

Dato’ Mustafa : Tidak, tidak, kita (PAS) tidak menumpu kepada Nasionalisme, kita (PAS) menumpu kepada soal Islam yang Syumul sebenarnya, dengan sendirinya tidak ada tempatlah apabila kita (PAS) bercakap tentang Nasionalisme jika membawa maksud meninggalkan Islam, itu memang tidak kenalah. Mungkin saya rasa pandangan Laymen atau pandangan orang biasa dengan pandangan atas ini

(keimpinan PAS Pusat) tidak samalah kefahamannya, kefahamannya apabila disebutkan Nasionalisme ini sesuatu yang ditolak oleh Islam mungkin pada umumnya begitu. Nasioanalisme maknanya 372anati kepada bangsa yang tidak terbatas ini (372anatic) mungkin lebih disamakan dengan Assabiyyah itulah, ini (soal Nasionalisme) lebih ditujukan kepada UMNO sebenarnya. Tanpa menafikan bahawa (Isu) tidak puas hati kepada Asri ini disebabkan oleh style dan membelakangi prinsip-prinsip Syura Islam. Boleh jadi begitu.

Pengkaji : Selepas PAS mengalami perubahan kepimpinan, bermakna PAS juga mengalami perubahan pemikiran Nasionalisme pada waktu itu, pada pandangan Dato ‘ mengenai perkara ini ?.

Dato’ Mustafa : Pada ketika itulah timbulnya kepimpinan ulama, apabila saya menyebutkan tadi dalam proses-proses [*Responden mengulangi kenyataannya seperti soalan bernombor 6 dan 11*]. Kita (PAS) disini sudah diberikan soal (penjelasanm) Islam yang Syumul yang tidak boleh dipisahkan dengan politik, perlu kepada kita melihat peranan ulama dalam menerajui kepimpinan ulama, usul ini timbul dalam Dewan Pemuda PAS Pusat. Saya sebagai Ketua Pemuda, Subky (Subky Latif) berbincang, kita mengemukakan Usul Kepimpinan Ulama memang secara sini, kita (Dewan Pemuda PAS Pusat) tidak berpuas hati dengan Asri disitu boleh dikatakan. Kita tidak berpuas hati dengan cara Asri yang tidak menggambarkan kaedah dan cara yang sebenar mengikut kaedah-kaedah Syura Islam.

Pengkaji : Pada kepimpinan Tuan Guru Haji Yusof Rawa, bagaimana perjuangan Nasionalisme didalam PAS terhadap Bangsa Melayu ?

Dato' Mustafa : Diteruskan juga, penekanan kepada soal Melayu perju diberikan perhatian. Itu (Agenda) masih diteruskan maknanya tidak meninggalkan perjuangan untuk menaikkan (taraf) orang Melayu dari sudut ekonomi, itu tidak ditinggalkan (oleh PAS), itu masih diteruskan. Ini merupakan perjuangan yang selari dengan perjuangan Islam.


Pengkaji : Tidak berlaku kontradiksi dengan ucapan Tuan Guru Haji Yusof Rawa yang bertajuk “Menggempur Pemikiran Assabiyyah” itu seolah menafikan soal pembelaan terhadap Bangsa Melayu ?

Dato' Mustafa : Tidak, tidak, itu pemikiran Assabiyyah yang meletakkan politik suku, agama suku (perjuangan yang memisahkan pembelaan terhadap Bangsa Melayu). *[Responden ketika ini menjelaskan konsep sebenar ucapan dasar Menggempur Pemikiran Assabiyyah itu adalah untuk menentang mereka yang memisahkan perjuangan Islam dengan politik dan perjuangan Islam dalam membela kedudukan orang-orang Melayu, tidak boleh memisahkan politik dengan Islam, politik dengan ekonomi, pemikiran yang memisahkan semua ini menurut Responden terhadap dalam UMNO].*

Pengkaji : Apakah para ulama dalam PAS pasca kepimpinan Dato' Mohd Asri Muda menerima Nasionalisme selepas itu ?

Dato' Mustafa : Saya suka untuk memisahkan antara perjuangan kepentingan Melayu bukanbereti Nasionalisme, memperjuangkan orang Melayu (hak dan kepentingan) ini

satu tuntutan yang selari dengan perjuangan Islam, memperjuangkan hak yang sebenarnya (hak kepentingan Melayu) bukan Nasionalisme, itu perlu selari dengan Islam. Nasionalisme pada ketika itu boleh digunakan semasa perjuangan untuk membebaskan negara daripada penjajahan dan semangat itu (Nasionalisme) tidak salah dari sudut Islam dan tidak ada pertentangan yang ketara antara Nasionalisme Melayu dengan (Nasionalisme) Islam itu tidak ada yang ketara Cuma yang ketara yang kita mahu sebutkan bahawa kita (PAS) mahukan pemerintah UMNO ini yang mahukan Melayu (nasionalisme) tetapi jangan tinggalkan Islam. Membela orang Melayu dalam PAS dijalankan sepertimana biasa, keperluan orang Melayu untuk mempertingkatkan (taraf kehidupan), bercakap soal Melayu yang bercanggah dengan Islam, itu tidak betul. Penekanan terhadap Islam selepas Asri lebih ketara dan bergantung kepada kesedaran ummah juga pada waktu itu, kesedaran ahli PAS itu sendiri sebab semasa itu bukan semua orang faham tentang Islam dan pengertian Islam yang sebenarnya.



Pengkaji : Apakah PAS menerima konsep Nasionalisme semasa PAS berada didalam Kerajaan Perikatan sedangkan PAS tahu Kerajaan Perikatan khasnya UMNO ini amat mendokong agenda Nasionalisme ?

Dato' Mustafa : Nasionalisme bukan diperjelaskan (didalam Kerajaan Perikatan) bukan begitu, UMNO memperjuangkan Nasionalisme, maknanya tidak begitu. Cuma asas-asas Islam itu tidak kukuh (didalam Kerajaan Perikatan) kerana masih beranggapan soal agama, politik adalah berlainan dan ada pemikiran (pemisahan agama dengan politik) didalam UMNO. Oleh sebab itu, kita (PAS) perlu bgh'mengubah pemikiran (pemisahan agama dengan politik), politik adalah

sebahagian daripada Islam, itulah pemikiran yang ada didalam UMNO yang perlu kita (PAS) ubah, waktu Asri pun bukan dia mengatakan memisahkan (Agama dan Politik) tidak ada, Cuma penekanan kepada tarbiyyah Islam itu tidak kuat dalamannya selepas itu baru asas tarbiyyah Islam itu menjadi lebih ketara selepas Asri. Pemikiran Nasionalisme ini tidak pernah dibawa masuk kedalam PAS sebenarnya dan pada zaman Asri pun tidak ada disebut pemahaman mengenai Nasionalisme, tidak ada.

Pengkaji : Apakah PAS mempunyai usaha-usaha tertentu untuk memahamkan ahli akar umbi mengenai Nasionalisme pada masa hadapan ?

Dato' Mustafa : Saya rasa tidak ada, benda ini (Nasionalisme) sebenarnya sudah ketinggalan pada waktu ini, soal Nasionalisme dan soal lain sebab apa-apa (tindakan) kita (PAS) bercakap, kita (PAS) merujuk kepada Islam dan tidak boleh lari daripada itu. Tidak mungkin soal Nasionalisme akan diberikan kefahaman kepada orang (Ahli-ahli) PAS sebab tidak perlu pada waktu ini sebab kita (PAS) mahukan penambahbaikan itu kepada Islam.

[Temubual Tamat]